DRAF PTKL2040

DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN BANDAR

JILID 2



DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040

JILID 2

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN BANDAR

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Jabatan Perancangan Bandaraya
Tingkat 9, Menara DBKL 1,
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia
No. Tel: +603-2617 9683/9692
No. Faks:+603-2691 0144
E-mel: jprb@dbkl.gov.my
Laman Web : www.dbkl.gov.my

PTKL2040

Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan mengambil kira semua keperluan dan pandangan daripada pelbagai kumpulan yang terdiri daripada kumpulan profesional, agensi kerajaan, industri, kumpulan berkepentingan dan komuniti setempat.

Draf PTKL2040 menterjemah wawasan jangka panjang ke arah **Bandar untuk Semua** dengan memperkukuhkan perancangan Kuala Lumpur selaras dengan agenda kemampanan. Kandungan dokumen Draf PTKL2040 ini mengandungi dua (2) Jilid iaitu Jilid 1 dan Jilid 2. Dokumen yang menjadi asas dan justifikasi kepada cadangan zon guna tanah dan intensiti terkandung dalam Jilid 1, Draf PTKL2040. Pelan ini menetapkan strategi perancangan dan mengenal pasti cadangan pelaksanaan pembangunan Kuala Lumpur menjelang tahun 2040. Draf PTKL2040 ini akan diguna pakai oleh DBKL untuk menilai sebarang permohonan pembangunan serta menjalankan tugas berkaitan dengan fasa pembangunan Kuala Lumpur.

Dokumen ini menyediakan rangka kerja pentadbiran dan panduan kepada DBKL dalam melaksanakan tugasnya sebagai pihak berkuasa tempatan dengan turut mengambil kira pencapaian PBRKL 2020.

Oleh itu, DBKL turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri, Tempatan serta Komuniti dalam memberi sumbangan dan kerjasama dalam menjayakan penyediaan Draf PTKL2040.

Hak Cipta dan Hak Milik Intelek :

Selaras dengan komitmen Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam menggalakkan ketersediaan maklumat, anda dialu-alukan untuk menerbit atau mencetak semula Draf PTKL2040 sama ada secara keseluruhan atau sebahagian terbitan bagi kegunaan persendirian, pendidikan atau kegunaan tanpa untung tanpa kebenaran daripada pemegang hak cipta, dengan syarat pengiktirafan daripada sumber diberi. Semua hak cipta adalah terpelihara. Sekiranya anda berhasrat untuk menerbit semula, mengubah atau memaparkan bahan-bahan dalam Draf PTKL2040 bagi tujuan lain, permohonan rasmi hendaklah dihantar ke Jabatan Perancangan Bandaraya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau pemegang hak cipta dan diminta untuk memasukkan notis hak cipta di dalam mana-mana salinan yang dibuat. Anda juga diminta untuk memperakuan pencipta atau pemilik bahan seperti yang dinyatakan dalam Draf PTKL2040.



Prakata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Alhamdulillah, saya panjatkan segala pujian ke hadrat Allah SWT. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana telah berjaya menyediakan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) dengan sempurna.

Penyediaan pelan ini adalah sebagaimana yang telah diperuntukan di bawah Seksyen 13, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Pelan ini juga merupakan sebuah dokumen utama bagi sesuatu perancangan pembangunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur merupakan ibu negara yang memainkan peranan penting dalam mentransformasikan Malaysia sebagai negara yang membangun menjelang 2040. DBKL telah mengambil langkah proaktif dengan menggariskan tahap pencapaian transformasi dalam Draf PTKL2040. Menerusi Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) yang diwartakan sebelum ini, sasaran Kuala Lumpur adalah untuk menjadi bandar raya kompetitif dan sekaligus melonjakkan kedudukannya sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia yang memberi fokus kepada sektor kewangan dan perdagangan.

Draf PTKL2040 akan menjadi satu dokumen penting yang akan bertindak sebagai asas dalam mengawal selia pembangunan pembandaran di Kuala Lumpur. Justeru, kerajaan sentiasa komited dalam menguruskan dan melaksanakan pembangunan perbandaran secara cekap, sistematik dan bertaraf dunia.

Kini, Draf PTKL2040 turut mengambil kira dasar pembangunan global, nasional dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur agar perancangan dan pembangunannya lebih relevan dan holistik serta menjadi rujukan di peringkat antarabangsa.

Perancangan masa hadapan Kuala Lumpur menerapkan Dasar Malaysia MADANI yang berteraskan keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan dalam membentuk masyarakat yang progresif. Kerangka ini turut disokong dengan matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDGs) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) yang merupakan komitmen negara di peringkat global.

Selain itu, demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Neutral Karbon menjelang 2050, Draf PTKL2040 turut menggariskan panduan dan inisiatif terperinci bagi memastikan ia mampu difahami serta dilaksana bersama dengan warga kota.

Kerajaan sentiasa prihatin dan cakna dalam memastikan pelan ini mencapai hasrat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah **Bandar untuk Semua** menjelang tahun 2040.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.



YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

Prakata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Segala puji kepada Allah SWT, syukur alhamdulillah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya menyediakan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) yang merupakan teras kawalan perancangan masa depan untuk pembangunan Kuala Lumpur. Draf PTKL2040 adalah selaras dengan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) agar memastikan Kuala Lumpur berkembang dinamik serta memenuhi keperluan hari ini dan masa hadapan. Penyediaan Draf PTKL2040 ini juga turut mengambil kira dasar semasa kerajaan iaitu Dasar Malaysia MADANI dengan menerapkan kesemua teras Malaysia MADANI dalam inisiatif perancangannya.

Draf PTKL2040 merupakan rangka tindakan yang komprehensif meliputi semua aspek perubahan semasa serta masa hadapan. Seperti perubahan iklim, perkembangan ekonomi, perubahan demografi, gaya hidup, keperluan infrastruktur serta pengurusan dan pembangunan bandar secara mampan.

Menerusi pelan ini, pelbagai strategi perancangan, cadangan pelaksanaan dan inisiatif pelaksanaan digariskan bagi membentuk kerangka yang fleksibel dan teratur selaras dengan permintaan pasaran yang semakin berubah dan keperluan penduduk yang perlu diimbangi dengan perubahan demografi penduduk Kuala Lumpur pada masa hadapan. Maka, Draf PTKL2040 seharusnya menjadi asas rujukan utama kepada semua khususnya pihak berkepentingan dan agensi berkaitan dalam perancangan pembangunan Kuala Lumpur.



Kesan pandemik yang melanda seluruh dunia menghasilkan perspektif dan pendekatan amalan norma baharu. Justeru itu, Draf PTKL2040 turut menetapkan hala tuju bandar raya ini supaya lebih liberal dalam mengurus tadbir Kuala Lumpur serta menangani isu strategik dikenal pasti dan ditangani secara efektif.

Cadangan pelaksanaan Draf PTKL2040 juga memberi penekanan kepada mematuhi unjuran dan sasaran masa hadapan serta mengambil kira maklum balas dan kaji selidik yang telah dijalankan sepanjang tempoh penyediaan pelan tempatan ini.

Maklum balas, perkongsian dan pandangan yang telah diterima sepanjang tempoh penyediaan Draf PTKL2040 terbukti mencerminkan aspirasi DBKL dalam mewujudkan **Bandar untuk Semua**. Usaha komprehensif ini adalah berdasarkan visi pembangunan yang holistik dengan tadbir urus yang cekap agar pembangunan Kuala Lumpur didorong oleh penglibatan aktif warga kota. Pelaksanaan Draf PTKL2040 dilihat sebagai langkah pembangunan yang menyeluruh dan seimbang serta mampu menggalakkan peluang pelaburan, pekerjaan serta menjadi destinasi terpilih pada masa akan datang.

Sebagai penghias bicara akhir, saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga kerja DBKL, agensi kerajaan, badan swasta, NGO dan seluruh penduduk Kuala Lumpur yang telah membantu dalam usaha menjayakan penyediaan Draf PTKL2040. Semoga DBKL dengan kerjasama semua pihak terus komited dalam memperkasakan strategi pembangunan di Kuala Lumpur bagi memperkukuhkan kepercayaan dalam melaksanakan tanggungjawab yang di amanahkan ke arah merealisasikan Kuala Lumpur, **Bandar untuk Semua**.

Sekian, terima kasih.

DATUK SR HJ. KAMARULZAMAN BIN MAT SALLEH
Datuk Bandar Kuala Lumpur

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040	MUKA SURAT
	PENDAHULUAN	B1-1
	Proses Rundingan Awam dan Pihak Berkepentingan bagi Penyediaan Draf PTKL2040	B1-2
1.1	**RANGKA KERJA PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR**	B1-6
	Rantaian Ekonomi Antara Bandar dalam Wilayah Konurbasi Nasional (WKN)	B1-6
	Hubungan Pengangkutan ke Rangkaian Serantau	B1-7
	Pelaksanaan Sistem Pengangkutan Berasaskan Rel bagi Pergerakan Komuniti dan Perkhidmatan	B1-7
1.2	**PENCAPAIAN PBRKL 2020 DALAM TEMPOH PEMAKAIAN**	B1-8
1.3	**TREND PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR MENJELANG 2040**	B1-9
	Penduduk Kuala Lumpur 2020	B1-9
	Tenaga Buruh, Penduduk Bekerja dan Pekerjaan	B1-10
	Pendapatan Per Kapita dan Pendapatan Isi Rumah, Kuala Lumpur	B1-12
1.4	**ASPIRASI KUALA LUMPUR 2040**	B1-16
	Agenda Mampan Global	B1-16
	Agenda Mampan Negara	B1-19
	Agenda Pembangunan Kuala Lumpur	B1-24
	Agenda Pembangunan Lain yang Berkaitan	B1-26
1.5	**KUALA LUMPUR 2040**	B1-27
	Matlamat Draf PTKL2040	B1-27
1.6	**KUALA LUMPUR 2040**	B1-30
	Konsep Pembangunan Spatial Kuala Lumpur	B1-30
1.7	**PSKL2040 DAN DRAF PTKL2040**	B1-36
	Hubung Kait PSKL2040 dan Draf PTKL2040	B1-36

MATLAMAT 1	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF		MUKA SURAT
	Menggalakkan Pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Inovatif dan Produktif		M1-1
	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 1		M1-2
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 1-1**	**MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DI KUALA LUMPUR**	M1-3
CADANGAN PELAKSANAAN	CP1-1.1	Perancangan Hierarki Perdagangan Kuala Lumpur	M1-6
	CP1-1.2	Pembangunan Kawasan Perdagangan Baharu	M1-10
	CP1-1.3	Pengukuhan Pusat Perdagangan Primer di Kuala Lumpur	M1-13
	CP1-1.4	Pembangunan Zon Aktiviti Perniagaan Bertema di Pusat Bandar Raya	M1-18
	CP1-1.5	Pembangunan Zon Tumpuan Perbankan dan *Fintech*	M1-21
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 1-2**	**MENJENAMAKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN BANDAR DENGAN AKTIVITI PELANCONGAN MAMPAN**	M1-24
CADANGAN PELAKSANAAN	CP1-2.1	Perancangan Sektor Pelancongan Masa Hadapan	M1-27

MATLAMAT 1	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF		MUKA SURAT
	CP1-2.2	Pemerkasaan Strategi Pelancongan Bandar	M1-30
	CP1-2.3	Pemerkasaan Pelancongan Budaya, Warisan dan Kreatif	M1-34
	CP1-2.4	Pemerkasaan Pelancongan Alam Semula Jadi	M1-36
	CP1-2.5	Penambahbaikan Kemudahan Aksesibiliti Pelancong	M1-38
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 1-3**	**MEMPERKUKUH BANDAR BUDAYA DAN KREATIF**	M1-40
CADANGAN PELAKSANAAN	CP1-3.1	Pemerkasaan Daerah Kreatif dan Kebudayaan	M1-42
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 1-4**	**MEMBANGUNKAN KLUSTER PERINDUSTRIAN BERASASKAN TEKNOLOGI BERSIH DAN TRANSFORMASI REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (4IR)**	M1-51
	CP1-4.1	Penumpuan Pembangunan Kluster Industri	M1-53
	CP1-4.2	Perancangan Semula Zon Guna Tanah Perindustrian kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX)	M1-56
CADANGAN PELAKSANAAN	CP1-4.3	Pengezonan Zon Guna Tanah Perindustrian kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI)	M1-59
	CP1-4.4	Penaiktarafan Zon Guna Tanah Industri (IP) yang Dikekalkan	M1-62
	CP1-4.5	Penaiktarafan Zon Guna Tanah Taman Teknologi (TP)	M1-65
	CP1-4.6	Penempatan Aktiviti Loji Pembancuh Konkrit (*Batching Plant*)	M1-67
	CP1-4.7	Penjanaan Semula Bangunan Industri Sebagai Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ)	M1-70
	CP1-4.8	Pelaksanaan Program Galakan Revolusi Industri 4.0 (4IR) Negara	M1-73
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 1-5**	**MEMACU PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI BANDAR**	M1-75
CADANGAN PELAKSANAAN	CP1-5.1	Peningkatan Potensi Keusahawanan di Pusat Kejiranan	M1-76
	CP1-5.2	Pembangunan dan Pemodenan Sektor Informal	M1-78
	CP1-5.3	Perancangan Ruang Penjaja dalam Kawasan Perumahan Mampu Milik Berintensiti Tinggi	M1-80
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 1-6**	**MENJANA SEMULA KAWASAN PERDAGANGAN SEDIA ADA SEBAGAI RUANG NIAGA YANG *VIBRANT*, MENARIK DAN KONDUSIF**	M1-82
CADANGAN PELAKSANAAN	CP1-6.1	Pelaksanaan Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK)	M1-84
RUMUSAN			M1-90

MATLAMAT 2	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI		MUKA SURAT
	Menumpukan Pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Inklusif , Saksama dan Berdaya Huni		M2-1
	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan		M2-2
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 2-1**	**MENAWARKAN PERUMAHAN PELBAGAI PILIHAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK**	M2-3
CADANGAN PELAKSANAAN	CP2-1.1	Perancangan Perumahan Pelbagai Pendapatan	M2-4
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 2-2**	**MENYEDIAKAN PERUMAHAN MAMPU MILIK YANG BERKUALITI DAN KONDUSIF**	M2-9
CADANGAN PELAKSANAAN	CP2-2.1	Perancangan Perumahan Mampu Milik	M2-11
	CP2-2.2	Perancangan Perumahan Mampu Didiami	M2-13
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 2-3**	**MENANGANI KEPERLUAN GELANDANGAN**	M2-16
CADANGAN PELAKSANAAN	CP2-3.1	Penambahbaikan Kesejahteraan Gelandangan	M2-17

MATLAMAT 2	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI		MUKA SURAT
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 2-4**	**MENAMBAH BAIK KAWASAN KEDIAMAN STABIL YANG LAMA**	M2-19
CADANGAN PELAKSANAAN	CP2-4.1	Penjanaan Semula Kawasan Perumahan Lama	M2-21
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 2-5**	**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, BERKUALITI DAN BERSEPADU**	M2-24
CADANGAN PELAKSANAAN	CP2-5.1	Penyediaan Kemudahan Masyarakat Bersepadu, Pelbagai Guna dan Perkongsian Ruang	M2-26
	CP2-5.2	Penyediaan Kemudahan Pendidikan, Kesihatan dan Keselamatan yang Mencukup, Berkualiti dan Mudah Akses	M2-29
	CP2-5.3	Penyediaan Kemudahan Perkuburan yang Optimum dan Terurus	M2-38
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 2-6**	**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN AWAM DAN HAB KOMUNITI YANG BERSEPADU**	M2-42
CADANGAN PELAKSANAAN	CP2-6.1	Penyediaan Hab Komuniti dan Perpustakaan Awam di Kawasan Kejiranan	M2-44
RUMUSAN			M2-49

MATLAMAT 3	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*		MUKA SURAT
	Memperkukuh Pembangunan Persekitaran Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Hijau, Sihat dan *Vibrant*		M3-1
	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan		M3-2
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-1**	**MENGURUS ASET BIODIVERSITI KUALA LUMPUR**	M3-3
CADANGAN PELAKSANAAN	CP3-1.1	Pengurusan Aset Biodiversiti	M3-5
	CP3-1.2	Pelaksanaan Program Sungai Nadi Kehidupan	M3-12
	CP3-1.3	Pengurusan Kawalan Pencemaran	M3-15
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-2**	**MEMPELBAGAIKAN FUNGSI KORIDOR HIJAU DAN KORIDOR BIRU**	M3-20
CADANGAN PELAKSANAAN	CP3-2.1	Pengoptimuman Tasik dan Kolam Takungan Sebagai Taman Rekreasi	M3-22
	CP3-2.2	Pembentukan Koridor Ekologi	M3-26
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-3**	**MELAKSANAKAN DENSITI HIJAU KUALA LUMPUR**	M3-29
CADANGAN PELAKSANAAN	CP3-3.1	Perluasan Kawasan Litupan Kanopi Pokok	M3-30
	CP3-3.2	Penyediaan Landskap Secara Vertikal	M3-34
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-4**	**MEMPELBAGAIKAN FUNGSI TAMAN DAN TANAH LAPANG**	M3-36
CADANGAN PELAKSANAAN	CP3-4.1	Pengukuhan Fungsi Tanah Lapang	M3-39
	CP3-4.2	Pengukuhan Tanah Lapang dan Rekreasi Sebagai Taman Bertaraf Dunia	M3-44
	CP3-4.3	Pengaktifan Taman dan Tanah Lapang	M3-47
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-5**	**MEMPERKUKUHKAN RUANG BANDAR BAGI AKTIVITI AKTIF DAN KREATIF**	M3-50
	CP3-5.1	Penjenamaan Semula Kawasan Bandar Lama Kuala Lumpur	M3-51
	CP3-5.2	Perkongsian Jalan dan Ruang Awam untuk Aktiviti Jalanan	M3-53
CADANGAN PELAKSANAAN	CP3-5.3	Pengaktifan Ruang Terbiar dan Kosong Untuk Mewujudkan Taman Poket atau Plaza	M3-55
	CP3-5.4	Pelaksanaan Zon Penggunaan Lampu DIOD Pemancar Cahaya (LED) di Pusat Bandar Raya	M3-57

MATLAMAT 3	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*		MUKA SURAT
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-6**	**MEMBANGUNKAN RANGKAIAN PENGHUBUNG TAMAN**	M3-59
CADANGAN PELAKSANAAN	CP3-6.1	Pembentukan Rangkaian Penghubung Taman	M3-61
	CP3-6.2	Penandaan Tanda Sempadan Kuala Lumpur	M3-72
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-7**	**MENGHUBUNGKAN PUSAT AKTIVITI UTAMA BANDAR**	MS3-77
CADANGAN PELAKSANAAN	C3-7.1	Penambah Baik Lorong Sisi, Lorong Belakang dan Lorong antara Bangunan	M3-78
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-8**	**MELAKSANAKAN JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR**	M3-81
CADANGAN PELAKSANAAN	C3-8.1	Pemuliharaan Tapak dan Bangunan Warisan di Zon Jejak Warisan	M3-83
	C3-8.2	Perluasan Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur	M3-94
	C3-8.3	Pemerkasaan Warisan Tidak Ketara	M3-98
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 3-9**	**MENGUKUHKAN TADBIR URUS HIJAU**	M3-101
CADANGAN PELAKSANAAN	C3-9.1	Pengurusan Taman yang Sistematik	M3-102
	C3-9.2	Penglibatan Badan Bukan Kerajaan dan Swasta bagi Program Penghijauan Bandar	M3-104
RUMUSAN			M3-106

MATLAMAT 4	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON		MUKA SURAT
	Memperkukuh Pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Pintar Iklim dan Rendah Karbon		M4-1
	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan		M4-2
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 4-1**	**MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN ADAPTASI DAN DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM DAN PELAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA**	M4-3
CADANGAN PELAKSANAAN	CP4-1.1	Pembangunan Pangkalan Data Bersepadu Perubahan Iklim dan Risiko Bencana	M4-5
	CP4-1.2	Penyediaan dan Pelaksanaan Pelan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim	M4-10
	CP4-1.3	Pelan Pelaksanaan Tindakan Terhadap Risiko Bencana	M4-13
	CP4-1.4	Pemantapan Elemen Daya Tahan Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana	M4-21
	CP4-1.5	Pengurusan Dalam Menghadapi Endemik, Epidemik, Pandemik	M4-23
	CP4-1.6	Pelaksanaan Kempen dan Program Kesedaran Terhadap Perubahan Iklim, Risiko Bencana dan Kesihatan Awam	M4-25
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 4-2**	**MELUASKAN PEMAKAIAN TEKNOLOGI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI**	M4-27
CADANGAN PELAKSANAAN	CP4-2.1	Perluasan Penjanaan Tenaga Solar	M4-28
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 4-3**	**MEMPERKUKUHKAN SISTEM CEKAP TENAGA**	M4-31
CADANGAN PELAKSANAAN	CP4-3.1	Perluasan Pelaksanaan Bangunan Cekap Tenaga	M4-32
	CP4-3.2	Pengintegrasian Sistem Penyejukan Daerah Serta Koridor Laluan Utiliti Guna Sama	M4-34
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 4-4**	**MELAKSANAKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SECARA BERSEPADU DAN MAMPAN**	M4-36
CADANGAN PELAKSANAAN	CP4-4.1	Peningkatan Pengurusan Sisa Pepejal Mampan	M4-38
	CP4-4.2	Pemerkasaan Peranan Komuniti dan Pihak Berkepentingan dalam Amalan Kitar Semula	M4-40

MATLAMAT 4	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON		MUKA SURAT
	CP4-4.3	Peningkatan Pengurusan Sisa Pepejal Pintar dan Berteknologi Tinggi	M4-43
	CP4-4.4	Pengukuhan Pelupusan Sisa Organik	M4-45
	CP4-4.5	Pengukuhan Pelupusan Sisa Pembinaan	M4-47
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 4-5**	**MEMPERTINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN AIR DAN PEMBENTUNGAN**	M4-49
	CP4-5.1	Pengukuhan Ketersediaan Sumber Bekalan Air Tidak Terawat	M4-50
	CP4-5.2	Pewujudan Elemen Penjimatan Air	M4-52
CADANGAN PELAKSANAAN	CP4-5.3	Pembinaan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS)	M4-54
	CP4-5.4	Pengintegrasian Bekalan dari Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 dan Penaiktarafan LRA Sedia Ada	M4-56
	CP4-5.5	Penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Serantau (RSTP)	M4-58
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 4-6**	**MEMPERKASA SISTEM SALIRAN MAMPAN**	M4-61
CADANGAN PELAKSANAAN	CP4-6.1	Pemakaian Pendekatan Mesra Alam dalam Sistem Saliran	M4-62
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 4-7**	**MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN RENDAH KARBON**	M4-68
	CP4-7.1	Penggalakan Bangunan Hijau Rendah Karbon	M4-69
	CP4-7.2	Pertambahan Kemudahan Penggunaan Kenderaan Elektrik dan Hibrid	M4-72
CADANGAN PELAKSANAAN	CP4-7.3	Pelaksanaan Zon Perintis Rendah Karbon	M4-74
	CP4-7.4	Pembangunan Industri Rendah Karbon, Bersih dan Hijau	M4-76
	CP4-7.5	Pemerkasaan Komuniti untuk Menggalakkan Amalan Rendah Karbon	M4-78
RUMUSAN			M4-80

MATLAMAT 5	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM		MUKA SURAT
	Menumpukan Pembangunan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Mobiliti Cekap dan Mesra Alam		M5-1
	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan		M5-3
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 5-1**	**MENYEDIAKAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM DENGAN PENYEDIAAN TRANSIT PELBAGAI PILIHAN**	M5-4
	CP5-1.1	Pengukuhan Infrastruktur Pengangkutan dan Perluasan Rangkaian Rel Awam Bandar	M5-6
CADANGAN PELAKSANAAN	CP5-1.2	Pembangunan Sistem Komuter Bandar dalam Pusat Bandar Raya	M5-9
	CP5-1.3	Pengutamaan Pembangunan Perkhidmatan Bas Awam	M5-14
	CP5-1.4	Penyediaan Titik *Pick Up* Perkhidmatan Teksi dan *e-hailing*	M5-22
	CP5-1.5	Pembangunan Teknologi dalam Sistem Pengangkutan Pintar	M5-24
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 5-2**	**MENGGALAKAN MOD MOBILITI AKTIF DENGAN PENINGKATAN KEMUDAHSAMPAIAN DAN KESELAMATAN**	M5-26
	CP5-2.1	Pembangunan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki dan Kenderaan Mikromobilti Yang Selamat, Berterusan dan Mudah Sampai	M5-27
CADANGAN PELAKSANAAN	CP5-2.2	Pelaksanaan Kemudahan *Bike-sharing System* (BSS)	M5-31
	CP5-2.3	Promosi Pejalan Kaki dan Penggunaan Kenderaan Mobiliti	M5-34
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 5-3**	**MENGURUS LALU LINTAS DENGAN EFEKTIF**	M5-36
	CP5-3.1	Pengurusan Trafik Kuala Lumpur	M5-37
CADANGAN PELAKSANAAN	CP5-3.2	Perancangan dan Pengurusan Ruang Tempat Letak Kenderaan	M5-41
	CP5-3.3	Penyediaan Laluan Penghubung bagi Melengkapkan Rangkaian Jalan Raya	M5-44
RUMUSAN			M5-49

MATLAMAT 6	KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN		MUKA SURAT
	Memperkasakan Pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Bersepadu dan Mampan		M6-1
	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan		M6-2
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-1**	**MERANCANG DAN MENYELARAS PEMBANGUNAN TANAH YANG EFEKTIF**	M6-3
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-1.1	Pengukuhan Zon Guna Tanah dan Intensiti Pembangunan	M6-7
	CP6-1.2	Pengurusan Tanah Yang Belum Dibangunkan Secara Optimum dan Produktif	M6-18
	CP6-1.3	Pengawalan Aktiviti Industri Di Luar Zon Guna Tanah Bersesuaian	M6-22
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-2**	**MEMPERKUKUHKAN HIERARKI PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR**	M6-24
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-2.1	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Bandar	M6-26
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-3**	**MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN SECARA *INFILL***	M6-45
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-3.1	Pengawalan Pembangunan Secara *Infill*	M6-46
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-4**	**MENGUKUHKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA MELALUI KONSEP BANDAR MAMPAN**	M6-48
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-4.1	Pembangunan Semula Kawasan atau Bangunan yang Lama, Usang dan Terbiar	M6-49
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-5**	**MENGGALAKKAN SEMULA FUNGSI BANDAR MELALUI PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN LAMA**	M6-53
	CP6-5.1	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan Lama Bernilai Warisan	M6-56
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-5.2	Penyediaan Pelan Tindakan Pemuliharaan Kawasan Warisan	M6-61
	CP6-5.3	Penyertaan dan Penglibatan Bersama Komuniti	M6-69
	CP6-5.4	Pelaksanaan Insentif Pemeliharaan Bangunan Warisan	M6-73
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-6**	**MENGINTEGRASIKAN PENGANGKUTAN REL DAN PEMBANGUNAN SPATIAL**	M6-76
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-6.1	Perancangan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)	M6-77
	CP6-6.2	Perancangan Pembangunan Ruang Bawah Tanah dan Ruang Udara di Kawasan Transit dan Infrastruktur Utama	M6-83
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-7**	**MENGAWAL SELIA PEMBANGUNAN DI ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)**	M6-86
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-7.1	Pengkelasan Jenis dan Tahap Zon Pengurusan Kawasan Khas (PKK)	M6-87
STRATEGI PERANCANGAN	**SP 6-8**	**MERANCANG PEMBANGUNAN YANG BERKUALITI DI KAMPUNG TRADISI DAN KAMPUNG BIASA**	M6-93
CADANGAN PELAKSANAAN	CP6-8.1	Pemerkasaan Identiti Zon Perkampungan Tradisi 1 (TV1)	M6-96
	CP6-8.2	Pengawalan Perancangan Zon Perkampungan Tradisi 2 (TV2)	M6-99
	CP6-8.3	Pemerkasaan Kampung Potensi Pembangunan	M6-101
	CP6-8.4	Perancangan Pembangunan Kampung Biasa	M6-104
RUMUSAN			M6-106

GLOSSARI DAN SINGKATAN KATA

SENARAI RAJAH



PENDAHULUAN	DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040	MUKA SURAT
Rajah 1.1 :	Kandungan Draf PTKL2040	B1-1
Rajah 1.2 :	Hierarki Pelan Pembangunan Kuala Lumpur	B1-1
Rajah 1.3 :	Rangka Kerja Penyediaan Draf PTKL2040	B1-1
Rajah 1.4 :	Sesi Perbincangan Kumpulan Sasaran (FGD)	B1-2
Rajah 1.5 :	Siri Sesi Rundingan Awam Dalam Penyediaan Draf PTKL2040	B1-3
Rajah 1.6 :	Pihak yang Terlibat Dalam Siri Sesi Rundingan Awam Penyediaan Draf PTKL2040	B1-4
Rajah 1.7 :	Senarai Agensi yang Terlibat dalam Sesi *Technical Working Group*	B1-5
Rajah 1.2.1 :	Pencapaian Pelaksanaan Cadangan PBRKL 2020	B1- 8
Rajah 1.2.2 :	Penilaian Tahap Kesesuaian Cadangan PBRKL 2020 bagi Pelaksanaan Draf PTKL2040	B1-8
Rajah 1.3.1 :	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran	B1-10
Rajah 1.3.2 :	Tenaga Buruh dan Penduduk Bekerja ('000)	B1-10
Rajah 1.3.3 :	Penduduk Mengikut Kumpulan Umur 2020 dan 2040	B1-13
Rajah 1.3.4 :	Pelan Kawasan Perancangan Utama	B1-14
Rajah 1.5.1 :	Matlamat Pembangunan Draf PTKL2040	B1-27
Rajah 1.6.1 :	Konsep *'Ring and Radial'* Melalui Perubahan Kebergantungan Terhadap Jalan Raya kepada Rel Bagi Perancangan Draf PTKL2040	B1-31
Rajah 1.6.2 :	Perincian Zon Kawalan Pembangunan dalam Konsep Pembangunan Spatial Kuala Lumpur	B1-34
Rajah 1.6.3 :	Pelan Konsep Strategi Pembangunan Kuala Lumpur 2040	B1-35

MATLAMAT 1	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF	MUKA SURAT
Rajah 1.1 :	Kriteria Bandar Raya Inovatif dan Produktif	M1-1
Rajah 1.2 :	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan	M1-2
Rajah 1.1.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategik Perancangan 1-1	M1-4
Rajah 1.1.2 :	Pelan Cadangan Perancangan Hierarki Perdagangan Bandar Raya Kuala Lumpur	M1-5
Rajah 1.1.3 :	Pelan Cadangan Pembangunan Pusat Perdagangan Primer Kuala Lumpur	M1-17
Rajah 1.1.4 :	Pelan Cadangan Kluster Tumpuan Perbankan dan *Fintech*	M1-23
Rajah 1.2.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategik Perancangan 1-2	M1-24
Rajah 1.2.2 :	Pelan Cadangan Pelancongan Kuala Lumpur	M1-25
Rajah 1.2.3 :	Pelan Cadangan Pelancongan Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau	M1-26
Rajah 1.3.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-3	M1-40
Rajah 1.3.2 :	Pelan Cadangan Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur	M1-41
Rajah 1.4.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-4	M1-51
Rajah 1.4.2 :	Pelan Cadangan Zon Guna Tanah Industri	M1-52
Rajah 1.5.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-5	M1-75
Rajah 1.5.2 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Lab Inovasi Terbuka	M1-77
Rajah 1.6.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-6	M1-82
Rajah 1.6.2 :	Pelan Cadangan Pembangunan Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK)	M1-83

MATLAMAT 2	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI	MUKA SURAT
Rajah 2.1 :	Kriteria Bandar Raya Inklusif, Saksama dan Berdaya Huni	M2-1
Rajah 2.2 :	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan	M2-2
Rajah 2.1.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-1	M2-3
Rajah 2.2.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-2	M2-9
Rajah 2.2.2 :	Pelan Perumahan Mampu Milik Sedia Ada Kuala Lumpur	M2-10
Rajah 2.3.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-3	M2-16
Rajah 2.4.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-4	M2-19
Rajah 2.4.2 :	Pelan Cadangan Kawasan Penjanaan Semula	M2-20
Rajah 2.5.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-5	M2-24
Rajah 2.5.2 :	Pelan Cadangan Kemudahan Masyarakat di Kuala Lumpur	M2-25
Rajah 2.6.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-6	M2-42
Rajah 2.6.2 :	Pelan Dewan Serba Guna Sedia Ada di Kuala Lumpur	M2-43

MATLAMAT 3	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*	MUKA SURAT
Rajah 3.1 :	Kriteria Bandar Raya Hijau, Sihat dan *Vibrant*	M3-1
Rajah 3.2 :	Ringkasan Strategi Prancangan dan Cadangan Pelaksanaan	M3-2
Rajah 3.1.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-1	M3-3
Rajah 3.1.2 :	Pelan Aset Biodiversiti Kuala Lumpur	M3-4
Rajah 3.1.3 :	Model Konseptual Aplikasi Indeks Biodiversiti Draf PTKL2040	M3-7
Rajah 3.1.4 :	Kawasan Bukit yang Dikelilingi Kawasan Perumahan	M3-11
Rajah 3.1.5 :	Pelan Cadangan Pembangunan *River of Life* (RoL) 2, 3 dan 4	M3-14
Rajah 3.2.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-2	M3-20
Rajah 3.2.2 :	Pelan Cadangan Koridor Ekologi	M3-21
Rajah 3.2.3 :	Cadangan Koridor Ekologi di Koridor Infrastruktur	M3-27
Rajah 3.2.4 :	Cadangan Koridor Ekologi di Koridor Tepian Sungai	M3-28
Rajah 3.2.5 :	Lapisan Penanaman Pokok Bandar	M3-28
Rajah 3.3.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-3	M3-29
Rajah 3.3.2 :	Cadangan Spesis Pokok Berdaya Serap Karbon	M3-31
Rajah 3.4.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-4	M3-37
Rajah 3.4.2 :	Pelan Taburan Kawasan Lapang dan Kawasan Hijau 2040	M3-38
Rajah 3.5.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-5	M3-50
Rajah 3.5.2 :	Lokasi Cadangan Menambah Baik Ruang Awam yang Berpotensi	M3-53
Rajah 3.6.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-6	M3-59
Rajah 3.6.2 :	Pelan Cadangan Rangkaian Penghubung Taman	M3-60
Rajah 3.6.3 :	Pelan Cadangan Enam (6) Rangkaian Penghubung Taman	M3-63
Rajah 3.6.4 :	Pelan Cadangan Penanda Kawasan Sempadan Kuala Lumpur	M3-73
Rajah 3.7.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-7	M3-77
Rajah 3.7.2 :	Kawasan Berpotensi bagi Tujuan Penambah Baik Lorong Sisi, Lorong Belakang dan Lorong Antara Bangunan bagi Laluan Pejalan Kaki dan Kenderaan Mikromobiliti	M3-79
Rajah 3.8.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-8	M3-81
Rajah 3.8.2 :	Pelan Zon Jejak Warisan dan Laluan Jejak Warisan Sedia Ada Kuala Lumpur	M3-82
Rajah 3.8.3 :	Pelan Taburan Bangunan Warisan Dalam Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur	M3-85
Rajah 3.8.4 :	Zon Warisan Kuala Lumpur	M3-87
Rajah 3.8.5 :	Kawasan Keutamaan Zon Jejak Warisan Draf PTKL 2040	M3-87
Rajah 3.8.6 :	Pelan Induk Pembangunan *River of Life* (RoL)	M3-91
Rajah 3.8.7 :	Model Pembangunan Pangkalan Data GIS Berorientasikan Pelancongan Warisan	M3-93
Rajah 3.8.8 :	Pelan Perluasan Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur	M3-97
Rajah 3.8.9 :	Taburan Warisan Tidak Ketara	M3-99
Rajah 3.9.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-9	M3-101
Rajah 3.9.2 :	Tadbir Urus Hijau Dalam Konteks PSKL2040	M3-102

MATLAMAT 4	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON	MUKA SURAT
Rajah 4.1 :	Kriteria Bandar Raya Pintar Iklim dan Rendah Karbon	M4-1
Rajah 4.2 :	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan	M4-2
Rajah 4.1.1 :	Trend Suhu Tahunan di Kuala Lumpur, 2010-2020	M4-3
Rajah 4.1.2 :	Taburan Hujan di Kuala Lumpur (2017-2020)	M4-4
Rajah 4.1.3 :	Kes Keadaan Banjir Kilat di Kuala Lumpur, 2011-2020	M4-4
Rajah 4.1.4 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-1	M4-4
Rajah 4.1.5 :	Cadangan Komponen Utama Pangkalan Data Bersepadu Perubahan Iklim dan Risiko Bencana	M4-6
Rajah 4.1.6 :	Komponen Bagi Pangkalan Data Risiko Bencana	M4-8
Rajah 4.1.7 :	Proses Perancangan Adaptasi Tindakan Iklim	M4-12
Rajah 4.1.8 :	Faktor Penyumbang Risiko Bencana	M4-13
Rajah 4.1.9 :	Tindakan Utama Pengurusan Risiko Bencana (Rangka Kerja Sendai, 2015-2030)	M4-14
Rajah 4.1.10 :	Komponen Utama Penilaian Daya Tahan: *Climate Disaster Resilience Index* (CDRI)	M4-14
Rajah 4.1.11 :	Pelan Kawasan Tumpuan Bencana Berganda	M4-18
Rajah 4.1.12 :	Kaedah Menambah Baik Proses Kelulusan Pembangunan Melalui Konsep *Build Back Better*	M4-22
Rajah 4.2.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-2	M4-27
Rajah 4.3.1 :	Label Tenaga Pada Peralatan Elektrik	M4-31
Rajah 4.3.2 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-3	M4-31
Rajah 4.4.1 :	Sasaran Kitar Semula dan Pengurusan Sisa Pepejal	M4-36
Rajah 4.4.2 :	Sasaran Kitar Semula dan Pengurusan Sisa Pepejal Mampan Kuala Lumpur 2040	M4-37
Rajah 4.4.3 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-4	M4-37
Rajah 4.4.4 :	Pelan Menaik Taraf dan Mempelbagaikan Fungsi Stesen Pemindahan Sedia Ada	M4-39
Rajah 4.4.5 :	Cadangan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Pintar	M4-44
Rajah 4.5.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-5	M4-49
Rajah 4.6.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-6	M4-61
Rajah 4.7.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-7	M4-68

MATLAMAT 5	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM	MUKA SURAT
Rajah 5.1 :	Kriteria Bandar Raya Mobiliti Cekap dan Mesra Alam	M5-1
Rajah 5.2 :	Senario Pisah Ragam Pengangkutan Kuala Lumpur Pada Tahun 2040	M5-2
Rajah 5.3 :	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan	M5-3
Rajah 5.1.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 5-1	M5-4
Rajah 5.1.2 :	Pelan Rangkaian Rel Sedia Ada dan Cadangan Masa Hadapan	M5-5
Rajah 5.1.3 :	Pelan Cadangan Koridor Komuter Bandar di Pusat Bandar Raya	M5-11
Rajah 5.1.4 :	Pelan Cadangan Laluan Perkhidmatan BRT	M5-13
Rajah 5.1.5 :	Pelan Cadangan Laluan Perkhidmatan BET	M5-16
Rajah 5.1.6 :	Pelan Laluan Perkhidmatan GoKL	M5-19
Rajah 5.1.7 :	Pelan Cadangan Lorong Khas Bas dan Teksi dalam Kuala Lumpur	M5-21
Rajah 5.2.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 5-2	M5-26
Rajah 5.2.2 :	Keratan Rentas bagi Laluan Pejalan Kaki dan Kenderaan Mikromobiliti	M5-29
Rajah 5.2.3 :	Projek *Quick-Win* Penaiktarafan Fasiliti dan Infrastruktur Pejalan Kaki Kawasan Komuniti di Wangsa Maju	M5-29
Rajah 5.2.4 :	Pelan Cadangan Laluan dan Lokasi *Bike Sharing System* (BSS) di Pusat Bandar Raya	M5-33
Rajah 5.3.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 5-3	M5-36
Rajah 5.3.2 :	Pelan Cadangan RUC di Laluan Masuk ke Pusat Bandar Raya	M5-39
Rajah 5.3.3 :	Pelan Cadangan Pengukuhan Hentian dan Jalan Kuala Lumpur	M5-43
Rajah 5.3.4 :	Pelan Cadangan Jalan Penghubung Jaringan Lebuh Raya dan Jalan Utama di Kuala Lumpur	M5-48

MATLAMAT 6	KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN	MUKA SURAT
Rajah 6.1:	Kriteria Bandar Raya Bersepadu dan Mampan	M6-1
Rajah 6.2:	Ringkasan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan	M6-2
Rajah 6.1.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-1	M6-4
Rajah 6.1.2 :	Pelan Guna Tanah Semasa 2021	M6-5
Rajah 6.1.3 :	Pelan Taburan Tepu Bina dan Bukan Tepu Bina 2021	M6-6
Rajah 6.1.4 :	Pelan Cadangan Zon Guna Tanah Draf PTKL2040	M6-9
Rajah 6.1.5 :	Pelan Intensiti Draf PTKL2040	M6-14
Rajah 6.1.6 :	Pelan Taburan Tanah yang Belum Dibangunkan (Tanah Kosong), 2021	M6-19
Rajah 6.2.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-2	M6-24
Rajah 6.2.2 :	Pelan Hierarki Pusat Pertumbuhan Bandar	M6-25
Rajah 6.3.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-3	M6-45
Rajah 6.4.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-4	M6-48
Rajah 6.4.2 :	Pelan Taburan Tapak Pembangunan Semula Draf PTKL 2040	M6-52
Rajah 6.5.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-5	M6-54
Rajah 6.5.2 :	Pelan Kategori Bangunan Warisan di Kawasan Pusat Bandar Raya	M6-55
Rajah 6.5.3 :	Panduan Proses Pelaksanaan PPK Kawasan Warisan	M6-62
Rajah 6.5.4 :	Program Pemindahan Hak Pembangunan	M6-74
Rajah 6.5.5 :	Proses Pelaksanaan Geran Sepadan	M6-75
Rajah 6.6.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-6	M6-76
Rajah 6.6.2:	Konsep Pembangunan TOD	M6-78
Rajah 6.6.3:	Pelan Cadangan Stesen Transit yang Berpotensi Untuk Pembangunan Berorientasi Transit (TOD)	M6-82
Rajah 6.7.1:	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-7	M6-86
Rajah 6.7.2 :	Pelan Tahap Pengurusan Kawasan Khas (PKK)	M6-89
Rajah 6.8.1 :	Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-8	M6-93
Rajah 6.8.2 :	Pelan Taburan Kawasan Kampung Tradisi, Kampung Biasa dan Kampung Potensi Pembangunan di Kuala Lumpur	M6-95
Rajah 6.8.3 :	Pelan Cadangan Pintu Masuk Formal Zon Tradisi	M6-98
Rajah 6.8.4 :	Pelan Cadangan Zon Tradisi dan Separa Zon Tradisi KRM Gombak	M6-100

SENARAI JADUAL



PENDAHULUAN	DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040	MUKA SURAT
Jadual 1.3.1 :	Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Utama, Kuala Lumpur 2016-2020	B1-10
Jadual 1.3.2 :	Penduduk Bekerja Mengikut Kategori Pekerjaan, Kuala Lumpur 2016-2020	B1-11
Jadual 1.3.3 :	Taburan Penduduk Bekerja Dalam Sub Sektor, 2020	B1-11
Jadual 1.3.4 :	Pendapatan Per Kapita Kuala Lumpur, 2010-2020	B1-12
Jadual 1.3.5 :	Pendapatan Isi Rumah Kuala Lumpur 2016-2019	B1-12
Jadual 1.3.6 :	Pendapatan Isi Rumah Kasar Kuala Lumpur 2019	B1-12
Jadual 1.3.7 :	Penduduk Kuala Lumpur 2040 Mengikut Kawasan	B1-13
Jadual 1.3.8 :	Unjuran Penduduk Bekerja, 2020-2040	B1-15
Jadual 1.3.9 :	Unjuran KDNK 2020-2040 (Nilai dalam RM Billion)	B1-15
Jadual 1.3.10 :	Unjuran Per Kapita, 2020-2040	B1-15

MATLAMAT 1	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF	MUKA SURAT
Jadual 1.1.1 :	Cadangan Hierarki Zon Perdagangan	M1-7
Jadual 1.1.2 :	Inisiatif Pelaksanaan Mengikut Hierarki Pusat Perdagangan Bersepadu	M1-8
Jadual 1.1.3 :	Perincian Perbandingan dan Pertambahan Keluasan Zon Guna Tanah Perdagangan	M1-11
Jadual 1.1.4 :	Inisiatif Pembangunan di Pusat Perdagangan Primer	M1-14
Jadual 1.1.5 :	Pelan Pengkhususan Aktiviti Perniagaan Bertema	M1-19
Jadual 1.2.1 :	Keperluan Penginapan Pelancong Tahun 2040	M1-28
Jadual 1.2.2 :	Inisiatif Meningkatkan Penawaran Penginapan Pelancong di Kuala Lumpur	M1-29
Jadual 1.2.3 :	Inisiatif Memperkasakan Pelancongan Bandar	M1-31
Jadual 1.2.4 :	Inisiatif Khusus dan Kawasan Berpotensi Untuk Pemerkasaan Pelancongan Budaya, Warisan dan Kreatif	M1-35
Jadual 1.2.5 :	Inisiatif Khusus dan Kawasan yang Berpotensi untuk Pemerkasaan Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau	M1-37
Jadual 1.2.6 :	Inisiatif Penambahbaikan Kemudahan Aksesibiliti Pelancong	M1-39
Jadual 1.3.1 :	Inisiatif Penambahbaikan Zon Budaya dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur	M1-44
Jadual 1.3.2 :	Inisiatif Penambahbaikan Zon Warisan Kreatif dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur	M1-45
Jadual 1.3.3 :	Inisiatif Penambahbaikan Zon Belia Kreatif dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur	M1-48
Jadual 1.3.4 :	Inisiatif Penambahbaikan Zon Kampung Warisan dan Zon Kreatif Korporat dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur	M1-49
Jadual 1.3.5 :	Inisiatif Penambahbaikan Zon Sivik dan Zon Keagamaan dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur	M1-50
Jadual 1.4.1 :	Cadangan Kluster Industri Mengikut Kawasan Perindustrian	M1-54
Jadual 1.4.2 :	Cadangan Perancangan Semula Zon Guna Tanah Perindustrian Kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX)	M1-58
Jadual 1.4.3 :	Kriteria Bangunan Hijau atau Industri Bersih	M1-60
Jadual 1.4.4 :	Cadangan Tapak Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur Industri (MXI) di Kuala Lumpur	M1-61
Jadual 1.4.5 :	Cadangan Tapak Kekal Sebagai Zon Guna Tanah Industri (IP)	M1-63
Jadual 1.4.6 :	Kriteria Perancangan Pembangunan Industri Loji Pembancuh Simen *(Batching Plant)* di Kuala Lumpur	M1-68
Jadual 1.4.7 :	Cadangan Kawasan Kuarters Atau Pusat Penginapan Pekerja (CLQ) Di Kawasan Perindustrian	M1-72
Jadual 1.6.1 :	Ringkasan Keutamaan Inisiatif Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK)	M1-86
Jadual 1.1 :	Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 1	M1-90

MATLAMAT 2	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI	MUKA SURAT
Jadual 2.1.1 :	Langkah Perancangan Perumahan Mikro di Kuala Lumpur	M2-5
Jadual 2.1.2 :	Jenis dan Kriteria Perumahan Warga Emas di Kuala Lumpur	M2-7
Jadual 2.2.1 :	Pelan Cadangan Perumahan Awam Sewa Bersubsidi di atas Tanah Milik DBKL	M2-14
Jadual 2.4.1 :	Langkah Pelaksanaan Program Penjanaan Semula di Kawasan Kediaman Stabil yang Lama	M2-22
Jadual 2.4.2 :	Cadangan Kawasan Penjanaan Semula	M2-23
Jadual 2.5.1 :	Kemudahan Masyarakat Sedia Ada yang Perlu Dikekalkan dan Ditambah Baik	M2-27
Jadual 2.5.2 :	Kriteria Penyediaan Kemudahan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	M2-30
Jadual 2.5.3 :	Cadangan Pembangunan Sekolah Baharu	M2-32
Jadual 2.5.4 :	Cadangan Pembangunan Kemudahan Kesihatan Baharu	M2-34
Jadual 2.5.5 :	Cadangan Pembangunan Balai Bomba Baharu	M2-37
Jadual 2.5.6 :	Cadangan Pembangunan Balai Polis Baharu	M2-37
Jadual 2.5.7 :	Keluasan Zon Guna Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat Draf PTKL2040	M2-38
Jadual 2.5.8 :	Tanah Perkuburan Islam Sedia Ada yang Berpotensi Dinaik Taraf	M2-39
Jadual 2.5.9 :	Cadangan Tapak Perkuburan Islam Baharu	M2-41
Jadual 2.6.1 :	Cadangan Hab Komuniti di Kawasan Kejiranan	M2-47
Jadual 2.1 :	Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 2	M2-49

MATLAMAT 3	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*	MUKA SURAT
Jadual 3.1.1 :	Cadangan Lokasi Aplikasi Digital Kawasan HSK dan Litupan Hijau	M3-7
Jadual 3.1.2 :	Cadangan Lokasi Koridor Laluan Burung	M3-8
Jadual 3.1.3 :	Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang Dicadangkan untuk Dipulihara	M3-9
Jadual 3.1.4 :	Cadangan Tindakan Sokongan Meningkatkan Kualiti Badan Air	M3-10
Jadual 3.1.5 :	Cadangan Rizab Sungai Kuala Lumpur	M3-10
Jadual 3.1.6 :	Cadangan Kawasan Tumpuan Untuk Program Pengurusan Badan Air (Sungai dan Kolam) bagi Tempoh 2021-2030	M3-10
Jadual 3.1.7 :	Cadangan Langkah-langkah dalam Memulihara Kawasan Bukit dan Cerun	M3-11
Jadual 3.1.8 :	Langkah Mengawal Pencemaran dari Aktiviti Perdagangan	M3-17
Jadual 3.2.1 :	Cadangan Kolam Takungan Banjir Berpotensi sebagai Tanah Lapang	M3-24
Jadual 3.2.2 :	Cadangan Koridor Tepian Sungai Berpotensi sebagai Koridor Ekologi	M3-28
Jadual 3.3.1 :	Senarai Spesis Pokok dan Daya Serap Karbon Dioksida Per Tahun	M3-31
Jadual 3.3.2 :	Langkah Penanaman Pokok di Rizab Jalan dan Tempat Letak Kenderaan Terbuka	M3-32
Jadual 3.3.3 :	Langkah Penanaman Pokok di Kawasan Tanah Lapang dan Persempadanan Kuala Lumpur	M3-33
Jadual 3.3.4 :	Langkah Pelaksanaan Konsep Landskap Vertikal	M3-35
Jadual 3.4.1 :	Status Penyediaan Tanah Lapang Luar Negara	M3-36
Jadual 3.4.2 :	Status Penyediaan Tanah Lapang Malaysia, 2016	M3-37
Jadual 3.4.3 :	Status Penyediaan Tanah Lapang di Lembah Klang	M3-37
Jadual 3.4.4 :	Perincian Definisi Tanah Lapang dalam Konteks Draf PTKL2040	M3-40
Jadual 3.4.5 :	Anggaran Sumbangan Kawasan Hijau dalam Zon Guna Tanah	M3-41
Jadual 3.4.6 :	Anggaran Sumbangan Kawasan Lapang dalam Zon Guna Tanah	M3-41
Jadual 3.4.7 :	Hierarki dan Fungsi Kawasan Lapang	M3-45
Jadual 3.4.8 :	Senarai Taman-taman Awam Rekreasi di Kuala Lumpur	M3-48
Jadual 3.4.9 :	Cadangan Kawasan Pelindungan dan Pemeliharaan Hijau di Kuala Lumpur	M3-49
Jadual 3.5.1 :	Cadangan Lokasi Penandaan Binaan Pertama	M3-52
Jadual 3.5.2 :	Cadangan Memperkenalkan Semula Nama Lama Jalan Dalam Kawasan Bandar Lama Kuala Lumpur	M3-52
Jadual 3.6.1 :	Cadangan Enam (6) Rangkaian Penghubung Taman	M3-62
Jadual 3.6.2 :	Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Wilayah Utara	M3-64
Jadual 3.6.3 :	Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Wangsa Maju dan Taman Tasik Titiwangsa	M3-65
Jadual 3.6.4 :	Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur	M3-66
Jadual 3.6.5 :	Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Pudu Ulu dan Alam Damai	M3-67
Jadual 3.6.6 :	Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Bukit Kiara dan Kerinchi	M3-68
Jadual 3.6.7 :	Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Bukit Jalil dan Bohol	M3-69
Jadual 3.6.8 :	Langkah Penyediaan Kemudahan Utama dan Sokongan Rangkaian Penghubung Taman	M3-70

MATLAMAT 3	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*	MUKA SURAT
Jadual 3.6.9 :	Langkah Penanda Sempadan Kuala Lumpur	M3-74
Jadual 3.6.10 :	Matriks Penandaan Tanda Sempadan di Kuala Lumpur	M3-75
Jadual 3.7.1 :	Cadangan Lokasi Penambahbaikan Lorong	M3-80
Jadual 3.8.1 :	Senarai Bangunan Warisan Dalam Jejak Warisan Kuala Lumpur	M3-88
Jadual 3.8.2 :	Cadangan Lokasi Aktiviti Keagamaan Pelbagai Kaum	M3-89
Jadual 3.8.3 :	Cadangan Lokasi Aktiviti Pasar Malam dan Bazar Terbuka	M3-89
Jadual 3.8.4 :	Cadangan Lokasi Galeri Mini	M3-89
Jadual 3.8.5 :	Cadangan Lokasi Bangunan Lama yang Menjadi Tumpuan Aktiviti Pelancongan	M3-89
Jadual 3.8.6 :	Cadangan Lokasi Acara Kesenian dan Persembahan Kebudayaan Bertaraf Antarabangsa	M3-89
Jadual 3.8.7 :	Cadangan Lokasi Tarikan Makanan Tempatan dan Tradisi	M3-90
Jadual 3.8.8 :	Cadangan Lokasi Aktiviti Pasar Terbuka Secara Terancang	M3-90
Jadual 3.8.9 :	Cadangan Lokasi Laluan Pejalan Kaki yang Mesra Pengunjung	M3-90
Jadual 3.8.10 :	Cadangan Lokasi Lintasan Pejalan Kaki	M3-90
Jadual 3.8.11 :	Kriteria Penilaian Kawasan Jejak Warisan	M3-95
Jadual 3.8.12 :	Cadangan Lokasi Jejak Penanda Tempat Tapak Warisan	M3-96
Jadual 3.8.13 :	Kategori Utama dan Cadangan Lokasi Warisan Tidak Ketara di Zon Jejak Warisan	M3-100
Jadual 3.1 :	Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 3	M3-106

MATLAMAT 4	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON	MUKA SURAT
Jadual 4.1.1 :	Cadangan Keperluan Data Iklim dan Risiko Iklim	M4-7
Jadual 4.1.2 :	Cadangan Data Berkaitan Masyarakat Berisiko terhadap Perubahan Iklim dan Risiko Bencana	M4-9
Jadual 4.1.3 :	Penilaian Risiko Perubahan Iklim di Kuala Lumpur	M4-11
Jadual 4.1.4 :	Cadangan Kawasan Tumpuan Tindakan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim	M4-12
Jadual 4.1.5 :	Pengurusan Risiko Bencana Bagi Jenis Bencana dan Bentuk Pembangunan Infrastruktur	M4-15
Jadual 4.1.6 :	Cadangan Kawasan Tumpuan dan Strategi Mitigasi Risiko Bencana Berganda	M4-17
Jadual 4.1.7 :	Langkah Pelaksanaan Pembangunan dengan Lebih Baik (*Build Back Better*)	M4-19
Jadual 4.1.8 :	Aspek dan Langkah dalam Pelan Strategik Pengurusan Endemik, Epidemik dan Pandemik	M4-24
Jadual 4.2.1 :	Program Galakan Pemasangan Panel Solar Fotovoltan	M4-29
Jadual 4.2.2 :	Senarai Kolam dan Tasik yang Berpotensi Sebagai Tapak Cadangan Ladang Solar Terapung	M4-30
Jadual 4.3.1 :	Program Insentif dan Peraturan Ke Arah Peningkatan Bilangan Bagi Bangunan Cekap Tenaga Kuala Lumpur	M4-33
Jadual 4.3.2 :	Program Penarafan *BEI Labelling* untuk Bangunan Kerajaan atau Awam	M4-33
Jadual 4.3.3 :	Kriteria Minima Kebolehlaksanaan Sistem Penyejukan Daerah dalam Suatu Pembangunan	M4-35
Jadual 4.3.4 :	Keperluan Penyediaan Rizab Koridor Laluan Utiliti Mengikut Hierarki Jalan	M4-35
Jadual 4.4.1 :	Perancangan Pembangunan Fasiliti Pengurusan Sisa Pepejal Kuala Lumpur	M4-39
Jadual 4.4.2 :	Cadangan Insentif Pelaksanaan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Pintar dan Berteknologi Tinggi	M4-44
Jadual 4.5.1 :	Langkah Memperkukuh Ketersediaan Sumber Bekalan Air Tidak Terawat di Kuala Lumpur	M4-51
Jadual 4.5.2 :	Cadangan Menggalakkan Pemakaian Sistem dan Peralatan Jimat Air bagi Bangunan	M4-53
Jadual 4.5.3 :	Cadangan Lokasi Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS)	M4-55
Jadual 4.5.4 :	Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Air Bandar Raya Kuala Lumpur	M4-57
Jadual 4.5.5 :	Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP)	M4-59
Jadual 4.6.1 :	Senarai Naik Taraf Sistem Saliran Kuala Lumpur	M4-64
Jadual 4.7.1 :	Ciri Utama Bangunan Hijau Rendah Karbon	M4-71
Jadual 4.7.2 :	Senarai Cadangan Zon Perintis Rendah Karbon Bagi Bandar Raya Kuala Lumpur	M4-75
Jadual 4.7.3 :	Inisiatif Khusus Yang Mampu Meningkatkan Tenaga dan Pengeluaran yang Lebih Bersih bagi Industri Sedia Ada dan Baharu di Kuala Lumpur	M4-77
Jadual 4.7.4 :	Langkah-Langkah yang Mampu Meningkatkan Kemudahan Untuk Menggalakkan Aktiviti dan Program Komuniti Rendah Karbon di Kuala Lumpur	M4-79
Jadual 4.1 :	Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 4	M4-80

MATLAMAT 5	KUALA LUMPUR BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM	MUKA SURAT
Jadual 5.1.1 :	Koridor Perkhidmatan BRT Kuala Lumpur	M5-12
Jadual 5.1.2 :	Cadangan Laluan BET	M5-15
Jadual 5.1.3 :	Cadangan Stesen Hentian Bas BET di Kuala Lumpur	M5-15
Jadual 5.1.4 :	Cadangan Pelaksanaan Lorong Khas Bas dan Teksi	M5-20
Jadual 5.2.1 :	Keperluan Laluan Pejalan Kaki dan Kenderaan Mikromobiliti	M5-28
Jadual 5.3.1 :	Cadangan Penyambungan Lebuh Raya di Kuala Lumpur	M5-45
Jadual 5.3.2 :	Cadangan Jalan Utama yang Baharu dan yang Perlu Dinaik Taraf	M5-46
Jadual 5.1:	Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 5	M5-49

MATLAMAT 6	KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN	MUKA SURAT
Jadual 6.1.1 :	Zon Guna Tanah PBRKL 2020 dan Draf PTKL2040 (Hektar)	M6-8
Jadual 6.1.2 :	Perincian Klasifikasi Sepuluh (10) Guna Tanah Utama	M6-10
Jadual 6.1.3 :	Lapisan Kawalan Perancangan	M6-15
Jadual 6.1.4 :	Cadangan Zon Guna Tanah dan Intensiti bagi Tanah yang Belum Dibangunkan (Tanah Kosong)	M6-20
Jadual 6.1.5 :	Cadangan Aktiviti yang Bersesuaian bagi Perkongsian Ruang	M6-21
Jadual 6.1.6 :	Perincian Aktiviti Industri yang Dibenarkan di Zon Guna Tanah Perdagangan	M6-23
Jadual 6.1.7 :	Aktiviti Industri yang Dibenarkan di Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi dan CULB Khas Kampung	M6-23
Jadual 6.2.1 :	Hierarki dan Ciri Utama Pusat Pertumbuhan di Kuala Lumpur	M6-27
Jadual 6.2.2 :	Perancangan Pembangunan dalam Hierarki Pusat Pertumbuhan di Kuala Lumpur	M6-29
Jadual 6.4.1 :	Klasifikasi Guna Tanah bagi Tapak Pembangunan Semula Draf PTKL2040	M6-50
Jadual 6.5.1 :	Cadangan Kawasan Tindakan PPK Warisan	M6-63
Jadual 6.5.2 :	Cadangan Langkah Penambahbaikan Kawasan PPK Warisan	M6-67
Jadual 6.5.3 :	Cadangan Tindakan Program Kerjasama Bersama JWN dan Agensi Kerajaan Berkaitan	M6-68
Jadual 6.6.1 :	Cadangan Prinsip TOD	M6-78
Jadual 6.6.2 :	Cadangan Stesen Berdasarkan Kerangka Garis Panduan TOD	MS-81
Jadual 6.7.1 :	Cadangan Klasifikasi PKK di Kuala Lumpur	M6-88
Jadual 6.7.2 :	Pengkelasan Jenis dan Tahap PKK di Kuala Lumpur	M6-90
Jadual 6.7.3 :	Kawalan Pembangunan di Kawasan Kawalan Alam Sekitar Mengikut Tahap	M6-91
Jadual 6.8.1 :	Senarai Kampung Tradisi, Kampung Potensi Pembangunan dan Kampung Biasa di Kuala Lumpur	M6-94
Jadual 6.8.2 :	Cadangan Pintu Masuk Formal	M6-98
Jadual 6.8.3 :	Cadangan Naik Taraf Jalan Sungai Penchala dan Jalan Segambut	M6-102
Jadual 6.8.4 :	Pelan Cadangan Kampung Potensi Pembangunan	M6-103
Jadual 6.1 :	Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 6	M6-106

PENDAHULUAN





PENDAHULUAN

DRAF PELAN TEMPATAN KUALA LUMPUR 2040 (PTKL2040)

Proses perbandaran yang pesat memerlukan bandar utama dunia bersedia menangani isu kritikal seperti kesesakan lalu lintas, kesan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial, infrastruktur bandar yang tidak mencukupi dan ketidaksediaan teknologi. Kuala Lumpur sebagai bandar utama Malaysia turut menghadapi isu sama yang memerlukan langkah penyelesaian komprehensif dan praktikal.

Draf PTKL2040 adalah dokumen perancangan untuk menangani isu perbandaran dan menetapkan hala tuju baharu pembangunan masa hadapan yang mampan. Draf PTKL2040 mempersiapkan Kuala Lumpur sebagai Bandar Global yang berupaya memenuhi agenda pembangunan di peringkat global, nasional dan aspirasi penduduknya. Draf ini juga adalah terjemahan kepada polisi dan cadangan umum PSKL2040 dalam bentuk perancangan fizikal yang lebih terperinci.

Penyediaan draf ini selaras dengan peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 (Akta 267) dan mengambil kira pencapaian PBRKL 2020. Draf ini menjadi asas dan justifikasi kepada cadangan zon guna tanah dan intensiti yang terkandung dalam Jilid 1, Draf PTKL2040.

Rajah 1.1: Kandungan Draf PTKL2040

JILID 1:
MENGURUS PERANCANGAN BANDAR

Dokumen ini memberi tumpuan kepada pengurusan perancangan bandar yang meliputi panduan kawalan perancangan, peta zon guna tanah dan intensiti pembangunan serta kelas kegunaan tanah dan bangunan.

JILID 2:
MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN BANDAR

Dokumen ini bertujuan memberi tumpuan kepada cadangan untuk menggalakkan pembangunan bandar melalui polisi, program, projek, kawalan perancangan dan garis panduan yang menjadi asas kepada perincian kawalan perancangan dalam Jilid 1.

Rajah 1.2: Hierarki Pelan Pembangunan Kuala Lumpur



Rajah 1.3:
Rangka Kerja Penyediaan Draf PTKL2040



PROSES RUNDINGAN AWAM DAN PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI PENYEDIAAN DRAF PTKL2040

Draf PTKL2040 disediakan melalui beberapa siri rundingan bersama pihak berkepentingan dan orang awam. Rundingan awam bertujuan untuk memastikan perancangan Kuala Lumpur adalah komprehensif, inklusif dan selaras dengan visi Kuala Lumpur Bandar untuk Semua.

Sesi rundingan ini bermula dari peringkat awal penyediaan dan dijalankan melalui pelbagai kaedah meliputi mesyuarat, perbincangan kumpulan fokus dan kumpulan kerja teknikal, bengkel, kaji selidik dalam talian serta taklimat bersama wakil penduduk. Pendekatan ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas yang menyeluruh untuk memastikan Draf PTKL2040 yang lengkap dapat disediakan.

Rajah 1.4 menunjukkan sesi rundingan awam yang telah dijalankan semasa penyediaan Draf PTKL2040.

Rajah 1.4:
Sesi Perbincangan Kumpulan Sasaran (FGD)








Sesi Perbincangan Kumpulan Sasaran (FGD) secara dalam Talian Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040.

Rajah 1.5:
Siri Sesi Rundingan Awam Dalam Penyediaan Draf PTKL2040



Rajah 1.6: Pihak yang Terlibat Dalam Siri Sesi Rundingan Awam Penyediaan Draf PTKL2040

SESI 1 — Sesi Pra-Rundingan

Bengkel Pra-Rundingan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040

PIHAK YANG TERLIBAT

Penglibatan Awam dan Pihak Bekepentingan



SESI 2 DAN 6 — Sesi Santai Datuk Bandar bersama YB Ahli Parlimen

Perbincangan untuk mendapatkan pandangan dan aspirasi serta hala tuju pembangunan kawasan YB Parlimen

AHLI PARLIMEN YANG TERLIBAT

1. Ahli Parlimen Lembah Pantai
2. Ahli Parlimen Cheras
3. Wakil Ahli Parlimen Segambut
4. Wakil Ahli Parlimen Bandar Tun Razak
5. Ahli Parlimen Bukit Bintang
6. Ahli Parlimen Batu
7. Ahli Parlimen Wangsa Maju
8. Ahli Parlimen Setiawangsa
9. Ahli Parlimen Kepong
10. Ahli Parlimen Seputeh

SESI 4 — Sesi *Technical Working Group*

Sesi Semakan Bersama Pihak Berkepentingan

PIHAK YANG TERLIBAT

Rujuk Rajah 1.7



SESI 3 — *Pilot Survey*

Kaji Selidik Dalam Talian Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040

PIHAK YANG TERLIBAT

Persatuan penduduk WPKL



SESI 5 — Sesi *Technical Working Group*

Sesi Semakan Bersama Kementerian, Jabatan dan Agensi Teknikal

AGENSI YANG TERLIBAT

1. Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan serta REDHA (Alat Kawalan Pembangunan)
2. Pejabat Tanah dan Galian
3. Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran
4. Jabatan Infrastruktur
5. Jabatan Pengangkutan Bandar
6. Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi
7. Pejabat Cawangan Wangsa Maju

SESI 7 — Sesi Perbincangan Kumpulan Sasaran (FGD)

Sesi Perbincangan Kumpulan Sasaran (FGD) Dalam Talian Bersama Pihak Berkepentingan, Agensi Teknikal dan Orang Awam

PIHAK YANG TERLIBAT

Agensi Teknikal dan Wakil Penduduk



Rajah 1.7:
Senarai Agensi yang Terlibat dalam Sesi *Technical Working Group*



Nota:
Kebanyakan sesi FGD dan TWG dilaksanakan secara dalam talian berikutan pandemik COVID-19

1.1 RANGKA KERJA PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR
KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR GLOBAL

Kuala Lumpur merupakan ibu negara dan bandar terbesar di Malaysia dengan keluasan 24,289.45 hektar. Ia menjadi pusat pertumbuhan kewangan dan ekonomi yang mendorong kepada pembangunan negara.

Pembangunan Kuala Lumpur pada peringkat awal adalah berorientasikan kepada penyelesaian isu petempatan, pengurusan perbandaran dan alam sekitar. Selaras dengan kepesatan pembangunan semasa, Kuala Lumpur kini menghadapi isu perbandaran seperti kesesakan lalu lintas, kekurangan perumahan mampu milik dan kemudahan masyarakat berkualiti serta terdedah kepada risiko bencana seperti banjir kilat dan tanah runtuh. Oleh itu, sebagai sebuah Bandar Global, Kuala Lumpur perlu mengenal pasti kaedah terbaik dalam menangani isu perbandaran berkenaan.

Indeks Bandar Global 2018 (*Global Cities Index 2018*) meletakkan Kuala Lumpur di kedudukan ke-49 Bandar Global Dunia berdasarkan beberapa aspek seperti aktiviti perniagaan, modal insan, pertukaran maklumat, pengalaman budaya dan penglibatan politik.

PSKL2040 telah menetapkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan global dan pusat kewangan Islam bertaraf antarabangsa. Sehubungan itu, Kuala Lumpur perlu melonjakkan kedudukannya di peringkat global menerusi peningkatan aktiviti dan ekosistem kewangan yang lengkap meliputi penggunaan pendigitalan dan teknologi yang lebih meluas.

Peningkatan aktiviti kewangan akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Global yang produktif, mampu menarik pelaburan, menyokong inovasi dan menjana pekerjaan. Ia juga akan terus mengekalkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi bandar yang dinamik, berkembang maju dan berdaya saing.

RANTAIAN EKONOMI ANTARA BANDAR DALAM WILAYAH KONURBASI NASIONAL (WKN)

Kuala Lumpur sebagai bandar utama di Malaysia adalah antara bandar yang menjadi enjin pertumbuhan ekonomi negara. Sebanyak 75 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia adalah tertumpu di kawasan bandar yang terletak di Konurbasi Nasional, Konurbasi Utara, Konurbasi Selatan dan Konurbasi Timur. Potensi pembangunan bandar ini perlu dirancang sebaik mungkin bagi mendapatkan faedah ekonomi yang optimum.

Kuala Lumpur perlu mewujudkan hubungan kerjasama dengan bandar dalam Wilayah Konurbasi Nasional seperti Cyberjaya, Putrajaya, Shah Alam, Petaling Jaya dan Klang dari segi perkongsian dasar, program dan inisiatif perancangan spatial, pengurusan alam sekitar dan penyediaan infrastruktur. Hubungan ini juga dapat memastikan wilayah kekal kukuh untuk menampung pertumbuhan ekonomi dan fizikal yang semakin pesat.

Pengukuhan integrasi ekonomi di antara bandar-bandar tersebut dapat dilaksana melalui penglibatan pihak berkuasa tempatan dalam perancangan wilayah. Pengukuhan tersebut adalah penting untuk memastikan penggunaan sumber yang optimum dan pembangunan yang seimbang selaras dengan matlamat PSKL2040.



HUBUNGAN PENGANGKUTAN KE RANGKAIAN SERANTAU

Dasar Pengangkutan Negara 2030 (DPN2030) telah menetapkan sektor pengangkutan sebagai pemangkin utama bagi pembangunan sosioekonomi negara. Kecekapan sistem pengangkutan negara berkait secara langsung dengan pertumbuhan ekonomi dan aktiviti perdagangan.

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan 2015, telah mensasarkan Malaysia menjadi pintu masuk pilihan kepada aktiviti logistik. Sebagai pintu masuk pilihan, ia akan menjadi tulang belakang kepada rantaian pembekalan dan faktor utama untuk merangsang perdagangan, memudahkan perniagaan dan memacu pertumbuhan ekonomi wilayah.

Walau bagaimanapun, isu kesesakan di pelabuhan sering menjadi masalah apabila kedatangan kontena dari lori pengangkut ke pelabuhan berlaku pada masa yang sama. Prestasi logistik dan pengurusan rantaian bekalan perlu dipertingkatkan agar memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi Kuala Lumpur.

Kewujudan pintu masuk di Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang KLIA telah menggalakkan aglomerasi aktiviti industri dan perkhidmatan berhampiran dengan dua (2) pintu masuk ini. Aglomerasi ini mendorong kepada penjanaan peluang pelaburan dan pekerjaan. Kuala Lumpur perlu memastikan rangkaian pengangkutan serantau meliputi hab logistik, pengangkutan barangan dan pelabuhan pintu masuk dipertingkatkan.

PELAKSANAAN SISTEM PENGANGKUTAN BERASASKAN REL BAGI PERGERAKAN KOMUNITI DAN PERKHIDMATAN

Cadangan pembangunan terminal rel berkelajuan tinggi di Bandar Malaysia akan meningkatkan lagi peranan Kuala Lumpur sebagai pintu masuk utama negara. Cadangan ini akan mengurangkan masa perjalanan sehingga 90 minit di antara Lembah Klang dengan Wilayah Selatan dan akan membuka peluang kepada aktiviti ekonomi serantau.

Pembangunan laluan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) akan menjadi rangkaian perkhidmatan rel baharu kepada komuniti dan pergerakan barangan yang akan menghubungkan wilayah pantai timur dan wilayah pantai barat Semenanjung Malaysia. Cadangan laluan kereta api ini bermula dari Kota Bharu di Kelantan dan berakhir di Pelabuhan Klang di Selangor. Selain negeri Kelantan dan Selangor, laluan ini juga akan merentasi negeri Terengganu dan Pahang. Kuala Lumpur harus mengambil manfaat dari pelaksanaan projek ini kerana terdapat cadangan untuk menghubungkan ECRL dengan Terminal Bersepadu Gombak yang dihubungkan dengan rangkaian Transit Aliran Ringan (LRT) Kuala Lumpur.

Sistem pengangkutan rel akan lebih bersepadu dengan pelaksanaan cadangan pembinaan Laluan Lingkaran (MRT3) yang akan terhubung dengan laluan LRT, MRT1, MRT2 dan KTM Komuter sedia ada bagi Kuala Lumpur. MRT3 turut akan menjadi satu landasan penting dalam memacu daya saing dan merangsang ekonomi Kuala Lumpur.



Pemandangan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur pada waktu malam.

1.2 PENCAPAIAN PBRKL 2020
DALAM TEMPOH PEMAKAIAN

Pelan Tempatan Kuala Lumpur pertama yang dikenali sebagai Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) telah diwartakan pada 30 Oktober 2018. PBRKL 2020 disediakan berdasarkan peruntukan Seksyen 13, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Pelan ini menterjemahkan wawasan jangka panjang PSKL2020 ke arah Bandar Raya Bertaraf Dunia.

PBRKL 2020 menggariskan lapan (8) teras pembangunan, 24 hala tuju strategik dan disokong oleh 73 inisiatif utama yang meliputi semua aspek pembangunan demi menggalakkan pertumbuhan Kuala Lumpur sehingga tahun 2020.

Pencapaian PBRKL 2020 dalam tempoh pemakaiannya dinilai bagi melihat tahap pelaksanaannya berdasarkan 15 sektor perancangan utama, iaitu sektor guna tanah dan intensiti, perdagangan, kediaman, perindustrian, kemudahan masyarakat, reka bentuk, warisan, kawasan lapang dan hijau, alam sekitar, risiko bencana, infrastruktur, pengangkutan, teknologi hijau dan tenaga boleh baharu, kampung tradisi dan pelancongan.


Pencapaian pelaksanaan PBRKL 2020 dinilai melalui dua (2) kategori, iaitu tahap pelaksanaan dan tahap kesesuaian cadangan untuk disesuaikan dalam konteks penyediaan Draf PTKL2040.

Berdasarkan penilaian pencapaian pelaksanaan cadangan sepanjang pemakaian PBRKL 2020, sebanyak 26.83 peratus cadangan sedang dilaksanakan, 62.20 peratus cadangan telah dilaksanakan dan 10.98 peratus cadangan belum dilaksanakan, seperti di Rajah 1.2.1.


Penilaian tahap kesesuaian cadangan PBRKL 2020 untuk dilaksanakan dalam Draf PTKL2040 mendapati 22.0 peratus cadangan adalah masih sesuai, 74.0 peratus cadangan adalah sesuai tetapi perlu ditambah baik manakala 4.0 peratus cadangan didapati tidak sesuai untuk dilaksanakan seperti di Rajah 1.2.2.

Draf PTKL2040 akan mengambil kira cadangan dari PBRKL 2020 yang masih lagi sesuai untuk dilaksanakan dan memastikan cadangan tersebut bersesuaian dengan keadaan semasa dan perancangan masa hadapan Kuala Lumpur yang menetapkan visi Kuala Lumpur Bandar untuk Semua.

Rajah 1.2.1:
Pencapaian Pelaksanaan Cadangan PBRKL 2020



Rajah 1.2.2:
Penilaian Tahap Kesesuaian Cadangan PBRKL 2020 Bagi Pelaksanaan Draf PTKL2040



Nota:

Telah Dilaksanakan: Perancangan dan cadangan dalam PBRKL 2020 telah diambil kira dan telah dilaksanakan dalam cadangan Draf PTKL2040

Sedang Dilaksanakan: Perancangan dan cadangan dalam PBRKL 2020 telah diambil kira dan telah ditambahbaik dalam cadangan Draf PTKL2040

Belum Dilaksanakan: Perancangan dan cadangan dalam PBRKL 2020 tidak diambil kira dalam cadangan dan inisiatif perancangan Draf PTKL2040

Masih Sesuai: Cadangan dari PBRKL 2020 yang masih relevan dan dikekalkan dalam Draf PTKL2040

Sesuai dan ditambah baik: Cadangan dari PBRKL 2020 masih digunakan namun telah ditambah baik dalam Draf PTKL2040

Tidak Sesuai: Cadangan dari PBRKL 2020 tidak sesuai (sudah dicapai, tidak lagi sesuai dengan pembangunan di Kuala Lumpur) dan tidak diambil kira dalam Draf PTKL2040

1.3 TREND PEMBANGUNAN
KUALA LUMPUR MENJELANG 2040

Kuala Lumpur mempunyai asas ekonomi yang kukuh dan pesat membangun. Proses pembangunannya telah mengalami transformasi yang dinamik kesan dari perancangan strategik pelan pembangunan Kuala Lumpur, iaitu PSKL2020 dan PBRKL 2020. Melalui kerangka strategi pembangunan holistik PSKL2020, Kuala Lumpur disasar membangun secara bersepadu, menyeluruh dan mampan dari aspek sosioekonomi dan persekitaran.

Kejayaan utama Kuala Lumpur adalah pembangunan ekonomi yang pesat selaras dengan kepentingan dan keperluan warga Kuala Lumpur yang terdiri dari pelbagai kumpulan etnik, termasuk bukan warganegara. Bandar raya ini berjaya meneruskan matlamat menjadi mercu tanda dan simbol perkembangan ekonomi negara.

PENDUDUK KUALA LUMPUR 2020

Jumlah penduduk Kuala Lumpur pada tahun 2020 adalah seramai 1.98 juta di mana 88.9 peratus merupakan warganegara dan 11.15 peratus warga asing.


Penduduk Melayu kekal sebagai kumpulan etnik terbesar sebanyak 42.7 peratus, etnik Cina yang kedua terbesar sebanyak 37.2 peratus, etnik India sebanyak 9.0 peratus dan lain-lain 0.6 peratus, dikalangan warganegara.

Kuala Lumpur mencatatkan nisbah penduduk lelaki mengatasi penduduk perempuan dengan nisbah jantina 115:100. Saiz penduduk lelaki adalah sebanyak 53.4 peratus berbanding penduduk perempuan sebanyak 46.6 peratus.

Saiz penduduk bekerja (15-64 tahun) telah meningkat dan merupakan jumlah terbesar penduduk sebanyak 73.5 peratus. Saiz penduduk muda (0-14 tahun) telah susut kepada 20.0 peratus berbanding tahun 2019. Peratusan penduduk warga emas (65 tahun ke atas) pula telah menyumbang sebanyak 6.5 peratus dari jumlah penduduk Kuala Lumpur.


INFO RINGKAS

PENDUDUK KUMPULAN ETNIK 2020



INFO RINGKAS

PENDUDUK KUALA LUMPUR 2020




INFO RINGKAS

NISBAH JANTINA 2020



INFO RINGKAS

SAIZ PENDUDUK 2020



Sumber: *My Local Stat* Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2020

TENAGA BURUH, PENDUDUK BEKERJA DAN PEKERJAAN

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) sepertimana Rajah 1.3.1 mencatatkan trend turun naik ketara dari tahun 2010 hingga 2020. KPTB bagi tahun 2010 hingga 2013 mencatatkan peningkatan sangat ketara dari 66.2 peratus kepada 72.0 peratus. Seterusnya, trend sama turut berlaku dengan KPTB pada tahun 2020 adalah pada 72.1 peratus. Perubahan ini disebabkan oleh permintaan ke atas keperluan tenaga kerja, terutamanya sektor pembinaan dan industri perkhidmatan.

Rajah 1.3.1 juga menunjukkan prestasi kadar pengangguran Kuala Lumpur antara tahun 2010 hingga 2020 adalah terkesan oleh perubahan perkhidmatan guna tenaga, dengan kadar pengangguran juga mencatat trend turun naik ketara.

Jadual 1.3.1:
Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Utama, Kuala Lumpur 2016-2020


Kategori	Bilangan ('000)				
	2016	2017	2018	2019	2020
Perlombongan dan Perkuarian	0.1	0.4	1.4	1.1	1.1
Pembuatan	52.1	48.2	44.9	68.9	85.1
Pembinaan	85.2	83.6	82.0	80.1	78.4
Perkhidmatan	699.8	712.1	696.1	690.9	710.0
JUMLAH	**837.2**	**844.3**	**824.4**	**841.0**	**874.6**

Sumber: Laporan Sosioekonomi 2020, WP Kuala Lumpur, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENDUDUK BEKERJA


Rajah 1.3.2 menunjukkan Kuala Lumpur mencatatkan penduduk bekerja meningkat dari 788.0 ribu tahun 2010 kepada 874.6 ribu pada tahun 2020. Seperti di Rajah 1.3.2 dan Jadual 1.3.1 pula mencatatkan sektor perkhidmatan sebagai penyumbang utama dengan 710.0 ribu penduduk bekerja (bersamaan 81.2 peratus) pada tahun 2020. Sektor pembuatan dan pembinaan adalah penyumbang kedua dan ketiga dengan 85.1 ribu (9.7 peratus) dan 78.4 ribu (9.0 peratus) penduduk bekerja.

Rajah 1.3.1:
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran



Sumber: *My Local Stat WP Kuala Lumpur 2020*

Rajah 1.3.2:
Tenaga Buruh dan Penduduk Bekerja ('000)



Sumber: Laporan Sosioekonomi WP Kuala Lumpur, 2020

Jadual 1.3.2 menunjukkan kategori pekerja perkhidmatan dan jualan adalah pekerjaan yang mendominasi penduduk bekerja di Kuala Lumpur pada tahun 2020. Sebahagian penduduk bekerja di sektor ini adalah penduduk bukan warganegara. Kategori ini menyumbang sebanyak 24.0 peratus, diikuti oleh kategori pekerja profesional sebanyak 18.3 peratus dan kategori juruteknik dan profesional bersekutu sebanyak 18.3 peratus dan 12.5 peratus. Kategori pekerja mahir merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik dan profesional bersekutu menyumbang sebanyak 40.8 peratus.

Jadual 1.3.2:
Penduduk Bekerja Mengikut Kategori Pekerjaan, Kuala Lumpur 2016-2020

Kategori Pekerjaan	Bilangan ('000)				
	2016	2017	2018	2019	2020
Pengurus	73.6	72.0	72.1	74.7	87.8
Profesional	168.0	164.3	168.4	165.8	159.9
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	120.0	114.2	117.5	112.8	109.1
Pekerja Sokongan Perkeranian	97.7	99.1	94.1	88.9	97.7
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	194.0	197.9	183.1	200.8	209.7
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	0.6	0.5	1.1	1.8	0.9
Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan	57.4	57.6	55.4	69.3	65.0
Operator Mesin dan Loji dan Pemasang	59.5	59.3	57.2	58.4	66.9
Pekerja Asas	66.4	79.5	75.5	68.5	77.6
Jumlah	**837.2**	**844.3**	**824.4**	**841.0**	**874.6**

Sumber: Laporan Sosioekonomi 2020, WP Kuala Lumpur, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan lain-lain sektor adalah kecil dengan sektor pembinaan menyumbang sekitar 9.0 peratus. Jadual 1.3.3 memberi gambaran sub-sektor utama pekerjaan penduduk Kuala Lumpur. Sebagai pusat perdagangan utama negara, sub-sektor borong dan runcit adalah penyumbang utama kepada pekerjaan Kuala Lumpur.

Saiz penduduk bekerja dalam sub-sektor ini adalah 25.5 peratus dari jumlah penduduk bekerja. Pusat tarikan utama pelancong dan pengunjung tempatan, sub-sektor penginapan, makanan dan minuman menjadi tumpuan dengan sumbangan sebanyak 11.2 peratus penduduk bekerja.

Kuala Lumpur akan menjadi tumpuan penduduk umur bekerja dari seluruh negara. Jadual sama juga menunjukkan sumbangan sub-sektor profesional dan kewangan yang semakin menyerlah dengan permintaan yang semakin meningkat. Keperluan pentadbiran ke atas perkhidmatan perancangan, seni bina, alam bina, alam sekitar, trafik, impak sosial dan juga perkhidmatan guaman menjadikan sub-sektor ini semakin mendapat tumpuan. Lain-lain sub-sektor yang berpotensi melonjak perkhidmatan masa depan termasuk pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dan penyimpanan.

Jadual 1.3.3:
Taburan Penduduk Bekerja dalam Sub Sektor, 2020

Sub Sektor	Tahun 2020	
	Bilangan	Peratus (%)
Bekalan Elektrik, Gas dll	2,123	0.3
Bekalan Air dll	3,539	0.5
Borong dan Runcit	181,197	25.5
Pengangkutan dan Penyimpanan	48,130	6.8
Penginapan, Makanan dan Minuman	79,981	11.2
Maklumat dan Komunikasi	41,760	5.9
Kewangan dan Insuran	62,286	8.8
Hartanah	21,234	3.0
Professional	70,072	9.8
Pentadbiran Am dan Khidmat Sokongan	50,254	7.1
Pentadbiran Awam	46,715	6.6
Pendidikan	29,728	4.2
Kesihatan	32,559	4.6
Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	9,909	1.4
Aktiviti Lain	19,818	2.8
Majikan Isi Rumah	8,494	1.2
Lain-lain	2,201	0.3
Jumlah	**710,000**	**100.0**

Sumber: Olahan dari Laporan Sosioekonomi 2019 dan 2020, WP Kuala Lumpur, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENDAPATAN PER KAPITA DAN PENDAPATAN ISI RUMAH, KUALA LUMPUR

PENDAPATAN PER KAPITA, 2010 - 2020

Pendapatan per kapita Kuala Lumpur pada tahun 2019 adalah sebanyak RM129,472, dan merupakan pendapatan per kapita tertinggi di Malaysia, iaitu bersamaan 2.7 kali ganda berbanding purata nasional. Pendapatan per kapita Kuala Lumpur meningkat pada kadar purata 7.7 peratus setahun antara tahun 2010 dan 2019. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 pendapatan per kapita susut kepada kadar negatif 6.4 peratus kesan situasi pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti di Jadual 1.3.4.

PENDAPATAN ISI RUMAH, 2019

Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (LPPPIR) Kuala Lumpur bagi tahun 2016 dan tahun 2019 menunjukkan pendapatan penengah dan purata isi rumah kumpulan B40 secara relatif adalah tinggi berbanding negeri lain. Sebanyak 53.9 peratus isi rumah Kuala Lumpur mempunyai pendapatan kasar melebihi RM10,000 sebulan dan sebanyak 30.3 peratus isi rumah memperoleh pendapatan antara RM6,000 hingga RM10,000.

Sebanyak 26.5 peratus isi rumah memperolehi pendapatan antara RM4,000 hingga RM6,000 dan hanya 3.8 peratus isi rumah yang memperoleh pendapatan bulanan kurang dari RM4,000 seperti di Jadual 1.3.5.

Jadual 1.3.4:
Pendapatan Per Kapita Kuala Lumpur, 2010-2020

Tahun	Kuala Lumpur (RM)	KPT(%)
2010	64,693	
2011	70,675	9.2
2012	77,073	9.1
2013	82,208	6.7
2014	90,546	10.1
2015	94,964	4.9
2016	101,576	6.7
2017	111,321	9.6
2018	121,444	9.1
2019	129,472	6.6
2020	121,200	-6.4

Sumber: Laporan Sosioekonomi 2012 – 2020 dan GDP by State 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jun 2021

Jadual 1.3.5: Pendapatan Isi Rumah Kuala Lumpur 2016-2019

Kumpulan Isi Rumah Mengikut Pendapatan		Penengah (RM)		Purata (RM)	
		2016	2019	2016	2019
Terendah	40%	5,344	6,623	5,257	6,480
Pertengahan	40%	10,564	12,068	10,823	12,356
Tertinggi	20%	20,201	22,610	26,306	28,622
Keseluruhan		**9,073**	**10,549**	**11,692**	**13,257**

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, WP Kuala Lumpur, 2016 dan 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.3.6: Pendapatan Isi Rumah Kasar Kuala Lumpur 2019

Kelas Pendapatan Kasar	Tahun 2019		
	Isi Rumah		Agihan Pendapatan
	Bilangan	Peratus	
Kurang RM 2,000	969	0.2	
RM 2,000 - RM 4000	17,435	3.6	1.0
RM 4,001 - RM 6,000	58,116	12.0	4.6
RM 6,001 - RM 8,000	70,224	14.5	7.8
RM 8,001 - RM 10,000	76,519	15.8	10.7
RM 10,001 - RM 15,000	134,635	27.8	25.5
RM 15,000 dan lebih	126,402	26.1	50.4
Jumlah	**484,300**	**100.0**	**100.0**

Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, WP Kuala Lumpur, 2019 Jabatan Perangkaan Malaysia

KEMISKINAN

Nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 telah disemak semula dengan mengambil kira dua (2) aspek, iaitu keperluan pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti. Nilai purata kemiskinan (PGK) bagi Kuala Lumpur, pada tahun 2019 ialah RM2,216 sebulan. Sementara itu nilai PGK makanan adalah RM1,110 sebulan dengan purata saiz isi rumah seramai 3.3 orang.

Insiden kemiskinan mutlak Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan daripada 0.85 peratus pada tahun 2016 kepada 2.0 peratus pada tahun 2019. Insiden kemiskinan relatif Kuala Lumpur adalah 10.9 peratus pada tahun 2019 berbanding 13.8 peratus pada tahun 2016. Kadar ini lebih rendah berbanding nilai nasional, iaitu 16.9 peratus.


PENDUDUK KUALA LUMPUR 2040

Tiga (3) kawasan yang dijangka terus mendapat tumpuan penduduk adalah di Kawasan Bukit Jalil-Seputeh, kawasan Sentul-Menjalara dan kawasan Wangsa Maju-Maluri. Penduduk lelaki kekal tinggi berbanding perempuan dengan nisbah jantina 112:100. Komposisi etnik menunjukkan tiada perubahan ketara. Peratusan ketiga-tiga kumpulan etnik utama dijangka akan meningkat, manakala peratusan penduduk bukan warga negara dijangka menurun. Walau bagaimanapun, Kuala Lumpur dijangka akan terus menerima tenaga buruh asing terutama dalam sektor pembinaan. Kuala Lumpur juga akan mempunyai saiz penduduk warga emas yang meningkat sehingga 17.3 peratus pada tahun 2040.

Perubahan yang ketara dijangka dicatatkan oleh penduduk berumur 20 sehingga 24 tahun disebabkan oleh kemasukan pelajar luar kawasan dan negeri untuk melanjutkan pengajian di IPT di Kuala Lumpur. Institusi pengajian tinggi di Kuala Lumpur juga dijangka menerima kemasukan lebih ramai pelajar siswazah dari negara luar.


Rajah 1.3.3 adalah gambaran taburan penduduk Kuala Lumpur mengikut kumpulan umur bagi tahun 2020 dan 2040. Kumpulan umur 20-24 dan 25-29 adalah dua kumpulan terbesar bagi kedua-dua tahun perbandingan. Peranan Kuala Lumpur sebagai pusat pendidikan antarabangsa akan menarik kemasukan penduduk umur muda, khususnya pelajar dari negeri lain dan dari luar negara yang mahu melanjutkan pelajaran di Kuala Lumpur.

Rajah 1.3.3:
Penduduk Mengikut Kumpulan Umur 2020 dan 2040



Jadual 1.3.7: Penduduk Kuala Lumpur 2040 Mengikut Kawasan

Kawasan	Tahun ('000)						KPPT (%) 2020-2040
	2020	2025	2030	2035	2040	% Dari Σ (2040)	
Pusat Bandar	221.3	227.8	241.5	251.1	260.9	11.1	1.40
Damansara – Penchala	232.9	239.7	253.2	265.3	277.3	11.8	1.43
Sentul – Menjalara	401.0	412.7	436.2	464.9	493.5	21.0	1.61
Wangsa Maju – Maluri	399.8	411.5	431.6	450.8	470.0	20.0	1.38
Bandar Tun Razak – Sungai Besi	306.8	315.8	327.2	337.3	347.8	14.8	1.20
Bukit Jalil – Seputeh	420.3	432.5	440.3	470.6	500.5	21.3	1.47
Jumlah	**1,982.1**	**2,040.0**	**2,130.0**	**2,240.0**	**2,350.0**	**100.0**	**1.42**
KPPT (%)	1.98	2.04	1.46	1.00	0.96		



RAJAH 1.3.4 | Pelan Kawasan Perancangan Utama

Petunjuk :

Kawasan Utama

- Pusat Bandar Raya
- Wangsa Maju - Maluri
- Sentul - Menjalara
- Damansara - Penchala
- Bukit Jalil - Seputeh
- Bandar Tun Razak - Sungai Besi

Lain-lain


- Sempadan Kuala Lumpur

SOSIOEKONOMI KUALA LUMPUR 2040

Jadual 1.3.7 hingga Jadual 1.3.10 adalah unjuran utama asas ekonomi Kuala Lumpur bagi tempoh perancangan sehingga 2040 yang merangkumi penduduk bekerja, pekerjaan, KDNK dan Per Kapita. Unjuran ini adalah berasaskan saiz penduduk 2.35 juta seperti yang ditetapkan oleh PSKL2040.

INFO RINGKAS

PENDUDUK KUALA LUMPUR 2040



INFO RINGKAS

NISBAH JANTINA 2040



Jadual 1.3.8:
Unjuran Penduduk Bekerja, 2020-2040

Tahun	Penduduk ('000)	Peratus	Penduduk Bekerja ('000)
2020	1,982.1	44.1	874.7
2025	2,040.0	45.1	920.0
2030	2,130.0	45.3	964.9
2035	2,240.0	45.6	1,021.4
2040	2,350.0	45.9	1,080.0

Jadual 1.3.9:
Unjuran KDNK 2020-2040 (Nilai dalam RM Bilion)

Tahun	KDNK	KPPT (Peratus)
2020	216	
2025	294	6.1
2030	407	6.5
2035	530	5.3
2040	680	5.0
KPPT (2020 – 2040)		5.7

Jadual 1.3.10:
Unjuran Per Kapita, 2020-2040

Tahun	KDNK (Bilion)	Penduduk ('000)	Per Kapita (RM '000)
2020	216	1,982.1	122.5
2025	294	2,040.0	148.5
2030	407	2,130.0	191.1
2035	530	2,240.0	236.6
2040	680	2,350.0	289.4



Lokasi: China Town, Kuala Lumpur
Sumber: https://www.shutterstock.com/g/outcast85

Aktiviti Sosioekonomi di China Town, Kuala Lumpur.

1.4 ASPIRASI KUALA LUMPUR 2040
DASAR PEMBANGUNAN GLOBAL, NASIONAL DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Strategi dan cadangan Draf PTKL2040 akan berlandaskan kepada rangka pembangunan global, nasional dan Kuala Lumpur serta garis panduan yang berkaitan dengan Kuala Lumpur.

AGENDA MAMPAN GLOBAL

Agenda Mampan Global merupakan dasar pembangunan di peringkat global yang dirangka untuk memastikan perancangan bandar yang mampan dan berdaya huni dapat dicapai. Komitmen dalam perancangan ekonomi, sosial dan fizikal menjadi agenda utama dalam kerangka perancangan pembangunan Kuala Lumpur ini. Dasar pembangunan yang di ambil kira merangkumi:

1. Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)
2. Agenda Perbandaran Baharu (NUA)
3. Perjanjian Iklim Paris 2015
4. Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana



Lokasi: Galeri Kuala Lumpur, Kuala Lumpur

Galeri Kuala Lumpur di Jalan Raja, Kuala Lumpur.

1. Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)





SDGs menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030. SDGs adalah kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Millennium yang merangkumi semua isu pembangunan mampan.

Draf PTKL2040 akan mengambil kira matlamat SDGs yang berkaitan terutamanya matlamat ke-11, iaitu *Bandar dan Komuniti Mampan* ke arah melaksanakan pembangunan mampan.

Menjelang tahun 2050, dua per tiga penduduk dunia dijangka akan menghuni bandar. Pembentukan Bandar Mampan akan mewujudkan peluang kerjaya dan perniagaan serta penyediaan perumahan yang mampu dimiliki, selesa dan selamat. Bandar Mampan juga mendorong perancangan dan pengurusan bandar secara inklusif, penyediaan pengangkutan awam yang menyeluruh dan pewujudan ruang awam hijau yang mencukupi.

2. Agenda Perbandaran Baharu (NUA)



Agenda Perbandaran Baharu (NUA) adalah pelan tindakan urbanisasi bagi semua bandar dan pihak berkepentingan untuk melaksana dan menyokong Agenda 2030 ke arah menjadikan bandar bersifat inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan. NUA telah diadaptasi oleh 170 negara ketika sidang UN Habitat III di Quito, Ecuador pada 20 Oktober 2016.

Draf PTKL2040 akan mengambil kira lima (5) elemen utama NUA, iaitu struktur pentadbiran, penyertaan sosial, pembangunan spatial, kemakmuran bandar dan alam sekitar yang berdaya mampan dalam rangka perancangannya.

3. Agenda United Nations Convention on the Right of Persons with Disabilities (UNCRPD)



Konvensyen ini merupakan perjanjian hak asasi antarabangsa di bawah PBB dengan agenda untuk mempromosi, melindungi dan memastikan kesaksamaan hak asasi manusia khususnya golongan orang kurang upaya.

Draf PTKL2040 akan mengambil kira lapan (8) perkara yang mendasari UNCRPD ini dalam strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan yang berkaitan.


4. Addis Ababa Action Agenda



Addis Ababa Action Agenda adalah rangka kerja global bagi pembiayaan pembangunan mampan sejajar dengan dasar ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Draf PTKL2040 akan mengambil kira tujuh (7) tindakan yang terdapat dalam dokumen tersebut ke dalam strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan yang berkaitan.

5. Perjanjian Iklim Paris 2015



Perjanjian Iklim Paris 2015 merupakan perjanjian antarabangsa yang diwujudkan pada 12 Disember 2015 mengenai perubahan iklim. Perjanjian ini bertujuan untuk menghadkan pemanasan global sehingga 1.5 darjah celsius sahaja bagi memastikan iklim neutral boleh dicapai menjelang pertengahan abad. Menerusi perjanjian ini, Malaysia telah berhasrat untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030 berbanding 2005. Malaysia telah berjaya mengawal pelepasan karbon melalui tiga (3) sektor utama, iaitu tenaga, sisa dan perhutanan.

Draf PTKL2040 menterjemahkan tiga (3) sektor utama ini dalam strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan yang berkaitan.

6. Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030



Rangka Kerja Sendai bagi Pengurangan Risiko Bencana merupakan dokumen berkenaan pengurangan risiko bencana. Empat (4) fokus utama dalam rangka kerja ini ialah:

1. Pemahaman risiko bencana;
2. Pengukuhan tadbir urus risiko bencana;
3. Pelaburan dalam pengurangan risiko bencana untuk daya tahan; dan
4. Persediaan menangani bencana.

Rangka kerja ini menetapkan tujuh (7) sasaran global menjelang tahun 2030 iaitu:

1. Mengurangkan kematian akibat bencana global;
2. Mengurangkan bilangan orang yang terjejas di seluruh dunia;
3. Mengurangkan kerugian ekonomi berhubung dengan keluaran dalam negara kasar secara global;
4. Mengurangkan kerosakan akibat bencana kepada infrastruktur kritikal dan gangguan perkhidmatan asas (kemudahan kesihatan dan pendidikan);
5. Meningkatkan bilangan negara yang mempunyai strategi pengurangan risiko bencana nasional dan tempatan;
6. Meningkatkan kerjasama antarabangsa melibatkan negara-negara membangun melalui sokongan yang mencukupi dan mampan untuk melengkapkan tindakan nasional bagi pelaksanaan rangka kerja; dan
7. Meningkatkan ketersediaan dan akses kepada sistem amaran awal pelbagai bahaya serta maklumat dan penilaian risiko bencana kepada rakyat.

Draf PTKL2040 merangka strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan yang memberi tumpuan kepada dua (2) fokus utama, iaitu pengukuhan tadbir urus risiko bencana dan persediaan menangani bencana.



Pemandangan Kuala Lumpur dari Menara Kuala Lumpur.

AGENDA MAMPAN NEGARA

Agenda Mampan Negara merupakan dasar pembangunan di peringkat negara yang dirangka untuk memastikan perancangan bandar dalam konteks perancangan ekonomi, sosial dan fizikal dapat dicapai. Dasar pembangunan yang diambil kira merangkumi:

1. Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)
2. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)
3. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)
4. Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2023
5. Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia
6. Dasar Industri 4.0 Kebangsaan
7. MySmart Wilayah 2030 Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan
8. Membangun Negara MADANI

1. Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)



RFN4 merupakan dokumen perancangan utama negara yang dirangka sebagai panduan perancangan dalam mencorak hala tuju pembangunan fizikal di Malaysia. Dasar strategik dan tindakan pembangunan yang dirangka diterjemahkan di peringkat wilayah, negeri dan tempatan bagi merealisasikan perancangan yang holistik, dinamik, berdaya tahan dan berdaya saing.

RFN4 turut menetapkan Kuala Lumpur sebagai salah satu bandar raya berstatus Bandar Global di Malaysia selain Wilayah Persekutuan Putrajaya, Georgetown dan Johor Bahru. Kuala Lumpur merupakan lokasi utama bagi syarikat multinasional, destinasi pelancongan dan hab pekerjaan global di Malaysia yang memainkan peranan penting sebagai hab pelaburan dan pasaran dunia.

Rangka strategik perancangan spatial RFN4 dalam konteks Draf PTKL2040 merangkumi enam (6) hala tuju strategik seperti berikut:

PD2	Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing
PD3	Rangkaian Perhubungan Strategik dan Bersepadu
KI1	Persekitaran Berdaya Huni dan Komuniti
KD2	Pengurusan Mampan Sumber Asli, Sumber Makanan dan Sumber Warisan
KD3	Pelaksanaan Pendekatan Bandar Rendah Karbon dan Sumber Tenaga Alternatif Mampan
KI5	Risiko Tanah Runtuh

2. Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)



DPN2 disediakan untuk memandu dan menyelaras pembangunan perbandaran mampan dengan menekankan keseimbangan pembangunan fizikal, alam sekitar, sosial dan ekonomi negara.

Terdapat lima (5) prinsip yang telah ditetapkan dan diperincikan menerusi strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan Draf PTKL2040.

PRINSIP 1	Tadbir Urus Bandar yang Baik
PRINSIP 2	Bandar yang Berdaya Huni
PRINSIP 3	Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing
PRINSIP 4	Pembangunan Bandar yang Inklusif dan Saksama
PRINSIP 5	Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih

3. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)



WKB2030 merupakan dokumen yang memfokus kepada usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan melalui pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Dasar ini menggariskan tujuh (7) teras strategik dalam usaha penstrukturan semula ekonomi kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

TERAS 1	Ekosistem Perniagaan dan Industri
TERAS 2	Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama
TERAS 3	Modal Insan
TERAS 4	Pasaran Buruh dan Pampasan Pekerja
TERAS 5	Kesejahteraan Sosial
TERAS 6	Keterangkuman Wilayah
TERAS 7	Modal Sosial

4. Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030



DPN 2019-2030 dirangka berdasarkan pertumbuhan pesat sektor pengangkutan negara dan kedudukan Malaysia sebagai salah satu hab pengangkutan di rantau Asia Tenggara. Prinsip yang digariskan adalah seperti berikut:

PRINSIP 1	Memperkukuh tadbir urus ke arah persekitaran yang kondusif bagi sektor pengangkutan
PRINSIP 2	Mengoptimum, membina dan menyelenggara infrastruktur, perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan bagi memaksimumkan kecekapan
PRINSIP 3	Meningkatkan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian bagi melancarkan perjalanan
PRINSIP 4	Melangkah maju ke arah ekosistem pengangkutan hijau
PRINSIP 5	Memperluas jejak global dan mempromosikan berkenaan pengantarabangsaan perkhidmatan pengangkutan

5. Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia



Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia akan menjadi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membangunkan kawasan pentadbiran ke arah menjadikan Malaysia sebagai bandar pintar. Kerangka ini mempunyai tujuh (7) komponen bandar pintar dan 16 hala tuju dasar dengan lima (5) bandar dijadikan sebagai bandar perintis bagi inisiatif khusus, iaitu Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Johor Bahru, Kuching dan Kulim.

Draf PTKL2040 mengambil kira kesemua komponen Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia terutamanya projek perintis di Kuala Lumpur dan diterjemahkan dalam bentuk strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan.

01	*Smart Economy*
02	*Smart Living*
03	*Smart Environment*
04	*Smart People*
05	*Smart Government*
06	*Smart Mobility*
07	*Smart Digital Infrastructure*

6. Dasar Industri 4.0 Kebangsaan



Dasar Industri 4.0 Kebangsaan bertujuan untuk mentransformasikan sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan bagi tempoh 2018 hingga 2025. Dasar ini juga dikenali sebagai Dasar Industry4WRD.

Pelaksanaan Industry4WRD lebih komprehensif dan ia membabitkan pembangunan industri bagi mengadaptasi penggunaan teknologi dalam organisasi.

F	Pembiayaan dan Insentif Berasaskan Hasil
I	Infrastruktur Digital Yang Efisien dan Membolehkan Ekosistem
R	Rangka Kerja Kawal Selia dan Penerimagunaan Industri
S	Meningkatkan Kemahiran Sedia Ada dan Menghasilkan Bakat Baru untuk Masa Hadapan
T	Akses Kepada Teknologi Pintar dan Piawaian

Draf PTKL2040 mengambil kira Dasar Industri 4.0 Kebangsaan terutamanya dalam konteks infrastuktur digital yang efisien dan akses kepada teknologi pintar.

Dasar ini mengandungi 13 strategi dan 38 pelan tindakan. Salah satu program utama di bawah Dasar ini ialah Penilaian Kesediaan Industry4WRD yang telah dirancang untuk menilai tahap kesediaan sesebuah organisasi untuk beralih kepada Industri 4.0. Terdapat beberapa komponen yang berkaitan seperti berikut:

Mentransformasi sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan, produktiviti kepada 30 peratus dan sumbangan kepada ekonomi daripada RM254 juta kepada RM392 juta.

Menggalakkan dan memperkukuhkan keupayaan dan kemampuan inovasi agar kekal berdaya saing di peringkat domestik dan global terutama dalam kedudukan global bagi inovasi peringkat kedudukan ke-35 kepada ke-30.

Meningkatkan tenaga kerja mahir di dalam sektor pembuatan selaras dengan pembangunan inovatif daripada 18 peratus kepada 35 peratus.

7. MySmart Wilayah 2030 Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan



MySmart Wilayah 2030 bertujuan untuk merangka dan memandu arah perancangan dan pembangunan bandar pintar bagi Wilayah Persekutuan sehingga tahun 2030. Visi MySmart Wilayah 2030 ialah Bandar Berdaya Huni, Mampan dan Pintar.

Dokumen ini menggariskan 25 dasar, 76 tindakan, 118 indikator dan 25 petunjuk prestasi (KPI) untuk dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

MySmart Wilayah 2030 turut memberi fokus kepada kecekapan pentadbiran dan operasi pengurusan bandar melalui integrasi sistem dalaman dan luaran. Dasar ini akan memberi kelebihan kepada warga Wilayah Persekutuan seperti *ease of doing business*, capaian data dan pembuatan keputusan yang lebih pantas, pengurusan yang lebih mesra pengguna dan interaktif. Selain itu, dasar ini juga mewujudkan ekonomi yang stabil serta menggalakkan inovasi produk dan perkhidmatan yang lebih baik.

Draf PTKL2040 mengambil kira hubung kait MySmart Wilayah 2030 dalam merangka strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan.

8. Membangun Negara MADANI



Dokumen ini disediakan bagi membangun negara Malaysia menjadi sebuah agenda rakyat untuk membina masa hadapan yang MADANI, dari segi Ke**M**ampanan, Kesej**A**hteraan, **D**aya cipta, Nilai horm**A**t, Keyaki**N**an dan **I**hsan. Terdapat lapan (8) dasar yang telah ditetapkan dan diperincikan menerusi strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan Draf PTKL2040.

DASAR 1	Ekonomi dan Kewangan
DASAR 2	Perundangan
DASAR 3	Institusi
DASAR 4	Pendidikan
DASAR 5	Kemasyarakatan
DASAR 6	Kebudayaan
DASAR 7	Bandar
DASAR 8	Luar Bandar


Lokasi: Petronas Tower, Kuala Lumpur

keMampanan merupakan salah satu teras utama visi dan kerangka pembangunan Malaysia Madani yang diterapkan dalam pembangunan Kuala Lumpur



Lokasi: Taman KLCC, Kuala Lumpur

Logo dan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 yang dilancarkan oleh Menteri Komunikasi dan Digital

INFO RINGKAS

Draf PTKL2040 telah mengambil kira dan menterjemahkan Dasar Malaysia MADANI dalam penyediaannya. Kesemua enam (6) Teras Malaysia MADANI diperincikan menerusi strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan Draf PTKL2040.

MALAYSIA MADANI

M	Ke**M**ampanan	1. Penyediaan perumahan mampu milik – Perumahan MADANI 2. Penyediaan dan pengaktifan kawasan lapang 3. Pelaksanaan pendekatan rendah karbon 4. Pemeliharaan dan pemulihan tapak dan bangunan warisan	5. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan bagi pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti 6. Galakan penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan elektrik 7. Pembangunan dan penggunaan semula bangunan yang usang
A	Kesej**A**hteraan	1. Menggalakkan pembangunan yang menyokong penubuhan syarikat pemula (*Startup*) untuk anak muda di Pusat Bandar Raya 2. Meningkatkan infrastruktur digital bagi mewujudkan persekitaran kerja yang seimbang dan menggalakkan bekerja dari rumah	
D	**D**aya cipta	1. Penerapan konsep Bandar Pintar 2. Pelaksanaan Program Galakan Revolusi Industri 4.0 3. Menggalakkan pemakaian konsep *Nature-based Solutions* (NbS), *Water Sensitive Urban Design* (WSUD), *Sponge City* dan *Low Impact Development* (LID)	
A	Horm**A**t	1. Penyediaan kemudahan masyarakat bersepadu, pelbagai guna dan perkongsian ruang	
N	Keyaki**N**an	1. Pelaksanaan program sungai nadi kehidupan 2. Penggunaan ruang bandar bagi aktiviti aktif dan kreatif 3. Perkongsian jalan dan ruang awam untuk aktiviti jalanan	
I	**I**hsan	1. Penyediaan kemudahan pendidikan, kesihatan dan keselamatan yang mencukupi, berkualiti dan mudah akses	

AGENDA PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR

Agenda pembangunan Kuala Lumpur yang meliputi aspek sosial, ekonomi dan fizikal disediakan dalam pelbagai dokumen perancangan seperti berikut:

.

1. Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040)
2. Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030)
3. Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur (KLCCMP)
4. Pelan Induk Pelancongan Kuala Lumpur 2015-2025
5. Agenda Pembangunan Lain yang Berkaitan

Draf PTKL2040 menterjemahkan agenda pembangunan Kuala Lumpur dalam bentuk matlamat, strategi perancangan, cadangan dan inisiatif pelaksanaan supaya draf ini selaras dan menepati dengan agenda pembangunan Kuala Lumpur yang telah dirangka.

1. Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040)



PSKL2040 telah menetapkan visi Kuala Lumpur dalam tempoh 20 tahun akan datang ialah Bandar untuk Semua. Visi ini memfokus kepada pembangunan masa hadapan Kuala Lumpur dalam semua aspek perancangan dengan seimbang yang merangkumi ekonomi, sosial, kualiti hidup, sosial, kualiti hidup, alam sekitar dan perancangan fizikal.

Kuala Lumpur akan mengutamakan prinsip pembangunan dan perancangan mampan dengan menumpukan kepada kesejahteraan warga kota, kualiti hidup, kesaksamaan, kemampanan serta ekonomi yang berdaya saing.

Visi "Bandar untuk Semua" disokong oleh enam (6) matlamat utama dan diterjemahkan melalui 21 hala tuju strategik dan 73 tindakan.

MATLAMAT 1	Kuala Lumpur Bandar Raya Inovatif dan Produktif
MATLAMAT 2	Kuala Lumpur Bandar Raya Inklusif, Saksama dan Berdaya Huni
MATLAMAT 3	Kuala Lumpur Bandar Raya Hijau, Sihat dan *Vibrant*
MATLAMAT 4	Kuala Lumpur Bandar Raya Pintar Iklim dan Rendah Karbon
MATLAMAT 5	Kuala Lumpur Bandar Raya Mobiliti Cekap dan Mesra Alam
MATLAMAT 6	Kuala Lumpur Bandar Raya Pembangunan Bersepadu dan Mampan

2. Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030)



Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 merupakan sebuah pelan yang holistik dengan mencadangkan 10 tindakan, 37 sub-tindakan, 82 langkah dan 245 program untuk dilaksanakan.

TINDAKAN 1	Pertumbuhan Hijau
TINDAKAN 2	Struktur Spatial Cekap Tenaga
TINDAKAN 3	Mobiliti Hijau
TINDAKAN 4	Sistem Tenaga Lestari
TINDAKAN 5	Penglibatan Komuniti Gaya Hidup Hijau
TINDAKAN 6	Bangunan Rendah Karbon Hijau
TINDAKAN 7	Rangkaian Hijau dan Biru
TINDAKAN 8	Pengurusan Sisa Lestari
TINDAKAN 9	Pengurusan Air Lestari
TINDAKAN 10	Tadbir Urus Hijau

3. Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur (KLCCMP)



Pelan Induk Daya Saing Bandar Kuala Lumpur mensasarkan Kuala Lumpur menjadi 20 bandar kompetitif berdaya saing bertaraf dunia teratas menjelang tahun 2030.

Kuala Lumpur perlu memenuhi tujuh (7) prinsip yang telah digariskan dalam usaha untuk menjadi Bandar Global yang berdaya saing iaitu:

PRINSIP 1	Mempertingkatkan Ketumpatan Ekonomi
PRINSIP 2	Memperluaskan Pembangunan Berorientasikan Transit
PRINSIP 3	Memperkukuhkan Sistem Maklumat Pengetahuan
PRINSIP 4	Mempertingkatkan Kadar Kualiti Kehidupan
PRINSIP 5	Mengamalkan Pembangunan Hijau
PRINSIP 6	Inklusiviti Semua Pihak
PRINSIP 7	Memperkukuhkan Infrastruktur Digital untuk Bandar Pintar

4. Pelan Induk Pelancongan Kuala Lumpur 2015-2025




Pelan Induk Pelancongan Kuala Lumpur 2015-2025 telah dihasilkan sebagai pelan tindakan merangkumi 47 inisiatif meliputi sembilan (9) segmen pelancongan seperti berikut:

SEGMEN 1	Budaya, Warisan dan Kepelbagaian Tempat
SEGMEN 2	Pusat Membeli-belah
SEGMEN 3	Hiburan
SEGMEN 4	Alam Semula Jadi dan Pengembaraan
SEGMEN 5	Pelancongan Mewah
SEGMEN 6	Sukan
SEGMEN 7	Perniagaan dan MICE (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*)
SEGMEN 8	Perubatan dan Kesihatan
SEGMEN 9	Pendidikan

AGENDA PEMBANGUNAN
LAIN YANG BERKAITAN

Agenda pembangunan Kuala Lumpur turut meliputi pelbagai aspek pembangunan seperti sosial, ekonomi dan fizikal yang diterjemahkan dalam bentuk pelan induk, pelan tindakan pembangunan dan garis panduan bagi memastikan pembangunannya adalah selaras dengan perkembangan semasa serta mampu bersaing dengan bandar raya utama lain di dunia. Antara agenda pembangunan lain yang berkaitan ialah:

1. Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040;
2. Pelan Induk Pencahayaan Kuala Lumpur;
3. Pelan Induk Pejalan kaki dan Laluan Berbasikal Kuala Lumpur 2019-2028;
4. Pelan Induk Sungai Nadi Kehidupan;
5. Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2040;
6. Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Kuala Lumpur; dan
7. Garis Panduan Perancangan DBKL.




River of Life Di Kuala Lumpur.

1.5 KUALA LUMPUR 2040

MATLAMAT DRAF PTKL2040

Draf PTKL2040 menggariskan enam (6) matlamat pembangunan yang dibentuk berasaskan matlamat PSKL2040 seperti di Rajah 1.5.1. Matlamat Draf PTKL2040 ini akan disokong oleh **39 strategi perancangan, 107 cadangan pelaksanaan dan 198 inisiatif pelaksanaan** yang diterjemah dari PSKL2040 bagi mencapai visi Bandar untuk Semua.

Rajah 1.5.1: Matlamat Pembangunan Draf PTKL2040



MATLAMAT

MATLAMAT 1:	MATLAMAT 2:	MATLAMAT 3:
MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF	MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI	MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*

STRATEGI PERANCANGAN

STRATEGI PERANCANGAN 1.1 MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DI KUALA LUMPUR	**STRATEGI PERANCANGAN 2.1** MENAWARKAN PERUMAHAN PELBAGAI PILIHAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK	**STRATEGI PERANCANGAN 3.1** MENGURUS ASET BIODIVERSITI KUALA LUMPUR
STRATEGI PERANCANGAN 1.2 MENJENAMAKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN BANDAR DENGAN AKTIVITI PELANCONGAN MAMPAN	**STRATEGI PERANCANGAN 2.2** MENYEDIAKAN PERUMAHAN MAMPU MILIK YANG BERKUALITI DAN KONDUSIF	**STRATEGI PERANCANGAN 3.2** MEMPELBAGAIKAN FUNGSI KORIDOR HIJAU DAN KORIDOR BIRU
STRATEGI PERANCANGAN 1.3 MEMPERKUKUH BANDAR BUDAYA DAN KREATIF	**STRATEGI PERANCANGAN 2.3** MENANGANI KEPERLUAN GELANDANGAN	**STRATEGI PERANCANGAN 3.3** MELAKSANAKAN DENSITI HIJAU KUALA LUMPUR
STRATEGI PERANCANGAN 1.4 MEMBANGUNKAN KLUSTER PERINDUSTRIAN BERASASKAN TEKNOLOGI BERSIH DAN TRANSFORMASI REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (4IR)	**STRATEGI PERANCANGAN 2.4** MENAMBAH BAIK KAWASAN KEDIAMAN STABIL YANG LAMA	**STRATEGI PERANCANGAN 3.4** MEMPELBAGAI FUNGSI TAMAN DAN TANAH LAPANG
STRATEGI PERANCANGAN 1.5 MEMACU PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI BANDAR	**STRATEGI PERANCANGAN 2.5** MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, BERKUALITI DAN BERSEPADU	**STRATEGI PERANCANGAN 3.5** MEMPERKUKUHKAN RUANG BANDAR BAGI AKTIVITI AKTIF DAN KREATIF
STRATEGI PERANCANGAN 1.6 MENJANA SEMULA KAWASAN PERDAGANGAN SEDIA ADA SEBAGAI RUANG NIAGA YANG VIBRANT, MENARIK DAN KONDUSIF	**STRATEGI PERANCANGAN 2.6** MENYEDIAKAN KEMUDAHAN HAB KOMUNITI YANG BERSEPADU	**STRATEGI PERANCANGAN 3.6** MEMBANGUNKAN RANGKAIAN PENGHUBUNG TAMAN
		STRATEGI PERANCANGAN 3.7 MENGHUBUNGKAN PUSAT AKTIVITI UTAMA BANDAR
		STRATEGI PERANCANGAN 3.8 MELAKSANAKAN JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR
		STRATEGI PERANCANGAN 3.9 MENGUKUHKAN TADBIR URUS HIJAU

CADANGAN PELAKSANAAN

23	9	22

INISIATIF PELAKSANAAN

27	25	46

MATLAMAT

MATLAMAT 4:	MATLAMAT 5:	MATLAMAT 6:
MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON	MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM	MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN

STRATEGI PERANCANGAN

STRATEGI PERANCANGAN 4.1 MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN ADAPTASI DAN DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM DAN PELAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA	**STRATEGI PERANCANGAN 5.1** MENYEDIAKAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM DENGAN PENYEDIAAN TRANSIT PELBAGAI PILIHAN	**STRATEGI PERANCANGAN 6.1** MERANCANG DAN MENYELARASKAN PEMBANGUNAN TANAH YANG EFEKTIF
STRATEGI PERANCANGAN 4.2 MELUASKAN PEMAKAIAN TEKNOLOGI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI	**STRATEGI PERANCANGAN 5.2** MENGGALAKKAN MOD MOBILITI AKTIF DENGAN PENINGKATAN KEMUDAHSAMPAIAN DAN KESELAMATAN	**STRATEGI PERANCANGAN 6.2** MEMPERKUKUHKAN HIERARKI PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR
STRATEGI PERANCANGAN 4.3 MEMPERKUKUHKAN SISTEM CEKAP TENAGA	**STRATEGI PERANCANGAN 5.3** MENGURUS LALU LINTAS DENGAN EFEKTIF	**STRATEGI PERANCANGAN 6.3** MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN SECARA *INFILL*
STRATEGI PERANCANGAN 4.4 MELAKSANAKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SECARA BERSEPADU DAN MAMPAN		**STRATEGI PERANCANGAN 6.4** MENGUKUHKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA MELALUI KONSEP BANDAR MAMPAN
STRATEGI PERANCANGAN 4.5 MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN AIR DAN PEMBENTUNGAN		**STRATEGI PERANCANGAN 6.5** MENGGALAKKAN SEMULA FUNGSI BANDAR MELALUI PEMULIHARAAN BANGUNAN LAMA
STRATEGI PERANCANGAN 4.6 MEMPERKASA SISTEM SALIRAN MAMPAN		**STRATEGI PERANCANGAN 6.6** MENGINTEGRASIKAN PENGANGKUTAN REL DAN PEMBANGUNAN SPATIAL
STRATEGI PERANCANGAN 4.7 MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN RENDAH KARBON		**STRATEGI PERANCANGAN 6.7** MENGAWAL SELIA PEMBANGUNAN DI ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)
		STRATEGI PERANCANGAN 6.8 MERANCANG PEMBANGUNAN YANG BERKUALITI DI KAMPUNG TRADISI DAN KAMPUNG-KAMPUNG LAIN

CADANGAN PELAKSANAAN

25	**11**	**17**

INISIATIF PELAKSANAAN

40	**22**	**38**

1.6 KUALA LUMPUR 2040
KONSEP PEMBANGUNAN SPATIAL KUALA LUMPUR

PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN SPATIAL KUALA LUMPUR

Pembangunan spatial Kuala Lumpur bermula dari pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak yang kemudiannya berkembang ke kawasan Jinjang, Setapak, Ampang, Cheras dan Bangsar. Pembangunan tersebut adalah sejajar dengan beberapa jalan utama sejak tahun 60-an hingga awal 70-an.

Struktur rangkaian jalan raya serta lebuh raya yang baharu dibina di sekitar Kuala Lumpur sejak akhir tahun 90-an telah mengalakkan penumpuan pembangunan secara menjajar mengikut perkembangan jalan raya dan mendorong pembangunan keluar dari kawasan pusat bandar.

Pembangunan spatial yang dipengaruhi oleh pembangunan jalan raya dan secara menjajar di sepanjang jalan utama itu telah mencorakkan struktur spatial Kuala Lumpur dalam bentuk '*radial*'. Pelaksanaan rangkaian jalan lingkaran di luar kawasan pusat bandar telah merubah struktur spatial Kuala Lumpur daripada bentuk '*radial*' kepada '*ring and radial*'.

Struktur spatial '*ring and radial*' yang terbentuk menjadikan kawasan pusat bandar sebagai tumpuan aktiviti ekonomi. Manakala kawasan di luar pusat bandar menjadi pusat penempatan kepada penduduk Kuala Lumpur. Struktur ini juga mencorakkan pola perjalanan berulang-alik yang telah menimbulkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Perkhidmatan pengangkutan rel mula dirancang dan dipertingkatkan menerusi perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) di akhir tahun 1991, perkhidmatan KTM komuter pada tahun 1995 dan Monorel pada tahun 2003. Ia sebagai langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Kemudahan laluan perkhidmatan rel diperluaskan menerusi laluan MRT1 dan MRT2 bermula pada tahun 2016.

Kesemua laluan perkhidmatan rel ini adalah dalam bentuk '*radial*' dan menjadi tulang belakang pengangkutan awam di Lembah Klang. Kesan kepada pembangunan laluan rel, corak pembangunan spatial di Kuala Lumpur juga berubah.

Pembangunan bercampur berintensiti tinggi mula bertumpu di kawasan yang berhampiran dengan stesen rel untuk dibangunkan mengikut konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD).


Perancangan laluan lingkaran (MRT3) menjadi pelengkap kepada rangkaian rel bandar di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040. Jajaran MRT3 akan disambungkan ke laluan rel sedia ada yang seterusnya akan membentuk jaringan pengangkutan awam dalam bentuk '*ring and radial*'. Perancangan ini akan mempengaruhi struktur spatial Kuala Lumpur di masa akan datang.

Rajah 1.6.1 menunjukkan perubahan struktur '*ring and radial*' yang berasaskan jaringan jalan raya kepada jaringan pengangkutan rel di Kuala Lumpur.



Perkhidmatan sistem Rel yang terdapat di Kuala Lumpur.

Rajah 1.6.1: Konsep '*Ring And Radial*' Melalui Perubahan Kebergantungan Terhadap Jalan Raya Kepada Rel Bagi Perancangan Draf PTKL2040.



Jalan Tun Razak – Lebuh Raya Sultan Iskandar (Jalan Pekeliling)		Jalan Tun Razak – Lebuh Raya Sultan Iskandar (Jalan Pekeliling)
MRR (Jalan Tun Razak, Lebuh Raya Sultan Iskandar (Lebuh Raya Mahameru), Jalan Damansara, Jalan Istana dan Jalan Lapangan Terbang)	ANJAKAN STRATEGIK	MRT3
MRR2 (Jalan Sungai Buloh, Lebuh Raya Kepong-Selayang, Jalan Batu Caves, Lebuh Raya Kuala Lumpur – Karak, Jalan Taman Melati, Jalan Ulu Klang, Jalan Pandan Utama, Jalan Cheras Baru, Jalan Midah Utama dan Jalan Bandar Tasik Selatan)		MRR2 (Jalan Sungai Buloh, Lebuh Raya Kepong-Selayang, Jalan Batu Caves, Lebuh Raya Kuala Lumpur – Karak, Jalan Taman Melati, Jalan Ulu Klang, Jalan Pandan Utama, Jalan Cheras Baru, Jalan Midah Utama dan Jalan Bandar Tasik Selatan)
Jalan Kuching – Jalan Ipoh		MRT1 (Laluan Sungai Buloh - Kajang) MRT2 (Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya)
Jalan Klang Lama		Laluan LRT Ampang
Jalan Ampang		Laluan LRT Sri Petaling
Jalan Ampang	ANJAKAN STRATEGIK	Laluan LRT Kelana Jaya
Jalan Sungai Besi Seremban		KL Monorail
Jalan Genting Klang		ERL
Jalan Gombak – Kuantan		Sistem perantara
Jalan Syed Putra (Lebuh Raya Persekutuan)		1. Penyediaan bas perantara dari stesen transit yang terletak dalam jarak 2 kilometer dari stesen 2. Pelaksanaan konsep mobiliti aktif a. Pejalan kaki (400 meter) b. Basikal (800 meter)
Jalan Tun Razak – Lebuh Raya Mahameru (Jalan Pekeliling)		

KONSEP PERANCANGAN SPATIAL KUALA LUMPUR

Konsep pembangunan spatial Kuala Lumpur adalah asas kepada rangka pembangunan spatial Kuala Lumpur.

Konsep pembangunan spatial Kuala Lumpur mengambil kira lima (5) aspek perancangan utama iaitu:

1. Zon Kawalan Pembangunan;
2. Taburan Pusat Pertumbuhan Bandar;
3. Jaringan Pengangkutan Awam (Berasaskan Rel dan Stesen Transit);
4. Koridor Hijau dan Biru ; dan
5. Pengurusan Kawasan Khas (PKK).

Konsep pembangunan ini diperincikan seperti di Rajah 1.6.2.

1. Zon Kawalan Pembangunan

Zon kawalan adalah bagi menetapkan prinsip-prinsip penetapan bentuk pembangunan selaras dengan potensi dan fungsi kawasan terlibat.

Zon kawalan pembangunan dibahagikan kepada tiga (3) zon iaitu:

a. **ZON KAWALAN 1:** PUSAT UTAMA (Pusat Bandar Raya);
b. **ZON KAWALAN 2:** PUSAT SEKUNDER (Lingkaran antara Sempadan Pusat Bandar Raya - MRT3); dan
c. **ZON KAWALAN 3:** PUSAT SOKONGAN (Di luar Lingkaran MRT3).



Pembangunan Spatial Semasa Kuala Lumpur.

2. Taburan Pusat Pertumbuhan Bandar

Pusat pertumbuhan bandar di Kuala Lumpur terdiri daripada empat (4) hierarki utama iaitu:

a. **Pusat Pertumbuhan Utama** merupakan pusat pertumbuhan yang terletak dalam sempadan Pusat Bandar Raya dengan kedudukan hierarki tertinggi bagi semua pusat pertumbuhan;

b. **Pusat Pertumbuhan Sokongan** merupakan kawasan pembangunan berskala besar yang menghubungkan pusat pertumbuhan utama di sekeliling Pusat Bandar Raya yang dinaik taraf dan kawasan baharu yang dibangunkan serta dihubungkan oleh jajaran rel transit ke pusat bandar;

c. **Pusat Pertumbuhan Daerah** merupakan kawasan pusat perdagangan dan pekerjaan berskala sederhana yang terletak berdekatan dengan kawasan kediaman yang menjadi tumpuan masyarakat sekitar. Kawasan ini turut merangkumi pusat perkhidmatan kerajaan utama dan setempat; dan

d. **Pusat Pertumbuhan Tempatan** merupakan kawasan tumpuan masyarakat dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan di peringkat komuniti.

3. Jaringan Pengangkutan Awam (Berasaskan Rel dan Stesen Transit)

Jaringan pengangkutan di Kuala Lumpur merupakan komponen utama perancangan yang menekankan kepada penggunaan pengangkutan awam sebagai nadi utama pengangkutan menjelang tahun 2040 Penyediaan jaringan pengangkutan dipertingkatkan dengan penambahan laluan rel, iaitu cadangan laluan MRT3 selain LRT, Monorel, Komuter, MRT1 dan MRT2.

Jaringan pengangkutan ini menghubungkan pembangunan setempat dengan kemudahsampaian yang lebih tinggi berbanding sebelumnya yang disokong oleh penyediaan bas perantara. Manakala, stesen transit yang menggunakan konsep pembangunan berorientasikan transit TOD di pusat bandar raya pula merupakan komponen utama dalam usaha menggalakkan penggunaan pengangkutan awam menjelang tahun 2040.

Corak pembangunan di sekitar kawasan transit di galakkan berintensiti tinggi, pembangunan bercampur, penyediaan perumahan mampu milik, penawaran kemudahan kediaman, perhubungan pelbagai jenis perkhidmatan dan kemudahan. Ia mampu meningkatkan aksesibiliti penduduk melalui penggunaan pengangkutan awam dengan keutamaan jarak berjalan kaki dalam radius 400 meter.

4. Koridor Hijau dan Biru

Kuala Lumpur mempunyai rangkaian hijau dan biru yang berpotensi dihubungkan bagi membentuk Nodus Ekologi Bandar yang berfungsi sebagai kawasan habitat biodiversiti bandar.

Rangkaian hijau dan biru ini akan membentuk koridor hijau dan biru yang perlu dihubungkan untuk memastikan kesinambungan rangkaian ekologi bandar dan menggalakkan mobiliti aktif (laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti) bagi mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan.

Koridor hijau terdiri daripada taman-taman awam dan kawasan lapang sementara koridor biru terdiri daripada rizab sungai, parit dan badan air.

Kuala Lumpur akan mewujudkan koridor biru dan hijau yang mengandungi taman awam, kawasan lapang, badan air dan dihubungkan dengan rizab sungai, talian rentis dan tepian lebuh raya.

5. Pengurusan Kawasan Khas (PKK)


Kuala Lumpur mempunyai pengurusan kawasan khas yang perlu dipulihara dan dipelihara bagi keseimbangan ekosistem serta mengurangkan kesan perubahan iklim. Pemuliharaan dan pemeliharaan tersebut adalah sebagai langkah pengurusan risiko bencana dan iklim agar Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar raya yang berdaya tahan.

Rajah 1.6.3 menunjukkan konsep pembangunan spatial Kuala Lumpur menjelang tahun 2040 yang mengambil kira lima (5) aspek perancangan utama.

Rajah 1.6.2: Perincian Zon Kawalan Pembangunan dalam Konsep Pembangunan Spatial Kuala Lumpur.

ZON KAWALAN 1: PUSAT UTAMA
(Pusat Bandar Raya)


1. Menawarkan bentuk pembangunan bertaraf antarabangsa, peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan bangunan Kelas A bagi menarik pelaburan bernilai tinggi;
2. Strategi pembangunan di zon ini adalah secara *infill* dan pembaharuan bandar serta pelaksanaan pembangunan semula kawasan;
3. Penekanan kepada peningkatan dan penambahbaikan infrastruktur, ruang awam dan sistem pengangkutan aktif; dan
4. Memiliki 44 stesen transit dan 31 kawasan pembangunan semula.



ZON KAWALAN 1: PUSAT UTAMA

ZON KAWALAN 2: PUSAT SEKUNDER
(Lingkaran antara Sempadan Pusat Bandaraya - MRT3)


1. Merupakan kawasan perkhidmatan dan petempatan utama di Kuala Lumpur;
2. Strategi pembangunan di kawasan ini adalah menggalakkan pembangunan bercampur dan berintensiti tinggi terutama di kawasan transit;
3. Menggalakkan penyusunan semula hierarki dan penambahbaikan kawasan perumahan awam, kemudahan awam dan sosial;
4. Daya tampung di kawasan ini dijangka bertambah dengan perkhidmatan MRT3; dan
5. Memiliki 33 stesen transit dan 35 kawasan pembangunan semula.




ZON KAWALAN 2: PUSAT SEKUNDER

ZON KAWALAN 3: PUSAT SOKONGAN
(Di luar Lingkaran MRT3)

1. Merupakan kawasan '*sub urban centre*' di Kuala Lumpur;
2. Strategi pembangunan di kawasan ini adalah menggalakkan perumahan mampu milik di kawasan transit yang disokong oleh kemudahan awam yang mencukupi dan berkualiti bagi meningkatkan aksesibiliti;
3. Kawasan ini akan menjadi fokus kepada pusat perkhidmatan tempatan dan aktiviti-aktiviti industri yang tidak tercemar; dan
4. Memiliki 26 stesen transit dan 73 kawasan pembangunan semula.



ZON KAWALAN 3: PUSAT SOKONGAN



RAJAH 1.6.3 | Pelan Konsep Strategi Pembangunan Kuala Lumpur 2040

Petunjuk :

Zon Kawalan
- Zon Kawalan 1
- Zon Kawalan 2
- Zon Kawalan 3

Cadangan
- Pusat Pertumbuhan Bandar
- Stesen Transit
- Kawasan Sensitif Alam Sekitar
- Koridor Biru
- Rangkaian Taman Utama
- Rangkaian Taman Sekunder
- Rangkaian Taman Sedia Ada

Laluan Pengangkutan Awam
- Laluan KTM dan Stesen
- Laluan LRT dan Stesen
- Laluan MRT dan Stesen
- Laluan Monorail dan Stesen
- Laluan ERL dan Stesen
- Koridor Laluan MRT 3 dan Stesen (Dalam Perancangan)

Lain-lain
- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

1.7 PSKL2040 DAN DRAF PTKL2040

HUBUNG KAIT PSKL2040 DAN DRAF PTKL2040

Draf PTKL2040 perlu dibaca bersama dokumen PSKL2040 di mana penterjemahannya dibuat melalui Jilid 1 dan Jilid 2, Draf PTKL2040. Tumpuan Draf PTKL2040 adalah ke arah mencapai visi dan dasar PSKL2040 melalui pendekatan pengurusan pertumbuhan dan penggunaan tanah yang mampan.

Selaras dengan peruntukkan Akta 267, Draf PTKL2040 menterjemahkan PSKL2040 dalam bentuk peta cadangan dan penyataan bagi memandu pembangunan Kuala Lumpur untuk tempoh 20 tahun akan datang. Penterjemahan ini disertakan bersama gambar rajah, gambaran, dan bahan perihalan yang turut terkandung dalam Draf PTKL2040.

PSKL2040 telah menggariskan enam (6) matlamat, 21 hala tuju strategik dan 73 tindakan perancangan yang diterjemahkan oleh Draf PTKL2040 dalam bentuk enam (6) matlamat, 39 strategi perancangan, 107 cadangan pelaksanaan dan 198 inisiatif pelaksanaan. Draf PTKL2040 telah menyelaras dan tidak mengulang semula hala tuju strategik PSKL2040 bagi memfokus kepada aspek kawalan perancangan. Terjemahan PSKL2040 diletakkan di setiap cadangan pelaksanaan Draf PTKL2040 untuk memastikan penyelarasan yang jelas.

Hubung kait antara PSKL2040 dan Draf PTKL2040 diterjemahkan melalui tiga (3) perkara utama, iaitu Strategi Perancangan, Cadangan Pelaksanaan dan Inisiatif Pelaksanaan Draf PTKL2040. Strategi perancangan Draf PTKL2040 adalah kesinambungan kepada pernyataan tindakan PSKL2040 mengikut matlamat dan hala tuju strategik.

Secara umumnya, Strategi Perancangan Draf PTKL2040 adalah merupakan tumpuan utama kepada Hala Tuju Strategi dan Tindakan Perancangan PSKL2040. Cadangan Pelaksanaan Draf PTKL2040 adalah merupakan terjemahan kepada tindakan pelaksanaan dan tindakan sokongan PSKL2040. Manakala Inisiatif Pelaksanaan pula merupakan langkah pelaksanaan yang dicadangkan untuk memastikan Cadangan Pelaksanaan Draf PTKL2040 dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.


Pendekatan pelaksanaan cadangan Draf PTKL2040 diklasifikasikan sama ada secara polisi, program, projek, kawalan perancangan dan garis panduan pada masa hadapan.

Draf PTKL2040 secara umumnya telah menterjemahkan kesemua tindakan yang digariskan oleh PSKL2040 bagi memastikan visi Bandar untuk Semua dapat dicapai.



Pemandangan Pusat Bandar Raya dari Menara Kuala Lumpur.

HUBUNG KAIT PSKL2040 DAN DRAF PTKL2040



PSKL2040

6 MATLAMAT

MATLAMAT 1: KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF	MATLAMAT 2: KUALA LUMPUR BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI	MATLAMAT 3: KUALA LUMPUR BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*	MATLAMAT 4: KUALA LUMPUR BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON	MATLAMAT 5: KUALA LUMPUR BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM	MATLAMAT 6: KUALA LUMPUR BANDAR RAYA PEMBANGUNAN BERSEPADU DAN MAMPAN
HALA TUJU STRATEGI					
3	2	4	4	3	5
TINDAKAN					
13	9	12	14	10	15

DRAF PTKL2040

6 MATLAMAT

MATLAMAT 1: MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF	MATLAMAT 2: MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI	MATLAMAT 3: MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*	MATLAMAT 4: MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON	MATLAMAT 5: MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM	MATLAMAT 6: MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN
STRATEGI PERANCANGAN					
6	6	9	7	3	8
CADANGAN PELAKSANAAN					
23	9	22	25	11	17
INISIATIF PELAKSANAAN					
27	25	46	40	22	38

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN
KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA
INOVATIF DAN PRODUKTIF

MATLAMAT 1





MATLAMAT 1

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF

Peranan Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan dan kewangan negara akan terus dipertingkatkan ke arah mencapai matlamat Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya global.

Selaras dengan era Revolusi Industri 4.0 (4IR) dan perkembangan ekonomi digital serta kreatif, pendekatan perancangan bandar yang inovatif dan produktif akan menjadi teras dalam pembangunan Kuala Lumpur.

Kriteria bandar raya inovatif menekankan penggunaan dan penerapan elemen bandar pintar, peningkatan kualiti persekitaran yang kondusif, penyediaan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) awam dan swasta, peningkatan penyediaan infrastruktur teknologi baharu dan pemodenan infrastruktur pembuatan.


Kriteria bandar raya produktif pula memberi menekankan pengupayaan menarik pelaburan domestik dan antarabangsa, penjanaan aktiviti ekonomi bernilai tinggi, pengurusan kemahiran dan tenaga kerja mahir, pembangunan teknologi untuk ekonomi digital, pelaksanaan pelancongan mampan dan pemodenan rangkaian pengangkutan yang efisien.

Sebagai bandar raya inovatif dan produktif, Kuala Lumpur bersedia menarik pelaburan domestik dan antarabangsa, meningkatkan penglibatan usahawan dalam sektor ekonomi dan menjadi destinasi utama pelancongan. Usaha ini juga selaras dengan galakan untuk meningkatkan daya saing Kuala Lumpur yang menyasarkan kedudukan 20 terbaik bandar raya berdaya saing di peringkat dunia (*World Class Competitive City*) menjelang tahun 2030.

Kriteria bandar raya inovatif dan produktif akan diterjemahkan menerusi penyediaan ruang tanah yang mencukupi, penentuan lokasi pelbagai aktiviti ekonomi yang sesuai dan penetapan tahap intensiti pembangunan yang berdaya maju serta disokong dengan garis panduan dan inisiatif pembangunan.


Rajah 1.1 menyenaraikan kriteria utama yang perlu dilaksanakan sebagai fokus untuk menggalakkan pembangunan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Inovatif dan Produktif.

Rajah 1.1:
Kriteria Bandar Raya Inovatif dan Produktif



PSKL2040
3 HALA TUJU STRATEGIK
13 TINDAKAN

RAJAH 1.2
RINGKASAN STRATEGI PERANCANGAN DAN CADANGAN PELAKSANAAN
MATLAMAT 1: MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF



Terdapat enam (6) Strategi Perancangan (SP), 23 Cadangan Pelaksanaan (CP) dan 27 Inisiatif Pelaksanaan (IP) yang dirangka selaras dengan PSKL2040 seperti yang diringkaskan dalam Rajah 1.2.

DRAF PTKL2040
6 STRATEGI PERANCANGAN
23 CADANGAN PELAKSANAAN

STRATEGI PERANCANGAN

SP 1-1: MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DI KUALA LUMPUR

SENARIO AKTIVITI KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur merupakan pusat utama negara bagi sektor perdagangan, kewangan dan perkhidmatan. Daya saing dan kemakmuran ekonomi Kuala Lumpur akan menjadi dorongan untuk menarik kemasukan pelaburan domestik dan antarabangsa dalam sektor ini.

Selaras dengan peranannya sebagai tumpuan utama perniagaan bertaraf global, perancangan pembangunannya akan memberi keutamaan kepada usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang menawarkan kepelbagaian aktiviti kewangan dan perkhidmatan perniagaan.

Kuala Lumpur mempunyai potensi untuk menjadi hab prinsipal dalam kalangan syarikat multinasional. Potensi tersebut turut akan membantu mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan global melalui kewangan *fintech* dan pendigitalan perniagaan.

Selaras dengan perkembangan arus semasa, Kuala Lumpur dilihat berupaya menyediakan ruang pejabat dan ruang niaga yang mampu biaya bagi perniagaan kecil dan baharu seperti penubuhan syarikat *start-up* terutamanya di kawasan Zon Perancangan Transit (TPZ).

Di samping itu, penyediaan *co-working space* melalui kaedah penjanaan semula bangunan juga akan melonjakkan perkembangan ekonomi perkongsian.

Guna tanah perdagangan pada tahun 2020 adalah seluas 953.07 hektar meliputi pejabat, pusat beli-belah, hotel, kedai, pangsapuri perkhidmatan dan Pejabat Kecil Pejabat Rumah (PKPR). Terdapat 937 projek pembangunan komited perdagangan yang direkodkan sehingga Disember 2021 di Kuala Lumpur.

Zon guna tanah utama perdagangan bagi Draf PTKL2040 terdiri daripada lima (5) kategori zon guna tanah seperti berikut:

1. Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC);
2. Perdagangan Utama (MC);
3. Perdagangan (C);
4. Perdagangan Tempatan (LC); dan
5. Pembangunan Bercampur (MX).



Lokasi: Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/ESB+Professional*

Kuala Lumpur sebagai Pusat Kewangan dan Perkhidmatan Perniagaan.

INFO RINGKAS

PERDAGANGAN SEDIA ADA DAN KOMITED (DRAF PTKL2040)

Keluasan Kawasan Perdagangan Semasa Kuala Lumpur Tahun 2020

953.07 hektar

Bilangan Pembangunan Komited Perdagangan Kuala Lumpur Tahun 2000-2021

937 projek


Kapasiti Ruang Lantai Perdagangan Kuala Lumpur Tahun 2040

149,422,086.68 juta mps

Pembangunan perdagangan Draf PTKL2040 memfokus kepada usaha memperkukuhkan dan meningkatkan nilai tambah aktiviti ekonomi utama yang terdiri daripada sektor kewangan, perkhidmatan perniagaan dan pelancongan sebagai teras ekonomi Kuala Lumpur.


Pembangunan perdagangan pada masa hadapan hendaklah menjurus kepada aktiviti perdagangan yang mengguna pakai teknologi terkini dan mewujudkan persekitaran ekonomi yang lebih dinamik selaras dengan penerapan Dasar Revolusi Industri 4.0 (4IR). Hal ini mampu menarik potensi untuk sektor ekonomi yang pelbagai seperti ekonomi perkongsian, ekonomi digital dan ekonomi kreatif.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang mampu menawarkan kepelbagaian aktiviti kewangan dan perkhidmatan perniagaan, lima (5) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 1-1 seperti di Rajah 1.1.1.



Lokasi: Sogo, Jalan Tuanku Abdul Rahman
Sumber: *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpur-malaysia-nov-8-600w-751264312.jpg*

Kompleks Sogo merupakan antara tarikan pusat beli-belah terkemuka Kuala Lumpur.



Lokasi: Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur
Sumber: *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpur-malaysia-11-august-600w-760752496.jpg*

Pemandangan latar langit di sekitar Jalan Raja Laut.

INFO RINGKAS

EKONOMI PERKONGSIAN

1. Perkongsian aset dan perkhidmatan seperti *e-hailing*, *shared office*, perkongsian tempat tinggal (contoh Airbnb) dan lain-lain;
2. Perkongsian aset tidak ketara (masa, kemahiran dan bakat) seperti khidmat penghantaran dan khidmat pentadbiran;
3. Pengedaran semula barangan seperti pembelian, penjualan dan penghantaran barangan melalui pasaran sekunder; dan
4. Perkongsian kewangan seperti pelaburan dan *peer to peer* (P2P).

EKONOMI DIGITAL

1. Platform ekonomi perkongsian;
2. Teknologi kewangan (*Fintech*);
3. E-perdagangan (*e-commerce*);
4. Pusat data
5. *Big Data* dan*Artificial Intelligence* (AI);
6. Pengisian kreatif digital;
7. Ekonomi digital Islam;
8. *Blockchain;*
9. Percetakan 3D;
10. Sistem / *Network* reka bentuk seni bina;
11. Perkhidmatan perniagaan global;
12. Robotik; dan
13. Teknologi, reka bentuk *autonomous*.


EKONOMI KREATIF

1. Warisan;
2. Seni persembahan;
3. Seni kraf;
4. Fesyen;
5. Makanan tempatan;
6. Perfileman; dan
7. Penulisan.

Rajah 1.1.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-1

SP 1-1 **MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DI KUALA LUMPUR**

- **CP 1-1.1** Perancangan Hierarki Perdagangan Kuala Lumpur
- **CP 1-1.2** Pembangunan Kawasan Perdagangan Baharu
- **CP 1-1.3** Pengukuhan Pusat Perdagangan Primer Di Kuala Lumpur
- **CP 1-1.4** Pembangunan Zon Aktiviti Perniagaan Bertema di Pusat Bandar Raya
- **CP 1-1.5** Pembangunan Zon Tumpuan Perbankan dan *Fintech*



RAJAH 1.1.2 | Pelan Cadangan Perancangan Hierarki Perdagangan Bandar Raya Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)
- Perdagangan Utama (MC)
- Perdagangan (C)
- Perdagangan Tempatan (LC)
- Pembangunan Bercampur (MX)

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 1-1.1: PERANCANGAN HIERARKI PERDAGANGAN KUALA LUMPUR

Pertumbuhan ekonomi di Kuala Lumpur adalah penting bagi mewujudkan persekitaran dengan skala ekonomi yang bersifat menyeluruh dan mampu memenuhi keperluan semua golongan masyarakat.

Perancangan pertumbuhan ekonomi bandar berdaya saing adalah penting bagi Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia yang berperanan sebagai hab kewangan bertaraf global.

Perancangan hierarki perdagangan di Kuala Lumpur ini memfokus kepada pengukuhan fungsi pusat perdagangan secara optimum bagi memacu pertumbuhan ekonomi yang dinamik, menarik pelaburan baharu dan menampung keperluan masyarakat.

Penetapan hierarki perdagangan di Kuala Lumpur adalah merujuk kepada Zon Guna Tanah Perdagangan seperti di Jadual 1.1.1 dan Rajah 1.1.2.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-1.1.



Lokasi : Kuala Lumpur
Sumber: https://www.shutterstock.com/g/ESB+Professional

Pemandangan latar langit (*skyline*) sebahagian kawasan perdagangan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur.



Jadual 1.1.1:
Cadangan Hierarki Zon Perdagangan

Hierarki	Definisi	Lokasi	Luas (Hektar)
Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)	Merujuk kepada zon guna tanah perdagangan hierarki tertinggi yang berperanan sebagai pusat kewangan, perdagangan premier, perkhidmatan dan pusat pekerjaan utama.	Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur, KL Sentral, Kampong Bharu, TRX, Bukit Bintang dan lain-lain kawasan yang dizonkan sebagai Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC).	447.33
Perdagangan Utama (MC)	Merujuk kepada zon guna tanah perdagangan yang berperanan sebagai pusat komersial utama yang menyokong zon Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC) .	Wangsa Maju, Bandar Menjalara, Bandar Sri Permaisuri, Kampung Bukit Lanjan, Desa Sri Hartamas, TTDI, Bandar Tasik Selatan, Bukit Indah, Bukit Jalil dan lain-lain kawasan yang dizonkan sebagai Perdagangan Utama (MC).	676.40
Perdagangan (C)	Merujuk kepada kawasan perdagangan yang lazimnya terletak di jalan utama dan di pusat kejiranan utama.	Danau Kota, Desa Petaling, Kepong, Titiwangsa, Cheras, Pantai Dalam, Taman Salak Selatan, Maluri, Shamelin dan lain-lain kawasan yang dizonkan sebagai Perdagangan (C).	1,046.83
Perdagangan Tempatan (LC)	Merujuk kepada zon guna tanah perdagangan yang berfungsi sebagai pusat perkhidmatan di taman-taman perumahan.	Bandar Tun Razak, Taman Sri Petaling, Kuchai Lama, Taman Desa, Taman Pusat Kepong dan lain-lain kawasan yang dizonkan sebagai Perdagangan Tempatan (LC).	52.42
Pembangunan Bercampur (MX)	Merujuk kepada zon guna tanah yang membenarkan percampuran komponen perdagangan bagi menyokong kegunaan asas mendiami (*residing*) dalam sesuatu pembangunan. Komponen mendiami termasuk unit kediaman, kuarters dan pangsapuri perkhidmatan hendaklah tidak kurang daripada 60 peratus daripada jumlah keluasan lantai kasar keseluruhan.	Bandar Malaysia, Bangsar South, Chan Sow Lin, Bukit Kerinchi, Sungai Penchala dan lain-lain kawasan dalam Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX).	1,850.47




Pemandangan latar langit (*skyline*) Pusat Perdagangan di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur.

INISIATIF PELAKSANAAN 1-1.1A

MERANCANG HIERARKI PUSAT PEMBANGUNAN PERDAGANGAN BERSEPADU

Merancang hierarki pusat pembangunan perdagangan bersepadu mengikut fungsi dan peranan zon guna tanah perdagangan adalah untuk memastikan perancangan perdagangan yang dinamik dan tepat bagi menampung pertumbuhan ekonomi Kuala Lumpur yang progresif.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti di Jadual 1.1.2.



Lokasi : Kampong Bharu, Kuala Lumpur
Sumber : *https://image.shutterstock.com/z/stock-photo-evening-look-of-the-main-gate-of-kampung-bharu-kuala-lumpur-malaysia-the-picture-taken-on-june-1777904690.jpg*

Kampong Bharu adalah salah satu pusat tumpuan perdagangan makanan dan budaya di Kuala Lumpur.

Jadual 1.1.2:
Inisiatif Pelaksanaan mengikut Hierarki Pusat Perdagangan Bersepadu

Inisiatif Umum	
1. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang berkonsepkan *transit-oriented development* (TOD) dan mod mobiliti aktif merangkumi penyediaan laluan pejalan kaki yang bersambungan dan kenderaan mikromobiliti; 2. Memastikan ketersediaan serta penyelenggaraan bagi kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan lain yang lengkap dan mampu menampung keperluan pengguna dan pengunjung; 3. Menggalakkan pembangunan pejabat dan ruang perdagangan yang mampu milik; 4. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon; dan 5. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing.	
Zon Guna Tanah	**Inisiatif Khusus**
1. Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)	1. Menggalakkan pembangunan yang bersepadu, berintensiti tinggi dan bernilai tinggi; 2. Menumpukan pembangunan perdagangan yang mampu menjana peluang pekerjaan pelbagai dan menarik tenaga kerja mahir; 3. Menumpukan pembangunan perdagangan yang berpotensi tinggi untuk menarik pelaburan dari dalam dan luar negara; 4. Menggalakkan pembangunan pusat tarikan pelancongan baharu dan penginapan pelancong yang bernilai tinggi serta menarik; 5. Menggalakkan pembangunan atau penyediaan ruang berkaitan aktiviti Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE); 6. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang menyokong aktiviti berkonsepkan *co-working space* dan ekonomi perkongsian; dan 7. Menggalakkan pembangunan yang mampu menyokong dan menarik penempatan syarikat multinasional di pusat bandar.
2. Perdagangan Utama (MC)	1. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang bersepadu, berintensiti tinggi dan bernilai tinggi sebagai pilihan kepada zon Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC); 2. Menumpukan pembangunan perdagangan yang mampu menjana peluang pekerjaan pelbagai dan menarik tenaga kerja mahir selaras dengan peranannya dalam menyokong Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC); 3. Membenarkan aktiviti hiburan di pusat pertumbuhan perdagangan dengan syarat dan skala yang bersesuaian; dan 4. Menggalakkan pembangunan perdagangan berpusat untuk menampung keperluan komuniti dan pengunjung.

Jadual 1.1.2:
Inisiatif Pelaksanaan mengikut Hierarki Pusat Perdagangan Bersepadu (sambungan)

Zon Guna Tanah	Inisiatif Khusus
3. Perdagangan (C)	1. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang menyokong aktiviti berkonsepkan *co-working space* dan ekonomi perkongsian; 2. Menggalakkan pembangunan pusat latihan dan inkubator yang menyokong konsep *knowledge-based economy* dan mampu menjana pertumbuhan guna tenaga berkemahiran tinggi; 3. Menggalakkan pembangunan aktiviti perkhidmatan perdagangan yang mampu memenuhi keperluan komuniti dan pengunjung; dan 4. Memastikan pembangunan perdagangan yang mempunyai elemen mendiami dan menyediakan kemudahan komuniti yang mencukupi.
4. Perdagangan Tempatan (LC)	1. Menyediakan perkhidmatan dan penjualan barangan untuk menampung keperluan setempat; 2. Menggalakkan penyediaan ruang inkubator dan pembangunan aktiviti *start-ups*; dan 3. Menggalakkan penyediaan dan pembangunan pusat penjaja dan ruang perniagaan informal.
5. Pembangunan Bercampur (MX)	1. Memastikan pembangunan perdagangan yang mempunyai elemen mendiami dan menyediakan kemudahan komuniti yang mencukupi; 2. Menggalakkan pembangunan perdagangan dan kediaman yang bersepadu, berintensiti tinggi dan bernilai tinggi; 3. Menumpukan pembangunan perdagangan yang mampu menjana peluang pekerjaan pelbagai dan menarik tenaga kerja mahir dan separa mahir; 4. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang menyokong aktiviti berkonsepkan *co-working space* dan ekonomi perkongsian; dan 5. Menggalakkan pembangunan pusat latihan dan inkubator yang menyokong konsep *knowledge-based economy* dan mampu menjana pertumbuhan guna tenaga berkemahiran tinggi.

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 1-1.2: PEMBANGUNAN KAWASAN PERDAGANGAN BAHARU

Trend pembangunan dan peningkatan ruang lantai perdagangan di Kuala Lumpur dijangka akan terus meningkat sejajar dengan kepesatan ekonomi Kuala Lumpur disebabkan oleh pertambahan permintaan kawasan perdagangan, pengelasan semula zon guna tanah dan pembangunan berintensiti tinggi.

Draf PTKL2040 telah mencadangkan seluas 4,073.45 hektar Zon Guna Tanah Perdagangan dengan pertambahan sebanyak 677.46 hektar berbanding Zon Guna Tanah Perdagangan 2020 merujuk kepada Jadual 1.1.3.

PSKL2040 telah mengunjurkan keperluan ruang lantai perdagangan adalah seluas 74.06 juta meter persegi. Mengambil kira aspek intensiti pembangunan, kapasiti Zon Guna Tanah Perdagangan bagi Draf PTKL2040 menawarkan ruang lantai sebanyak 149.42 juta meter persegi. Walau bagaimanapun, penawaran ini adalah bergantung kepada keadaan pasaran dan permintaan masa hadapan di Kuala Lumpur. Ini termasuk fasa projek pembangunan mega yang dijangka melangkaui tempoh 2040 seperti Bandar Malaysia dan Tun Razak Exchange (TRX).

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-1.2.



Lokasi: Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur
Sumber : https://image.shutterstock.com/z/stock-photo-kuala-lumpur-malaysia-jan-the-exchange-from-aerial-view-formerly-known-as-trx-1367318432.jpg

Pemandangan Menara Tun Razak Exchange sebagai kawasan perdagangan baharu di Kuala Lumpur.



Jadual 1.1.3:
Perincian Perbandingan dan Pertambahan Keluasan Zon Guna Tanah Perdagangan

Zon Guna Tanah Perdagangan	Keluasan Zon Guna Tanah Perdagangan 2020 (Hektar)	Keluasan Zon Guna Tanah Perdagangan 2040 (Hektar)	Pertambahan Keluasan Cadangan (Hektar)
1. Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)	373.11	447.33	74.22
2. Perdagangan Utama (MC)	577.31	676.40	99.09
3. Perdagangan (C)	953.07	1,046.83	93.76
4. Perdagangan Tempatan (LC)	209.86	52.42	-157.44
5. Pembangunan Bercampur (MX)	1,282.64	1,850.47	567.83
Jumlah	**3,395.99**	**4,073.45**	**677.46**

Sumber: Olahan dari PBRKL2020

Pertambahan keluasan guna tanah perdagangan berdasarkan Draf PTKL2040 adalah disebabkan:

1. Perancangan semula kawasan mengambil kira peningkatan infrastruktur atau pembinaan stesen transit baharu;
2. Pembangunan semula kawasan usang; dan
3. Penetapan hala tuju serta strategi baharu sesuatu kawasan mengambil kira pembangunan sekitar.

Kapasiti perdagangan diunjurkan sebanyak 149,422,086.68 meter persegi dengan mengambil kira nisbah plot asas dan keluasan plot tanah terlibat mengikut setiap pecahan Zon Guna Tanah Perdagangan Draf PTKL2040.

Unjuran kapasiti ruang lantai Draf PTKL2040 adalah untuk memastikan ketersediaan kawasan perdagangan yang dapat memenuhi permintaan mengikut pasaran, fleksibiliti terhadap lokasi pembangunan perdagangan dan pembangunan komited.

Kapasiti jumlah ruang lantai perdagangan Draf PTKL2040 dilihat akan dipengaruhi oleh pembangunan perdagangan berbentuk kediaman seperti pangsapuri perkhidmatan atau Pejabat Kecil Pejabat Rumah (PKPR) selaras dengan trend permintaan penduduk Kuala Lumpur di masa hadapan.

Draf PTKL2040 turut mengambil maklum penawaran insentif intensiti yang diperkenalkan mengikut dasar-dasar semasa kerajaan. Tumpuan harus diberikan terhadap perancangan kemudahan, infrastruktur dan utiliti ke arah menyokong pelaksanaan insentif ini.

INFO RINGKAS

KAPASITI LUAS RUANG LANTAI PERDAGANGAN SEHINGGA TAHUN 2040



Perdagangan Pusat Bandar (CCC)
Kapasiti perdagangan ini dikira dengan menggunakan andaian kegunaan perdagangan 90 peratus daripada jumlah keluasan plot tanah perdagangan.
37,211,520.97 meter persegi



Perdagangan Utama (MC)
Kapasiti perdagangan ini dikira dengan menggunakan andaian kegunaan perdagangan 90 peratus daripada jumlah keluasan plot tanah perdagangan.
37,763,973.25 meter persegi



Perdagangan (C)
Kapasiti perdagangan ini dikira dengan menggunakan andaian kegunaan perdagangan 90 peratus daripada jumlah keluasan plot tanah perdagangan.
36,254,193.41 meter persegi



Perdagangan Tempatan (LC)
Kapasiti perdagangan ini dikira dengan menggunakan andaian kegunaan perdagangan 100 peratus daripada jumlah keluasan plot tanah perdagangan.
1,281,928.85 meter persegi



Pembangunan Bercampur (MX)
Kapasiti perdagangan ini dikira dengan menggunakan andaian kegunaan perdagangan 40 peratus daripada jumlah keluasan plot tanah perdagangan.
35,393,495.14 meter persegi



Pembangunan Industri Bercampur (MXI)
Kapasiti perdagangan ini dikira dengan menggunakan andaian kegunaan perdagangan 50 peratus daripada jumlah keluasan plot tanah perdagangan.
1,516,975.06 meter persegi

INISIATIF PELAKSANAAN 1-1.2A

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN BERSEPADU DI KAWASAN PERDAGANGAN BAHARU

Pembangunan perdagangan baharu yang bersepadu dan kondusif dapat menjamin peningkatan pertumbuhan, kemakmuran dan kepelbagaian ekonomi di Kuala Lumpur. Ia juga dapat menjana tahap capaian perkhidmatan dan perdagangan yang tinggi kepada pengguna.

Inisiatif ini adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang progresif yang selaras dengan prinsip pembangunan perdagangan bersepadu di Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan penggunaan tanah yang optimum melalui perancangan pembangunan yang bersepadu;
2. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang berkonsepkan *Transit-oriented Development* (TOD) dan mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
3. Menggalakkan penyediaan ruang pejabat kecil atau inkubator sebagai kemudahan sokongan pembangunan perdagangan untuk menampung dan menggalakkan *start-ups*;
4. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang mampu milik;
5. Merancang penyediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan yang boleh dikongsi bersama seperti tempat letak kenderaan (TLK) di bangunan kediaman untuk digunakan sebagai kegunaan aktiviti perdagangan bagi tempoh tertentu; dan
6. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

AMALAN TERBAIK

PEMBANGUNAN PERDAGANGAN BERSEPADU

Terdapat tiga (3) jenis pembangunan sedia ada di Kuala Lumpur yang melaksanakan konsep pembangunan perdagangan bersepadu yang berjaya, iaitu seperti KL Sentral, Pavilion Bukit Bintang dan Lalaport.

1. KL Sentral merupakan kawasan perdagangan bersepadu dengan kesediaan kepelbagaian perkhidmatan pengangkutan awam dan pusat beli-belah NU Sentral;
2. Pavilion Kuala Lumpur merupakan sebuah pembangunan perdagangan yang bertaraf antarabangsa (*World Class Award Winning*) dengan kesediaan perkhidmatan pengangkutan awam MRT dan monorel; dan
3. Lalaport merupakan sebuah pembangunan perdagangan baharu yang dibangunkan bersepadu dengan akses ke pengangkutan rel seperti LRT, MRT dan monorel.



Lokasi : KL Sentral, Kuala Lumpur
Sumber : *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpur-malaysia-december-11-600w-775822519.jpg*

Pusat Beli-belah NU Sentral mempunyai akses yang mudah sampai dengan hab pengangkutan awam di KL Sentral.



Lokasi ; Pavilion, Kuala Lumpur
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/TK+Kurikawa*

Pusat Beli-belah Pavilion terkenal dengan pelbagai aktiviti perdagangan serta upacara fesyen bertaraf dunia.



Lokasi : Lalaport, Kuala Lumpur
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/TK+Kurikawa*

Pusat Beli-belah baharu Lalaport berpotensi untuk menjadi pusat perdagangan bersepadu.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-1.3: PENGUKUHAN PUSAT PERDAGANGAN PRIMER DI KUALA LUMPUR

Pusat perdagangan primer berfungsi sebagai kawasan tumpuan aktiviti perdagangan yang bernilai tinggi meliputi ruang pejabat, pusat beli-belah, perhotelan dan sektor perkhidmatan utama. Di samping itu, ia juga berperanan menyokong dan menjadi pelengkap kepada aktiviti di Zon Tumpuan Perbankan dan *Fintech*.

Pengukuhan pusat perdagangan primer yang berdaya saing adalah antara fokus utama untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya global. Pengukuhan ini akan memberi kelebihan kepada Kuala Lumpur dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan baharu di samping mengembangkan pelaburan sedia ada.

Pusat ini berpotensi mewujudkan ruang niaga yang inovatif dan mampu mentransformasikan aktiviti perdagangan menjadi lebih berdaya maju. Tumpuan pusat perdagangan primer seperti di Rajah 1.1.3 meliputi kawasan berikut:

1. Sebahagian Pusat Bandar Raya;
2. KL Sentral dan sekitar;
3. Bangsar South dan Media City;
4. Pusat Bandar Damansara;
5. KL Metropolis dan sekitar;
6. Bandar Malaysia; dan
7. Pusat Bandar Bukit Jalil.

Pusat perdagangan primer ditetapkan di Zon Guna Tanah Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC) dengan nisbah plot asas sehingga 1:10, Zon Guna Tanah Perdagangan Utama (MC) dengan nisbah plot asas sehingga 1:8 dan di Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX) dengan nisbah plot asas sehingga 1:8.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-1.3.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-1.3A

MENGGALAKKAN PUSAT PERDAGANGAN PRIMER BERKEMBANG MAJU DAN BERDAYA SAING

Pertumbuhan pusat perdagangan primer perlu digalakkan agar ia menjadi lebih *vibrant* dan dinamik.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti di Jadual 1.1.4.



Lokasi : Bangsar South
Sumber : https://image.shutterstock.com/z/stock-photo-kuala-lumpur-malaysia-january-bangsar-south-is-an-integrated-property-development-project-622826120.jpg

Kawasan Bangsar South sebagai kawasan berpotensi untuk aktiviti perdagangan primer.

Jadual 1.1.4:
Inisiatif Pembangunan di Pusat Perdagangan Primer


Inisiatif Umum	
1. Menggalakkan aktiviti perdagangan yang menyokong pertumbuhan ekonomi bernilai tinggi di zon tumpuan perbankan, *fintech* dan pusat perdagangan primer seperti perhotelan, pejabat, pusat beli-belah, hiburan dan perkhidmatan. 2. Memastikan ketersediaan serta penyelenggaraan bagi kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan lain yang berkualiti tinggi dan mampu menampung keperluan pengguna dan pengunjung; 3. Memperkukuhkan kawasan beli-belah tradisional dan primer melalui program pembangunan semula atau penjanaan semula; 4. Menyediakan ruang penjajaan untuk aktiviti penjajaan kepada semua lapisan masyarakat bagi meningkatkan peluang pekerjaan dalam sektor informal; 5. Menyediakan kemudahsampaian yang tinggi terutamanya mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti kepada rangkaian pengangkutan awam dan stesen transit; 6. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing; dan 7. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen bandar selamat (*Crime Prevention Through Environmental Designs*, CPTED), reka bentuk sejagat (*Universal Designs*), bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep bandar rendah karbon.	
Pusat Perdagangan Primer	**Inisiatif Khusus**
Sebahagian Pusat Bandar Raya Pusat Perdagangan Primer Pusat Bandar Raya merupakan zon utama aktiviti perdagangan Kuala Lumpur. *(Jalan Ampang, Bukit Bintang menghala ke Jalan Imbi, Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Raja Bot, Jalan Pudu, Jalan Dang Wangi, Jalan Petaling, Jalan Sultan, Jalan Hang Jebat)* **Keluasan: 699.00 hektar**	1. Memperkukuhkan kedudukan KLCC-Bukit Bintang sebagai presint aktiviti beli-belah utama dengan menggalakkan pertumbuhan pusat perdagangan primer yang lebih produktif dan *vibrant*; 2. Menggalakkan pembangunan perdagangan berkelas tinggi dan ruang pejabat Gred A; dan 3. Menggalakkan program pembangunan semula atau penjanaan semula kawasan perdagangan yang kurang kompetitif, usang dan berpotensi untuk menjadi kawasan perdagangan yang bernilai tinggi tanpa menjejaskan tipologi pembangunan sekitar.

Jadual 1.1.4:
Inisiatif pembangunan di Pusat Perdagangan Primer (sambungan)

Pusat Perdagangan Primer	Inisiatif Khusus
KL Sentral dan sekitar Pusat Perdagangan Primer KL Sentral merupakan pusat transit bersepadu utama di Malaysia. Kawasan pembangunan ini mempunyai bangunan pejabat korporat, hotel bertaraf lima (5) bintang, pusat beli-belah dan kondominium mewah. Manakala sekitar Kawasan KL Sentral merupakan kawasan yang berpotensi untuk pembangunan semula dan akan menjadi tumpuan syarikat multinasional (MNC). *(Jalan Damansara - Jalan Bangsar - Jalan Syed Putra)* **Keluasan: 308.70 hektar**	1. Menggalakkan pembangunan bercampur yang merangkumi aktiviti beli-belah, kompleks pejabat, perniagaan dan elemen mendiami bagi meningkatkan daya huni bandar; 2. Menggalakkan pembangunan inkubator dan ruang pejabat kecil bagi usahawan baharu; dan 3. Menggalakkan pembangunan perdagangan berkelas tinggi dan ruang pejabat Gred A.
Bangsar South dan Media City Bangsar South merupakan pusat perdagangan yang mempunyai kompleks pejabat bersepadu berteknologi tinggi dengan penerapan komponen bandar pintar. Manakala, Media City yang terletak berhampiran Bangsar South adalah pembangunan bertumpukan multimedia dan penyiaran, iaitu Pusat Penyiaran Antarabangsa Negara. *(Jalan Pantai Permai-Jalan Kerinchi-Jalan Kerinchi Kiri 2)* **Keluasan: 45.82 hektar**	1. Menggalakkan aktiviti perdagangan yang berasaskan *knowledge-based economy* yang menyokong fungsi pusat perdagangan terlibat; 2. Menggalakkan pembangunan inkubator, *start-ups* dan ruang pejabat kecil bagi usahawan baharu; 3. Menggalakkan aktiviti industri kreatif, digital dan IT; dan 4. Menggalakkan penyediaan kemudahan sokongan bagi aktiviti dan kemudahan pusat penyiaran antarabangsa.
Pusat Bandar Damansara Pusat Bandar Damansara merupakan kawasan perdagangan utama bagi kawasan Bukit Damansara dan sekitarnya. *(Jalan Johar - Jalan Semantan - Changkat Semantan - Jalan Beringin)* **Keluasan: 62.37 hektar**	1. Menggalakkan pembangunan perdagangan berkelas tinggi dan ruang pejabat Gred A; dan 2. Menggalakkan pembangunan inkubator dan ruang pejabat kecil bagi usahawan baharu.
KL Metropolis dan sekitar Kawasan tumpuan perdagangan dan kompleks pejabat di utara pusat bandar raya *(Persiaran Dutamas-Jalan Sultan Haji Ahmad Shah-Jalan Kuching, Segambut)* **Keluasan: 235.10 hektar**	1. Mewujudkan Zon Perdagangan Bebas Digital yang menjadi platform untuk memudahkan dan mengutamakan aktiviti perdagangan secara digital; 2. Membangunkan Pusat Perkhidmatan Satelit dikenali sebagai Kuala Lumpur Internet City (KLIC) adalah hab digital utama bagi syarikat global dan tempatan. Pembangunan pusat tersebut sebagai pemain utama dalam ekosistem internet yang memberi sokongan, rangkaian dan perkongsian pengetahuan bagi memacu inovasi dalam ekonomi internet dan industri e-dagang; 3. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang bertaraf global seperti perhotelan, pejabat, pusat beli-belah, hiburan dan perkhidmatan yang disokong oleh infrastruktur yang berkualiti; dan 4. Meningkatkan peranan sebagai pusat pembangunan dan latihan profesional.

Jadual 1.1.4:
Inisiatif pembangunan di Pusat Perdagangan Primer (sambungan)

Pusat Perdagangan Primer	Inisiatif Khusus
Bandar Malaysia Kawasan yang berpotensi sebagai hab perniagaan dan pengangkutan antarabangsa serta pusat pelaburan intelektual. *(Jalan Sungai Besi-Jalan Istana)* **Keluasan: 296.10 hektar**	1. Menggalakkan pembangunan perdagangan berkelas tinggi dan ruang pejabat Gred A; 2. Menggalakkan pembangunan bercampur yang merangkumi aktiviti beli-belah, kompleks pejabat, perniagaan dan elemen mendiami bagi meningkatkan daya huni bandar; 3. Menggalakkan pembangunan inkubator dan ruang pejabat kecil bagi usahawan baharu; dan 4. Memperluaskan rangkaian pengangkutan bersepadu secara komprehensif.
Pusat Bandar Bukit Jalil Pusat Perdagangan Primer Bukit Jalil merangkumi kawasan tumpuan perdagangan dan kompleks pejabat bagi kawasan selatan Kuala Lumpur. *(Persiaran Jalil Utama-Lebuhraya Bukit Jalil)* **Keluasan: 23.66 hektar**	1. Menggalakkan aktiviti perdagangan dan peruncitan berskala besar bagi menyokong pertumbuhan aktiviti beli-belah; 2. Menggalakkan aktiviti industri kreatif, digital dan IT; dan 3. Menggalakkan pembangunan inkubator dan ruang pejabat kecil bagi usahawan baharu.



Pusat Perdagangan Primer

1. Sebahagian Pusat Bandar Raya
2. KL Sentral dan sekitar
3. Bangsar South dan Media City
4. Pusat Bandar Damansara
5. KL Metropolis dan sekitar
6. Bandar Malaysia
7. Pusat Bandar Bukit Jalil

RAJAH 1.1.3 | Pelan Cadangan Pembangunan Pusat Perdagangan Primer Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Kawasan Perdagangan Primer

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-1.4: PEMBANGUNAN ZON AKTIVITI PERNIAGAAN BERTEMA DI PUSAT BANDAR RAYA

Kuala Lumpur mempunyai kepelbagaian aktiviti perniagaan. Cadangan pusat aktiviti perniagaan bertema adalah bertujuan untuk mengkhususkan aktiviti utama serta menjenamakan aktiviti perniagaan di sesebuah kawasan. Tumpuan cadangan ini adalah di pusat bandar raya dan juga Brickfields.

Penjenamaan ini adalah berasaskan kepada identiti dan keistimewaan aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan tersebut termasuklah mengambil kira potensi perkembangan kawasan terlibat. Cadangan ini akan menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat tarikan membeli-belah khas kepada pengunjung tempatan dan pelancong.

Kawasan yang dicadangkan sebagai pusat aktiviti perniagaan bertema adalah seperti di Jadual 1.1.5. dan Rajah 1.1.4.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-1.4.



Lokasi : Pasar Seni, Kuala Lumpur

Kasturi Walk di Pasar Seni adalah salah satu kawasan perdagangan tumpuan pengunjung tempatan dan pelancong dengan aktiviti perdagangan berasaskan makanan dan budaya.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-1.4A

MENJENAMAKAN PUSAT AKTIVITI PERNIAGAAN BERTEMA

Aktiviti perniagaan bertema hendaklah diperkukuhkan dengan kemudahan dan infrastruktur yang lengkap untuk menampung keperluan pengunjung.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti berikut:



1. Mempertingkatkan imej dan identiti kawasan;
2. Menyediakan ruang awam untuk pengunjung membeli-belah dan kawasan beristirehat;
3. Menyediakan kiosk dan *food cart*;
4. Menyediakan laluan pejalan kaki yang berkesinambungan, *false façade*, papan tanda dan perabot jalan;
5. Menyediakan kemudahan reka bentuk sejagat; dan
6. Melaksanakan program pengindahan kawasan.




Lokasi : Jalan Petaling, Kuala Lumpur
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/sepavo*

Gerbang masuk utama sebagai identiti Jalan Petaling.

Jadual 1.1.5:
Pelan Pengkhususan Aktiviti Perniagaan Bertema

Aktiviti Perniagaan Bertema	
1. Makanan dan Budaya **Lokasi Tumpuan:** Jalan Petaling (*Chinatown*), Brickfields (*Little India*), Kampong Bharu, Jalan Alor, Jalan Masjid India, Pasar Seni  	**2. Peralatan IT dan Gajet Elektronik** **Lokasi Tumpuan:** Plaza Low Yat, Plaza Imbi, Kompleks Pertama dan MARA Digital 

Jadual 1.1.5:
Pelan Pengkhususan Aktiviti Perniagaan Bertema (sambungan)

Aktiviti Perniagaan Bertema	
3. Pasar Malam **Lokasi Tumpuan:** Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Petaling, Kasturi Walk, Kampong Bharu  	**4. Perniagaan Borong** **Lokasi Tumpuan:** Kenanga Wholesale City, Plaza GM, Jalan Tuanku Abdul Rahman 
5. Elektrik dan Elektronik **Lokasi Tumpuan:** Jalan Pasar, Jalan Pudu, Plaza Low Yat  	**6. Seni Kreatif** **Lokasi Tumpuan:** Pasar Seni, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Alor, Lorong Panggung, Jalan Gereja, Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC) 
7. Peralatan Permainan dan Kanak-Kanak **Lokasi Tumpuan:** Jalan Chow Kit  	**8. Barangan Kemas dan Perhiasan** **Lokasi Tumpuan:** Jalan Masjid India, Jalan Bangsar, Jalan Bukit Bintang 

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-1.5: PEMBANGUNAN ZON TUMPUAN PERBANKAN DAN *FINTECH*

Sektor kewangan berpotensi untuk menjadi pemacu kepada pertumbuhan aktiviti perdagangan di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur juga merupakan hab global utama kewangan Islam setelah diiktiraf sebagai Pasaran Kewangan Islam Paling Maju bertaraf antarabangsa (*Global Islamic Finance Report*, 2019).

Usaha ini perlu disokong menerusi penyediaan infrastruktur digital bertaraf global dan ekosistem perdagangan yang kondusif melalui pengukuhan aktiviti perbankan dan *fintech* di Kuala Lumpur.


Zon tumpuan ini dicadangkan meliputi kawasan Jalan Sultan Ismail - Jalan Raja Chulan - Jalan Tun Razak, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan Tun Razak Exchange (TRX) di Jalan Davis seperti di Rajah 1.1.4. Aktiviti perbankan, *fintech* dan ekonomi perkongsian akan digalakkan di zon ini menerusi penyediaan ruang untuk ibu pejabat perbankan, syarikat multinasional (MNC) dan hab prinsipal syarikat perniagaan serantau beroperasi. Perkongsian aset melalui penggunaan platform digital turut digalakkan.

Zon tumpuan ini umumnya berada di dalam Zon Guna Tanah Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC) dan Zon Guna Tanah Perdagangan Utama (MC) dengan nisbah plot asas sehingga 1:10.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-1.5.


Lokasi : Jalan Tun Razak
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/kencanastudio*

Bangunan berteraskan aktiviti kewangan di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-1.5A

MEMASTIKAN AKTIVITI KEWANGAN DI ZON PERBANKAN DAN *FINTECH* BERKEMBANG MAJU DAN BERDAYA SAING

Inisiatif ini menggalakkan suntikan teknologi kepada sistem perbankan semasa bagi menerapkan sistem *fintech* terkini. Langkah yang perlu dipertimbangkan untuk memastikan aktiviti kewangan berkembang maju di zon yang ditetapkan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti berikut:

1. **Pertumbuhan Sistem Teknologi Kewangan (*Fintech*)**
   a. Menggalakkan penyediaan ruang-ruang khusus untuk pertumbuhan aktiviti *fintech* dan *startups*;
   b. Menggalakkan aktiviti urusniaga tanpa tunai dengan menggunakan sistem pembayaran secara kod QR atau kad;
   c. Melaksanakan urusan perbankan secara digital;
   d. Memberi penekanan terhadap penggunaan teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*, AI);
   e. Menerapkan inisiatif bandar pintar; dan
   f. Menjalinkan kolaborasi antarabangsa bagi inovasi *fintech* dan sebagainya.

2. **Menaik taraf Infrastruktur Jaringan Jalur Lebar yang Terkini**
   a. Menaik taraf kesediaan infrastruktur jaringan jalur lebar ke tahap minimum berkelajuan 500 mbps yang stabil secara menyeluruh menjelang tahun 2040.

3. **Menaik taraf Persekitaran Zon Perbankan dan *Fintech***
   a. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang berkonsepkan pembangunan berorientasikan transit (*Transit-oriented development*, TOD) dan mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
   b. Menyediakan ruang teduhan, ruang awam (taman tepian), kiosk dan elemen landskap;
   c. Menggalakkan pembinaan jejantas penghubung antara bangunan; dan
   d. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

Lokasi Aktiviti Kewangan Primer Bandar Raya Kuala Lumpur

01 **JALAN AMPANG – JALAN TUN RAZAK**

02 **JALAN SULTAN ISMAIL – JALAN RAJA CHULAN**
Kawasan ini merupakan kawasan pusat perbankan Kuala Lumpur sedia ada yang akan dipertingkatkan infrastruktur dan persekitaran niaga supaya menjadi lebih *vibrant*.

03 **JALAN TUN RAZAK - TUN RAZAK EXCHANGE (TRX)**
TRX merupakan katalis baharu bagi Kuala Lumpur ke arah hab kewangan terkemuka negara dengan penggabungan tiga (3) komponen utama, iaitu pusat beli-belah bertaraf dunia, The Exchange TRX serta TRX Residence.

INFO RINGKAS

FINTECH


Merujuk kepada penggunaan teknologi dan inovasi dalam aktiviti perkhidmatan kewangan bagi menawarkan khidmat yang lebih baik dan produktif kepada pengguna melalui aktiviti-aktiviti seperti perbankan, aset, pengurusan harta dan lain-lain yang berkaitan.

Antara inovasi *fintech* yang boleh diambil kira adalah:
1. *Blockchain*;
2. Pembayaran tanpa tunai;
3. Perkhidmatan menggunakan teknologi robotik; dan
4. Perbankan secara dalam talian.



Sumber : *https://image.shutterstock.com/image-photo/close-phone-scan-qr-code-600w-2048274335.jpg*

Penggunaan sistem pembayaran menggunakan kod QR perlu digalakkan dalam kalangan warga kota.



Zon Perbankan *Fintech* di Kuala Lumpur

1. CIMB Ezbank, Alliance Bank Berhad dan Menara United Overseas Bank (UOB)
2. Menara Oversea Chinese Banking Corportion (OCBC), Bank Muamalat, Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC), India International Bank, dan Menara Malayan Banking Berhad (Maybank)
3. Menara Bangkok Bank, Deutsche Bank Berhad, Bank of Tokyo dan Hong Leong Bank Berhad
4. Ambank (M) Berhad, Public Bank Berhad, China Construction Bank Berhad, Mizuho Bank, Industrial dan Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
5. BNP Paribas Malaysia, J.P. Morgan Chase Bank Berhad, Bank of China (Malaysia) Berhad dan Citibank Berhad
6. Bank of Nova Scotia, Affin Islamic Bank, Bank of America, Standard Chartered Bank
7. RHB Bank

RAJAH 1.1.4 | Pelan Cadangan Kluster Tumpuan dan Perbankan *Fintech*

Petunjuk :

- Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)
- Perdagangan Utama (MC)
- Jalan Sultan Ismail-Jalan Raja Chulan
- Jalan Ampang-Jalan Tun Razak
- Jalan Tun Razak-Tun Razak Exchange(TRX)

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Perbankan *Fintech*

STRATEGI PERANCANGAN

SP 1-2: MENJENAMAKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN BANDAR DENGAN AKTIVITI PELANCONGAN MAMPAN

SENARIO DESTINASI PELANCONGAN DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur dikenali sebagai kota metropolitan (Tourism Malaysia, 2019) menawarkan pelbagai lokasi menarik selain kaya dengan budaya yang pelbagai sumber alam semula jadi serta menjadi tarikan kepada pelancong domestik dan antarabangsa.

Industri pelancongan negara mencatatkan pertumbuhan ketibaan pelancong yang positif sebanyak 4.8 peratus untuk tempoh Januari hingga Mei 2019, (Jabatan Perangkaan, 2020). Manakala sebanyak 69.2 peratus daripada jumlah ketibaan pelancong merupakan pelancong antarabangsa dari negara ASEAN, khususnya Indonesia, Singapura dan Thailand.

Pada tahun 2019, Kuala Lumpur menerima 22.6 juta pelancong domestik dan menjana pendapatan sebanyak RM12.1 billion (Jabatan Perangkaan, 2020).

Sektor Pelancongan adalah industri ketiga terpenting negara selepas pembuatan dan komoditi. Industri ini mewujudkan kesan limpahan ekonomi yang tinggi kepada negara. Pada tahun 2019, sektor ini menyediakan 3.6 juta pekerjaan, iaitu 23.6 peratus daripada jumlah guna tenaga.

Aktiviti perdagangan seperti membeli-belah, perubatan, kemudahan penginapan, pendidikan dan Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) adalah penyumbang kepada penawaran dan penjanaan ekonomi bandar di Kuala Lumpur.

Masa depan sektor tersebut didapati boleh berkembang dan terus bertahan meskipun mendapat persaingan dari bandar raya lain di Asia. Sektor rekreasi bandar, sukan, warisan dan makanan didapati masih menjadi pilihan pelancong domestik dan antarabangsa. Mekanisma dan pemantauan khusus perlu dibangunkan di destinasi eko-pelancongan dan alam semula jadi untuk mengekalkan keaslian dan kemampanan destinasi tersebut.

Selain daripada itu, permintaan sektor penginapan didapati terus kekal dan meningkat di Kuala Lumpur susulan dasar dan strategi baharu kerajaan selepas direncatkan oleh pandemik COVID-19.

Kemudahan infrastruktur dan fasiliti bertaraf dunia yang terdapat di Kuala Lumpur telah melengkapkan penyediaan produk pelancongan yang berkesan kepada pelancong.


Sektor pelancongan Kuala Lumpur mempunyai masa depan yang cerah dan berpotensi bersaing dengan destinasi bandar lain di peringkat global. Produk Kuala Lumpur perlu lebih kompetitif, kreatif dan mempunyai kelainan dari negara-negara jiran di Asia.

Aset pelancongan sedia ada seperti persiaran perniagaan tradisional, bangunan warisan dan ikonik memberi peluang dan potensi baharu dalam memberi gambaran sebenar suasana Kuala Lumpur dalam pembangunan yang pesat ini. Potensi tersebut boleh diperkasakan serta dijenamakan semula dengan kesalinghubungan antara laluan dan aset pelancongan sedia ada atau baharu.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat tumpuan destinasi pelancongan, lima (5) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 1-2 seperti di Rajah 1.2.1.

Rajah 1.2.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-2

SP 1-2	MENJENAMAKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN BANDAR DENGAN AKTIVITI PELANCONGAN MAMPAN
CP 1-2.1	Perancangan Sektor Pelancongan Masa Hadapan
CP 1-2.2	Pemerkasaan Strategi Pelancongan Bandar
CP 1-2.3	Pemerkasaan Pelancongan Budaya, Warisan dan Kreatif
CP 1-2.4	Pemerkasaan Pelancongan Alam Semulajadi
CP 1-2.5	Penambahbaikan Kemudahan Aksesibiliti Pelancong




RAJAH 1.2.2 | Pelan Cadangan Pelancongan Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Pelancongan Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE)
- Pelancongan Pusat Membeli-Belah
- Pelancongan Warisan
- Pelancongan Pendidikan
- Pelancongan Perubatan dan Kesihatan
- Zon Warisan Primer
- Zon Warisan Semulajadi
- Zon Warisan Sekunder
- Zon Warisan Karakter Khas

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur



Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau

1. Taman Metropolitan Kepong
2. Desa Park City
3. Stadium Tenis Jalan Duta
4. Stadium Hoki Jalan Duta
5. Taman Tasik Titiwangsa
6. KL Forest Eco Park
7. Taman Rama-rama
8. Taman Burung
9. Taman Botani Perdana
10. Stadium Negara
11. Kelab Golf Diraja Selangor
12. Kelab Golf Perkhidmatan Awam
13. Taman Rimba Bukit Kerinchi
14. Taman Tasik Permaisuri
15. Taman Eko Rimba Sungai Puteh
16. Taman Eko Rimba
17. Stadium Bukit Jalil

RAJAH 1.2.3 | Pelan Cadangan Pelancongan Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau

Petunjuk :

- Pelancongan Rekreasi
- Zon Hutan

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-2.1: PERANCANGAN SEKTOR PELANCONGAN MASA HADAPAN

Perancangan pembangunan pelancongan di Kuala Lumpur banyak bergantung kepada kepelbagaian sektor yang menjana ekonomi bandar. Sektor sokongan seperti kemudahan penginapan, fasiliti dan pengangkutan penting bagi memastikan pembangunan sektor pelancongan dapat dipertingkatkan sebagai usaha menggalakkan pelancong tempatan dan luar negara ke Kuala Lumpur.

Penyediaan pelbagai jenis penginapan serta kawasan peletakan yang sesuai mengikut kehendak pelancong merupakan strategi penyediaan penginapan di Kuala Lumpur. Industri penginapan berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman dan keperluan para pelancong tempatan dan luar negara yang inginkan suasana berbeza dan unik.

Penawaran penginapan pelancong di Kuala Lumpur masih kekal di kawasan-kawasan strategik seperti Jalan Bukit Bintang, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Petaling, Jalan Tun Perak dan Jalan Pudu. Kawasan tersebut mempunyai daya tarikan seperti membeli-belah, rekreasi, rantaian pengangkutan dan identiti imej tersendiri. Kawasan luar pusat bandar raya seperti Cheras, Bukit Jalil, Maluri, Wangsa Maju dan Kepong masih relevan sebagai kawasan penginapan bertaraf bintang. Penginapan jenis pangsapuri, kediaman mewah, hotel bajet dan Airbnb tertumpu di pusat bandar raya sementara jenis *homestay* terletak di luar pusat bandar.

Langkah terbaharu industri perhotelan kini ialah mula melaksanakan inisiatif mesra alam atau 'hotel hijau' secara lebih komprehensif dari segi konsep, reka bentuk, operasi dan penyelenggaraan sebagai tarikan kepada pelanggan. Mandarin Oriental Hotel dan The Shangri-La Hotel antara hotel yang telah mula menerapkan konsep hotel hijau.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-2.1.



Jadual 1.2.1:
Keperluan Penginapan Pelancong Tahun 2040

Kelas Hotel	2020 (NAPIC)		2025		2030		2035		2040	
	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik	Hotel	Bilik
Mewah (200 bilik)	30	9,388	32	9,488	35	9,700	40	10,012	45	10,324
Tinggi (150 bilik)	71	11,234	75	11,334	82	12,975	93	16,716	104	16,457
Sederhana (100 bilik)	96	8,319	103	8,419	110	9,608	124	10,897	138	12,186
Lain-lain kelas / bajet (kurang 50 bilik)	31	12,972	36	13,072	41	14,982	51	16,992	61	19,002
Jumlah	**226**	**41,913**	**246**	**42,313**	**268**	**47,265**	**308**	**52,617**	**348**	**57,969**

Nota:

1. Asas Unjuran 2025: Pakar pelancongan dari UNWTO pada 30/6/2021 menjangkakan bahawa jumlah ketibaan pelancongan tidak akan meningkat sehingga tahun 2023

2. Asas Unjuran: 3.1% peningkatan setahun untuk hotel bajet, sederhana dan tinggi (Kajian HVS), 3.0% peningkatan setahun untuk hotel mewah (Horwath HTL)

Sumber: *National Property Information Centre*, 2020 (NAPIC)

INFO RINGKAS

MAKLUMAT ASAS PENGINAPAN PELANCONG KUALA LUMPUR



Trend kedatangan pelancong domestik ke Kuala Lumpur dan pendapatan, 2019

22.6 Juta Pelancong, RM12.1bilion/Tahun



Trend kedatangan pelancong antarabangsa ke Kuala Lumpur dan pendapatan 2019,

13.8 Juta Pelancong, RM4.8 Juta/Tahun



Kawasan penginapan hotel terkenal di Kuala Lumpur, 2020

7 Lokasi



Jumlah keseluruhan hotel di Kuala Lumpur, 2020

226 Hotel



Jumlah bilik penginapan di Kuala Lumpur, 2020

41,913 Bilik

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Jun 2021



Lokasi: Taman Tasik KLCC
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/innocent*

Pembinaan hotel bertaraf lima (5) bintang di sekitar KLCC menjadi tarikan utama pelancong untuk menginap di Kuala Lumpur.

INISIATIF PELAKSANAAN 1-2.1A

MENINGKATKAN PENAWARAN PENGINAPAN PELANCONG DI KUALA LUMPUR

Pengagihan kawasan penginapan pelancong dipengaruhi oleh kumpulan pelancong, jenis serta lokasi penginapan. Draf PTKL2040 akan menumpukan kepada kawasan penginapan sedia ada serta kawasan baharu.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti di Jadual 1.2.2.


Lokasi: Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur

Kemudahan penginapan pelancongan di Kuala Lumpur perlu dinaik taraf dengan reka bentuk dalaman bangunan terkini bagi menarik pelancong dan pengunjung.

Jadual 1.2.2:
Inisiatif Meningkatkan Penawaran Penginapan Pelancong di Kuala Lumpur

Inisiatif Umum	
1. Mematuhi aktiviti penginapan bajet yang Dibenarkan dan Dibenarkan dengan Syarat dalam Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024); 2. Menggalakkan mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berterusan, selamat dan selesa; dan 3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan infrastruktur serta kemudahan sokongan pelancongan yang berkualiti dan lengkap.	
Kawasan Penginapan Pelancongan Berasaskan Produk	**Langkah-Langkah**
1. Penginapan Bertaraf Bintang **Lokasi Tumpuan:** Jalan Bukit Bintang, Damansara, Jalan Ampang, Jalan Tun Razak, Jalan Sultan Ismail dan bersesuaian.	1. Menggalakkan penyediaannya di kawasan perniagaan eksekutif serta berdekatan dengan kemudahan pengangkutan; dan 2. Mematuhi garis panduan penyediaan penginapan dan kemudahan sokongan bertaraf bintang mengikut penetapan agensi berkaitan.
2. Penginapan *Homestay* **Lokasi Tumpuan:** Cheras, Dato Keramat, Sentul, Setapak, Kampung Sungai Penchala dan bersesuaian.	1. Menggalakkan penyediaannya lebih tertumpu kepada kawasan luar pusat bandar yang menjadi salah satu kemudahan penginapan kepada pelancong tempatan; dan 2. Menggalakkan aktiviti pelancongan serta reka bentuk penginapan berasaskan budaya dan tradisi Malaysia;
3. Penginapan Bajet **Lokasi Tumpuan:** Brickfields, Pudu, Petaling Street, Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Bangsar, Jalan Bukit Bintang, Kampong Bharu, Cheras, Gombak dan sekitar KL Sentral.	1. Menggalakkan penyediaannya berada di kawasan tempat tumpuan pelancongan serta berdekatan dengan kemudahan pengangkutan; 2. Menerapkan reka bentuk yang bersesuaian mengikut karakter bangunan *(building rhythm)* sekitarnya; dan 3. Mempromosikan penginapan bajet di kawasan yang menjadi pusat tumpuan pelancong.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-2.2: PEMERKASAAN STRATEGI PELANCONGAN BANDAR

Berdasarkan *Kuala Lumpur Tourism Master Plan* 2015-2025, terdapat 13 jenis produk pelancongan di Kuala Lumpur seperti membeli belah, warisan, rekreasi, perubatan, pendidikan dan Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE). Produk Pelancongan tersebut merupakan produk pelancongan bandar yang terus bertahan serta menyumbang kepada pengekalan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Pelancongan bandar Kuala Lumpur banyak bergantung kepada aset sedia ada. Tumpuan tarikan pelancong hanya tertumpu di kawasan pusat bandar khususnya di kawasan warisan dan sejarah, kawasan rekreasi terbuka serta kawasan perniagaan mewah.

Selain daripada itu, Kuala Lumpur turut berpotensi untuk mengembangkan produk pelancongannya yang melibatkan produk pelancongan kreatif, seni dan budaya, produk eko-pelancongan bandar khususnya di kawasan taman, sungai dan tasik.

Penaiktarafan daerah pelancongan tradisional sedia sebagai tarikan pelancongan antarabangsa seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Pudu dan Jalan Petaling melalui penjenamaan semula daerah tersebut.

Strategi untuk memperluas dan memajukan sektor pelancongan ke luar pusat bandar akan dapat mengimbangi pertumbuhan ekonomi pelancongan Kuala Lumpur. Kawasan pinggir pusat bandar seperti Cheras, Petaling, Maluri, Damansara dan Bukit Jalil boleh diberi perhatian memandangkan ketersediaan infrastruktur dan perhubungan pengangkutan awam yang efisien.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-2.2.

INFO RINGKAS

13 PRODUK PELANCONGAN KUALA LUMPUR

1. Pelancongan Warisan
2. Reruang Awam dan Kawasan Lapang
3. Pelancongan Makanan
4. Pelancongan Sukan dan Rekreasi
5. Pelancongan Pendidikan
6. Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE)
7. Pelancongan Perubatan
8. Pelancongan Beli-belah
9. Pelancongan Eko dan Alam Semulajadi
10. Pelancongan Kembara
11. Kemudahan Penginapan Pelancong
12. Hotel Kelas Tinggi dan Mewah
13. Penginapan Airbnb

Sumber: Olahan dari PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 1-2.2A

MEMPERKASAKAN PELANCONGAN BANDAR

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti produk pelancongan yang berpotensi dan perlu diperkasakan bagi tujuan Pelancongan Bandar. Produk Pelancongan Bandar yang telah dikenal pasti adalah pelancongan pusat membeli-belah, pelancongan seni, budaya, warisan dan kreatif, pelancongan Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE), pelancongan perubatan dan kesihatan dan pelancongan pendidikan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti di Jadual 1.2.3.



Lokasi: Jalan Masjid India, Kuala Lumpur
Sumber: *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpurmalaysia-july-252019-view-600w-1551746495.jpg*

Kepelbagaian aktiviti perniagaan di sepanjang Jalan Masjid India.

Jadual 1.2.3:
Inisiatif Memperkasakan Pelancongan Bandar

Inisiatif Umum	
1. Mematuhi aktiviti yang Dibenarkan dan Dibenarkan dengan Syarat dalam Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024); 2. Menyediakan kemudahan infrastruktur pelancongan yang mencukupi seperti papan tanda atau informasi dan ruang laluan pejalan kaki yang ceria dan menarik; 3. Menggalakkan mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berterusan, selamat dan selesa; 4. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing; dan 5. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan pelancongan yang berkualiti dan lengkap.	
Pelancongan Bandar	**Inisiatif Khusus**
1. Pelancongan Pusat Membeli Belah **a. Pusat Membeli Belah Primer** • Menyasarkan para penggemar barangan mewah dan berjenama dari seluruh dunia. **Lokasi Tumpuan**: Suria KLCC, Pavilion, Mid Valley Megamall, Berjaya Times Square, Sungai Wang Plaza, TRX, Jalan Bukit Bintang, Changkat Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail, Jalan Imbi, Jalan Pudu.	1. Memperkasakan pusat membeli-belah ternama yang unggul sebagai pusat membeli-belah primer; 2. Mengawal jenis-jenis premis perniagaan mengikut konsep dan tema perniagaan eksklusif; dan 3. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.
b. Pusat Membeli-belah Tradisional • Mempromosikan adat dan budaya masyarakat setempat. **Lokasi Tumpuan**: Jalan Petaling, *Little India* (Brickfields), Jalan Masjid India, Jalan Tuanku Abdul Rahman.	1. Menerapkan reka bentuk dan elemen bandar yang berkonsepkan seni dan budaya Malaysia; 2. Meningkatkan imej dan mengekalkan keunikan pusat membeli-belah yang berasaskan budaya dan tradisi Malaysia; 3. Mempelbagaikan produk pelancongan yang khusus seperti tekstil, makanan, pakaian dan barangan antik; dan 4. Melaksanakan pemasaran yang inovatif dan menarik terhadap barangan tradisional yang berkonsepkan budaya Melayu, Cina dan India.

Jadual 1.2.3:
Inisiatif Memperkasakan Pelancongan Bandar (sambungan)

Pelancongan Bandar	Inisiatif Khusus
c. Pusat Membeli-belah Khas **Lokasi Tumpuan**: Pasar malam dan *street market* Bukit Bintang, Kampong Bharu, Datuk Keramat, Sungai Penchala dan Pantai Dalam.	1. Meningkatkan imej pelancongan setempat Kuala Lumpur terutamanya di waktu malam seperti pasar malam dan juga Karnival Jualan Berkala sesuai dilaksanakan seperti di Chiangmai Night Market dan Pratunam Night Market, Bangkok Thailand; 2. Mempelbagaikan produk pelancongan yang khusus seperti tekstil, makanan, pakaian dan barangan antik; dan 3. Melaksanakan "*Free Traffic Zone*" pada hujung minggu atau hari-hari tertentu.
2. Pelancongan Seni, Budaya, Warisan dan Kreatif • Rangkaian zon-zon kecil menggabungkan konsep pelancongan budaya, warisan dan pelancongan eko bandar; dan • Tarikan di zon-zon berkenaan berkonsepkan pelancongan budaya dan mempunyai daya tarikan dan keunikan tersendiri. **Lokasi Tumpuan**: Dataran Merdeka, Lebuh Pasar Besar, Jalan Benteng, Jalan Melayu, Jalan Masjid India, Jalan Raja.	1. Mengenal pasti dan memperkasakan zon-zon kecil berkonsepkan pelancongan seni, budaya, warisan dan kreatif; 2. Menggalakkan aktiviti pelancongan yang menyokong konsep pelancongan seni, budaya, warisan dan kreatif seperti persembahan seni, tarian dan perarakan kereta berhias; dan 3. Memperkenalkan aktiviti pelancongan kreatif yang baharu seperti sukan rakyat, permainan tradisional dan lukisan batik di kawasan kampung tradisi serta penginapan inap desa.
3. Pelancongan Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) • Sektor Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) merupakan komponen penting turut menjana ekonomi pelancongan bandar Kuala Lumpur; • Menyediakan kemudahan MICE yang berkualiti dan berskala besar; dan • Lokasi yang strategik dengan kemudahan pusat beli-belah, rekreasi dan penginapan moden. **Lokasi Tumpuan:** MITEC, PWTC, Sime Darby Convention Centre (SDCC), TM Convention Centre dan Mid Valley Exhibition Centre (MVEC).	1. Menghubungkan MICE dengan pengangkutan awam dan fasiliti sokongan seperti pusat beli-belah, restoran dan penginapan; 2. Menambah baik piawaian pembangunan MICE dan kualiti infrastruktur sokongan sekitar berdasarkan piawaian pusat persidangan antarabangsa; dan 3. Mengintegrasi tempat dan kemudahan MICE bertaraf dunia dengan pusat tumpuan pelancong dan pusat aktiviti bandar.

Jadual 1.2.3:
Inisiatif Memperkasakan Pelancongan Bandar (sambungan)

Pelancongan Bandar	Inisiatif Khusus
4. Pelancongan Perubatan dan Kesihatan • Sektor Perubatan dan Kesihatan adalah antara sektor utama penyumbang ekonomi Kuala Lumpur serta berpotensi membentuk imej Bandar Raya Pintar Perubatan. **Lokasi Tumpuan**: Segambut, Damansara, Titiwangsa, Cheras, Mont Kiara, Lembah Pantai.	1. Membangunkan pusat perubatan atau fasiliti kesihatan baharu selaras dengan garis panduan dan peraturan penyediaan fasiliti serta komponen perubatan bertaraf antarabangsa; 2. Menyediakan komponen penginapan seperti pangsapuri servis, asrama atau hotel di sekitar pusat perubatan dan kesihatan untuk kemudahan transit atau penginapan pesakit, pengiring dan pekerja; dan 3. Menyediakan kemudahan aksesibiliti, kawasan rekreasi dan pusat beli-belah di sekitar pusat perubatan.
5. Pelancongan Pendidikan • Pelaksanaan secara bersepadu boleh menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pendidikan bertaraf dunia. **Lokasi Tumpuan**: Cheras, Gombak, Kerinchi, Pudu, Bangsar, Brickfields, Bukit Bintang, Bandar Tun Razak, Sri Petaling, Titiwangsa.	1. Mengekalkan kawasan sedia ada melalui pemuliharaan imej serta identiti kluster pelancongan pendidikan dengan perancangan guna tanah yang komprehensif dan mampan; 2. Merancang lokasi institusi pengajian tinggi di Kuala Lumpur tertumpu di kawasan strategik yang mempunyai ciri-ciri perbandaran; 3. Menawarkan lebih banyak peluang untuk pendidikan di peringkat pengajian tinggi awam dan swasta di Kuala Lumpur; 4. Memastikan penyediaan infrastruktur pendidikan secara komprehensif, mencukupi dan efisien; dan 5. Menggunakan semula bangunan lama, terbiar dan usang, khususnya bangunan milik kerajaan serta ruang pusat membeli belah, rumah kedai, dewan dan pejabat sebagai alternatif untuk penggunaan sebagai pusat pendidikan.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-2.3: PEMERKASAAN PELANCONGAN BUDAYA, WARISAN DAN KREATIF

Sasaran untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Budaya, Warisan dan Kreatif adalah usaha strategik ke arah bandar budaya dan kreatif di peringkat global.

Tapak warisan sedia ada dan budaya hidup Kuala Lumpur juga dilihat berpotensi untuk dijadikan produk pelancongan yang kaya dengan sejarah, warisan dan budaya bandar.

Industri kreatif juga mampu ditonjolkan sebagai produk pelancongan dengan imej tersendiri melalui strategi pemasaran yang jelas.

Strategi meningkatkan sektor pelancongan budaya, warisan dan kreatif akan tertumpu kepada pemeliharaan produk pelancongan sedia ada serta menjenamakan semula produk pelancongan yang berpotensi. Aktiviti industri yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Muzik, seni persembahan dan seni visual;
2. Muzium dan arkib;
3. Penulisan dan penerbitan;
4. Kraf tangan;
5. Reka bentuk dan fesyen tekstil; dan
6. Filem, penyiaran dan pengisian digital.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-2.3.

INFO RINGKAS

PROGRAM TINDAKAN PELANCONGAN BUDAYA, WARISAN DAN KREATIF DALAM PSKL2040

1. Mengaktifkan semula Pasar Seni, Medan Pasar, Dataran Merdeka, Stadium Negara dan Stadium Merdeka;
2. Menaik taraf Presint Kuil Sin Sze Si Sze Ya, Presint Jalan Petaling, Masjid India dan Jalan Bunus;
3. Memulihara dan mengguna semula Bangunan Mahkamah Lama, Bangunan Sultan Abdul Samad, Stesen Kereta Api Lama KL, Masjid Jamek;
4. Memulihara institusi pendidikan bersejarah seperti St John's Institution, St John's International dan Convent Bukit Nanas;
5. Mengekalkan bangunan dan tapak warisan di kawasan Stadium Merdeka dan Stadium Negara; dan
6. Menambah baik untuk Taman Warisan semula jadi.

Sumber: Olahan dari PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 1-2.3A

MEMPERKASAKAN PELANCONGAN BUDAYA, WARISAN DAN KREATIF

Kuala Lumpur mempunyai elemen yang mampu diketengahkan sebagai Bandar Budaya, Warisan dan Kreatif di peringkat global. PSKL2040 telah menggariskan pemerkasaan elemen budaya, warisan dan kreatif melibatkan muzik, seni persembahan dan seni visual, muzium dan arkib, penulisan dan penerbitan, kraf tangan, reka bentuk dan fesyen tekstil dan filem, penyiaran dan pengisian digital seperti di Jadual 1.2.4.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti berikut:

1. Mematuhi aktiviti yang Dibenarkan dan Dibenarkan dengan Syarat dalam Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024);

2. Menggalakkan penyediaan ruang terbuka dan ruang informasi untuk mempromosikan kepelbagaian aktiviti budaya, seni dan warisan seperti produk perniagaan tempatan dan aktiviti sosial serta pendidikan;

3. Menerapkan konsep *retrofit* pada bangunan lama bagi merancakkan aktiviti pelancongan budaya, warisan dan budaya;

4. Menggalakkan penglibatan dan pelaburan sektor swasta dalam pembangunan pelancongan budaya, warisan dan kreatif;

5. Menggalakkan mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berterusan, selamat dan selesa;

6. Menyediakan kemudahan infrastruktur pelancongan yang mencukupi seperti papan tanda atau informasi dan ruang laluan pejalan kaki yang ceria dan selamat digunakan;

7. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing; dan

8. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan pelancongan yang berkualiti dan lengkap.

Inisiatif Khusus dan juga kawasan yang berpotensi bagi Pemerkasaan Pelancongan Budaya, Warisan dan Kreatif adalah seperti di Jadual 1.2.4:

Jadual 1.2.4:
Inisiatif Khusus dan kawasan yang berpotensi untuk Pemerkasaan Pelancongan Budaya, Warisan dan Kreatif

Pelancongan Budaya, Warisan dan Kreatif
1. Muzik, seni persembahan dan seni visual
• Menggabungkan pelbagai jenis budaya kreatif yang merangkumi pertunjukan kreatif, persembahan seni; dan • Memperkasakan kawasan ini sebagai lokasi utama acara dan festival yang berteraskan serta mempromosikan kebudayaan dan kesenian Malaysia. **Lokasi Tumpuan**: Istana Budaya, Bukit Bintang Cultural Junction (BBJ), Kasturi Walk, Pasar Seni dan Medan Pasar.
2. Muzium dan arkib
• Memperkasakan fungsi bangunan ini sebagai salah satu sumber sejarah Kuala Lumpur untuk generasi masa hadapan. **Lokasi Tumpuan**: Stesen Kereta Api Kuala Lumpur, Taman Tugu Negara, Bangunan Sultan Abdul Samad dan Muzium Negara.
3. Penulisan dan penerbitan
• Memperkasakan kawasan ini sebagai lokasi utama acara dan festival yang berteraskan penulisan dan penerbitan bagi mempromosikan kebudayaan dan kesenian Malaysia. **Lokasi Tumpuan**: Masjid Jamek, Dewan Bahasa dan Pustaka, Institusi Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Angkasapuri dan Media City.
4. Kraf tangan
• Memperkasakan hasil seni kraf tangan masyarakat Malaysia yang terkenal dengan kehalusan dan keunikannya. **Lokasi Tumpuan**: Jalan Melayu, Pasar Seni, Jalan Masjid India.
5. Reka bentuk dan fesyen tekstil
• Memperkasakan kawasan ini sebagai lokasi utama penjualan tekstil dengan keunikan reka bentuk bangunan lama yang masih kekal dan struktur yang masih kukuh. **Lokasi Tumpuan**: Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Petaling Street, Muzium Tekstil Negara.
6. Filem, penyiaran dan pengisian digital
• Memperkasakan kawasan ini sebagai lokasi utama bagi industri kreatif multimedia, seni budaya dan warisan budaya di Kuala Lumpur. **Lokasi Tumpuan**: Stesen Kereta Api Kuala Lumpur, Kuala Lumpur Performing Art Centre, Media City, KLPAC dan Bangunan Sultan Abdul Samad.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-2.4: PEMERKASAAN PELANCONGAN ALAM SEMULA JADI

Kuala Lumpur mempunyai variasi produk alam semula jadi dengan kepelbagaian flora dan fauna, kawasan hutan simpan dan rekreasi air sebagai destinasi pelancongan semula jadi.

Kuala Lumpur adalah antara bandar raya di Asia yang dapat mengekalkan tarikan hijau dalam pusat bandar. Kawasan rekreasi dan taman merupakan tempat kunjungan aktif kepada penghuni bandar raya. Taman Botani Perdana merupakan nadi rekreasi hijau untuk Kuala Lumpur.

Destinasi untuk pelancongan kembara dan kawasan berbukit masih terpelihara seperti di sebahagian Bukit Gasing dan Bukit Kerinchi, Taman Eko Rimba Bukit Nanas dan Bukit Sungai Putih. Kawasan tasik seperti di Tasik Titiwangsa, Tasik Permaisuri dan Tasik Metropolitan Kepong telah menjadikan penduduk Kuala Lumpur aktif beriadah.

Pembangunan projek pelancongan berasaskan air di kawasan pusat bandar raya seperti RoL di sepanjang Sungai Klang telah menukar corak dan fungsi sungai sebagai kawasan riadah pasif. Bandar utama dunia menjadikan sungai sebagai nadi sistem pengangkutan dan tarikan pelancongan air. Contohnya, Sungai Menam Chao Praya di Bandaraya Bangkok, Sungai Cheonggyecheon di Seoul dan Sungai Amstel di Amsterdam. Fungsi, karakter dan elemen di sungai berkenaan boleh diaplikasikan kepada sungai-sungai di Kuala Lumpur.

Infrastruktur dan fasiliti pelancongan yang mencukupi, sesuai dan selamat adalah antara elemen yang perlu diintegrasikan bersama sektor pelancongan berbukit, taman, tasik dan sungai. Sistem pejalan kaki dan pengangkutan awam yang efisien adalah antara strategi yang dicadangkan bagi memperkasakan pelancongan alam semula jadi.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-2.4.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-2.4A

PEMERKASAAN KAWASAN REKREASI, TAMAN DAN KAWASAN HIJAU

Pemerkasaan Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau sebagai produk pelancongan semula jadi di Kuala Lumpur adalah penting dalam usaha menyeimbangi pembangunan dengan kesejahteraan komuniti bandar bagi mencapai kelestarian alam.

Perancangan pembangunan Kuala Lumpur menitik beratkan pengukuhan elemen hijau melalui perancangan strategik yang menekankan kualiti dan struktur reka bentuk kawasan hijau bandar dalam Draf PTKL2040.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memastikan perancangan dan pembangunan di tanah tinggi dan hutan perlu mengikut Garis Panduan Pembangunan Tanah Tinggi agar dapat dikawal;
2. Mengambil kira faktor alam sekitar, ekologi, tumbuh-tumbuhan, cuaca, kecerunan dan kehidupan liar perlu diambil kira dalam perancangan;
3. Memastikan pengurusan dan pengawalan tingkah laku pelancong memasuki kawasan berbukit dan alam semula jadi dikuatkuasakan;
4. Mempergiat aktiviti semula jadi seperti *Heritage Tree Programme* dan Zon Menggembara Eko Semula Jadi;
5. Mewujudkan aktiviti *night event* seperti *Festival of Light*; dan
6. Mengindahkan kawasan dengan landskap dan perabot jalan direka bentuk sesuai.


Inisiatif Khusus dan juga kawasan yang berpotensi bagi Pemerkasaan Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau adalah seperti di Jadual 1.2.5.

Jadual 1.2.5
Inisiatif Khusus dan kawasan yang berpotensi untuk Pemerkasaan Kawasan Rekreasi, Taman dan Kawasan Hijau

Pelancongan Alam Semula Jadi
1. Pelancongan Kembara dan Tanah Tinggi • Konsep Pelancongan Eko atau hutan dalam bandar dapat mengimbangi kepadatan pembangunan dan mengurangkan perlepasan karbon. **Lokasi Tumpuan:** Taman Rimba Eko Bukit Nanas dan Taman Rimba Bukit Kerinchi.
2. Pelancongan Berasaskan Air • Sungai Klang ialah nadi kepada projek *River of Life* Kuala Lumpur (RoL) yang semakin popular sebagai salah satu tarikan pelancongan yang unik. **Lokasi Tumpuan:** Dataran RoL dan Koridor Hijau Sungai Klang.
3. Pelancongan Kreatif Taman Tasik • Kuala Lumpur (RoL) yang semakin popular sebagai salah satu tarikan pelancongan yang unik. **Lokasi Tumpuan**: Taman Tasik Titiwangsa, Taman Rekreasi Bukit Jalil, Taman Botani Perdana dan Taman Metropolitan Kepong.


Lokasi: Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur

Reka bentuk fakad yang menarik di Garden Pavilion, Taman Botani Perdana.


Lokasi: Taman Rimba Eko Bukit Nanas, Kuala Lumpur

Pemandangan dari *Canopy Walk*, Taman Rimba Eko Bukit Nanas.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-2.5: PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN AKSESIBILITI PELANCONG

Kuala Lumpur mempunyai kemudahsampaian yang baik bagi memastikan pergerakan pelancong dari satu lokasi tarikan ke tarikan yang lain mudah digunakan, selamat dan efisien. Keutamaan terhadap pergerakan pelancong melalui pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti menjadi komponen penting dalam membentuk sistem rangkaian aksesibiliti pelancongan.

Sistem perbandaran dan guna tanah di Kuala Lumpur telah mula mencorak satu struktur infrastruktur dan mobiliti pelancong yang efisien. Daerah pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti pelancong diwujudkan untuk menjadikan kawasan ini sebagai daerah khas yang sentiasa dipelihara dan mudah dipantau.

Selain daripada laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti, ruang-ruang di pinggir jalan atau dataran terbuka boleh direka bentuk supaya menjadi ruang kreatif untuk aktiviti pelancongan kreatif dan budaya.

Strategi untuk menjadikan Kuala Lumpur bandar kreatif dan berbudaya boleh dicapai dengan mempelbagaikan aktiviti kreatif di setiap ruang yang bersesuaian yang terdapat di bandar ini. Ruang-ruang ini dihidupkan dengan aktiviti '*night life*' supaya nampak meriah pada waktu malam. Kawasan dataran seperti Dataran KLCC, Dataran Masjid India dan Dataran MaTic boleh dijadikan titik tumpuan pejalan kaki.

Draf PTKL2040 akan menekankan keperluan penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selesa dan selamat di bandar raya untuk komuniti bandar dan pelancong.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-2.5.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-2.5A

MENAMBAH BAIK KEMUDAHAN AKSESIBILITI PELANCONG

Kemudahan aksesibiliti ke kawasan tarikan adalah pemangkin bagi menarik kedatangan pelancong ke destinasi pusat bandar. Penambahbaikan kemudahan khas seperti laluan pejalan kaki dan bas pelancong perlu diwujudkan untuk menjadikan kawasan ini sebagai daerah khas yang sentiasa dipelihara dan mudah dipantau.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 1.2.6.



Lokasi: Bukit Bintang, Kuala Lumpur
Sumber: *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpur-malaysia-august-19-600w-700509589.jpg*

Perkhidmatan bas *Hop-on Hop-off* sebagai salah satu tarikan pelancongan untuk bersiar-siar di Kuala Lumpur.

Jadual 1.2.6:
Inisiatif Penambahbaikan Kemudahan Aksesibiliti Pelancong

Jenis Kemudahan Aksesibiliti Pelancong	Langkah Penambahbaikan
Pemerkasaan Kawasan Pejalan Kaki Pelancong **Lokasi Tumpuan:** Kawasan tarikan pelancongan Kuala Lumpur.	1. Memberi keutamaan dan menambah baik laluan pejalan kaki bagi memastikan kesinambungan antara kawasan tarikan pelancong; 2. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan infrastruktur serta kemudahan sokongan pelancongan yang berkualiti dan lengkap; 3. Mengaktifkan ruang terbuka seperti dataran, taman poket atau tanah yang terbiar untuk aktiviti seperti persembahan seni dan budaya, perniagaan informal dan lain-lain; dan 4. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik serta sesuai dengan keadaan kawasan bebas kenderaan.
Peningkatan Penggunaan Bas *Hop-On Hop-Off* **Lokasi Tumpuan:** Sekitar Bandar Kuala Lumpur dan melalui tempat tarikan pelancongan.	1. Memperluaskan laluan bas *Hop-on Hop-off* ke destinasi pelancongan warisan, rekreasi dan beli-belah; 2. Mempertingkatkan perkhidmatan bas *Hop-on Hop-off* bagi mengurangkan masa menunggu pelancong; dan 3. Menyediakan kemudahan infrastruktur pelancongan yang mencukupi seperti papan tanda yang informatif di setiap hentian bas *Hop-on Hop-off*.
Menggalakkan Persiaran Basikal Kuala Lumpur **Lokasi Tumpuan:** Dataran Merdeka, Lebuh Pasar Besar, Medan Pasar, Jalan Benteng, Jalan Melayu, Jalan Masjid India, Jalan Bunus, Jalan Tunku Abdul Rahman dan Dataran Merdeka (seperti *Cycle Day Rome*).	1. Menambah baik dan memperluaskan laluan basikal bagi menggalakkan aktiviti rekreasi dalam sektor pelancongan; 2. Memperkenalkan Laluan Basikal Berkala dengan masa dan jadual yang ditetapkan; 3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan infrastruktur serta kemudahan sokongan pelancongan yang berkualiti dan lengkap; dan 4. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik serta sesuai dengan keadaan kawasan bebas kenderaan.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 1-3: MEMPERKUKUH BANDAR BUDAYA DAN KREATIF

SENARIO BANDAR BUDAYA DAN KREATIF DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur amat terkenal dengan elemen warisan dan seni budaya tempatan. Potensi elemen ini dapat diperkasa dengan meningkatkan ekonomi yang berasaskan produk budaya kreatif Malaysia seperti warisan, seni persembahan, seni kraf, fesyen, makanan tempatan, perfileman, penulisan dan lain-lain.

Usaha khusus perlu diperkenalkan dalam memacu ekonomi berteraskan budaya dan kreatif yang harus menyokong perkembangan industri tersebut. Pembangunan Hab Budaya dan Kreatif di Kuala Lumpur perlu merangkumi industri kreatif multimedia, seni dan warisan budaya. Pendekatan ini berpotensi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dan sosial pada masa hadapan. Selain itu, terdapat juga cadangan bagi memperkukuh hab kreatif sedia ada bagi menambah lagi daya saing ekonomi Kuala Lumpur.

PSKL2040 telah menggariskan Daerah Kreatif dan Kebudayaan sebagai salah satu daripada tindakan sokongan ke arah mencapai hala tuju Pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Inovatif dan Produktif.

Cabaran pada masa ini adalah untuk membentuk satu identiti Kuala Lumpur tersendiri serta mempunyai tahap budaya dan kreativiti yang tinggi bagi menjadikannya sebuah bandar raya berdaya huni dan menarik.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar budaya dan kreatif, terdapat satu (1) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 1-3 seperti di Rajah 1.3.1.

Rajah 1.3.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-3

SP 1-3	**MEMPERKUKUH BANDAR BUDAYA DAN KREATIF**
CP 1-3.1	Pemerkasaan Daerah Kreatif dan Kebudayaan

AMALAN TERBAIK

MUZIUM MANGA ANTARABANGSA KYOTO, JEPUN

Muzium Manga Antarabangsa Kyoto merupakan sebuah muzium budaya yang terletak di Nakagyo-ku, Kyoto, Jepun serta mempunyai lebih daripada 50,000 naskah manga yang boleh diakses oleh pelawat dan pengunjung. Ia merupakan salah satu daripada tarikan utama Bandar Kyoto.

Bangunan asal Muzium Manga Antarabangsa Kyoto merupakan bangunan Sekolah Rendah Tatsuike. Namun begitu, kesan daripada penurunan bilangan kanak-kanak disebabkan oleh kebanyakan aktiviti perkhidmatan yang bertumpu di luar pusat bandar, Sekolah Rendah Tatsuike telah digabungkan dengan sekolah yang lain. Bangunan kosong ini kemudian di digunakan semula dan dibangunkan sebagai muzium.


Ia merupakan usaha sama di antara Universiti Kyoto Seika dan Bandar Kyoto. Pihak universiti berperanan dalam mengendalikan kemudahan di bawah pengawasan jawatankuasa bersama. Usaha sama ini secara tidak langsung telah meningkatkan imej dan produktiviti Bandar Kyoto serta menyumbang kepada pendapatan bandar.

Muzium ini bertindak sebagai perpustakaan manga dan sumber sejarah untuk orang ramai serta berfungsi sebagai pusat penyelidikan bagi pakar manga yang berperanan dalam mempromosikan budaya manga pada masa hadapan.



Sumber: *https://www.kyoto-museums.jp/*

Muzium Manga Antarabangsa Kyoto kini merupakan salah satu daripada pusat tarikan utama pelancong Bandar Kyoto.



Tumpuan Zon Keagamaan di kawasan sekitar Masjid Negara mengambil kira aktiviti semasa dan faktor perkembangannya, sementara tumpuan Zon Sivik mengambil kira potensi masa hadapan.

RAJAH 1.3.2 : Pelan Cadangan Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Zon Budaya
- Zon Warisan Kreatif
- Zon Belia Kreatif
- Zon Kampung Warisan
- Zon Kreatif Korporat
- Zon Sivik
- Zon Keagamaan

Lain-lain

- Sempadan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur
- Badan Air

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 1-3.1: PEMERKASAAN DAERAH KREATIF DAN KEBUDAYAAN


Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur diperkenal bagi memperkasakan industri kreatif tempatan yang melibatkan usaha pemuliharaan, pemeliharaan dan pembaharuan semula kawasan termasuk penjanaan semula bangunan.

Terdapat tiga (3) klasifikasi industri kreatif utama di Kuala Lumpur yang merangkumi hab industri kreatif multimedia, seni dan warisan budaya. PSKL2040 telah mengenal pasti tujuh (7) zon utama ke arah pemerkasaan Daerah Kreatif dan Budaya Kuala Lumpur seperti berikut:

1. Zon Budaya;
2. Zon Warisan Kreatif;
3. Zon Belia Kreatif;
4. Zon Kampung Warisan;
5. Zon Kreatif Korporat;
6. Zon Sivik; dan
7. Zon Keagamaan.

Cadangan bagi memperkenalkan Daerah Kreatif dan Kebudayaan ini juga turut menyumbang ke arah mencapai hala tuju Pertumbuhan Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing.

Pendekatan terhadap pelaksanaan cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-3.1.



Lokasi: Pasar Seni

Pasar Seni sebagai salah satu pusat membeli belah yang memperkenalkan produk budaya Malaysia terkemuka.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-3.1A

MENINGKATKAN KUALITI PERSEKITARAN ZON - ZON DALAM DAERAH KREATIF DAN KEBUDAYAAN KUALA LUMPUR

Peningkatan kualiti kawasan yang berpotensi di dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur melibatkan cadangan pengindahan, penaiktarafan, pemuliharaan bangunan serta pengaktifan semula kawasan yang memerlukan inisiatif khusus.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menambah baik fakad bangunan dengan mengekalkan warna asal bangunan atau warna yang terang dan menarik;
2. Menambah baik dan menggalakkan elemen pencahayaan yang berwarna-warni bagi mewujudkan persekitaran yang menarik pada waktu malam;
3. Memulihara dan menyelenggara fakad bangunan kedai yang masih mengekalkan struktur binaan rumah kedai lama;
4. Mengguna pakai ruang yang kosong dan terbiar dengan aktiviti yang bersesuaian seperti pameran hasil seni bagi artis dan pemuzik jalanan;
5. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif;
6. Menaik taraf laluan pejalan kaki dengan corak kreatif dan warna yang menarik serta lengkap dengan perabot jalan;
7. Menyediakan kemudahan infrastruktur sokongan yang mencukupi seperti papan tanda atau informasi yang ceria dan menarik; dan
8. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

Inisiatif khusus bagi Zon Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur pula adalah seperti di Jadual 1.3.1 sehingga 1.3.5.



Lokasi: Singapura
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/christian*

Cadangan mengalakkan penambahbaikan pada fakad binaan rumah kedai lama dan penaiktarafan laluan siar kaki di hadapan kedai di Zon Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur.



Lokasi: San Francisco, California
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/Lebid+Volodymyr*

Cadangan tanda pengenalan yang *vibrant* dan berwarna-warni boleh diterapkan di Zon Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur.



Lokasi: Rusia
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/GaudiLa*

Gambaran kiosk informasi interaktif digital sebagai kemudahan sokongan yang menarik.

Jadual 1.3.1:
Inisiatif Penambahbaikan Zon Budaya dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur

Zon Budaya	
Lokasi	**Inisiatif Khusus**
1. Istana Budaya 	1. Mewujudkan sebuah ruang berkonsepkan *outdoor theatre* dibahagian perkarangan Istana Budaya sebagai sudut persembahan dan memfokus kepada seni persembahan muzikal, seni visual serta hasil kraf tangan; dan 2. Membina struktur arca di sekitar kawasan Istana Budaya yang bersifat kebudayaan seperti binaan labu sayong, keris, wau bulan dan sebagainya.
2. Brickfields 	1. Memperluaskan jajaran turapan batu-bata *'brick pavement'* di Jalan Tun Sambanthan sehingga ke simpang Jalan Stesen Sentral 3; dan 2. Menambah baik dan menggalakkan elemen pencahayaan yang berwarna warni di Jalan Tun Sambanthan terutamanya di antara simpang Jalan Sultan Abdul Samad dan Jalan Rakyat.

AMALAN TERBAIK

INISIATIF ZON BUDAYA DALAM DAERAH KREATIF DAN KEBUDAYAAN



Lokasi: Kamari, Santorini
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/xelyn114*

Cadangan *outdoor theatre* di ruang tempat letak kenderaan di hadapan Istana Budaya dengan aktiviti persembahan tradisional, seni muzikal, visual dan kraf tangan.



Lokasi: Serangoon Road, Singapura
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/Tristanero*

Aktiviti pencahayaan yang dijalankan semasa Sambutan Hari Diwali di Serangoon Road, Singapura.



Lokasi: Leicester Square, London

Cadangan pencahayaan di kawasan sambutan festival di zon budaya bagi menarik pengunjung ke kawasan ini.

Jadual 1.3.2:
Inisiatif Penambahbaikan Zon Warisan Kreatif dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur

Zon Warisan Kreatif	
Zon/Lokasi	**Inisiatif Khusus**
1. Medan Pasar dan Sungai Klang 	1. Mengguna semula bangunan terutamanya melibatkan aras bawah dan atas bangunan yang perlu diperbaharui; 2. Menjana semula ruang tidak aktif seperti ruang atas, ruang belakang dan lorong yang menghadap sungai sebagai medan budaya yang kreatif untuk menarik ramai pengunjung seperti ruang makan *fine dining*; dan 3. Menggalakkan aktiviti bersesuaian seperti penggunaan semula ruang kedai lama di bahagian bawah atau ruang belakang sebagai kafe *hipster*, aktiviti *buskers* dan penjualan cenderamata.
2. Jalan Melayu 	1. Menaik taraf gerbang masuk ke Jalan Melayu dengan reka bentuk berkonsepkan identiti Melayu; 2. Menggantikan struktur bumbung pejalan kaki di sepanjang Jalan Melayu dengan menerapkan elemen seni bina Melayu; dan 3. Menstrukturkan semula aktiviti peniaga jalanan di Jalan Melayu supaya memberi ruang kepada aktiviti perniagaan yang berkaitan kraf tangan lebih teratur dan kemas.
3. Pasar Seni, Kasturi Walk dan Jalan Hang Kasturi 	1. Memperkukuhkan tanda pengenalan kepada Pasar Seni seperti bendera warna-warni; dan 2. Mengawal penggunaan jenis dan reka bentuk kiosk agar membentuk keseragaman aktiviti perniagaan informal sekitar kawasan ini.
4. Jalan Hang Kasturi dari Stesen Bas Go KL Pasar Seni 	1. Memperkukuhkan laluan pejalan kaki yang menghubungkan Stesen Bas Go KL Pasar Seni ke Pasar Seni melalui penyelarasan aras laluan pejalan kaki (*seamless*) dan penyediaan elemen landskap yang tidak menghalang laluan; 2. Memastikan keselamatan pejalan kaki melalui peletakan *bollard* di kawasan yang bersesuaian bagi mengasingkan laluan pejalan kaki dengan laluan kenderaan bermotor; 3. Menyediakan pencahayaan yang mencukupi di sepanjang laluan pejalan kaki bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna; dan 4. Menyeragamkan penggunaan material laluan pejalan kaki di Jalan Hang Kasturi bagi meningkatkan imej dan identiti Jalan Hang Kasturi sebagai laluan utama ke Pasar Seni.

Jadual 1.3.2:
Inisiatif Penambahbaikan Zon Warisan Kreatif dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur (sambungan)

Zon Warisan Kreatif	
Zon / Lokasi	**Inisiatif Khusus**
5. Jalan Tun H.S. Lee 	1. Menaik taraf pintu masuk ke Tokong Sin Sze Si Ya dan memulihara fakad bangunan rumah kedai berhadapan tokong sebagai bangunan warisan; dan 2. Mencadangkan rumah kedai bersebelahan Tokong Sin Sze Si Ya sebagai muzium atau pusat informasi warisan.
6. Jalan Masjid India 	1. Mengawal dan membenarkan penjajaan bagi penjaja bersaiz kecil (*mobile cart*); dan 2. Menstruktur semula dan menggantikan gerai sementara dengan reka bentuk kiosk bersaiz kecil dan kreatif di hadapan kedai-kedai tradisional sedia ada di sepanjang Jalan Masjid India.
7. Dataran Masjid Jamek 	1. Menyediakan kiosk informasi interaktif digital dan sudut bacaan di sekeliling Masjid Jamek.
8. Jalan Petaling 	1. Menyediakan papan tanda kedai iklan ditukar kepada papan iklan unik berkonsepkan budaya Cina.



Gambaran cadangan *space projection* bagi *Al fresco* dan *fine dining* di ruang aras atas kedai bagi menghidupkan aktiviti di tebing sungai pada waktu siang dan malam.



Gambaran struktur bumbung dengan corak kerawang yang menggambarkan seni kemelayuan dan cadangan menggunakan tulisan jawi pada papan tanda iklan kedai.



Gambaran cadangan kafe *hipster* yang kreatif di ruang hadapan kedai dan aras bawah di Medan Pasar.



Gambaran cadangan penambahbaikan gerbang masuk di Jalan Melayu.



Lokasi: Winchester Cathedral, Europe
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/PEACE+ECOLOGY*

Gambaran laluan pejalan yang ditambah baik dengan corak tradisional yang menarik.



Lokasi: Chinatown, United Kingdom
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/cicerocastro*

Gambaran struktur pencahayaan yang menarik dan *vibrant* bagi laluan masuk.

Jadual 1.3.3:
Inisiatif Penambahbaikan Zon Belia Kreatif dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur

Zon Belia Kreatif	
Zon / Lokasi	**Inisiatif Khusus**
1. Jalan Alor 	1. Menggabungkan dua (2) tapak Pasar Malam Jalan Alor dan Bukit Bintang *Night market* sebagai satu daerah pasar malam seperti Pasar Malam Phu Quoc di Vietnam; dan 2. Menyediakan dan menambah baik infrastruktur dan kemudahan bagi tujuan aktiviti pasar malam dari aspek petak premis, tandas awam dan pusat informasi.
2. Persimpangan Jalan Bukit Bintang 	1. Menjadikan dataran kecil di persimpangan Jalan Bukit Bintang/Jalan Sultan Ismail berhadapan Stesen Monorel Bukit Bintang, Lot 10 dan McDonald's sebagai ruang bagi aktiviti *busking*, silap mata, sudut pidato, muzik solo, lukisan dan artistik.

AMALAN TERBAIK

INISIATIF BELIA KREATIF DI VIETNAM DAN LONDON



Lokasi: Vietnam
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/Diego+Fiore*

Pasar Malam Phu Quoc adalah antara pasar malam menarik di Vietnam.


Lokasi: Piccadilly, London

Aktiviti seni yang mempamerkan bakat seni lukisan di bahu jalan ruang awam.

Jadual 1.3.4:
Inisiatif Penambahbaikan Zon Kampung Warisan dan Zon Kreatif Korporat dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur

Zon Kampung Warisan	
Zon / Lokasi	**Inisiatif Khusus**
1. Jalan Raja Muda Musa 	1. Menambah baik kedai di sepanjang Jalan Raja Muda Musa dari aspek infrastrukur dan struktur fizikal yang lebih kondusif.
Zon Kreatif Korporat	
Zon / Lokasi	**Inisiatif Khusus**
1. Pusat Pelancongan Malaysia (MaTic) 	1. Menambah baik kawasan dataran, pintu gerbang dan laman di hadapan MaTic dengan pencahayaan yang lebih menarik; dan 2. Menambah baik landskap kejur dan lembut di kawasan pintu masuk ke MaTic.

AMALAN TERBAIK

INISIATIF KAMPUNG WARISAN DAN KREATIF KORPORAT DI BOAT QUAY, SINGAPURA




Lokasi: Boat Quay, Singapura
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/xictus77*


Lokasi: Boat Quay, Singapura
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/Heorshe*

Gambaran struktur kedai yang tersusun di sepanjang Jalan Boat Quay, Singapura.

Jadual 1.3.5:
Inisiatif Penambahbaikan Zon Sivik dan Zon Keagamaan dalam Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur

Zon Sivik	
Zon / Lokasi	**Inisiatif Khusus**
1. Kompleks Dayabumi 	1. Menambah baik bangunan Kompleks Dayabumi dengan aktiviti yang lebih efektif seperti hotel dan pejabat yang berkonsepkan perkongsian ruang.
2. Stesen Keretapi Kuala Lumpur 	1. Mengguna semula salah satu gerabak lama kereta api sebagai *Train Café*; dan 2. Memulihara struktur seni bina asal Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan persekitaran stesen bagi penggunaan semula ruang seperti muzium kereta api dan pusat penggambaran cerita klasik serta filem lama.

Zon Keagamaan	
Zon / Lokasi	**Inisiatif Khusus**
1. Masjid Negara 	1. Mencadangkan gerbang masuk ke Zon Keagamaan di Jalan Perdana dengan reka bentuk ukiran berkonsep Islamik dan pencahayaan yang baik; 2. Menyelenggara dan mengindahkan perkarangan masjid dengan landskap lembut dan kejur melalui penekanan konsep masjid dalam taman; dan 3. Menambah baik jajaran turapan batu bata '*brick pavement*' bercorak kesenian islam di Jalan Perdana dan Jalan Lembah, dari bulatan sehingga ke kawasan jalan hadapan Muzium Kesenian Islam Malaysia.

AMALAN TERBAIK

PENAMBAHBAIKAN ZON SIVIK DAN ZON KEAGAMAAN


Lokasi: London Transport Museum
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/goga18128*

Gambaran mengguna semula ruang stesen kereta api lama sebagai muzium kereta api.


Lokasi: Sultan Qaboos Grand Mosque, Muscat, Oman
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/Baiju+Jose*

Gambaran landskap lembut dengan konsep masjid dalam taman.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 1-4: MEMBANGUNKAN KLUSTER PERINDUSTRIAN BERASASKAN TEKNOLOGI BERSIH DAN TRANSFORMASI REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (4IR)

SENARIO PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI KUALA LUMPUR

Sumbangan sektor pembuatan berbanding sektor ekonomi yang lain menunjukkan trend penurunan daripada 3.1 peratus pada tahun 2010 kepada 2.6 peratus pada tahun 2019. Trend penurunan ini adalah disebabkan perubahan dasar perancangan ke arah industri berteknologi tinggi.

Keluasan dan bilangan kawasan perindustrian pada tahun 2040 ditetapkan seluas 443.77 hektar dan melibatkan 21 kawasan perindustrian. Pecahan 21 kawasan perindustrian ini terbahagi kepada tiga (3) zon guna tanah, iaitu Zon Guna Tanah Industri (IP) melibatkan 13 kawasan, Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI) melibatkan tujuh (7) kawasan dan Taman Teknologi (TP) seperti di Rajah 1.4.2.

Aktiviti perindustrian merupakan sektor penting dalam pembangunan ekonomi Kuala Lumpur terutama daripada segi peluang pekerjaan, galakan pelaburan dan pembangunan usahawan tempatan khususnya Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Perancangan aktiviti ini perlu lebih terkini selaras dengan evolusi teknologi semasa.


Pendekatan kepada industri bersih, berteknologi tinggi dan digital serta penggunaan guna tenaga berkemahiran tinggi ini mampu mengurangkan pelepasan dan bahan buangan yang mencemarkan alam sekitar. Pendekatan ini selaras dengan matlamat transformasi industri negara ke arah Revolusi Industri 4.0 (4IR) serta menjadikan Kuala Lumpur Inovatif dan Produktif.

Usaha ini juga mendorong Kuala Lumpur menjadi destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya maju terutamanya dalam meningkatkan *Domestic Investment Strategic Fund* (DISF) dan *Foreign Direct Investment* (FDI) bagi membolehkan Kuala Lumpur bersaing di peringkat ekonomi global.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar yang menerapkan komponen Industri 4.0, pembangunan perindustrian yang berteknologi bersih dan berdaya saing tinggi, terdapat lapan (8) Cadangan Pelaksanaan dicadangkan di bawah Strategi Perancangan 1-4.

Rajah 1.4.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-4

SP 1-4	**MEMBANGUNKAN KLUSTER PERINDUSTRIAN BERASASKAN TEKNOLOGI BERSIH DAN TRANSFORMASI REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (4IR)**
CP 1-4.1	Penumpuan Pembangunan Kluster Industri
CP 1-4.2	Perancangan Semula Zon Guna Tanah Perindustrian kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX)
CP 1-4.3	Pengezonan Zon Guna Tanah Perindustrian kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI)
CP 1-4.4	Penaiktarafan Zon Guna Tanah Industri (IP)
CP 1-4.5	Penaiktarafan Zon Guna Tanah Taman Teknologi (TP)
CP 1-4.6	Penempatan Aktiviti Loji Pembancuh Konkrit *(Batching Plant)*
CP 1-4.7	Penjanaan Semula Bangunan Industri sebagai Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ)
CP 1-4.8	Pelaksanaan Program Galakan Revolusi Industri 4.0 (4IR) Negara



Zon Guna Tanah Industri (IP)

1. Kawasan Perusahaan Segambut
2. Kawasan Perusahaan Desa Tasek
3. Kawasan Perusahaan Taman Sungai Besi
4. Kawasan Perindustrian Taman Wahyu
5. Kawasan Perindustrian Spring Crest
6. Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak
7. Kawasan Perindustrian Taman Midah
8. Kawasan Perindustrian Shamelin
9. Kawasan Perusahaan OUG
10. Kawasan Perindustrian Batu 7 ½, Jalan Puchong
11. Kawasan Perindustrian Seri Keladi
12. Capital Industrial Centre
13. Glenview Business Centre.

Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI)

14. Sebahagian Kawasan (Bahagian Selatan) Perindustrian Batu 6 1/2, Jalan Kepong
15. Kawasan Perindustrian Taman Kepong
16. Kawasan Perindustrian Taman Bukit Maluri
17. Kawasan Perindustrian Sri Edaran
18. Sri Edaran Light Industrial Park
19. Kawasan Perindustrian Batu Muda
20. Sri Rampai Business Park South

Zon Guna Tanah Taman Teknologi (TP)

21. Taman Teknologi

Kawasan Industri Dizonkan Pembangunan Bercampur (MX)

1. Sebahagian Kawasan (Bahagian Utara) Perindustrian Batu 6 1/2, Jalan Kepong
2. Kawasan Perusahaan PKNS, Setapak
3. Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin
4. Kawasan Perindustrian Kuchai Entrepreneur Park
5. Kawasan Perindustrian Salak Selatan
6. Kawasan Perindustrian Kampung Pakar
7. Kawasan Perindustrian Jalan Genting Klang, Setapak
8. Pusat Industri Sri Rampai

RAJAH 1.4.2 | Pelan Cadangan Zon Guna Tanah Industri

Petunjuk :

Cadangan
- Kluster Industri Perkhidmatan
- Kluster Industri Perdagangan

Sedia Ada
- Perindustrian (IP)
- Pembangunan Bercampur Industri (MXI)
- Taman Teknologi (TP)
- Pembangunan Bercampur (MX)

Lain-lain
- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.1: PENUMPUAN PEMBANGUNAN KLUSTER INDUSTRI

Draf PTKL2040 turut mencadangkan pembangunan kluster perindustrian berasaskan teknologi bersih. Pembangunan aktiviti industri dicadang secara kluster bagi memperkasa dan meningkatkan produktiviti serta dapat mengembangkan rangkaian rakan kongsi baharu yang inovatif dan membuka peluang untuk aktiviti keusahawanan.

Konsep industri kluster dilaksanakan melalui pengelompokan aktiviti industri yang berdekatan mengikut pengkhususan, perkongsian penggunaan infrastruktur dan utiliti bagi mengurangkan kos pengeluaran serta penyelenggaraan dalam memaksimakan interaksi aktiviti industri. Perancangan tersebut selaras dengan hasrat memastikan pengekalan kawasan perindustrian yang inovatif dan produktif di Kuala Lumpur.

Penentuan kluster industri di Kuala Lumpur akan mengambil kira aktiviti industri semasa yang dijalankan, trend pembangunan hab ekonomi, aktiviti sekitar serta selaras dengan penetapan dasar dan garis panduan pembangunan industri di Kuala Lumpur.

Cadangan kluster industri ini akan menjurus ke arah mewujudkan '*clean and green industry*' dengan fokus utama berasaskan perkhidmatan dan perdagangan.

Aktiviti industri pembuatan dibenarkan dalam kluster industri perkhidmatan dan perdagangan dengan pematuhan garis panduan perancangan yang telah ditetapkan bagi mengelak isu kacau ganggu serta mengawal risiko pencemaran kawasan sekitar. Cadangan kluster industri di Kuala Lumpur adalah seperti di Jadual 1.4.1.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.1.



Konsep industri kluster ini juga merupakan satu pendekatan bagi mempertingkatkan promosi untuk menarik peluang pelaburan mengikut pengkhususan dan seterusnya mengukuhkan rantaian ekonomi industri.

Kawasan industri di Sentul - Menjalara dan Wangsa Maju - Maluri lebih menumpukan kepada aktiviti industri berasaskan perkhidmatan terutamanya bengkel dan pembuatan seperti aktiviti pemprosesan makanan. Kawasan industri di Bukit Jalil - Seputeh pula lebih menumpukan kepada aktiviti industri berasaskan perkhidmatan yang menjalankan kerja-kerja logam dan besi. Manakala, kawasan industri di Bandar Tun Razak - Sungai Besi mempunyai lebih banyak aktiviti perkhidmatan seperti penyimpanan dan pembekalan kerana lokasinya yang lebih mudah akses daripada rangkaian jalan utama. Cadangan kluster industri mengikut kawasan perindustrian adalah seperti di Jadual 1.4.1 berikut.

INFO RINGKAS

KLUSTER INDUSTRI PERKHIDMATAN

Kluster industri perkhidmatan merupakan industri yang paling mendapat permintaan tinggi di Kuala Lumpur. Industri perkhidmatan juga boleh digalakkan sebagai cadangan industri bersih selain industri perdagangan.

KLUSTER INDUSTRI PERDAGANGAN

Kluster industri perdagangan merupakan aktiviti industri yang sesuai dijalankan di kawasan yang padat dengan pembangunan kerana aktivitinya yang rendah pencemaran kepada pembangunan sekitar.

Jadual 1.4.1:
Cadangan Kluster Industri Mengikut Kawasan Perindustrian

Kawasan Perindustrian	Cadangan Kluster Industri
Sentul – Menjalara 1. Kawasan Perusahaan Segambut 2. Kawasan Perindustrian Taman Bukit Maluri 3. Kawasan Perindustrian Taman Wahyu 4. Kawasan Perindustrian Sri Edaran 5. Sri Edaran Light Industrial Park	Kluster Industri Perkhidmatan
Sentul – Menjalara 1. Sebahagian kawasan (Bahagian Selatan) Perindustrian Batu 6 ½, Jalan Kepong 2. Kawasan Perindustrian Spring Crest 3. Kawasan Perindustrian Batu Muda 4. Kawasan Perindustrian Taman Kepong	Kluster Industri Perdagangan
Wangsa Maju – Maluri 1. Sri Rampai Business Park South	Kluster Industri Perdagangan
Bandar Tun Razak – Sungai Besi 1. Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak 2. Kawasan Perindustrian Taman Midah 3. Kawasan Perusahaan Desa Tasek 4. Kawasan Perusahaan Taman Sungai Besi	Kluster Industri Perkhidmatan
Bandar Tun Razak – Sungai Besi 1. Kawasan Perindustrian Shamelin 2. Glenview Business Centre	Kluster Industri Perdagangan
Bukit Jalil – Seputeh 1. Kawasan Perindustrian Batu 7 ½, Jalan Puchong 2. Kawasan Perindustrian Seri Keladi 3. Kawasan Perusahaan OUG 4. Capital Industrial Centre	Kluster Industri Perkhidmatan

INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.1A

MENAIK TARAF KAWASAN PERINDUSTRIAN DI KLUSTER INDUSTRI PERKHIDMATAN

Perindustrian perkhidmatan perlu memfokus kepada penyediaan kemudahan yang boleh menyokong kepada penerapan komponen 4IR dan teknologi pintar.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan pusat latihan dan inkubator sebagai kemudahan yang berpusat;
2. Menerapkan konsep industri bersih dan teknologi hijau;
3. Menggalakkan penggunaan tenaga kerja robotik dan tenaga kerja mahir;
4. Menggalakkan penerapan konsep *Big Data, Internet of Things* (IoT) dan komponen-komponen 4IR lain dalam kerja penyimpanan data dan pengoperasian; dan
5. Menyediakan kemudahan sokongan perindustrian yang lengkap seperti tempat letak kenderaan, medan selera, tempat pembuangan sampah, laluan pejalan kaki yang terhubung dan lain-lain.

INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.1B

MENAIK TARAF KAWASAN PERINDUSTRIAN DI KLUSTER INDUSTRI PERDAGANGAN


Perindustrian perdagangan perlu memfokus kepada penyediaan kemudahan sokongan yang dapat menampung permintaan pengunjung dan tidak menyebabkan isu kesesakan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan tempat letak kenderaan yang mencukupi;
2. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang terhubung serta elemen landskap sokongan;
3. Menyediakan keperluan kemudahan sokongan seperti medan selera dan kemudahan sukan;
4. Menyediakan ruang pemunggahan khas bagi mengelak isu kesesakan lalu lintas; dan
5. Memastikan penyediaan pusat pembuangan sisa buangan yang teratur.



Sumber : *https://www.shutterstock.com/image-photo/car-manufacturer-587205803*



Sumber : *https://www.shutterstock.com/image-photo/autonomous-robot-delivery-warehouses-5g-wireless-1967848108*

Penggunaan tenaga robotik digalakkan dalam sektor perindustrian.



Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/Zapp2Photo*

Penggunaan *Internet of Things* (IoT) dan *Big Data* bagi operasi industri dalam usaha meningkatkan sektor tersebut.



Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/4774344sean*

Penyediaan ruang untuk peletakan sistem server sebagai kemudahan sokongan aktiviti industri.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.2: PERANCANGAN SEMULA ZON GUNA TANAH PERINDUSTRIAN KEPADA ZON GUNA TANAH PEMBANGUNAN BERCAMPUR (MX)

Kawasan perindustrian yang dicadang untuk dizonkan semula kepada pembangunan bercampur mengambil kira faktor keperluan perancangan semula kawasan tersebut bagi mewujudkan zon guna tanah yang lebih ekonomik, optimum dan berdaya maju.

Perancangan Semula dengan Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur adalah bagi menggalakkan percampuran komponen perdagangan bagi menyokong kegunaan asas mendiami dalam sesuatu pembangunan. Komponen mendiami hendaklah tidak kurang daripada 60 peratus daripada jumlah keluasan lantai keseluruhan.

Terdapat lapan (8) kawasan industri yang telah dikenal pasti dengan zon guna tanah baharu mengambil kira potensi pembangunan pada masa hadapan melibatkan kawasan seluas 120.62 hektar. Kawasan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

1. Sebahagian kawasan (Bahagian Utara) Perindustrian Batu 6 ½, Jalan Kepong;
2. Kawasan Perusahaan PKNS, Setapak;
3. Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin;
4. Kawasan Perindustrian Kuchai Entreprenuer Park;
5. Kawasan Perindustrian Salak Selatan;
6. Kawasan Perindustrian Kampung Pakar;
7. Kawasan Perindustrian Jalan Genting Klang, Setapak; dan
8. Pusat Industri Sri Rampai.

Aktiviti industri semasa di kawasan perindustrian yang telah ditukar kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX) dibenarkan beroperasi selagi tiada permohonan pembangunan secara komprehensif atau tertakluk kepada suatu tempoh yang ditetapkan oleh DBKL.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi dan kawalan perancangan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.2.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.2A

MEMASTIKAN PENUKARAN ZON GUNA TANAH PERINDUSTRIAN KEPADA ZON GUNA TANAH PEMBANGUNAN BERCAMPUR (MX) BERDAYA LAKSANA

Penukaran zon guna tanah yang lebih ekonomik perlu memberi penekanan kepada aspek kebolehlaksanaan dengan penumpuan mewujudkan imej rupa bentuk bandar baharu sesebuah kawasan melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan terkini.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan aktiviti ekonomi perkongsian, digital dan kreatif;
2. Memberi tumpuan kepada penerapan elemen teknologi bersih dan hijau;
3. Menggalakkan pembangunan bercampur dengan mengambil kira 60 peratus elemen mendiami;
4. Menyediakan pembangunan perdagangan untuk menjana peluang pekerjaan dan memacu pertumbuhan ekonomi setempat;
5. Menggalakkan pembangunan secara bersepadu dan penyediaan infrastruktur mikromobiliti yang terhubung;
6. Memastikan penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan;
7. Memastikan pembangunan bercampur yang berkonsepkan TOD dan mempunyai akses ke perkhidmatan awam yang baik; dan
8. Menggalakkan pembangunan yang berintensiti tinggi dan penggunaan ruang yang optimum.

INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.2B

MENGAWAL AKTIVITI INDUSTRI BEROPERASI SEMASA TEMPOH PERALIHAN PEMBANGUNAN

Aktiviti industri semasa yang dibenarkan beroperasi ini tetap tertakluk kepada kawalan penguatkuasaan pihak DBKL dalam memastikan aktiviti industri yang dijalankan adalah selaras dengan ketetapan kawalan perancangan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menjalankan pemantauan berkala bagi mengawal dan memastikan operasi aktiviti industri yang dijalankan tidak menimbulkan isu kacau ganggu dan risiko pencemaran kepada kawasan sekitar;
2. Memastikan pengurusan dan pengawalan sistem pelupusan sisa pepejal dan buangan terjadual mengikut piawaian yang ditetapkan;
3. Memastikan penyediaan infrastruktur yang mencukupi bagi menyokong dan menampung operasi perindustrian yang dijalankan; dan
4. Memastikan penyediaan zon pemisah yang bersesuaian serta mematuhi aspek alam sekitar antara aktiviti industri dengan pembangunan baharu yang dicadangkan.

INFO RINGKAS

ASAS KEPADA PENUKARAN ZON GUNA TANAH YANG DILAKSANAKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:


1. Mengambil kira trend pembangunan baharu di kawasan sekitar;
2. Menyelaras aktiviti semasa yang tidak lagi bersesuaian dengan persekitaran;
3. Mengambil kira keperluan perancangan semula kerana keadaan semasa yang telah usang dan tempoh pajakan yang akan tamat; dan
4. Mengambil kira peningkatan pembangunan infrastruktur baharu seperti pembinaan jalan utama dan stesen transit baharu.



Sumber : *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpur-malaysia-january-14-600w-1305531067.jpg*

Aktiviti pembuatan produk berasaskan kayu di Kuala Lumpur.

Jadual 1.4.2:
Cadangan Perancangan Semula Zon Guna Tanah Perindustrian Kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX)

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Sebahagian Kawasan (Bahagian Utara) Perindustrian Batu 6 ½, Jalan Kepong 10.42 hektar		5. Kawasan Perindustrian Salak Selatan 2.62 hektar	
2. Kawasan Perusahaan PKNS, Setapak 7.12 hektar		6. Kawasan Perindustrian Kampung Pakar 3.55 hektar	
3. Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin 50.83 hektar		7. Kawasan Perindustrian Jalan Genting Klang, Setapak 19.46 hektar	
4. Kawasan Perindustrian Kuchai Entreprenuer Park 19.46 hektar		8. Pusat Industri Sri Rampai 3.60 hektar	

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.3: PENGEZONAN ZON GUNA TANAH PERINDUSTRIAN KEPADA ZON GUNA TANAH PEMBANGUNAN INDUSTRI BERCAMPUR (MXI)

Perancangan semula Pembangunan Industri Bercampur (MXI) dicadangkan di tujuh (7) kawasan perindustrian sedia ada. Perancangan semula tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan dan permintaan penyediaan lebih banyak ruang bagi aktiviti perniagaan beroperasi dalam Zon Guna Tanah Industri (IP). Kawasan ini juga dipilih berdasarkan kemampuan aktiviti industri sedia ada untuk dikembangkan dengan menggalakkan lagi kemasukan aktiviti perdagangan.

Penetapan intensiti bagi Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI) turut mengambil kira keperluan perkembangan dan mengimbangi kawasan perindustrian yang telah ditukar kepada zon guna tanah lain.


Asas penukaran Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur Industri (MXI) adalah bagi menggalakkan pembangunan aktiviti perdagangan dengan maksimum 50 peratus daripada keseluruhan luas lantai perindustrian. Percampuran aktiviti perindustrian dan perdagangan ini boleh dilaksana secara kegunaan tanah bercampur atau kegunaan bangunan bercampur. Walau bagaimanapun, pembangunan secara keseluruhan untuk tujuan aktiviti perindustrian adalah dibenarkan.

Selain mengambil kira aspek aktiviti industri yang dijalankan, akses ke pengangkutan awam yang baik juga menjadi salah satu faktor penaiktarafan kawasan tersebut kepada Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI).

Aktiviti perdagangan yang dibenarkan adalah berasaskan kepada kriteria seperti berikut:

1. Menyokong aktiviti guna tanah utama perindustrian; dan
2. Memberi nilai tambah kepada kawasan perindustrian melalui pengoperasian aktiviti perdagangan yang bersesuaian.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.3.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.3A

MEMASTIKAN PELAKSANAAN TRANSFORMASI BAGI PERCAMPURAN AKTIVITI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN YANG EFEKTIF

Pembangunan Industri Bercampur (MXI) mengambil kira prinsip perancangan 50 peratus komponen pembangunan perdagangan sebagai nilai tambah kepada kawasan perindustrian. Terdapat tujuh (7) tapak seperti di Jadual 1.4.4 yang merupakan cadangan kawasan pembangunan industri bercampur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:


1. Meningkatkan tahap penggunaan tanah yang optimum menerusi pembangunan perindustrian dan perdagangan yang padat dengan intensiti bersesuaian di kawasan strategik;
2. Menggalakkan aktiviti perdagangan yang bersesuaian beroperasi di Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI);
3. Menggalakkan penerapan konsep *Big Data, Internet of Things* (IoT) dan komponen-komponen 4IR lain dalam kerja penyimpanan data dan pengoperasian;
4. Memastikan penerapan komponen bangunan hijau bagi merealisasikan amalan industri bersih seperti di Jadual 1.4.3;
5. Menggalakkan *knowledge-based economy* (*k-ekonomy*) dengan pembangunan inkubator dan aktiviti R&D; dan
6. Memastikan ketersediaan laluan pejalan kaki dan lingkaran hijau yang lengkap dan terhubung dengan elemen landskap untuk mewujudkan kawasan perindustrian yang mempunyai rangkaian mikromobiliti yang aktif.

AMALAN TERBAIK

PENERAPAN KOMPONEN BANGUNAN DAN PERSEKITARAN HIJAU YANG BOLEH DITERAPKAN UNTUK PENJANAAN KAWASAN PERINDUSTRIAN YANG BERSIH

Penerapan komponen bangunan hijau ini penting bagi menterjemahkan konsep penjanaan kawasan perindustrian yang berkonsepkan industri bersih dan bercirikan rendah karbon selaras dengan hala tuju Kuala Lumpur sebagai bandar yang rendah karbon, bersih dan lestari. Antara contoh reka bentuk bangunan hijau:

Bangunan Suruhanjaya Tenaga



Sumber: Olahan dari *Design Strategy* Bangunan Suruhanjaya Tenaga

Jadual 1.4.3:
Kriteria Bangunan Hijau atau Industri Bersih

Inisiatif Perancangan Pembangunan Industri Bercampur (MXI) di Kuala Lumpur	
Bangunan	
1.	Menaik taraf sistem pengairan dalam bangunan. Penggunaan sistem penuaian air hujan untuk kegunaan aktiviti industri, pembersihan jentera dan lain-lain.
2.	Menggalakkan penggunaan sistem penuaian air hujan supaya penggunaan air dapat dijimatkan.
3.	Menggunakan sistem pemanasan air untuk aktiviti industri perbengkelan atau pembuatan bagi meningkatkan kecekapan tenaga dengan memasang sistem air panas melalui penggunaan solar.
4.	Menggunakan sistem pengudaraan dan penghawa dingin yang lebih mesra alam serta anjakan struktur silo ke sempadan lot hendaklah tidak kurang daripada 15 meter (50 kaki).
5.	Memasang sistem pembuangan sisa yang mampu mengasingkan sisa buangan daripada sistem sedia ada.
6.	Menggalakkan penggunaaan sistem *photocells* dan sensor bagi menjimatkan penggunaan elektrik.
7.	Menggunakan jenis cermin dan dinding yang menggalakkan udara semulajadi masuk ke dalam bangunan.
Persekitaran	
8.	Melaksanakan reka bentuk saliran mesra alam bagi mengurus air hujan dan mengawal air larian permukaan.
9.	Menjalankan program kitar semula 5R (*refuse, reuse, reduce, recycle* dan *repair*) secara berjadual dan berkala.


Sumber: Olahan dari Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Jadual 1.4.4:
Cadangan Tapak Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur Industri (MXI) di Kuala Lumpur

Kawasan dan Luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Kawasan Perindustrian Taman Bukit Maluri 28.38 hektar	
2. Kawasan Perindustrian Sri Edaran 8.24 hektar	
3. Sri Edaran Light Industrial Park 5.35 hektar	
4. Kawasan Perindustrian Taman Kepong 10.69 hektar	
5. Kawasan Perindustrian Batu Muda 10.50 hektar	
6. Sebahagian kawasan (Bahagian Selatan) Perindustrian Batu 6 ½, Jalan Kepong 35.43 hektar	
7. Sri Rampai Business Park South 2.08 hektar	

INFO RINGKAS

GAMBARAN BAGI KONSEP PEMBANGUNAN INDUSTRI BERCAMPUR (MXI)



CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.4: PENAIKTARAFAN ZON GUNA TANAH INDUSTRI (IP) YANG DIKEKALKAN


Penaiktarafan Zon Guna Tanah Industri yang dikekalkan bertujuan untuk mewujudkan kawasan industri yang kondusif, lestari dan berproduktiviti tinggi. Secara keseluruhan, cadangan menaik taraf ini melibatkan 113.13 hektar iaitu di 13 kawasan perindustrian seperti berikut:

1. Kawasan Perusahaan Segambut;
2. Kawasan Perusahaan Desa Tasek;
3. Kawasan Perusahaan Taman Sungai Besi;
4. Kawasan Perindustrian Taman Wahyu;
5. Kawasan Perindustrian Spring Crest;
6. Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak;
7. Kawasan Perindustrian Taman Midah;
8. Kawasan Perindustrian Shamelin;
9. Kawasan Perusahaan OUG;
10. Kawasan Perindustrian Batu 7 ½, Jalan Puchong;
11. Kawasan Perindustrian Seri Keladi;
12. Capital Industrial Centre; dan
13. Glenview Business Centre.


Pengkhususan jenis dan aktiviti industri perlu diselaraskan mengikut cadangan kluster industri CP 1-4.1.

Cadangan penaiktarafan kawasan perindustrian ini melibatkan kerja peningkatan persekitaran dan penyelenggaraan kemudahan serta infrastruktur kawasan perindustrian terlibat. Antara penaiktarafan yang boleh dilaksanakan adalah penambahbaikan fakad bangunan, penyediaan laluan pejalan kaki yang terhubung serta dilengkapi perabot jalan dan landskap hijau, penyediaan kemudahan sokongan seperti medan selera, pusat kitar semula, tempat pembuangan sampah dan lain-lain.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.4.



Jadual 1.4.5:
Cadangan Tapak Kekal sebagai Zon Guna Tanah Industri (IP)

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Kawasan Perusahaan Segambut 35.93 hektar		8. Kawasan Perindustrian Shamelin 18.00 hektar	
2. Kawasan Perusahaan Desa Tasek 1.48 hektar		9. Kawasan Perusahaan OUG 5.84 hektar	
3. Kawasan Perusahaan Taman Sungai Besi 3.82 hektar		10. Kawasan Perindustrian Batu 7 ½, Jalan Puchong 3.69 hektar	
4. Kawasan Perindustrian Taman Wahyu 3.45 hektar		11. Kawasan Perindustrian Seri Keladi 2.23 hektar	
5. Kawasan Perindustrian Spring Crest 5.72 hektar		12. Capital Industrial Centre 1.60 hektar	
6. Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak 20.01 hektar		13. Glenview Business Centre 1.07 hektar	
7. Kawasan Perindustrian Taman Midah 9.31 hektar			

INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.4A

MELAKSANAKAN PENAIKTARAFAN KAWASAN PERINDUSTRIAN

Penaiktarafan kawasan perindustrian memberi tumpuan kepada kerja penambahbaikan persekitaran dan juga meningkatkan kemudahan kawasan terlibat. Penaiktarafan ini adalah sebagai langkah menjadikan fungsi kawasan perindustrian lebih efektif dengan kelaziman baharu.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan program penjanaan semula kawasan agar ia lebih kondusif dan berdaya saing;
2. Menyusun semula susun atur dan sistem sirkulasi bagi laluan akses keluar masuk kenderaan berat yang lebih efisien;
3. Menyediakan kemudahsampaian yang tinggi terutamanya mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti kepada rangkaian pengangkutan awam dan stesen transit;
4. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing;
5. Menyediakan kemudahan sokongan berpusat yang mencukupi seperti tempat letak kereta medan selera, pusat penginapan pekerja atau kuarters pekerja di lot industri kosong dan lain-lain kemudahan bagi memenuhi keperluan pekerja;
6. Menyediakan pusat pembuangan sampah bagi sisa buangan kenderaan, logam dan plastik secara berpusat dan lain-lain lagi; dan
7. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

AMALAN TERBAIK

PEMBANGUNAN INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI DAN RENDAH PENCEMARAN

1. Memastikan operasi industri menggunakan teknologi bersih dan rendah pencemaran;
2. Penyediaan pusat inovasi dan inkubator yang lengkap dengan kemudahan dan teknologi R&D terkini;
3. Penyediaan pusat latihan operasi dan promosi serta platform digital untuk menarik pelaburan;
4. Penyediaan rangkaian dan perkhidmatan jalur lebar yang mampu melaksana komponen-komponen 4IR seperti *Big Data* dan *Internet of Things* dalam aktiviti pengoperasian industri;
5. Penyediaan akses yang baik ke perkhidmatan pengangkutan awam;
6. Penyediaan kemudahan sokongan untuk kegunaan pekerja seperti pusat makanan, tempat letak kenderaan berpusat, surau dan lain-lain;
7. Penyediaan sistem pengurusan sisa buangan industri yang efisien; dan
8. Memastikan aktiviti industri tidak menyebabkan isu kacau ganggu kepada kawasan sekitar.



Lokasi: Jurong Innovation District, Singapura
Sumber:
https://media.asiaone.com/sites/default/files/styles/article_main_image/public/original_images/Mar2016/jurongpark_JTC.jpg?itok=I49dp5Zi

Kawasan perindustrian yang dilengkapi dengan kepenggunaan teknologi tinggi yang terletak di Jurong, Singapura.



Lokasi: China-Singapore International Smart Industry Park, Guangzhou
Sumber:
https://media.asiaone.com/sites/default/files/styles/article_main_image/public/original_images/Mar2016/jurongpark_JTC.jpg?itok=I49dp5Zi

Pembangunan kawasan perindustrian yang berasaskan *knowledge-based* serta dilengkapi dengan kemudahan yang berteknologi tinggi.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.5: PENAIKTARAFAN ZON GUNA TANAH TAMAN TEKNOLOGI (TP)

Taman Teknologi berperanan sebagai sebuah hab perindustrian berteknologi tinggi yang berasaskan penyelidikan dan pembangunan.


Penaiktarafan taman teknologi ini perlu mengambil kira penerapan komponen 4IR untuk mempertingkatkan fungsi sebagai sebuah hab taman teknologi pintar yang inovatif dan produktif selaras dengan Dasar 4IR.

Cadangan pelaksanaan ini juga penting untuk menjana peluang pekerjaan bagi tenaga kerja mahir dan meningkatkan daya saing sektor perindustrian khususnya tahap kepenggunaan teknologi terkini dalam kerja pembuatan, perkhidmatan dan lain-lain sektor perindustrian.

Selain itu, penaiktarafan Taman Teknologi bertujuan mewujudkan kawasan industri yang kondusif, lestari dan berproduktiviti tinggi. Secara tidak langsung, ia meluaskan penerapan dan penggunaan teknologi bersih dan hijau dalam pengoperasian aktiviti industri di taman teknologi tersebut.

Kerja penaiktarafan ini juga perlu memberi tumpuan kepada aspek penyediaan kemudahan-kemudahan sokongan yang diperlukan pekerja, peningkatan persekitaran, penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur sedia ada. Ketersediaan kemudahan sokongan yang lengkap di taman teknologi ini juga adalah usaha bagi mempertingkatkan dan mencapai tahap daya huni yang lebih tinggi.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan polisi. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.5.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.5A

MEMPERTINGKATKAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN AKTIVITI *KNOWLEDGE-BASED ECONOMY* (K-EKONOMI), PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) YANG MENGGUNA PAKAI KOMPONEN 4IR

Tumpuan aktiviti-aktiviti perindustrian di Taman Teknologi perlu memberi penekanan kepada usaha menaik taraf dan menyediakan kemudahan sokongan melalui penerapan komponen 4IR dan penggunaan teknologi terkini.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan pusat penyimpanan dan pemantauan data berpusat menggunakan *Big Data* dan *Internet of Things* (IoT) bagi mengawal tahap pencemaran, kadar guna sumber tenaga, kawalan keselamatan dan lain-lain;
2. Menyediakan ruang atau bangunan khusus untuk pameran produk, ekspo dan penyelidikan dan pembangunan;
3. Menyediakan infrastruktur jalur lebar terkini;
4. Menggalakkan penggunaan tenaga kerja robotik melalui teknologi automasi atau berautonomi, *Artificial Intelligence* (AI);
5. Menyediakan laluan pejalan kaki yang terhubung dan elemen landskap sokongan yang diperlukan; dan
6. Menyediakan kemudahan sokongan lengkap yang diperlukan oleh pekerja dan pengunjung.

INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.5B

MELAKSANAKAN KERJA PENAIKTARAFAN TAMAN TEKNOLOGI

Penaiktarafan Taman Teknologi bertujuan mewujudkan kawasan industri yang kondusif, lestari dan berproduktiviti tinggi.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mematuhi aktiviti teknologi, penyelidikan dan pembangunan yang Dibenarkan dan Dibenarkan dengan Syarat dalam Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024);
2. Memastikan ketersediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan yang mampu menyokong pelaksanaan sebuah taman perindustrian berteknologi tinggi;
3. Menyediakan kemudahsampaian yang tinggi terutamanya mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti kepada rangkaian pengangkutan awam dan stesen transit;
4. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing;
5. Menyediakan kemudahan sokongan yang mencukupi seperti tempat letak kereta berpusat, pusat makanan berpusat dan lain-lain kemudahan bagi memenuhi keperluan pekerja dan pengguna; dan
6. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.6: PENEMPATAN AKTIVITI LOJI PEMBANCUH KONKRIT (*BATCHING PLANT*)

Keperluan kawalan pengurusan impak alam sekitar telah dicadangkan dalam pengoperasian aktiviti loji pembancuh konkrit (*batching plant*) selaras dengan penetapan Zon Guna Tanah Industri (IP) di Kuala Lumpur. Secara tidak langsung ia dapat menyokong tindakan dan hala tuju untuk mewujudkan persekitaran bandar rendah karbon dan bersih.


Pemilihan lokasi yang dicadangkan perlu mengikut keperluan untuk memastikan agihan bekalan konkrit ke seluruh Kuala Lumpur adalah lebih cepat, teratur dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Ia secara tidak langsung memberi jaminan terhadap kelangsungan keperluan industri pembinaan di Kuala Lumpur.

Cadangan terhadap pengkhususan lokasi ini juga dilihat mampu mengawal isu pencemaran alam sekitar, keselamatan awam dan kesesakan lalu lintas yang sering dikaitkan aktiviti loji pembancuh konkrit.

Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin yang telah dizon sebagai Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX) turut dikenal pasti untuk aktiviti loji pembancuh konkrit yang beroperasi tertakluk kepada tempoh bersesuaian atau satu tempoh yang ditetapkan oleh DBKL. Aktiviti ini perlu dihentikan apabila pembangunan semula Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin dilaksanakan.

Aktiviti membancuh konkrit di tapak pembinaan lain atau kawasan yang masih belum dibangunkan berjauhan daripada kawasan tumpuan dan terletak berdekatan jalan utama adalah dibenarkan dengan syarat untuk tempoh tertentu tertakluk kepada kelulusan DBKL. Pengoperasian aktiviti ini hendaklah dijalankan secara *in-situ* dan pembekalan di luar kawasan pengoperasian perlu dikawal dan terhad kepada jarak tertentu sahaja.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.6.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.6A

MELAKSANA DAN MEMANTAU PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN LOJI PEMBANCUH KONKRIT (*BATCHING PLANT*) DI KUALA LUMPUR

Penyediaan loji pembancuh konkrit perlu selaras dengan mematuhi Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh DBKL serta tertakluk kepada garis panduan lain yang berkaitan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini seperti di Jadual 1.4.6.

Jadual 1.4.6:
Kriteria Perancangan Pembangunan Industri Loji Pembancuh Simen *(Batching Plant)* di Kuala Lumpur

KRITERIA PERANCANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI LOJI PEMBANCUH SIMEN (*BATCHING PLANT*) KUALA LUMPUR	
Menentukan Perancangan Tapak	
1.	Keluasan tapak *batching plant* yang dicadangkan adalah tidak kurang daripada 0.4 hektar (1 ekar);
2.	Anjakan struktur bangunan: a. Anjakan struktur bangunan ke sempadan lot hadapan hendaklah tidak kurang daripada 30 kaki dan anjakan bangunan di sisi kanan, kiri, dan belakang ke sempadan lot hendaklah tidak kurang daripada 20 kaki; dan b. Anjakan struktur silo ke sempadan lot hendaklah tidak kurang daripada 50 kaki.
3.	Memastikan penyediaan kawasan zon penampan sekurang-kurangnya 10 kaki dari sempadan tapak *batching plant*.
Menyediakan Kemudahan dan Infrastruktur	
4.	Penyediaan tempat letak lori bergantung kepada saiz tapak loji pembancuh konkrit atau penyediaan tempat letak lori yang mencukupi di dalam kawasan tapak loji pembancuh simen perlu diperuntukkan sekurang-kurangnya empat (4) tempat letak lori;
5.	Saiz Jalan: a. Jalan Perkhidmatan : 20 meter (66 kaki); b. Lorong Tepi/Langkau Api : 12 meter (40 kaki); dan c. Lorong Belakang : 12 meter (40 kaki).
6.	Penyediaan kawasan hijau/landskap hijau sekurangnya 5 peratus daripada keluasan tapak cadangan seperti landskap hijau, laluan pejalan kaki dan lain-lain;
Memastikan Aspek Teknikal Pembinaan Loji Pembancuh Konkrit Tertutup	
7.	Ketinggian struktur bangunan bergantung pada tinggi silo yang dibina;
8.	Penyediaan penurap *interlocking pavers* di jalan/pintu keluar masuk;
9.	Pembinaan *ramp* atau *hump* (berkecerunan 8 darjah);
10.	Penyediaan *wash bay*;
11.	Penyediaaan *slurry pit*;
12.	Penyediaan *dust collector* secara berpusat atau di atas silo;
13.	Penyediaan *silt trap* sebelum air buangan disalurkan ke sistem saliran;
14.	Pemasangan *insulation polystyrene sheet* pada *batching apron*;
15.	Penyediaan *sprinkler system* di kawasan loji;
16.	Penyediaan kolam sedimentasi (*sediment pond*);
17.	Pemasangan alat penimbang berat lori konkrit (sebelum dan selepas);
18.	Penyediaan ruang sisa konkrit (tempat pembuangan simen yang berlebihan);
19.	Penyediaan kotak tumpahan (*spillage box*) yang diluluskan oleh DBKL dan JPJ pada setiap lori konkrit; dan
20.	Penggunaan pelekat getah (*rubber seal*) pada corong buyong lori konkrit bagi memastikan tiada simen yang terkeluar daripada buyong, selaras dengan kelulusan DBKL dan JPJ.

Jadual 1.4.6:
Kriteria Perancangan Pembangunan Industri Loji Pembancuh Simen *(Batching Plant)* di Kuala Lumpur (sambungan)

KRITERIA PERANCANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI LOJI PEMBANCUH SIMEN *(BATCHING PLANT)* KUALA LUMPUR
Memastikan Aspek Teknikal Pembinaan Loji Pembancuh Konkrit Separa Tertutup
21. Hanya silo sahaja yang dibenarkan terbuka;
22. Penyediaan penurap *interlocking pavers* di jalan/pintu keluar masuk;
23. Pembinaan *ramp* atau *hump* (berkecerunan 8 darjah);
24. Penyediaan *wash bay*;
25. Penyediaan *dust collector* secara berpusat atau di atas silo;
26. Penyediaan *silt trap* sebelum air buangan disalurkan ke parit;
27. Pemasangan *insulation polystyrene sheet* pada *batching apron*;
28. Penyediaan *sprinkler system* di kawasan loji;
29. Pemasangan alat penimbang berat lori konkrit (sebelum dan selepas);
30. Penyediaan sisa konkrit (tempat pembuangan simen yang berlebihan);
31. Penyediaan kotak tumpahan (*spillage box*) yang diluluskan oleh DBKL dan JPJ pada setiap lori konkrit; dan
32. Penggunaan pelekat getah (*rubber seal*) pada corong buyong lori konkrit bagi memastikan tiada simen yang terkeluar daripada buyong selaras dengan kelulusan DBKL dan JPJ.

Sumber:
i. Olahan dari Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
ii. Olahan dari Garis Panduan dan Piawaian Umum Perancangan Kawasan Perindustrian Negeri Selangor
iii. Olahan dari Kajian Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040, 2020


Lokasi: Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin, Kuala Lumpur

Aktiviti loji pembancuh konkrit di kawasan perindustrian Chan Sow Lin.

INFO RINGKAS

KRITERIA PERANCANGAN PEMILIHAN KAWASAN

Kriteria utama pemilihan kawasan perindustrian untuk aktiviti loji pembancuh konkrit adalah seperti berikut:

1. Memastikan kawasan tampungan yang melibatkan tiga (3) zon utama, iaitu zon utara, tengah dan selatan;
2. Memastikan aksesibiliti terus ke jalan utama tanpa melalui kawasan perumahan, perdagangan atau kemudahan;
3. Mencadangkan tapak dengan keluasan minimum 0.4 hektar (1 ekar);
4. Memastikan anggaran jarak perjalanan kawasan cadangan adalah dalam masa 15 sehingga 45 minit ke pusat bandar dan kawasan pembangunan sekitar dalam Kuala Lumpur;
5. Mengesyorkan hanya dua (2) operator loji pembancuh konkrit sahaja bagi sebuah kawasan perindustrian bagi mengurangkan risiko pencemaran kepada persekitaran; dan
6. Memastikan tapak loji pembancuh konkrit hendaklah disediakan zon penampan selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.7: PENJANAAN SEMULA BANGUNAN INDUSTRI SEBAGAI KUARTERS PEKERJA BERPUSAT (CLQ)

Penyediaan kuarters atau pusat penginapan pekerja (CLQ) merupakan kemudahan sokongan kepada pekerja bagi sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Cadangan ini adalah sebagai langkah untuk mempelbagaikan bentuk penyediaan perumahan pekerja selaras dengan Garis Panduan Penyediaan Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

Berdasarkan kepada kadar kepenggunaan bangunan perindustrian yang rendah, cadangan penjanaan semula bangunan tersebut dilihat sebagai kaedah terbaik menangani isu kawasan tersebut daripada menjadi usang atau terbiar.

Konsep *retrofit* merupakan antara kaedah yang boleh diguna pakai terhadap bangunan industri yang kosong dan terbiar. Penyediaan kemudahan sokongan seperti surau, ruang serba guna dan bilik warden juga perlu diberikan perhatian bagi mengelakkan isu sosial daripada berlaku.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti sepuluh (10) kawasan industri berpotensi untuk melalui proses penjanaan semula sebagai kuarters atau asrama pekerja seperti berikut:

1. Kawasan Perindustrian Taman Bukit Maluri;
2. Kawasan Perindustrian Sri Edaran;
3. Kawasan Perindustrian Sri Edaran Light;
4. Kawasan Perindustrian Taman Kepong;
5. Kawasan Perindustrian Batu Muda;
6. Sebahagian Kawasan (Bahagian Selatan) Perindustrian Batu 6 ½, Jalan Kepong;
7. Kawasan Perindustrian Shamelin;
8. Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak;
9. Kawasan Perusahaan OUG; dan
10. Kawasan Perindustrian Seri Keladi.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan polisi. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.7.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.7A

MELAKSANAKAN PROGRAM MENJANA SEMULA BANGUNAN INDUSTRI SEBAGAI KUARTERS PEKERJA BERPUSAT (CLQ)

Pelaksanaan program menjana semula bangunan industri sebagai kuarters atau asrama pekerja di kawasan perindustrian yang dikenal pasti adalah usaha menempatkan pekerja serta memudahkan kawalan terhadap masalah sosial dan juga wabak penyakit.

Langkah penyediaan kuarters atau asrama pekerja yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan penjanaan semula kemudahan kuarters atau asrama pekerja oleh individu atau organisasi;
2. Mengenal pasti syarikat atau pihak bersesuaian untuk menyewa mengikut tempoh ditetapkan;
3. Memastikan latar belakang penghuni adalah bersesuaian dengan kategori pekerjaan dan lokasi pekerjaan mengikut unit atau bangunan kuarters pekerja;
4. Memastikan binaan ruang dan persekitaran asrama adalah kondusif untuk pekerja;
5. Memastikan penyediaan kemudahan sokongan yang lengkap seperti surau, ruang serba guna, ruang makan, bilik warden dan lain-lain; dan
6. Memastikan kawalan sepenuhnya oleh pihak yang mengoperasi kuarters pekerja agar tidak menimbulkan isu kacau ganggu terhadap masyarakat setempat.

AMALAN TERBAIK

PENYEDIAAN BANGUNAN MUDAH ALIH, RUSIA



Lokasi: Kemerovsakaya oblast, Russia
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/MikhailNuzhdov*

Bangunan mudah alih merupakan alternatif lain selain daripada penjanaan semula bangunan untuk kemudahan penginapan pekerja.

INFO RINGKAS


GARIS PANDUAN PENETAPAN STANDARD MINIMUM PENGINAPAN PEKERJA ASING 2018:

Kementerian Sumber Manusia telah menetapkan *Standard* Minimum Penginapan Pekerja yang telah ditetapkan antaranya adalah:

1. Keluasan ruang bertutup bagi seorang pekerja;
   a. Penyediaan ruang sekurang-kurangnya 4.5 meter persegi untuk seorang pekerja; atau
   b. Keluasan ruang tidur atau ruang rehat tidak kurang daripada tiga (3) meter persegi.
2. Menyediakan kemudahan sanitari bagi setiap penginapan pekerja, iaitu sekurang-kurangnya:
   a. Satu (1) tandas dan satu (1) bilik mandi untuk setiap 15 orang pekerja; atau
   b. Satu (1) tandas dan satu (1) bilik mandi berasingan beserta urinal untuk setiap 25 orang pekerja;
3. Menyediakan kompor gas, bekalan air bersih dan bekalan elektrik;
4. Menyediakan kemudahan asas minimum untuk setiap pekerja yang tidak boleh dikongsi:
5. Menyediakan katil yang mempunyai ukuran tidak kurang daripada 1.7 meter persegi. Jika katil bertingkat disediakan, ruang antara dua (2) katil itu hendaklah tidak kurang daripada 0.7 meter; dan
6. Almari pakaian berkunci berukuran tidak kurang 0.35 meter panjang, 0.35 meter lebar dan 0.9 meter tinggi; dan
7. Lain-lain kemudahan yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Sumber:
Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing 2018, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Jadual 1.4.7:
Cadangan Kawasan Kuarters atau Pusat Penginapan Pekerja (CLQ) di Kawasan Perindustrian

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Kawasan Perindustrian Taman Bukit Maluri 21.99 hektar		6. Sebahagian Kawasan (Bahagian Selatan) Perindustrian Batu 6 ½, Jalan Kepong 35.43 hektar	
2. Kawasan Perindustrian Sri Edaran 8.24 hektar		7. Kawasan Perindustrian Shamelin 18.00 hektar	
3. Sri Edaran Light Industrial Park 5.35 hektar		8. Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak 20.01 hektar	
4. Kawasan Perindustrian Taman Kepong 10.69 hektar		9. Kawasan Perusahaan OUG 5.84 hektar	
5. Kawasan Perindustrian Batu Muda 10.50 hektar		10. Kawasan Perindustrian Seri Keladi 2.23 hektar	

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-4.8: PELAKSANAAN PROGRAM GALAKAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (4IR) NEGARA

Dasar Revolusi Industri 4.0 (4IR) Negara telah menggariskan sembilan (9) komponen yang mampu diterapkan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan industri. Penerapannya dapat memacu dan memastikan pencapaian sumbangan sektor perindustrian yang lebih progresif dan berproduktiviti tinggi. Pelaksanaan Dasar 4IR yang merangkumi teknologi automasi dinamik dilihat akan memberi cabaran baharu kepada semua sektor ekonomi di negara ini. Pengaplikasiannya juga mampu mentransformasi kerja pengoperasian seiring dengan transformasi digital agar kekal berdaya saing ke arah menangani cabaran masa hadapan.

Program 4IR merupakan penyelarasan usaha negara dalam membangunkan platform sektor ekonomi pintar dengan lebih luas dan mencipta kumpulan bakat berkemahiran tinggi dalam sektor pembuatan. Inovasi meliputi aspek kepenggunaan teknologi dalam sektor perindustrian mampu memberi impak yang signifikan bagi menjana ekonomi perindustrian yang lebih produktif di Kuala Lumpur.

Penerapan 4IR ini mampu memberi impak dalam pertumbuhan ekonomi khususnya penjanaan lebih banyak peluang pekerjaan bagi tenaga kerja mahir. Pelaksanaan program ini perlu memastikan ketersediaan jaringan jalur lebar yang terkini bagi menampung keperluan aktiviti industri selaras dengan pelaksanaan Dasar 4IR.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-4.8.



Sumber: *Dasar 4IR, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2021*

Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dilaksanakan bagi menjana ekonomi negara.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-4.8A

MEMBERI GALAKAN DAN PROMOSI PELAKSANAAN 4IR

Dasar 4IR akan menggalakkan pembangunan secara inovatif dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berasaskan teknologi tinggi.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mempertingkatkan ekosistem perindustrian yang kondusif bagi menarik pelaburan dengan lebih progresif;
2. Menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan berteknologi tinggi untuk sektor perindustrian;
3. Menggalakkan penggunaan tenaga kerja robotik dan automasi dalam aktiviti pengeluaran dan pembuatan;
4. Menggalakkan pengintegrasian penyimpanan data menggunakan *Big Data*, *Internet of Things* (IoT), pengkomputeran awan dan integrasi sistem;
5. Mempertingkatkan aspek keselamatan siber untuk tujuan perlindungan data dan maklumat; dan
6. Memberi galakan pengoperasian 4IR di kawasan kluster industri perkhidmatan yang bersesuaian.

INFO RINGKAS

09
KOMPONEN INDUSTRI 4.0

- *Internet of Things (IoT)*
- Robot Berautonomi
- Keselamatan Siber
- Realiti Terimbuh (AR)
- *Big Data*
- Simulasi
- Pengkomputeran Awan
- Integrasi Sistem
- Pembuatan Tambahan

Sumber: Dasar 4IR, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2021



Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/PopTika*

Penggunaan teknologi guna tenaga robot berautonomi, pengkomputeran awan dan *Internet of Things (IoT)* boleh dilaksanakan terutamanya dalam sektor pembuatan.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 1-5: MEMACU PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI BANDAR

SENARIO PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN DI KUALA LUMPUR

Sektor keusahawanan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi bandar. Kemahiran dan kecekapan para usahawan mampu menggalakkan daya saing masyarakat bandar dalam aktiviti ekonomi di peringkat domestik dan antarabangsa.

Aktiviti keusahawanan di Kuala Lumpur meliputi perniagaan, pengeluaran dan perkhidmatan produk makanan dan minuman, cenderamata dan kraf tangan, peralatan digital, fesyen dan perhiasan, produk kosmetik, perniagaan francais, perniagaan berskala kecil dan lain-lain.

Penggunaan teknologi digital terkini bagi aktiviti keusahawanan dapat memperluas jaringan pemasaran produk, program penyelidikan dan perkhidmatan selain meminimumkan kos perniagaan.

Pembangunan keusahawan juga mampu menjana peluang pekerjaan melalui peningkatan penglibatan usahawan muda. Dijangkakan sebanyak 120,000 peluang pekerjaan akan dijana dalam sektor informal menjelang tahun 2040.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar yang memacu pembangunan keusahawanan dan pusat pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing, tiga (3) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 1-5 seperti di Rajah 1.5.1.

Rajah 1.5.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-5

SP 1-5	**MEMACU PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN BAGI PERTUMBUHAN EKONOMI BANDAR**
CP 1-5.1	Peningkatan Potensi Keusahawanan di Pusat Kejiranan
CP 1-5.2	Pembangunan dan Pemodenan Sektor Informal
CP 1-5.3	Perancangan Ruang Penjaja dalam Kawasan Perumahan Mampu Milik Berintensiti Tinggi

INFO RINGKAS

PEMBANGUNAN SEKTOR INFORMAL KUALA LUMPUR

Jumlah sektor informal Kuala Lumpur, 2020

32,119 unit

Jumlah pekerjaan dalam sektor informal, Kuala Lumpur, 2019

57,700 pekerjaan

Sumber: Laporan Sosioekonomi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

Jumlah pekerjaan dalam sektor informal, Kuala Lumpur, 2040

120,000 pekerjaan

Sumber: PSKL2040



Lokasi : TAPAK Urban Street Dining, Kuala Lumpur
Sumber : *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpurmalaysiafebruary-22-2018tapak-one-600w-1032171994.jpg*

Suasana aktiviti perniagaan secara kendera saji di TAPAK, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 1-5.1: PENINGKATAN POTENSI KEUSAHAWANAN DI PUSAT KEJIRANAN

Pusat kejiranan dilihat sebagai pusat yang berpotensi untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti keusahawanan dalam kalangan komuniti setempat. Tujuan penyediaan pusat keusahawan adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan aktiviti keusahawanan terutamanya ekonomi perkongsian dan seni kreatif dalam kalangan komuniti;
2. Menerapkan pengetahuan keusahawanan melalui kursus atau program yang disediakan;
3. Meningkatkan dan mengenal pasti potensi bakat keusahawanan dalam kalangan komuniti setempat; dan
4. Memberi peluang penglibatan bagi semua lapisan masyarakat untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan.

Cadangan pelaksanaan ini perlu difokuskan pada 139 pusat komuniti di Kuala Lumpur dengan keluasan 40.01 hektar bagi memperkukuhkan potensi keusahawanan di pusat-pusat kejiranan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan polisi. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-5.1.


Lokasi : Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur

Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) merupakan pusat jual beli yang terkenal dan menjadi destinasi tarikan pelancong.



INISIATIF PELAKSANAAN 1-5.1A

MENYEDIAKAN PUSAT LAB INOVASI TERBUKA

Potensi keusahawanan di pusat kejiranan akan dikembangkan melalui penyediaan lab inovasi terbuka. Lab Inovasi Terbuka adalah untuk mengalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan komuniti setempat seperti di Rajah 1.5.2.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan pusat pengurusan dan penyelidikan keusahawanan dalam kalangan komuniti;
2. Menyediakan ruang-ruang khusus untuk aktiviti ceramah dan pusat latihan terutamanya bagi membincangkan idea permulaan perniagaan, persembahan produk dalam talian dan peluang latihan untuk usahawan muda;
3. Menyediakan pusat internet dengan kemudahan akses internet secara kolektif kepada komuniti setempat terutama golongan berpendapatan rendah;
4. Menyediakan latihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan keusahawanan kepada semua peringkat umur; dan
5. Menyediakan ruang bersesuaian untuk aktiviti keusahawanan sebagai permulaan (*start-ups*) terutamanya aktiviti promosi produk dan perkhidmatan yang dijalankan dalam kalangan komuniti setempat.

INFO RINGKAS

FUNGSI LAB INOVASI TERBUKA

1. Tempat mempromosikan produk dan perkhidmatan yang dijalankan dalam kalangan komuniti setempat. Antara aktiviti yang menggalakkan program keusahawanan adalah membincangkan idea-idea permulaan perniagaan, persembahan produk dalam talian dan peluang latihan untuk usahawan muda;
2. Pusat pengurusan dan penyelidikan komuniti; dan
3. Pusat Komuniti setempat yang menyediakan kemudahan perkhidmatan seperti penggunaan peralatan teknologi maklumat (IT), penggunaan internet dan latihan penggunaan perisian komputer.



Lokasi : Pusat Komuniti Setiawangsa

Pusat Komuniti Setiawangsa boleh ditambah guna sebagai sebuah lab inovasi terbuka.

Rajah 1.5.2: Cadangan Pelaksanaan bagi Lab Inovasi Terbuka

URBAN LIVING LABS

Inovasi
Memupuk semangat daya saing dan membentuk usahawan yang berinovasi tinggi dalam proses pembangunan sesebuah produk.

Pembelajaran
Menjadikan Pusat Penghasilan dan Pertukaran Pengetahuan dalam kalangan rakan kongsi berhubung dengan inovasi yang perlu di masa akan datang.

Kelestarian bandar
Membentuk pusat yang memfokus kepada mencari penyelesaian yang mampu meningkatkan kelestarian bandar.

Pembangunan
Melibatkan Usahawan atau Bukan Usahawan dalam proses pembangunan penciptaan secara usaha sama.

Usaha sama
Semua peserta dapat terlibat sepanjang proses pembangunan melalui penciptaan usaha sama (*co-creation*).

Panambahbaikan
Proses pembangunan produk dikaji dan dinilai secara teliti berdasarkan kepada maklum balas pengguna untuk proses penambahbaikan produk.

Kerjasama
Mewujudkan dan menggalakkan kerjasama dan potensi kolaborasi antara usahawan, pelabur dan agensi-agensi berkaitan ke arah pemajuan aktiviti usahawan yang lebih meluas.

Konteks realistik
Membolehkan usahawan meneliti dan mengkaji pembangunan produk dalam konteks penggunaan produk secara realistik bersama pengguna atau pembeli produk.

Sumber: Olahan dari *Amsterdam Institute for Advanced Metropolitan Solutions*

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-5.2: PEMBANGUNAN DAN PEMODENAN SEKTOR INFORMAL

Sektor informal, terutamanya aktiviti penjajaan, perlu diberi perhatian kerana ia menyumbang terhadap peningkatan pendapatan isi rumah penduduk terutama dalam kalangan golongan B40 dan sebahagian M40. Secara amnya, sektor ini menjana 57,700 peluang pekerjaan di Kuala Lumpur sehingga tahun 2019.

Aktiviti sektor informal yang terdapat di Kuala Lumpur terdiri daripada perniagaan mikro seperti aktiviti penjaja beredar, gerai tepi jalan, kiosk, pasar dan juga pusat penjaja. Pengukuhan sektor ini boleh dipertingkatkan melalui pelaksanaan dan latihan untuk asas kemahiran aktiviti perniagaan informal serta kaedah pemasaran yang berkesan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-5.2.

INFO RINGKAS

DEFINISI SEKTOR INFORMAL

Sektor informal ialah pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau mana-mana badan profesional termasuk pihak berkuasa tempatan serta bilangan pekerja adalah kurang daripada sepuluh (10) orang.

JENIS SEKTOR INFORMAL

1. Usahawan yang menjalankan perniagaan secara kecilan;
2. Penjaja kecil;
3. Peniaga yang menjalankan perniagaan dari rumah atau bergerak;
4. Usahawan yang menjalankan perniagaan dalam talian; dan
5. Peniaga yang menawarkan perkhidmatan penghantaran.

Sumber:
i. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional)
ii. Jabatan Perangkaan Malaysia, (*Department of Statistics Malaysia, DOSM)*



INISIATIF PELAKSANAAN 1-5.2A

MENYEDIAKAN MEKANISME PROGRAM INKUBASI SEKTOR INFORMAL

Program Inkubasi sektor informal perlu dicadang dan disediakan bagi membantu kesediaan kemahiran, pemasaran dan penyediaan produk serta bantuan modal kepada usahawan informal. Inisiatif ini dapat meringankan beban peniaga kecil di samping membantu meningkatkan taraf kehidupan penduduk di sekitar Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan kursus dan bimbingan berkaitan pengendalian, pemasaran serta teknik pembuatan produk yang akan memfokus kepada pendedahan terhadap sektor e-perdagangan dan kemahiran digital;
2. Mempertingkatkan keupayaan bagi pengumpulan maklumat dan pangkalan data kumpulan sasar yang layak;
3. Menjalankan kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKM), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (*Small and Medium Enterprise*, SMECORP) dan sebagainya bagi pelaksanaan program;
4. Mengenal pasti ruang berpotensi sama ada sedia ada atau baharu yang selesa serta mempunyai kelengkapan yang mencukupi untuk peletakan aktiviti terutama penjajaan; dan
5. Melaksanakan program inkubasi penjaja meliputi suntikan modal dan latihan kemahiran kepada penjaja yang berkelayakan khususnya kepada peniaga kecil yang memerlukan bantuan seperti ibu tunggal, golongan berpendapatan rendah, golongan mesra usia dan upaya, serta golongan yang memerlukan termasuk golongan belia yang baharu menceburi sektor informal.

INISIATIF PELAKSANAAN 1-5.2B

MENCADANGKAN PERMODENAN SEKTOR INFORMAL

Sektor informal pada masa kini perlu selari dengan trend semasa terutamanya pewujudan persekitaran yang lebih kondusif serta memberi penekanan terhadap kaedah pembayaran, pemasaran dan penyampaian produk yang lebih berkesan.

Kaedah terbaik perlu dikenal pasti melalui konsep perniagaan informal agar membantu meningkatkan kadar jualan disamping meningkatkan imej penjaja.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengguna pakai sistem e-perdagangan melalui penggunaan kaedah pesanan dan penghantaran makanan melalui aplikasi, *self-payment kiosk*, pembayaran tanpa tunai, aplikasi *digital menu board* serta pemasaran dan promosi melalui media sosial;
2. Menerapkan reka bentuk moden, selesa dan menarik bagi pusat pengoperasian sektor informal supaya lebih tahan lama;
3. Menyediakan kemudahan yang mencukupi dan menyokong kepelbagaian aktiviti perniagaan dalam kawasan yang sama; dan
4. Memberi perkhidmatan produk secara pantas seperti *self-pick up, drive-thru, same-day delivery* dan *mobile stall* membantu meningkatkan kadar kecekapan sektor informal disamping mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih efisien.

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 1-5.3: PERANCANGAN RUANG PENJAJA DALAM KAWASAN PERUMAHAN MAMPU MILIK BERINTENSITI TINGGI

Satu pendekatan penyediaan ruang penjaja mampu biaya adalah penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi mikro dalam kalangan komuniti setempat. Perancangan ruang penjaja tersebut perlu mengutamakan kawasan perumahan berdensiti tinggi termasuk kawasan skim perumahan mampu milik. Sektor informal dan aktiviti penjajaan merupakan aktiviti ekonomi yang menjana peluang pekerjaan di Kuala Lumpur terutama dalam kalangan golongan B40 dan sebahagian M40.

Cadangan penyediaan tapak atau ruang penjaja di kawasan perumahan berdensiti tinggi ini adalah bagi menangani aktiviti penjajaan di kawasan tidak bersesuaian seperti rizab jalan, rizab sungai dan kemudahan infrastruktur lain.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-5.3.



Lokasi : Pasar Chow Kit, Jalan Raja Bot
Sumber: *https://image.shutterstock.com/z/stock-photo-kuala-lumpur-malaysia-kampung-baru-food-market-1947163999.jpg*

Aktiviti sektor informal di Pasar Chow Kit, Jalan Raja Bot.

CP 1 - 5.3 | **KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040**



KONTEKS PSKL2040

1	**MATLAMAT** Kuala Lumpur Bandar Raya Inovatif dan Produktif
IP1	**HALA TUJU STRATEGIK** Pertumbuhan Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing
IP 1.6	**TINDAKAN** Memacu Pembangunan Keusahawanan bagi Pertumbuhan Ekonomi Bandar yang Inklusif

PENDEKATAN PELAKSANAAN CP 1-5.3



INISIATIF PELAKSANAAN 1-5.3A

MENYEDIAKAN RUANG PENJAJA DI KAWASAN PERUMAHAN MAMPU MILIK BERINTENSITI TINGGI

Menyediakan ruang atau pusat penjaja sebagai kemudahan sokongan di kawasan perumahan berintensiti tinggi terutamanya perumahan mampu milik adalah amat penting. Cadangan ini juga perlu diambil kira dalam pembangunan perumahan mampu milik yang disasarkan sehingga tahun 2040.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti dan menyediakan ruang penjaja bersesuaian bagi perumahan mampu milik sedia ada yang masih tidak memiliki kemudahan tersebut;
2. Menggunakan ruang tempat letak kenderaan awam atau ruang terbuka yang bersesuaian dalam skim perumahan mampu milik sedia ada seperti Residensi Prihatin, Residensi Wilayah dan Perumahan Awam Sewa Bersubsidi, tanpa menjejaskan fungsi asal ruang-ruang tersebut sekiranya tiada ruang khusus yang tersedia.
3. Mencadangkan penyediaan ruang penjaja sebagai keperluan kemudahan masyarakat bagi permohonan kebenaran merancang projek perumahan mampu milik; dan
4. Memastikan bilangan, saiz dan reka bentuk ruang penjaja adalah tertakluk kepada garis panduan semasa.

AMALAN TERBAIK

PENYEDIAAN RUANG PENJAJAAN

1. Penggunaan ruang atau tapak tempat letak kenderaan secara berkala untuk aktiviti perniagaan informal seperti pasar malam di hari minggu;
2. Memastikan kesediaan akses ke perkhidmatan pengangkutan awam bagi mengurangkan isu peletakan kenderaan pengunjung;
3. Memastikan aktiviti ini tidak menyebabkan isu kacau ganggu kepada penduduk setempat; dan
4. Memastikan tapak ini dipantau dan diselenggara secara berkala terutamanya berkaitan pengurusan sisa buangan dan isu kebersihan kawasan setempat.


Lokasi: Pantai Dalam, Kuala Lumpur

Gambaran aktiviti penjajaan di laluan pejalan kaki kawasan perumahan.



Lokasi : Jalan Alor, Kuala Lumpur
Sumber : *https://image.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpur-malaysia-27-january-600w-1011564877.jpg*

Aktiviti penjajaan di Jalan Alor.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 1-6: MENJANA SEMULA KAWASAN PERDAGANGAN SEDIA ADA SEBAGAI RUANG NIAGA YANG *VIBRANT*, MENARIK DAN KONDUSIF

SENARIO KAWASAN PERDAGANGAN SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR

Persekitaran yang aktif dan selesa merupakan aspek penting dalam pertumbuhan sesebuah kawasan perdagangan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan perdagangan yang tidak lagi menjadi tumpuan kerana persekitaran dan keadaan fizikal yang semakin usang.

Pendekatan ini bertujuan memberikan nafas baharu kepada kawasan perdagangan lama selain berpotensi meningkatkan ekonomi di kawasan tersebut. Pembangunan ekonomi bandar perlulah disokong dengan penyediaan pelbagai kemudahan terkini dan persekitaran yang lengkap serta kondusif.

Penggunaan tanah yang cekap dapat mengurangkan lebihan pembangunan serta pembaziran tanah. Penggunaan semula bangunan lama serta penambahbaikan kawasan adalah satu inisiatif yang berkesan dalam meningkatkan kualiti dan persekitaran kawasan perdagangan.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai pusat pekerjaan dan pusat niaga yang kondusif, satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 1-6 seperti di Rajah 1.6.1.



Lokasi: Brickfields, Kuala Lumpur

Brickfields sebagai salah satu destinasi perdagangan dengan penonjolan nilai budaya yang menarik di Kuala Lumpur.

Rajah 1.6.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 1-6

SP 1-6 **MENJANA SEMULA KAWASAN PERDAGANGAN SEDIA ADA SEBAGAI RUANG NIAGA YANG *VIBRANT*, MENARIK DAN KONDUSIF**

CP 1-6.1 Pelaksanaan Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK)

AMALAN TERBAIK


PENYEDIAAN RUANG PERNIAGAAN *VIBRANT*

1. Penggunaan ruang antara bangunan atau plaza sebagai tapak aktiviti ruang niaga berkonsepkan gerai atau kiosk;
2. Penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobliti yang terhubung serta berterusan;
3. Penyediaan landskap dan perabot jalan yang lengkap sebagai kemudahan sokongan pengguna; dan
4. Penyediaan akses ke perkhidmatan pengangkutan awam.



Lokasi: Phuket, Thailand
Sumber : *https://www.pinterest.com/pin/508906826651138473/*

Penyediaan kawasan perdagangan yang berkonsepkan *pedestrian mall* di Phuket *Weekend Night Market*.



Kawasan Penambahbaikan Kawasan Komersial

1. Medan Tuanku Abdul Rahman
2. Pusat Bandar Utara Selayang
3. Taman Bukit Seputeh
4. Bandar Tasek Selatan
5. Taman Connaught
6. Taman Kuchai Jaya
7. Taman Mulia Bandar Tun Razak
8. Kampung Attap
9. Kampung Batu
10. Pekan Kepong
11. Brickfields
12. Masjid India
13. Pudu Jalan Landak
14. Taman Midah
15. Taman Million
16. Taman OUG
17. Medan Pasar
18. Taman Maluri
19. Pudu Ulu
20. Changkat Bukit Bintang
21. Chow Kit (Jalan Hj Hussain)
22. Jalan Ang Seng
23. Thamby Abdullah
24. Robson Height

RAJAH 1.6.2 | Pelan Cadangan Pembangunan Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK)

Petunjuk :

- Kawasan Program Penambahbaikan Kawasan Komersial

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 1-6.1: PELAKSANAAN PROGRAM PENAMBAHBAIKAN KAWASAN KOMERSIAL (PKK)

Kawasan perdagangan sedia ada yang telah usang perlu dipertingkatkan agar ia lebih berdaya saing dengan persekitaran yang lebih berkualiti dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sokongan.

Program penambahbaikan kawasan komersial adalah bertujuan untuk:

1. Menjana semula kawasan perdagangan selaras dengan trend aktiviti terkini supaya menjadi lebih *vibrant* dan menarik untuk dikunjungi;
2. Meningkatkan kualiti visual kawasan dan persekitarannya; dan
3. Menyediakan elemen kemudahan baharu seperti laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta pengindahan landskap dan penyediaan kiosk pintar agar ia lebih menarik untuk dikunjungi.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti terdapat 24 kawasan perdagangan sedia ada yang telah dikenal pasti untuk dinaik taraf melalui program tindakan khusus mengikut kawasan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 1-6.1.



Lokasi: Chinatown, Jalan Petaling
Sumber: *https://image.shutterstock.com/z/stock-photo-kuala-lumpur-malaysia-jan-chinese-new-year-decoration-of-the-chinatown-in-kuala-lumpur-697067455.jpg*

Chinatown merupakan salah satu yang dikenal pasti sebagai salah satu tapak bagi program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK).



INISIATIF PELAKSANAAN 1-6.1A

MENAMBAH BAIK DAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN DI KAWASAN PENAMBAHBAIKAN KAWASAN KOMERSIAL (PKK)

Pembangunan perdagangan yang kondusif dengan penyediaan kemudahan sokongan yang lengkap akan menjadikan sesebuah pusat tumpuan perdagangan lebih *vibrant* dan berupaya menarik perhatian para pengunjung.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memperkenalkan aktiviti perdagangan di kawasan stesen transit pengangkutan awam sebagai tarikan kepada pengguna dan pelancong;
2. Menerapkan konsep warisan dan kebudayaan Malaysia terutamanya yang mempunyai nilai warisan yang tinggi;
3. Mempertingkatkan dan menaik taraf imej fakad bangunan yang telah usang;
4. Memperbaharui semula dan menggunakan bangunan lama dan tidak digunakan melalui kaedah penjanaan semula bangunan dengan kegunaan baharu;
5. Menyediakan ruang "*place making*" yang menarik sebagai pusat tumpuan awam;
6. Menambah baik dan menyelenggara kemudahan infrastruktur sokongan yang diperlukan seperti tempat letak kenderaan, jaringan jalur lebar yang terkini dan lain-lain kemudahan untuk menyokong pusat perdagangan tersebut;
7. Mempertingkatkan keceriaan dan memperindahkan kawasan dengan kerja-kerja penaiktarafan landskap dan elemen hijau, perabot jalan, papan tanda dan penunjuk arah;
8. Menguruskan sistem sirkulasi lalu lintas sedia ada yang mengutamakan konsep mikromobiliti yang aktif;
9. Memastikan penyediaan laluan pejalan kaki yang terhubung dan menggalakkan konsep mikromobiliti yang aktif; dan
10. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti elemen reka bentuk bandar selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

INFO RINGKAS

24 CADANGAN KAWASAN PENAMBAHBAIKAN KOMERSIAL SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR




1. Medan Tuanku Abdul Rahman;
2. Pusat Bandar Utara Selayang;
3. Taman Bukit Seputeh;
4. Bandar Tasek Selatan;
5. Taman Connaught;
6. Taman Kuchai Jaya;
7. Taman Mulia Bandar Tun Razak;
8. Kampung Attap;
9. Kampung Batu;
10. Pekan Kepong;
11. Brickfields;
12. Masjid India;
13. Jalan Landak Pudu;
14. Taman Midah;
15. Taman Million;
16. Taman OUG;
17. Medan Pasar;
18. Taman Maluri;
19. Pudu Ulu;
20. Changkat Bukit Bintang;
21. Chow Kit (Jalan Hj Hussain);
22. Jalan Ang Seng;
23. Thamby Abdullah; dan
24. Robson Heights.






Sumber: *https://www.pinterest.com/pin/508906826651138473/*

Gambaran penyediaan landskap dan perabot jalan di laluan pejalan kaki di kawasan penambahbaikan perdagangan.

Jadual 1.6.1:
Ringkasan Keutamaan Inisiatif Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK)

Kawasan	Pelan Sisip	Kawasan	Pelan Sisip
1. Medan Tuanku Abdul Rahman Cadangan zon *pedestrian mall* Cadangan pengindahan landskap dan laluan pejalan kaki terhubung Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		5. Taman Connaught Cadangan pengindahan landskap dan penyelenggaraan infrastruktur Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	
2. Pusat Bandar Utara Selayang Cadangan penambahbaikan fakad bangunan dan penyediaan tempat letak kereta berpusat Cadangan pengurusan sistem sirkulasi lalu lintas		6. Taman Kuchai Jaya Cadangan pengindahan landskap Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	
3. Taman Bukit Seputeh Cadangan pengindahan landskap dan penyelenggaraan infrastruktur Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		7. Taman Mulia Bandar Tun Razak Cadangan pengindahan landskap Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	
4. Bandar Tasek Selatan Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur, pengurusan sistem sirkulasi lalu lintas Cadangan penyediaan tempat letak kereta berpusat Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		8. Kampung Attap Cadangan pengindahan landskap dan penyediaan laluan pejalan kaki Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	

Jadual 1.6.1:
Ringkasan Keutamaan Inisiatif Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK) (sambungan)

Kawasan	Pelan Sisip	Kawasan	Pelan Sisip
9. Kampung Batu Cadangan pengindahan landskap dan penyelenggaraan infrastruktur Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		13. Jalan Landak Pudu Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur, pengurusan sistem sirkulasi lalu lintas dan penyediaan tempat letak kereta berpusat Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	
10. Pekan Kepong Cadangan pengindahan landskap dan penyelenggaraan infrastruktur Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		14. Taman Midah Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur, pengurusan sistem sirkulasi lalu lintas Cadangan penyediaan tempat letak kereta berpusat Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	
11. Brickfields Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur dan kebersihan kawasan sekitar Cadangan mempergiatkan aktiviti budaya Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		15. Taman Million Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur, pengurusan sistem sirkulasi lalu lintas dan penyediaan tempat letak kereta berpusat Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	
12. Masjid India Cadangan pengindahan landskap Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		16. Taman OUG Cadangan pengindahan landskap dan penyelenggaraan infrastruktur Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	

Jadual 1.6.1:
Ringkasan Keutamaan Inisiatif Program Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK) (sambungan)

Kawasan	Pelan Sisip	Kawasan	Pelan Sisip
17. Medan Pasar Cadangan pengindahan landskap Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		21. Chow Kit (Jalan Hj Hussain) Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur dan kebersihan kawasan sekitar Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar	
18. Taman Maluri Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur, pengurusan sistem sirkulasi lalu lintas dan penyediaan tempat letak kereta berpusat Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		22. Jalan Ang Seng Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur dan kebersihan kawasan sekitar Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar Cadangan penambahbaikan fakad bangunan	
19. Pudu Ulu Cadangan pengindahan landskap Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		23. Thamby Abdullah Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur dan kebersihan kawasan sekitar Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar Cadangan penambahbaikan fakad bangunan	
20. Changkat Bukit Bintang Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur dan kebersihan kawasan sekitar Cadangan pengurusan sistem sirkulasi lalu lintas dan penyediaan TLK berpusat Cadangan penerapan elemen CPTED dan komponen bandar pintar		24. Robson Heights Cadangan pengindahan landskap, penyelenggaraan infrastruktur dan kebersihan kawasan sekitar	



Sumber : *https://www.pinterest.com/pin/508906826651138473/*

Gambaran penyediaan kawasan perdagangan yang berkonsepkan *pedestrian mall*.




Sumber : *https://www.pinterest.com/sophanna9125/alley//*

Gambaran pengindahan landskap serta penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.



Sumber : *https://i.pinimg.com/564x/1a/90/0a/1a900aa3614a86f9c270232e942da745.jpg*

Gambaran pengindahan landskap dan cadangan persekitaran mod mobiliti aktif.



Lokasi: Sydney
Sumber :
https://www.pinterest.com/pin/122160208626854262/



Sumber : *https://pinterest.com/564x/03/3f/7a/033f7a6d70b896ba54430f4aa7c30d94.jpg*

Gambaran pengindahan landskap dan penyediaan laluan pejalan kaki yang lengkap dengan perabot jalan.

RUMUSAN

MATLAMAT 1 : MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INOVATIF DAN PRODUKTIF

Pelbagai inisiatif dan pendekatan pelaksanaan telah dicadangkan supaya Matlamat 1 ke arah menggalakkan pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Inovatif dan Produktif dapat direalisasikan.

Perancangan dan pelaksanaan Matlamat 1 Draf PTKL2040 mengambil kira SDGs, PSKL2040 dan lain-lain dasar pembangunan negara yang diperincikan melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan.

Strategi, inisiatif dan pendekatan pelaksanaan ini memberi penekanan kepada kepelbagaian aktiviti kewangan dan perkhidmatan perniagaan, menjenamakan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan bandar, memperkukuh bandar budaya dan kreatif, membangunkan kluster perindustrian, memacu pembangunan keusahawan serta menjana semula kawasan perdagangan sedia ada sebagai ruang niaga yang *vibrant*, menarik dan kondusif.

Jadual 1.1 menunjukkan rumusan bagi strategi perancangan dan cadangan pelaksanaan untuk Matlamat 1.

Jadual 1.1:
Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 1

Strategi Perancangan	Cadangan Pelaksanaan	Pendekatan Pelaksanaan				
		Projek	Polisi	Program	Kawalan Perancangan	Garis Panduan
SP 1-1	CP 1-1.1	-	1	-	1	-
	CP 1-1.2	-	1	-	1	-
	CP 1-1.3	1	1	1	-	-
	CP 1-1.4	1	-	-	-	-
	CP 1-1.5	-	1	1	-	-
SP 1-2	CP 1-2.1	1	1	1	-	-
	CP 1-2.2	1	1	1	-	-
	CP 1-2.3	1	1	1	-	-
	CP 1-2.4	1	1	1	-	-
	CP 1-2.5	1	1	1	1	1
SP 1-3	CP 1-3.1	1	-	1	-	-
SP 1-4	CP 1-4.1	1	1	1	-	-
	CP 1-4.2	-	1	-	1	-
	CP 1-4.3	1	1	-	1	-
	CP 1-4.4	1	-	1	-	-
	CP 1-4.5	1	1	-	-	-
	CP 1-4.6	-	1	-	1	1
	CP 1-4.7	1	1	-	-	-
	CP 1-4.8	-	-	1	-	-
SP 1-5	CP 1-5.1	1	1	-	-	-
	CP 1-5.2	-	-	1	-	-
	CP 1-5.3	-	1	1	-	-
SP 1-6	CP 1-6.1	1	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		**15**	**17**	**13**	**6**	**2**

MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI

MATLAMAT 2





MATLAMAT 2

MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI

Sebagai sebuah bandar raya bertaraf global, Kuala Lumpur menjadi tumpuan pelbagai kegiatan ekonomi dan nod pertumbuhan negara yang menyokong kepelbagaian aktiviti perbandaran.

Perancangan kediaman dan kemudahan masyarakat di Kuala Lumpur perlu bersifat inklusif, saksama dan berdaya huni kepada semua golongan. Keutamaan diberikan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana, belia, warga emas, orang kurang upaya serta bukan warga negara selaras dengan visi Bandar untuk Semua.


Kriteria bandar raya inklusif menekankan penawaran perumahan yang pelbagai pilihan dengan mengambil kira profil penduduk, penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi, penyediaan kemudahan masyarakat secara bersepadu, serta berkualiti dan penerapan elemen bandar selamat di kawasan kejiranan.

Kriteria bandar raya saksama memberi penekanan kepada penambahbaikan kawasan perumahan yang lama, pewujudan kualiti persekitaran kediaman yang kondusif, penyediaan hab komuniti untuk kemudahan penduduk setempat dan penggunaan aplikasi teknologi digital dalam komuniti.

Kriteria bandar raya berdaya huni pula memberi penekanan kepada pewujudan kualiti persekitaran mampan dan selamat, penyediaan infrastruktur asas yang berkualiti, pembentukan komuniti yang sejahtera dan tadbir urus bandar yang efisien.


Rajah 2.1 menyenaraikan kriteria utama yang perlu dilaksanakan sebagai fokus untuk menumpukan Kuala Lumpur ke arah Bandar Raya Inklusif, Saksama dan Berdaya Huni.

Rajah 2.1:
Kriteria Bandar Raya Inklusif, Saksama dan Berdaya Huni



PSKL2040
2 HALA TUJU STRATEGIK
9 TINDAKAN

RAJAH 2.2
RINGKASAN STRATEGI PERANCANGAN DAN CADANGAN PELAKSANAAN
MATLAMAT 2: MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI



Terdapat enam (6) Strategi Perancangan (SP), sembilan (9) Cadangan Pelaksanaan (CP) dan 25 Inisiatif Pelaksanaan (IP) yang dirangka selaras dengan PSKL2040 seperti yang diringkaskan dalam Rajah 2.2.

DRAF PTKL2040
6 STRATEGI PERANCANGAN
9 CADANGAN PELAKSANAAN

STRATEGI PERANCANGAN

SP 2-1: MENAWARKAN PERUMAHAN PELBAGAI PILIHAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK

SENARIO PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur merupakan antara pusat tumpuan perumahan utama kepada semua golongan masyarakat di Malaysia. Penyediaan perumahan pelbagai pilihan yang dilengkapi dengan kemudahan masyarakat untuk memenuhi keperluan penduduk terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam memastikan kualiti hidup yang tinggi dan selesa dapat dicapai.

Keadaan semasa menunjukkan bilangan stok perumahan di Kuala Lumpur adalah sebanyak 500,803 unit. Trend pembangunan perumahan di Kuala Lumpur dalam tempoh sedekad yang lalu lebih tertumpu kepada pembangunan kondominium dan pangsapuri berbilang tingkat.

Isu utama bagi pembangunan perumahan di Kuala Lumpur adalah ketidaksetaraan di antara harga rumah yang ditawarkan berbanding pendapatan penduduk.

Hala tuju pembangunan perumahan adalah melalui penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi, penyediaan unit perumahan pelbagai saiz untuk keperluan pelbagai golongan masyarakat dan penyediaan perumahan di kawasan pembangunan semula yang telah dikenal pasti dalam Draf PTKL2040.

Unjuran unit perumahan dibuat berdasarkan pertambahan penduduk dan isi rumah menjelang tahun 2040. Faktor lain seperti perumahan komited, anggaran *backlog,* keperluan penggantian segera dan keperluan penggantian biasa turut diambil kira dalam unjuran perumahan.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang mampu menawarkan perumahan pelbagai pilihan bagi memenuhi keperluan penduduk, satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 2-1 seperti di Rajah 2.1.1.

INFO RINGKAS

KEPERLUAN PERUMAHAN DI KUALA LUMPUR PADA TAHUN 2040

Stok Perumahan Pada Tahun 2020

500,803 unit

Unjuran Unit Rumah Pada Tahun 2040

762,500 unit

Keperluan Tambahan Perumahan Pada Tahun 2040

261,697 unit

Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (KPPT)

2.13%

Sumber: Olahan dari PSKL2040

Rajah 2.1.1:
Cadangan Pelaksanaan Bagi Strategi Perancangan 2-1

SP 2-1 **MENAWARKAN PERUMAHAN PELBAGAI PILIHAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK**

CP 2-1.1 Perancangan Perumahan Pelbagai Pendapatan

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-1.1: PERANCANGAN PERUMAHAN PELBAGAI PENDAPATAN

Perancangan dan pengurusan dalam penyediaan perumahan pada masa hadapan perlu mengambil kira perubahan profil penduduk dan saiz isi rumah.

Kuala Lumpur dijangka mengalami perubahan profil penduduk pada masa hadapan di mana saiz isi rumah akan mengecil daripada 3.2 pada tahun 2025 kepada 3.0 pada tahun 2040.

Jumlah penduduk warga emas diunjurkan lebih tinggi iaitu sebanyak 17.3 peratus pada tahun 2040 berbanding 6.6 peratus pada tahun 2020. Golongan belia pula merangkumi hampir satu pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduk Kuala Lumpur menjelang tahun 2040.

Perancangan perumahan di Kuala Lumpur perlu diurus dengan baik dan seimbang dalam memastikan pembangunan perumahan pelbagai pendapatan dapat dilaksanakan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat lima (5) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-1.1.



Lokasi: Impiana Sky Residensi, Bukit Jalil

Pembangunan kediaman bertingkat berpotensi menyediakan perumahan pelbagai pendapatan.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-1.1A

MENYEDIAKAN PERUMAHAN MIKRO

Perumahan mikro merupakan salah satu konsep pembangunan kediaman bertujuan untuk memenuhi keperluan kumpulan sasaran seperti golongan bujang yang baharu bekerja, usahawan muda dan golongan ekspatriat profesional.

Konsep pembangunan ini adalah sebagai galakan kepada golongan terbabit untuk tinggal di pusat bandar raya sekaligus dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang berpunca daripada pergerakan kenderaan masuk dan keluar ke Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur.

Penyediaan perumahan mikro adalah dicadangkan mengguna pakai konsep penjanaan semula bangunan serta tidak melibatkan pembangunan baharu.

Tujuan perumahan mikro ini adalah untuk menghidupkan semula bangunan sedia ada yang tidak berdaya maju atau tidak ekonomik dan bangunan yang berusia melebihi sepuluh (10) tahun terutamanya dalam Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur dan kawasan Zon Perancangan Transit (TPZ) dan Zon Pengaruh Transit (TIZ).

Kemudahan berkongsi seperti dobi, ruang bacaan dan ruang komuniti atau dewan perlu disediakan bagi penjimatan ruang dan menggalakkan interaksi sosial.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti di Jadual 2.1.1.

Jadual 2.1.1:
Langkah Perancangan Perumahan Mikro di Kuala Lumpur

Perkara	Garis Panduan Perancangan
1. Lokasi yang dibenarkan	Kawasan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur, TPZ dan TIZ sahaja.
2. Jenis bangunan	Bangunan perdagangan sedia ada yang tidak berdaya maju atau tidak ekonomik dan berusia melebihi sepuluh (10) tahun.
3. Saiz minimum	200 kaki persegi sehingga 450 kaki persegi.
4. Pemilikan	a. Satu pemilikan (hanya untuk penyewaan atau pajakan); dan b. Pemilikan strata (penjualan unit-unit) yang diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan (MC).
5. Kemudahan	a. Bilik solat; b. Pejabat pengurusan; c. Dewan serba guna atau bilik mesyuarat; d. Dobi; dan e. Kedai serbaneka.
6. Keperluan Tempat Letak Kereta (TLK) dan Tempat Letak Motosikal (TLM)	a. Mengekalkan ruang TLK dan TLM mengikut pelan kelulusan asal bangunan sedia ada dan tidak boleh ditukarguna kepada kegunaan lain; b. Ruang TLK tidak boleh dijadikan petak aksesori; c. TLK Pelawat : sepuluh (10) peratus daripada bilangan unit kediaman; dan d. TLK OKU : dua (2) peratus daripada jumlah TLK pelawat

Nota: Sebarang perubahan kepada Garis Panduan Perancangan Perumahan Mikro adalah tertakluk kepada dasar dan keperluan perancangan semasa.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-1.1B

MERANCANG UNIT-UNIT PERUMAHAN BERSAIZ KECIL


Corak pembangunan perumahan di Kuala Lumpur akan dipengaruhi dengan perubahan penggunaan kawalan pembangunan daripada kepadatan kepada nisbah plot bagi zon guna tanah kediaman. Walau bagaimanapun, Zon Guna Tanah Kediaman 1 (R1) dan Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 1 (TV1) akan menggunakan kawalan ketinggian.

Penggunaan nisbah plot sebagai alat kawalan intensiti yang bertujuan untuk meningkatkan daya maju pembangunan. Perubahan ini juga memberi peluang dalam menyediakan lebih banyak unit rumah pelbagai saiz selaras dengan keperluan penduduk masa hadapan.

Trend kependudukan masa hadapan di Kuala Lumpur menunjukkan terdapat keperluan permintaan terhadap saiz rumah yang lebih kecil untuk golongan seperti *Dual Income No Kids (*DINK*)* dan *Young Urban Professionals (*YUPPIES*)*.

Perancangan unit rumah bersaiz kecil adalah digalakkan di empat (4) lokasi seperti berikut:

1. Kawasan Pusat Bandar Raya;
2. Kawasan TPZ dan TIZ;
3. Kawasan Pusat Pertumbuhan Daerah seperti di Zon Guna Tanah Perdagangan Utama (MC) yang membenarkan elemen mendiami; dan
4. Kawasan lain yang bersesuaian dan pelaksanaannya perlu tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak DBKL.



Lokasi: PPR Sg Bunus

Penyediaan PPR untuk golongan berpendapatan rendah.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-1.1C

MEMBANGUNKAN PERUMAHAN TRANSIT

Perumahan transit merupakan satu konsep perumahan yang disewakan kepada golongan sasaran seperti berikut:

1. Golongan belia yang baharu bekerja;
2. Pasangan yang baharu berkahwin; dan
3. Keluarga yang baharu berhijrah ke Kuala Lumpur tidak melebihi empat (4) isi rumah.

Golongan tersebut dapat menyewa di Perumahan Transit ini untuk suatu tempoh masa tertentu. Had penyewaan dicadangkan tiga (3) hingga lima (5) tahun sebelum golongan tersebut mempunyai keupayaan membeli dan memiliki rumah sendiri.

Perumahan transit boleh disediakan dalam bentuk rumah berkongsi seperti perumahan berbentuk hostel atau bangunan sedia ada yang dijanakan semula. Perumahan ini perlu dilengkapi dengan kemudahan seperti gimnasium, ruang rehat, bilik bacaan dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian.

Penyediaan perumahan transit adalah digalakkan di enam (6) lokasi seperti berikut:

1. Kawasan pembangunan semula;
2. Kawasan TPZ dan TIZ;
3. Kawasan Zon Guna Tanah Perdagangan seperti Zon Guna Tanah Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC), Zon Guna Tanah Perdagangan Utama (MC) dan Zon Guna Tanah Perdagangan (C) yang membenarkan elemen mendiami;
4. Kawasan Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX);
5. Kawasan zon perumahan berstrata seperti Kediaman 2 (R2), Kediaman 3 (R3) dan Kediaman 4 (R4); dan
6. Kawasan Zon Guna Tanah Institusi (INT).

Penyediaan perumahan transit ini juga perlu mematuhi piawaian yang tertakluk berdasarkan zon guna tanah bagi lot yang di cadangkan.



Lokasi: Rumah Transit Bukit Jalil

Program Rumah Transit Bukit Jalil yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-1.1D

MENYEDIAKAN PERUMAHAN WARGA EMAS

Dasar Warga Emas Negara menjangkakan status menua bagi Malaysia adalah pada tahun 2030. Status tersebut dijangka tercapai apabila penduduk berusia 60 tahun dan ke atas merangkumi 15 peratus daripada jumlah penduduk keseluruhan.

PSKL2040 menyatakan golongan warga emas yang berusia 65 tahun mencatatkan 6.6 peratus daripada jumlah penduduk semasa pada tahun 2020 dan dijangka akan meningkat kepada 17.3 peratus menjelang tahun 2040.

PSKL2040 mencadangkan garis panduan terperinci bagi rumah warga emas disediakan.

Cadangan pembangunan perumahan khusus warga emas di Kuala Lumpur adalah bagi membolehkan warga emas hidup berdikari dengan penyediaan kemudahan khusus.

Draf PTKL2040 mencadangkan pelbagai bentuk perumahan yang sesuai untuk warga emas di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

1. Perumahan sedia ada yang diubahsuai yang berkonsepkan mesra warga emas;
2. Perumahan khas warga emas berkonsepkan perkampungan persaraan;
3. Perumahan harga bebas mesra warga emas berkonsepkan dwi kunci; dan
4. Perumahan mampu milik mesra warga emas.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 2.1.2.

Jadual 2.1.2:
Jenis dan Kriteria Perumahan Warga Emas di Kuala Lumpur

Jenis Perumahan	Kriteria Perumahan
1. Perumahan sedia ada yang diubahsuai yang berkonsepkan mesra warga emas	Reka bentuk dalaman dan luaran rumah sedia ada diubah suai untuk menerapkan elemen dan ciri-ciri mesra warga emas. Elemen pengubahsuaian reka bentuk dalaman yang boleh diterapkan adalah seperti peletakan suis elektrik yang lebih rendah, bukaan pintu yang lebih besar, penyediaan *ramp* dan susur tangan di pintu masuk dan tangga. Penerapan polisi dan konsep sebegini bersesuaian untuk kediaman persendirian dan warga emas yang mampu berdikari dalam menjalankan aktiviti harian termasuklah bekerja, menguruskan diri sendiri, menyertai aktiviti sosial masyarakat dan sebagainya.
2. Perumahan khas warga emas berkonsepkan perkampungan warga emas	Perkampungan warga emas ditakrifkan sebagai kawasan baharu yang dirancang dengan elemen mendiami, mempunyai kemudahan dan perkhidmatan sokongan untuk warga emas. Penghuni di perumahan khas ini boleh memilih untuk tinggal di sini secara kekal atau dalam tempoh tertentu. Pemilikan kediaman di perkampungan ini digalakkan secara sewaan atau pajakan. Contoh projek perumahan khas warga emas adalah di Kampung Admiralty, Singapura, yang merupakan sebuah kompleks bangunan terdiri daripada unit rumah, pusat perubatan, ruang niaga dan kawasan hijau. Tiga (3) kawasan yang bersesuaian untuk penyediaan perkampungan warga emas ini adalah seperti berikut: 1. Zon Guna Tanah yang terdiri daripada Perdagangan (C), Pembangunan Bercampur (MX), Kediaman 1 (R1), Kediaman 2 (R2), Kediaman 3 (R3), Kediaman 4 (R4) dan Institusi (INT) dengan syarat tertentu; 2. Kawasan lain seperti kawasan pembangunan semula, TPZ dan TIZ; dan 3. Kawasan tadahan kemudahan kesihatan.
3. Perumahan harga bebas mesra warga emas berkonsepkan dwi kunci	Rumah berkonsep *dual-key* adalah rumah yang mempunyai dua (2) ruang tinggal yang berbeza. Konsep ini sesuai dilaksanakan di semua jenis rumah sama ada rumah baharu atau rumah yang diubahsuai seperti rumah teres, berkembar, sesebuah atau bertingkat. Konsep *dual-key* adalah bertujuan membolehkan anak-anak atau keluarga terdekat tinggal bersebelahan dengan warga emas yang berusia untuk memberi sokongan bagi melaksanakan aktiviti harian mereka.
4. Perumahan mampu milik mesra warga emas	Pihak pemaju digalakkan menyediakan sekurang-kurangnya lima (5) peratus daripada rumah mampu milik adalah rumah warga emas yang lengkap dengan kemudahan bagi golongan warga emas.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-1.1E

MENYEDIAKAN PERUMAHAN PEKERJA

Penyediaan perumahan pekerja dalam sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan adalah perlu bagi memastikan kualiti hidup yang lebih baik selaras dengan visi Bandar untuk Semua. Kemudahan perumahan ini disediakan kepada sebahagian besar pekerja yang terdiri daripada rakyat tempatan dan pekerja warga asing.

Pihak DBKL telah menetapkan garis panduan bagi perumahan sementara pekerja asing. Penyediaan perumahan pekerja ini adalah melalui:

1. Pembinaan baharu atau *retrofit* Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ)

Penyediaan kemudahan CLQ adalah berkonsepkan bilik dormitori melalui kaedah penjanaan semula bangunan atau pembangunan baharu. Zon Guna Tanah yang dibenarkan untuk penyediaan perumahan ini adalah Perdagangan (C), Perdagangan Bercampur (MX), Industri (IP) dan Pembangunan Industri Bercampur (MXI).

2. Perumahan sementara di tapak pembinaan

Penyediaan perumahan sementara pekerja turut dicadangkan di tapak pembinaan yang bersesuaian selaras dengan Buku Panduan Penginapan Pekerja di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), 2021, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). Kriteria yang melayakkan perumahan sementara di tapak pembinaan adalah seperti berikut:

1. Tapak yang terletak jauh dari CLQ sedia ada dengan jarak melebihi sepuluh (10) kilometer;
2. Tempoh pembinaan yang kurang dari tiga (3) tahun; dan
3. Keluasan yang mencukupi untuk menempatkan kemudahan pekerja selaras dengan garis panduan

INFO RINGKAS

Buku Panduan Penginapan Pekerja di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)

1. Keluasan ruang bertutup bagi seorang pekerja;
   a. Penyediaan tidak kurang daripada tiga (3) meter persegi (penginapan berbentuk *domitary*) atau 3.6 meter persegi (penginapan bukan berbentuk *domitary*) bagi ruang tidur atau ruang rehat.
   b. Menyediakan kemudahan sanitari bagi penginapan pekerja iaitu sekurang-kurangnya:
      - Satu (1) tandas dan satu (1) bilik mandi untuk setiap 15 orang pekerja.
3. Menyediakan kompor gas, tong sampah, bekalan air bersih dan elektrik;
4. Menyediakan kemudahan asas minima untuk setiap pekerja yang tidak boleh dikongsi:
5. Menyediakan katil yang mempunyai ukuran tidak kurang daripada 1.7 meter persegi. Jika katil bertingkat disediakan, ruang antara dua (2) katil itu hendaklah tidak kurang daripada 0.7 meter tilam dan bantal;
6. Almari pakaian berkunci berukuran tidak kurang 0.35 meter panjang, 0.35 meter lebar dan 0.9 meter tinggi; dan
7. Lain-lain kemudahan yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Sumber: Olahan dari Buku Panduan Penginapan Pekerja di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446), 2021, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).

AMALAN TERBAIK

PENYEDIAAN RUMAH PEKERJA DI BULIM SQUARE DORMITORY, SINGAPURA

Bulim Square Dormitory merupakan asrama pekerja asing baharu yang terletak di Singapura dan mempunyai kapasiti untuk menempatkan seramai 948 orang. Kompleks asrama di atas tapak seluas 1.67 hektar ini terdiri daripada tujuh (7) blok bangunan kediaman 2 tingkat dan satu (1) blok khusus untuk pelbagai kemudahan seperti kantin, dobi, ruang rekreasi, ruang rehat, ruang memasak, bilik TV dan bilik bacaan. Projek ini merupakan sebahagian daripada program Kerajaan Singapura dalam penyediaan asrama pekerja yang lebih baik dan lebih luas bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 melalui penetapan standard yang lebih tinggi.



Sumber: *https://surbanajurong.com/sjconnects/dormitories-with-improved-standards-for-migrant-workers/*

Bulim Square Dormitory, Singapura.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 2-2: MENYEDIAKAN PERUMAHAN MAMPU MILIK YANG BERKUALITI DAN KONDUSIF

SENARIO PEMBANGUNAN PERUMAHAN MAMPU MILIK DI KUALA LUMPUR

Penyediaan rumah mampu milik yang bersasar mengikut kategori pendapatan merupakan satu pendekatan proaktif yang selari dengan Teras Strategik 6: Keterangkuman Wilayah, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Ia untuk mencapai matlamat menyediakan perumahan yang mencukupi dan mampu dimiliki.

Penyediaan rumah mampu milik ini haruslah mengambil kira beberapa faktor seperti harga yang mampu milik, suasana tempat tinggal yang selamat, reka bentuk rumah yang inovatif dan berdekatan dengan kemudahan pengangkutan awam. Penyediaan ini membolehkan penduduk Kuala Lumpur terutamanya golongan B40 dan sebahagian M40 untuk membeli dan memiliki kediaman sendiri.

Ketidakcukupan penawaran perumahan mampu milik menjadi isu utama kepada penyediaan perumahan di Kuala Lumpur. Ini berpunca daripada ketersediaan tanah yang terhad dan nilai hartanah yang semakin meningkat dan tinggi.

Beberapa kawasan perumahan lama adalah berpotensi dibangunkan semula dan dijadikan sebagai tapak perumahan mampu milik yang berkualiti dan kondusif. Ini dapat dilaksanakan melalui peningkatan intensiti pembangunan dan insentif yang bersesuaian. Bilangan unit rumah mampu milik di Kuala Lumpur adalah sebanyak 40,022 unit pada tahun 2020.

PSKL2040 mengunjurkan sejumlah 762,500 unit perumahan sehingga tahun 2040 dan menetapkan sasaran perumahan mampu milik sebanyak 40 peratus iaitu 305,000 unit. Sasaran ini adalah bagi memenuhi keperluan golongan B40 dan sebahagian M40 bagi mencapai matlamat satu rumah, satu isi rumah selaras dengan Dasar Perumahan Negara.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang mampu menawarkan perumahan mampu milik bagi memenuhi keperluan penduduk, terdapat dua (2) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 2-2 seperti di Rajah 2.2.1.

INFO RINGKAS

SASARAN PERUMAHAN MAMPU MILIK DI KUALA LUMPUR MENJELANG 2040

Unit Rumah Mampu Milik Pada Tahun 2020

40,022 unit

Unjuran Unit Rumah Pada Tahun 2040

762,500 unit

Sasaran 40 peratus Unit Rumah Mampu Milik Pada Tahun 2040

305,000 unit

Unit Perumahan Awam dan Program Perumahan Rakyat Sedia Ada Pada Tahun 2020


61,618 unit

Sumber: Olahan dari PSKL2040

Rajah 2.2.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-2

SP 2-2 MENYEDIAKAN PERUMAHAN MAMPU MILIK YANG BERKUALITI DAN KONDUSIF

- **CP 2-2.1** Perancangan Perumahan Mampu Milik
- **CP 2-2.2** Perancangan Perumahan Mampu Didiami



Perumahan Awam Sewa Bersubsidi (PASS)

1. Bandar Baru Sentul
2. Taman Desa
3. Pekan Salak Selatan
4. Jalan Selimang, Cheras
5. Tasik Permaisuri
6. Taman Alam Damai

Rumah Mampu Milik Bebas (RMM)

1. Vista Wirajaya 2
2. Rica Residence
3. Suasana Lumayan
4. Residensi Razakmas
5. Casa Green @ Bukit Jalil
6. Enesta @ Kepong

Residensi Wilayah

1. Residensi Selayang Damai
2. Residensi Laman Sari
3. Residensi Kepongmas
4. Residensi Metro Kepong
5. Residensi Kepongmas 2
6. Residensi Enesta Kepong
7. Residensi Seri Wahyu
8. Residensi Sky Awani II
9. Residensi Sky Awani
10. Residensi Inspirasi Setapak
11. Residensi Hektar
12. Residensi Wangsa Meranti
13. Vista Langkawi @ Residensi PV18
14. Residensi Vista Wirajaya
15. Vista Wirajaya@ Residensi PV9
16. Residensi Wangsamas
17. The Parc Tower
18. Residensi Rampai II
19. Residensi Sky Awani IV
20. Residensi Sky Awani III
21. Residensi Minest
22. Kondominium Kiara Kasih
23. KL Traders Square
24. Residensi Semarak Platinum
25. Residensi Gumeymas
26. Residensi Pandamas
27. Residensi Pandamas 2
28. Residensi Akasia Permaisuri
29. Residensi Razakmas 2
30. Residensi Tasikmas
31. Pangsapuri Nuri Desa Petaling
32. Residensi Salak Selatan
33. Residensi Lili Petaling
34. Residensi Desa Satumas
35. Residensi Desamas
36. Residensi Kuchaimas
37. Residensi Surai Pantai
38. Residensi Gembira 737
39. Selesa Apartmen
40. Residensi Hujuan Lumayan
41. Residensi Rimbuanan Petaling
42. Casa Green @ Bukit Jalil
43. Residensi Platinum OUG
44. Residensi Jalilmas
45. Residensi Lanai Bukit Jalil
46. Residensi Aman Bukit Jalil
47. Residensi Rampai
48. Residensi Sentulmas
49. Residensi Vista Saujana
50. Apartmen Adelia
51. Pangsapuri Vista Danau Kota
52. Razak Mansion
53. Residensi Hijauan Pantai
54. Residensi Akasia Pemaisuri
55. Residensi Armani Petaling
56. Residensi Puchongmas
57. Residensi Riamas
58. Residensi Teratai

Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA)

1. PRIMA Brickfields
2. PRIMA Jalan Jubilee
3. PRIMA Bukit Jalil
4. PRIMA Alam Damai

Program Perumahan Rakyat (PPR)

1. PPR Intan Baiduri
2. PPR Sri Aman
3. PPR Taman Wahyu
4. PPR Batu Muda
5. PPR Pekan Batu
6. PPR Gombak Setia Blok 41
7. PPR Wangsa Sari Blok 62
8. PPR Air Panas
9. PPR Seri Semarak
10. PPR Sungai Bonus
11. PPR Desa Rejang
12. PPR Jelatek
13. PPR Perkasa
14. PPR Laksamana
15. PPR Seri Alam
16. PPR Vista Angkasa
17. PPR Kerinchi
18. PPR Sri Pantai
19. PPR Seri Cempaka
20. PPR Seri Anggerik
21. PPR Salak Selatan
22. PPR Taman Mulia
23. PPR Seri Malaysia
24. PPR Desa Petaling
25. PPR Desa Tun Razak
26. PPR Bandar Tasek Selatan
27. PPR Raya Permai

Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)

1. PPAM Metropolitan Kepong
2. PPAM Residen Bayu Andaman
3. PPAM Sofiya Residensi
4. PPAM Bukit Jalil
5. PPAM OUG
6. PPAM Mercu Jalil
7. PPAM Brickfields
8. PPAM Parsel 2C Bukit Jalil
9. PPAM Bandar Baru Sentul
10. PPAM Pelangi @ Sentul

Perumahan Awam (PA)

1. PA Sri Tioman
2. PA Sri Kedah
3. PA Sri Negeri Sembilan B
4. PA Sri Perlis II
5. PA Kelompok Kuang/Kenari
6. PA Sri Pahang
7. Perumahan Prihatin
8. PA Seri Pulau Pinang
9. PA Taman Ikan Emas
10. PA Seri Johor
11. PA Seri Johor 4B
12. PA Seri Johor 4C
13. PA Seri Melaka

RAJAH 2.2.2 | Pelan Perumahan Mampu Milik Sedia Ada Kuala Lumpur

Petunjuk :

Perumahan Mampu Milik

Lain-lain

Jalan Raya

Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-2.1: PERANCANGAN PERUMAHAN MAMPU MILIK

Agenda utama pembangunan perumahan mampu milik di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040 adalah perumahan berkualiti dan kondusif. Ia perlu mengambil kira harga yang mampu dimiliki, saiz yang bersesuaian, lokasi strategik, jaringan pengangkutan awam yang baik dan dilengkapi dengan kemudahan masyarakat.

Draf PTKL2040 mencadangkan penambahan bilangan rumah mampu milik dilaksanakan melalui tindakan seperti berikut:

1. Meneruskan program perumahan mampu milik sedia ada seperti Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam (PPAM), Residensi Wilayah Keluarga Malaysia, Residensi Keluarga Malaysia dan Residensi Madani. Kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai perumahan mampu milik ini adalah seperti:
    a. Tanah kerajaan dan tanah milik swasta yang bersesuaian;
    b. Kawasan pembangunan semula yang terpilih yang di zonkan sebagai Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX) seperti Bandar Malaysia dan Kem Batu Kentonmen; dan
    c. Kawasan TPZ dan TIZ yang bersesuaian.
2. Membangunkan rumah mampu milik berintensiti tinggi di Zon Guna Tanah Kediaman 3 (R3), Zon Guna Tanah Kediaman 4 (R4) dan Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX) yang boleh diintegrasikan dengan harga bebas.
3. Menggalakkan pemaju swasta untuk membangunkan pelbagai projek perumahan yang mengandungi unit rumah mampu milik.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-2.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-2.1A

MENERUSKAN PROGRAM PERUMAHAN MAMPU MILIK SEDIA ADA

Program perumahan mampu milik sedia ada di Kuala Lumpur perlu diteruskan bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah yang selesa dan berkualiti.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti berikut:

1. Pembangunan rumah mampu milik di atas tanah milik kerajaan atau swasta dengan harga jualan sehingga RM300,000 seunit;
2. Pemakaian insentif nisbah plot bagi pembangunan dengan komponen rumah mampu milik. Insentif ini terpakai untuk tapak-tapak yang boleh dipertimbangkan untuk pembangunan rumah mampu milik;
3. Penetapan nisbah plot asas sehingga 1:6.0 adalah dicadangkan bagi menggalakkan pembangunan perumahan mampu milik. Walau bagaimanapun, penyelarasan perlu dibuat dengan penetapan intensiti adalah selari dengan dasar perumahan mampu milik oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP); dan
4. Perancangan perumahan mampu milik perlu memberi penekanan kepada penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan berkualiti.



Lokasi: PPAM Metropolitan Kepong

Program PPAM membantu penjawat awam untuk memiliki kediaman di Kuala Lumpur.


Lokasi: Residensi Wilayah - Residensi Kepongmas

Program perumahan mampu milik sedia ada di Kuala Lumpur menawarkan perumahan yang selesa dan berkualiti.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-2.2: PERANCANGAN PERUMAHAN MAMPU DIDIAMI

Perancangan perumahan mampu didiami bermaksud perumahan yang dibina dan disediakan oleh pihak DBKL dan agensi berkaitan bagi golongan B40 yang berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk membeli rumah. Golongan ini akan diberi peluang untuk menyewa dengan kadar sewa dan tempoh yang telah ditetapkan. Sebanyak 33 projek Perumahan Awam (PA) dan 32 Projek Perumahan Rakyat (PPR) sedia ada yang telah dibina di Kuala Lumpur dengan keseluruhan unit adalah sebanyak 61,618 unit. Perancangan PA memerlukan penambahbaikan dari segi persekitaran serta infrastruktur seperti landskap, laluan pejalan kaki dan kemudahan awam.

DBKL juga turut menyediakan program perumahan untuk disewa bagi golongan M40 dengan membina Perumahan Awam Sewa Bersubsidi (PASS) di Sungai Udang, Segambut. Kemudahan yang turut disediakan adalah kawalan sekuriti 24 jam berserta rakaman kamera litar tertutup (CCTV), kolam renang, dewan dan surau.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, program dan kawalan perancangan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-2.2.



Lokasi: Residensi Sungai Udang, Segambut

Penyediaan Perumahan Awam Sewa Bersubsidi di Segambut.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-2.2A

MENYEDIAKAN PERUMAHAN AWAM SEWA BERSUBSIDI (PASS)

PASS merupakan salah satu usaha DBKL untuk menyediakan perumahan kepada golongan B40 dan sebahagian M40 untuk tinggal di bandar. Menerusi projek PASS ini, pihak DBKL akan menyediakan kemudahan perumahan yang akan disewakan kepada golongan sasaran dalam tempoh tertentu. Inisiatif ini adalah antara pendekatan oleh JWP untuk menangani kemiskinan bandar di Kuala Lumpur.

PASS akan dicadang untuk disewakan dalam tempoh tiga (3) ke lima (5) tahun. Selepas tamat tempoh penyewaan, penyewa perlu mendapatkan kediaman baharu dan digantikan dengan penyewa baharu. PASS perlu dilengkapi dengan kemudahan masyarakat bagi memastikan keselesaan penghuni.


Terdapat hanya satu (1) projek PASS iaitu Residensi Sungai Udang di Segambut yang telah siap dibina pada tahun 2021. Projek perumahan tersebut mempunyai 1,251 unit apartmen dengan keluasan 807 kaki persegi untuk setiap unit dan dilengkapi dengan tiga (3) bilik dan dua (2) bilik air.

Terdapat enam (6) tapak telah dikenal pasti sesuai untuk dibangunkan sebagai PASS di atas tanah milik DBKL seperti di Jadual 2.2.1 dan Rajah 2.2.2.

AMALAN TERBAIK

PENYEDIAAN ENFIELD COUNCIL DI UNITED KINGDOM



Council Housing ini disediakan oleh Enfield Council yang terletak di Edmonton N9. Skim perumahan ini dapat dilaksanakan menerusi geran yang telah diberi oleh Greater London Authorities (GLA) kepada Enfield Council dalam memenuhi permintaan penduduk untuk penyediaan perumahan keluarga yang baik dan berkualiti. Skim *Council Homes* ini yang terdiri daripada 12 unit baharu untuk rumah keluarga dan sepuluh (10) *council flats* untuk warga emas.



Sumber: *Facebook Mayor of London, Sadiq Khan*

Reka bentuk *Council Homes* di Enfield Council, United Kingdom

Jadual 2.2.1:
Pelan Cadangan Perumahan Awam Sewa Bersubsidi di Atas Tanah Milik DBKL

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Bandar Baru Sentul 0.57 hektar	
2.Taman Desa 8.98 hektar	
3.Pekan Salak Selatan 3.83 hektar	
4.Jalan Selimang, Cheras 1.36 hektar	
5.Tasik Permaisuri 0.41 hektar	
6.Taman Alam Damai 0.45 hektar	

Nota: *Sebarang pindaan tertakluk kepada dasar dan perancangan DBKL dari masa ke semasa.*

INISIATIF PELAKSANAAN 2-2.2B

MENGEKALKAN PERUMAHAN AWAM (PA) DAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Inisiatif mengekalkan jumlah unit PA dan PPR adalah sebagai salah satu usaha pihak DBKL dalam menyediakan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri. Data tahun 2021 menunjukkan terdapat sebanyak 22,591 unit PA dan 39,027 unit PPR sedia ada di Kuala Lumpur. PA dan PPR yang terlibat telah dizonkan sebagai Zon Guna Tanah Kediaman 4 (R4) dalam Draf PTKL2040 dengan nisbah plot asas sehingga 1:6.0.

Draf PTKL2040 mencadangkan PA dan PPR yang terlibat dengan program pembangunan semula untuk menambah sebanyak 20 peratus dari unit sedia ada.

Kebanyakan PA yang dikenal pasti merupakan PA yang telah usang, berusia lebih daripada 30 tahun dan tidak lagi sesuai dengan persekitaran semasa seperti PA Seri Selangor di Pudu dan PA Sri Pahang di Jalan Bukit Bangsar yang siap dibina pada tahun 1975 dan kini berusia melangkaui 45 tahun. Unit PA tersebut adalah berkeluasan di antara 530 kaki persegi dan 560 kaki persegi tidak lagi sesuai didiami untuk isi rumah berkeluarga pada masa kini.

Pembangunan semula PA di Kuala Lumpur ini akan memberi peluang untuk penyediaan lebih banyak unit perumahan mampu milik yang diperlukan. Pembangunan semula kawasan PA mampu meningkatkan penyediaan kemudahan masyarakat serta ruang hijau dan menawarkan pelbagai aktiviti bercampur bagi menyokong keperluan penduduk tempatan semasa dan masa hadapan seperti pembangunan semula kawasan PA ialah Residensi Kerinchi dan 1 Razak Mansion.



Lokasi: PPR Seri Semarak

Kawasan kediaman yang melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR).

INFO RINGKAS

BILANGAN UNIT PA DAN PPR SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR

Perumahan Awam (PA)
22,591 Unit

Program Perumahan Rakyat (PPR)
39,027 Unit

Sumber: Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar, DBKL, 2022.



Lokasi: PPR Wahyu, Taman Wahyu, Kuala Lumpur

Penyediaan PPR untuk golongan berpendapatan rendah.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 2-3: MENANGANI KEPERLUAN GELANDANGAN

SENARIO GELANDANGAN DI KUALA LUMPUR

Gelandangan adalah mereka yang tiada tempat tinggal yang tetap. Golongan gelandangan kini bertambah disebabkan ramai yang telah kehilangan pekerjaan dan mata pencarian berikutan penularan wabak COVID-19

Isu gelandangan di Kuala Lumpur seringkali dikaitkan dengan masalah kebersihan, keselamatan dan imej bandar. Tinjauan awal yang dijalankan pada tahun 2019 mendapati sebanyak 63 peratus daripada 73 orang responden yang merupakan gelandangan menyatakan antara punca mereka menjadi gelandangan adalah disebabkan pengangguran manakala 37 peratus lagi adalah disebabkan oleh perolehan pendapatan yang rendah.

Kerjasama antara DBKL dan pelbagai agensi yang bertanggungjawab diperlukan bagi menangani dan menyantuni keperluan gelandangan dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan golongan ini.

Demi merealisasikan dan menangani keperluan gelandangan di Kuala Lumpur, terdapat satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 2-3 seperti di Rajah 2.3.1

Rajah 2.3.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-3

SP 2-3	**MENANGANI KEPERLUAN GELANDANGAN**
CP 2-3.1	Penambahbaikan Kesejahteraan Gelandangan



Lokasi: Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (Jalan Pahang)
Sumber: Facebook Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur

Pusat Transit Gelandangan yang dibina bagi membantu dan melatih gelandangan untuk berdikari.



Lokasi: Pusat Khidmat Gelandangan (Jalan Medan Tuanku)

Pelbagai program dilaksanakan dalam menyantuni keperluan golongan gelandangan.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-3.1: PENAMBAHBAIKAN KESEJAHTERAAN GELANDANGAN

DBKL selaku agensi di bawah JWP sentiasa komited dalam menangani isu gelandangan di Kuala Lumpur. Golongan gelandangan ini perlu diurus dan dikawal supaya tidak memberi impak negatif kepada kesejahteraan Kuala Lumpur.

Kawasan yang menjadi tumpuan gelandangan adalah di sekitar:

1. Jalan Tuanku Abdul Rahman;
2. Jalan Tiong Nam (Chow Kit);
3. Masjid Jamek;
4. Masjid Negara;
5. Menara Maybank;
6. Mydin Kotaraya;
7. Pasar Seni (Central Market);
8. Dataran Merdeka;
9. Jalan Masjid India; dan
10. Jalan Silang.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, program dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-3.1.



Lokasi: Anjung Singgah, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur

Anjung Singgah merupakan kemudahan yang disediakan untuk golongan gelandang di Kuala Lumpur.

CP 2 - 3.1 KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 2-3.1A

MEMUDAHCARA PENYEDIAAN PUSAT TRANSIT GELANDANGAN

Penyediaan Pusat Transit Gelandangan ini merupakan kemudahan tempat tinggal sementara yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti katil, tandas, bilik mandi, surau dan ruang makan.

Pusat transit gelandangan telah disediakan di tiga (3) lokasi berikut:

1. Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (Jalan Pahang);
2. Pusat Khidmat Gelandangan (Jalan Medan Tuanku); dan
3. Anjung Singgah (Jalan Hang Lekiu).

Langkah yang dicadangkan untuk menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tapak atau bangunan bersesuaian untuk penempatan transit gelandangan;
2. Menentukan klasifikasi guna tanah yang bersesuaian untuk penempatan transit gelandangan; dan
3. Memberi bantuan logistik dan pengoperasian kepada agensi yang terlibat.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-3.1B

MEMBANGUNKAN PUSAT TRANSFORMASI GELANDANGAN

Pusat Transformasi Gelandangan merupakan satu inisiatif JWP dan DBKL dalam menyediakan tempat tinggal sementara serta memberi latihan kemahiran kepada gelandangan. Pembangunan pusat transformasi ini dapat membantu golongan gelandangan ke arah kehidupan yang lebih positif. Program yang sedang dilaksanakan pada masa kini dikenali sebagai *Hijrah Warrior*.

Anjung Kelana merupakan salah satu pusat transformasi gelandangan sedia ada di Taman Danau Desa. Pusat transformasi tersebut memberi latihan dan bimbingan dalam melaksanakan projek kebun bandar, latihan pengurusan perniagaan dan kemahiran yang bersesuaian. Latihan tersebut sebagai persediaan golongan untuk hidup berdikari.

Cadangan untuk membangunkan Pusat Transformasi Gelandangan di kawasan lain boleh juga dilaksanakan di bangunan perdagangan dan industri yang bersesuaian.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-3.1C

MEMUDAHCARA PENYEDIAAN PUSAT SEMENTARA GELANDANGAN (PSG)

Penularan wabak COVID-19 di Kuala Lumpur telah menyebabkan beberapa Pusat Komuniti dan Dewan Serba Guna sedia ada ditukar guna fungsinya menjadi Pusat Sementara Gelandangan (PSG).

PSG dapat memberi penempatan sementara terhadap golongan ini yang semakin bertambah berikutan penularan wabak tersebut. Sekiranya berlaku pandemik, krisis atau bencana di masa hadapan, pendekatan PSG ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama agensi berkaitan.

Sepuluh (10) PSG yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. PSG Sentul Perdana;
2. PSG Ampang Hilir;
3. PSG Desa Tasik;
4. PSG Setiawangsa;
5. PSG Bukit Bandaraya;
6. PSG Seri Delima;
7. PSG Alam Damai;
8. PSG Bukit Damansara;
9. PSG PT80; dan
10. PSG Melati Impian.



Lokasi: Anjung Kelana, Taman Danau Desa
Sumber: Facebook Wilayahku

Latihan pengurusan projek kebun bandar yang dilaksanakan di Anjung Kelana.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 2-4: MENAMBAH BAIK KAWASAN KEDIAMAN STABIL YANG LAMA

SENARIO KEDIAMAN STABIL DI KUALA LUMPUR

Trend pembangunan di Kuala Lumpur telah menyebabkan kawasan kediaman stabil sedia ada mengalami tekanan pembangunan yang berterusan. Kawasan kediaman stabil yang lama di Kuala Lumpur merujuk kepada perumahan bertanah dan strata bertanah yang telah berusia melebihi 30 tahun serta mengalami perubahan dari segi profil penduduk. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan di kawasan ini kebanyakannya telah usang dan perlu diperbaharui atau dinaik taraf dengan mengambil kira keperluan semasa penduduk.

Draf PTKL2040 telah mengkelaskan kawasan perumahan ini sebagai Zon Guna Tanah Kediaman Stabil (EH). Antara kawasan yang terlibat adalah Taman OUG, Bukit Jalil, Taman Connaught, Alam Damai, Batu Muda, Kepong, Bandar Menjalara, Segambut Jaya, Bukit Damansara, Seputeh, Bangsar, Taman Desa dan Sri Petaling.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penambahbaikan kawasan kediaman stabil yang lama, terdapat satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 2-4 seperti di Rajah 2.4.1.



Lokasi: Flat Seri Selangor

Kawasan kediaman yang dicadangkan untuk Program Penjanaan Semula.

INFO RINGKAS

DEFINISI KEDIAMAN STABIL

Kawasan kediaman stabil adalah kawasan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan perumahan berkepadatan rendah yang masih baharu atau kawasan perumahan bertanah yang dijangka kekal sehingga 2040, iaitu sepanjang tempoh pemakaian pelan ini. Kediaman stabil ini adalah merujuk kepada sesebuah, berkembar, teres atau strata bertanah. Penambahbaikan akan dilaksanakan dari aspek infrastruktur, kemudahan dan persekitaran kawasan.

Sumber: Olahan dari PSKL2040

Rajah 2.4.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-4


SP 2-4	MENAMBAH BAIK KAWASAN KEDIAMAN STABIL YANG LAMA

CP 2-4.1	Penjanaan Semula Kawasan Perumahan Lama



Lokasi: Kepong, Kuala Lumpur
Sumber: *https://www.shutterstock.com/RoslanR*

Pemandangan kawasan kediaman stabil di sebahagian Kuala Lumpur.



Kawasan Penjanaan Semula

1. Taman Sejahtera Segambut
2. Pangsapuri Sentul Utara
3. Pangsapuri Danau Kota
4. Sri Bandar Apartmen
5. Bangsar Utama
6. Flat Bangsar
7. Marble Jade Mansion, Brickfields
8. Flat Bukit Petaling
9. Flat Seri Selangor
10. Flat Taman Miharja
11. Pangsapuri Indah Mas
12. Apartmen Sri Shamelin
13. Pangsapuri Midah Ria
14. Pangsapuri Jasmine

RAJAH 2.4.2 | Pelan Cadangan Kawasan Penjanaan Semula

Petunjuk :

- Kawasan Penjanaan Semula

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-4.1: PENJANAAN SEMULA KAWASAN PERUMAHAN LAMA

Program penjanaan semula akan melibatkan Program Penambahbaikan Kawasan (PPK) di kawasan perumahan lama yang telah dikenal pasti dalam PSKL2040. PPK akan dilaksanakan melalui kerja pengindahan serta penambahbaikan kawasan dan bangunan. PPK tidak melibatkan sebarang perobohan dan pembinaan baharu di lokasi yang telah dikenal pasti. Secara fizikalnya, kawasan perumahan ini memerlukan penambahbaikan untuk memperbaiki struktur bangunan sedia ada, tahap infrastruktur dan kemudahan setempat.

Pelaksanaan PPK ini turut akan melibatkan pihak swasta dan pemilik premis menerusi tanggungjawab secara kolektif bagi memastikan kawasan mereka terus berdaya maju. Sumber kewangan bagi pelaksanaan PPK adalah melalui pembiayaan serta sumbangan badan korporat, pihak berkepentingan dan pihak kerajaan.

PPK bagi kawasan kediaman stabil dan bertingkat merupakan program naik taraf aktiviti dan kualiti perbandaran. PPK akan mengaktifkan dan meningkatkan kualiti kawasan kediaman yang lama dan usang di seluruh Kuala Lumpur. Ia perlu dijalankan secara komprehensif dan inklusif antara DBKL dengan penglibatan semua pemilik kediaman.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, program dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-4.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-4.1A

MELAKSANAKAN PENJANAAN SEMULA KAWASAN PERUMAHAN LAMA BERTINGKAT

Inisiatif penjanaan semula menerusi PPK dapat meningkatkan kualiti rupa bentuk dan imej bandar dengan menambah baik nilai visual kawasan dengan elemen baharu yang sesuai dengan persekitarannya.

PPK juga dapat mewujudkan semula elemen bandar berdaya huni di kawasan perumahan lama melalui langkah pelaksanaan yang sesuai seperti di Jadual 2.4.1 untuk warga Kuala Lumpur tinggal, bekerja, bersosial, beribadat dan beriadah.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 14 kawasan yang berpotensi sesuai untuk program penjanaan semula adalah seperti berikut:

1. Taman Sejahtera Segambut;
2. Pangsapuri Sentul Utara;
3. Pangsapuri Danau Kota;
4. Apartmen Sri Bandar;
5. Bangsar Utama;
6. Flat Bangsar;
7. Marble Jade Mansion;
8. Flat Bukit Petaling;
9. Flat Seri Selangor;
10. Flat Taman Miharja;
11. Pangsapuri Indah Mas;
12. Apartmen Sri Shamelin;
13. Pangsapuri Midah Ria; dan
14. Pangsapuri Jasmine.

Kawasan lain yang bersesuaian juga boleh dipertimbangkan untuk melaksanakan program penjanaan semula. Program Penjanaan semula kawasan perumahan lama boleh juga dilaksanakan sebelum program pembangunan semula dijalankan.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-4.1B

MELAKSANAKAN PENJANAAN SEMULA KAWASAN KEDIAMAN STABIL YANG LAMA

Terdapat sebahagian kawasan kediaman stabil yang lama, tidak lagi berupaya untuk menampung keperluan dan trend masa kini bagi kemudahan masyarakat dan infrastruktur sediada. Program penjanaan semula kawasan kediaman stabil yang lama sesuai dilaksanakan untuk memenuhi keperluan penduduk di kawasan tersebut. Pelaksanaan PPK hendaklah mengambil kira kesesuaian lokasi, keadaan fizikal dan daya tampung infrastruktur serta kemudahan mengikut profil dan keperluan penduduk semasa.








Pendekatan pelaksanaan PPK bagi kawasan perumahan lama stabil adalah seperti di Jadual 2.4.1.

Jadual 2.4.1:
Langkah Pelaksanaan Program Penjanaan Semula di Kawasan Kediaman Stabil yang Lama

Langkah Pelaksanaan
1. Menaik taraf ruang awam oleh DBKL di kawasan penjanaan semula melibatkan komponen berikut: a. Perabot jalan; b. Landskap; c. Infrastruktur dan kemudahan masyarakat; d. Pejalan kaki; e. Laluan basikal; dan f. Lain-lain komponen berkaitan
2. Kerja-kerja pengindahan dan penambahbaikan serta pemulihan kawasan termasuk bangunan, kemudahan dan landskap.
3. Menyediakan bantuan dan kemudahan logistik bagi pelaksanaan PPK.
4. Melaksanakan program *Community Improvement Districts* (CIDs).
5. Mengalakkan Konsep *Crime Prevention Through Enviromental Design* (CPTED).
6. Menerapkan Konsep Bangunan Hijau dan Bandar Rendah Karbon bagi mengurangkan kos penyelenggaraan.

Sumber: Olahan dari Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur, 2021

Jadual 2.4.2:
Cadangan Kawasan Penjanaan Semula

Kawasan (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan (hektar)	Pelan Sisip
1. Taman Sejahtera Segambut 12.37 hektar		8. Flat Bukit Petaling 0.55 hektar	
2. Pangsapuri Sentul Utara 1.37 hektar		9. Flat Seri Selangor 3.05 hektar	
3. Pangsapuri Danau Kota 4.52 hektar		10. Flat Taman Miharja 4.39 hektar	
4. Apartmen Sri Bandar 1.22 hektar		11. Pangsapuri Indah Mas 1.24 hektar	
5. Bangsar Utama 0.64 hektar		12. Apartmen Sri Shamelin 0.55 hektar	
6. Flat Bangsar 0.95 hektar		13. Pangsapuri Midah Ria 0.42 hektar	
7. Marble Jade Mansion, Brickfields 0.31 hektar		14. Pangsapuri Jasmine 0.40 hektar	

STRATEGI PERANCANGAN

SP 2-5: MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, BERKUALITI DAN BERSEPADU

SENARIO PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DI KUALA LUMPUR

Penyediaan kemudahan masyarakat merupakan perkara penting dalam memenuhi keperluan sosial penduduk setempat. Pada masa kini terdapat enam (6) kategori kemudahan masyarakat yang disediakan seperti berikut:

1. Kemudahan Pendidikan;
2. Kemudahan Kesihatan;
3. Kemudahan Keselamatan;
4. Kemudahan Keagamaan;
5. Kemudahan Komuniti Awam; dan
6. Kemudahan Perkuburan.

Kemudahan masyarakat sedia ada di Kuala Lumpur perlu ditambah bilangan, dinaik taraf dan ditingkatkan kualitinya bagi menampung pertambahan penduduk. Kebanyakan kemudahan masyarakat sedia ada yang berada dalam kawasan kejiranan adalah berbentuk bangunan *free standing* dan tidak terletak secara berpusat. Penyediaan kemudahan masyarakat secara tidak berpusat dengan jarak lokasi yang tidak selesa menyebabkan kemudahan tersebut kurang digunakan. Terdapat juga kemudahan masyarakat yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk semasa seperti klinik, tadika dan sekolah.

Terdapat kemudahan masyarakat sedia ada kurang digunakan apabila profil penduduk berubah seperti kemudahan tadika di kawasan yang didominasi oleh penduduk warga emas. Lokasi sesuatu kemudahan juga didapati tidak sesuai akibat perubahan pembangunan dan kesesakan lalu lintas.

Cabaran penyediaan kemudahan baharu di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:


1. Kekurangan tanah yang menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak mencukupi;
2. Lokasi yang terletak jauh dari kawasan kejiranan;
3. Tapak kemudahan masyarakat yang masih kosong ditukarguna untuk kegunaan yang lain seperti perumahan;
4. Tidak memenuhi keperluan dan kehendak penduduk setempat; dan
5. Kepesatan teknologi dan perubahan gaya hidup masyarakat.

Penyediaan kemudahan masyarakat hendaklah menggunakan pendekatan baharu yang bersepadu, pelbagai guna dan boleh dibangunkan secara berstrata. Lokasi kemudahan masyarakat tersebut hendaklah mudah di akses oleh orang awam dan berada dalam lingkungan jarak laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti. Garis panduan yang berkaitan perlu disediakan bagi menyokong penyediaan kemudahan masyarakat yang berkualiti dan mencukupi.

Demi merealisasikan penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi, berkualiti dan bersepadu di Kuala Lumpur, tiga (3) Cadangan Pelaksanaan yang telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 2-5 seperti di Rajah 2.5.1.

Rajah 2.5.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-5.

SP 2-5	**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG MENCUKUPI, BERKUALITI DAN BERSEPADU**
CP 2-5.1	Penyediaan Kemudahan Masyarakat Bersepadu dan Pelbagai Guna
CP 2-5.2	Penyediaan Kemudahan Pendidikan, Kesihatan dan Keselamatan yang Mencukupi, Berkualiti dan Mudah Akses
CP 2-5.3	Penyediaan Kemudahan Perkuburan yang Optimum dan Terurus



Cadangan Pembangunan Balai Bomba Baharu

1. Lot 44680, Bandar Menjalara
2. Lot 26905, Bandar Baru Sentul
3. Lot 37830, Taman Desa Petaling
4. Lot 7376, Taman Bukit Cheras
5. Lot 52520, Cheras Baru
6. Lot 42659, Alam Damai

Cadangan Pembangunan Kemudahan Kesihatan Baharu

1. Klinik Kesihatan Menjalara (Jenis 2) Lot 44681 dan 44682, Jalan 7/62A Klinik Kesihatan di Menjalara
2. Klinik Kesihatan Lembah Pantai (Jenis 2) dan Pejabat Kesihatan Jalan Pantai Sentral
3. Klinik Kesihatan Cochrane (Jenis 2) Jalan Cochrane
4. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Lot 42785, Persiaran Alam Damai
5. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Lot 28160, Wangsamaju

Cadangan Pembangunan Balai Polis Baharu

1. Lot 80918, Dutamas
2. Rezab Balai Polis, Jalan Ayer Jerneh
3. Lot 43274, Desa Aman

Cadangan Pembangunan Sekolah Baharu

1. Lot 56821, Kampung Selayang
2. Lot 67071, Taman Aman Putra, Jinjang
3. Lot81062, Batu Muda
4. Lot67586, Batu Muda
5. Lot 29372, Taman Melati
6. Lot 30084, Jalan Melati Kuara 1
7. Lot 3539, Bukit Dinding
8. Rizab Sekolah, Pintasan Segambut
9. Lot 61955, Persiaran Residen, Desa Park City
10. Lot 62181, Jalan Residen Utama, Menjalara, Jalan Residen Utama
11. Lot 58752, Jalan Desa Kiara
12. Lot 38346, Kampung Baru Salak Selatan
13. Rizab Sekolah, Jalan Gempita 3, Taman Salak Selatan
14. Lot 42853, Alam Damai
15. Lot 7199, Taman Bukit Cheras
16. Lot 34969, Taman Sri Endah
17. Lot 39504, Jalan Tasik 10, Sungai Besi (Grove Lakes Field)
18. Lot 38470 Bukit Jalil
19. Lot 38471 Bukit Jalil
20. Lot 45767, Jalan Impian Indah, Bukit Jalil

Cadangan Tapak Perkuburan Islam Baharu

1. Lot 30022, Kampung Puah Seberang
2. Sebahagian Lot 160 dan 161, Bukit Kiara
3. Lot 101968 dan 45585, Bukit Jalil

RAJAH 2.5.2 | Pelan Cadangan Kemudahan Masyarakat di Kuala Lumpur

Petunjuk :

- ○ Kemudahan Masyarakat Awam (PF1)
- ● Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE)

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-5.1: PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT BERSEPADU, PELBAGAI GUNA DAN PERKONGSIAN RUANG

Taburan penyediaan kemudahan masyarakat perlu diperluaskan daripada aspek bilangan dan lokasi yang bersesuaian agar mencukupi serta mudah diakses oleh penduduk setempat. Pembangunan baharu termasuk pembangunan semula perlu mengambil kira pertambahan penduduk, lokasi kemudahan yang berhampiran dan aksesibiliti yang baik dalam menentukan keperluan dan taburan kemudahan masyarakat dalam pembangunan dan kawasan sekitarnya.

Konsep penyediaan kemudahan masyarakat secara bersepadu, guna sama dan perkongsian ruang dalam pembangunan sedia ada dan terancang boleh mengoptimumkan penggunaan tanah. Peletakan kemudahan secara berpusat, guna sama ruang dan berstrata mampu memudahkan capaian kemudahan kepada penduduk. Perancangan bagi pembangunan kemudahan masyarakat sehingga tahun 2040 adalah berdasarkan kepada ketersediaan dan keupayaan kemudahan sedia ada serta tambahan komponen pembangunan yang berasaskan mendiami.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-5.1.



Lokasi: Kompleks Komuniti Muhibbah di Seputeh.



Lokasi: Kompleks Komuniti Muhibbah di Seputeh.

Kompleks Komuniti Muhibbah mengintegrasikan dewan komuniti, klinik kesihatan, tadika dan pusat aktiviti warga emas.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.1A

MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT SECARA BERSEPADU BAGI PEMBANGUNAN SEMULA PERUMAHAN AWAM (PA)

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti sebanyak 13 kawasan PA yang akan dibangunkan semula. Pembangunan semula ini akan meningkatkan jumlah unit perumahan dan memberi peluang kepada penyediaan kemudahan masyarakat baharu yang mencukupi, berpusat dan pelbagai guna.

Pembangunan semula PA perlu memastikan kemudahan masyarakat sedia ada dikekalkan. Penambahan daripada segi bilangan dan kapasiti kemudahan masyarakat baharu perlu memenuhi keperluan masa hadapan.

Kemudahan masyarakat sedia ada yang perlu dikekalkan dan ditambah baik selaras dengan keperluan pembangunan semula yang dicadangkan adalah seperti di Jadual 2.5.1.

Perancangan dan pembangunan bagi kemudahan masyarakat ini hendaklah mengambil kira elemen selamat dan mesra kepada semua golongan masyarakat terutama dari aspek kemudahsampaian, keselamatan dan keselesaan.

Jadual 2.5.1:
Kemudahan Masyarakat Sedia Ada Yang Perlu Dikekalkan dan Ditambah Baik

Perumahan Awam yang Terlibat Dengan Pembangunan Semula	Kemudahan Masyarakat Sedia Ada												
	Madrasah	Pra Sekolah	Pusat Sumber	Pusat Internet	Surau (S) / Tokong (T) / Kuil (K)	Pondok Polis	Dewan Serba guna / Balai Raya	Pusat Komuniti	Pusat Warga Emas	Klinik Komuniti	Pusat Pemulihan Komuniti	Gelanggang / Taman Permainan	Ruang Niaga
1. PA Seri Tioman		✓		✓	S		✓					✓	
2. PA Seri Langkawi	✓	✓					✓					✓	✓
3. PA Setapak Jaya 1							✓					✓	
4. PA Seri Kelantan	✓	✓			S					✓		✓	✓
5. PA Bandar Baru Sentul													
6. PA Seri Negeri Sembilan		✓						✓				✓	
7. PA Seri Perak	✓	✓					✓				✓	✓	
8. PA Seri Perlis 2		✓			S		✓	✓	✓				✓
9. PA Seri Perlis 1					S		✓					✓	
10. PA Hang Tuah					T K								✓
11. PA Loke Yew							✓						✓
12. PA Seri Sarawak		✓	✓	✓	S								✓
13. PA Seri Selangor		✓				✓		✓				✓	✓

INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.1B

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN MASYARAKAT BERINTEGRASI DALAM PEMBANGUNAN BERSTRATA

Penyediaan kemudahan masyarakat dalam pembangunan berstrata perlu bersepadu dan berpusat di bawah satu (1) bumbung. Konsep ini melibatkan penyediaan ruang khas untuk kemudahan masyarakat yang boleh diakses oleh orang awam atau terhad kepada penghuni dalam pembangunan berstrata tersebut.

Pendekatan ini dapat mengoptimumkan penggunaan tanah, mengintegrasikan aktiviti masyarakat dan urus tadbir pengurusan kemudahan masyarakat yang cekap dalam pembangunan berstrata.

Draf PTKL2040 mencadangkan penyediaan kemudahan masyarakat dalam pembangunan berstrata yang melibatkan tiga (3) bentuk pelaksanaan seperti berikut:

1. Kemudahan masyarakat dalam satu bangunan;
2. Kemudahan masyarakat diintegrasi dengan komponen perumahan dan perdagangan; dan
3. Kemudahan masyarakat diintegrasi dengan kemudahan lain yang bersesuaian.

Kemudahan masyarakat yang disediakan perlu mematuhi Garis Panduan Perancangan DBKL yang telah ditetapkan. Kemudahan masyarakat yang dicadangkan adalah seperti:

1. Dewan Serba Guna;
2. Surau dan Kemudahan Keagamaan Lain;
3. Tadika dan Taska;
4. Ruang Penjaja atau Medan Selera;
5. Pusat Warga Emas;
6. Klinik Komuniti;
7. Pondok Polis;
8. Perpustakaan Komuniti atau Pusat IT; dan
9. Pusat Kitar Semula.

INFO RINGKAS

PENGINTEGRASIAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN BERSTRATA



Gambaran pengintegrasian kemudahan masyarakat dalam pembangunan berstrata.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-5.2: PENYEDIAAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN, KESIHATAN DAN KESELAMATAN YANG MENCUKUPI, BERKUALITI DAN MUDAH AKSES

Penyediaan kemudahan pendidikan yang mencukupi, berkualiti dan bersepadu merupakan kemudahan masyarakat yang penting dalam memastikan ia mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat sejajar dengan pertambahan penduduk menjelang tahun 2040.

Kemudahan kesihatan di Kuala Lumpur perlu dipertingkatkan menjelang tahun 2040 bagi menampung pertumbuhan penduduk agar perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dapat disampaikan dan meningkatkan kesejahteraan penduduk setempat.


Penambahbaikan kemudahan keselamatan di Kuala Lumpur juga perlu diberi keutamaan. Kawalan keselamatan dan tahap penyampaian perkhidmatan ini perlu diberikan dengan pantas dan baik kepada masyarakat bagi memastikan persekitaran kehidupan yang selamat dapat dicapai selaras dengan Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (CPTED).

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-5.2.



Sumber: https://www.planmalaysia.gov.my/

Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat disediakan dalam memastikan persekitaran kehidupan yang selesa.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.2A

MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Pendidikan awal merangkumi kemudahan pendidikan khususnya tadika dan taska dalam menyediakan asas pembelajaran khususnya kepada kanak-kanak. Tadika ditakrifkan sebagai pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak berumur antara empat (4) hingga enam (6) tahun. Taska pula didefinisikan sebagai premis yang menerima masuk empat (4) kanak-kanak atau lebih yang berumur kurang dari empat (4) tahun untuk dijaga dengan upah.

Tadika dan Taska akan disediakan di kawasan perumahan mampu milik, pusat komuniti, bangunan lot kedai dan pejabat kerajaan bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian kepada kemudahan ini.

Penyediaan tadika dan taska mengikut Garis Panduan Perancangan DBKL adalah penting bagi memastikan kemudahan tersebut dapat disediakan dengan efektif, selesa dan terjamin tahap keselamatan kanak-kanak.

Terdapat dua (2) bentuk penyediaan kemudahan pendidikan awal kanak-kanak seperti berikut:

1. Penyediaan tadika dan taska di kawasan kediaman; dan
2. Penyediaan tadika dan taska di bangunan pejabat, perdagangan dan institusi yang berintegrasi

Langkah yang dicadangkan untuk menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 2.5.2.



Pendidikan awal kanak-kanak berkonsepkan *playschool*.

Jadual 2.5.2:
Kriteria Penyediaan Kemudahan Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Jenis Kemudahan	Kriteria Penyediaan
1. Penyediaan tadika dan taska di kawasan kediaman	1. Rumah banglo lot sudut. 2. Rumah banglo lot tengah boleh dipertimbangkan sekiranya: • Jalan keluar masuk ke lot berkenaan adalah dari jalan susur dan tidak terus dari jalan utama • Mempunyai keluasan lot yang cukup besar dengan kelebaran bukaan (*frontage*) tidak kurang 60 kaki. 3. Rumah berkembar lot sudut. 4. Rumah teres lot sudut. 5. Rumah pangsa/pangsapuri/ pangsapuri servis/SOHO (dengan syarat ruang tersebut bukan unit kediaman). 6. Had Ketinggian sehingga tingkat 2
2. Penyediaan tadika dan taska di bangunan bukan kediaman (*free standing building*)	1. Bangunan kompleks membeli belah 2. Bangunan pejabat 3. Bangunan masjid/surau/madrasah/ rumah ibadat bukan Islam.* 4. Bangunan Institusi. * 5. Bangunan dewan orang ramai/ dewan serba guna. 6. Bangunan khusus dalam kawasan industri 7. Had Ketinggian sehingga tingkat 5 *Kelulusan perancangan berasingan tidak diperlukan bagi menjalankan Tadika memandangkan aktiviti ini adalah aktiviti sokongan *(ancillary)* kepada kegunaan keagamaan/institusi.
3. Penyediaan tadika dan taska di kedai pejabat atau rumah kedai	1. Dibenarkan di zon guna tanah berikut: • Zon Guna Tanah Perdagangan • Zon Guna Tanah Perdagangan Tempatan 2. Menyediakan tangga keselamatan kedua dalam sempadan lot. 3. Menyediakan dua (2) petak tempat letak kereta khusus di hadapan premis untuk tujuan menurun dan mengambil kanak-kanak. 4. Had Ketinggian sehingga tingkat 2

Sumber: Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika di WPKL (Edisi 2020)

INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.2B

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH YANG BERKUALITI

Penyediaan kemudahan pendidikan hendaklah berkualiti dan mudah akses kepada penduduk setempat. Selain itu, ia juga perlu disediakan mengikut kawasan tadahan dan berada dalam lingkungan jarak pejalan kaki.

Pertambahan penduduk menjelang tahun 2040 menunjukkan kumpulan umur penduduk yang bersekolah akan meningkat. Oleh itu, penyediaan kemudahan pendidikan sekolah rendah dan menengah perlu mencukupi dan berkualiti bagi menampung keperluan masa hadapan.

Draf PTKL2040 mencadangkan beberapa langkah dalam penyediaan kemudahan sekolah rendah dan menengah seperti berikut:

1. Menaik taraf dan menggalakkan pembangunan secara vertikal untuk meningkatkan kapasiti bilik darjah tanpa perluasan kawasan sekolah;
2. Menggalakkan pendekatan guna sama kemudahan sekolah bersebelahan seperti padang dan kemudahan yang bersesuaian;
3. Mengekalkan tapak yang telah dikhaskan untuk pembangunan sekolah dan masih belum dibangunkan sebagai keperluan tapak sekolah masa hadapan; dan
4. Menyediakan kemudahan sekolah bagi menampung keperluan penduduk baharu khususnya bagi tapak pembangunan semula yang berskala besar dan berintensiti tinggi.

Terdapat 20 tapak milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan rizab sekolah telah dikenal pasti dan dicadangkan untuk dibangunkan sebagai sekolah rendah dan menengah seperti di Rajah 2.5.2 dan Jadual 2.5.3.

INFO RINGKAS


KRITERIA LOKASI TAPAK KEMUDAHAN PENDIDIKAN

1. Berhampiran kawasan kediaman dan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, LRT dan sebagainya;
2. Berhampiran jalan sedia ada yang kurang lalu lintas seperti jalan pengumpul kecil;
3. Ketersediaan bekalan utiliti seperti bekalan air, elektrik dan sistem komunikasi; dan
4. Berjauhan dari kawasan industri, lapangan terbang, perlombongan, kuari dan lebuh raya.

Sumber: Olahan dari Kajian GPP Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia





Lokasi: St. John's Institution




Lokasi: SMK Danau Kota, Setapak

Penyediaan kemudahan pendidikan yang mencukupi dan berkualiti bagi menampung keperluan masa hadapan penduduk di Kuala Lumpur.

Jadual 2.5.3:
Cadangan Pembangunan Sekolah Baharu

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Lot 56821, Kampung Selayang 1.22 hektar		6. Lot 30084, Jalan Melati Kuarza 1 1.45 hektar	
2. Lot 67071, Taman Aman Putra, Jinjang 0.94 hektar		7. Lot 3539, Bukit Dinding 9.60 hektar	
3. Lot 81062, Batu Muda 2.65 hektar		8. Rizab Sekolah Pintasan Segambut 1.50 hektar	
4. Lot 67586, Batu Muda 3.74 hektar		9. Lot 61955, Persiaran Residen, Desa Park City 3.33 hektar	
5. Lot 29372, Taman Melati 1.23 hektar		10. Lot 62181, Jalan Residen Utama, Menjalara, Jalan Residen Utama 4.06 hektar	

Jadual 2.5.3:
Cadangan Pembangunan Sekolah Baharu (sambungan)

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
11. Lot 58752, Jalan Desa Kiara 0.83 hektar		16. Lot 34969, Taman Sri Endah 1.55 hektar	
12. Lot 38346, Kampung Baru Salak Selatan 5.35 hektar		17. Lot 39504, Jalan Tasik 10, Sungai Besi (Grove Lakes Field) 1.90 hektar	
13. Rizab Sekolah, Jalan Gempita 3, Taman Salak Selatan 1.20 hektar		18. Lot 38470, Bukit Jalil 1.67 hektar	
14. Lot 42853, Alam Damai 1.69 hektar		19. Lot 38471, Bukit Jalil 2.01 hektar	
15. Lot 7199, Taman Bukit Cheras 1.38 hektar		20. Lot 45767, Jalan Impian Indah, Bukit Jalil 2.75 hektar	

INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.2C

MENINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN KEMUDAHAN KESIHATAN

Perancangan kemudahan kesihatan adalah perlu bagi menyediakan perkhidmatan yang selesa serta mudah capai kepada masyarakat. Pembangunan kemudahan kesihatan yang mencukupi perlu berada di lokasi yang sesuai supaya dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh penduduk setempat dan menjana persekitaran kehidupan yang berkualiti.

Kawasan tadahan yang bersesuaian bagi klinik kesihatan termasuk klinik pergigian serta klinik kesihatan ibu dan anak adalah 0.8 kilometer hingga 1.6 kilometer dengan mengambil kira jarak pejalan kaki dan berbasikal mengikut Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia.



Penyediaan klinik kesihatan perlu menampung pertambahan bilangan pesakit dan tempoh menunggu yang panjang untuk mendapatkan rawatan seperti yang dibangkitkan oleh kebanyakan penduduk Kuala Lumpur. Pandemik COVID-19 dan pelbagai kemungkinan krisis kesihatan yang lain menjadikan penyediaan kemudahan kesihatan semakin penting dan perlu dirancang dengan menyeluruh.

Draf PTKL2040 mencadangkan beberapa langkah yang boleh dilaksanakan dalam penyediaan kemudahan kesihatan seperti berikut:

1. Melaksanakan penaiktarafan klinik kesihatan sedia ada bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada penduduk;
2. Mempercepatkan pembangunan klinik kesihatan baharu di atas tanah milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
3. Membangunkan klinik kesihatan di tapak pembangunan semula yang berskala besar;
4. Menwujudkan klinik komuniti di lokasi yang berpotensi dan bersesuaian; dan
5. Meningkatkan perkhidmatan klinik kesihatan awam dengan sokongan perkhidmatan yang disediakan oleh klinik swasta.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti dan mencadangkan lima (5) tapak milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dibangunkan sebagai klinik kesihatan seperti di Rajah 2.5.2 dan Jadual 2.5.4.

Jadual 2.5.4:
Cadangan Pembangunan Kemudahan Kesihatan Baharu

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Klinik Kesihatan Menjalara (Jenis 2) Lot 44681 dan 44682, Jalan 7/62A 0.83 hektar	
2. Klinik Kesihatan Lembah Pantai (Jenis 2) dan Pejabat Kesihatan Jalan Pantai Sentral 0.84 hektar	
3. Klinik Kesihatan Cochrane (Jenis 2) Jalan Cochrane 2.30 hektar	
4. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Lot 42785, Persiaran Alam Damai 0.46 hektar	
5. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Lot 28160, Wangsamaju 0.81 hektar	

INFO RINGKAS

JENIS KLINIK KESIHATAN

Klinik Kesihatan Jenis 1, 2 dan 3	1. Disediakan dalam kawasan Bandar Global atau Wilayah atau Negeri; 2. Jumlah tadahan penduduk adalah tertinggi iaitu 30,001 penduduk dan ke atas; dan 3. Anggaran kedatangan pesakit seharian adalah 301 pesakit dan ke atas.
Klinik Kesihatan Jenis 4 dan 5	1. Disediakan dalam kawasan Bandar Utama dan Tempatan; 2. Jumlah tadahan penduduk adalah sederhana iaitu 10,001 penduduk hingga 30,000 penduduk; dan 3. Anggaran kedatangan pesakit seharian adalah 101 hingga 300 pesakit.
Klinik Kesihatan Jenis 6 dan 7	1. Disediakan dalam kawasan Pekan dan Kampung; 2. Jumlah tadahan penduduk adalah terendah iaitu antara 5000 penduduk hingga ke 10,000 penduduk; dan 3. Anggaran kedatangan pesakit seharian adalah 51 hingga 100 pesakit.
Klinik Komuniti	1. Kemudahan kesihatan primer yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar dengan perkhidmatan pegawai perubatan dan farmasi bagi kawasan yang mempunyai tadahan penduduk kurang daripada 5,000 penduduk; dan 2. Penyediaan dalam bentuk lot rumah kedai.

Nota:
1. *Kesesuaian pelaksanaan tertakluk kepada penetapan oleh agensi di Kuala Lumpur*
2. *Garis panduan ini perlu dirujuk bersama dengan Garis Panduan Kementerian Kesihatan yang terbaru*

Sumber: GPP Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia

KLINIK KESIHATAN

Tapak klinik kesihatan dicadangkan oleh Draf PTKL2040

5 tapak

Radius kawasan tadahan bagi klinik kesihatan termasuk klinik pergigian serta klinik kesihatan ibu dan anak

0.8 km hingga 1.6 km



Lokasi: Klinik Kesihatan Kuala Lumpur

Klinik Kesihatan Kuala Lumpur yang dilengkapi dengan pelbagai jenis kemudahan kesihatan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.



Lokasi: Klinik Kesihatan Batu Muda

Klinik Kesihatan Batu Muda merupakan klinik kesihatan jenis dua (2) yang baharu dibina bagi menampung keperluan penduduk sekitar.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.2D

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KESELAMATAN YANG MENYELURUH

Kemudahan keselamatan perlu disediakan dengan mencukupi selaras dengan pertambahan penduduk menjelang tahun 2040. Penyediaan kemudahan keselamatan perlu dinaik taraf dan dipertingkatkan di lokasi yang bersesuaian bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

Penyediaan kemudahan keselamatan dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

1. Balai Bomba; dan
2. Balai Polis.

Pemilihan lokasi yang strategik terutama di kawasan petempatan utama adalah penting dalam mengawal keselamatan penduduk setempat. Jumlah anggota bomba dan polis juga perlu ditingkatkan untuk menambah baik kawalan keselamatan di Kuala Lumpur.

Draf PTKL2040 mencadangkan beberapa langkah yang boleh dilaksanakan dalam penyediaan kemudahan keselamatan seperti berikut:

1. Melaksanakan penaiktarafan balai bomba dan balai polis sedia ada bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kepada penduduk;
2. Mengekalkan dan membangunkan tapak yang telah dizonkan untuk kemudahan balai bomba dan balai polis; dan
3. Menyediakan kemudahan bomba komuniti, pondok polis dan bit polis bagi kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk rendah agar dapat membantu mengawal keselamatan setempat.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti beberapa tapak yang telah dikhas dan dizonkan sebagai rizab untuk cadangan balai bomba dan balai polis baharu seperti di Rajah 2.5.2, Jadual 2.5.5 dan Jadual 2.5.6.

INFO RINGKAS

KATEGORI BALAI BOMBA

Kategori A	1. Disediakan di bandar utama, ibu negeri, bandar wilayah, pusat perindustrian utama, pusat perindustrian berisiko tinggi, pusat perdagangan utama dan pusat strategik kerajaan; dan 2. Kemudahan ini perlu disediakan untuk penduduk tadahan seramai 100,000 orang.
Kategori B	1. Disediakan di kawasan bandar negeri, bandar utama kawasan pelabuhan, lapangan terbang utama serta sempadan utama negeri; dan 2. Jumlah minimum penduduk tadahan adalah seramai 50,000 hingga 100,000 orang.
Kategori C	1. Disediakan di kawasan bandar tempatan, bandar diraja, pulau, pergunungan peranginan, pekan dan daerah pentadbiran baharu; dan 2. Jumlah minimum penduduk tadahan adalah seramai 50,000 orang.

Sumber: GPP Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia

KATEGORI BALAI POLIS

Kategori A (Kawasan Bandar)	Diperlukan bagi setiap kawasan bandar raya atau bandar utama, kawasan sempadan antarabangsa, kawasan-kawasan perindustrian utama dan juga kawasan berjauhan dari IPD.
Kategori B (Kawasan Bandar)	Terletak di setiap pusat petempatan atau perumahan utama atau lingkungan bandar raya atau pinggiran bandar utama dengan penduduk melebihi 40,000 orang.
Kategori C (Kawasan Separa Bandar)	Disediakan di kawasan lingkungan bandar besar, pusat petempatan atau separa bandar dengan penduduk melebihi 30,000 orang.

Nota:
1. *Kesesuaian pelaksanaan tertakluk kepada penetapan oleh agensi di Kuala Lumpur*
2. *Garis panduan ini perlu dirujuk bersama dengan Garis Panduan Kementerian Dalam Negeri yang terbaru*

Sumber: GPP Kemudahan Masyarakat, PLANMalaysia




Lokasi: Balai Bomba dan Penyelamat Bukit Jalil



Lokasi: Balai Polis Sentul, Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Penyediaan kemudahan keselamatan seperti Balai Polis dan Balai Bomba bagi memastikan kesejahteraan warga kota Kuala Lumpur.

Jadual 2.5.5:
Cadangan Pembangunan Balai Bomba Baharu

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Lot 44680, Bandar Menjalara 0.41 hektar		4. Lot 7376, Taman Bukit Cheras 0.13 hektar	
2. Lot 26905, Bandar Baru Sentul 0.93 hektar		5. Lot 52520, Cheras Baru 0.22 hektar	
3. Lot 37830, Taman Desa Petaling 0.33 hektar		6. Lot 42659, Alam Damai 1.02 hektar	

Jadual 2.5.6:
Cadangan Pembangunan Balai Polis Baharu

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Lot 80918, Duta Mas 0.61 hektar		3. Lot 43274, Desa Aman, Cheras 0.18 hektar	
2. Rezab Balai Polis, Jalan Ayer Jerneh 0.99 hektar			

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-5.3: PENYEDIAAN KEMUDAHAN PERKUBURAN YANG OPTIMUM DAN TERURUS

Penyediaan kemudahan perkuburan di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040 perlu dipertingkatkan agar ia menjadi lebih terancang dan terurus serta memastikan penggunaan tanah perkuburan yang optimum.


Jadual 2.5.7 menunjukkan keluasan Zon Guna Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat.

Jadual 2.5.7:
Keluasan Zon Guna Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat Draf PTKL2040

Jenis Perkuburan	Keluasan (hektar)	Peratus
Islam	93.43	25.50
Cina	231.96	63.32
Hindu	6.21	1.70
Kristian	24.24	6.62
Lain-lain	10.50	2.86
Jumlah	**366.34**	**100.00**

Tanah Perkuburan Cina mencatatkan keluasan terbesar, iaitu seluas 231.96 hektar (63.32 peratus) diikuti dengan Perkuburan Islam seluas 93.43 hektar (25.50 peratus) seperti di Jadual 2.5.7.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-5.3.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.3A

MENAIK TARAF TANAH PERKUBURAN ISLAM (TPI) SEMASA BERKONSEPKAN RAUDHATUL SAKINAH

Tanah perkuburan Islam sedia ada perlu dinaik taraf menggunakan konsep Raudhatul Sakinah bagi meningkatkan kapasiti petak kubur dan pengindahan tanah perkuburan.

Konsep ini menekankan kepada susun atur petak kubur yang optimum dan sistematik. Di samping itu, pembersihan kawasan, penambahbaikan serta penyelenggaraan kemudahan awam, pencegahan pencerobohan dan reka bentuk kepuk kubur yang seragam boleh dilaksanakan.

Pengurusan tanah perkuburan juga boleh dipertingkatkan dengan penggunaan aplikasi e-pusara yang menyeluruh bagi semua tapak perkuburan Islam di Kuala Lumpur untuk memudahkan pengenalpastian kedudukan petak kubur.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 11 tanah perkuburan Islam sedia ada yang perlu dinaik taraf seperti di Jadual 2.5.8.

INFO RINGKAS

KONSEP TANAH PERKUBURAN RAUDHATUL SAKINAH



Contoh laman web e-Pusara dalam Sistem Pengurusan Tanah Perkuburan



Sumber: http://www.epusara.jawi.gov.my/epusara/webV5/index.php

Jadual 2.5.8:
Tanah Perkuburan Islam Sedia Ada yang Berpotensi Dinaik Taraf

Tanah Perkuburan Islam (TPI)
1. TPI Jalan Ampang;
2. TPI Kampung Puah;
3. TPI Bandar Tun Hussein Onn;
4. TPI Kampung Selayang Lama;
5. TPI Kampung Batu 5;
6. TPI Segambut Luar;
7. TPI Taman Sri Sinar;
8. TPI Jalan Ang Seng;
9. TPI Salak Selatan;
10. TPI Kampung Kerinchi; dan
11. TPI Jalan Kuari.

Sumber: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), 2021


Lokasi: TPI Raudhatul Sakinah KL - Karak

Tanah perkuburan Islam berkonsepkan Raudhatul Sakinah di TPI Raudhatul Sakinah KL-Karak.



Lokasi: TPI Raudhatul Sakinah KL - Karak

Penyediaan papan informasi untuk kemudahan pelawat.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.3B

MEMBANGUNKAN SEMULA TANAH PERKUBURAN ISLAM DAN BUKAN ISLAM

Tanah-tanah perkuburan Islam dan bukan Islam yang telah mencapai kapasiti dan terbiar, dicadang untuk dibangunkan semula. Pendekatan ini dapat meningkatkan penawaran terhadap petak kubur dan kemudahan yang diperlukan bagi tanah perkuburan di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040.

Inisiatif ini mencadangkan 30 peratus daripada kawasan tanah perkuburan tersebut dikekalkan sebagai kawasan penempatan semula perkuburan manakala 70 peratus lagi digunakan bagi menampung kapasiti baharu.

Cadangan ini perlu dikaji secara mendalam dengan mengambil kira fatwa atau kepercayaan agama, adat resam dan persetujuan pihak berkepentingan. Cadangan ini juga perlu mengambil kira persetujuan pertubuhan atau agensi yang mengawal selia tanah perkuburan tersebut.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.3C

MEMBANGUNKAN TANAH PERKUBURAN ISLAM YANG TELAH DIKHASKAN

Penyediaan tanah perkuburan bagi menampung keperluan masa akan datang melibatkan penetapan beberapa kawasan yang dikhaskan sebagai tanah perkuburan Islam.

Pembangunan tanah perkuburan yang dikhaskan ini perlu mengandungi komponen seperti berikut:


1. Lot perkuburan;
2. Pejabat pengurusan;
3. Tempat letak kenderaan;
4. Ruang meletakkan alatan atau perkakas bagi urusan pengebumian; dan
5. Pondok wakaf.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti tiga (3) tapak perkuburan Islam yang telah dikhaskan untuk dibangunkan menjelang 2040 seperti di Jadual 2.5.9.



Kawasan tanah perkuburan Islam yang telah dikhaskan mengikut garis panduan.

Jadual 2.5.9:
Cadangan Tapak Perkuburan Islam Baharu

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Lot 30022, Kampung Puah Seberang 6.23 hektar	
2. Sebahagian Lot 160 dan 161, Bukit Kiara 1.23 hektar	
3. Lot 101968 dan 45585, Bukit Jalil 10.50 hektar	

INISIATIF PELAKSANAAN 2-5.3D

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KREMATORIUM (PEMBAKARAN MAYAT) DAN KOLUMBARIUM (PENYIMPANAN ABU MAYAT)

Upacara pembakaran mayat telah diamalkan oleh penganut Bukan Islam bagi tujuan pengebumian. Abu mayat akan disimpan dalam bekas khas dan ditempatkan dalam kolumbarium bergantung kepada keperluan agama serta individu.

Cadangan penyediaan krematorium boleh dipertimbangkan dan dilaksanakan oleh pihak swasta bagi menampung permintaan penduduk bukan beragama Islam.

Kemudahan ini dicadangkan di kawasan yang sesuai seperti di kawasan tanah perkuburan bukan Islam sedia ada dan selaras dengan kelas kegunaan tanah yang ditetapkan. Penyediaan kemudahan ini haruslah mengikut piawaian yang digunapakai agar tidak menimbulkan isu sosial dan alam sekitar. Penyediaan bangunan krematorium perlu mempunyai kemudahan seperti:

1. Keperluan pengudaraan;
2. Tempat menyimpan bahan bakar;
3. Ruang pembakaran mayat;
4. Ruang penyimpanan dan penerimaan abu mayat;
5. Kemudahan sokongan untuk ahli keluarga dan pengunjung;
6. Bilik pekerja;
7. Rizab landskap; dan
8. Penyediaan tempat letak kenderaan.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 2-6: MENYEDIAKAN KEMUDAHAN AWAM DAN HAB KOMUNITI YANG BERSEPADU

SENARIO PENYEDIAAN HAB KOMUNITI DAN KEMUDAHAN AWAM DI KUALA LUMPUR

Hab komuniti adalah sebuah pusat yang menawarkan ruang interaksi sosial, aktiviti pendidikan dan program kemasyarakatan dalam kalangan komuniti setempat.


Dewan serba guna merupakan antara kemudahan awam yang paling banyak disediakan terutama bagi kawasan berdensiti tinggi. Data pada tahun 2020 menunjukkan Kuala Lumpur mempunyai sebanyak 81 dewan serba guna seperti di Rajah 2.6.2.

Manakala sebanyak 16 dewan serba guna sedia ada dicadang dinaik taraf atau digunakan semula sebagai hab komuniti yang membolehkan masyarakat menjalankan perbincangan dan melaksanakan program pembangunan sosial tempatan.

Demi merealisasikan penyediaan hab komuniti yang berkualiti dan bersepadu di Kuala Lumpur, satu (1) Cadangan Pelaksanaan yang telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 2-6 seperti di Rajah 2.6.1.

Rajah 2.6.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 2-6.

SP 2-6	**MENYEDIAKAN KEMUDAHAN AWAM DAN HAB KOMUNITI YANG BERSEPADU**
CP 2-6.1	Penyediaan Hab Komuniti dan Perpustakaan Awam di Kawasan Kejiranan



Lokasi: Pusat Komuniti PPR Pinggiran Bukit Jalil 1




Lokasi: Pusat Komuniti PPR Pinggiran Bukit Jalil 2

Penyediaan kemudahan hab komuniti pelbagai guna membolehkan penduduk setempat menjalankan pelbagai aktiviti.

Senarai Dewan Serbaguna Sedia Ada

1. Dewan Orang Ramai Indah Ria
2. Dewan Yayasan Kampung Melayu FRIM
3. Dewan Orang Ramai Kampung Melayu Kepong
4. Dewan Serbaguna Taman Intan Baiduri
5. Dewan Serbaguna Desa Bakti
6. Dewan Belia Desa Bakti
7. Dewan Taman Wilayah Selayang
8. Dewan Serbaguna Taman Seri Murni
9. Dewan Serbaguna Taman Beringin
10. Dewan Serbaguna PPR Taman Wahyu
11. Dewan Seri Budiman
12. Dewan Serbaguna Jinjang Utara
13. Dewan Dato' Azrat Gull
14. Dewan Orang Ramai Taman Batu Permai
15. Dewan Dato' Alex Lee
16. Dewan Serbaguna Taman Tasik Indah
17. Dewan Yayasan Warisan Batu
18. Dewan Komuniti Changkat Desa
19. Dewan Serbaguna Taman Rowther
20. Dewan Serbaguna Taman Pelangi
21. Dewan Serbaguna Taman Medan Idaman
22. Dewan Serbaguna Shazal Bistari
23. Dewan Serbaguna Taman Setapak Indah
24. Dewan Serbaguna Taman Melati
25. Dewan Persatuan Penduduk Seri Langkawi 2
26. Dewan Serbaguna Taman Melati
27. Dewan Serbaguna Flat Taman Melati
28. Dewan Serbaguna Taman Bunga Raya
29. Dewan Serbaguna Seksyen 4 Wangsa Maju
30. Dewan Serbaguna Seksyen 1 Wangsa Maju
31. Dewan Serbaguna DBKL Seksyen 1
32. Dewan Serbaguna Taman P. Ramlee
33. Dewan Serbaguna Taman Ayer Panas
34. Dewan Masyarakat Seri Bonus
35. Dewan Serbaguna Taman Setapak Jaya
36. Dewan Serbaguna Laman Bestari AU3
37. Dewan Serbaguna Desa Tun Hussin Onn
38. Dewan Serbaguna Taman Tasek Titiwangsa
39. Dewan Serbaguna Bandar Baru Sentul
40. Dewan Serbaguna Kampung Bharu
41. Dewan Sri Perdana Felda
42. Dewan Serbaguna Desa Setia Wira
43. Dewan Kampung Datuk Keramat
44. Dewan Perdana Keramat
45. Dewan Serbaguna Desa Pandan
46. Dewan Pandan Baiduri
47. Dewan Serbaguna PPR Taman Maluri
48. Dewan Sri Alam
49. Dewan Taman Ikan Emas
50. Dewan Serbaguna Taman Bukit Mewah
51. Dewan Serbaguna Kg Cheras Baru
52. Dewan Serbaguna Taman Segar
53. Dewan Masyarakat Taman Segar
54. Dewan Masyarakat Taman Midah
55. Dewan Serbaguna DBKL Bandar Tun Razak
56. Dewan Orang Ramai Damai Rasa
57. Dewan Serbaguna Alam Damai
58. Dewan Merdeka Cawangan Sungai Besi
59. Dewan Sri Petaling
60. Dewan Serbaguna Bandar Tasik Selatan
61. Dewan Serbaguna PPR Seri Malaysia
62. Dewan Orang Ramai Bukit Cheras
63. Dewan Masyarakat Kg. Baru Salak Selatan
64. Dewan Serbaguna Persatuan Penduduk Taman Salak Jaya
65. Dewan Orang Ramai Taman Salak Jaya
66. Dewan Serbaguna Taman Salak Jaya
67. Dewan Orang Ramai Kg Bharu Salak Selatan
68. Dewan Rukun Tetangga Taman Salak Selatan
69. Dewan Masyarakat Taman Gembira
70. Dewan Serbaguna Seri Endah
71. Dewan Serbaguna Apartmen Seri Rakyat
72. Dewan Mutiara Seputeh
73. Dewan Serbaguna Hartamas Heights
74. Dewan Serbaguna Prima Ria
75. Dewan Kampung Pasir Segambut Luar
76. Dewan Masyarakat Jalan 6/3D
77. Dewan Serbaguna Taman Petaling
78. Dewan Serbaguna Sri Helang
79. Dewan Serbaguna Desa Sri Mahkota
80. Dewan Taman Bukit Maluri
81. Dewan Persatuan Penduduk Sektor 62 Bandar



RAJAH 2.6.2 | Pelan Dewan Serba Guna Sedia Ada di Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Dewan Serbaguna Sedia Ada

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 2-6.1: PENYEDIAAN HAB KOMUNITI DAN PERPUSTAKAAN AWAM DI KAWASAN KEJIRANAN

Hab komuniti dan perpustakaan awam berperanan sebagai kemudahan yang menghubungkan individu, pertubuhan, kumpulan komuniti dan agensi kerajaan serta swasta bagi tujuan perkhidmatan, perbincangan, perkongsian, pembelajaran serta pelaksanaan program pembangunan sosial tempatan.

Penyediaan kemudahan ini juga menggalakkan interaksi dalam masyarakat yang akan membina komuniti yang lebih erat dan rasa pemilikan yang kuat di kawasan kejiranan mereka.

Penyediaan hab komuniti dan perpustakaan awam perlu dilaksanakan bagi menampung keperluan penduduk dalam sesuatu kawasan. Ia boleh disediakan melalui penaiktarafan dewan sedia ada dan perpustakaan di kawasan kejiranan dan kawasan pembangunan semula.

Penyediaan hab komuniti dan perpustakaan awam secara bersepadu dapat mengurangkan kos pembangunan infrastruktur dan penyelenggaraan yang mana ia boleh dikongsi bersama agensi berkaitan. Ia juga boleh meningkatkan keberkesanan penggunaan bangunan melalui pengubahsuaian dan perkongsian ruang secara bersepadu.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 2-6.1.



Lokasi: Pusat Komuniti PPR Pinggiran Bukit Jalil 2

Penyediaan hab komuniti untuk meningkatkan interaksi sosial penduduk di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 2-6.1A

MENYEDIAKAN HAB KOMUNITI DI KAWASAN KEJIRANAN

Dewan serba guna sedia ada berpotensi untuk dinaik taraf sebagai hab komuniti di Kuala Lumpur. Cadangan ini selaras dengan input dan maklum balas hasil dari kaji selidik secara dalam talian yang dijalankan bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan wakil Persatuan Penduduk.

16 dewan serba guna sedia ada dikenal pasti untuk dinaik taraf menjadi hab komuniti yang menggalakkan penglibatan aktif daripada penduduk setempat seperti berikut;

1. Dewan Serba Guna Kampung Melayu Kepong;
2. Dewan Serba Guna Taman Wilayah Selayang;
3. Dewan Serba Guna Taman Seri Murni;
4. Dewan Serba Guna Taman Melati;
5. Dewan Serba Guna Seri Wangsa 1;
6. Dewan Serba Guna DBKL, Cawangan Setiawangsa (Kondominium Sri Kinabalu);
7. Dewan Serba Guna Kampung Pasir, Segambut;
8. Dewan Serba Guna Sektor 62 Bandar Menjalara;
9. Dewan Serba Guna Taman Segambut SPPK;
10. Dewan Serba Guna Taman Makmur;
11. Dewan Serba Guna Kampung Bharu Salak Selatan;
12. Dewan Serba Guna Seri Endah;
13. Dewan Serba Guna Jinjang Utara;
14. Dewan Serba Guna Kampung Cheras Baru;
15. Dewan Serba Guna Bandar Tun Razak; dan
16. Dewan Serba Guna Taman Sungai Besi.

Draf PTKL2040 mengenal pasti 16 dewan serba guna sedia ada untuk dinaik taraf sebagai komuniti hab seperti di Jadual 2.6.1.

INFO RINGKAS

ELEMEN HAB KOMUNITI PELBAGAI GUNA

Sebanyak 11 elemen hab komuniti dikenal pasti iaitu:

1. Pusat teknologi maklumat (ICT);
2. Perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak;
3. Pusat sukan dan rekreasi;
4. Pusat bayaran setempat;
5. Mini perpustakaan/ Ruang membaca;
6. Perkhidmatan sokongan belia, keluarga dan ibu bapa;
7. Kafetaria;
8. Kebun kejiranan;
9. Pusat komuniti serba guna dan kawasan tumpuan untuk aktiviti komuniti dan keusahawanan;
10. Pusat kitar semula; dan
11. Rukun tetangga.



Ilustrasi konsep hab komuniti yang terdiri daripada 11 elemen untuk kemudahan penduduk setempat.

INISIATIF PELAKSANAAN 2-6.1B

MELAKSANAKAN KEMUDAHAN PERPUSTAKAAN AWAM MUDAH AKSES

Konsep perpustakaan awam mudah akses adalah penggunaan ruang dalam kemudahan masyarakat seperti masjid, surau, dewan serba guna, hab komuniti dan klinik kesihatan yang terletak di kawasan kejiranan.

Perpustakaan awam mudah akses bertujuan untuk menggalakan pengibatan komuniti menggunakan kemudahan bacaan secara digital atau konvensional.

Perpustakaan sedia ada di Kuala Lumpur dilengkapi dengan kemudahan perpustakaan yang interaktif seperti ruang bacaan, ruang pembelajaran dan ruang teknologi dan maklumat. Terdapat 14 lokasi perpustakaan sedia ada yang beroperasi secara guna sama ruang dalam bangunan kemudahan masyarakat atau bangunan berasingan seperti berikut:

1. Pustaka KL @ Bandar Baru Sentul;
2. Pustaka KL @ Setiawangsa;
3. Pustaka KL @ Lembah Pantai;
4. Pustaka KL @ Medan Idaman;
5. Pustaka KL @ Bandar Tun Razak;
6. Pustaka KL @ Gombak Setia;
7. Pustaka KL @ Sri Sabah;
8. Pustaka KL @ Desa Tun Razak;
9. Pustaka KL @ Sri Pantai;
10. Pustaka KL @ Muhibbah;
11. Pustaka KL @ Jelatek;
12. Pustaka KL @ Pudu Sentral;
13. Pustaka KL @ Taman Tun Dr Ismail; dan
14. Pustaka KL @ Keramat.

Langkah-langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan guna sama ruang dalam kemudahan masyarakat untuk tujuan perpustakaan seperti masjid, surau dan klinik kesihatan;
2. Menerapkan reka bentuk kondusif dan kreatif dalam penyediaan ruang bacaan dalam kemudahan masyarakat; dan
3. Menyediakan kemudahan teknologi maklumat dan digital secara komprehensif seperti kemudahan dan kelengkapan jalur lebar berkelajuan tinggi untuk kegunaan perpustakaan awam serta akses dalam bangunan kemudahan masyarakat.

AMALAN TERBAIK

PERPUSTAKAAN DIGITAL PULAU PINANG

Perpustakaan Digital Pulau Pinang – satu (1) inisiatif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Keysight Technologies dan Eastern dan Oriental Berhad (E&O) dan disokong oleh TIME yang bertujuan untuk mereka semula cara maklumat disusun dan digunakan dalam dunia yang dipacu digital hari ini dan mengembalikan Aspek "manusia" dalam kerjasama sosial.


Perpustakaan Digital Pulau Pinang berhasrat untuk mengubahnya dengan memanfaatkan pelbagai paparan maklumat yang interaktif bagi mendorong kandungan yang terkini tentang konsep dan revolusi teknologi kepada pengguna.

Perpustakaan Digital Pulau Pinang juga merupakan perpustakaan tanpa buku hanya bergantung kepada rangkaian berasaskan digital untuk mengakses pelbagai maklumat. Bahagian dalam bangunan ini juga dilengkapi dengan aliran cahaya matahari semula jadi yang baik dan landskap hijau untuk mewujudkan suasana kontemporari. Ruang ini dihubungkan dengan baik dengan kemudahan yang direka untuk menggalakkan perbincangan dan sesi perkongsian secara bersemuka.




Perpustakaan Digital Pulau Pinang

Jadual 2.6.1:
Cadangan Hab Komuniti di Kawasan Kejiranan

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Dewan Serba Guna Kampung Melayu Kepong Lot 59506, Jalan 2/1 0.42 hektar		7. Dewan Serba Guna Kampung Pasir, Segambut Lot 10370, Jalan Umbut 0.16 hektar	
2. Dewan Serba Guna Taman Wilayah Selayang Lot 55598, Jalan 19/2B 0.23 hektar		8. Dewan Serba Guna Sektor 62, Bandar Menjalara Lot 44690, Jalan 13/62 0.45 hektar	
3. Dewan Serba Guna Taman Seri Murni Lot 53990, Jalan 9/3A 0.41 hektar		9. Dewan Serba Guna Taman Segambut (SPPK) Lot 55267, Jalan Dutamas Raya 0.16 hektar	
4. Dewan Serba Guna Taman Melati Lot 25389, Jalan Taman Melati 6 0.31 hektar		10. Dewan Serba Guna Taman Makmur, Bandar Tun Razak Lot 52937, Jalan Ikhlas 2 0.19 hektar	
5. Dewan Serba Guna Seri Wangsa 1 Lot 30356, Jalan Seri Wangsa 1 0.20 hektar		11. Dewan Serba Guna Kampung Bharu Salak Selatan 0.22 hektar	
6. Dewan Serba Guna DBKL, Cawangan Setiawangsa Lot 28336, Jalan 4/27E 0.17 hektar		12. Dewan Serba Guna Seri Endah Lot 35077, Jalan 5/149B 0.09 hektar	

Jadual 2.6.1:
Cadangan Hab Komuniti di Kawasan Kejiranan (sambungan)

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
13. Dewan Serba Guna Jinjang Utara Lot 58068, Jalan Jinjang 0.27 hektar		15. Dewan Serba Guna Bandar Tun Razak Lot 51529, Lorong Mewah 11 0.56 hektar	
14. Dewan Serba Guna Kampung Cheras Baru Lot 51017, Jalan 22 0.41 hektar		16. Dewan Serba Guna Taman Sungai Besi Lot 49509, Jalan 1/108C 0.58 hektar	

RUMUSAN

MATLAMAT 2 : MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA INKLUSIF, SAKSAMA DAN BERDAYA HUNI

Pelbagai inisiatif dan pendekatan pelaksanaan telah dicadangkan supaya Matlamat 2 ke Arah menumpukan pembangunan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Inklusif, Saksama dan Berdaya Huni dapat direalisasikan.

Perancangan dan pelaksanaan Matlamat 2 Draf PTKL2040 mengambil kira SDGs, PSKL2040 dan lain-lain dasar pembangunan negara yang diperincikan melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan.

Strategi, inisiatif dan pendekatan pelaksanaan ini memberi penekanan kepada penawaran perumahan pelbagai pilihan bagi memenuhi keperluan penduduk, menyediakan perumahan mampu milik yang berkualiti dan kondusif, menangani keperluan gelandangan, menambah baik kawasan kediaman stabil yang lama serta menyediakan kemudahan hab komuniti yang bersepadu.

Jadual 2.1 menunjukkan rumusan bagi strategi perancangan dan cadangan pelaksanaan untuk Matlamat 2.

Jadual 2.1:
Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 2

Strategi Perancangan	Cadangan Pelaksanaan	Pendekatan Pelaksanaan				
		Projek	Polisi	Program	Kawalan Perancangan	Garis Panduan
SP 2-1	CP 2-1.1	1	1	1	1	1
SP 2-2	CP 2-2.1	1	1	-	1	1
	CP 2-2.2	1	1	1	1	-
SP 2-3	CP 2-3.1	-	1	1	-	1
SP 2-4	CP 2-4.1	1	1	1	-	1
SP 2-5	CP 2-5.1	-	1	-	1	1
	CP 2-5.2	1	-	-	1	1
	CP 2-5.3	1	-	-	1	1
SP 2-6	CP 2-6.1	-	1	-	1	1
JUMLAH KESELURUHAN		**6**	**7**	**4**	**7**	**8**

MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*

MATLAMAT 3





MATLAMAT 3

MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*

Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia dan pusat tumpuan utama negara. Perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur yang memfokus kepada pembangunan sosial yang sihat dan persekitaran mampan dapat membentuk kualiti hidup yang baik bagi penduduk.

Persekitaran bandar yang menarik perlu dirancang bagi menjamin suasana persekitaran kondusif untuk semua. Pembangunan Kuala Lumpur sebagai bandar raya hijau, sihat dan *vibrant* akan diperkukuhkan bagi memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan dan keperluan generasi masa hadapan.

Kriteria bandar raya hijau menekankan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumberjaya semula jadi, peningkatan kualiti alam sekitar, pengurangan impak aktiviti perbandaran ke atas alam sekitar, peningkatan persekitaran hijau menerusi penambahan tanah lapang yang berkesinambungan serta penglibatan komuniti melalui aktiviti dan program penghijauan bandar.

Kriteria bandar raya sihat pula menekankan perancangan persekitaran perbandaran yang menyeluruh, sistematik dan selamat, penyediaan kemudahan awam yang mempromosikan bandar raya sihat, penyediaan akses untuk semua lapisan masyarakat kepada kemudahan awam yang disediakan dan peningkatan gaya hidup melalui perancangan aktiviti sosial, fizikal dan budaya yang aktif.

Manakala, kriteria bandar raya *vibrant* meliputi penerapan nilai setempat (*genius-loci*) kepada konsep reka bentuk, penjenamaan semula imej, karakter dan identiti bandar raya Kuala Lumpur, pewujudan ruang tumpuan awam dengan kemudahan yang bersesuaian dan perancangan aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan.


Rajah 3.1 menyenaraikan kriteria utama yang perlu dilaksanakan sebagai fokus untuk memperkukuhkan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Hijau, Sihat dan *Vibrant*.

Rajah 3.1:
Kriteria Bandar Raya Hijau, Sihat dan *Vibrant*



PSKL2040
4 HALA TUJU STRATEGIK
12 TINDAKAN*
***Penyelarasan 1 Tindakan Melibatkan Matlamat 5 dan Matlamat 6**

RAJAH 3.2
RINGKASAN STRATEGI PERANCANGAN DAN CADANGAN PELAKSANAAN
MATLAMAT 3: MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*



Terdapat sembilan (9) Strategi Perancangan (SP), 22 Cadangan Pelaksanaan (CP) dan 46 Inisiatif Pelaksanaan (IP) yang dirangka selaras dengan PSKL2040 seperti yang diringkaskan dalam Rajah 3.2.

DRAF PTKL2040
9 STRATEGI PERANCANGAN
22 CADANGAN PELAKSANAAN

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-1: MENGURUS ASET BIODIVERSITI KUALA LUMPUR

SENARIO ASET BIODIVERSITI KUALA LUMPUR

Penawaran aset biodiversiti Kuala Lumpur yang menyumbang terhadap perkhidmatan ekosistem meliputi kawasan berhutan, litupan hijau, flora dan fauna, kawasan berbukit semula jadi dan badan air. Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK), tanah lapang serta lain-lain litupan hijau dijangka mempunyai keluasan 4,727.70 hektar menjelang tahun 2040.

Kawasan HSK di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula mempunyai keluasan 84.62 hektar daripada keluasan tersebut. Taman Hutan Bandar pula adalah terdiri daripada Taman Persekutuan Bukit Kiara, Hutan Rimba Bukit Kerinchi dan sebahagian Bukit Dinding yang berkeluasan 243.78 hektar.

Terdapat 43 kolam atau kawasan takungan banjir yang merupakan badan air yang perlu dikekalkan dan dipelihara. Draf PTKL2040 juga telah mendapati kawasan berbukit yang bercerun melebihi 35 darjah (Kelas IV) meliputi 153.80 hektar adalah kawasan berisiko bencana dan sensitif terhadap pembangunan.

Senario semasa rekod aset biodiversiti ini menunjukkan terdapat keperluan untuk melindungi dan memulihara biodiversiti agar persekitaran yang hijau, sihat dan vibrant bagi warga kota dapat dicapai.

Strategi mengurus Kuala Lumpur memberi fokus kepada keperluan melindungi penawaran aset biodiversiti bagi menjaga kestabilan dan kelangsungan hidup masyarakat secara mampan. Kepesatan pembangunan di Kuala Lumpur akan memberi kesan kepada kualiti persekitaran dan mempengaruhi aset biodiversiti yang menawarkan pelbagai bentuk kebaikan kepada masyarakat.

Aset biodiversiti ini perlu dipelihara, dipulihara dan diurus dengan mampan bagi menyumbang kepada kestabilan penawaran aset.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat perlindungan aset biodiversiti, terdapat tiga (3) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-1 seperti di Rajah 3.1.1.

INFO RINGKAS

KAWASAN ASET BIODIVERSITI DI KUALA LUMPUR

HSK Sungai Besi (66.12 hektar)
HSK Bukit Sungai Puteh (7.03 hektar)
HSK Bukit Nanas (9.37 hektar)
HSK Bukit Lagong (Tambahan) (2.10 hektar)
Kawasan Lapang OS1, OS2, OS3 dan OS4 (2,390.10 hektar)
Kawasan litupan hijau lain (2,401.47 hektar)

4,727.70 hektar Hutan dan Litupan Hijau

- 43 kolam/kawasan takungan banjir (381.44 hektar)
- 3 sungai utama, 9 sungai besar dan 13 sungai kecil (429.69 hektar)

819.20 hektar Badan Air

Kawasan bukit dan cerun


153.80 hektar Bukit dan Cerun

Sumber: Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Rajah 3.1.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-1

SP 3-1 MENGURUS ASET BIODIVERSITI KUALA LUMPUR

- CP 3-1.1 Pengurusan Aset Biodiversiti
- CP 3-1.2 Pelaksanaan Program Sungai Nadi Kehidupan
- CP 3-1.3 Pengurusan Kawalan Pencemaran



Aset Biodiversiti

1. HSK Sungai Besi
2. HSK Bukit Sungai Puteh
3. HSK Bukit Nanas
4. HSK Bukit Lagong (Tambahan)

RAJAH 3.1.2 | Pelan Aset Biodiversiti Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Kawasan Kecerunan Kelas IV
- Kawasan Lapang
- Hutan Simpan (FR)
- Badan Air (BDA)

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-1.1: PENGURUSAN ASET BIODIVERSITI

Secara umumnya, aset biodiversiti adalah penting untuk dipulihara dan dipelihara bagi Kuala Lumpur yang mengalami kepesatan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial yang memberi tekanan terhadap perlindungan alam sekitar.

Cabaran pembangunan ini perlu ditangani dengan efisien melalui penglibatan daripada semua pemegang taruh yang berkaitan selaras dengan hasrat pembangunan mampan. Pemeliharaan aset biodiversiti merupakan suatu keperluan untuk memastikan kelestarian pembangunan dicapai.

Ketersediaan aset biodiversiti yang terhad di Kuala Lumpur perlu diberi penekanan dalam perancangan guna tanah bagi mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan kualiti hidup yang ingin dicapai. Penekanan ini memfokus kepada pengurusan kawasan hutan dan litupan hijau, sungai dan badan air serta kawasan berbukit dan cerun. Ia selaras dengan Rancangan Fizikal Negara ke 4 (RFN4) yang menekankan kepentingan pengurusan alam sekitar secara mampan dan berdaya tahan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, program dan kawalan perancangan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-1.1.

INFO RINGKAS

KEPENTINGAN ALAM SEKITAR DALAM RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE 4 (RFN4) YANG BERKAITAN DENGAN DRAF PTKL2040

KD 2.1	• Memelihara dan memulihara aset ekologi negara.
KD 2.2	• Mengurus dan mengawal selia pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar.
KD 2.3	• Menjamin kelestarian sumber air berterusan.

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4)



INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.1A

MEMULIHARA KAWASAN HUTAN SIMPAN KEKAL (HSK) DAN LITUPAN HIJAU

Kawasan berhutan dan litupan hijau akan menyumbang kepada kualiti hidup komuniti seperti penghasilan oksigen, penyerapan bunyi dan karbon, penstabilan suhu tempatan dan penyediaan habitat semula jadi. Cadangan ini mengekalkan pewartaan empat (4) Hutan Simpan Kekal (HSK) serta semua Kawasan Lapang Awam 1 (OS1), Kawasan Lapang Awam 2 (OS2), Kawasan Lapang Swasta (OS3) dan Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4) sebagai kawasan aset biodiversiti di Kuala Lumpur.

Peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 menyatakan penyediaan zon penampan turut dicadangkan dengan jarak yang bersesuaian dari sempadan HSK menurut mengikut jenis pembangunan di tanah berjiran dengan sesuatu fungsi HSK.

Menjelang tahun 2040, kawasan berhutan dan litupan hijau merangkumi 19.46 peratus daripada keluasan Kuala Lumpur. Ia merupakan pencapaian yang baik sebagai ibu negara yang pesat membangun.



Taman Rimba Bukit Nanas adalah contoh terbaik pengekalan kawasan hijau di Kuala Lumpur.



Burung air merupakan spesies burung yang dapat dilihat di sekitar Sungai Gombak.

INFO RINGKAS

HSK DAN LITUPAN HIJAU DI BANDAR TERPILIH

KUALA LUMPUR	• 19.46 peratus
JOHOR BHARU	• 25.30 peratus
SHAH ALAM	• 26.50 peratus

KATEGORI ASET BIODIVERSITI

HSK, Taman Hutan Bandar, kawasan lapang dan lain-lain litupan hijau

Kawasan Hutan dan Kawasan Litupan Hijau

Sungai, kolam dan kawasan takungan banjir

Badan Air

Kawasan bukit dan kawasan cerun

Kawasan Berbukit dan Bercerun

Melebihi 40 spesies burung termasuk burung pemangsa di Taman Persekutuan Bukit Kiara dan Taman Rimba Bukit Kerinchi.

Terdapat dua (2) spesies burung utama di Taman Hutan Bandar, iaitu burung Ciak Urasia (*Passer montanus*) dan Tiung Gembala Kerbau.

Burung

Sumber: *Institute of Biological Sciences*

Terdapat lebih 60 spesies rama-rama di Kuala Lumpur daripada sejumlah 1,000 di Semenanjung Malaysia

Serangga

Sumber: UM 2016

Terdapat 425 spesies pokok, 16 spesies endemic (contoh: *Tarenna rudis*) dan 16 spesies Damar (*Dipterocarpaceae*) di HSK Bukit Nanas

Tumbuhan

Sumber: *Institute of Biological Sciences*

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan aplikasi digital kawasan HSK dan litupan hijau seperti di Jadual 3.1.1 berdasarkan empat (4) komponen seperti berikut:
   a. Sistem pangkalan data inventori pokok;
   b. Sistem pangkalan data untuk indeks biodiversiti;
   c. Data pelepasan oksigen; dan
   d. Data tadahan karbon dioksida.

Sistem ini mengandungi data garis masa untuk menjana status biodiversiti dalam ukuran indeks seperti bacaan indeks 1 sehingga 10 menetapkan tahap status yang berbeza daripada status lemah, sederhana dan cemerlang. Penggunaan aplikasi ini harus selari dengan pemakaian Draf PTKL2040 dan boleh diakses serta dikemas kini oleh penyelaras atau pentadbir sistem.

Jadual 3.1.1:
Cadangan Lokasi Aplikasi Digital Kawasan HSK dan Litupan Hijau

Cadangan Lokasi
a. Empat (4) HSK seperti berikut: • HSK Sungai Besi; • HSK Bukit Sungai Puteh; • HSK Bukit Nanas; dan • HSK Bukit Lagong (Tambahan).
b. Tiga (3) Taman Hutan Bandar seperti berikut: • Taman Rimba Bukit Kerinchi; • Taman Persekutuan Bukit Kiara; dan • Sebahagian Bukit Dinding.
c. Lain-lain kawasan lapang OS1, OS2, OS3 dan OS4.

Rajah 3.1.3:
Model Konseptual Aplikasi Indeks Biodiversiti Draf PTKL2040



Penyelidikan saintifik untuk menyediakan sistem pangkalan data secara bersepadu adalah perlu untuk membangunkan aplikasi digital ini. Terdapat beberapa negara yang telah menyediakan aplikasi ini seperti Singapura, Sweden dan New Zealand.

INFO RINGKAS

CONTOH APLIKASI INDEKS BIODIVERSITI BANDAR

Environmental Performance Index	• Dibangunkan oleh Universiti Yale, Amerika Syarikat
City Biodiversity Index	• Dibangunkan oleh *European Space Agency*

Sumber:
Olahan dari
1. https://eo4society.esa.int/projects/due-innovator-iii-eo4cbi-earth-observation-for-city-biodiversity-index/
2. https://epi.yale.edu/epi-results/2022/component/epi


PENYELARAS ATAU PENTADBIR SISTEM PANGKALAN DATA HSK DAN LITUPAN HIJAU

DBKL	• Jabatan Pengurusan Maklumat • Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi
Agensi Luar	• Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur • *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM) • Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) • Jabatan Alam Sekitar

2. Memelihara koridor laluan burung (Taman Bukit Persekutuan - Taman Botani Perdana - Taman Tugu) seperti di Jadual 3.1.2 menerusi pendekatan berikut:
   a. Mengenal pasti koridor laluan burung yang meliputi kawasan hijau di Bukit Persekutuan, Taman Botani Perdana dan Taman Tugu;
   b. Memelihara litupan hijau dengan kanopi pokok berbuah dan berbunga sebagai sebahagian daripada koridor ekologi bandar dan menyokong industri eko pelancongan; dan
   c. Melindungi habitat burung di kawasan kanopi yang lebar dan padat serta mempunyai silara pokok yang besar.

3. Memelihara habitat untuk lain-lain fauna (mamalia, unggas dan serangga) menerusi pengekalan habitat yang melibatkan kawasan litupan hijau untuk melestarikan aset biodiversiti yang selari dengan pembangunan mampan:
   a. Kehadiran fauna seperti memerang dan tupai menunjukkan kepelbagaian biodiversiti di Kuala Lumpur.

Jadual 3.1.2:
Cadangan Lokasi Koridor Laluan Burung

Cadangan Lokasi Taman Bukit Persekutuan - Taman Botani Perdana - Taman Tugu

1. Taman Bukit Persekutuan; 2. Taman Botani Perdana; dan 3. Taman Tugu.


Lokasi: Taman Botani Perdana

Burung *Superb Starling* di antara unggas yang menghuni di Taman Botani Perdana.





Lokasi: TamanTugu

Taman Tugu sebagai kawasan yang menawarkan aktiviti meninjau burung.


Lokasi: Taman Rimba Bukit Kerinchi
Sumber: https://www.shutterstock.com/William Barton

Taman Rimba Bukit Kerinchi sebagai lokasi tumpuan penduduk terutama di hujung minggu.

Jadual 3.1.3:
Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang Dicadangkan Untuk Dipulihara

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip	Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. HSK Bukit Lagong (Tambahan) 2.10 hektar		3. HSK Bukit Sungai Puteh 7.03 hektar	
2. HSK Bukit Nanas 9.37 hektar		4. HSK Sungai Besi 66.12 hektar	

INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.1B

MENINGKATKAN KUALITI AIR SUNGAI SECARA BERSEPADU

Badan air (sungai, tasik dan kolam) merupakan koridor biru yang penting dengan kepelbagaian fungsi seperti menurunkan suhu persekitaran menyokong elemen reka bentuk bandar, menjadi habitat untuk hidupan akuatik dan sebagai kawasan rekreasi.

Langkah utama ialah mewartakan kawasan badan air yang berpotensi sebagai aset biodiversiti yang berada di bawah pentadbiran DBKL dan JPS seluas 819.90 hektar. Selain itu, rizab sungai boleh digunakan untuk tujuan keselesaan awam seperti laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang disepadukan dengan cadangan RoL.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.1.4, Jadual 3.1.5 dan Jadual 3.1.6.

Selain itu, Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) Fasa 2 (JPS) harus seiring untuk menangani isu banjir kilat.

AMALAN TERBAIK

KOMPONEN PENGURUSAN PINGGIR SUNGAI BERSEPADU SUNGAI DELAWARE, AMERIKA SYARIKAT



Jejak sungai



Program seni jalanan



Projek grafiti dan mural

Projek pinggiran Sungai Delaware, Amerika Syarikat menggunakan sungai sebagai elemen reka bentuk bandar selain berfungsi sebagai tebatan banjir melalui pendekatan hidrologi dan sistem saliran bandar mampan.

Jadual 3.1.4:
Cadangan Tindakan Sokongan Meningkatkan Kualiti Badan Air

Tindakan Sokongan
1. Program pengurusan lembangan sungai bersepadu melalui: a. Kajian guna tanah; b. Pemantauan kawasan dataran banjir; c. Penyediaan kawasan zon penimbal hijau; d. Pengurusan kawasan tadahan air sungai; dan e. Pengurusan sumber air tanah (sumber: Jalan Ipoh) dan kualiti air sungai, tasik, kolam takungan untuk Lembangan Sungai Klang dan Sungai Gombak.
2. Pematuhan kepada Garis Panduan Pembangunan Berhadapan Sungai 2005.
3. Penambahan sejumlah 93 stesen telemetri selaras dengan perancangan Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Lumpur.
4. Penambahan stesen kualiti air sungai.
5. Penambahan perangkap sampah dan *log boom*.

Jadual 3.1.5:
Cadangan Rizab Sungai Kuala Lumpur

Lebar Sungai Antara Tebing (meter)	Rizab dari Kedua Tebing (meter)	Cadangan Lebar Rizab * (Zon Keselesaan Awam) (meter)
10-20	20	10
5-10	10	7-10
< 5	5	5

Nota: **Dibenarkan kurang dari lebar ini memandangkan sifat sungai yang terikat dengan keadaan fizikal pembangunan di pinggir sungai.*

Sumber: Olahan dari JPS, 2021

Jadual 3.1.6:
Cadangan Kawasan Tumpuan untuk Program Pengurusan Badan Air (Sungai dan Kolam) bagi Tempoh 2021-2030

Sungai	Kolam
1. Sungai Klang	1. Kolam Batu
2. Sungai Gombak	2. Kolam Taman Wahyu
3. Sungai Kerayong	3. Kolam Benteng
4. Sungai Batu	4. Kolam Kampung Puah
5. Sungai Bunus	5. Kolam Midah
6. Sungai Kuyoh	6. Kolam Ampang
7. Sungai Keroh	7. Kolam Sri Segambut
8. Sungai Jinjang	8. Kolam Taman Desa
9. Sungai Kayu Ara	9. Kolam Sri Johor
10. Sungai Penchala	10. Kolam Bohol

Sumber: Olahan dari JPS, 2021
Nota: Cadangan dari program mitigasi banjir oleh JPS perlu disepadukan dalam program ini

INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.1C

MEMULIHARA KAWASAN BUKIT DAN CERUN

Terdapat empat (4) kawasan berbukit di Kuala Lumpur, iaitu bahagian timur laut (Bukit Batu Tabor, Bukit Wangsa Maju dan Bukit Dinding), barat (Bukit Lanjan dan Bukit Kiara), tengah (Bukit Arang) dan selatan (Bukit Gasing, Bukit Pudu dan Bukit Sungai Besi).

Puncak tertinggi bagi kawasan bukit adalah di Bukit Batu Tabor setinggi 320.00 meter dari paras laut. Sebahagian kawasan ini dizonkan sebagai zon guna tanah Kediaman 2 (R2) yang terletak di Kampung Sungai Penchala. Kawasan ini masih dibenarkan untuk tujuan pembangunan melalui pendekatan kejuruteraan hidraulik yang mesra alam.

Cadangan garis panduan Pengurusan Kawasan Khas (PKK) tahap 3 yang melibatkan kawasan lereng bukit dan bercerun Kelas IV (melebihi 35 darjah) perlu disediakan. Garis panduan mengandungi aktiviti dibenarkan berserta kawalan pembangunan.

Langkah yang perlu untuk menyokong inisiatif adalah seperti di Jadual 3.1.7.

Jadual 3.1.7:
Cadangan Langkah-langkah dalam Memulihara Kawasan Bukit dan Cerun

Peringkat	Tindakan
Mengenal pasti kawasan bukit dan cerun	1. Pengumpulan data atribut pemetaan geologi cerun; dan 2. Penyediaan kajian lapangan pemetaan geologi cerun.
Merekod kawasan bukit dan cerun dengan kaedah pemetaan	1. Pemetaan klasifikasi cerun; dan 2. Pemetaan geologi kejuruteraan.
Mempergiatkan Penguatkuasaan	1. Pemeriksaan cerun berbahaya secara berkala; dan 2. Pemantauan cerun melalui sistem amaran awal.
Melaksanakan penyelenggaraan	1. Penyelenggaraan dan mitigasi cerun.

INFO RINGKAS


PENGKELASAN KECERUNAN

2,215 titik bahaya dan
1,694 titik berisiko (2013)

Kelas	Keterangan
Kelas I	Kurang 15°: Pembatasan geoteknikal yang rendah
Kelas II	15° hingga 25°: Pembatasan geoteknikal yang sederhana
Kelas III	25° hingga 35°: Pembatasan geoteknikal yang tinggi
Kelas IV	Melebihi 35°: Pembatasan geoteknikal yang ekstrem

Sumber: Unit Cerun, Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, DBKL

Rajah 3.1.4:
Kawasan Bukit yang Dikelilingi Kawasan Perumahan



Bukit Dinding merupakan kawasan bercerun Kelas III yang bersempadanan dengan pembangunan kediaman Kaleidoscope Wangsa Maju memerlukan penyelenggaraan bagi mengelakkan isu tanah runtuh di masa hadapan.

CADANGAN PELAKSANAAN


CP 3-1.2: PELAKSANAAN PROGRAM SUNGAI NADI KEHIDUPAN

PSKL2040 telah mengenal pasti tiga (3) sungai utama untuk dinaik taraf bagi meneruskan inisiatif projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL), iaitu Sungai Bunus (program RoL 2), Sungai Keroh (program RoL 3) dan Sungai Kuyoh (program RoL 4).


Penaiktarafan ini melibatkan kerja pembersihan dan pengindahan kawasan sungai dan sekitarnya. Inisiatif ini adalah antara usaha melindungi aset biodiversiti dan membentuk persekitaran hijau yang lebih *vibrant* di Kuala Lumpur.

Laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti juga menjadi akses utama menghubungkan kawasan hijau di Kuala Lumpur melalui koridor hijau dan koridor biru. Program yang dicadangkan adalah mengikut kesesuaian di peringkat pelaksanaan berdasarkan inisiatif yang telah digariskan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, program, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-1.2.



Sungai Klang merupakan projek RoL Fasa 1 yang telah dilaksana di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.2A

MELAKSANA PEMBERSIHAN SUNGAI DAN PERSEKITARANNYA

Pembersihan sungai dan persekitarannya melibatkan Sungai Bunus, Sungai Keroh dan Sungai Kuyoh sepanjang 26.80 kilometer adalah untuk memulihara dan memelihara serta meningkatkan status semasa kualiti air sungai tersebut.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan pembersihan kawasan sungai dan premis yang berhampiran dengan tebing sungai dari sisa pepejal dan bahan cemar;
2. Melaksanakan aktiviti pengasingan barangan yang boleh dikitar semula dari sisa pepejal dan barangan lusuh bagi mengurangkan penghantaran ke tapak pelupusan;
3. Mengenal pasti langkah kawalan bagi menangani punca utama pencemaran seperti pelepasan kumbahan dan bahan industri serta pembuangan sisa pepejal ke dalam sistem sungai; dan
4. Meningkatkan kualiti air melalui pendekatan sains dan teknologi seperti kaedah *biofiltration*.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.2B

MENGINDAHKAN PERSEKITARAN SUNGAI

Pengindahan sungai adalah bertujuan untuk menjadikan sungai sebagai kawasan tumpuan yang akan menarik pengunjung melakukan pelbagai aktiviti riadah.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Membina laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti sepanjang koridor sungai;
2. Menanam pokok seperti *Saraca thaipingensis*, *Melaleuca cajuputi* dan *Dillenia excelsa* di sepanjang sungai untuk membentuk kawasan *riparian* yang boleh meningkatkan habitat semula jadi sungai; dan
3. Mencadangkan elemen landskap kejur yang menonjolkan identiti setempat.



Melaleuca cajuputi
Gelam



Dillenia indica
Simpoh air



Saraca thaipingensis
Gapis

INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.2C

MENGURUS TAMAN REKREASI LINEAR YANG MENYOKONG EKONOMI SETEMPAT

Pengurusan sungai yang efektif akan menjadikan sungai dan persekitaranya sebuah tempat yang selamat dan menarik untuk dikunjungi. Cadangan menaik taraf koridor sungai yang berpotensi menjadi taman rekreasi yang menawarkan pelbagai aktiviti rekreasi mampu memberi manfaat dari aspek kesihatan, ekonomi dan gaya hidup yang lebih berkualiti.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. Menyediakan pelan induk bagi cadangan RoL 2, 3 dan 4;
2. Mengawal pembangunan yang terletak bersebelahan sungai RoL dengan mengambil kira jajaran sungai dalam cadangan pembangunan akan datang; dan
3. Menggalakkan penyertaan orang awam, swasta atau badan korporat menerusi program atau projek yang berkaitan.

INFO RINGKAS


CADANGAN RoL 2, RoL 3, DAN RoL 4

RoL 2	• Sungai Bunus (9.60 kilometer)
RoL 3	• Sungai Keroh (8.60 kilometer)
RoL 4	• Sungai Kuyoh (8.60 kilometer)



Lokasi: Sungai Kuyoh

Sungai Kuyoh yang terletak berhampiran Kompleks Sukan Bukit Jalil berpotensi untuk dinaik taraf sebagai sebahagian projek RoL.



RAJAH 3.1.5 | Pelan Cadangan Pembangunan *River of Life* (RoL) 2, 3, dan 4

Petunjuk :

Sedia ada

- Badan Air (BDA)

Cadangan

- Pembersihan Sungai dan Persekitaran
- RoL 2 : Sungai Bunus
- RoL 3 : Sungai Keroh
- RoL 4 : Sungai Kuyoh

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-1.3: PENGURUSAN KAWALAN PENCEMARAN

Kepesatan pembangunan sektor perumahan, perdagangan dan perindustrian di Kuala Lumpur memberi impak yang ketara terhadap kualiti persekitaran seperti pencemaran air, udara, bunyi dan kacau ganggu. Data berkala dari Jabatan Alam Sekitar menunjukkan indikator kualiti air, udara dan bunyi boleh mempengaruhi kualiti hidup penduduk.

Secara umumnya, tahap kualiti air di Kuala Lumpur berada di Kelas III dan IV. Pada tahun 2018, Sungai Kerayong dan Sungai Bunus mencatatkan indikator Indeks Kualiti Air (IKA) di Kelas IV yang hanya dibenarkan untuk tujuan pengairan. Projek *River of Life* (RoL) di Sungai Klang dan Sungai Gombak mensasarkan kualiti air berada pada Kelas IIB yang sesuai untuk tujuan rekreasi. Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) menunjukkan tahap IPU sederhana (51-100) di dua (2) stesen pengawasan kualiti udara, iaitu di Cheras dan Batu Muda.

Pencemaran bunyi berpunca daripada kenderaan, kawasan tumpuan perniagaan, tapak pembinaan dan aktiviti sosial seperti hiburan. Kawasan dan aktiviti ini mencatatkan bacaan bunyi 75 dBA yang melebihi piawaian yang dibenarkan, iaitu 65 dBA pada waktu siang.


Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui penyediaan polisi dan program. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-1.3.

INFO RINGKAS

PENGKELASAN INDEKS KUALITI AIR (IKA)

Kelas	Keterangan
Kelas I	IKA melebihi 92.7: Amat bersih
Kelas IIA	IKA 85.0 – 92.7: Bersih
Kelas IIB	IKA 76.5 – 85.0: Sederhana bersih
Kelas III	IKA 51.9 - 76.5: Sedikit tercemar
Kelas IV	IKA 31.0- 51.9: Sederhana tercemar
Kelas V	IKA kurang 31.0: Amat tercemar

Sumber: Indeks-Kualiti-Air-Sungai.pdf/https://www.doe.gov.my



INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.3A

MENGAWAL DAN MEMANTAU PENCEMARAN DARI AKTIVITI PERINDUSTRIAN

Operasi kawasan perindustrian di Kuala Lumpur berpotensi mencemarkan kualiti persekitaran. Terdapat keperluan untuk mengawal dan memantau aktiviti industri yang dijalankan di kawasan yang terlibat agar persekitaran tidak tercemar.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini seperti berikut:

1. Menguatkuasa loji rawatan kumbahan industri secara individu di premis kilang sedia ada dan baharu;
2. Menggalakkan penggunaan teknologi hijau yang boleh diguna pakai seperti teknologi solar, sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan, penerapan Indeks Bangunan Hijau (GBI) serta lain-lain dalam operasi aktiviti perindustrian;
3. Menggalakkan penggunaan alat kawalan pencemaran udara dan bunyi bising di premis perindustrian serta menggunakan bahan api yang mesra alam;
4. Menyediakan kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, tempat letak lori, tapak pengumpulan sementara sisa pepejal mengikut keperluan;
5. Memastikan kemudahan infrastruktur dan utiliti mencukupi seperti bekalan air terawat, sistem pembuangan sisa toksik dan bahan buangan secara berkala, sistem perparitan, bekalan elektrik, kemudahan telekomunikasi dan lain-lain kemudahan;
6. Meningkatkan landskap hijau sekitar kawasan perindustrian bagi mengurangkan pelepasan karbon di udara. Taman poket juga boleh disediakan di kawasan perindustrian sedia ada;
7. Menjalankan kerja pemantauan dan penguatkuasaan kawalan pencemaran di kawasan industri; dan
8. Menaik taraf sistem kumbahan kawasan perindustrian berhampiran sungai dan parit utama dari kolam takungan ke loji pembersihan.

AMALAN TERBAIK

JTC CLEANTECH ONE, SINGAPURA



JTC CleanTech One ialah bangunan perintis di taman *eco park* pertama Singapura. Bangunan dua menara tersebut menempatkan syarikat dan pusat penyelidikan yang menyediakan penyelesaian teknologi bersih bertaraf dunia.



Ciri reka bentuk unik JTC CleanTech One *ialah Living Atrium* di tengah-tengahnya. *Living Atrium* tersebut menampilkan laluan pejalan kaki berlandskap, landskap secara vertikal dan fakad hijau di persekitaran terbuka bagi interaksi awam sebagai tanah lapang yang separa teduh.

Sumber: https://www.jtc.gov.sg/find-space

INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.3B

MENGAWAL PENCEMARAN DARI AKTIVITI PERDAGANGAN

Kawasan perdagangan meliputi aktiviti membeli-belah, perhotelan, pejabat dan perniagaan informal seperti penjaja. Aktiviti perdagangan tersebut boleh mempengaruhi kualiti persekitaran jika tidak dikawal dengan berkesan.

Kawalan dan pemantauan pencemaran terutamanya dari aktiviti perdagangan yang berada di:

1. Zon Guna Tanah Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC);
2. Zon Guna Tanah Perdagangan Utama (MC);
3. Zon Guna Tanah Perdagangan (C);
4. Zon Guna Tanah Perdagangan Tempatan (LC); dan
5. Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX).

Terdapat sebanyak 1,361 unit di pusat penjaja DBKL dan 32,119 unit lain-lain bentuk perniagaan informal yang beroperasi di Kuala Lumpur. Aktiviti ini turut mempengaruhi kualiti persekitaran yang perlu dikawal dan dipantau. Kegagalan mematuhi amalan yang baik akan mencemarkan kualiti air sungai ekoran daripada pelepasan sisa yang tidak dirawat.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.1.8:



Lokasi: Sri Rampai

Pasar malam adalah di antara perniagaan informal yang memberi kesan dari segi pembuangan sisa pepejal.

INFO RINGKAS

DATA PENJAJA DAN GERAI DI KUALA LUMPUR

1,361 unit Pusat penjaja

32,119 unit Lain-lain perniagaan informal

Jadual 3.1.8:
Langkah Mengawal Pencemaran dari Aktiviti Perdagangan

Langkah
Jenis Perdagangan: Aktiviti Perdagangan Formal
1. Mengguna pakai loji rawatan kumbahan teknologi hijau;
2. Mengamalkan konsep bangunan mesra alam Contohnya, Indeks Bangunan Hijau (GBI);
3. Mengawal pelepasan air kumbahan dari punca tetap sebagai pencemaran aktiviti perdagangan;
4. Mewujudkan pusat penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui dan amalan program 4R (*reuse, reduce, recycle and recovery*) terutamanya dalam sektor pembuatan dan perdagangan;
5. Mempromosi amalan cekap tenaga dan infrastruktur hijau dalam semua sektor pembangunan yang meliputi reka bentuk dan teknologi;
6. Menyediakan tong sampah dan tong kitar semula di tempat yang bersesuaian;
7. Kawalan aktiviti perdagangan seperti bengkel dan restoran yang dapat memberi impak kepada alam sekitar dari segi pengurusan bahan buangan pepejal dan bunyi bising; dan
8. Menyediakan kawalan perangkap sampah, tapisan minyak dan punca pencemaran sebelum air sisa dan kumbahan dilepaskan ke sungai atau alur air, terutama untuk lesen yang baharu dan mendapat lanjutan permit perniagaan.
Jenis Perdagangan: Aktiviti Perdagangan Informal
1. Menguatkuasa Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja Kuala Lumpur 2016 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan WPKL 2016 akan dijalankan bagi mengawal operasi aktiviti penjaja;
2. Mengenal pasti jenis aktiviti penjaja yang dapat memberi impak kepada alam sekitar dari aspek peletakan dan pengurusan sisa buangan;
3. Memastikan pembinaan dan peletakan gerai atau bazaar, kios, penjaja beredar dan *food truck*. Ia haruslah terletak di kawasan yang tidak mengganggu aliran trafik;
4. Memeriksa penghasilan gris dan minyak dari penjualan makanan yang tidak dibuang ke dalam longkang atau alur air; dan
5. Menyediakan tong sampah dan tong kitar semula di tempat yang bersesuaian bagi menggalakkan budaya kitar semula.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.3C

MENGAWAL PENCEMARAN DARI KAWASAN KEDIAMAN

Penyediaan penawaran unit rumah di Kuala Lumpur yang pelbagai jenis meliputi rumah bertingkat, rumah teres, rumah berkembar dan rumah sesebuah di taman perumahan, kampung tradisi serta kediaman stabil.

Kawasan ini mempengaruhi kualiti persekitaran terutama dari segi kualiti air, udara, dan bunyi. Kawalan berterusan adalah perlu untuk memastikan kualiti persekitaran berada pada piawaian yang dibenarkan.

Kawalan dan pemantauan pencemaran dari aktiviti kediaman yang berada di:

1. Zon Guna Tanah Kediaman 1 (R1);
2. Zon Guna Tanah Kediaman 2 (R2);
3. Zon Guna Tanah Kediaman 3 (R3);
4. Zon Guna Tanah Kediaman 4 (R4);
5. Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 1 (TV1);
6. Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 2 (TV2); dan
7. Zon Guna Tanah Kediaman Stabil (EH).

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini seperti berikut:

1. Meningkatkan kawasan hijau seperti hutan bandar, taman poket, kebun kejiranan atau lingkaran hijau bagi memerangkap habuk dan meningkatkan kualiti udara;
2. Menyediakan ruang awam yang selamat dan mengamalkan interaksi sosial antara penduduk setempat;
3. Melaksanakan program pengasingan sisa buangan yang boleh dikitar semula untuk mengurangkan pembaziran; dan
4. Mengawal had bunyi bagi kenderaan bermotor pada tahap yang boleh diterima (55 – 65 dBA) melalui operasi penguatkuasaan berkala oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
5. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat di kawasan kediaman;
6. Mengamalkan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) yang terdiri daripada dua (2) fungsi utama, iaitu sebagai *On-Site Retention* dan penuaian air hujan;
7. Menggalakkan amalan penggunaan tenaga solar untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber tenaga elektrik;
8. Menyediakan *communal bin* di lokasi yang sesuai; dan
9. Menyediakan fasiliti perangkap sampah bagi *outlet* atau sistem saliran di kawasan kediaman.

AMALAN TERBAIK

TAISUGAR CIRCULAR VILLAGE DI TAIWAN




Taisugar Circular Village di Shalun, Tainan salah sebuah bandar di Taiwan merupakan projek kediaman pertama yang menerapkan konsep *Circular Economy*. Kediaman ini dilengkapi dengan sistem pengurusan alam sekitar untuk kawalan keselamatan, grid dan meter air pintar serta program sisa kompos menerusi aplikasi pintar dan teknologi hijau.

Inisiatif ini turut menawarkan komuniti di kediaman tersebut rangkaian pengangkutan mikromobiliti, rendah karbon serta menggalakkan penggunaan kenderaan hijau.







Sumber: https://www.taisugar.com.tw/circular

INISIATIF PELAKSANAAN 3-1.3D

MENGAWAL DAN MEMANTAU PENCEMARAN DARI LAIN-LAIN ZON GUNA TANAH

Aktiviti lain-lain guna tanah seperti Zon Guna Tanah Institusi (INT), Zon Guna Tanah Kemudahan Masyarakat (PF) dan Zon Guna Tanah pengangkutan (TR) turut berpotensi mencemarkan kualiti persekitaran jika tidak dikawal dan dipantau dengan berkesan.

Operasi dari aktiviti di zon guna tanah tersebut kebiasaannya mengeluarkan sisa sampah, sisa air dan bunyi bising.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menambahkan kawasan dan lingkaran hijau bagi memerangkap habuk dan bunyi serta meningkatkan kualiti udara;
2. Melaksanakan program pengasingan sisa buangan yang boleh dikitar semula bagi mengurangkan pembaziran sisa buangan pepejal;
3. Menggalakkan amalan penggunaan tenaga solar untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber tenaga elektrik;
4. Mengamalkan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) yang terdiri daripada dua (2) fungsi utama, iaitu sebagai *On Site Retention* dan penuaian air hujan.
5. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang bersambung di kawasan perbandaran;
6. Menyediakan panel menerap bunyi bising di jalan utama dan lebuh raya yang berhampiran kawasan terlibat; dan
7. Mengawal had bunyi bagi kenderaan bermotor pada tahap yang boleh diterima (55 – 65 dBA) melalui operasi penguatkuasaan berkala oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

AMALAN TERBAIK

INISIATIF KAMPUS HIJAU DI SUNWAY UNIVERSITY

Pegawai DBKL telah mengadakan lawatan teknikal ke Sunway University untuk melihat inisiatif universiti tersebut ke arah kampus hijau seperti menjalankan amalan kitar semula dan menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui.



Lokasi: Sunway University

Tong kitar semula yang ditempatkan di lokasi strategik di kampus untuk memudahkan pelajar mengamalkan budaya kitar semula.


Lokasi: Sunway University

Panel solar dipasang di tingkat atas bangunan untuk menyerap cahaya matahari. Tenaga solar merupakan sumber tenaga yang bersih dan boleh diperbaharui. Penggunaan tenaga solar dapat mengurangkan jejak karbon dan mengurangkan impak pencemaran alam sekitar.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-2: MEMPELBAGAIKAN FUNGSI KORIDOR HIJAU DAN KORIDOR BIRU

SENARIO SEMASA KORIDOR HIJAU DAN BIRU DI KUALA LUMPUR

Situasi pasca pandemik telah memperlihatkan kesan positif terhadap penggunaan taman rekreasi dan kawasan hijau semula jadi terutama di kawasan bandar. Jabatan Landskap Negara melaporkan pertambahan empat (4) kali ganda penggunaan taman rekreasi di Taman Persekutuan Bukit Kiara daripada tahun 2018 sehingga 2021. Kehadiran pengunjung meningkat selepas negara memasuki Pelan Pemulihan Negara (PPN), iaitu 682,272 pengunjung daripada 218,832 pengunjung ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Strategi perancangan ini menyokong visi Dasar Perbandaran Negara Ke 2 (DPN2), iaitu pembentukan bandar mampan untuk kesejahteraan rakyat. Strategi tersebut boleh dicapai melalui pemeliharaan dan peningkatan kualiti persekitaran hijau sedia ada di Kuala Lumpur. Persekitaran hijau yang kondusif adalah penting bagi menggalakkan penjanaan aktiviti rekreasi, kesihatan, pendidikan dan ekonomi. Penggalakkan penjanaan aktiviti tersebut perlu selari dengan kepesatan pembangunan serta pertambahan bilangan penduduk ke arah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang berdaya huni dan mampan.

Strategi ini memberi penekanan kepada penyediaan lebih banyak tanah lapang yang boleh diakses dengan pelbagai aktiviti aktif dan pasif. Penyediaan ini membantu Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar yang mempunyai persekitaran yang berfungsi, menarik, mesra pengunjung dan saling berhubung antara satu kawasan dengan kawasan yang lain menerusi koridor hijau dan koridor biru yang komprehensif.

Koridor hijau dan koridor biru ini merupakan habitat kepada biodiversiti bandar yang dihubungkan menerusi rangkaian nodus ekologi bandar seperti koridor sungai dan rizab infrastruktur. Koridor tersebut memberi keutamaan kepada perlindungan serta memperkaya aset biodiversiti bandar.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang boleh mempelbagaikan fungsi koridor hijau dan koridor biru, terdapat dua (2) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-2 seperti Rajah 3.2.1.




Lokasi: Taman Tasik Permaisuri

Sungai sebagai koridor biru membentuk rangkaian utama dalam meningkatkan nodus ekologi bandar.

Rajah 3.2.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-2

SP 3-2	**MEMPELBAGAIKAN FUNGSI KORIDOR HIJAU DAN KORIDOR BIRU**
CP 3-2.1	Pengoptimuman Tasik dan Kolam Takungan Sebagai Taman Rekreasi
CP 3-2.2	Pembentukan Koridor Ekologi



RAJAH 3.2.2 | Pelan Cadangan Koridor Ekologi

Petunjuk :

- Rentis Penghantar Elektrik
- Kawasan Lapang
- Kawasan Hijau
- Hutan Simpan (FR)
- Badan Air (BDA)
- Koridor Hijau Sungai

Lain-lain

- Jalan
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-2.1: PENGOPTIMUMAN TASIK DAN KOLAM TAKUNGAN SEBAGAI TAMAN REKREASI

Fungsi koridor biru boleh dipelbagaikan dengan memanfaatkan tasik dan kolam takungan sebagai taman rekreasi. Ia menyumbang kepada usaha untuk mengekalkan dan mengelakkan tekanan pembangunan bagi kawasan tasik dan kolam takungan di Kuala Lumpur.


PSKL2040 telah mengenal pasti tasik dan kolam takungan untuk dipertingkatkan melalui pengindahan landskap serta penambahan aktiviti rekreasi baharu. Pengoptimuman tasik dan kolam takungan perlu menekankan elemen rekreasi, pendidikan, pemuliharaan dan pemeliharaan sumber alam semula jadi.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan projek pembangunan taman rekreasi. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-2.1.

INFO RINGKAS

TAMAN REKREASI UTAMA KUALA LUMPUR

Zon Komuniti


Lokasi: Taman Tasik Permaisuri


Lokasi: Taman Rekreasi Ayer Panas


Zon Rekreasi


Lokasi: Taman Tasik Titiwangsa


Lokasi: Taman Botani Perdana

Zon Pemuliharaan


Lokasi: Taman Tasik Permaisuri


Lokasi: Taman Botani Perdana

CP 3- 2.1 KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 3-2.1A

MENGENAL PASTI TASIK DAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR UNTUK DINAIK TARAF

Langkah untuk mengenal pasti dan menaik taraf tasik serta kolam takungan banjir sebagai taman rekreasi dapat mengekalkan fungsi sebagai kolam takungan banjir. Usaha ini secara tidak langsung menambah keluasan kawasan hijau di Kuala Lumpur. Penentuan tasik dan kolam takungan banjir sebagai kawasan rekreasi adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:

1. Kolam takungan banjir yang berada di dalam bawah kawal selia DBKL;
2. Keluasan melebihi 0.80 hektar (hierarki padang kejiranan); dan
3. Terletak di kawasan kejiranan setempat.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti empat (4) kolam takungan banjir berpotensi sebagai kawasan rekreasi seperti berikut;

1. Kolam Takungan Banjir Intan Baiduri;
2. Kolam Takungan Banjir Pasar Borong Selayang;
3. Kolam Takungan Banjir Kampung Cheras Baru; dan
4. Kolam Takungan Banjir Kampung Bohol.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Cadangan Zon Komuniti sebagai ruang awam aktif bagi integrasi komuniti yang meliputi cadangan seperti berikut:
   a. Kemudahan awam berpusat;
   b. Kemudahan rekreasi, lot permainan, dan sukan;
   c. Kebun komuniti;
   d. Elemen landskap lembut dan landskap kejur; dan
   e. Elemen keselamatan dan pencahayaan.
2. Cadangan Zon Rekreasi sebagai tanah lapang separa aktif yang menyediakan pelbagai kemudahan sokongan kepada aktiviti seperti berikut:
   a. Penstabilan persisiran tasik;
   b. Kemudahan rekreasi;
   c. Elemen landskap lembut dan landskap kejur; dan
   d. Elemen keselamatan dan pencahayaan.
3. Cadangan Zon Pemuliharaan sebagai kawasan pasif yang berfungsi untuk memelihara dan memulihara ekologi tepian tasik bagi menggalakkan interaktif antara pengunjung dan alam semula jadi melalui aktiviti seperti berikut:
   a. Penanaman semula pokok;
   b. Penstabilan persisiran tasik;
   c. Aktiviti pendidikan;
   d. Elemen landskap kejur; dan
   e. Elemen keselamatan dan pencahayaan.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-2.1B

MEMASTIKAN AKTIVITI REKREASI MENGEKALKAN FUNGSI ASAL KOLAM TAKUNGAN BANJIR

Kolam takungan banjir berfungsi sebagai kolam takungan air larian sebelum dialirkan ke saliran perparitan dan sungai. Ia juga dapat mengawal masalah banjir di Kuala Lumpur.



Cadangan pembentukan taman rekreasi di kawasan kolam dapat menambah keluasan tanah lapang di Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:



1. Memelihara dan memulihara koridor tepian tasik menerusi penetapan sepuluh (10) meter koridor di sepanjang pesisir tasik dan kolam takungan; dan
2. Menyediakan pelan pembangunan dan pengurusan melalui aspek berikut:
   a. Elemen kemudahsampaian yang efektif bagi membolehkan pengunjung menikmati kemudahan yang disediakan;
   b. Aktiviti bersesuaian mengikut zon seperti zon komuniti, zon rekreasi dan zon pemuliharaan; dan
   c. Kemudahan rekreasi yang selamat, berkualiti dan berfungsi dengan baik.

Pelan cadangan pembangunan kolam takungan banjir ditunjukkan di Jadual 3.2.1.

Jadual 3.2.1:
Cadangan Kolam Takungan Banjir Berpotensi Sebagai Tanah Lapang

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Kolam Takungan Banjir Intan Baiduri 25.36 hektar	 **Petunjuk** Jalan raya utama Laluan pejalan kaki Badan air Zon Komuniti Zon Rekreasi Zon Pemuliharaan   **Keadaan semasa:** Terdapat kemudahan rekreasi asas seperti laluan pejalan kaki dan gazebo telah tersedia di Kolam Takungan Banjir Intan Baiduri.
2. Kolam Takungan Banjir Pasar Borong Selayang 12.18 hektar	 **Petunjuk** Jalan raya utama Laluan pejalan kaki Badan air Zon Komuniti Zon Rekreasi Zon Pemuliharaan   **Keadaan semasa:** Terdapat laluan servis di sekeliling tasik ini yang boleh dinaik taraf.

Jadual 3.2.1:
Cadangan Kolam Takungan Banjir Berpotensi Sebagai Tanah Lapang (sambungan)

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
3. Kolam Takungan Banjir Kampung Cheras Baru 2.35 hektar	 Petunjuk Jalan raya utama Laluan pejalan kaki Badan air Zon Komuniti Zon Rekreasi Zon Pemuliharaan   **Keadaan semasa:** Kawasan kolam yang berpotensi untuk dinaik taraf.
4. Kolam Takungan Banjir Kampung Bohol 26.14 hektar	 **Petunjuk** Jalan raya utama Laluan pejalan kaki Badan air Zon Komuniti Zon Rekreasi Zon Pemuliharaan   **Keadaan semasa:** Kawasan kolam takungan banjir yang masih belum dinaik taraf dan berpotensi dibangunkan sebagai rekreasi dengan kemudahan awam.

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 3-2.2: PEMBENTUKAN KORIDOR EKOLOGI

Koridor hijau dan koridor biru yang membentuk koridor ekologi dapat menjadi habitat kepada biodiversiti bandar. Koridor ini dihubungkan menerusi rangkaian nodus ekologi bandar seperti koridor sungai dan rizab infrastruktur. Koridor tersebut memberi keutamaan kepada perlindungan serta memperkaya aset biodiversiti bandar.

Koridor ekologi dapat dibentuk melalui penanaman pokok yang bersesuaian serta menaik taraf elemen landskap di koridor infrastruktur dan sungai sedia ada.


Draf PTKL2040 menetapkan koridor ekologi boleh dilaksanakan di dua (2) koridor utama seperti berikut:

1. Koridor infrastruktur merangkumi lebuh raya, jalan raya, laluan rel, rizab laluan utiliti, kawasan hijau linear dan kawasan bercerun; dan
2. Koridor sungai merangkumi rizab sungai dan perparitan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program, kawalan perancangan, dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-2.2.


Lokasi: Sungai Gombak

Koridor sungai berpotensi untuk ditingkatkan fungsinya sebagai nodus ekologi bandar dan menjadi kawasan rekreasi yang menarik.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-2.2A

MENETAPKAN KORIDOR INFRASTRUKTUR SEBAGAI KORIDOR EKOLOGI

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lima (5) rizab jalan utama yang berpotensi untuk pelaksanaan koridor ekologi di Kuala Lumpur. Sebahagian rizab jalan yang bersesuaian tersebut akan dinaik taraf dengan tanaman pokok dan kemudahan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan ruang penanaman yang mencukupi dan bersesuaian; dan
2. Memastikan ruang penanaman berkesinambungan dan saling berhubung dengan koridor ekologi yang lain.

Pelaksanaan koridor ekologi ini akan memberi fokus kepada lima (5) rizab jalan seperti berikut:


1. Rizab Jalan 15 meter atau 50 kaki;
2. Rizab Jalan 20 meter atau 66 kaki;
3. Rizab Jalan 24 meter atau 80 kaki;
4. Rizab Jalan 30 meter atau 100 kaki; dan
5. Rizab Jalan 39 meter atau 132 kaki.

Rajah 3.2.3 menunjukkan keperluan ruang hijau minimum yang perlu disediakan berdasarkan kelebaran rizab jalan. Pelaksanaan ini juga tertakluk kepada perancangan terperinci.



Sebahagian rizab jalan yang bersesuaian untuk dinaik taraf dengan tanaman pokok (koridor ekologi) dan kemudahan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti

Rajah 3.2.3:
Cadangan Koridor Ekologi di Koridor Infrastruktur



Sumber: Pelan Pengurusan Pokok Rendang DBKL

INISIATIF PELAKSANAAN 3-2.2B

MENETAPKAN KORIDOR TEPIAN SUNGAI SEBAGAI KORIDOR EKOLOGI

Penetapan koridor sungai sebagai sebahagian koridor ekologi bandar adalah untuk meningkatkan kualiti persekitaran, menggalakkan pemeliharaan serta pemuliharaan ekologi di sepanjang sungai. Penetapan kelebaran koridor tepian sungai adalah seperti di Rajah 3.2.4 dan ia berdasarkan potensi dan kesesuaian ruang bagi kategori sungai berikut:

1. Kategori I (sungai utama) dan II (sungai besar): sepuluh (10) meter; dan
2. Kategori III (sungai kecil): tujuh (7) meter.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 16 sungai utama untuk diselaraskan sebagai koridor tepian sungai seperti di Jadual 3.2.2.

Jadual 3.2.2:
Cadangan Koridor Tepian Sungai Berpotensi Sebagai Koridor Ekologi

Sungai	Panjang (kilometer)
Kategori I: Sungai Utama	
1. Sungai Klang	16.50
2. Sungai Gombak	8.20
3. Sungai Batu	8.10
Kategori II: Sungai Besar	
1. Sungai Kerayong	9.37
2. Sungai Kuyoh	6.82
3. Sungai Bohol	0.80
4. Sungai Midah	1.74
5. Sungai Penchala	3.00
6. Sungai Jinjang	5.37
7. Sungai Keroh	6.90
8. Sungai Kemunsing	4.30
9. Sungai Belankong	3.50
Kategori III: Sungai Kecil	
1. Sungai Bunus	9.60
2. Sungai Toba	4.20
3. Sungai Kayu Ara	3.60
4. Sungai Untut	3.70

INISIATIF PELAKSANAAN 3-2.2C


MENANAM SPESIS POKOK PELBAGAI LAPISAN SILARA

Pemuliharaan dan pemeliharaan koridor ekologi di Kuala Lumpur bertujuan untuk menghubungkan aset biodiversiti dan mewujudkan habitat biodiversiti bandar.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut;

1. Menanam spesis pokok yang mempunyai pelbagai lapisan ketinggian pokok bandar seperti di Rajah 3.2.5; dan
2. Menanam pokok spesis tempatan dan spesis yang dapat menarik kehadiran fauna kecil.

Rajah 3.2.4:
Cadangan Koridor Ekologi di Koridor Tepian Sungai



Rajah 3.2.5:
Lapisan Penanaman Pokok Bandar



Sumber:
1. https://www.mybis.gov.my/one/
2. https://www.nparks.gov.sg

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-3: MELAKSANAKAN DENSITI HIJAU KUALA LUMPUR

SENARIO SEMASA DENSITI HIJAU DI KUALA LUMPUR

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sedang melaksanakan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dalam tempoh lima (5) tahun bermula 2021 hingga 2025 di Kuala Lumpur.

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memupuk semangat cintakan alam semula jadi kepada semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup warga kota.

Usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat. Ia boleh dicapai melalui penanaman pelbagai jenis pokok dalam menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan dan kawasan hijau di Malaysia khususnya Kuala Lumpur.

Cadangan melaksanakan densiti hijau Kuala Lumpur dirangka sebagai salah satu strategi untuk menyokong komitmen negara mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan pokok dan kawasan berhutan. Peningkatan densiti hijau ini dapat mengurangkan kesan pulau haba khususnya di kawasan bandar.

Kawasan litupan kanopi mampu mengurangkan 1.1 hingga 2.5 darjah Celsius berbanding dengan kawasan yang tidak dilitupi dengan teduhan. Ketersediaan tanah yang terhad merupakan kekangan utama dalam meningkatkan tahap kehijauan di Kuala Lumpur.

Cadangan densiti hijau ini akan memberi tumpuan terhadap kawasan yang berpotensi untuk penanaman pokok di tempat letak kenderaan, rizab jalan, ruang antara bangunan dan pada bangunan. Selain itu, pokok yang ditanam perlulah mempunyai daya serap karbon yang tinggi serta saiz silara yang besar.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang boleh melaksanakan densiti hijau, terdapat dua (2) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-3 seperti Rajah 3.3.1.

INFO RINGKAS

SENARIO DENSITI HIJAU KUALA LUMPUR

Penanaman 100 juta pokok dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025

Program Penghijauan Malaysia

Menghasilkan 117 tan oksigen dan mengurangkan 22 tan karbon dioksida setahun

1 Juta Pokok

- Sasaran 30 peratus litupan kanopi dan penanaman 5 juta pokok
- 60 kilometer persegi pembangunan berimpak rendah dan 25 peratus kadar ketelapan atau serapan

Pelan Tindakan Iklim 2050

Dijangka Kuala Lumpur mengalami peningkatan suhu sebanyak 1.5 darjah Celsius di antara tahun 2030 hingga 2052

Perubahan Cuaca Kuala Lumpur

Jumlah pokok yang telah di tanam di Kuala Lumpur dalam tempoh 2010 -2019

600 Ribu Pokok

Sumber:
1. Pelan Tindakan Iklim 2050
2. https://www.100jutapokok.gov.my

Rajah 3.3.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-3

SP 3-3	MELAKSANAKAN DENSITI HIJAU KUALA LUMPUR
CP 3-3.1	Perluasan Kawasan Litupan Kanopi Pokok
CP 3-3.2	Penyediaan Landskap Secara Vertikal


CADANGAN PELAKSANAAN
CP 3-3.1: PERLUASAN KAWASAN LITUPAN KANOPI POKOK

Penanaman pokok teduhan pelbagai spesis merupakan elemen landskap utama di kawasan perbandaran yang memberi impak persekitaran hijau serta dapat menyerap pantulan cahaya dari bangunan pencakar langit.


Pokok teduhan juga dapat mengimbangi suhu dan iklim sesebuah kawasan, menapis haba, menghasilkan oksigen secara semula jadi dan menyerap gas pencemar seperti karbon dioksida melalui proses fotosintesis. Pokok teduhan dapat berfungsi sebagai penampan angin yang kuat terutama di kawasan lebuh raya dan mengawal hakisan tanah menerusi struktur akar pokok.

Cadangan pelaksanaan ini menggalakkan penanaman spesis pokok teduhan dan tanaman yang mempunyai daya serap karbon yang tinggi terutamanya di ruang rizab jalan dan tempat letak kenderaan. Penanaman pokok ini dapat membantu menurunkan kesan pulau haba bandar.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat tiga (3) inisiatif utama bagi menyokong cadangan pelaksanaan 3-3.1.



Penjenamaan semula Jalan Tuanku Abdul Rahman melalui penanaman pokok menjadikan kawasan ini mempunyai kawasan ini lebih menarik untuk dikunjungi



INISIATIF PELAKSANAAN 3-3.1A

MENANAM SPESIS POKOK BERDAYA SERAP KARBON

Penanaman spesis pokok teduhan yang mempunyai daya serap karbon yang tinggi dapat membantu menurunkan kesan pulau haba bandar mengimbangi suhu dan iklim sesuatu tempat, menapis haba serta menyumbang oksigen secara semula jadi.

Pemilihan spesis pokok yang mempunyai silara yang lebar serta bersaiz tinggi dapat menambah ruang litupan hijau di kawasan bandar dan membentuk koridor hijau bandar.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti spesis pokok yang sesuai dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.3.1;

Jadual 3.3.1:
Senarai Spesis Pokok dan Daya Serap Karbon Dioksida Per Tahun

	Nama Saintifik	Daya Serap Karbon Dioksida/ Pokok (kilogram/ tahun)	Ketinggian Matang (meter)
1.	*Khaya senegalensis* (Khaya)	72,119.00	30
2.	*Samanea saman* (Hujan-hujan)	28,488.40	20-30
3.	*Syzygium grande* (Jambu Laut)	32,740.00	25-45
4.	*Hopea odorata* (Merawan siput jantan)	11,878.00	25-30
5.	*Pongamia pinnata* (Mempari)	8,990.00	15-25
6.	*Mimusops elengi* (Tanjung)	8,289.00	15
7.	*Syzygium polyanthum* (Salam)	6,748.00	36
8.	*Sandoricum koetjape* (Sentul)	5,060.00	50
9.	*Fagraea fragrans* (Tembusu)	1,488.00	30
10.	*Garcinia griffithii* (Kandis)	1,211.00	30
11.	*Cananga odorata* (Kenanga)	756.59	10-20
12.	*Delonix regia* (Semarak api)	729.00	9-20
13.	*Ficus benjamina* (Beringin)	535.90	20
14.	*Filicium decipiens* (Kiara payung)	404.80	30
15.	*Pometia pinnata* (Kasai)	329.80	20-50
16.	*Swietenia mahagoni* (Mahogani)	295.70	40
17.	*Michelia champaca* (Cempaka)	207.90	50
18.	*Lagerstroemia speciosa* (Bungor)	160.14	30
19.	*Melaleuca cajaputi* (Gelam)	87.60	40

Rajah 3.3.2:
Cadangan Spesis Pokok Berdaya Serap Karbon



Khaya senegalensis
Khaya



Samanea saman
Hujan-hujan



Delonix regia
Semarak api



Syzygium grande
Jambu laut



Hopea odorata
Merawan siput jantan




Pongamia pinnata
Mempari



Mimusops elengi
Tanjung



Syzygium polyanthum
Salam



Sandoricum koetjape
Sentul



Fagraea fragrans
Tembusu

Sumber:
1. https://www.mybis.gov.my/one/
2. https://www.nparks.gov.sg

INISIATIF PELAKSANAAN 3-3.1B

MENGGALAKKAN PENANAMAN POKOK DI RIZAB JALAN DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN TERBUKA

Pokok teduhan di kawasan pinggir dan rizab jalan boleh berfungsi sebagai pokok teduhan kepada pengguna jalan raya. Ia dapat menyediakan ruang yang selesa kepada pengguna pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.

Kawasan yang terlibat boleh membentuk koridor hijau mampu meningkatkan ekosistem bandar, penampan angin yang kuat terutama di kawasan lebuh raya serta mengawal hakisan tanah.

Pemilihan spesies yang bersesuaian dengan lokasi penanaman adalah bergantung kepada kesesuaian karakter pembesaran spesies.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.3.2

Jadual 3.3.2:
Langkah Penanaman Pokok di Rizab Jalan dan Tempat Letak Kenderaan Terbuka

<table>
<tr><th>Kawasan Cadangan</th><th>Langkah Penanaman</th></tr>
<tr><td>1. Rizab Jalan Utama
a. Rizab Jalan 15 meter atau 50 kaki;
b. Rizab Jalan 20 meter atau 66 kaki;
c. Rizab Jalan 24 meter atau 80 kaki;
d. Rizab Jalan 30 meter atau 100 kaki; dan
e. Rizab Jalan 39 meter atau 132 kaki.</td><td rowspan="2">Kaedah Penanaman
1. Penanaman pokok teduhan secara sulaman pada kawasan yang mempunyai kriteria seperti berikut:
a. Pokok tepian jalan yang kurang memberi kesan teduhan; dan
b. Penggantian pokok sedia ada yang tidak subur dan berbahaya.
2. Penanaman pokok secara berlapis, bercampur dan berbentuk semula jadi di rizab yang lebar dan luas digalakkan bagi menyokong habitat biodiversiti bandar;
3. Penanaman pokok renek akan berfungsi sebagai pemisah keselamatan antara laluan kenderaan dan laluan pejalan kaki di jalan sedia ada yang tidak mempunyai ruang kawasan penanaman pokok yang khusus;
4. Penanaman pokok teduhan di persimpangan, bulatan dan kawasan jalan bertingkat dengan mengambil kira jarak penglihatan pemandu serta berfungsi sebagai penunjuk arah; dan
5. Pemasangan root barrier di sekeliling tiang infrastruktur pengangkutan dan bebendul jalan (curb) digalakkan.

Pemilihan Spesis pokok
Langkah yang perlu dalam pemilihan jenis tanaman adalah seperti berikut:
1. Spesis pokok berbunga lebat serta berbau wangi ditanam di kawasan rizab jalan protokol dan utama untuk keindahan dan menonjolkan identiti kawasan;
2. Spesis pokok utama dari jenis batang yang lurus atau tegak dengan kadar pertumbuhan yang cepat serta mempunyai kelebaran silara yang rendang untuk memberikan teduhan;
3. Spesis pokok sesuai untuk penstabilan, pemuliharaan dan pemeliharaan cerun seperti mempunyai akar tunjang dan mencengkam;
4. Spesis pokok yang mudah diselenggara seperti dahan tidak mudah patah atau rapuh, kadar luruh daun rendah serta dari jenis tahan pencemaran;
5. Spesis pokok yang mampu menarik menarik hidupan bandar seperti burung, tupai dan rama-rama; dan
6. Spesis pokok dengan clear trunk height minimum 2.0 meter dari aras tanah.</td></tr>
<tr><td>2. Tempat Letak Kenderaan Terbuka:
a. Mengenal pasti kawasan TLK atau ruang awam yang bersesuaian untuk dijadikan parklet.</td></tr>
</table>

INISIATIF PELAKSANAAN 3-3.1C

MENGGALAKKAN TANAMAN POKOK DI KAWASAN TANAH LAPANG

Kawasan litupan hijau dapat dipertingkatkan dengan penambahan bilangan pokok di kawasan tanah lapang Kuala Lumpur. Pokok teduhan dapat meningkatkan biodiversiti di kawasan hijau dan menyokong usaha untuk menghubungkan kelestarian alam sekitar dengan komuniti.

Penanaman spesis pokok yang unik dan terancam dapat meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan spesis pokok tropika yang merupakan aset berharga negara. Usaha ini juga dapat memupuk budaya kecintaan kepada landskap semula jadi bercirikan tropika dikalangan masyarakat serta kekal untuk tatapan generasi akan datang.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Kaedah Penanaman

a. Penanaman pokok teduhan secara sulaman pada kawasan yang mempunyai kriteria seperti berikut:
   - Pokok tepian jalan yang kurang memberi kesan teduhan; dan
   - Penggantian pokok sedia ada yang tidak subur dan berbahaya.

b. Penanaman pokok secara berlapis, bercampur dan berbentuk semula jadi di rizab yang lebar dan luas digalakkan bagi menyokong habitat biodiversiti bandar;

c. Penanaman pokok renek akan berfungsi sebagai pemisah keselamatan antara pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di jalan sedia ada yang tidak mempunyai ruang kawasan penanaman pokok yang khusus;

d. Penanaman pokok teduhan di persimpangan, bulatan dan kawasan jalan bertingkat dengan mengambil kira jarak penglihatan pemandu serta berfungsi sebagai penunjuk arah; dan

e. Pemasangan *root barrier* di sekeliling tiang infrastruktur pengangkutan dan bebendul jalan (*curb*) digalakkan.

2. Pemilihan Spesis Pokok

Langkah yang perlu dalam pemilihan jenis tanaman adalah seperti berikut:

a. Spesis pokok berbunga lebat serta berbau wangi ditanam di kawasan rizab jalan protokol dan utama untuk keindahan dan menonjolkan identiti kawasan;

b. Spesis pokok utama dari jenis batang yang lurus atau tegak dengan kadar pertumbuhan yang cepat serta mempunyai kelebaran silara yang rendang untuk memberikan teduhan;

c. Spesis pokok yang sesuai untuk penstabilan, pemuliharaan dan pemeliharaan cerun seperti mempunyai akar tunjang dan mencengkam;

d. Spesis pokok yang mudah diselenggara seperti dahan tidak mudah patah atau rapuh, kadar luruh daun rendah serta dari jenis tahan pencemaran;

e. Spesis pokok yang mampu menarik hidupan bandar seperti burung, tupai dan rama-rama; dan

f. Spesis pokok dengan *clear trunk height* minimum 2.0 meter dari aras tanah.

Inisiatif khusus penanaman pokok di kawasan tanah lapang dan persempadanan Kuala Lumpur adalah seperti di Jadual 3.3.3.

Jadual 3.3.3:
Langkah Penanaman Pokok di Kawasan Tanah Lapang dan Persempadanan Kuala Lumpur

Lokasi	Inisiatif Khusus
1. Tanah Lapang	1. Pokok utama hendaklah diberi keutamaan dalam penggunaan elemen landskap lembut kerana ianya akan memberi kesan teduhan yang lebih ketara dalam meningkatkan kualiti alam sekitar; dan 2. Kombinasi pelbagai jenis tanaman dapat mewujudkan persekitaran yang harmoni dan berfungsi, selain daripada tujuan estetika.
2. Persempadanan Kuala Lumpur	1. Kawasan persempadanan sedia ada yang masih mempunyai ruang hijau, cadangan rizab dan anjakan sempadan selebar 10 meter boleh dimanfaatkan sebagai rangkaian persempadanan di suluruh Kuala Lumpur.
3. Tasik dan Kolam Takungan Banjir	1. Menyediakan rangkaian hijau yang berkesinambungan serta menghubungkan tasik dan kolam takungan banjir, sungai, kawasan komuniti dan pusat tempatan.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-3.2: PENYEDIAAN LANDSKAP SECARA VERTIKAL

Penyediaan landskap secara vertikal berfungsi sebagai ruang alternatif untuk menggalakkan penyediaan elemen hijau di kawasan kejiranan dan perbandaran yang padat. Penyediaannya secara tidak langsung dapat meningkatkan densiti hijau di sesebuah kawasan dan bertindak sebagai penebat haba dengan melindungi sesebuah bangunan daripada sinaran terus matahari.

Lapisan penebat yang terbentuk mampu menyejukkan permukaan bangunan dan menggalakkan kecekapan tenaga di sesebuah bangunan.

Aplikasi landskap secara vertikal merupakan salah satu ciri utama ke arah pembentukan *Sponge City*. Konsep ini menumpukan pendekatan menyeluruh dalam menguruskan kitaran air di kawasan perbandaran dan membantu dalam mitigasi risiko banjir kilat.

Landskap secara vertikal ini boleh dilaksanakan di pembangunan berdensiti tinggi seperti pembangunan bercampur, perumahan berbilang tingkat atau perdagangan. Penyediaanya harus diberi penekanan kepada kawasan pembangunan baharu, pembangunan semula atau penjanaan semula kawasan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-3.2.



Penyediaan landskap secara vertikal di Hotel Parkroyal Collection.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-3.2A

MELAKSANAKAN KONSEP LANDSKAP SECARA VERTIKAL

Konsep landskap secara vertikal dapat menyumbang kepada penghijauan persekitaran bandar mampan. Ia dapat meningkatkan nilai tambah kepada bangunan dan persekitarannya menerusi peningkatan kualiti visual dari landskap lembut yang ditanam.

Tanaman yang menyeliputi bangunan dapat bertindak mengurangkan suhu dalaman dan secara langsung menjimatkan penggunaan tenaga yang akan menyumbang kepada peningkatan kualiti ekosistem bandar.

Pelaksanaan konsep landskap secara vertikal adalah strategi untuk mencapai sasaran penyediaan 20 meter persegi tanah lapang bagi setiap orang penduduk dan antara usaha meningkatkan keluasan litupan hijau.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.3.4.

INFO RINGKAS

LAPISAN PENANAMAN LANDSKAP VERTIKAL



Ekstensif

- Mempunyai beban taman yang ringan, kos atau modal pembinaan yang murah serta penyelenggaraan yang minimum
- Ketebalan lapisan medium tanah antara 50 milimeter sehingga 200 milimeter

Intensif

- Bercirikan beban taman yang berat, kos atau modal pembinaan yang mahal serta keperluan penyelenggaraan yang kerap
- Ketebalan lapisan medium tanah antara 200 milimeter sehingga 2000 milimeter

Sumber: Olahan Garis Panduan Perancangan Taman Atas Bumbung, 2012

Jadual 3.3.4:
Langkah Pelaksanaan Konsep Landskap Vertikal

Lokasi	Langkah Pelaksanaan
1. **Aras Bumbung** Taman yang terletak di atas bumbung sesebuah bangunan. 2. **Fakad Bangunan** Tanaman yang ditanam secara menegak pada fakad bangunan sama ada pada dinding bangunan atau pada struktur berasingan. 3. **Taman Teres** Taman yang terletak di tingkat tengah (*intermediate floor level*), balkoni dan podium dek. 4. **Laman Komuniti** Terletak samada di aras lobi atau atas tanah dan boleh diakses oleh orang awam dan pengguna bangunan sebagai kawasan umum seperti plaza, tempat permainan kanak-kanak, landskap air, dan sebagainya.	1. Menggalakkan pelaksanaan konsep landskap secara vertikal di kawasan pembangunan berdensiti tinggi seperti; a. Kawasan Pusat Bandar Raya; b. Kawasan pembangunan baharu; c. Kawasan pembangunan semula; dan d. Kawasan penjanaan semula. 2. Memastikan penyediaan 50 peratus kehijauan ini adalah dalam dua (2) kaedah seperti berikut: a. Sepuluh (10) peratus disediakan pada aras tanah bangunan dan 40 peratus disediakan secara vertikal (*multi level landscape*); atau b. Lapan (8) peratus disediakan pada aras tanah dan 42 peratus disediakan secara vertikal dimana 16 peratus merupakan kawasan hijau berbumbung. 3. Langkah penanaman yang dicadangkan adalah seperti berikut: a. Sistem pengairan taman vertikal perlu dirancang secara baik serta menggalakkan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan; b. Orientasi taman, arah tiupan angin serta sinaran matahari perlu diambil kira dalam mereka bentuk taman; dan c. Sistem perparitan seperti longkang, parit, *downspouts, sub-soil drain, discharge outlets, scupper drain* dan penghadang bagi mengelak sistem perparitan tersumbat perlu disediakan dan diluluskan. 4. Langkah yang perlu dalam pemilihan jenis tanaman adalah seperti berikut: a. Kawasan landskap vertikal ekstensif – pokok bersaiz kecil, memanjat dan menjalar, tanaman penutup bumi atau rumput, kaktus serta tumbuh-tumbuhan yang tahan lasak; dan b. Kawasan landskap vertikal intensif – pokok bersaiz sederhana, pokok renek, palma, paku pakis, buluh, herba dan lain-lain lagi yang bersesuaian.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-4: MEMPELBAGAI FUNGSI TAMAN DAN TANAH LAPANG

SENARIO SEMASA TANAH LAPANG DI KUALA LUMPUR

Penyediaan tanah lapang yang mencukupi, berkualiti dan diselenggara dengan baik akan menyokong kepada pembentukan bandar raya yang sihat dan *vibrant*. Kawasan hijau yang berkualiti mampu mengimbangi kesan negatif urbanisasi seperti kejadian pulau haba, perubahan iklim, pencemaran dan kehilangan biodiversiti bandar.

Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang (DBKL) menetapkan penyediaan minimum sepuluh (10) peratus tanah lapang awam bagi setiap pembangunan. Pembangunan tanah lapang yang berkualiti dapat mewujudkan keseimbangan kawasan hijau dengan kawasan pembangunan, serta meningkatkan kualiti hidup sesebuah masyarakat.

PSKL2040 menyasarkan penyediaan tanah lapang di Kuala Lumpur adalah 20 meter persegi bagi setiap penduduk menjelang tahun 2040. Sasaran ini akan menyokong pertambahan dan keperluan penduduk semasa dan akan datang. Selain daripada itu, usaha pewartaan kawasan lapang di Kuala Lumpur perlu dipertingkatkan.

Umumnya negara utama di Asia mempunyai keluasan tanah lapang kurang dari 20 meter persegi per penduduk seperti di Jadual 3.4.1.

Jadual 3.4.1:
Status Penyediaan Tanah Lapang Luar Negara

Bandar/ Negara	Meter Persegi Per Penduduk
1. Los Angeles (2012)	48.50
2. Washington (2012)	38.00
3. Greater London (2012)	40.00
4. Seoul (2010)	6.10
5. Tokyo (2013)	5.80
6. Hong Kong (2012)	2.70
7. Singapura (2015)	7.50
8. Bangkok (2020)	5.40

Nota: Pentafsiran penyediaan tanah lapang antara negara tersebut adalah berbeza.

Sumber: Olahan dari:
1. PLANMalaysia (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan), 2016
2. *Open Space Handbook -A guide for journalists in Hong Kong* (2018)

INFO RINGKAS

KEPERLUAN PENYEDIAAN TANAH LAPANG

Rancangan Fizikal Negara 4 (RFN4)
Penggunaan landskap hijau di kawasan perbandaran untuk menyokong dan mengembangkan kesinambungan habitat

Konsep Biodiversiti

Penekanan pemeliharaan landskap hijau di kawasan perbandaran

Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025

Sasaran WHO
Sembilan (9) meter persegi seorang

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

Sasaran 2040
Kuala Lumpur 2021: 10.61 meter persegi seorang
Kuala Lumpur 2040: 20.00 meter persegi seorang

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040


Lokasi: Taman Tasik Titiwangsa

Kawasan tepian tasik termasuk badan air merupakan aset utama tanah lapang di Kuala Lumpur.

Tahap penyediaan tanah lapang di Kuala Lumpur berbanding negeri dan bandar utama di Malaysia adalah di tahap sederhana seperti di Jadual 3.4.2 dan Jadual 3.4.3. Keperluan penyediaan ini perlu dipertingkatkan menerusi pelbagai inisiatif tambahan dan pendefinasian semula tanah lapang, iaitu kawasan lapang dan kawasan hijau bagi mencapai sasaran 20 meter persegi tanah lapang per penduduk tersebut.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang mempunyai kepelbagaian fungsi taman dan tanah lapang, terdapat tiga (3) Cadangan Pelaksanaan dicadangkan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-4 seperti Rajah 3.4.1.

Jadual 3.4.2:
Status Penyediaan Tanah Lapang Malaysia, 2016

Negeri	Meter Persegi bagi setiap Penduduk
1. Wilayah Persekutuan Putrajaya	206.00
2. Melaka	70.50
3. Negeri Sembilan	36.50
4. Wilayah Persekutuan Labuan	32.70
5. Terengganu	29.90
6. Pahang	24.20
7. Selangor	22.20

Sumber: PLANMalaysia (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)

Jadual 3.4.3:
Status Penyediaan Tanah Lapang di Lembah Klang

Bandar Raya/Bandar	Meter Persegi bagi setiap Penduduk
1. Petaling Jaya (2016)	26.80
2. Shah Alam (2016)	58.10
3. Subang Jaya (2016)	36.70
4. Klang (2016)	19.40
5. Sabak Bernam (2016)	19.80
6. Kuala Lumpur (2021)	**10.61**

Sumber: Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN

INFO RINGKAS

TANAH LAPANG DALAM KONTEKS KUALA LUMPUR



Kawasan Lapang

1. **Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)**
2. **Kawasan Lapang Awam 2 (OS2)**
3. **Kawasan Lapang Swasta (OS3)**
4. **Kawasan Lapang Awam Dalam Skim Persendirian (OS4)**
5. **Hutan Simpan (FR)**




Kawasan Hijau

1. **Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE)**
2. **Sebahagian rizab Infrastruktur dan Utiliti (IU)**
3. **Sebahagian rizab Pengangkutan (TR)**

Rajah 3.4.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-4

SP 3-4 **MEMPELBAGAI FUNGSI TAMAN DAN TANAH LAPANG**

- **CP 3-4.1** Pengukuhan Fungsi Tanah Lapang
- **CP 3-4.2** Pengukuhan Tanah Lapang Dan Rekreasi Sebagai Taman Bertaraf Dunia
- **CP 3-4.3** Pengaktifan Taman dan Tanah Lapang



RAJAH 3.4.2 | Pelan Taburan Kawasan Lapang dan Kawasan Hijau 2040

Petunjuk :

- Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)
- Kawasan Lapang Awam 2 (OS2)
- Kawasan Lapang Swasta (OS3)
- Hutan Simpan (FR)

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-4.1: PENGUKUHAN FUNGSI TANAH LAPANG

Bandar dan Komuniti Mampan adalah salah satu agenda yang digariskan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030 bagi memastikan bandar dan penempatan manusia adalah inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan.

Rancangan Fizikal Negara ke 4 (RFN4) menerusi Tindakan KI 3.3B menyenaraikan beberapa langkah untuk memperkasa kawasan hijau. Antara langkah tersebut adalah memelihara dan mengekalkan keluasan kawasan hijau termasuk taman bandar melalui pewartaan tanah lapang untuk menghalang sebarang penukaran aktiviti guna tanah.

Inisiatif pengukuhan penyediaan tanah lapang juga akan meningkatkan ketahanan bandar dan menjadikan Kuala Lumpur bandar berdaya huni dengan persekitaran hijau yang berkualiti dan kondusif.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui kawalan perancangan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-4.1.

INFO RINGKAS

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 4 (RFN4)

Persekitaran Berdaya Huni dan Komuniti Inklusif

Teras 3


Mengarusperdanakan Gaya Hidup Bersih, Sihat dan Selamat dalam Perancangan dan Pembangunan

Strategi KI 3.3

Memperbanyakkan Kawasan Hijau dan Meningkatkan Fungsinya untuk Dimanfaatkan Sebagai Ruang Interaksi Sosial

Tindakan KI 3.3B

Sumber: Rancangan Fizikal Negara 4



INISIATIF PELAKSANAAN 3-4.1A

MEMPERKUKUH TAFSIRAN TANAH LAPANG DALAM ZON GUNA TANAH

Draf PTKL2040 memperkukuh tafsiran tanah lapang dalam konteks pembangunan Kuala Lumpur. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menyokong strategi untuk menangani fenomena pulau haba dan tahap ketelapan air yang rendah di kawasan bandar.

Tanah lapang di Kuala Lumpur terdiri daripada kawasan lapang dan kawasan hijau. Kategori dan perinciannya adalah seperti di Jadual 3.4.4.

Jadual 3.4.4:
Perincian Definisi Tanah Lapang Dalam Konteks Draf PTKL2040

DRAF PTKL2040 Tanah lapang adalah terdiri dari kawasan lapang dan kawasan hijau berdasarkan definisi berikut:	
Kawasan Lapang	Kawasan Hijau
Keseluruhan Zon Guna Tanah Kawasan Lapang Awam 1 (OS1), Kawasan Lapang Awam 2 (OS2), Kawasan Lapang Swasta (OS3), Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4) dan Hutan Simpan (FR). 1. **Kawasan Lapang Awam 1 (OS1):** Merujuk kepada zon guna tanah kawasan lapang untuk aktiviti rekreasi seperti riadah, permainan, sukan atau aktiviti kebudayaan. OS1 termasuklah taman-taman rekreasi dan kawasan yang diserahkan oleh pembangunan swasta atau kerajaan untuk orang awam sebagai kawasan lapang yang diuruskan atau diselenggara oleh DBKL atau pihak yang berkaitan untuk kegunaan orang awam; 2. **Kawasan Lapang Awam 2 (OS2):** Merujuk kepada zon guna tanah kawasan lapang untuk pelbagai tujuan seperti aktiviti rekreasi semula jadi, zon penampan, pulau atau bulatan lalu lintas (*roundabout and traffic island*) yang bersesuaian, kawasan hijau linear, kawasan lebihan pembangunan yang dijadikan kawasan hijau seperti kawasan cerun dan tanah-tanah kecil antara pembangunan termasuk yang diserahkan oleh pihak swasta. OS2 adalah diurus dan diselenggarakan oleh DBKL atau pihak yang berkaitan; 3. **Kawasan Lapang Swasta (OS3):** Merujuk kepada zon guna tanah kawasan lapang untuk aktiviti rekreasi seperti taman, taman pemainan, tapak rekreasi, gelanggang sukan, padang golf atau aktiviti kebudayaan milik persendirian atau diuruskan secara persendirian di mana orang awam mempunyai akses terhad kecuali dengan kebenaran untuk penggunaannya; 4. **Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4):** Merujuk kepada kawasan lapang awam pelbagai guna yang terletak di aras tanah atau podium dan boleh diakses oleh orang awam. Keluasan OS4 tidak dikira dalam pengiraan keluasan zon guna tanah tetapi diambil kira dalam penyediaan keperluan kawasan lapang; dan 5. **Hutan Simpan (FR):** Merujuk kepada zon guna tanah hutan simpan yang diwartakan dan kawasan berhutan yang diuruskan atau diselenggara oleh pihak berkuasa awam yang berkaitan. Aktiviti atau struktur yang dibina seperti gazebo, kiosk, kemudahan-kemudahan sokongan perlu direka bentuk dengan skala yang bersesuaian tanpa menjejaskan flora dan fauna.	Sebahagian Zon Guna Tanah Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE), Infrastruktur dan Utiliti (IU) dan Pengangkutan (TR). 1. **Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE):** Merujuk kepada zon guna tanah yang ditetapkan untuk pengurusan pengebumian jenazah Islam dan Bukan Islam. Kawasan perkuburan ini termasuklah Tanah Perkuburan Islam, Cina, Hindu, Kristian dan lain-lain.; 2. **Infrastruktur dan Utiliti (IU):** Dalam konteks tanah lapang, hanya laluan rentis atau talian transmisi atau koridor utiliti (10 peratus), sungai dan tasik (10 peratus) serta koridor sungai (7 atau 4 meter) yang diambil kira; dan *Definisi: Merujuk kepada zon guna tanah yang ditetapkan bagi penyediaan infrastruktur dan utiliti iaitu bekalan air, bekalan tenaga (elektrik, gas, sistem penyejukan dan lain-lain), pembetungan, telekomunikasi, saliran (perparitan, sungai, tasik, kolam takungan atau tadahan), pelupusan sisa pepejal dan lain-lain infrastruktur dan utiliti berkaitan.* 3. **Pengangkutan (TR):** Dalam konteks tanah lapang, hanya laluan rizab jalan yang diambil kira (15 peratus). *Definisi: Merujuk kepada zon guna tanah yang ditetapkan bagi penyediaan kemudahan pengangkutan termasuk terminal pengangkutan awam, stesen pengangkutan awam, kemudahan Hentian dan Jalan (Park and Ride), kemudahan tempat letak kenderaan, depoh pengangkutan, rizab jalan, laluan rel dan kemudahan berkaitan lain yang dibenarkan untuk menyokong infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan.*

INISIATIF PELAKSANAAN 3-4.1B

MENETAPKAN KEPERLUAN TANAH LAPANG DALAM ZON GUNA TANAH

Keperluan tanah lapang dalam skim pembangunan di pelbagai zon guna tanah perlu ditetapkan dan dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup warga kota menjelang tahun 2040.

Keperluan penetapan tanah lapang dalam zon guna tanah adalah seperti di Jadual 3.4.5 dan Jadual 3.4.6.

Jadual 3.4.5:
Anggaran Sumbangan Kawasan Hijau dalam Zon Guna Tanah

Anggaran Sumbangan Kawasan Hijau
Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE)
1. 20 peratus daripada jumlah keluasan.
Pengangkutan (TR)
1. 15 peratus daripada jumlah keluasan rizab jalan.
Infrastruktur dan Utiliti (IU)
1. Sepuluh (10) peratus daripada jumlah keluasan laluan rentis, talian transmisi atau koridor utiliti; dan 2. Sepuluh (10) peratus daripada jumlah keluasan sungai dan tasik.

INFO RINGKAS

UNJURAN TANAH LAPANG 2040

2021

1,990,000 orang penduduk

2,112.28 hektar

10.61 meter persegi per penduduk

2040

2,350,000 orang penduduk

4,700.00 hektar

20.00 meter persegi per penduduk

Sumber: PSKL2040

Jadual 3.4.6:
Anggaran Sumbangan Kawasan Lapang dalam Zon Guna Tanah

Anggaran Sumbangan Kawasan Lapang
Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)
1. **100 peratus** keluasan bagi taman rekreasi awam; 2. Sepuluh (10) peratus daripada jumlah keluasan Zon Guna Tanah Kediaman 2 (R2), Kediaman 3 (R3) dan Kediaman 4 (R4); 3. Lima (5) peratus daripada jumlah keluasan Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 1 (TV1) dan Perkampungan Tradisi 2 (TV2); 4. Lima (5) peratus daripada jumlah keluasan Zon Guna Tanah Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC), Perdagangan Utama (MC) dan Perdagangan (C); 5. Lima (5) peratus daripada jumlah keluasan Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX); 6. Lima (5) peratus daripada jumlah keluasan Zon Guna Tanah Kemudahan Masyarakat Awam (PF); 7. 20 peratus daripada jumlah keluasan Zon Guna Tanah Institusi (INT); dan 8. Lima (5) peratus daripada jumlah keluasan Zon Guna Tanah Industri (IP), iaitu Taman Teknologi (TP).
Kawasan Lapang Awam 2 (OS2)
1. 100 peratus keluasan kawasan zon penampan, kawasan hijau linear dan lebihan pembangunan yang dijadikan kawasan hijau.
Kawasan Lapang Swasta (OS3)
1. 100 peratus daripada jumlah keluasan tapak.
Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4)
Penetapan penggantian kawasan lapang menerusi penyediaan garis panduan *green plot ratio*. 1. Penyediaan 50 peratus kawasan lapang secara: a. Keluasan kurang dari dua (2) hektar: Sepuluh (10) peratus disediakan pada aras tanah bangunan dan 40 peratus disediakan secara landskap vertikal; atau b. Keluasan melebihi dua (2) hektar: Lapan (8) peratus disediakan pada aras tanah dan 42 peratus disediakan secara landskap vertikal.
Hutan (FR)
1. 100 peratus jumlah keluasan hutan simpan.

INFO RINGKAS

ANGGARAN SUMBANGAN TANAH LAPANG

Guna Tanah Utama	Zon Guna Tanah	Keluasan (hektar)	Anggaran Sumbangan Peratusan Tanah Lapang	Tanah Lapang (hektar)
Kawasan Lapang				
Perdagangan	Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)	447.33	5%	22.37
	Perdagangan Utama (MC)	676.40	5%	33.82
	Perdagangan (C)	1,046.83	5%	52.34
Pembangunan Bercampur	Pembangunan Bercampur (MX)	1,850.47	5%	92.52
Industri	Taman Teknologi (TP)	230.37	5%	11.52
Kediaman	Kediaman 2 (R2)	707.11	10%	70.71
	Kediaman 3 (R3)	1,904.73	10%	190.47
	Kediaman 4 (R4)	364.70	10%	36.47
	Perkampungan Tradisi 1 (TV1)	41.23	5%	2.06
	Perkampungan Tradisi 2 (TV2)	133.83	5%	6.69
Institusi	Institusi (INT)	2,284.67	25%	571.17
Kemudahan Masyarakat	Kemudahan Masyarakat Awam (PF1)	1,037.87	5%	51.89
	Kemudahan Masyarakat Swasta (PF2)	51.33	5%	2.57
Kawasan Lapang	Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)	1,411.83	100%	1,411.83
	Kawasan Lapang Awam 2 (OS2)	392.41	100%	392.41
	Kawasan Lapang Swasta (OS3)	585.86	100%	585.86
	Kawasan Lapang dalam Skim Persendirian (OS4)	11.37	100%	11.37
	Hutan Simpan (FR)	84.62	100%	84.62
Kawasan Hijau				
Perkuburan	Perkuburan (CE)	366.34	20%	73.27
Infrastruktur dan Utiliti	Infrastruktur dan Utiliti (IU)	1,430.50	10%	143.05
Pengangkutan	Pengangkutan (TR)	120.45	15%	18.07
Keluasan Jalan di Kuala Lumpur		5,416.92	15%	812.54
Koridor Tepian Sungai *- Tujuh (7) meter lebar bagi sungai Kategori I dan II* *- Empat (4) meter lebar bagi sungai Kategori III*	*Rujuk Jilid 1 (4-2: Lapisan Kawalan Perancangan Bagi Koridor Tepian Sungai, Tasik dan Kolam)*	121.32	100%	121.32
		JUMLAH TANAH LAPANG		**4,798.94**

2,350,000	Unjuran penduduk tahun 2040
4,798.94	Jumlah Tanah Lapang (hektar)
47,989,382	Jumlah Tanah Lapang (meter persegi)
20.42	**Meter persegi tanah lapang per penduduk**

INISIATIF PELAKSANAAN 3-4.1C

MEMPERKASA TANAH LAPANG SEDIA ADA

Proses perbandaran yang pesat menyebabkan kawasan bandar menjadi tepu dan menyukarkan penyediaan tanah lapang baharu kerana ketersediaan tanah yang terhad. Tanah lapang sedia ada akan dikekalkan bagi mengelakkan tanah lapang tersebut ditukar guna kepada aktiviti guna tanah lain. Fungsi dan penggunaan tanah lapang sedia ada perlu diperkasa supaya penduduk setempat dapat menggunakan kemudahan kawasan rekreasi awam yang berkualiti dan selesa.


Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mewartakan tanah lapang yang telah dikenal pasti berpotensi untuk dijadikan kawasan rekreasi awam;
2. Menetapkan hierarki tanah lapang berdasarkan fungsi, keluasan dan tadahan penduduk;
3. Mengaktifkan penggunaan tanah lapang yang telah diwartakan bagi mengelakkan pencerobohan dan salah guna;
4. Memastikan pihak pemaju mematuhi keperluan tanah lapang dalam skim pembangunan dengan kemudahan rekreasi yang bersesuaian;
5. Mengenal pasti dan menaik taraf taman poket dan plaza berpotensi terutamanya di kawasan yang strategik dan kawasan tumpuan orang ramai;
6. Memastikan penyelenggaraan tanah lapang yang berterusan bagi keselesaan penduduk setempat dan pengguna; dan
7. Memantau secara berkala bagi memastikan kemudahan yang disediakan di tanah lapang dalam keadaan baik, selamat dan terus memberi faedah kepada penduduk setempat dan pengguna.

AMALAN TERBAIK

PEMERKASAAN TAMAN REKREASI DAN KOMUNITI SETEMPAT

Taman rekreasi menawarkan kemudahan kepada setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang atau status. Komuniti setempat dan pengguna taman rekreasi turut menerima kesan dan impak positif menerusi program pembangunan dan pemerkasaan taman rekreasi.

PROGRAM DAN CONTOH TAMAN	TEMA	
Playground Urbandale Park | City of Dallas	***Destination of Joy***	
Nature Play Nay Aug Avenue/ Lackawanna Heritage Valley Authority | Scranton	***Earth's Wonderland***	
Sports Fields Lou Costello, Jr. Recreation Centre | City of Los Angeles	***Game On!***	
Community Gardens Skinner Park | City of Chicago	***Putting Down Roots***	
Gathering Places Joe Kneip Park | City of North Las Vegas	***Everyone Is There!***	
Fitness Labor Street Park | City of San Antonio	***Working It Out***	

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-4.2: PENGUKUHAN TANAH LAPANG DAN REKREASI SEBAGAI TAMAN BERTARAF DUNIA

Kemudahan tanah lapang dan rekreasi yang berkualiti memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan persekitaran Kuala Lumpur serta menjadi daya tarikan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Kualiti tanah lapang dan rekreasi ini adalah dipengaruhi oleh konsep reka bentuk taman, jenis aktiviti dan kemudahan sokongan yang ditawarkan oleh kawasan rekreasi yang terlibat.

Matlamat utama pengukuhan dan penaiktarafan tanah lapang dan rekreasi adalah untuk menawarkan kemudahan dan persekitaran hijau yang berkualiti tinggi. Ia juga menjadikan Kuala Lumpur sebagai nodus koridor hijau bandar dan tarikan kepada bandar bersempadan. Tujuan pengukuhan dan penaiktarafan ini adalah untuk mengekalkan kawasan hijau, meningkatkan kemudahan sokongan bagi aktiviti rekreasi dan menyediakan ruang pembelajaran berkaitan alam sekitar.


Draf PTKL2040 mengenal pasti beberapa kategori taman yang berada di Kuala Lumpur mengikut jenis dan hierarki taman.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-4.2.



Lokasi: Taman Tasik Permaisuri

Persekitaran yang menarik di taman rekreasi awam dapat menarik kehadiran pengunjung.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-4.2A

MENYELARAS HIERARKI DAN FUNGSI TANAH LAPANG DI KUALA LUMPUR

Penyediaan tanah lapang perlu mengambil kira aspek pembangunan secara makro dan mikro menerusi prinsip perancangan yang inklusif, berfungsi, mudah sampai dan selamat. Prinsip ini dapat memastikan matlamat penyediaan kawasan lapang yang berkualiti serta berperanan dalam pembangunan ekonomi, sosial, pendidikan dan warisan.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah menerusi penyelarasan hierarki dan fungsi kawasan lapang seperti di Jadual 3.4.7.

Jadual 3.4.7:
Hierarki dan Fungsi Kawasan Lapang

Hierarki dan Fungsi
Taman Bandar 1. Taman Bandar merupakan hierarki taman paling utama di Kuala Lumpur yang menyediakan kemudahan kepada penduduk dan sekitar Konurbasi Nasional.
Taman Daerah 1. Taman besar yang terletak di beberapa kawasan utama di Kuala Lumpur untuk memenuhi keperluan penduduk tadahan seramai 200,000 orang. Taman ini disediakan dengan kemudahan rekreasi dan sukan secara bersepadu seperti stadium dan gelanggang permainan dengan penggunaan tanah secara optimum.
Taman Kejiranan 1. Taman yang terletak dalam kawasan kejiranan untuk memenuhi keperluan penduduk tadahan seramai 50,000 orang. Kemudahan yang disediakan boleh menampung aktiviti berskala besar dan penganjuran sukan.
Taman Tempatan 1. Taman yang terletak dalam kawasan perumahan yang dapat dikunjungi penduduk tempatan dengan tadahan penduduk 10,000 orang. Taman ini menyediakan kemudahan rekreasi harian dalam jarak berjalan kaki dan berbasikal.
Kawasan Permainan Tempatan dan Taman Poket 1. Taman di kawasan perumahan dan pusat bandar yang terletak dalam lingkungan jarak berjalan kaki.

Sumber: PSKL2040

AMALAN TERBAIK

CONTOH TAMAN REKREASI BERTARAF DUNIA

1. Central Park, New York



Central Park, New York merupakan tarikan pelancong dan penjana ekonomi serta memberi impak kepada tahap kesihatan fizikal dan mental, sosial, ekonomi, alam sekitar dan budaya bagi penduduk sekitar.

2. Vondelpark , Amsterdam



Vondelpark merupakan taman awam bandar seluas 47 hektar (120 ekar) dan dikunjungi kira-kira 10 juta pengunjung setiap tahun. Ia direka bentuk dengan taman seperti teater terbuka, taman permainan dan beberapa kemudahan perkhidmatan makanan. Keunikan taman ini adalah lokasi yang strategik, akses yang menyeluruh, aktiviti dan fasiliti yang disediakan, kawasan taman yang selamat dan selesa.

3. Ibirapuera Park, Brazil



Taman Ibirapuera dibina oleh Landskap Arkitek terkenal dunia, iaitu Roberto Burle Marx. Taman ini mempunyai lebih daripada 500 spesis tumbuhan dan menawarkan pelbagai fasiliti seperti muzium, galeri dalam taman, taman permainan kanak-kanak, laluan basikal dan larian serta elemen landskap kejur.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-4.2B

MENAIK TARAF TAMAN REKREASI UTAMA SEBAGAI TAMAN BERTARAF DUNIA

Taman rekreasi memainkan peranan penting dalam membina suasana alam sekitar yang bersih dan selesa untuk kesejahteraan manusia dan hidupan lain. Kawasan ini mampu meningkatkan kualiti reka bentuk dan imej landskap bandar.

Perancangan dan pembangunan sesebuah taman rekreasi bertaraf dunia di Kuala Lumpur boleh dilaksanakan berdasarkan kajian kes taman awam luar negara melalui penyediaan matriks amalan terbaik. Tujuan penyediaan matriks ini adalah sebagai;

1. Garis panduan dan piawaian untuk memastikan objektif dan tahap pembangunan dapat direalisasikan bagi pembangunan komuniti setempat;
2. Keperluan perancangan dan reka bentuk pelan induk pembangunan; dan
3. Sumber rujukan perancangan dan reka bentuk taman seperti penyediaan senarai spesis landskap lembut, keperluan kemudahan dan fasiliti rekreasi serta pengurusan dan penyelenggaraan.

PSKL2040 telah mengenal pasti sembilan (9) taman utama di Kuala Lumpur yang mempunyai potensi untuk dinaik taraf sebagai taman bertaraf dunia, seperti berikut:

1. Taman Warisan Tun Abdul Razak;
2. Taman Botani Perdana;
3. Taman Antarabangsa Bukit Jalil;
4. Taman Tugu;
5. Taman KLCC;
6. Taman Metropolitan Batu;
7. Taman Tasik Metropolitan Kepong;
8. Taman Tasik Titiwangsa; dan
9. Taman Persekutuan Bukit Kiara.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. **Pengurusan taman:**
   a. Merancang pengurusan taman yang mampan menerusi pelan tindakan khusus;
   b. Membentuk jaringan rakan strategik dengan taman-taman utama di seluruh dunia; dan
   c. Menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantau program pembangunan, penaiktarafan dan penyelenggaraan taman.
2. **Aplikasi hijau:**
   a. Menyediakan saliran mesra alam seperti *rain garden*, *bioswale*, kolam tadahan, tanah lembab dan permukaan telap air;
   b. Menggalakkan aplikasi sistem pengumpulan dan penuaian air hujan, pengairan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui; dan
   c. Menyediakan pusat untuk kitar semula bagi tujuan penghasilan baja tanaman organik menerusi kompos daun kering dan rumput.
3. **Imej dan karakter:**
   a. Memastikan keutamaan dan tumpuan diberikan untuk ruang awam yang pelbagai fungsi dan dihubungkan dengan baik;
   b. Membangunkan struktur mega atau mercu tanda sebagai identiti taman; dan
   c. Menyediakan pusat tumpuan pengunjung seperti amfiteater, dataran, plaza, herbarium, taman bertema dan galeri.
4. **Persekitaran taman yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat:**
   a. Menyediakan pelbagai kemudahan yang inklusif, mesra usia dan upaya; dan
   b. Memastikan penyediaan elemen keselamatan yang menyeluruh seperti butang kecemasan dan tempat untuk berkumpul bagi menghadapi situasi kecemasan.
5. **Kesalinghubungan:**
   a. Menyediakan rangkaian laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang saling berhubung dalam dan luar kawasan taman; dan
   b. Memastikan lokasi pintu masuk taman yang strategik dan berhampiran tempat letak kenderaan.
6. **Menyokong dan memelihara biodiversiti bandar:**
   a. Mewujudkan habitat semula jadi menerusi pemeliharaan dan pemuliharaan aset biodiversiti taman; dan
   b. Memperkenal elemen landskap lembut yang menarik dan unik seperti penanaman pokok spesis tempatan dan yang terancam.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-4.3: PENGAKTIFAN TAMAN DAN TANAH LAPANG

Inisiatif pengaktifan taman dan tanah lapang adalah memfokus kepada zon dan aktiviti yang boleh dijalankan di kawasan tersebut. Kawasan lapang dan rekreasi sedia ada perlu diberi nafas baharu bagi memastikan ruang dan kemudahan rekreasi yang disediakan adalah selamat. Kawasan lapang terlibat perlu dinaik taraf selari dengan permintaan dan perubahan komuniti setempat serta penyediaan kemudahan bagi golongan mesra usia dan upaya.


Aktiviti di taman wilayah dan taman bandar perlu lebih tertumpu kepada rekreasi pasif bagi memelihara dan meningkatkan kepelbagaian biodiversiti tanah lapang tersebut. Taman tempatan dan taman kejiranan pula perlu mempertingkatkan kemudahan fasiliti dan rekreasi yang disediakan bagi menggalakkan aktiviti bersifat komuniti yang aktif. Selain itu, program pendidikan alam sekitar boleh dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan pendedahan terhadap kepentingan alam semula jadi kepada semua peringkat umur.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-4.3.



Lokasi: Taman Tasik Titiwangsa

Penjenamaan semula Taman Tasik Titiwangsa adalah contoh terbaik menaik taraf landskap.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-4.3A

MENAIK TARAF TAMAN REKREASI SEDIA ADA

Penambahan fasiliti dan elemen rekreasi yang menarik adalah usaha untuk mengaktif dan menaik taraf taman rekreasi sedia ada.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 11 daripada 19 taman awam di bawah seliaan DBKL yang berpotensi untuk dinaik taraf seperti di Jadual 3.4.8.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mempergiatkan program dan aktiviti bertema bagi aktiviti sukan dan permainan, festival dan acara serta seni dan reka bentuk;
2. Meningkatkan program kesedaran dan pendedahan terhadap kepentingan alam semula jadi menerusi langkah pelaksanaan berikut:
   a. Memelihara dan memulihara aset biodiversiti taman;
   b. Melaksanakan program pendidikan alam sekitar;
   c. Menggalakkan aktiviti gotong-royong dalam kalangan komuniti setempat; dan
   d. Menerapkan elemen taman mampan seperti sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan untuk penggunaan di tandas awam dan tujuan siraman.
3. Meningkatkan pelaksanaan program naik taraf elemen kemudahan awam menerusi langkah berikut:
   a. Memastikan semua kemudahan adalah selamat serta mesra usia dan upaya;
   b. Menyediakan akses dan rangkaian laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berkesinambungan;
   c. Menyediakan tempat letak kenderaan yang bersesuaian dengan keperluan komuniti setempat; dan
   d. Menaik taraf kemudahan infrastruktur lain bagi menyokong aktiviti yang disediakan.

Jadual 3.4.8:
Senarai Taman-taman Awam dan Rekreasi di Kuala Lumpur

Taman-taman Awam dan Rekreasi
1. Taman Rimba Bukit Kerinchi
2. Taman Tasik Datuk Keramat
3. Taman Tasik Ampang Hilir
4. Taman Tasik Menjalara
5. Taman Tasik Danau Kota
6. Taman Tasik Sri Rampai
7. Taman Alam Damai
8. Taman Dusun Bandar
9. Taman Medan Idaman
10. Taman Rekreasi Ayer Panas
11. Taman Lake Field

INFO RINGKAS

PROGRAM DAN AKTIVITI TAMAN REKREASI AWAM



Aktiviti Aktif: Pengaktifan kawasan lapang sebagai ruang aktif integrasi komuniti secara optimum .



Aktiviti Semi-Aktif: Pengaktifan ruang awam terbuka melalui penyediaan pelbagai fungsi bagi aktiviti riadah berkumpulan.



Aktiviti Pasif: Pemeliharan dan pemuliharaan tanah lapang bagi menggalakkan interaktif antara pengunjung dan alam semula jadi.

Sumber: https://www.shutterstock.com/search/isometric-park/BigMouse

INISIATIF PELAKSANAAN 3-4.3B

MENGENAL PASTI TANAH LAPANG SEBAGAI KAWASAN PEMELIHARAAN HIJAU

Pengenalpastian tanah lapang sebagai kawasan pemeliharaan hijau adalah antara langkah pengekalan persekitaran sebagai warisan alam semula jadi. Ia berpotensi menjadi kawasan penyelidikan semula jadi di Kuala Lumpur. Kawasan pemeliharaan hijau ini berada dalam kategori Taman Wilayah berdasarkan fungsi dan hierarki kawasan lapang.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti beberapa kawasan lapang yang berpotensi sebagai kawasan pemeliharaan hijau seperti berikut:

1. Taman Wilayah:
   a. Taman Botani Perdana;
   b. Taman Tasik Titiwangsa;
   c. Taman Tasik Permaisuri;
   d. Taman Metropolitan Kepong; dan
   e. Taman Metropolitan Batu.
2. Taman Bandaran:
   a. Taman Rimba Bukit Kerinchi;
   b. Taman Pudu Ulu; dan
   c. Taman Bukit Jalil.

Langkah untuk menyokong pelaksanaan inisiatif ini perlu berasaskan kepada Senarai Hijau Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) yang melibatkan tiga (3) aspek pembangunan seperti berikut:

1. Tadbir urus yang baik;
2. Reka bentuk yang mesra alam; dan
3. Pengurusan yang efektif.

INFO RINGKAS





PROGRAM SENARAI HIJAU IUCN

Kawasan Perlindungan dan Pemuliharaan

Green List
Protected | Conserved Areas

- Mengekal sekurang-kurang 60 peratus kawasan litupan hijau
- Menggalak, mencapai dan mempromosi kawasan perlindungan yang berkesan, saksama dan berjaya dalam kalangan rakan kongsi negara dan pihak berkuasa
- Menyedia satu penanda aras rujukan yang global untuk kawasan perlindungan dan pemuliharaan untuk menilai sama ada kejayaan hasil pemuliharaan melalui tadbir urus dan pengurusan yang efektif dan saksama telah dicapai.

Jadual 3.4.9:
Cadangan Kawasan Pelindungan dan Pemeliharaan Hijau di Kuala Lumpur

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
Taman Wilayah	
1. Taman Botani Perdana 74.78 hektar	
2. Taman Tasik Titiwangsa 46.27 hektar	
3. Taman Tasik Permaisuri 55.42 hektar	
4. Taman Metropolitan Kepong 80.28 hektar	
5. Taman Metropolitan Batu 27.74 hektar	
Taman Bandaran	
1. Taman Rimba Bukit Kerinchi 64.06 hektar	
2. Taman Pudu Ulu 22.97 hektar	
3. Taman Bukit Jalil 33.20 hektar	

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-5: MEMPERKUKUHKAN RUANG BANDAR BAGI AKTIVITI AKTIF DAN KREATIF

SENARIO SEMASA PENGGUNAAN RUANG BANDAR SECARA AKTIF DAN KREATIF DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang pesat membangun perlu memberi penekanan kepada penggunaan ruang bandar secara aktif dan kreatif. DBKL telah menjalankan pelbagai usaha dalam memastikan penggunaan ruang bandar menjadi lebih *vibrant* dan menarik terutamanya dalam pusat bandar. Elemen reka bentuk bandar dan warisan yang terjalin dengan harmoni akan membentuk imej dan identiti Kuala Lumpur yang tersendiri.

Namun begitu, pandemik COVID-19 telah banyak mempengaruhi gaya hidup masyarakat bandar dan secara tidak langsung menjadikan penggunaan ruang awam bandar kurang optimum. Cabaran pada masa kini adalah untuk memperkukuhkan ruang bandar sedia ada dengan mengoptimumkan penggunaan ruang bandar selari dengan corak kehidupan semasa masyarakat.

Aspirasi utama Draf PTKL2040 adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang hijau, sihat dan *vibrant*. Ia boleh dicapai melalui pemulihan ruang bandar yang terbiar dengan mempertingkatkan kualiti persekitaran semula jadi, memulihara nilai warisan dan sejarah bandar raya Kuala Lumpur. Penekanan juga diberikan kepada usaha dalam meningkatkan *sense of place* ruang bandar dengan cadangan aktiviti yang aktif serta kreatif di sesebuah kawasan.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat mengukuhkan ruang bandar untuk aktiviti aktif dan kreatif, terdapat empat (4) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-5 seperti di Rajah 3.5.1.


Lokasi: Lebuh Pudu

Pembaharuan kawasan lorong belakang rumah kedai di sekitar Jalan Lebuh Pudu yang dilaksanakan telah menarik kehadiran pelancong.

Rajah 3.5.1:
Cadangan Pelaksanaan Strategi Perancangan 3-5

SP 3-5	MEMPERKUKUHKAN RUANG BANDAR BAGI AKTIVITI AKTIF DAN KREATIF
CP 3-5.1	Penjenamaan Semula Kawasan Bandar Lama Kuala Lumpur
CP 3-5.2	Perkongsian Jalan Dan Ruang Awam Untuk Aktiviti Jalanan
CP 3-5.3	Pengaktifan Ruang Terbiar Dan Kosong Untuk Mewujudkan Taman Poket Atau Plaza
CP 3-5.4	Pelaksanaan Zon Penggunaan Lampu DIOD Pemancar Cahaya (LED) Di Pusat Bandar Raya

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-5.1: PENJENAMAAN SEMULA KAWASAN BANDAR LAMA KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur telah mengalami perkembangan pesat daripada sebuah bandar perlombongan bijih timah kepada sebuah metropolis. Perkembangan ini telah banyak mengubah karakter perbandaran bandar lama Kuala Lumpur.

Cadangan penjenamaan semula melalui perspektif reka bentuk bandar dilihat mampu menaik taraf dan menghidupkan kembali bandar lama Kuala Lumpur. Ia juga untuk memastikan sejarah dan nilai pembentukan asal Kuala Lumpur dapat dikekalkan serta dihargai oleh semua generasi.

Pemuliharaan persekitaran kawasan, pengaktifan ruang serta peletakan sistem penanda arah dapat menonjolkan semula identiti Kuala Lumpur seperti suatu ketika dahulu. Cadangan pelaksanaan ini dilihat sebagai sokongan kepada Projek 'KL Dulu' yang telah dilaksanakan oleh pihak DBKL.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-5.1.

INFO RINGKAS

PEMBENTUKKAN BANDAR LAMA KUALA LUMPUR DARI TAHUN 1875 HINGGA 1878

Kuala Lumpur mula terbentuk di sekitar tahun 1875. Pembangunan pada ketika itu, hanya terhad di kawasan tebing timur Sungai Klang yang terletak di antara Market Street (Lebuh Pasar Besar) dan Java Street (Jalan Tun Perak).



Sumber: Kuala Lumpur 1880-1895, *A City in The Making*, J.M. Gullick

CP 3- 5.1 KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 3-5.1A

MEMPERKENALKAN SEMULA KAWASAN BANDAR LAMA KUALA LUMPUR

Elemen bandar dalam kawasan lama Kuala Lumpur dicadang untuk diberikan pembaharuan dan penambah baik dari aspek reka bentuk bandar. Ia dilihat sebagai usaha terbaik dalam mewujudkan semula ciri dan karakter bandar lama di Kuala Lumpur. Inisiatif ini dapat memperkenalkan semula Kawasan bandar lama Kuala Lumpur kepada masyarakat.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut :

1. Memulihara dan menyelenggara struktur, fakad, karakter, ketinggian dan reka bentuk bangunan kedai lama;
2. Meletakkan tanda pengenalan dan penanda tempat (*entry statement*) kepada binaan awal dalam kawasan bandar lama Kuala Lumpur seperti di Jadual 3.5.1;
3. Mencadangkan arca lantai (*marker*) yang menunjukkan kawasan bandar lama di Kuala Lumpur;
4. Memaparkan nama asal pada papan tanda jalan yang terdapat di Kuala Lumpur. Lokasi dicadangkan pada dinding bangunan yang berada di persimpangan jalan utama dalam kawasan bandar lama Kuala Lumpur seperti di Jadual 3.5.2;
5. Menyelaraskan reka bentuk, penulisan dan warna papan tanda bagi menggambarkan imej bandar lama Kuala Lumpur;
6. Memperkenalkan dan menambah baik lampu jalan, *bollard*, papan tanda arah yang berkonsepkan masa dahulu (*Vintage*); dan
7. Memperkenalkan kiosk informasi interaktif digital yang memaparkan sejarah pembentukan dan perkembangan Kuala Lumpur.

Jadual 3.5.1:
Cadangan Lokasi Penandaan Binaan Pertama

Lokasi Penandaan Binaan Pertama
1. Sekolah Melayu Awal Kuala Lumpur di Jalan Raja
2. Tapak Masjid Lama Kuala Lumpur (Masjid Kampung Rawa) di Jalan Tun Perak
3. Jambatan Utama Kuala Lumpur di Leboh Pasar Besar
4. Sekolah Cina Awal Kuala Lumpur di Jalan Hang Lekir
5. Sekolah Inggeris Awal Kuala Lumpur di Jalan Tun H.S. Lee


Lokasi: Leboh Pasar Besar

Gambaran struktur sebagai tanda pengenalan kepada Jambatan Utama Kuala Lumpur di Leboh Pasar Besar.

Jadual 3.5.2:
Cadangan Memperkenalkan Semula Nama Lama Jalan dalam Kawasan Bandar Lama Kuala Lumpur

Nama Terkini dan Nama Lama Jalan
Leboh Pasar Besar - Market Street
Medan Pasar - Old Market Square
Jalan Tun H.S. Lee - High Street
Lebuh Ampang - Ampang Street
Jalan Tun Tan Siew Sin - Cross Street
Jalan Tun Perak - Java Street, Mountbatten Road


Lokasi: Leboh Pasar Besar

Gambaran cadangan papan tanda nama jalan terkini dan terdahulu yang diletakkan pada dinding bangunan.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-5.2: PERKONGSIAN JALAN DAN RUANG AWAM UNTUK AKTIVITI JALANAN


Pertunjukan seni dan galeri terbuka seperti persembahan daripada artis jalanan, persembahan tarian atau *speaker corner* perlu ditempatkan di jalan atau ruang awam yang bersesuaian. Penetapan lokasi perlu mengambil kira kemampuan sesebuah kawasan untuk menjalankan aktiviti yang dicadangkan di samping meningkatkan penggunaan ruang dan aspek keselamatan di sesebuah kawasan.

Pengisian persembahan perlu bersesuaian dengan pemilihan ruang dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada persekitaran serta aktiviti harian kawasan. Aktiviti yang dicadangkan hendaklah diadakan secara berkala dan melibatkan kerja menambah baik persekitaran serta reka bentuk bandar.


Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lapan (8) lokasi yang berpotensi untuk dijadikan ruang pertunjukan seni dan galeri terbuka seperti di Rajah 3.5.2.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-5.2.

Rajah 3.5.2:
Lokasi Cadangan Menambah Baik Ruang Awam yang Berpotensi



1. Medan Pasar
2. *Historic Triangle*
3. Ruang hadapan Bangunan Cahaya Suria
4. Ruang tempat letak kereta Pasar Seni
5. Kawasan sekitar Bangunan Mahkamah Lama
6. Kawasan sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad
7. Lorong Panggung (Lorong Kwa Chai Hong)
8. Bulatan Dato' Onn



INISIATIF PELAKSANAAN 3-5.2A

MENAMBAH BAIK ELEMEN REKA BENTUK PERSEKITARAN KAWASAN YANG DIKENAL PASTI

Menambah baik elemen reka bentuk bandar di persekitaran kawasan yang dikenal pasti perlu mempunyai kadar interaksi pejalan kaki yang tinggi. Penambah baik tersebut perlu agar penggunaan ruang dapat dioptimumkan dan meningkatkan penggunaan ruang sedia ada. Inisiatif ini mencadangkan penambahbaikan daripada aspek teduhan, laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti, pencahayaan, kemudahan sokongan serta elemen reka bentuk yang lain. Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lapan (8) jalan atau ruang awam yang berpotensi untuk pelaksanaan inisiatif ini seperti berikut:

1. *Historic Triangle* (Jalan Bandar);
2. Ruang hadapan Bangunan Cahaya Suria;
3. Medan Pasar;
4. Ruang tempat letak kereta Pasar Seni;
5. Kawasan sekitar Bangunan Mahkamah Lama;
6. Kawasan sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad;
7. Lorong Panggung (Lorong Kwa Chai Hong); dan
8. Bulatan Dato' Onn.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa;
2. Mengindahkan kawasan teduhan dengan landskap dan perabot jalan yang menarik dan lebih praktikal bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif;
3. Menambah baik elemen dan menggalakkan aktiviti pencahayaan yang berwarna-warni bagi mewujudkan persekitaran yang ceria, menarik dan selamat terutamanya pada waktu malam seperti pencahayaan kreatif pada bangunan yang bersesuaian;
4. Menyediakan kemudahan sokongan seperti papan tanda atau informasi yang mencukupi di kawasan tumpuan;
5. Mengaktifkan semula bangunan lama dan tidak digunakan melalui kaedah penyesuaigunaan semula dengan aktiviti yang bersesuaian seperti kafe, *co-working space*, ruang galeri, pusat latihan pelajar institusi kebudayaan dan kesenian; dan
6. Mengaktifkan ruang belakang dan ruang kosong dengan aktiviti bertema bersesuaian seperti aktiviti penghibur jalanan (*buskers*) atau persembahan kebudayaan ringkas yang diadakan secara berjadual.


Lokasi: *Historic Triangle* (Jalan Bandar)

Gambaran pemuzik sedang membuat persembahan di *Historic Triangle.*


Lokasi: Medan Pasar

Gambaran cadangan teduhan di Medan Pasar bagi tujuan meningkatkan keselesaan dan menarik lebih ramai kedatangan penggiat seni dan pengunjung ke kawasan ini.


Lokasi: Bangunan Mahkamah Lama



Gambaran sebelum dan selepas keadaan ruang belakang Bangunan Mahkamah Lama yang telah dinaik taraf dalam Projek *River of Life* digunakan sebagai ruang untuk pemuzik membuat persembahan.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-5.3: PENGAKTIFAN RUANG TERBIAR DAN KOSONG UNTUK MEWUJUDKAN TAMAN POKET ATAU PLAZA

Pusat bandar raya memiliki beberapa ruang terbiar dan kosong yang berpotensi untuk dicadangkan sebagai taman poket atau plaza. Kawasan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya dan hanya digunakan sebagai ruang tempat letak kereta serta gerai makanan kecil-kecilan.

Aktiviti di sesebuah ruang, memainkan peranan yang penting dalam membentuk karakter dan fungsi sesuatu kawasan. Kebanyakan bandar besar tertumpu kepada aktiviti perniagaan dan kurang memberi perhatian terhadap kepentingan aktiviti sosial serta estetika bandar.


Cadangan ini melibatkan penambah baik kepada elemen bandar dan penaiktarafan kemudahan sokongan dalam usaha membentuk taman poket yang efektif dan berkualiti. Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lokasi berpotensi sebagai cadangan taman poket atau plaza di kawasan yang strategik dan kawasan tumpuan orang ramai.

Pendekatan terhadap pelaksanaan cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-5.3.



Lokasi: Jalan Gading

Gambaran cadangan taman poket yang boleh dilaksanakan di Jalan Gading.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-5.3A

MEMPERTINGKAT KUALITI TAMAN POKET ATAU PLAZA SECARA EFEKTIF

Kualiti taman poket dan plaza boleh dipertingkatkan dengan mengambil kira tiga (3) kualiti asas utama, iaitu mudah diakses, membenarkan dan menggalakkan penglibatan orang ramai serta mempunyai ruang yang selesa serta bersesuaian.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti tujuh (7) taman poket dan plaza yang berpotensi untuk dipertingkatkan secara efektif seperti berikut:

1. Plaza Masjid India;
2. Lot 227 di Jalan Bukit Nanas berhadapan Muzium Telekom;
3. Ruang di Jalan Gading;
4. Ruang di Persimpangan Jalan Inai;
5. Plaza di Jalan Jati;
6. Lot 716 di Medan Imbi; dan
7. Lot 743 di Jalan Khoo Teik Ee.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut :

1. Menyediakan dan menggalakkan mod mobiliti aktif sekitar taman poket dan plaza merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang, selamat serta selesa;
2. Mereka bentuk laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dengan elemen *traffic calming* terutamanya di kawasan yang mempunyai kadar pengguna pejalan kaki yang tinggi seperti jalan yang berdekatan kawasan sekolah dan kawasan tumpuan utama;
3. Memastikan penyelenggaraan persekitaran dan penyediaan kemudahan sokongan yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan berdaya saing;
4. Mengindahkan dan meningkatkan imej kawasan tempat letak kenderaan semasa dengan landskap serta perabot bandar yang menarik dan lebih praktikal bagi mewujudkan persekitaran yang *vibrant*;
5. Menambah baik elemen dan menggalakkan aktiviti pencahayaan yang berwarna-warni bagi mewujudkan persekitaran yang ceria, menarik dan selamat; dan
6. Mengaktifkan ruang kosong dengan mempelbagaikan kegunaan ruang bagi kegunaan aktiviti informal seperti tujuan pameran hasil seni bagi artis dan penghibur jalanan (*buskers*).

AMALAN TERBAIK

AKTIVITI JALANAN DI LA RAMBLA, BARCELONA

La Rambla merupakan sebuah laluan pejalan kaki sepanjang 1.2 kilometer dan dibarisi pokok teduhan di pusat bandar Barcelona dengan kelebaran persiaran pejalan kaki selebar 60 kaki. La Rambla sangat terkenal dengan aktiviti seni berupa patung manusia yang unik (*human statues*). Selain itu, laluan ini turut dihidupkan dengan aktiviti perniagaan, persembahan jalanan, demonstrasi politik serta perarakan perayaan.




Lokasi: La Rambla, Barcelona
Sumber: https://www.shutterstock.com/Mistervlad

La Rambla yang memperlihatkan identiti laluan pejalan kaki aktif serta dipenuhi pokok teduhan.

JALAN MASJID INDIA DAN JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN (TAR)

Jalan Masjid India dan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) merupakan salah satu pusat tumpuan utama membeli belah di pusat bandar Kuala Lumpur. Usaha menaik taraf telah banyak dijalankan oleh pihak DBKL dalam menjadikan Jalan TAR lebih mesra pejalan kaki seperti mengecilkan laluan kenderaan bermotor daripada tiga (3) kepada dua (2) atau satu (1) laluan bagi tujuan pelebaran laluan pejalan kaki dan landskap teduhan.



Lokasi: Jalan Masjid India



Lokasi: Jalan Tuanku Abdul Rahman

Penaiktarafan dan penambahbaikan Jalan Masjid India dan Jalan TAR merupakan usaha DBKL untuk memastikan ia menjadi pusat perdagangan yang *vibrant*, hijau dan mesra pejalan kaki.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-5.4: PELAKSANAAN ZON PENGGUNAAN LAMPU DIOD PEMANCAR CAHAYA (LED) DI PUSAT BANDAR RAYA

Kawasan persimpangan jalan boleh dijadikan ruang interaksi antara manusia dan ruang bandar. Pencahayaan pada waktu malam dapat menghidupkan suasana malam seperti Bandar Shibuya di Tokyo dan Fifth Avenue di New York. Bandar Raya tersebut telah menggunakan pengiklanan secara digital dengan kombinasi pencahayaan kreatif. Pendekatan ini dapat memberikan suasana ceria yang menghidupkan aktiviti malam dalam bandar.

Konsep ini dicadangkan menjadi kawasan tumpuan pengunjung pada waktu malam. Cadangan penambahbaikan ini juga akan memfokus kepada kawasan sedia ada bagi memberi impak yang lebih besar pada waktu malam.

Pelan Induk Pencahayaan Bandar Kuala Lumpur telah mengenal pasti strategi pencahayaan mengikut kawasan, ciri-ciri bangunan, kegunaan tanah dan kesesuaian pemakaian jenis cahaya. Pelaksanaan cadangan ini perlu dibaca bersama dengan pelan induk tersebut.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif pelaksanaan dicadangkan bagi CP 3-5.4.

AMALAN TERBAIK

PAPAN IKLAN LAMPU DIOD PEMANCAR CAHAYA (LED)



Lokasi: Fifth Avenue, New York
Sumber: https://www.shutterstock.com/Albo

Fifth Avenue, New York mempunyai pelbagai ruang pengiklanan secara digital dengan pencahayaan LED telah menjadi lokasi tumpuan pelancongan perniagaan bertaraf antarabangsa.

CP 3- 5.4 KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 3-5.4A

MENGGUNAKAN LAMPU DIOD PEMANCAR CAHAYA (LED) BAGI PENCAHAYAAN RUANG BANDAR

Pengunaan LED memberi pencahayaan ruang bandar dan mampu meningkatkan keselamatan, keselesaan serta menjadi tarikan kepada pengunjung di waktu malam. Pendekatan penggunaan lampu LED sesuai digunakan di kawasan pusat membeli belah, kawasan yang mempunyai vista yang menarik dan kawasan yang mempunyai kadar penggunaan pejalan kaki yang tinggi.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti empat (4) lokasi yang berpotensi untuk mengunakan LED bagi pencahayaan ruang bandar seperti berikut:


1. Plaza Low Yat dan MARA Digital;
2. Kawasan Pusat membeli-belah Pavilion sehingga ke Tun Razak Exchange (TRX);
3. Jalan Bukit Bintang; dan
4. Koridor *River of Life* (RoL).

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memastikan pelaksanaan pencahayaan bandar selaras dengan Pelan Induk Pencahayaan Kuala Lumpur;
2. Menggalakkan penggunaan papan iklan LED bagi menggantikan papan iklan konvensional;
3. Meningkatkan imej bangunan dan kawasan persekitaran melalui penggunaan papan iklan LED di kawasan perniagaan utama seperti di Pavilion dan MARA Digital; dan
4. Menggalakkan penyediaan papan iklan LED di laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dengan kadar penggunaan yang tinggi.



Gambaran papan iklan LED yang memberi pencahayaan kepada kawasan sekitar dan meningkatkan ciri keselamatan sesebuah kawasan.



Gambaran papan Iklan LED berteraskan aktiviti kewangan dan *stock exchange* boleh dilaksanakan di bangunan tarikan utama di Kuala Lumpur.



Gambaran penggunaan papan iklan LED di bangunan pusat membeli belah di sekitar Bukit Bintang.



Gambaran penggunaan paparan LED *Curtain Wall* di sekitar Menara Bank Muamalat, Menara OCBC dan Menara UAB yang mampu menjadi tarikan pelancong antarabangsa dan tempatan.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-6: MEMBANGUNKAN RANGKAIAN PENGHUBUNG TAMAN


SENARIO SEMASA RANGKAIAN PENGHUBUNG TAMAN DI KUALA LUMPUR

Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) memfokus pelan perancangan mobiliti aktif dan pembangunan infrastruktur bagi pejalan kaki dan penunggang basikal. Penekanan pembangunan ini memerlukan penyediaan infrastruktur yang bersepadu serta mesra pengguna, memberi teduhan, selamat dan selesa untuk digunakan. Usaha untuk membangunkan rangkaian hijau secara berterusan telah dinyatakan menerusi pelan tempatan sebelum ini. Rangkaian hijau yang terdiri daripada sambungan tanah lapang dan kawasan hijau di Kuala Lumpur perlu dipertingkatkan supaya lebih mesra kepada pengguna dan penduduk setempat.

Rangkaian penghubung taman ini akan menggalakkan konsep saling berhubung di antara tanah lapang dan kawasan hijau di seluruh Kuala Lumpur. Ia juga dapat meningkatkan nilai ameniti kawasan hijau, koridor biru, rizab penampan infrastruktur dan penghijauan kawasan sempadan. Rangkaian ini dapat membantu memelihara ekosistem dengan mengurangkan pecahan kawasan hijau akibat daripada pembangunan perbandaran yang pesat. Langkah pengindahan dan pemulihan kawasan di sepanjang rangkaian penghubung taman ini dapat mewujudkan lebih banyak kawasan tumpuan bagi aktiviti sosial dan rekreasi.

Pembangunan rangkaian penghubung taman ini dapat menjamin akses yang mudah dan lebih hampir dengan penduduk setempat bagi menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat dan kekal aktif. Ia dapat memberi keselesaan kepada pengunjung untuk menjalankan aktiviti rekreasi serta meningkatkan mobiliti antara kawasan dalam bandar. Pembangunan rangkaian ini akan merancakkan aktiviti sosial dan ekonomi serta meningkatkan daya huni bandar. Usaha ini juga menyokong strategi untuk menambah densiti hijau dan keluasan tanah lapang pada masa akan datang.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat untuk membangunkan rangkaian penghubung taman, terdapat dua (2) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-6 seperti Rajah 3.6.1.



Laluan berbasikal sedia ada di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur.

INFO RINGKAS

LALUAN BERBASIKAL KUALA LUMPUR

- Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur
- Wangsa Maju
- Kampung Batu
- Taman Tun Dr Ismail

Laluan Berbasikal Sedia Ada


Sumber: Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal Kuala Lumpur 2019-2028

- Enam (6) rangkaian utama sepanjang 254.40 kilometer

Cadangan Draf PTKL2040

Rajah 3.6.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-6

SP 3-6	**MEMBANGUNKAN RANGKAIAN PENGHUBUNG TAMAN**
CP 3-6.1	Pembentukkan Rangkaian Penghubung Taman
CP 3-6.2	Penandaan Tanda Sempadan Kuala Lumpur



RAJAH 3.6.2 | Pelan Cadangan Rangkaian Penghubung Taman

Petunjuk :

Sedia Ada
- Rentis Penghantar Elektrik
- Kawasan Lapang
- Hutan Simpan (FR)
- Badan Air (BDA)

Cadangan
- Rangkaian Utama
- Rangkaian Sekunder
- Rangkaian Sedia Ada

Laluan Pengangkutan Awam
- Laluan Pengangkutan dan Stesen
- Koridor Laluan MRT 3 dan Stesen (Dalam Perancangan)

Lain-lain
- Sempadan Kuala Lumpur
- Kawasan lapang
- Hutan Simpan
- Kawasan lapang dan Tasik

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-6.1: PEMBENTUKAN RANGKAIAN PENGHUBUNG TAMAN

Bandar Sihat perlu dirancang dan dilengkapi dengan infrastruktur serta kemudahan sokongan kesihatan untuk kegunaan warga kota. Kemudahan tersebut akan mewujudkan persekitaran yang menggalakkan gaya hidup sihat. Pendekatan ini juga menyokong dasar Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki menerusi amalan hidup sihat dalam kalangan penduduk bandar dengan menyediakan kemudahan bagi menyokong aktiviti berjalan kaki dan berbasikal sebagai aktiviti harian.

Pembangunan rangkaian penghubung taman perlu mengenal pasti potensi lokasi rangkaian untuk pelaksanaan. Ia perlu mengambil kira pembentukan ruang yang lebih berfungsi supaya dapat mengintegrasikan pelbagai aktiviti seperti laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti selaras dengan matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya hijau, sihat dan *vibrant*.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-6.1.

INFO RINGKAS

BANDAR SIHAT MESRA PEJALAN KAKI

Definisi


Bandar yang mempunyai persekitaran pejalan kaki dan dan basikal yang berkesinambungan, mesra pengguna, selesa, selamat dan mampan yang menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif



Lima (5) Prinsip Utama

1. Ketersambungan
2. Mesra Pengguna
3. Selesa
4. Selamat
5. Mampan

Sumber: Garis Panduan Pelaksanaan Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki (*Healthy Walkable City) (2017)*, PLANMalaysia



INISIATIF PELAKSANAAN 3-6.1A

MENGENAL PASTI RANGKAIAN PENGHUBUNG TAMAN

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti enam (6) potensi rangkaian penyambung taman utama sepanjang 254.40 kilometer seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.6.1. Perincian kepada enam (6) rangkaian utama penghubung taman ini adalah seperti di Jadual 3.6.2 sehingga Jadual 3.6.7.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut :

1. Menghubungkan tanah lapang melalui laluan mobiliti aktif (laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti); dan
2. Mengenal pasti potensi rangkaian yang bersesuaian untuk pelaksanaan seperti koridor utiliti, koridor tepian sungai, rizab jalan utama, lorong belakang dan taman serta tanah lapang sedia ada.

Jadual 3.6.1:
Cadangan Enam (6) Rangkaian Penghubung Taman

Cadangan Rangkaian Penghubung Taman
1. Rangkaian Penghubung Taman Wilayah Utara: a. Meliputi kawasan Sentul - Menjalara (SM); dan b. Enam (6) segmen utama.
2. Rangkaian Penghubung Taman Wangsa Maju dan Taman Tasik Titiwangsa: a. Meliputi kawasan Sentul - Menjalara (SM); dan b. Sembilan (9) segmen utama.
3. Rangkaian Penghubung Taman Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur: a. Meliputi kawasan Pusat Bandar Raya; dan b. Sepuluh (10) segmen utama.
4. Rangkaian Penghubung Taman Pudu Ulu dan Alam Damai: a. Meliputi kawasan Bandar Tun Razak - Sungai Besi (BTRRS); dan b. Sembilan (9) segmen utama.
5. Rangkaian Penghubung Taman Taman Bukit Jalil dan Bohol: a. Meliputi kawasan Bukit Jalil - Seputeh (BJS); dan b. Empat (4) segmen utama.
6. Rangkaian Penghubung Taman Taman Bukit Kiara dan Kerinchi: a. Meliputi kawasan Damansara - Penchala (DP); dan b. Enam (6) segmen utama.

AMALAN TERBAIK

BANDAR MESRA BASIKAL COPENHAGEN

Penggunaan basikal oleh orang ramai dari semua peringkat umur di Copenhagen didorong oleh penyediaan infrastruktur dan ciri-ciri keselamatan yang terdiri daripada empat (4) faktor asas seperti berikut:

1. Elemen *traffic calming* yang disediakan;
2. Lorong basikal yang dicat;
3. Laluan berbasikal yang terpisah dari jalan raya; dan
4. Laluan hijau yang saling berhubungan.




Sumber: *https://www.shutterstock.com/Steve Heap*

Inderhavnsbroen ialah jambatan sepanjang 180 meter (590 kaki) yang merentasi pelabuhan Copenhagen dan dibina khusus bagi pejalan kaki dan penunggang basikal.



Sumber: *https://www.shutterstock.com/Mollebjerg*

Antara kemudahan keselamatan yang disediakan adalah lampu isyarat, papan tanda serta pembahagi jalan yang memisahkan lorong berbasikal dan jalan raya.



RAJAH 3.6.3 | Pelan Cadangan Enam (6) Rangkaian Penghubung Taman

Petunjuk :

- Rangkaian Penghubung Taman Wilayah Utara
- Rangkaian Penghubung Taman Wangsa Maju dan Taman Tasik Titiwangsa
- Rangkaian Penghubung Taman Pusat Bandar Kuala Lumpur
- Rangkaian Penghubung Taman Pudu Ulu dan Alam Damai
- Rangkaian Penghubung Taman Taman Bukit Jalil dan Bohol
- Rangkaian Penghubung Taman Taman Bukit Kiara dan Kerinchi

Lain-lain


- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

Jadual 3.6.2:
Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Wilayah Utara

1. Rangkaian Penghubung Taman Wilayah Utara

Terdapat enam (6) segmen utama seperti berikut:

a. **Segmen 1** (5.1 kilometer): Jalan Selayang - Lebuhraya Kepong, Kawasan Taman Metropolitan Kepong, Jalan Metro Perdana Barat dan Jalan 15/34C;
b. **Segmen 2** (4.8 kilometer): Taman Metropolitan Kepong, Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2), Kolam Takungan Banjir Intan Baiduri dan Kolam Takungan Banjir Pasar Borong Selayang;
c. **Segmen 3** (6.2 kilometer): Sungai Batu, Kolam Takungan Banjir Taman Nanyang, Jalan Jinjang Setia, Kolam Takungan Banjir Taman Wahyu dan Jalan 15/34C;
d. **Segmen 4** (4.8 kilometer): Jalan Kuching, Kolam Takungan Banjir Batu, Taman Metropolitan Batu dan Sungai Batu;
e. **Segmen 5** (4.6 kilometer): Jalan Besar Kepong, Jalan Kepong Lama, Jalan 1/18B dan Sungai Batu; dan
f. **Segmen 6** (2.3 kilometer): Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2), Jalan Jinjang Setia dan Jalan Besar Kepong.




* Cadangan tertakluk kepada kajian terperinci.

Jadual 3.6.3:
Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Wangsa Maju dan Taman Tasik Titiwangsa

2. Rangkaian Penghubung Taman Wangsa Maju dan Taman Tasik Titiwangsa

Terdapat sembilan (9) segmen utama seperti berikut:

a. **Segmen 1** (1.7 kilometer): Laluan Rentis, Taman Tasik Danau Kota dan Jalan Genting Klang;
b. **Segmen 2** (2.8 kilometer): Laluan Rentis, Sungai Bunus dan Kolam Takungan Banjir Setapak Jaya;
c. **Segmen 3** (2.0 kilometer): Sungai Bunus, Jalan 4/27A dan Jalan 2/27A;
d. **Segmen 4** (1.0 kilometer): Jalan 6/27A, Kompleks Sukan Setiawangsa dan Bukit Dinding;
e. **Segmen 5** (5.3 kilometer): Jalan 2/27A, Jalan Wangsa Perdana 3, Jalan 6/27A, Jalan Wangsa Perdana 1, Jalan Wangsa Delima dan Jalan 34/26;
f. **Segmen 6** (2.3 kilometer): Jalan 1/27A dan Jalan Mohd Yatim Yahya;
g. **Segmen 7** (2.5 kilometer): Jalan 34/26, Sungai Bunus, dan Taman Tasik Sri Rampai;
h. **Segmen 8** (3.5 kilometer): Sungai Bunus dan Taman Rekreasi Ayer Panas; dan
i. **Segmen 9** (2.2 kilometer): Jalan Sultan Yahya Petra, Lorong Gurney dan Taman Tasik Titiwangsa.




* Cadangan tertakluk kepada kajian terperinci.

Jadual 3.6.4:
Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur

3. Rangkaian Penghubung Taman Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur

Terdapat sepuluh (10) segmen utama seperti berikut:

a. **Segmen 1** (4.9 kilometer): Jalan Dato Onn, Jalan Sultan Salahuddin, Jalan Tun Ismail, Jalan Tunku, Jalan Putra dan Jalan Raja Laut;
b. **Segmen 2** (2.2 kilometer): Jalan Sri Amar, Jalan Dewan Sultan Ismail, Jalan Raja Abdullah, Jalan Raja Muda Musa, Jalan Hassan Salleh, Pintasan Saloma dan Jalan Saloma;
c. **Segmen 3** (4.4 kilometer): Jalan Ampang, Jalan 1/68B, Jalan Binjai, Persiaran KLCC, Jalan Stonor, Jalan Conlay, Jalan Kia Peng dan Jalan Perak;
d. **Segmen 4** (2.4 kilometer): Jalan Sultan Ismail, Jalan Ampang dan Jalan Gereja;
e. **Segmen 5** (1.1 kilometer): Jalan Bukit Bintang, Changkat Bukit Bintang, Jalan Ceylon dan Jalan Raja Chulan;
f. **Segmen 6** (7.3 kilometer): Jalan Sultan Ismail, Jalan Bukit Bintang, Jalan Gading, Jalan Utara, Jalan Barat, Jalan Harley, Jalan Kampung Pandan, Jalan Imbi, Jalan Khoo Teik Ee, Jalan Walter Granier, Jalan Sultan Ismail, Jalan Bulan 2, Jalan Bulan 1, Jalan 1/77B, Jalan Changkat Thambi Dollah, Jalan Brunei dan Jalan Pudu;
g. **Segmen 7** (0.9 kilometer): Jalan Bukit Bintang, Jalan Pudu dan Jalan Tun Perak;
h. **Segmen 8** (1.4 kilometer): Jalan Merlimau, Lorong Meranti, Jalan Hang Jebat dan Jalan Sultan;
i. **Segmen 9** (2.8 kilometer): Jalan Tun Perak, Jalan Pudu, Jalan Sultan, Jalan Petaling, Jalan Sultan Mohamed, Lebuh Pasar Besar, Jalan Hang Kasturi dan Jalan Tun Sambathan; dan
j. **Segmen 10** (7.1 kilometer): Jalan Sultan Salahuddin, Jalan Parlimen, Jalan Tanglin, Jalan Tembusu dan Taman Botani Perdana.




* Cadangan tertakluk kepada kajian terperinci.

Jadual 3.6.5:
Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Pudu Ulu dan Alam Damai

4. Rangkaian Penghubung Taman Pudu Ulu dan Alam Damai

Terdapat sembilan (9) segmen utama seperti berikut:

a. **Segmen 1** (1.3 kilometer): Jalan 4/91, Taman Pudu Ulu, Jalan 3/91A dan Jalan Pudu Perdana;
b. **Segmen 2** (1.5 kilometer): Jalan Pudu Perdana, Jalan 1/92B, Jalan 2/92B, Jalan Ikan Ayu dan Jalan Sekilau;
c. **Segmen 3** (6.0 kilometer): Laluan Rentis, Kolam Takungan Banjir Sri Johor, Laluan rentis, Jalan Sri Permaisuri 6, laluan rentis dan Taman Tasik Permaisuri;
d. **Segmen 4** (3.9 kilometer): Jalan Budiman, Jalan Tasik Permaisuri 2, Taman Tasik Permaisuri, Stadium Cheras Kuala Lumpur, Jalan Yaacob Latif, Jalan Bakti dan Jalan Adil;
e. **Segmen 5** (2.3 kilometer): Jalan Jujur, Persiaran Mewah, Jalan 2/118B, Jalan 12/118B dan Jalan 9/118B;
f. **Segmen 6** (2.4 kilometer): Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2), Terminal Bersepadu Selatan dan Kolam Takungan Banjir Sungai Midah;
g. **Segmen 7** (1.8 kilometer): Jalan 3/118B dan Persiaran Alam Damai;
h. **Segmen 8** (5.6 kilometer): Lingkungan Alam Damai dan Taman Alam Damai; dan
i. **Segmen 9** (1.1 kilometer): Jalan 1/144A dan Jalan 3/144A.




* Cadangan tertakluk kepada kajian terperinci.

Jadual 3.6.6:
Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Bukit Kiara dan Kerinchi

5. Rangkaian Penghubung Taman Bukit Kiara – Kerinchi

Terdapat enam (6) segmen utama seperti berikut:

a. **Segmen 1** (1.3 kilometer): Taman Persekutuan Bukit Kiara, Jalan Datuk Sulaiman, Jalan Tun Mohd Fuad 3 dan Taman Awam Bukit Kiara;
b. **Segmen 2** (2.5 kilometer): Jalan Damansara;
c. **Segmen 3** (3.0 kilometer): Jalan 16/1 dan Jalan Profesor DiRaja Ungku Aziz;
d. **Segmen 4** (1.2 kilometer): Lebuhraya Persekutuan (Laluan Motorsikal);
e. **Segmen 5** (1.3 kilometer): Jalan Kerinchi; dan
f. **Segmen 6** (4.6 kilometer): Jalan Pantai Permai, Jalan Pantai Murni, Lorong 17/122E dan Taman Rimba Bukit Kerinchi.



* Cadangan tertakluk kepada kajian terperinci.

Jadual 3.6.7:
Cadangan Rangkaian Penghubung Taman Bukit Jalil dan Bohol

6. Rangkaian Penghubung Taman Bukit Jalil dan Bohol


Terdapat empat (4) segmen utama seperti berikut:

a. Segmen 1 (2.5 kilometer): Jalan 1/152, Tasik Kampung Bohol, Jalan Tiara, Jalan 4/155, dan Jalan 1/152;

b. Segmen 2 (4.4 kilometer): Jalan 1/152, Sungai Kuyoh, Jalan Merah Caga, LRT Bukit Jalil, dan Stadium Nasional Bukit Jalil;

c. Segmen 3 (1.5 kilometer): Jalan 16/1, Sungai Kuyoh, Laluan Rentis, Jalan 4/155, Laluan Rentis, Lebuhraya Bukit Jalil, dan Jalan 13/155c; dan

d. Segmen 4 (3.2 kilometer): Lebuhraya Bukit Jalil, Jalan 13/155C, Jalan Jalil Perkasa 1, Lebuhraya Bukit Jalil, Persiaran Jalil Utama, dan Jalan 13/155C.



* Cadangan tertakluk kepada kajian terperinci.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-6.1B

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN UTAMA DAN SOKONGAN

Penyediaan kemudahan infrastruktur bagi rangkaian penghubung taman perlu disesuaikan dengan keperluan pengguna seperti mengambil kira prinsip ketersambungan, keselesaan, mesra usia dan upaya, keselamatan serta kemampanan.

Penekanan kepada keperluan tersebut dapat membantu melancarkan dan meningkatkan kebolehsampaian laluan rangkaian penghubung taman kepada pengguna.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.6.8.

Jadual 3.6.8:
Langkah Penyediaan Kemudahan Utama dan Sokongan Rangkaian Penghubung Taman

Jenis Kemudahan	Perincian
Kemudahan Utama	1. Laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti: a. Mempunyai permukaan yang tidak licin: • Permukaan yang bersih dan bebas daripada halangan seperti penyediaan saluran air bagi mengelakkan air bertakung di permukaan laluan; b. Memastikan laluan rangkaian yang selamat dan selesa dengan mengambil kira jenis laluan berbasikal yang akan dilaksanakan: • **Lorong terkawal**: lorong yang disediakan terasing atau di tepi jalan raya dengan pemisah seperti median jalan dan kawasan berlandskap; dan • **Lorong guna sama**: lorong di atas permukaan jalan raya yang mengasingkan basikal dan kenderaan bermotor dengan menggunakan penanda jalan seperti tonggak jalan dan bebendul jalan. c. Menyediakan laluan berbasikal dengan kelebaran minimum 1.5 meter: • Laluan basikal hendaklah disediakan secara bersebelahan dengan laluan pejalan kaki dengan kelebaran tidak kurang daripada 1.2 meter lebar bagi laluan dua hala rendah penggunaan atau 1.5 meter bagi laluan dua hala tinggi penggunaan. 2. Struktur penghubung laluan seperti jejantas dan jambatan: a. Memastikan laluan jaringan yang bersambung dan tidak terganggu oleh laluan rel kereta api dan sungai; dan b. Menyediakan jejantas berbasikal dan pejalan kaki jika lintasan pada aras jalan tidak dapat diadakan disebabkan oleh jumlah trafik yang tinggi.  Lokasi: Kolam Takungan Banjir Batu Gambaran jejantas berbasikal dan pejalan kaki di Jalan Kuching yang menghubungkan Kolam Takungan Banjir Taman Wahyu dan Kolam Takungan Banjir Batu.  Lokasi: Jalan Lingkaran Tengah (Kepong) Gambaran jambatan berbasikal dan pejalan kaki di Sungai Batu yang menghubungkan Kolam Takungan Banjir Intan Baiduri dan Kolam Takungan Banjir Pasar Borong Selayang.

Jadual 3.6.8:
Langkah Penyediaan Kemudahan Utama dan Sokongan Rangkaian Penghubung Taman (sambungan)

Jenis Kemudahan	Perincian
Kemudahan Sokongan	1. Keselesaan: a. Memastikan keluasan dan kelebaran yang bersesuaian, laluan tanpa halangan dan menjaga kebersihan rangkaian laluan; b. Menyediakan teduhan, landskap lembut dan kejur serta dilengkapi dengan kemudahan sokongan seperti bangku, tong sampah, lampu dan lain-lain; dan c. Menyediakan ruang awam seperti taman poket di sepanjang laluan rangkaian sebagai elemen tarikan dan berfungsi sebagai titik pertemuan atau nodus kepada pengguna. 2. Mesra usia dan upaya: a. Menerapkan elemen Reka Bentuk dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat terutamanya golongan warga emas, kurang upaya dan kanak-kanak. 3. Keselamatan: a. Menjamin keselamatan pengguna dari risiko kemalangan dan jenayah dengan menerapkan elemen Reka Bentuk Bandar Selamat (CPTED) seperti berikut: • Risiko kemalangan: Pengasingan laluan basikal dan pejalan kaki dari laluan bermotor dengan mewujudkan zon penampan atau peletakan perabot jalan seperti tonggak jalan, rel penghadang dan tanaman landskap; dan • Risiko jenayah: Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan butang kecemasan di kawasan tumpuan orang ramai atau terlindung.



Gambaran penyediaan kemudahan sokongan bagi rangkaian penghubung taman

- A Laluan berbasikal atau pejalan kaki
- B Papan tanda atau papan tanda arah
- C Tempat letak basikal
- D Tempat pemegang tangan dan penampan kaki
- E Lintasan jalan
- F Tonggak jalan atau rel penghadang
- G Elemen mesra usia dan upaya
- H Lampu isyarat
- I Taman poket
- J Kanopi hijau
- K Elemen keselamatan (CCTV + butang kecemasan + pagaran)
- L Elemen pencahayaan

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-6.2: PENANDAAN TANDA SEMPADAN KUALA LUMPUR

Sempadan adalah salah satu elemen reka bentuk bandar yang membentuk imej dan identiti sesebuah bandar. Tanda sempadan berfungsi sebagai pemisah fizikal dan pentadbiran bagi sesuatu kawasan. Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang pesat membangun mengalami limpahan pembangunan yang tersebar ke kawasan sekitar dan tidak terbatas mengikut garis sempadan kawasan.

Sempadan antara Kuala Lumpur dengan bandar bersempadan adalah tanpa penandaan yang jelas. Tujuan penandaan sempadan Kuala Lumpur secara fizikal dapat mengukuhkan identiti yang lebih jelas dan berfungsi sebagai elemen selamat datang. Draf PTKL2040 mengenal pasti 70 kawasan yang berpotensi untuk penandaan sempadan seperti di Rajah 3.6.4.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-6.2.

INFO RINGKAS

KATEGORI DAN KAWASAN SEMPADAN BANDAR


Sempadan lintasan atau selari jalan raya
51 Kawasan

Sempadan laluan rel kereta api
4 Kawasan

Sempadan koridor utiliti (rentis)
4 Kawasan

Sempadan sungai
11 Kawasan





RAJAH 3.6.4 | Pelan Cadangan Penanda Kawasan Sempadan Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Laluan Koridor Utiliti
- Sungai
- Sempadan Lintasan/Selari Jalan
- Laluan Rel Kereta Api

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 3-6.2A

MENGENAL PASTI ELEMEN PENANDA SEMPADAN

Elemen penandaan sempadan adalah ditetapkan mengikut kategori sempadan dan bertujuan untuk memberi imej persempadanan yang lebih jelas. Ia juga membentuk elemen selamat datang di sempadan Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.6.9.


Jadual 3.6.9:
Langkah Penanda Sempadan Kuala Lumpur

Kawasan Cadangan	Perincian
1. Sempadan lintasan atau selari jalan raya; 2. Sempadan laluan rel kereta api; 3. Sempadan koridor utiliti (rentis); dan 4. Sempadan sungai.	Elemen penanda sempadan yang sesuai dan berpotensi berdasarkan keadaan di tapak: 1. **Penanda jalan**: Elemen penanda mendatar di atas jalan seperti garisan atau plak penanda; 2. **Tiang sempadan**: Elemen penanda menegak di sempadan seperti batu sempadan, tiang atau pintu gerbang; 3. **Papan tanda**: Elemen selamat datang seperti papan tanda *3D* lampu Diod Pemancar Cahaya (LED) *lightbox* di infrastruktur pengangkutan atau jejantas; 4. **Mural**: Elemen penanda dalam bentuk lakaran yang berkait dengan imej dan identiti Kuala Lumpur seperti di tiang infrastruktur pengangkutan, laluan pejalan kaki atau bebendul jalan; dan 5. **Vertikal hijau**: Elemen vertikal hijau menerusi penanaman spesies yang bersesuaian dan mudah dijaga di struktur berasingan pada tiang infrastruktur pengangkutan atau tiang sempadan.

AMALAN TERBAIK

CONTOH PENANDA SEMPADAN

1. Penanda Jalan



Lokasi: Virginia – Tennessee




Lokasi: Netherland – Belgium

2. Tiang Sempadan


Lokasi: Lloydminster – Saskatchewan


3. Papan Tanda



Lokasi: Seoul, Korea

4. Mural


Lokasi: Cleveland, Ohio


Lokasi: Muskegon, Detroit

5. Vertikal Hijau


Lokasi: Mexico City

INISIATIF PELAKSANAAN 3-6.2B

MENYEDIAKAN MATRIKS ELEMEN PENANDAAN SEMPADAN

Matriks elemen penanda sempadan adalah rujukan kepada penyediaan elemen tanda sempadan yang bersesuaian di kawasan yang telah dikenal pasti. Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 3.6.10.

Jadual 3.6.10:
Matriks Penandaan Tanda Sempadan di Kuala Lumpur

Lokasi		Cadangan Penandaan Sempadan				
		Penanda Jalan	Tiang Sempadan	Papan Tanda	Mural	Vertikal Hijau
Sempadan Lintasan or Selari Jalan (rujuk lokasi pada Rajah 3.6.4)						
1.	Jalan Kuching (Selayang) – sedia ada pintu gerbang	✓		✓		
2.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (Bulatan Batu Caves)	✓				
3.	Jalan Sri Batu Caves (Batu Muda)	✓		✓		
4.	Lebuhraya DUKE Gombak – sedia ada pintu gerbang	✓	✓	✓	✓	
5.	Taman Melewar				✓	
6.	Jalan Gombak (Persimpangan Jalan Ibu Kota)		✓			
7.	Jalan Taman Melati			✓	✓	✓
8.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (LRT Gombak)	✓		✓	✓	
9.	Jalan Kolam Air (Taman Melawati)	✓	✓			✓
10.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (Taman Melawati)	✓	✓			
11.	Jalan AU5d/1 (Lembah Keramat)	✓	✓			
12.	Lebuhraya DUKE (Setiawangsa)	✓		✓	✓	
13.	Jalan Jelatek Setiawangsa	✓	✓		✓	
14.	Lebuhraya AKLEH (Datuk Keramat)	✓		✓		
15.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (KPJ Ampang)	✓	✓		✓	
16.	Jalan Ampang (Ampang Point)	✓		✓		
17.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (Taman Tasik Ampang Hilir)	✓	✓	✓		✓
18.	Jalan Ampang Putra	✓	✓			
19.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (Masjid Nurul Islam)		✓	✓	✓	
20.	Jalan Perkasa (Pandan Jaya)	✓		✓		
21.	Lebuhraya Sungai Besi (Taman Shamelin)	✓		✓		
22.	Jalan Perdana Utama	✓	✓	✓	✓	
23.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (Pandan Perdana)	✓	✓	✓		
24.	Jalan Kuari	✓	✓	✓	✓	
25.	Lebuhraya Cheras – Kajang (Cheras)	✓		✓	✓	
26.	Jalan 8/154 (Alam Damai)	✓	✓		✓	
27.	Jalan Desa Cheras (Alam Damai)	✓	✓	✓		
28.	Lebuhraya BESRAYA (Seri Kembangan)		✓	✓	✓	✓
29.	Lebuhraya PLUS (Sungai Besi) – sedia ada pintu gerbang			✓	✓	
30.	Jalan Serdang Raya	✓	✓	✓	✓	✓
31.	Jalan PBS 14/1 (TPM)	✓	✓			
32.	Lebuhraya Kuala Lumpur – Putrajaya (MEX)	✓	✓			
33.	Persiaran Puncak Jalil	✓	✓	✓		
34.	Jalan Impian Indah (Bukit Jalil)	✓	✓			

Jadual 3.6.10:
Matriks Penandaan Tanda Sempadan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi		Cadangan Penandaan Sempadan				
		Penanda Jalan	Tiang Sempadan	Papan Tanda	Mural	Vertikal Hijau
35.	Lebuhraya Bukit Jalil	✓	✓	✓	✓	✓
36.	Jalan Puchong (Taman Kinrara)	✓	✓	✓	✓	
37.	Lebuhraya KESAS (Sungai Kuyoh)	✓	✓	✓		✓
38.	Jalan Kelang Lama dan Lebuhraya NPE	✓		✓	✓	
39.	Lebuhraya Persekutuan – sedia ada pintu gerbang		✓	✓	✓	
40.	Jalan Prof Diraja Ungku Aziz (PPUM)			✓	✓	
41.	Jalan 16/1 (UM)	✓	✓	✓		
42.	Damansara Link - Lebuhraya SPRINT	✓		✓	✓	
43.	Jalan Burhanuddin Helmi (TTDI)	✓		✓	✓	
44.	Penchala Link			✓	✓	
45.	Lebuhraya NKVE – sedia ada pintu gerbang	✓		✓	✓	
46.	Lebuhraya LDP - Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2)	✓	✓	✓	✓	
47.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (Kepong Sentral)			✓	✓	
48.	Jalan Besar Kepong	✓		✓		
49.	Lebuhraya Lingkaran Tengah II (MRR2) (Simpang Selayang)	✓		✓	✓	
50.	Persimpangan Frim		✓			
51.	Pintasan Selayang Kepong (Kampung Melayu)		✓	✓	✓	
Laluan Rel Kereta api (rujuk lokasi pada Rajah 3.6.4)						
1.	Laluan KTMB (Bulatan Batu Caves)	✓		✓	✓	
2.	Laluan KTMB (Pandan Jaya)	✓		✓		
3.	Laluan KTMB/ERL (Sungai Kembangan)	✓		✓	✓	
4.	Laluan KTMB (Jalan Templer)	✓	✓			
Laluan Koridor Utiliti (rujuk lokasi pada Rajah 3.6.4)						
1.	Laluan Rentis (Pandan Jaya)			✓		
2.	Kampung Melayu Kepong			✓		
3.	Jalan Taman Batu Muda		✓	✓		
4.	Jalan Tujuh (Ampang Hilir)			✓		
Sungai (rujuk lokasi pada Rajah 3.6.4)						
1.	Sungai Jinjang (Selayang)	✓			✓	✓
2.	Sungai Batu		✓	✓		✓
3.	Sungai Gombak (Padang Balang)		✓			✓
4.	Sungai Klang (Kompleks Sukan Setiawangsa)	✓	✓			✓
5.	Sungai Kerayong (LRT Pandan Jaya)	✓		✓	✓	✓
6.	Sungai Kerayong (Cheras Baru)	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Sungai (Alam Damai)	✓		✓	✓	✓
8.	Sungai Kuyoh (TPM)	✓	✓	✓	✓	✓
9.	Sungai Kuyoh (Tasik Kampung Bohol)		✓			✓
10.	Sungai Klang (Sri Manja/KESAS)		✓	✓		✓
11.	Sungai Keroh (Kepong)		✓	✓	✓	✓

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-7: MENGHUBUNGKAN PUSAT AKTIVITI UTAMA BANDAR

SENARIO SEMASA KESALINGHUBUNGAN PUSAT AKTIVITI UTAMA BANDAR DI KUALA LUMPUR

Rangkaian kesalinghubungan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di pelbagai lokasi aktiviti utama dalam Kuala Lumpur berada di tahap memuaskan. Pintasan Saloma yang baharu siap dibina adalah usaha untuk menyambungkan Pusat Bandar Raya dengan kawasan tumpuan yang lain seperti kawasan KLCC ke kawasan Kampong Bharu dan laluan pejalan kaki bertingkat Bukit Bintang.

Laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti sedia ada ini perlu sentiasa ditambah baik dari aspek reka bentuk jalan, akses yang berterusan (*seamless*) dan bersesuaian dengan aktiviti pembangunan sekitar. Objektif menambah baik laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti ini adalah untuk menghubungkan kawasan dalam Pusat Bandar Raya secara berterusan dan meningkatkan penggunaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat peningkatan kesalinghubungan pusat aktiviti utama bandar yang efektif, satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-7 seperti di Rajah 3.7.1.

INFO RINGKAS

CIRI RANGKAIAN LALUAN PEJALAN KAKI YANG BERKESAN



Rajah 3.7.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-7

SP 3-7	**MENGHUBUNGKAN PUSAT AKTIVITI UTAMA BANDAR**
CP 3-7.1	Penambah Baik Lorong Sisi, Lorong Belakang dan Lorong Antara Bangunan



Lokasi: Pintasan Saloma, Kampong Bharu
Sumber: https://www.shutterstock.com/William Barton

Pintasan Saloma yang menghubungkan Kampong Bharu ke KLCC.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-7.1: PENAMBAH BAIK LORONG SISI, LORONG BELAKANG DAN LORONG ANTARA BANGUNAN


Fokus utama terhadap penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang baik adalah untuk menghindari pengguna daripada terlibat dengan sebarang kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan bermotor serta kejadian jenayah jalanan. Laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berterusan dan selamat akan menjadi pilihan pengguna untuk ke kawasan tumpuan dalam Pusat Bandar Raya.

Lorong sisi, belakang dan lorong antara bangunan dilihat berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu medium yang menghubungkan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti utama di Kuala Lumpur. Ia juga dapat mewujudkan rangkaian baharu pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di Kuala Lumpur.

Pedekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, program dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-7.1.



Lorong belakang yang berpotensi untuk menambah baik laluan pejalan kaki.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-7.1A

MENAIK TARAF LORONG SISI, LORONG BELAKANG DAN LORONG ANTARA BANGUNAN

Pengunaan lorong sisi, lorong belakang serta lorong antara bangunan boleh menjadi laluan tambahan kepada rangkaian pejalan kaki utama. Laluan ini berfungsi sebagai laluan alternatif, terhalang dari cahaya matahari dan kurang melibatkan kenderaan bermotor namun ia kurang diberi perhatian dan tidak diselenggara dengan baik.

Reka bentuk laluan ini mestilah memfokus kepada tarikan, keselamatan dan keselesaan pengguna. DBKL telah mengambil langkah yang proaktif dalam usaha mengaktifkan semula lorong sisi, lorong belakang dan lorong antara bangunan melalui penaiktarafan lorong secara *place making* yang berkonsepkan mural dinding atau arca.

Ciri lorong yang berpotensi untuk dinaik taraf adalah lorong yang berada di kawasan perniagaan aktif, mempunyai kadar penggunaan pejalan kaki yang tinggi, sempit serta mempunyai tahap pengawasan semula jadi yang rendah.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 14 lorong yang berpotensi sebagai keutamaan dalam Pusat Bandar Raya untuk pelaksanaan inisiatif ini seperti berikut:

1. Lorong Bunus 1 dan 2;
2. Lorong di Jalan Tuanku Abdul Rahman;
3. Lorong Petaling;
4. Lorong Madras;
5. Lorong Bandar 21;
6. Lorong Jalan Tun Sambanthan;
7. Lorong Vivekananda;
8. Lorong belakang Jalan Alor;
9. Lorong tengah Jalan Walter Garnier;
10. Lorong tengah Changkat Bukit Bintang;
11. Lorong belakang Jalan Merbau;
12. Lorong tengah Jalan Kenanga;
13. Lorong tengah atau belakang Jalan Meranti; dan
14. Lorong tengah atau belakang Jalan Meranti 2.

AMALAN TERBAIK


LORONG BELAKANG DI JALAN ALOR

Lorong Belakang di Jalan Alor merupakan salah satu daripada projek transformasi lorong yang dilaksanakan oleh pihak DBKL. Usaha pembaikan yang dijalankan meliputi turapan jalan, pencahayaan, sistem pengawasan kamera, penutupan longkang dan seni mural pada dinding bangunan telah berjaya mengaktifkan lorong dan meningkatkan tahap penggunaan lorong tersebut. Kini, Lorong Belakang Jalan Alor menjadi salah satu lokasi tumpuan untuk bergambar.



Lokasi: Lorong Belakang Jalan Alor

Rajah 3.7.2:
Kawasan Potensi bagi Tujuan Penambah Baik Lorong Sisi, Lorong Belakang dan Lorong antara Bangunan bagi Laluan Pejalan Kaki dan Kenderaan Mikromobiliti




Sumber : PBRKL 2020

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:



1. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berterusan, selamat dan selesa;
2. Memastikan penyelenggaraan lorong secara berterusan dan penyediaan landskap serta perabot jalan yang menarik bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif;
3. Menambah baik elemen pencahayaan dan menerapkan elemen bandar selamat seperti CCTV;
4. Menerapkan elemen reka bentuk sejagat dalam penyediaan kemudahan bagi memastikan ia adalah mesra usia dan upaya;
5. Menggalakkan pengaktifan fakad bangunan belakang (*dual façade*) melalui pengindahan dinding bangunan dengan seni mural; dan
6. Mengaktifkan semula lorong dengan aktiviti perniagaan seperti kafe, kiosk dan lain-lain aktiviti informal seperti pameran hasil seni bagi artis dan pemuzik jalanan.





Gambaran lorong antara bangunan yang dinaiktaraf melalui tambah baik *pavement* dan aktiviti kafe.

Jadual 3.7.1:
Cadangan Lokasi Penambahbaikan Lorong

Lokasi	Pelan Sisip
1. Kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman a. Lorong Bunus 1 dan 2; dan b. Lorong di Jalan Tuanku Abdul Rahman.	
2. Kawasan Pusat Bandar Lama a. Lorong Petaling; b. Lorong Madras; dan c. Lorong Bandar 21.	
3. Kawasan Brickfields a. Lorong Jalan Tun Sambanthan; dan b. Lorong Vivekananda.	
4. Kawasan Bukit Bintang a. Lorong belakang Jalan Alor; b. Lorong tengah Jalan Walter Garnier; dan c. Lorong tengah Jalan Changkat Bukit Bintang.	
5. Kawasan Kenanga Wholesale a. Lorong belakang Jalan Merbau; b. Lorong tengah Jalan Kenanga; c. Lorong tengah atau belakang Jalan Meranti; dan d. Lorong tengah atau belakang Jalan Meranti 2.	

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-8: MELAKSANAKAN JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR

SENARIO SEMASA JEJAK WARISAN DI KUALA LUMPUR

Pelan Induk Laluan Jejak Warisan (HTMP) mengintegrasikan kawasan serta bangunan yang memiliki nilai warisan dan sejarah dengan laluan pejalan kaki bagi mewujudkan satu rangkaian laluan jejak warisan yang komprehensif.

HTMP melihat aspek warisan dan pelaksanaan secara menyeluruh merangkumi warisan sejarah, budaya serta alam semula jadi selaras dengan dasar yang telah digariskan oleh PSKL2040. Pelan induk tersebut juga memfokus sumber warisan sejarah dan warisan budaya dengan lebih meluas melalui aktiviti pelancongan warisan seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi yang mampan.

Penyediaan HTMP menjadi rujukan dan mekanisma kawalan dalam membentuk identiti, karakter dan budaya di kawasan pelancongan warisan. Ia akan meningkatkan pengalaman pengunjung menerusi pelbagai reka bentuk bangunan lama, seni budaya, aktiviti dan cara hidup masyarakat. Selain itu, pelan induk ini juga menumpukan kepada penambah baik kemudahan infrastruktur di zon warisan yang berpotensi.

Pelaksanaan Jejak Warisan Kuala Lumpur perlu mengambil kira isu-isu semasa seperti penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan sokongan pelancongan, peningkatan akses dan kemudahsampaian, penumpuan kepada Warisan Tidak Ketara penambahan aktiviti kebudayaan dan lain-lain aktiviti yang bersesuaian bagi menarik pengunjung ke kawasan jejak warisan.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat untuk pelaksanaan jejak warisan yang komprehensif, tiga (3) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-8 seperti di Rajah 3.8.1.

INFO RINGKAS

ZON JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR

Jumlah Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur
13 Zon

Jumlah Laluan Jejak Warisan Sedia Ada
8 Laluan

Jumlah kawasan bersejarah dikenal pasti melibatkan Zon Warisan Kuala Lumpur
353 Kawasan

Sumber: Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur


LALUAN JEJAK WARISAN SEDIA ADA

Laluan Jejak Warisan	Zon Jejak	Tahun Disiapkan
Jejak Warisan 1	• Jejak Merdeka • Jejak Daerah Sivik • Jejak Pekan Dagangan Timah	2011-2014
Jejak Warisan 2	• Jejak Pekan Dagangan Timah • Jejak Rimba Bandar	2011-2014
Jejak Warisan 3	• Jejak Pekan Dagangan Timah	2011-2014
Jejak Warisan 5	• Jejak Pahlawan	2021
Jejak Warisan 6	• Jejak Rimba Bandar	2014-2019
Jejak Warisan 7	• Jejak Pekan Dagangan Timah	2014-2019
Jejak Warisan 8	• Jejak Pekan Dagangan Timah	2014-2019

Rajah 3.8.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-8

SP 3-8 MELAKSANAKAN JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR

- **CP 3-8.1** Pemuliharaan Tapak dan Bangunan Warisan di Zon Jejak Warisan
- **CP 3-8.2** Perluasan Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur
- **CP 3-8.3** Pemerkasaan Warisan Tidak Ketara



RAJAH 3.8.2 | Pelan Zon Jejak Warisan dan Laluan Jejak Warisan Sedia Ada Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Jejak Kampung Warisan
- Jejak Segi Tiga Emas
- Jejak Rimba Bandar
- Jejak Kedai Tradisional
- Jejak Bukit Bintang
- Jejak Pekan Dagangan Timah
- Jejak Pahlawan
- Jejak Merdeka
- Jejak Brickfields
- Jejak Taman Memorial
- Jejak Pekan Lama Pudu
- Jejak Daerah Sivik
- Jejak Lake Garden

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-8.1: PEMULIHARAAN TAPAK DAN BANGUNAN WARISAN DI ZON JEJAK WARISAN

Pemuliharaan Bangunan Warisan penting bagi menjadikan persekitarannya sebagai nodus utama kepada pengunjung. HTMP mengenal pasti 13 zon jejak di mana setiap zon jejak mempunyai nodus utama yang berfungsi sebagai kawasan tumpuan. Terdapat 66 bangunan warisan terletak dalam Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur.

Tapak dan bangunan warisan di semua nodus utama perlu dipulihara sebaiknya untuk diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain serta mampu menarik minat pelancong antarabangsa dan tempatan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-8.1.

INFO RINGKAS

BANGUNAN WARISAN DALAM ZON JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR

Bilangan bangunan warisan yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005

Warisan Kebangsaan: 25

Warisan: 11

Bilangan bangunan warisan dalam Proses Pewartaan oleh Jabatan Warisan Negara

3

Bilangan bangunan warisan dalam Perancangan Pewartaan Jabatan Warisan Negara (Inventori)

27

Jumlah bilangan bangunan warisan dalam Zon Jejak Warisan

66

Sumber :
1. Jabatan Warisan Negara,2022
2. Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur

CP 3- 8.1 KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 3-8.1A

MEMPERKASA CIRI NODUS UTAMA JEJAK WARISAN

Nodus merupakan titik atau lokasi yang strategik di kawasan bandar yang menjadi tumpuan orang ramai. Ciri-ciri yang penting dari segi fizikalnya adalah sebagai tempat pertemuan orang ramai seperti persimpangan jalan raya dan juga sebagai medan yang tertutup.

Nodus utama di Kuala Lumpur adalah seperti Dataran Merdeka, Taman KLCC serta kawasan plaza berhadapan dengan bangunan KLCC, Masjid Jamek Kuala Lumpur, Kasturi Walk Pasar Seni, KL Sentral, Lot 10 Bukit Bintang dan Pudu Sentral.

Kuala Lumpur juga mempunyai nodus kecil yang menjadi tumpuan orang awam dan pelancong seperti Pasar Seni, Pasar Raja Bot (Chow Kit), Pasar Pudu, Dataran DBKL, Plaza Pavilion Bukit Bintang, Stesen LRT Masjid Jamek, Stesen LRT Pasar Seni, Stesen LRT Hang Tuah, dataran hadapan Kompleks SOGO, Masjid India, Wisma Yakin dan Kompleks Pertama.

Kawasan nodus sedia ada banyak dipengaruhi oleh karakter persekitaran, lokasi, fungsi dan kepentingan serta aktiviti di sesebuah kawasan. Persekitaran dan ruang yang membentuk kawasan nodus perlu diperkasakan untuk terus kekal menjadikan nodus tumpuan dan tarikan pelancong.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti nodus utama yang memerlukan pemerkasaan seperti berikut:

1. Zon Warisan Primer - Parlimen, Carcosa Seri Negara dan Taman Warisan Tun Abdul Razak;
2. Zon Warisan Primer - Dataran Merdeka, Stesen Keretapi Kuala Lumpur, Masjid Negara dan Stadium Merdeka;
3. Zon Warisan Sekunder - Jalan Petaling - Bukit Nanas;
4. Zon Warisan Sekunder - Pekan Sungai Besi;
5. Zon Karakter Khas - Jalan Raja Laut dan Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh);
6. Zon Karakter Khas - Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Doraisamy dan Jalan Dang Wangi;
7. Zon Karakter Khas - Jalan Pudu; dan
8. Zon Karakter Khas - Brickfields.

Rajah 3.8.3 menunjukkan lokasi nodus utama Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur.


Lokasi: Masjid Negara

Masjid Negara merupakan bangunan berstatus warisan yang menjadi nodus utama pelancong dan orang ramai.


Lokasi: Pasar Seni

Pasar Seni terkenal sebagai tempat untuk pelancong mendapatkan barangan cenderamata.



Lokasi: KL Gallery

Galeri Kuala Lumpur adalah antara bangunan di mana info sejarah Kuala Lumpur dan barangan cenderamata boleh diperolehi. Bangunan ini merupakan nodus penting bagi Jejak Daerah Sivik.



Lokasi: Dataran Merdeka

Dataran Merdeka merupakan tempat bersejarah yang menjadi nodus utama dan ikonik yang dikelilingi bangunan warisan di Kuala Lumpur.



Taburan Bangunan Warisan

1. Bangunan Pejabat Pos Besar Lama
2. Masjid Jamek Sultan Abdul Samad
3. Kuil Seri Maha Mariaman
4. Tokong Sin Sze Si Ya
5. Bangunan Pasar Seni
6. Bangunan lama Dewan Bahasa dan Pustaka
7. Bangunan Vivekananda Ashrama
8. Tugu Negara
9. Bangunan Parlimen
10. Istana Negara Lama
11. Victoria Institution
12. Bangunan Sulaiman
13. Stesen Keretapi Lama
14. Ibu Pejabat Keretapi
15. Hotel Majestic
16. Dewan Perhimpunan Cina Selangor
17. Stadium Negara
18. Rumah Persekutuan
19. Masjid Negara
20. Muzium Negara
21. Tapak Bendera P. Tanah Melayu

Taburan Bangunan Warisan

22. Bangunan MaTic
23. Kuarters RRI
24. Muzium Telekom
25. Taman Botani Perdana
26. Bangunan Carcosa, Persiaran Tuanku Ja'afar, Tasik Perdana
27. Istana Tetamu, Persiaran Tuanku Ja'afar, Tasik Perdana
28. Institut Penyelidikan Perubatan
29. Padang Kelab Selangor
30. Kelab Diraja Selangor
31. Bangunan Sultan Abdul Samad
32. Bangunan Dewan Bandaraya (Panggung Bandaraya)
33. Mahkamah Tinggi Lama
34. Bangunan Bekas JKR Selangor (Muzium Tekstil)
35. Gereja St. Mary
36. St John Institution
37. Stadium Merdeka
38. Bangunan No 2 Jalan Stonor
39. Panggung Coliseum

Nodus Utama

1. Laman Tuanku Abdul Rahman
2. Countdown Clock
3. Galeri Kuala Lumpur
4. Masjid Negara
5. Tasik Perdana –Terowong Muzium Negara
6. Stesen Monorel Kuala Lumpur Sentral
7. Kelab Sultan Sulaiman
8. Hentian Bas Jalan Ampang
9. Menara Kuala Lumpur
10. Istana Negara Lama
11. Lot 10 Bukit Bintang
12. Pasar Pudu
13. Muzium Memorial

RAJAH 3.8.3 | Pelan Taburan Bangunan Warisan Dalam Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Jejak Kampung Warisan
- Jejak Segi Tiga Emas
- Jejak Rimba Bandar
- Jejak Kedai Tradisional
- Jejak Bukit Bintang
- Jejak Pekan Dagangan Timah
- Jejak Pahlawan
- Jejak Merdeka
- Jejak Brickfields
- Jejak Taman Memorial
- Jejak Pekan Lama Pudu
- Jejak Daerah Sivik
- Jejak Lake Garden

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan pemuliharaan bangunan warisan dengan mengekalkan karakter pada bangunan lama;
2. Meningkatkan imej dan karakter melalui reka bentuk perabot jalan, material, warna, pencahayaan dan penyusunan aktiviti yang menggambarkan karakter dan menyokong tema jejak warisan;
3. Menambah baik kemudahan sokongan pelancongan melalui penyediaan perabot jalan di kawasan nodus dan lokasi strategik;
4. Menambah baik kemudahsampaian menerusi penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien;
5. Menggalakkan elemen pencahayaan bagi menyerlahkan fakad bangunan dan meningkatkan keselamatan di laluan Jejak Warisan serta kawasan bangunan lama pada waktu malam;
6. Menerapkan konsep dan elemen bandar selamat seperti CCTV dan pondok keselamatan bagi mengatasi kejadian jenayah terutamanya di ruang terlindung antara bangunan; dan
7. Mempelbagaikan aktiviti nodus utama yang melibatkan orang ramai dan warisan tidak ketara seperti:
   a. Aktiviti berbentuk kebudayaan dan kesenian termasuk aktiviti berkala yang boleh mewujudkan karakter dan imej khas; dan
   b. Aktiviti yang serasi dan menyokong kawasan Jejak Warisan.

AMALAN TERBAIK

TRAFALGAR SQUARE, LONDON


Sumber: pinterest.com

Trafalgar Square ialah sebuah dataran awam di Westminster di tengah Kota London yang dibina pada awal abad ke-19. Tapak di sekitar Dataran Trafalgar telah menjadi mercu tanda penting sejak tahun 1200-an. Sejak dahulu kawasan ini berfungsi sebagai penanda tempat yang penting kepada kota London. Dataran itu telah digunakan untuk perhimpunan orang awam dan sambutan perayaan berskala besar yang menjadi tarikan jutaan pelancong dari seluruh dunia setiap tahun.



Ilustrasi aktiviti dan kemudahan kiosk jualan cenderamata di kawasan tumpuan pelancong dan nodus utama jejak warisan.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-8.1B

MENGUTAMAKAN ZON PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti tujuh (7) zon jejak yang terletak dalam Zon Warisan Kuala Lumpur sebagai kawasan keutamaan bagi pemuliharaan bangunan warisan dalam Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur adalah seperti di Rajah 3.8.5:

1. Zon Jejak Kedai Tradisional;
2. Zon Jejak Rimba Bandar;
3. Zon Jejak Merdeka;
4. Zon Jejak Pekan Dagangan Timah;
5. Zon Jejak Daerah Sivik;
6. Zon Jejak Pahlawan; dan
7. Zon Jejak Lake Garden.

Pemilihan zon pemeliharaan bangunan warisan mengambil kira aspek berikut:

1. Taburan dalam kelompok utama bangunan bersejarah dan berstatus bangunan warisan seperti di Jadual 3.8.1;
2. Kawasan nodus utama yang penting dalam Zon Jejak Warisan dan lokasi tumpuan orang ramai serta pelancong di Kuala Lumpur; dan
3. Zon Warisan Primer dan Zon Warisan Sekunder yang mempunyai kepentingan sejarah yang tinggi meliputi bangunan warisan dan sejarah kawasan tersebut seperti di Rajah 3.8.4.

Bangunan berstatus warisan, deretan bangunan kedai lama dalam Zon Jejak Kedai Tradisional, Zon Jejak Pekan Dagangan Timah dan di sepanjang kawasan *River of Life* yang mempunyai kepentingan warisan juga diberi keutamaan bagi pemuliharaan dan pengindahan.


INFO RINGKAS

ZON KEUTAMAAN PEMULIHARAAN WARISAN


Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur
13 Zon
39 Bangunan warisan

Zon Jejak Warisan dalam Zon Warisan Kuala Lumpur
7 Zon
33 Bangunan Warisan

Rajah 3.8.4:
Zon Warisan Kuala Lumpur



Rajah 3.8.5:
Kawasan Keutamaan Zon Jejak Warisan Draf PTKL2040



Jadual 3.8.1:
Senarai Bangunan Warisan dalam Jejak Warisan Kuala Lumpur

Zon Jejak Warisan	Senarai Bangunan Warisan	Status Pewartaan
Zon Warisan Kuala Lumpur		
1. Jejak Kedai Tradisional	1. Panggung Wayang Coliseum, Jalan Tuanku Abdul Rahman	Proses Pewartaan
2. Jejak Rimba Bandar	2. Bangunan Sek. Men St John, Jalan Bukit Nanas 3. Muzium Telekom, Jalan Raja Chulan	Warisan Kebangsaan Warisan
3. Jejak Merdeka	4. Bangunan Istana Negara Lama (Muzium Diraja) 5. Bangunan Sulaiman, Jalan Sultan Hishamuddin 6. Bangunan Stesen Keretapi, Jalan Sultan Hishamuddin 7. Bangunan Ibu Pejabat Keretapi, Jalan Sultan Hishamuddin 8. Hotel Majestic, Jalan Sultan Hishamuddin 9. Dewan Perhimpunan Cina Selangor 10. Masjid Negara, Jalan Perdana 11. Muzium Negara, Jalan Damansara 12. Tapak Kibaran Bendera Persekutuan Tanah Melayu 13. Victoria Institution, Jalan Hang Tuah 14. Stadium Merdeka, Jalan Stadium 15. Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin 16. Stadium Negara, Jalan Stadium	Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Warisan
4. Jejak Pekan Dagangan Timah	17. Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Jalan Tun Perak 18. Tokong Sin Sze Si Ya, Jalan Tun H.S Lee 19. Pasar Seni, Jalan Hang Kasturi 20. Kuil Sri Maha Mariaman, Jalan Bandar	Warisan Warisan Warisan Proses Pewartaan
5. Jejak Daerah Sivik	21. Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja 22. Bangunan Dewan Bandaraya , Jalan Raja 23. Bangunan Pejabat Pos Besar (Lama), Jalan Raja 24. Bangunan Mahkamah Tinggi Lama, Jalan Raja 25. Bangunan Bekas JKR Selangor (Muzium Tekstil) Jalan Sultan Hishamuddin 26. Gereja St. Mary, Jalan Raja 27. Padang Kelab Selangor, (Dataran Merdeka) 28. Kelab Diraja Selangor, Jalan Raja	Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan
6. Jejak Pahlawan	29. Tugu Negara, Jalan Parlimen 30. Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen	Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan
7. Jejak Lake Garden	31. Taman Botani Perdana, Jalan Kebun Bunga 32. Bangunan Carcosa, Persiaran Tuanku Ja'afar, Tasik Perdana 33. Istana Tetamu, Persiaran Tuanku Ja'afar, Tasik Perdana	Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Warisan
Luar Zon Warisan Kuala Lumpur		
8. Jejak Bukit Bintang	Tiada	
9. Jejak Taman Memorial	34. Bangunan Lama Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Dewan Bahasa	Warisan Kebangsaan
10. Jejak Brickfields	35. Bangunan Vivekananda Ashrama, Jalan Tun Sambanthan,	Warisan
11. Jejak Segi Tiga Emas	36. Dewan Tunku Abdul Rahman (MATIC), Jalan Ampang 37. Bangunan Institut Penyelidikan Getah Malaysia, Jalan Ampang 38. Bangunan No.2 Jalan Stonor (Badan Warisan),	Warisan Kebangsaan Warisan Kebangsaan Proses Pewartaan
12. Jejak Kampung Warisan	39. Bangunan Pusat Penyelidikan Perubatan, Jalan Pahang	Warisan
13. Jejak Pekan Lama Pudu	Tiada	

Sumber: Jabatan Warisan Negara, 2022

Langkah yang perlu dalam menambah baik zon jejak warisan adalah seperti berikut:

1. Menambah baik kemudahan sokongan pelancongan seperti perabot jalan, tanda pengenalan dan penanda tempat (*entry statement*), papan informasi dan peta penerangan digital sepanjang laluan jejak warisan;
2. Mempelbagaikan aktiviti yang melibatkan orang ramai dan aktiviti warisan tidak ketara seperti aktiviti *place making*, aktiviti keagamaan, sambutan perayaan pelbagai kaum seperti Jadual 3.8.2 dan aktiviti perniagaan informal seperti pasar malam dan bazar terbuka seperti di Jadual 3.8.3;
3. Menggalakkan sumber dan potensi baharu warisan yang menjadi tarikan pelancong seperti galeri sejarah, lukisan mural, alam semula jadi, bangunan lama bersejarah, acara kesenian dan persembahan kebudayaan, makanan tempatan atau tradisi dan aktiviti pasar terbuka seperti di Jadual 3.8.4 hingga Jadual 3.8.8;
4. Memelihara dan memulihara bangunan warisan dengan mengambil kira sejarah asal bangunan di kawasan tarikan;
5. Meningkatkan imej dan karakter melalui reka bentuk perabot jalan, material, warna, pencahayaan dan penyusunan aktiviti yang menggambarkan karakter dan menyokong tema jejak warisan;
6. Menambah baik kemudahsampaian menerusi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien seperti di Jadual 3.8.9;
7. Menggalakkan elemen pencahayaan bagi menyerlahkan reka bentuk fakad bangunan serta sebagai elemen keselamatan di laluan Jejak Warisan dan kawasan bangunan lama pada waktu malam;
8. Menerapkan konsep dan elemen bandar selamat seperti menyediakan CCTV, pondok keselamatan dan elemen pencahayaan;
9. Mereka bentuk laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dengan elemen *traffic calming* terutamanya di kawasan yang mempunyai kadar pengguna pejalan kaki yang tinggi seperti di Jadual 3.8.10; dan
10. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik.

Jadual 3.8.2:
Cadangan Lokasi Aktiviti Keagamaan Pelbagai Kaum

Cadangan Lokasi atau Aktiviti
a. Aktiviti Keagamaan Agama Islam: Masjid Negara, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Masjid India dan Masjid Kampong Bharu;
b. Aktiviti Keagamaan Agama Buddha: Perkuburan Cina Kwong Tong dan Tokong Sin Sze Si Ya; dan
c. Aktiviti Keagamaan Agama Hindu: *Little India*, Brickfields.

Jadual 3.8.3:
Cadangan Lokasi Aktiviti Pasar Malam dan Bazar Terbuka

Cadangan Lokasi atau Aktiviti
a. Jalan Raja Uda dan Raja Bot;
b. Jalan Petaling, Jalan Hang Kasturi dan Jalan Panggung;
c. Jalan Tuanku Abdul Rahman; dan
d. Jalan Melayu dan Jalan Masjid India.

Jadual 3.8.4:
Cadangan Lokasi Galeri Mini

Cadangan Lokasi atau Aktiviti
a. Pameran Koleksi Sejarah Kemerdekaan; berhampiran *Countdown Clock*; dan
b. Pameran sejarah awal Kampong Bharu di Padang Kelab Sultan Sulaiman.

Jadual 3.8.5:
Cadangan Lokasi Bangunan Lama yang Menjadi Tumpuan Aktiviti dan Pelancongan

Cadangan Lokasi atau Aktiviti
a. Bangunan Wisma Yakin, Selangor Mansion dan KL Mansion;
b. Bangunan Carcosa dan Istana Tetamu; dan
c. Bangunan Pejabat Agama Islam Wilayah Persekutuan, Bangunan Jabatan Penerangan Blok D, Bangunan bekas Mahkamah Tinggi Blok C dan Bangunan Auditorium Bandaraya.

Jadual 3.8.6:
Cadangan Lokasi Acara Kesenian dan Persembahan Kebudayaan Bertaraf Antarabangsa

Cadangan Lokasi atau Aktiviti
a. Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
b. Panggung Aniversari, Taman Tasik Perdana; dan
c. Bangunan Sultan Abdul Samad.

Jadual 3.8.7:
Cadangan Lokasi Tarikan Makanan Tempatan dan Tradisi

Cadangan Lokasi atau Aktiviti
a. Medan Ikan Bakar di Jalan Bellamy; b. *Street Food* di Jalan Petaling dan Jalan Panggung; c. *Street Food* di Jalan Alor dan Changkat Bukit Bintang; d. Makanan tradisi Melayu di Jalan Raja Alang - Raja Muda Musa - Raja Abdullah di Kampong Bharu; e. Makanan tradisi Kaum India di kawasan *Little India*, Brickfields; dan f. Makanan India Muslim di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India.

Jadual 3.8.8:
Cadangan Lokasi Aktiviti Pasar Terbuka Secara Terancang

Cadangan Lokasi
a. Jalan Pasar, Pudu; dan b. Pasar Raja Bot.

Jadual 3.8.9:
Cadangan Lokasi Laluan Pejalan Kaki yang Mesra Pengunjung

Cadangan Lokasi
a. Jalan Bukit Bintang - Persimpangan Jalan Imbi - Jalan Pudu - Jalan Sultan Ismail; b. Jalan Pasar, Pudu; c. Jalan Dr Latif - Lorong Angkut – Jalan Utama Hospital (dari Stadium Jalan Raja Muda ke arah Hospital Kuala Lumpur; dan d. Jalan Gereja - Jalan Ampang ke Bukit Nanas.

Jadual 3.8.10:
Cadangan Lokasi Lintasan Pejalan Kaki

Cadangan Lokasi
a. Hadapan Stesen KTM Kuala Lumpur; b. Jalan Tuanku Abdul Rahman - Jalan Masjid India - Chow Kit - Jalan Dang Wangi; c. Kampong Bharu - Masjid Jamek Kampong Bharu - Gerbang Kampong Bharu - Kelab Sultan Sulaiman; d. Jalan Tun Perak - Jalan Benteng - Medan Pasar - Jalan Hang Lekir; dan e. Laluan dari LRT Hang Tuah - LRT Pudu.

AMALAN TERBAIK

PORTOBELO MARKET, LONDON





Portobelo Market terletak di kawasan Notting Hill yang terkenal di London dan merupakan lokasi kepada kawasan pasar terbuka paling ikonik dan terkenal di dunia. Pelbagai tarikan aktiviti harian dan imejnya yang berbilang budaya menjadikan kawasan ini sebagai destinasi wajib dikunjungi pelancong ke Kota London.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-8.1C

MEMPERTINGKAT POTENSI SUNGAI DAN BANGUNAN LAMA DALAM ZON WARISAN

Sungai Gombak dan Sungai Klang adalah dua (2) sungai utama di mana pertemuan dua (2) sungai ini merupakan tempat bermulanya sejarah awal Kuala Lumpur.

Bangunan yang terletak di sekitar kawasan dan sepanjang sungai mempunyai kepelbagaian corak dan gaya seni bina mampu meningkatkan potensi dan identiti rupa bentuk bandar Kuala Lumpur. Inisiatif menjadikan sungai dan warisan sejarah sebagai tulang belakang kepada pembentukan identiti Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan suasana tempat di kawasan sungai dan persekitarannya;
2. Mewujudkan pertalian visual serta laluan antara kawasan sungai dan ke tapak jejak warisan yang berdekatan; dan
3. Mewujudkan sungai sebagai ruang awam yang berperanan sebagai penghubung pejalan kaki yang dominan di kawasan jejak warisan.

Pembangunan *River of Life* (RoL) menjadi penghubung penting kepada Jejak Warisan Kuala Lumpur di mana sejarah awal Kuala Lumpur bermula. Aktiviti berkaitan pelancongan warisan di kawasan ini perlu dihidupkan dan menjadikan potensi sebagai tarikan utama pelancong ke Kuala Lumpur.

INFO RINGKAS

ZON JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR

Zon Jejak Warisan sedia ada yang terletak di dalam pembangunan RoL


6 Zon jejak

- Jejak Kedai Tradisional
- Jejak Rimba Bandar
- Jejak Daerah Sivik
- Jejak Segi Tiga Emas
- Jejak Merdeka
- Jejak Brickfields

Bilangan bangunan lama yang terdapat dalam kawasan ini

146 Bangunan Lama

Rajah 3.8.6:
Pelan Induk Pembangunan *River of Life* (RoL)



Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 146 bangunan lama di sepanjang pembangunan RoL yang berpotensi sebagai tarikan pelancongan warisan dan sebahagian besarnya terletak dalam Zon Warisan Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memelihara dan memulihara bangunan warisan seperti fakad bangunan dengan mengambil kira sejarah dan rupa bentuk asal bangunan;
2. Menggalakkan pelbagai aktiviti bagi menghidupkan kawasan bangunan lama dan tepian sungai seperti aktiviti kebudayaan dan kesenian dan aktiviti perniagaan;
3. Menggalakkan elemen pencahayaan bagi menyerlahkan reka bentuk fakad bangunan serta sebagai elemen keselamatan di kawasan bangunan lama pada waktu malam;
4. Menambah baik kemudahsampaian menerusi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta perkhidmatan pengangkutan awam yang efisien;
5. Menambah baik kemudahan sokongan pelancongan seperti perabot jalan, tanda pengenalan dan penanda tempat (*entry statement*), papan informasi dan peta penerangan digital sepanjang laluan jejak warisan;
6. Meningkatkan imej dan karakter melalui reka bentuk landskap, perabot jalan, material, warna, pencahayaan dan penyusunan aktiviti yang menggambarkan karakter dan menyokong tema jejak warisan; dan
7. Mengawal pembangunan baharu supaya ketinggian tidak menghalang pandangan ke arah bangunan warisan.


Lokasi: Sekitar Bangunan Sultan Abdul Samad


Lokasi: Sekitar *River of Life*


Lokasi: Masjid Jamek Sultan Abdul Samad

Kelompok bangunan warisan di sepanjang pembangunan *River of Life.*


Lokasi: Bangunan Sultan Abdul Samad

Bangunan warisan di sepanjang pembangunan *River of Life* mesti dikekalkan sebagai tumpuan utama pelancong.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-8.1D

MEMBANGUNKAN PANGKALAN DATA GIS BERORIENTASIKAN PELANCONGAN WARISAN DAN APLIKASI DIGITAL

Pembangunan pangkalan data GIS berorientasikan pelancongan warisan adalah antara alternatif bagi pemerkasaan pelancongan warisan di Kuala Lumpur.

Laman sesawang khusus adalah satu platform promosi penting dalam perkongsian maklumat yang lebih formal, terkini dan efisien serta sebagai platform rujukan kepada pelaksanaan Jejak Warisan Kuala Lumpur. Ini boleh dilaksanakan menerusi pembangunan pangkalan data GIS berorientasikan pelancongan warisan yang menjurus kepada promosi pelancongan warisan di Kuala Lumpur. Langkah ini telah dilaksanakan dengan meluas di banyak negara dan berjaya menarik jutaan pelancong dari seluruh dunia.

Pembentukan sebuah aplikasi digital yang mengandungi info mengenai jejak warisan perlu juga dilaksanakan. Pengguna aplikasi ini akan mendapat info secara terperinci dari segi lokasi, jarak perjalanan dan pelbagai lagi maklumat tambahan yang menarik.

Pelayar internet akan dibawa melihat setiap kawasan jejak warisan secara terbang melalui video dan mendapat gambaran sebenar berkaitan pelancongan warisan dan Jejak Warisan Kuala Lumpur dengan lebih dekat. Kandungan laman sesawang perlu merangkumi butiran seperti berikut:


1. Informasi lengkap setiap Jejak Warisan;
2. Jadual acara atau kalendar tahunan;
3. Peta lokasi dan jejak;
4. Lawatan maya kawasan Jejak Warisan;
5. Itinerari aktiviti yang ditawarkan (*e-brochure*);
6. Platform perhubungan antara pemain industri; dan
7. Kemudahan muat turun audio bagi setiap papan cerita di kawasan Jejak Warisan.

Rajah 3.8.7:
Model Pembangunan Pangkalan Data GIS berorientasikan Pelancongan Warisan



AMALAN TERBAIK

PANGKALAN DATA GIS BERORIENTASIKAN PELANCONGAN WARISAN, SEPANYOL



Penggunaan pangkalan data GIS berorientasikan pelancongan warisan banyak membantu dalam mempromosi pelancongan di Madrid, Sepanyol.



CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-8.2: PERLUASAN ZON JEJAK WARISAN KUALA LUMPUR

Cadangan perluasan Zon Jejak Warisan meliputi kawasan warisan ketara dan warisan tidak ketara yang memberi tumpuan kepada tempat menarik seperti kampung tradisional, alam semula jadi, tapak bersejarah dan aktiviti seni budaya. Tujuan perluasan zon ini adalah seperti berikut:

1. **Meluaskan potensi sumberjaya pelancongan warisan sedia ada**

   Pemberian nilai tambah kepada produk pelancongan warisan sedia ada;


2. **Meningkatkan peluang ekonomi berteraskan warisan sejarah dan budaya**

   Faedah ekonomi melalui penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan warisan seperti program inap desa (*homestay*), produk tradisional dan persembahan seni budaya; dan

3. **Meningkatkan infrastruktur pelancongan sedia ada**

   Penyediaan infrastruktur pelancongan seperti kemudahsampaian dan lain-lain kemudahan sokongan yang dapat menggalakkan aktiviti baharu pelancongan warisan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, program dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-8.2.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-8.2A

MENGENAL PASTI ZON JEJAK WARISAN BAHARU

Perancangan dan cadangan Zon Jejak Warisan mesti mengambil kira potensi bangunan dan tapak yang tersenarai dalam inventori Jabatan Warisan Negara (JWN) termasuk kepentingannya kepada warisan Kuala Lumpur.

Lapan (8) kriteria khusus yang diambil kira bagi menentukan komponen dan elemen yang sesuai dalam Jejak Warisan Kuala Lumpur adalah seperti di Jadual 3.8.11.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti cadangan Zon Jejak Warisan baharu, sambungan kepada *Heritage Trail Master Plan* (HTMP) yang sedia ada dan penanda tempat utama berdasarkan kriteria penilaian jejak warisan seperti berikut;

1. Cadangan Penanda Tempat Tapak Warisan:
   a. Lapangan Terbang Lama Sungai Besi.
2. Cadangan Jejak Warisan Baharu:
   a. Jejak Rimba Warisan Kota (Bukit Persekutuan);
   b. Sambungan Jejak Kedai Tradisional;
   c. Jejak Istana Budaya; dan
   d. Jejak Kampung Tradisional Rizab Melayu Gombak.
3. Cadangan menghubungkan rangkaian Jejak Warisan baharu.

Jadual 3.8.11:
Kriteria Penilaian Kawasan Jejak Warisan

KRITERIA KHUSUS
KRITERIA 1 Mencerminkan rupa bentuk atau budaya asal atau sejarah awal Kuala Lumpur.
KRITERIA 2 Mempamerkan ciri dan pencapaian seni bina, teknologi, kesenian dan landskap yang tersendiri dan unik dalam konteks sejarah Kuala Lumpur.
KRITERIA 3 Merupakan mercu tanda yang mewakili suatu peringkat dalam sejarah perkembangan Kuala Lumpur.
KRITERIA 4 Mempunyai kaitan dengan peristiwa penting dalam sejarah Kuala Lumpur atau pembentukan Malaysia.
KRITERIA 5 Mempunyai kaitan dengan tokoh, individu, kumpulan atau organisasi yang pernah memainkan peranan penting dalam sejarah pembentukan Kuala Lumpur atau negara.
KRITERIA 6 Melibatkan kegiatan tradisional, kesenian, makanan, kebudayaan, keagamaan dan kerohanian yang masih kekal dan semakin pupus.
KRITERIA 7 Mempamerkan elemen landskap atau kehijauan semula jadi yang istimewa bagi Kuala Lumpur berbanding dengan kawasan lain.
KRITERIA 8 Mempunyai potensi sebagai titik tumpuan pembelajaran dan pencerahan seperti muzium dan galeri.





Lokasi: Zon Jejak Warisan Pekan Dagangan Timah


Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sangat komited bagi mempromosi Jejak Warisan Kuala Lumpur dan mengembangkan kawasan jejak warisan di kawasan berpotensi.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memelihara dan memulihara elemen warisan seperti rumah tradisional dengan mengambil kira sejarah dan rupa bentuk asal bangunan;
2. Meningkatkan imej dan karakter melalui reka bentuk landskap, perabot jalan, material, warna yang menyokong tema jejak warisan;
3. Menggalakkan pelbagai aktiviti bagi mewujudkan persekitaran yang *vibrant* seperti aktiviti penginapan, perniagaan, rekreasi, pendidikan serta aktiviti berkaitan kebudayaan dan kesenian;
4. Memastikan pembangunan baharu yang harmoni di sekitar Zon Jejak Warisan untuk mengelakkan kesan bayangan ke atas bangunan warisan;
5. Menyediakan kemudahan sokongan pelancongan seperti pusat informasi, perabot jalan, pintu gerbang, tanda pengenalan dan penanda tempat (*entry statement*), papan informasi dan peta penerangan digital;
6. Menambah baik kemudahsampaian menerusi laluan pejalan kaki dan kemudahan mikromobiliti yang menepati piawaian mesra upaya dan usia, efisien serta selamat;
7. Menerapkan konsep dan elemen Bandar Selamat seperti menyediakan CCTV, pondok keselamatan dan elemen pencahayaan; dan
8. Menggalakkan elemen pencahayaan bagi menyerlahkan reka bentuk fakad bangunan serta sebagai elemen keselamatan.

Jadual 3.8.12:
Cadangan Lokasi Jejak Penanda Tempat Tapak Warisan

Lokasi	Pelan Sisip
1. Lapangan Terbang Lama Sungai Besi	
2. Jejak Kampung Tradisional Rizab Melayu Gombak	
3. Jejak Istana Budaya	
4. Sambungan Jejak Kedai Tradisional	
5. Jejak Rimba Warisan Kota (Bukit Persekutuan)	



Cadangan Lokasi Jejak Penanda Tempat Tapak Warisan

1. Jejak Kampung Tradisional Rizab Melayu Gombak
2. Jejak Istana Budaya
3. Sambungan Jejak Kedai Tradisional
4. Jejak Rimba Warisan Kota (Bukit Persekutuan)
5. Lapangan Terbang Lama Sungai Besi

RAJAH 3.8.8 | Pelan Perluasan Zon Jejak Warisan Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Jejak Kampung Warisan
- Jejak Segi Tiga Emas
- Jejak Rimba Bandar
- Jejak Kedai Tradisional
- Jejak Bukit Bintang
- Jejak Pekan Dagangan Timah
- Jejak Pahlawan
- Jejak Merdeka
- Jejak Brickfields
- Jejak Taman Memorial
- Jejak Pekan Lama Pudu
- Jejak Daerah Sivik
- Jejak Lake Garden
- Laluan Pengangkutan Awam
- Laluan Penghubung Utama (RoL)
- Laluan Pejalan Kaki
- Laluan Pejalan Kaki dan Pengangkutan Awam

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Pusat Bandar Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 3-8.3: PEMERKASAAN WARISAN TIDAK KETARA


Warisan Tidak Ketara boleh diterjemahkan sebagai warisan tidak nyata seperti ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai adat dan budaya serta bahasa dan persuratan.

Keistimewaan Malaysia adalah melalui kepelbagaian bangsa atau kaum yang mengamalkan cara hidup, adat dan kepercayaan berbeza yang menarik untuk dipelihara. Kebudayaan yang unik tersebut merupakan warisan tidak ketara dan berupaya menjadi tarikan kepada pelancong luar ke negara ini.

Jabatan Warisan Negara (JWN) telah menyediakan Pelan Pengurusan Konservasi sejak 2017 bagi melindungi ketulenan semua warisan tidak ketara. Pelan Pengurusan Konservasi tersebut telah mengenal pasti 331 Warisan Tidak Ketara seperti busana, makanan, seni persembahan termasuk adat dan budaya masyarakat Malaysia. Warisan Tidak Ketara tersebut telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Pelan pengurusan ini penting bagi memastikan warisan asli negara dapat dikekalkan walaupun telah bercampur atau berasimilasi dengan budaya dan tempat lain.

Memperkasa Warisan Tidak Ketara adalah untuk memelihara dan menjamin identiti masyarakat Malaysia. Ia juga mampu menghidupkan kembali warisan seni dan budaya yang semakin terhakis dalam kalangan generasi muda. Warisan Tidak Ketara berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong luar ke negara ini bagi merasai pengalaman budaya dan warisan tempatan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-8.3.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-8.3A

MEMPERKASA POTENSI WARISAN TIDAK KETARA SEDIA ADA

Warisan Tidak Ketara meliputi pelbagai aspek kebudayaan dan tradisi masyarakat yang kurang ditonjolkan. Warisan Tidak Ketara juga sentiasa menjadi tarikan kepada pelancong dan berpotensi menyumbang ke arah pembangunan mampan.

Aktiviti yang berpotensi dan berupaya untuk menarik minat pelancong antarabangsa dan tempatan adalah seperti sambutan perayaan pelbagai kaum, seni persembahan, kemahiran tradisional dan makanan tempatan. Kesenian, kebudayaan, adat resam dan kemahiran tradisi pelbagai kaum merupakan keistimewaan warisan tidak ketara yang berupaya membentuk imej dan karakter kaum dan komuniti setempat.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lima (5) kategori utama seperti di Rajah 3.8.9 untuk diperkasakan sebagai Warisan Tidak Ketara seperti berikut:


1. Keagamaan dan kebudayaan;
2. Makanan dan minuman tradisional;
3. Kemahiran tradisional;
4. Aktiviti setempat seperti perniagaan, pasar malam, pasar terbuka, bazar ramadhan dan sebagainya; dan
5. Alam semula jadi dan landskap.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif adalah seperti berikut:

1. Memelihara komponen utama warisan tidak ketara, iaitu aktiviti keagamaan dan kebudayaan, makanan dan minuman tradisional, kemahiran sukan tradisional, aktiviti setempat serta alam semula jadi dan landskap;
2. Mengenal pasti Warisan Tidak Ketara baharu melalui penyelidikan dan pendokumentasian menerusi kolaborasi dengan agensi yang berkaitan;
3. Mempromosikan Warisan Tidak Ketara sebagai sebahagian komponen Jejak Warisan melalui pelbagai aktiviti, program dan pakej pelancongan warisan;
4. Meningkatkan kesedaran pemeliharaan warisan tidak ketara menerusi program hebahan yang bersesuaian bagi mendidik masyarakat berkenaan kepentingan budaya dan warisan negara; dan
5. Menyediakan kemudahan sokongan pelancongan seperti pusat informasi, perabot jalan, pintu gerbang, tanda pengenalan dan penanda tempat (*entry statement*), papan informasi dan peta penerangan digital.

Kategori utama dan cadangan lokasi warisan tidak ketara di Zon Jejak Warisan di Kuala Lumpur adalah seperti di Jadual 3.8.13 .

Rajah 3.8.9:
Taburan Warisan Tidak Ketara



Sumber: Olahan Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur (HTMP)



Program gotong-royong mengacau dodol merupakan acara tradisi menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Jadual 3.8.13:
Kategori Utama dan Cadangan Lokasi Warisan Tidak Ketara di Zon Jejak Warisan

Zon Jejak Warisan	Kategori Utama dan Lokasi Cadangan Warisan Tidak Ketara
1. **Jejak Kedai Tradisional**	• Aktiviti keagamaan umat Islam dan India Muslim: Masjid India; • Persembahan seniman jalanan: Jalan Tuanku Abdul Rahman; • Seni dan kraf tangan: Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India; • Aktiviti pasar malam dan bazar terbuka (*street bazaar*): Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Masjid India; dan • Makanan tradisional tempatan di Pusat Penjaja: Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Restoran Kudu di Jalan Tuanku Abdul Rahman.
2. **Jejak Rimba Bandar**	• Keagamaan dan Kebudayaan: Gereja Presbyterian; dan • Alam Semula Jadi dan Landskap: Taman Eko Rimba Bukit Nanas.
3. **Jejak Merdeka**	• Aktiviti keagamaan umat Islam: Masjid Negara; • Pertunjukan kebudayaan dan kesenian berskala besar dan bertaraf antarabangsa: Stadium Negara; • Warisan sejarah, kebudayaan dan adat resam: Muzium Negara; dan • Makanan tradisi dan tempatan: Nasi Lemak Tanglin, Jalan Cenderasari.
4. **Jejak Pekan Dagangan Timah**	• Keagamaan dan Kebudayaan: Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuil Sin Sze Ya dan Kuil Sri Maha Mariammam; • Aktiviti Setempat: Medan Pasar, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Petaling dan Jalan Panggung; dan • Makanan dan Minuman Tradisional: Aktiviti bazar terbuka dan makanan tempatan di Kasturi Walk, Jalan Petaling, Jalan Hang Lekir, Jalan Sultan dan Jalan Panggung.
5. **Jejak Derah Sivik**	• Kebudayaan, kesenian/seni teater: Auditorium Bandaraya dan Panggung Bandaraya; dan • Pertunjukan kebudayaan dan kesenian di Dataran Merdeka dan Jalan Raja.
6. **Jejak Pahlawan**	• Keagamaan dan Kebudayaan: Auditorium Bandaraya, Panggung Bandaraya dan Dataran Merdeka.
7. **Jejak Lake Garden**	• Alam Semula Jadi dan Landskap: Taman Botani Perdana; dan • Keagamaan dan Kebudayaan: Panggung Anniversari.
8. **Jejak Bukit Bintang**	• Aktiviti Setempat: Jalan Bukit Bintang; dan • Makanan dan Minuman Tradisional: Jalan Alor dan Changkat Bukit Bintang.
9. **Jejak Taman Memorial**	• Keagamaan dan Kebudayaan: Muzium Memorial Kwang Tung; • Aktiviti Setempat: Sukan Tradisional; dan • Makanan dan Minuman Tradisional: Medan Ikan Bakar Jalan Bellamy.
10. **Jejak Brickfileds**	• Keagamaan dan Kebudayaan: Penganut agama Buddha dan Hindu; dan • Makanan dan Minuman Tradisional: Little India di Jalan Tun Sambanthan.
11. **Jejak Segi Tiga Emas**	• Keagamaan dan Kebudayaan: Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (MaTic) dan Dewan Filharmonik Petronas.
12. **Jejak Kampung Warisan**	• Makanan dan Minuman Tradisional: Masjid Kampong Bharu (bubur lambuk), Jalan Raja Alang, Jalan Raja Abdullah dan Jalan Raja Muda Musa; • Aktiviti Setempat: Pasar malam Jalan Raja Uda dan Raja Bot; dan • Keagamaan dan Kebudayaan: Masjid Jamek Kampong Bharu dan Masjid Pakistan.
13. **Jejak Pekan Lama Pudu**	• Aktiviti Setempat: Pasar terbuka di Jalan Pasar Baharu dan Jalan Landak; dan • Makanan dan Minuman Tradisional: Restoran Sek Yuen, Jalan Pudu, Restoran Sin Hiap Kee di Lengkungan Brunei.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 3-9: MENGUKUHKAN TADBIR URUS HIJAU

SENARIO SEMASA TADBIR URUS HIJAU DI KUALA LUMPUR

Pembangunan mesra alam ataupun pembangunan lestari sering kali diguna pakai dalam proses pembangunan hijau di sesebuah negara. Ini disebabkan oleh peningkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang pentingnya keseimbangan di antara proses pembangunan dan penjagaan alam sekitar.

Perancangan yang sistematik dan efektif perlu diterapkan untuk menjamin persekitaran yang kondusif. Pembangunan yang tidak mempunyai matlamat yang jelas, *ad-hoc* dan *territorial* menjejaskan potensi persekitaran serta penggunaan sumber sedia ada. Kelemahan ini turut memberi impak negatif terhadap kesalinghubungan antara pusat pertumbuhan bandar yang menjadi sebahagian daripada teras bagi membina imej serta identiti Kuala Lumpur.

Pemerkasaan imej dan karakter utama sesebuah kawasan boleh dilaksanakan melalui elemen landskap. Persekitaran hijau bandar yang menarik dapat menonjolkan dan meningkatkan kualiti imej persekitaran kawasan tersebut. Persekitaran hijau bandar yang berkualiti juga adalah penting dan dikaitkan dengan perbandaran dan bandar berdaya huni.

Membudayakan tadbir urus yang efektif dengan amalan pengurusan terbaik penting sebagai daya penggerak sesuatu pembangunan ke arah mewujudkan persekitaran hijau yang lestari, berkualiti serta selamat di Kuala Lumpur. Tadbir urus ini perlu berkembang dan sejajar dengan peredaran masa, dasar dan garis panduan terkini serta mengambil kira perkembangan teknologi terbaharu.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat untuk pengukuhan tadbir urus hijau, terdapat dua (2) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 3-9 seperti di Rajah 3.9.1.

INFO RINGKAS

CIRI-CIRI TADBIR URUS BANDAR YANG BAIK

1. Berasaskan prinsip agama;
2. Kejujuran dan keikhlasan;
3. Semangat bekerjasama;
4. Bijaksana dan berwawasan;
5. Berorientasikan pihak berkepentingan;
6. Bertanggungjawab;
7. Berpengetahuan dan mahir berkomunikasi;
8. Responsif;
9. Saksama dan inklusif;
10. Efektif dan efisien;
11. Mematuhi undang-undang; dan
12. Berintegriti dan telus.

Sumber: Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2)

INFO RINGKAS

PELAN INDUK MASYARAKAT RENDAH KARBON KUALA LUMPUR 2030 (PIMRK KL 2030)

Laporan ini menyasarkan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bertaraf Dunia Mampan 2030 yang memberi penekanan kepada komuniti yang sihat, kreatif, berpengetahuan dan inklusif.

Tindakan yang berkaitan adalah **Tindakan 10 - Tadbir Urus Bandar Hijau** yang merangkumi perkara berikut:

10.1 Mewujudkan Persefahaman
10.2 Kerjasama Bersama Komuniti dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Sumber: Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030)

Rajah 3.9.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 3-9

SP 3-9	**MENGUKUHKAN TADBIR URUS HIJAU**
CP 3-9.1	Pengurusan Taman Yang Sistematik
CP 3-9.2	Penglibatan Badan Bukan Kerajaan dan Swasta Bagi Program Penghijauan Bandar

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-9.1: PENGURUSAN TAMAN YANG SISTEMATIK

Kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang pentingnya keseimbangan di antara proses pembangunan dan aspek penjagaan alam sekitar semakin meningkat. la merupakan peluang yang baik untuk melibatkan semua pihak dalam pengurusan taman yang lebih sistematik.

Pembangunan yang tidak dirancang dengan baik dan mengabaikan aspek pengurusan taman yang berkesan akan mewujudkan suasana persekitaran yang kurang menarik dan kondusif. Pengurusan taman yang efektif adalah juga penting untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang harmoni dan selesa.

Perkara utama yang perlu diberi perhatian dalam sistem pengurusan taman adalah organisasi pengurusan, kemudahan yang disediakan, penyelenggaraan, reka bentuk, keselamatan dan sumber kewangan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-9.1.

Rajah 3.9.2:
Dana Amanah Awam Taman dan Kawasan Hijau dalam Konteks PSKL2040

Pengurusan Projek

- Pelaksanaan pemantauan projek rangkaian penghubung taman; dan
- Program Laluan dan Taman Angkat.


Dana Amanah

- Ditubuhkan oleh DBKL dan diuruskan secara bebas; dan
- Melibatkan penderma dan rakan strategik.

Komuniti dan Swasta

- Program, aktiviti dan penglibatan komuniti; dan
- Aktiviti penyelenggaraan atau program gotong royong berkala (sukarela).

Sumber: Olahan dari PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 3-9.1A

MEWUJUDKAN PERUNTUKAN DAN SUMBANGAN DANA AMANAH

Dana Amanah yang ditubuhkan oleh DBKL merupakan satu mekanisma dan pendekatan kewangan yang membolehkan pelbagai pihak untuk turut bekerjasama bagi mencapai matlamat tadbir urus hijau bandar Kuala Lumpur.

Dana yang dikumpul akan disalurkan secara sistematik dan berintegrasi untuk membiayai dan menyokong program dan projek yang berkaitan pengurusan hijau bandar.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Pengurusan dan penyelenggaraan kawasan lapang dan kawasan hijau;
2. Pelaksanaan aktiviti pendidikan awam dan komuniti setempat;
3. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan biodiversiti; dan
4. Penyelesaian inovatif oleh mana-mana agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

AMALAN TERBAIK

DANA AMANAH MySDG

Dana ini menggunakan pendekatan senegara (*whole of nation*) yang membolehkan Kerajaan Malaysia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bekerjasama dengan sektor swasta, NGO, akademia, orang awam dan pelbagai pihak lain untuk merealisasikan pencapaian SDGs dan bertujuan:

1. Merapatkan jurang pembiayaan dan memudahkan inisiatif bersama oleh pelbagai pihak berkepentingan untuk menterjemah aspirasi SDGs kepada tindakan praktikal; dan
2. Memupuk dan mengukuhkan perundingan pada pelbagai peringkat dan sector termasuk penglibatan dalam pembuatan keputusan.

SASARAN *OUTCOME*



Menggerakkan sumber penyampaian SDGs melalui dana dan memangkinkan peluang SDGs yang lain.



Memperkukuhkan kerjasama dengan pelbagai pemegang taruh bagi menggalakkan sinergi, kolaborasi dan impak merentas kesemua 17 SDGs.



Mencapai keutamaan SDGs di Malaysia untuk memastikan bahawa tiada siapa yang akan ketinggalan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

INISIATIF PELAKSANAAN 3-9.1B

MEMPERKASAKAN AMALAN PENGURUSAN TERBAIK PERBANDARAN HIJAU

Amalan pengurusan terbaik adalah pendekatan melalui struktur tersusun yang menggalakkan kecekapan tinggi menerusi piawaian amalan terbaik yang dipertingkatkan dan kawalan kualiti dalam melestarikan pengurusan hijau bandar.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan pengurusan yang strategik menerusi perancangan visi, misi dan pelan tindakan jangka masa panjang, sederhana dan pendek;
2. Pengurusan dana kewangan dari sumber seperti berikut:
   a. Tanggungjawab sosial korporat (CSR);
   b. Perkongsian pintar: kolaborasi dan perundingan; dan
   c. Caj pembangunan.
3. Pemerkasaaan aspek tanggungjawab sosial menerusi penglibatan komuniti dan badan bukan kerajaan (sukarela), pihak swasta dan agensi berkaitan.

AMALAN TERBAIK

ANUGERAH ROSA SINENSIS URUS TADBIR TAMAN AWAM DAN KAWASAN HIJAU

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan Anugerah Rosa Sinensis sebagai satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangun dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya.



Penganugerahan penarafan lima (5) bintang Rosa-Sinensis diterima daripada Perdana Menteri Malaysia ke-9 untuk dua (2) taman awam DBKL, iaitu Taman Botani Perdana dan Taman Tasik Titiwangsa.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 3-9.2: PENGLIBATAN BADAN BUKAN KERAJAAN DAN SWASTA BAGI PROGRAM PENGHIJAUAN BANDAR

Program berkaitan penghijauan bandar perlu dipertingkatkan bagi menggalakkan penyertaan agensi kerajaan persekutuan, syarikat swasta, badan korporat, badan bukan kerajaan, insitusi pendidikan dan penyelidikan serta orang awam. Usaha ini adalah selari dengan agenda nasional bagi memupuk komitmen dan semangat pengekalan kawasan litupan hijau dalam kalangan masyarakat.


Program kesedaran juga perlu dipertingkatkan kerana aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan lazimnya kurang mendapat perhatian, kerjasama serta komitmen agensi awam dan swasta. Program ini juga boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman dan penglibatan masyarakat.

Pengiklanan dan program latihan juga boleh dijadikan modul untuk diterapkan kepada masyarakat berhubung kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran hijau di sekeliling mereka terutamanya bagi yang menetap di kawasan perbandaran.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 3-9.2.


Lokasi: Kampong Bharu

Usaha memelihara kehijauan di Kampong Bharu dengan penanaman pokok sepanjang jalan.



INISIATIF PELAKSANAAN 3-9.2A

MENGGALAKKAN PENUBUHAN PASUKAN ALAM SEKITAR

Tahap kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar perlu terus diterapkan di semua peringkat masyarakat. Semua *community-based organisations* (CBO) dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar digalakkan mengadakan aktiviti, program dan kempen yang diselaraskan secara kolektif.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Melibatkan pelbagai pertubuhan menerusi program bertemakan alam sekitar yang sesuai dengan kumpulan komuniti seperti pelajar sekolah, kumpulan belia dan remaja serta yang lain-lainnya;
2. Menggalakkan pendekatan program CEPA (*Conservation, Education, Participation and Awareness*);
3. Mewujudkan anugerah lestari yang berkaitan untuk mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan semua; dan
4. Membentuk pasukan alam sekitar DBKL bagi menyelaras aktiviti dan program bersama warga kota dan komuniti setempat.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-9.2B

MEMPERKASA PROGRAM PEMELIHARAAN SUNGAI

Program pemeliharaan sungai perlu dipertingkat bagi memastikan keindahan sungai terpelihara dari pencemaran. Pelaksanaan program ini dapat mewujudkan rasa tanggungjwab bersama dikalangan pelbagai pihak. Ia juga dapat memupuk dan meningkatkan kesedaran berhubung penjagaan sungai ke arah pemeliharaan kelestarian sungai.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti lokasi dan komuniti kejiranan sungai yang terlibat;
2. Menggalakkan penyertaan pemegang taruh lain seperti badan bukan kerajaan, badan korporat dan institusi pengajian sebagai rakan strategik program; dan
3. Merangka program yang sesuai seperti sungai angkat dengan fokus kepada aktiviti pengindahan, pembersihan dan pemantauan dari sebarang aktiviti pencemaran.

INISIATIF PELAKSANAAN 3-9.2C

MELAKSANAKAN PROGRAM TAMAN ANGKAT

Pelaksanaan program taman angkat dapat menggalakkan penglibatan komuniti setempat dan pengguna taman untuk sama-sama menjaga, mengindahkan dan mengekalkan kawasan hijau di Kuala Lumpur. Ia dapat meningkatkan kualiti hidup, melindungi dan memelihara alam sekitar untuk masyarakat setempat dan penduduk masa hadapan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti lokasi taman yang sesuai untuk dijadikan taman angkat;
2. Menggalakkan penyertaan pemegang taruh lain seperti badan bukan kerajaan, badan korporat dan pusat pengajian sebagai rakan strategik program; dan
3. Merangka program yang sesuai seperti aktiviti penyelenggaraan dan pengindahan taman.

AMALAN TERBAIK

PROGRAM KOMUNITI, DBKL



Program Cuci@KL - Program mingguan yang bertujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur lebih bersih dan ceria.

Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula - Memberi peluang kepada warga kota membawa barang kitar semula untuk ditukarkan kepada barang keperluan harian.









RUMUSAN

MATLAMAT 3 : MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN PERSEKITARAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA HIJAU, SIHAT DAN *VIBRANT*

Pelbagai inisiatif dan pendekatan pelaksanaan telah dicadangkan supaya Matlamat 3 ke arah memperkukuh pembangunan persekitaran Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Hijau, Sihat dan *Vibrant* dapat direalisasikan.

Perancangan dan pelaksanaan Matlamat 3 Draf PTKL2040 mengambil kira SDGs, PSKL2040 dan lain-lain dasar pembangunan negara yang diperincikan melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan.

Strategi, inisiatif dan pendekatan pelaksanaan ini memberi penekanan kepada pengurusan aset biodiversiti, kepelbagaian fungsi koridor hijau dan biru, pelaksanaan densiti hijau, pembentukan rangkaian penghubung taman, pelaksanaan jejak warisan serta pengukuhuan ruang bandar dan tadbir urus hijau bagi menyokong pembangunan ekonomi dan peningkatan kualiti kehidupan di Kuala Lumpur.

Jadual 3.1 menunjukkan rumusan bagi strategi perancangan dan cadangan pelaksanaan untuk Matlamat 3.

Jadual 3.1:
Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 3

Strategi Perancangan	Cadangan Pelaksanaan	Pendekatan Pelaksanaan				
		Projek	Polisi	Program	Kawalan Perancangan	Garis Panduan
SP 3-1	CP 3-1.1	-	1	1	1	-
	CP 3-1.2	1	-	1	1	1
	CP 3-1.3	-	1	1	-	-
SP 3-2	CP 3-2.1	1	-	-	-	-
	CP 3-2.2	-	-	1	1	1
SP 3-3	CP 3-3.1	1	-	1	-	-
	CP 3-3.2	-	-	-	1	1
SP 3-4	CP 3-4.1	-	-	-	1	-
	CP 3-4.2	1	-	-	-	1
	CP 3-4.3	1	-	1	-	-
SP 3-5	CP 3-5.1	1	-	1	-	-
	CP 3-5.2	1	-	1	-	-
	CP 3-5.3	1	-	1	-	-
	CP 3-5.4	1	-	-	1	-
SP 3-6	CP 3-6.1	1	-	-	-	1
	CP 3-6.2	1	-	-	-	-
SP 3-7	CP 3-7.1	1	-	1	-	1
SP 3-8	CP 3-8.1	1	-	1	-	-
	CP 3-8.2	1	-	1	1	-
	CP 3-8.3	-	-	1	-	-
SP 3-9	CP 3-9.1	-	-	1	-	-
	CP 3-9.2	-	-	1	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		**14**	**2**	**15**	**7**	**6**

MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN
KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA
PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON

MATLAMAT 4





MATLAMAT 4

MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON

Pengurusan risiko bencana dan sumber yang cekap serta pengurangan pelepasan karbon boleh meminimum kesan perubahan iklim dan bencana alam. Kuala Lumpur disasarkan sebagai sebuah Bandar Raya Pintar Iklim dan Rendah Karbon yang menekankan perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar yang cekap serta berdaya tahan terhadap kesan perubahan iklim dan risiko bencana.

Suhu global kini telah mencapai 2 darjah celsius melebihi paras pra-industri akibat dari peningkatan pelepasan gas rumah kaca (GHG) ke atmosfera. Akibat daripada peningkatan suhu global yang tinggi akan menyebabkan berlakunya perubahan iklim dan bencana alam.


Komitmen Malaysia melalui ikrar Perjanjian Iklim Paris 2015 adalah untuk mengehadkan peningkatan suhu global di bawah 2 darjah celsius kepada 1.5 darjah celsius pada tahun 2030. Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang responsif dan berdaya tahan perlu menangani perubahan iklim selaras dengan komitmen yang telah dipersetujui.

Kriteria bandar raya pintar iklim adalah merangkumi aspek seperti penerapan elemen aplikasi teknologi secara menyeluruh, peningkatan kualiti persekitaran yang kondusif, lestari dan berdaya tahan, pengukuhan kerjasama strategik antara pelbagai agensi dan komuniti setempat serta pembentukan masyarakat yang peka iklim dan berdaya tahan.

Kriteria bandar raya rendah karbon pula menekankan pengaplikasian sistem tenaga bersih dan tenaga boleh diperbaharui, pengukuhan bangunan cekap tenaga rendah karbon, pengangkutan hijau, pengurusan sisa mampan dan pendidikan rendah karbon.


Rajah 4.1 menyenaraikan kriteria utama yang perlu dilaksanakan sebagai fokus untuk memperkukuhkan pembangunan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Pintar Iklim dan Rendah Karbon.

Rajah 4.1:
Kriteria Bandar Raya Pintar Iklim dan Rendah Karbon



PSKL2040
4 HALA TUJU STRATEGIK
14 TINDAKAN

RAJAH 4.2
RINGKASAN STRATEGI PERANCANGAN DAN CADANGAN PELAKSANAAN
MATLAMAT 4:
MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON



Terdapat tujuh (7) Strategi Perancangan (SP), 25 Cadangan Pelaksanaan (CP) dan 40 Inisiatif Pelaksanaan (IP) yang dirangka selaras dengan PSKL2040 seperti yang diringkaskan dalam Rajah 4.2.

DRAF PTKL2040
7 STRATEGI PERANCANGAN
25 CADANGAN PELAKSANAAN

STRATEGI PERANCANGAN

SP 4-1: MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN ADAPTASI DAN DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM DAN PELAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA

SENARIO PERUBAHAN IKLIM DAN RISIKO BENCANA KUALA LUMPUR

Tahap daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana alam di Kuala Lumpur perlu sentiasa dipertingkatkan melalui pelbagai intervensi dan pendekatan yang berinovasi. Pengintegrasian strategi dan tindakan *Disaster Risk Reduction* (DRR) dan *Climate Change Adaptation* (CCA) dalam perancangan pembangunan perlu diberi keutamaan selaras dengan PSKL2040.

Strategi melaksanakan Pelan Tindakan Adaptasi dan Daya Tahan Perubahan Iklim serta Pelan Pengurusan Risiko Bencana ini adalah bertujuan untuk menangani impak perubahan iklim. Ia adalah selaras dengan Dasar Perubahan Iklim Negara (NPCC) dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (PTIKL2050). Selain itu, usaha ini juga selari dengan Polisi Global Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 (SFDRR).


Berdasarkan kepada kajian *Qualitative Climate Risk Assessment* Kuala Lumpur (2020) dan trend suhu tahunan di Kuala Lumpur oleh Jabatan Alam Sekitar telah menunjukkan peningkatan suhu purata sejak dari tahun 2012 seperti di Rajah 4.1.1.

Trend peningkatan suhu tahunan ini disebabkan oleh fenomena *El-Nino* yang melanda negara selain impak daripada perubahan iklim. Peningkatan kawasan tepu bina yang ketara di Kuala Lumpur juga merupakan antara penyumbang utama kepada peningkatan suhu purata dari 26 darjah celsius pada tahun 2010 kepada 29 darjah celsius pada tahun 2020.

Permukaan bandar terutamanya kawasan perdagangan dan industri berintensiti tinggi yang terdiri daripada bahan binaan seperti konkrit, batu-bata, cermin serta permukaan berturap mempunyai keupayaan menyimpan haba yang boleh meningkatkan suhu minimum bandar.

Situasi ini menyebabkan berlakunya kesan pulau haba bandar yang berkait rapat dengan penggunaan tenaga yang tinggi serta pelepasan gas rumah kaca.

Rajah 4.1.1:
Trend Suhu Tahunan di Kuala Lumpur, 2010-2020



Sumber: Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar 2020

INFO RINGKAS

IKLIM DI KUALA LUMPUR, 2020

Purata Suhu Harian
29°C


Purata Taburan Hujan Tahunan
3,207 mm

Sumber: Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran 2021

BENCANA BANJIR KILAT DAN TANAH RUNTUH

Purata taburan hujan tahunan negara adalah 2,400 milimeter. Walau bagaimanapun, purata taburan hujan tahunan di Kuala Lumpur yang direkodkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran telah melebihi purata taburan hujan tahunan negara sejak tahun 2017 sehingga 2020 seperti di Rajah 4.1.2. Trend peningkatan taburan hujan ini adalah dipengaruhi oleh angin Monsun Barat Daya (Jun hingga September), Monsun Peralihan (April hingga Mei dan Oktober hingga November) dan Monsun Timur Laut (November hingga Mac).

Rajah 4.1.2:
Taburan Hujan di Kuala Lumpur (2017-2020)




Nota: Rekod taburan hujan daripada 16 Stesen Rangkaian (RHN), JPS di Kuala Lumpur

Sumber: Olahan dari Jabatan Pengairan dan Saliran, 2020

Secara umumnya, Kuala Lumpur terletak di pertemuan lembangan Sungai Gombak dan Sungai Klang. Bencana banjir yang berlaku di Kuala Lumpur adalah tertumpu di kawasan aras rendah. Kawasan tepu bina sekitar Dataran Merdeka, Pantai Dalam dan Ampang Hilir adalah antara kawasan tumpuan bagi bencana banjir kilat berdasarkan PSKL2040.

Banjir kilat yang berlaku adalah disebabkan oleh intensiti taburan hujan melebihi paras normal di kawasan tepu bina tinggi. Selain itu, penyelenggaraan sistem perparitan di tepi jalan dan pembersihan sampah yang kurang sempurna serta pemantauan kerja di tapak pembinaan yang lemah menjadikan kejadian banjir kilat lebih kerap berlaku seperti di Rajah 4.1.3.

Rajah 4.1.3:
Kes Kejadian Banjir Kilat di Kuala Lumpur, 2011-2020



Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran, Tahun 2011-2020

Sehingga tahun 2017, sebanyak 3,299 cerun telah dikenal pasti di Kuala Lumpur dengan 19 peratus adalah dikategorikan berisiko sangat tinggi dan 34 peratus berisiko tinggi. Berdasarkan data yang dijana oleh *Kuala Lumpur Slope Information System* (KULSIS), beberapa cerun di kawasan berbukit tinggi seperti Bukit Tabur, Bukit Kiara dan Bukit Lanjan perlu pemantauan berterusan terhadap tahap keterdedahan kepada risiko tanah runtuh.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan risiko bencana, daya tahan, enam (6) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti bagi Strategi Perancangan 4-1 seperti di Rajah 4.1.4.

Rajah 4.1.4:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4.1

SP 4-1	MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN ADAPTASI DAN DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM DAN PELAN PENGURUSAN RISIKO BENCANA
CP 4-1.1	Pembangunan Pangkalan Data Bersepadu Perubahan Iklim dan Risiko Bencana
CP 4-1.2	Penyediaan dan Pelaksanaan Pelan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim
CP 4-1.3	Pelan Pelaksanaan Tindakan Terhadap Risiko Bencana
CP 4-1.4	Pemantapan Elemen Daya Tahan Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana
CP 4-1.5	Pengurusan Dalam Menghadapi Endemik, Epidemik dan Pandemik
CP 4-1.6	Pelaksanaan Kempen dan Program Kesedaran Terhadap Perubahan Iklim, Risiko Bencana dan Kesihatan Awam

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-1.1: PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA BERSEPADU PERUBAHAN IKLIM DAN RISIKO BENCANA

Pembangunan Pangkalan Data Perubahan Iklim dan Risiko Bencana secara bersepadu bertujuan untuk mendapatkan maklumat dari pelbagai agensi teknikal berkaitan dan menyediakan platform bekalan data kepada semua orang awam dan pemegang taruh di Kuala Lumpur.

Pangkalan data dibangunkan secara terbuka mengandungi maklumat terkini berkaitan perubahan iklim, risiko bencana dan masyarakat yang terdedah atau terkesan kepada impak perubahan iklim dan risiko bencana.


Data yang disediakan secara terbuka membolehkan orang awam dan pemegang taruh mengakses trend iklim dan risiko bencana semasa sebagai maklumat terkini bagi kesiapsiagaan menghadapi bencana. Maklumat pada pangkalan data ini juga boleh djadikan sebagai rujukan kepada penilaian ke atas impak perubahan iklim dan bencana bagi perancangan pembangunan serta aktiviti di masa hadapan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-1.1.



Lokasi: Pusat Bandar Raya, Kuala Lumpur

Maklumat awal berkaitan risiko bencana dapat meningkatkan tahap kesiapsiagaan masyarakat tempatan menghadapi bencana.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.1A

MEMBANGUNKAN PANGKALAN DATA BERSEPADU IMPAK PERUBAHAN IKLIM DAN RISIKO BENCANA


Pembentukan pangkalan data bersepadu impak perubahan iklim dan risiko bencana merupakan kaedah bagi menyimpan dan mengurus data berkaitan dengan perubahan iklim dan risiko bencana.

Pangkalan data ini boleh diakses secara terbuka bagi memudahkan orang awam mendapat maklumat berkaitan dengan perubahan iklim dan risiko bencana di Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:


1. Mengenal pasti utama pangkalan data bersepadu seperti Data Impak Perubahan Iklim, Data Risiko Bencana serta Data Masyarakat Berisiko dan Rentan seperti di Rajah 4.1.5;
2. Menjalinkan kerjasama antara DBKL dan agensi teknikal berkaitan untuk mengelak sebarang isu berkaitan keselamatan maklumat dan data tersebut;
3. Membangunkan pangkalan data yang boleh diintegrasikan dengan maklumat perubahan iklim dan risiko bencana di Kuala Lumpur;
4. Mengawal pertindihan data perubahan iklim dan risiko bencana antara agensi yang berkaitan; dan
5. Mengukuhkan dan mengemas kini data perubahan iklim dan risiko bencana di Kuala Lumpur antara DBKL dan agensi yang berkaitan.

Rajah 4.1.5:
Cadangan Komponen Utama Pangkalan Data Bersepadu Perubahan Iklim dan Risiko Bencana



AMALAN TERBAIK

CONTOH PANGKALAN DATA BERKAITAN PERUBAHAN IKLIM



Sumber: https://www.climate.gov

INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.1B

MENGINTEGRASIKAN DATA IMPAK PERUBAHAN IKLIM

Data iklim dan risiko iklim seperti suhu, taburan hujan, banjir kilat, kemarau serta impak yang berkaitan untuk sesuatu tempoh masa dari pelbagai agensi teknikal seperti Jabatan Meteorologi, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran perlu diintegrasikan secara berpusat.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memperincikan data iklim dan data risiko iklim yang menjadi keperluan dalam membentuk pangkalan data berkaitan impak perubahan iklim seperti di Jadual 4.1.1;
2. Merumuskan data iklim dan data risiko iklim bagi tujuan pelaporan dan pengumpulan data oleh agensi yang berkaitan; dan
3. Mempamerkan maklumat yang berpotensi dalam bentuk *dashboard* dan dikemas kini secara langsung oleh agensi yang terlibat.


Jadual 4.1.1:
Cadangan Keperluan Data Iklim dan Risiko Iklim

Aspek	Cadangan Keperluan Data
Iklim	Suhu (purata, minimum dan maksimum mengikut tahunan/bulanan)
	Taburan Hujan (purata minimum dan maksimum mengikut tahunan/ bulanan)
	Kelembapan Relatif/Mutlak (*Relative Humidity/Absolute Humidity*)
Risiko Iklim	Perubahan suhu permukaan tanah
	Sejarah kejadian bencana berkaitan perubahan iklim 1. Hujan lebat ekstrim dan ribut; 2. Banjir kilat; 3. Kemarau; 4. Gelombang haba; 5. Tanah jerlus/mendap; dan 6. Kemusnahan hutan dan tanah.


INFO RINGKAS

MENGINTEGRASI DATA IKLIM DAN RISIKO IKLIM


Contoh *Dashboard* Data Iklim dan Risiko Iklim



Contoh Trend Suhu



Contoh Trend Cuaca



Sumber: *Climate Risk Country Profile: Malaysia (2021) The World Bank Group and the Asian Development Bank*

INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.1C

MENGINTEGRASIKAN DATA BERKAITAN RISIKO BENCANA DARI PELBAGAI AGENSI

Berdasarkan kepada Arahan No. 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara yang disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara, terma 'bencana' ditafsirkan sebagai suatu kejadian yang menyebabkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi serta kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya. Data berkenaan risiko bencana bagi sesuatu kawasan adalah merupakan maklumat utama untuk penyediaan Pelan Tindakan Daya Tahan Risiko Bencana Kuala Lumpur.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti pangkalan data risiko bencana seperti jenis bencana, lokasi, sejarah kejadian bencana dan agensi yang terlibat seperti di Rajah 4.1.6;
2. Mengintegrasikan pangkalan data risiko bencana dari agensi teknikal yang terlibat; dan
3. Menjadikan pangkalan data sebagai sumber rujukan utama kepada penyediaan Pelan Tindakan Daya Tahan Risiko Bencana Kuala Lumpur.

Maklumat ini dapat meningkatkan ketepatan penilaian risiko serta menyumbang kepada langkah yang lebih berkesan untuk mencegah, mengurangkan risiko dan memantapkan usaha siapsiaga dalam menghadapi risiko setempat.



Lokasi: Jalan Cochrane, Kuala Lumpur

Keadaan banjir di Pusat Bandar, Kuala Lumpur.

INFO RINGKAS

TAFSIRAN BENCANA

> "Bencana ertinya suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang melebihi kapasiti sedia ada."

Sumber: Arahan No. 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, Majlis Keselamatan Negara


Rajah 4.1.6:
Komponen bagi Pangkalan Data Risiko Bencana



JENIS BENCANA
- Banjir
- Ribut Taufan
- Tanah Runtuh
- Tanah Jerlus
- Bencana Biologikal (COVID-19)
- Bencana-bencana lain



LOKASI
- Kawasan Khusus
- Lot



SEJARAH KEJADIAN BENCANA
- Trend
- Intensiti
- Magnitud
- Kekerapan



AGENSI
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Meteorologi

INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.1D

MENGUMPUL DATA BERKAITAN MASYARAKAT BERISIKO TERHADAP KESAN PERUBAHAN IKLIM DAN RISIKO BENCANA

Pertumbuhan pembangunan Kuala Lumpur yang pesat dengan kewujudan pelbagai aktiviti fizikal, ekonomi dan sosial, secara tidak langsung telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat setempat.

Perkembangan perbandaran ini telah memberi impak positif dan tidak kurang juga impak negatif kepada sebahagian golongan rentan seperti gelandangan dan masyarakat B40 yang tinggal di kawasan berkepadatan tinggi. Kawasan ini sering dikaitkan dengan kawasan berisiko banjir atau tanah runtuh akibat dari kesan perubahan iklim, yang menjadikan golongan ini lebih berisiko terdedah kepada pelbagai ancaman bencana termasuk pandemik.

Merujuk kepada World Health Organisation (WHO) faktor kerentanan masyarakat bergantung kepada lima (5) faktor iaitu:

1. Demografi;
2. Geografi;
3. Biologikal atau Status Kesihatan;
4. Sosiopolitik; dan
5. Sosioekonomi.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti golongan berisiko dan rentan mengambil kira faktor yang digariskan oleh WHO dan Prinsip Agenda Perbandaran Baharu (NUA), *'No One Left Behind';* dan
2. Mengintegrasikan data golongan berisiko dan rentan dengan pangkalan data yang dilaksanakan bagi merangka strategi masyarakat yang lebih berdaya tahan terhadap kesan perubahan iklim, pelbagai bencana serta sebarang pandemik dan endemik.


Lokasi: Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur



Lokasi: Pusat Bandar Raya, Kuala Lumpur


Lokasi: Pusat Bandar Raya, Kuala Lumpur

Usaha ke arah memperkasa masyarakat setempat.

Jadual 4.1.2:
Cadangan Data Berkaitan Masyarakat Berisiko terhadap Perubahan Iklim dan Risiko Bencana

Agensi	Cadangan Data Berkaitan
Jabatan Kebajikan Masyarakat	Orang Kurang Upaya, Orang Papa, Ibu Tunggal, Kanak-kanak, Orang tua
Kementerian Kesihatan Malaysia	Pesakit kronik
Jabatan Wilayah Persekutuan	Orang papa atau gelandangan

CADANGAN PELAKSANAAN


CP 4-1.2: PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN PELAN ADAPTASI DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

Penyediaan Pelan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim adalah untuk memastikan aspek perubahan iklim diintegrasikan dalam perancangan guna tanah dan kawalan pembangunan. Sumber maklumat dari Pangkalan Data Bersepadu Perubahan Iklim dan Risiko Bencana perlu dirujuk semasa penyediaan dan pelaksanaan Pelan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim.

Pelaksanaan cadangan ini berpotensi untuk mengadaptasikan daya tahan terhadap perubahan iklim dalam proses perancangan dan pembangunan.

Cadangan ini akan menterjemahkan dokumen sedia ada seperti Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (PTIKL2050), Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL2030) serta dokumen lain yang berkaitan dengan aspek Perubahan Iklim.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-1.2.



Sumber: Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050

Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (PTIKL2050).



INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.2A

PENGURUSAN TINDAKAN ADAPTASI DAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM

Pengurusan Tindakan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim adalah satu keperluan untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan penduduk tempatan dan daya tahan Kuala Lumpur dalam menghadapi risiko mendatang. Pelaksanaan pengurusan tersebut memerlukan komitmen serta kerjasama dari pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi awam, pemain industri, ahli akademik dan masyarakat setempat khususnya untuk mendapat maklumat yang tepat dan terperinci.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Merangka Pelan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim secara menyeluruh;
2. Menjalankan penilaian terhadap kesan perubahan iklim bagi menghasilkan pemetaan kawasan berisiko berdasarkan keutamaan seperti di Jadual 4.1.3;
3. Melaksanakan proses perancangan Adaptasi Tindakan Iklim seperti di Rajah 4.1.7 dengan mengambil kira hasil penilaian risiko perubahan iklim; dan
4. Menambah baik infrastruktur, reka bentuk dan penyelenggaraan sedia ada bagi kawasan tepu bina di kawasan tumpuan adaptasi perubahan iklim.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti kriteria pemilihan kawasan bagi pelaksanaan tindakan adaptasi daya tahan terhadap perubahan iklim seperti berikut:

1. Zon guna tanah dan aktiviti bandar semasa atau masa hadapan berintensiti tinggi yang memerlukan penambahbaikan infrastruktur bagi menangani impak perubahan iklim;
2. Kawasan permukaan telap yang rendah; dan
3. Kawasan tepu bina yang mempunyai taburan suhu permukaan tinggi.

Terdapat empat (4) kawasan dipilih sebagai perintis bagi pelaksanaan tindakan adaptasi daya tahan terhadap perubahan iklim seperti di Jadual 4.1.4.

Jadual 4.1.3:
Penilaian Risiko Perubahan Iklim di Kuala Lumpur

Perubahan Iklim dan Kesan Bahaya
Cuaca panas • Gelombang Haba • Peningkatan Suhu
Kemarau • Kemarau berpanjangan • Kekurangan sumber air • Pengurangan air bawah tanah • Mendapan tanah
Banjir dan ribut • Kekerapan kejadian mendapan • Kesan kenaikan paras air laut dan ribut • Tanah runtuh berpunca dari hujan lebat • Banjir kilat • Air bertakung
Keutamaan Risiko Perubahan Iklim
Sosial • Penyakit berkaitan cuaca panas • Keselesaan dan kualiti hidup • Peningkatan pencemaran udara • Kekurangan air bersih • Masalah kesihatan
Alam sekitar • Perubahan cuaca • Peningkatan tanah runtuh dan hakisan
Ekonomi • Peningkatan permintaan tenaga dan sumber air • Kesesakan lalu lintas • Gangguan aktiviti ekonomi • Kerosakan bangunan dan infrastruktur • Kos penyelenggaraan • Kemalangan jalan raya





Cadangan Tindakan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim di Kawasan Perdagangan Jalan Tunku Abdul Rahman.

Rajah 4.1.7:
Proses Perancangan Adaptasi Tindakan Iklim

LANGKAH 1	Pemetaan Daya Tahan
LANGKAH 2	Menetapkan Keutamaan
LANGKAH 3	Merangka Pelan Tindakan
LANGKAH 4	Pelaksanaan Pelan Tindakan
LANGKAH 5	Menilai Hasil
LANGKAH 6	Mengemas kini Pelan Tindakan

Jadual 4.1.4:
Cadangan Kawasan Tumpuan Tindakan Adaptasi Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Kawasan Perindustrian Kepong 12.97 hektar	
2. Kawasan Perindustrian Batu Muda 14.82 hektar	
3. Kawasan Perdagangan Jalan Tuanku Abdul Rahman 2.38 hektar	
4. Kawasan Kampong Bharu 110.00 hektar	

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-1.3: PELAN PELAKSANAAN TINDAKAN RISIKO BENCANA

Pelan Pelaksanaan Tindakan Terhadap Risiko Bencana akan memperincikan strategi yang bersesuaian bagi setiap bencana dan lokasi. Strategi yang dicadangkan meliputi elemen mitigasi dan adaptasi bagi meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko ancaman bencana di masa hadapan. Pemahaman menyeluruh terhadap faktor penyumbang risiko seperti di Rajah 4.1.8 adalah penting dalam menyediakan pelan tindakan tersebut.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, program dan kawalan perancangan. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-1.3.


Rajah 4.1.8:
Faktor Penyumbang Risiko Bencana



Sumber: *Global Facility for Disaster Reduction and Recovery* (GFDR), 2014



Pemandangan kawasan yang dilanda banjir kilat dari bangunan tinggi di Ampang, Kuala Lumpur pada 8 Mac 2012



INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.3A


MENJALANKAN PENILAIAN DAYA TAHAN TERHADAP RISIKO BENCANA

Kepentingan menjalankan penilaian Daya Tahan Terhadap Risiko Bencana adalah selaras dengan empat (4) tindakan utama dalam Rangka Kerja Sendai untuk Pengurusan Risiko Bencana 2015 sehingga 2030 seperti di Rajah 4.1.9.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menjalankan penilaian Daya Tahan Terhadap Risiko bencana merangkumi maklumat berkaitan aspek fizikal, sosial, ekonomi, institusi dan persekitaran. Kaedah penilaian *Climate Disaster Resilience Index* (CDRI) seperti di Rajah 4.1.10 bertepatan untuk diguna pakai kerana memberi gambaran yang lebih menyeluruh terhadap tahap daya tahan kawasan yang dinilai;
2. Menggalakkan penglibatan komuniti, jabatan dan agensi yang berperanan secara langsung dengan pengurusan Kuala Lumpur dalam menilai daya tahan terhadap risiko bencana sesebuah kawasan; dan
3. Melaksanakan penilaian CDRI setiap tiga (3) tahun untuk memantau serta menilai keberkesanan strategi dan tindakan semasa terhadap peningkatan tahap daya tahan risiko bencana dan impak perubahan iklim di Kuala Lumpur.

Rajah 4.1.9:
Tindakan Utama Pengurusan Risiko Bencana (Rangka Kerja Sendai, 2015-2030)



Sumber: Rangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana 2015-2030 (SFDRR)

Rajah 4.1.10:
Komponen utama Penilaian Daya Tahan: *Climate Disaster Resilience Index* (CDRI)



Sumber: *CDRI Capacity-building Program*, 2010-2013;
Panduan Mengarus Perdana Pengurusan Risiko Geo bencana dalam penyediaan rancagan Tempatan, PLANMalaysia, 2022

INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.3B

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA

Memperkukuh pengurusan dan pengurangan risiko bencana di kawasan berisiko amat penting ke arah meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana di masa akan datang.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti dua (2) tindakan pengurangan risiko bencana iaitu kaedah struktur dan bukan berstruktur. Tindakan tersebut bergantung kepada jenis risiko bencana dan impak perubahan iklim yang telah dikenal pasti serta bentuk pembangunan infrastruktur yang bersesuaian bagi memperkukuhkan pengurusan dan pengurangan risiko bencana.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.1.5.


Lokasi: Kuala Lumpur
Sumber: Nur Ismail Photography / Shutterstock

Kawasan Kuala Lumpur terdedah dengan risiko dan impak pulau haba bandar.

Jadual 4.1.5: Pengurusan Risiko Bencana bagi Jenis Bencana dan Tindakan Pengurangan Risiko

Lokasi	Jenis Risiko Bencana Dan Impak Perubahan Iklim	Tindakan Pengurangan Risiko	
		Struktur	Bukan Struktur
1. Pusat Bandar Raya; 2. Ampang Hilir; 3. Sungai Klang; 4. Sungai Gombak; 5. Sungai Kerayong; 6. Sungai Bunus; 7. Sungai Keroh; 8. Sungai Penchala; dan 9. Sungai Toba.	Banjir kilat	1. Menambah baik tebatan banjir; dan 2. Menambah baik sistem perparitan.	1. Pembangunan pangkalan data dan informasi berkaitan; 2. Pembangunan sistem amaran awal*; 3. Pemetaan kawasan risiko menggunakan sistem GIS; 4. Pemantauan kawasan berisiko tinggi; dan 5. Pelaksanaan kempen kesedaran awam berkaitan risiko bencana.
1. Bukit Tabur; 2. Bukit Wangsa Maju; 3. Bukit Dinding; 4. Bukit Kiara; 5. Bukit Lanjan; 6. Bukit Gasing; 7. Bukit Sungai Besi; dan 8. Bukit Kerinchi.	Tanah runtuh	1. Mengukuhkan kestabilan cerun; dan 2. Menanam pokok dan tanaman penutup bumi.	
1. Pusat Bandar Raya.	Pulau haba bandar	1. Menanam pokok yang bersesuaian di kawasan terbuka; 2. Menukar permukaan tidak telap kepada permukaan telap air seperti pejalan kaki, tempat letak kereta; dan 3. Memelihara badan air sebagai elemen.	1. Pembangunan pangkalan data dan informasi berkaitan; 2. Pemetaan kawasan risiko menggunakan sistem GIS; 3. Pemantauan kawasan berisiko tinggi; dan 4. Pelaksanaan kempen kesedaran awam berkaitan risiko bencana.
1. Kawasan Perindustrian Batu Muda; dan 2. Kawasan Perindustrian Kepong.	Kemarau dan fenomena *El Niño*		

*Pembangunan Sistem Amaran awal yang menyokong Program Ramalan Amaran Banjir Negara (PRAB), JPS. Bandar Raya Kuala Lumpur terlibat dalam PRAB Fasa 2 (2019-2025).

INFO RINGKAS

TAFSIRAN TINDAKAN MITIGASI DRR

Mitigasi Struktur: Kerja-kerja kejuruteraan fizikal seperti projek tebatan banjir, struktur penstabilan atau pengukuhan cerun seperti pembinaan benteng, pembinaan bangunan kalis banjir, dinding penahan dan lain-lain.

Mitigasi Bukan Struktur: Pengetahuan, peraturan, amalan, panduan, pemetaan, pembangunan aplikasi amaran awal, latihan, program peningkatan kesedaran awam, insentif dan pendidikan.

Sumber: UNDRR.
https://www.undrr.org/terminology/structural-and-non-structural-measures



Keperluan untuk meningkatkan mitigasi struktur menstabilkan cerun di kawasan bercerun di sekitar Kuala Lumpur.

AMALAN TERBAIK

KAEDAH PENGUKUHAN DAN PENSTABILAN CERUN

Malaysia



Lokasi: Pengkalan Hulu, Perak

Kaedah Pengukuhan dan Penstabilan Cerun.



Lokasi: Bukit Damansara, Kuala Lumpur

Kaedah Pengukuhan Cerun (Mitigasi Struktur).

Jepun
Non-frame Slope Stabilisation



Kaedah ini menstabilkan cerun melalui gabungan kaedah semula jadi dan bahan tetulang dengan menggunakan tumbuh-tumbuhan di cerun secara semula jadi dan pemasangan beberapa *bolt* batu (tetulang jenis rod) di sepanjang cerun yang telah dikenal pasti.

Sumber: Nippon Steel and Sumikin Metal Products Co.

INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.3C

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA DI KAWASAN TUMPUAN BENCANA BERGANDA

Kawasan tumpuan bencana berganda melibatkan kawasan berisiko bencana 1, 2, 3 dan 4 serta persekitarannya. Pengurusan Risiko Bencana bagi kawasan tumpuan bencana berganda perlu diberi keutamaan bagi memastikan tahap daya tahan kawasan dapat dipertingkatkan.


Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.1.6 dengan memberi penumpuan kepada kawasan bencana berganda seperti di Rajah 4.1.11.


Lokasi: Kawasan Bukit Tabur

Kawasan Bukit Tabur mempunyai risiko tinggi kepada bencana berganda.

Jadual 4.1.6: Cadangan Kawasan Tumpuan dan Strategi Mitigasi Risiko Bencana Berganda

Kawasan Tumpuan	Penerangan/Ringkasan	Strategi Mitigasi (Struktur)
Risiko Bencana Tanah Runtuh dan Banjir Kilat 1. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 1 (Bukit Tabur); dan 2. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 2 (Sungai Penchala).	Kawasan tumpuan risiko bencana 1 dan 2 melibatkan risiko tanah runtuh dan banjir kilat di kawasan Bukit Tabur dan Sungai Penchala. Pengurusan risiko bencana melibatkan strategi mitigasi berstruktur sebagai mekanisma mitigasi risiko serta mengurangkan faktor kepada berlakunya bencana di masa hadapan.	1. Mengukuhkan kestabilan cerun; 2. Menanam pokok dan tanaman penutup bumi; 3. Menambah baik tebatan banjir; 4. Menambah baik sistem perparitan, menyediakan *bioretention* di tempat-tempat yang sesuai; dan 5. Melaksanakan konsep MSMA 2.0 (kawalan di punca).
Risiko Bencana Tanah Runtuh, *El Niño* dan Kemarau 1. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 3 (Wangsa Maju – Bukit Dinding).	Kawasan tumpuan 3 melibatkan kawasan Wangsa Maju – Bukit Dinding yang terdedah kepada risiko tanah runtuh dan *El Niño* serta kemarau. Cadangan melibatkan mitigasi struktur bagi mengukuhkan kestabilan cerun di Bukit Dinding dan penerapan konsep *Nature-Based Solution* (NbS).	1. Mengukuhkan cerun dengan pembinaan tembok konkrit; 2. Penanaman pokok dan tanaman penutup bumi (NbS); 3. Membangunkan sistem amaran awal. 4. Memperluaskan penggunaan *bio-swale* dan penutup hijau (*Nature-based solutions*-NbS); 5. Memelihara dan memulihara badan air; dan 6. Menukar permukaan tidak telap kepada permukaan telap air seperti pejalan kaki dan tempat letak kereta.
Risiko Bencana banjir Kilat, *El Niño* dan Kemarau 1. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 4 (Pusat Bandar Raya).	Kawasan Tumpuan 4 melibatkan kawasan Pusat Bandar Raya yang mengalami kepesatan perbandaran yang nyata. Desakan pembangunan di kawasan ini telah menyebabkan kawasan ini berisiko tinggi terhadap banjir kilat, *El Niño* dan kemarau disamping menghadapi kesan kepada perubahan iklim yang ketara.	1. Menambah baik tebatan banjir; 2. Menambah baik sistem perparitan; 3. Menyediakan *bio-retention* di tempat-tempat yang sesuai; 4. Melaksanakan konsep MSMA 2.0 (kawalan di punca/*control at source*); 5. Memperluaskan penggunaan *Bio-ecological* (BIOECODS) dan penutup hijau; 6. Menukar permukaan tidak telap kepada permukaan telap air seperti pejalan kaki dan tempat letak kereta; dan 7. Memelihara dan memulihara badan air.



Kawasan Tumpuan Bencana Berganda

1. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 1 (Bukit Tabur)
2. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 3 (Wangsa Maju - Bukit Dinding)
3. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 2 (Sungai Penchala)
4. Kawasan Tumpuan Risiko Bencana 4 (Pusat Bandar Raya)

RAJAH 4.1.11 | Pelan Kawasan Tumpuan Bencana Berganda

Petunjuk :

- Kawasan Tanah Tinggi
- Impak Rendah-Sederhana
- Impak Sederhana Tinggi
- Kawasan Potensi Berlaku Banjir
- Kawasan Potensi Berlaku Pencemaran daripada Aktiviti Industri
- Hotspot Banjir Kilat

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur
- Garis Sesar

INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.3D

MELAKSANAKAN KONSEP *BUILD BACK BETTER*

Keutamaan kepada pembangunan yang berasaskan alam semula jadi selaras dengan dokumen Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL2030) dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (PTIKL2050).

Keperluan utama adalah memperketatkan kawalan Pengurusan Kawasan Khas (PKK) iaitu kawasan berbukit serta bercerun kelas 3 dan kelas 4 dengan pematuhan terhadap Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Cerun Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010 (GPWPKL, 2010).

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.1.7.

INFO RINGKAS

KONSEP *NATURE-BASED SOLUTION* (NbS)



Merujuk kepada pendekatan berasaskan alam semula jadi melalui tindakan untuk melindungi, mengurus secara mampan atau memulihkan ekosistem semula jadi, dengan tujuan menangani cabaran perbandaran seperti impak perubahan iklim, kesihatan manusia, keselamatan makanan dan air, pengurangan risiko bencana secara berkesan dan adaptif.

Sumber: Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Cerun Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010 (GPWPKL, 2010).

Jadual 4.1.7:

Langkah Pelaksanaan Pembangunan dengan Lebih Baik *(Build Back Better)*

Langkah	Risiko Banjir	Risiko Tanah Runtuh
1. Memaksimumkan kawasan hijau, lapang dan rekreasi serta mengurangkan peratusan permukaan tidak telap air selaras dengan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL2030);	✓	✓
2. Menyediakan zon penampan yang bersesuaian mengikut garis panduan dan syarat yang ditetapkan Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Cerun Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010 (GPWPKL, 2020);		✓
3. Memperketatkan kawalan pembangunan di Kawasan Kawalan Alam Sekitar dengan pemakaian Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan di kawasan bukit dan cerun bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010 (GPWPKL, 2010);		✓
4. Mematuhi keperluan MSMA 2.0 di dalam mengawal aliran puncak bagi memastikan kadar aliran permukaan adalah sama sebelum dan selepas pembangunan;	✓	
5. Mengaplikasikan sistem kawalan banjir untuk mengurangkan tahap kemusnahan di waktu banjir;	✓	
6. Menerapkan elemen reka bentuk bangunan yang mengambil kira keperluan ketahanan daripada bencana dan juga pemilihan jenis bahan hendaklah kalis hakisan; dan	✓	✓
7. Menggalakkan pemakaian konsep *Nature-based Solutions* (NbS), *Water Sensitive Urban Design* (WSUD), *Sponge City* dan *Low Impact Development* (LID) untuk mengurangkan impak Pulau Haba Bandar, risiko banjir kilat, kemarau dan pencemaran alam sekitar.	✓	✓

AMALAN TERBAIK

MENERAPKAN ELEMEN BERDAYA TAHAN BENCANA (*SPONGE CITY*) DI KAWASAN YANG TELAH DIBANGUNKAN


Konsep *Sponge City* merujuk kepada konsep bandar atau ruang yang berupaya untuk mengintegrasikan pengurusan air dalam proses perancangan dan reka bentuk bandar bagi mengurangkan risiko bencana banjir serta impak pulau haba bandar. Konsep ini juga sinonim dengan Pembangunan Impak Rendah dan pendekatan NbS yang telah banyak dilaksanakan dengan jayanya di bandar negara maju.

Pelaksanaan konsep *Sponge City* di China merangkumi semua jenis kaedah pembangunan berimpak rendah dan NbS antaranya termasuk turapan telap air, bumbung hijau, kolam tadahan air, taman hujan, zon penampan hijau serta kawasan hijau pelbagai fungsi.

Gambaran Pelaksanaan Konsep *Sponge City* pada skala ruang yang berbeza.



Sistem mikro (sistem bangunan)



Sistem sederhana (sistem komuniti)



Sistem makro (sistem bandar)



Lokasi: China
Sumber: *https://www.dw.com/en/china-turns-cities-into-sponges-to-stop-flooding/a-61414704*

Penanaman pokok dan lanskap menjadikan bumbung bangunan lebih menarik.



Lokasi: China
Sumber: *Walsh, A. (2022) China turns cities into sponges to stop flooding https://www.dw.com/en/china-turns-cities-into-sponges-to-stop-flooding/a-61414704*

Permukaan telap membolehkan air meresap ke dalam tanah boleh dilaksanakan sebagai usaha untuk mengurangkan risiko bencana seperti banjir.



Lokasi: United Kingdom
Sumber: *https://www.ukgbc.org/ukgbc-work/nature-based-solutions-to-the-climate-emergency-the-benefits-to-business-and-society/*

Pembangunan yang memaksimumkan kawasan hijau, lapang dan rekreasi di United Kingdom.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-1.4: PEMANTAPAN ELEMEN DAYA TAHAN PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA

Aspek adaptasi perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana perlu diterapkan dalam proses perancangan untuk meningkatkan tahap daya tahan Kuala Lumpur.


Perancangan dan kawalan pembangunan bagi pembangunan baharu dan pembangunan semula perlu lebih sensitif terhadap pengurusan dan pengurangan impak perubahan iklim dan risiko bencana.

Penambahbaikan ini dapat mengawal kesan kepada alam sekitar terutamanya kawalan pencemaran semasa pembangunan dijalankan dan memantapkan elemen daya tahan sesebuah kawasan.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti empat (4) strategi utama yang perlu dilaksanakan sebelum kelulusan pembangunan diberikan seperti berikut:

1. Memahami risiko semasa dan sejarah kejadian bencana setempat;
2. Mengambil kira dan menilai impak alam sekitar bagi setiap pembangunan;
3. Mengambil kira komuniti yang berisiko rentan terhadap cadangan pembangunan di masa hadapan; dan
4. Menerapkan langkah kesan perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana dalam cadangan pembangunan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, program dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-1.4.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.4A

MENAMBAH BAIK PROSES KELULUSAN PEMBANGUNAN


Keperluan penambahbaikan proses kelulusan pembangunan melalui penekanan terhadap kesan perubahan iklim dan berdaya tahan bencana bagi pembangunan baharu merupakan strategi awal mitigasi risiko bencana.

Penambahbaikan ini bertujuan untuk memastikan maklumat berkaitan penilaian impak iklim dan risiko bencana dikemuka serta diperincikan sebagai keperluan dalam proses kelulusan pembangunan. Ia selaras dengan pelaksanaan konsep *Build Back Better* seperti di Rajah 4.1.12.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memastikan pembangunan baharu yang terletak di kawasan pembangunan Pengurusan Kawasan Khas (PKK) dan berisiko bencana mengambil kira pelaksanaan inisiatif daya tahan terhadap kesan perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana; dan
2. Mematuhi garis panduan semasa dan selaras dengan pelan strategik serta pelan tindakan dalam proses kelulusan pembangunan.

Rajah 4.1.12:
Kaedah Menambah Baik Proses Kelulusan Pembangunan melalui Konsep *Build Back Better*



INFO RINGKAS

ENAM (6) PROSES UTAMA OSC 3.0 PLUS

01	Pengumpulan Maklumat Teknikal (Bukan Mandatori)
02	Pertimbangan kepada Pelan-pelan Cadangan Pemajuan
03	Notifikasi Permulaan Kerja Binaan
04	Notifikasi Pemeriksaan Interim
05	Pemeriksaan Akhir dan Pengeluaran Surat Pengesahan CCC
06	Deposit CCC

Sumber: *Manual OSC 3.0 Plus*: Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC). Edisi Pertama 2019, Plan Malaysia

Senarai Semak Maklumat bagi KM di Kawasan Berisiko Bencana

1. Laporan Cadangan Pemajuan (mengambil kira laporan Penilaian Impak Lalu Lintas (TIA), Penilaian Impak Sosial (SIA), Penilaian Impak Warisan (HIA), Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Geologi dan lain-lain dokumen berkaitan);
2. Surat Kelulusan EIA (JPS);
3. Laporan Penilaian Geologi (JMG);
4. Laporan Pengurusan Air Larian Hujan (JPS);
5. Surat Kelulusan JK KSAS; dan
6. Pelan Analisa Kecerunan dan Laporan Geoteknik (JKR).

Sumber: Manual OSC 3.0 Plus: Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC). Edisi Pertama 2019, Plan Malaysia

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-1.5: PENGURUSAN DALAM MENGHADAPI ENDEMIK, EPIDEMIK DAN PANDEMIK

Pandemik bermaksud "penyebaran penyakit baharu di seluruh dunia" yang menyebabkan perubahan drastik serta menjejaskan semua aspek kehidupan dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar seperti COVID-19.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah mengubah cara kehidupan di bandar. Penjarakan fizikal dan pergerakan yang terhad telah mengehadkan penggunaan ruang spatial terutama di bandar yang berkepadatan tinggi seperti Kuala Lumpur.

Endemik, epidemik dan pandemik mempunyai istilah yang menerangkan sejauh mana penyakit telah merebak dalam kawasan geografi atau populasi. Perbezaan terhadap istilah tersebut adalah penting untuk membantu pihak berkuasa tempatan bersama agensi berkaitan merangka tindak balas kesihatan awam yang sesuai dengan lebih baik.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-1.5.

INFO RINGKAS

PERBEZAAN ANTARA ENDEMIK, EPIDEMIK DAN PANDEMIK

ENDEMIK

Di Dalam – Daerah atau Orang

1. Kejadian penyakit atau agen pembawa penyakit yang sentiasa wujud di sesuatu tempat;
2. Penyakit ini dijangka sentiasa ada dan pada kadar yang stabil serta rendah; dan
3. Contoh: Denggi di Malaysia.

EPIDEMIK

Dalam Kalangan – Daerah atau Orang


1. Kejadian penyakit dengan bilangan kes di sesuatu tempat/lokasi melebihi bilangan kes pada waktu biasa atau melebihi kadar biasa; dan
2. Contoh: Wabak Demam Kolera, wabak Measles, wabak virus Nipah di Negeri Sembilan (1999), wabak Polio di Sabah (2019).

PANDEMIK

Semua Daerah atau Orang

1. Kejadian penyakit dengan bilangan kes melebihi kadar biasa yang berlaku banyak negara dan wilayah di seluruh dunia dan melibatkan populasi yang besar;
2. Kebiasaan disebabkan jangkitan penyakit baru (Novel); dan
3. Contoh: Pandemik influenza-Spanish Flu (1918-1919) dan Influenza H1N1 (2009), Pandemik COVID-19 (2020-kini).

Sumber: Olahan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN), 2022



INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.5A

MENYEDIAKAN PELAN STRATEGIK PENGURUSAN ENDEMIK, EPIDEMIK DAN PANDEMIK

Penyediaan pelan strategik pengurusan endemik, epidemik dan pandemik perlu bagi memastikan warga kota bersiap sedia menghadapi isu tersebut. Pelan strategik ini hendaklah merangkumi aspek fizikal, sosial dan ekonomi. Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.1.8.

Jadual 4.1.8:
Aspek dan Langkah Dalam Pelan Strategik Pengurusan Endemik, Epidemik dan Pandemik

Aspek	Langkah
Fizikal	1. Memperkasa ruang atau bangunan sedia ada kepada ruang fleksibel bagi memenuhi keperluan pelbagai fungsi semasa pandemik, epidemik dan endemik; 2. Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur digital; dan 3. Menambah baik penyampaian maklumat sama ada melalui sosial media atau hebahan awam.
Sosial	1. Meningkatkan tahap daya tahan masyarakat dengan anjuran pelbagai program kesedaran; dan 2. Menggalakkan amalan lestari dalam kalangan masyarakat.
Ekonomi	1. Memperkasa ekonomi setempat; dan 2. Menggalakkan aktiviti kebun bandar untuk menjana pendapatan sampingan isi rumah.



Lokasi: Pusat Komuniti Bukit Damansara, Kuala Lumpur

Dewan Komuniti Bukit Damansara berpotensi menjadi pusat pemindahan sementara dan ruang awam pelbagai fungsi semasa pandemik.

INFO RINGKAS

PERKAITAN ANTARA PERANCANGAN SPATIAL DALAM MENGHADAPI PANDEMIK



Sumber: *Song X, Cao M, Zhai K, Gao X, Wu M and Yang T (2021) The Effects of Spatial Planning, Well-Being, and Behavioural Changes During and After the COVID-19 Pandemic. Front. Sustain. Cities 3:686706. doi: 10.3389/frsc.2021.686706*

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-1.6: PELAKSANAAN KEMPEN DAN PROGRAM KESEDARAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM, RISIKO BENCANA DAN KESIHATAN AWAM

Kempen dan program kesedaran ini adalah perlu sebagai usaha untuk memastikan warga kota memahami perkara berkaitan perubahan iklim, risiko bencana dan kesihatan awam. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kesan pencemaran, perubahan iklim, risiko bencana termasuk kesihatan awam.

Maklumat yang tepat dan terkini perlu disalurkan dari semasa ke semasa melalui pelaksanaan program yang dicadangkan bagi memastikan tahap kesiapsiagaan masyarakat berada di tahap baik.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-1.6.




Lokasi: Taman Metropolitan Kepong, Kuala Lumpur

Program Penanaman Pokok dan Penghargaan Media yang telah diadakan sebagai salah satu usaha program kesedaran kepentingan penanaman pokok di Kuala Lumpur.



Lokasi: Taman Metropolitan Kepong, Kuala Lumpur

Kerjasama dari orang ramai memberi kesan positif terhadap kesedaran amalan penanaman pokok.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-1.6A

MEMPELBAGAIKAN KEMPEN DAN PROGRAM KESEDARAN

Gaya hidup masyarakat Kuala Lumpur dapat dipertingkatkan dengan mengamalkan gaya hidup lestari yang mampu menyumbang kepada persekitaran mampan secara berterusan.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah melalui kempen dan program kesedaran seperti berikut:

1. Program meningkatkan tanaman penutup bumi seperti:
   a. Program Kebun Kejiranan; dan
   b. Penerapan konsep *Nature-Based Solution* (NbS) dalam aktiviti komuniti yang berkaitan dengan pembangunan fizikal.
2. Program kesedaran berkaitan impak alam sekitar, perubahan iklim, risiko bencana dan bencana biologikal dalam kurikulum bersepadu sekolah;
3. Program dan latihan simulasi pelbagai bencana atau kecemasan;
4. Program hebahan maklumat melalui pelbagai media termasuk papan tanda; dan
5. Program KL *Living Lab* sebagai platform kerjasama pelbagai pihak (penyelidik, NGO, komuniti, pihak swasta dan agensi teknikal).

AMALAN TERBAIK

CONTOH PROGRAM DAN KEMPEN KESEDARAN

Program Sayangi Rumahku

Ruang awam di kawasan PPR berpotensi dijadikan kawasan pelbagai fungsi (PPR Seri Cempaka, Pantai Dalam). Aktiviti yang dijalankan adalah sebahagian kerjasama bersama pihak swasta dan badan korporat melalui program Sayangi Rumahku.



Lokasi: PPR Seri Cempaka, Pantai Dalam
Sumber: *Low Yen Yeing/EdgeProp.my*

Program Penanaman Pokok

Program Penanaman Pokok di Bandar Tasik Selatan hasil kerjasama antara Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi DBKL bersama pihak NGO dan pihak swasta.



Lokasi: Bandar Tasik Selatan
Sumber: *Ecoknights (2021)*
https://ecoknights.org.my/ecoknights-trees-for-us-program-with-art-of-tree/

Makmal Hidup KL

Kebun Bandar Sungai Bunus sebagai perintis Makmal Hidup KL yang diusahakan secara kerjasama pintar oleh pelbagai pihak yang terdiri daripada badan korporat, swasta, institusi pengajian tinggi, persatuan penduduk dan sukarelawan.



Lokasi: Kebun Bandar Sungai Bunus

Program Kebun Bandar – Kebun Bandar Sungai Bunus.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 4-2: MELUASKAN PEMAKAIAN TEKNOLOGI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

SENARIO PEMAKAIAN TEKNOLOGI TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DI KUALA LUMPUR

Sumber tenaga boleh diperbaharui ialah tenaga suria atau solar, tenaga angin, tenaga air atau kuasa hidro, tenaga ombak, bahan bakar biojisim dan biogas. Kebanyakan sumber tenaga boleh diperbaharui ini digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik.

Sumber tenaga boleh diperbaharui berpotensi untuk diganti secara semula jadi dalam jangka masa yang singkat dan kekal untuk digunakan secara berterusan.

Terdapat pelbagai pilihan untuk menjana tenaga rendah karbon yang dapat diterap dan dilaksanakan secara berkesan antaranya adalah penukaran fotovoltan suria, biojisim dan biogas kepada tenaga boleh diperbaharui.

Kuala Lumpur dilihat mampu menyumbang ke arah peningkatan tenaga boleh diperbaharui negara kerana ketersediaan ruang bumbung bangunan yang luas untuk pemasangan panel solar dan badan air digunakan sebagai ladang solar.

Kos permulaan pemasangan yang tinggi serta penjanaan tenaga solar yang diperolehi pada waktu siang sahaja merupakan isu kepada pelaksanaan pemakaian tenaga boleh diperbaharui. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa insentif dan skim yang disediakan oleh agensi berkaitan untuk menggalakkan pemakaian tenaga boleh diperbaharui di Kuala Lumpur.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya yang meluaskan pemakaian teknologi tenaga boleh diperbaharui, satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 4-2 seperti di Rajah 4.2.1.

INFO RINGKAS

SASARAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI MALAYSIA

25% Menjelang 2030

30% Menjelang 2040

Sumber: PSKL2040



Lokasi: Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur

Panel solar fotovoltan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur.

Rajah 4.2.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-2

SP 4-2	MELUASKAN PEMAKAIAN TEKNOLOGI TENAGA BOLEH DIPERBHARUI
CP 4-2.1	Perluasan Penjanaan Tenaga Solar

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-2.1: PERLUASAN PENJANAAN TENAGA SOLAR

Tenaga solar adalah teknologi yang dicipta untuk mendapatkan tenaga daripada cahaya matahari. Tenaga solar ini telah digunakan secara meluas sejak beberapa abad lalu dalam teknologi secara tradisional dan moden.

Kuala Lumpur mempunyai sebanyak 43 kolam dan tasik. Walau bagaimanapun, hanya enam (6) kolam takungan dengan keluasan 116.9 hektar yang berpotensi untuk dijadikan sebagai tapak Ladang Solar Terapung bagi tujuan penjanaan tenaga boleh diperbaharui.

Tenaga solar dihasilkan daripada radiasi cahaya matahari dan boleh dimanfaatkan dengan pemasangan panel solar fotovoltan. Justeru, program pemasangan panel solar di bangunan baharu dan sedia ada merupakan salah satu langkah untuk mempertingkatkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di Kuala Lumpur.

Perluasan penjanaan dan penggunaan solar sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui akan dapat mengurangkan perlepasan karbon dan mengekang impak negatif kesan rumah kaca. Cadangan ini juga menyokong kepada aspirasi kerajaan ke arah menangani masalah pemanasan global dengan pengurangan penggunaan tenaga yang berasaskan fosil seperti arang batu dan gas asli.

Selain itu, pelaksanaan program pemasangan panel solar fotovoltan di bangunan yang tinggi adalah digalakkan ke arah penjanaan tenaga solar ini.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-2.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-2.1A

MEMBANGUNKAN LADANG SOLAR TERAPUNG DI KOLAM TAKUNGAN

Ladang Solar Terapung merupakan usaha peralihan tenaga bagi mencapai agenda pembangunan mampan. Kriteria pemilihan kolam takungan bagi projek Ladang Solar Terapung perlu diperincikan dengan mengambil kira keluasan dan kesesuaian kolam takungan sebagai ladang solar.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kolam takungan yang mempunyai keluasan badan air melebihi lapan (8) hektar;
2. Memastikan tiada fasiliti penyimpanan sumber air mentah dan tidak terlibat dengan Rancangan Tebatan Banjir (RTB); dan
3. Memastikan hanya 30 peratus daripada keluasan keseluruhan badan air kolam digunakan.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti enam (6) kolam takungan yang sesuai untuk dibangunkan sebagai Ladang Solar Terapung seperti di Jadual 4.2.2 tertakluk kepada kajian yang lebih terperinci.

INISIATIF PELAKSANAAN 4-2.1B

MENGALAKKAN PEMASANGAN PANEL SOLAR FOTOVOLTAN DI BUMBUNG

Pemasangan Panel Solar Fotovoltan adalah digalakkan untuk meningkatkan penjanaan tenaga boleh diperbaharui di Kuala Lumpur. Pemasangan panel solar tersebut turut membantu mengurangkan pencemaran dan mesra alam.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memperincikan Keluasan Lantai Bangunan untuk pemasangan Panel Solar Fotovoltan seperti di Jadual 4.2.1;
2. Memastikan pemasangan panel adalah tidak kurang daripada 30 peratus dari keluasan keseluruhan bumbung;
3. Melaksanakan kajian penetapan harga yang bersesuaian dalam Tarif Galakkan (FiT) bagi bangunan yang memasang Panel Solar Fotovoltan oleh agensi berkaitan;
4. Memperkenalkan Skim Bantuan Pinjaman Fleksibel untuk pemasangan Panel Solar Fotovoltan; dan
5. Memperkenalkan anugerah dan pensijilan kepada pihak yang terlibat dengan inisiatif ini. Pengiktirafan ini dijangka mampu menyumbang kepada peningkatan nilai hartanah.

INFO RINGKAS

TARIF GALAKAN (FiT) TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

> “Mekanisma Tarif Galakan (FiT) di Malaysia mewajibkan Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) untuk membeli daripada Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) tenaga elektrik yang dijana daripada sumber-sumber boleh baharu pada kadar tarif galakan yang telah digazetkan. PLP akan membayar tenaga boleh baharu yang disambung ke grid elektrik untuk jangka masa tertentu. Dengan menjamin akses ke grid dan menetapkan harga yang menguntungkan untuk per unit tenaga boleh baharu, mekanisme FiT memastikan bahawa tenaga boleh baharu menjadi pelaburan jangka panjang yang kukuh untuk syarikat dan juga individu.”

Sumber: *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA)

Jadual 4.2.1:
Program Galakan Pemasangan Panel Solar Fotovoltan

Bangunan (Keluasan Lantai)	Program
Kurang dari 1,000 meter persegi	1. Insentif bantuan modal permulaan pemasangan dengan skim pinjaman yang fleksibel; dan 2. Anugerah dan pensijilan yang melonjakkan nilai hartanah.
Melebihi 1,000 meter persegi	1. Memasang Panel Solar Fotovoltan tidak kurang daripada 30 peratus dari keluasan keseluruhan bumbung; dan 2. Anugerah dan pensijilan yang melonjakkan nilai hartanah.

Jadual 4.2.2:
Senarai Kolam dan Tasik yang Berpotensi Sebagai Tapak Cadangan Ladang Solar Terapung

Tasik/Kolam dan Luas (hektar)	Pelan Sisip	Tasik/Kolam dan Luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Kolam Sri Utara 8.83 hektar		4. Tasik Metropolitan Kepong 45.54 hektar	
2. Kolam Intan Baiduri 16.73 hektar		5. Tasik Ampang Hilir 11.00 hektar	
3. Kolam Kampung Bohol 16.85 hektar		6. Tasik Bandar Sri Pemaisuri 16.61 hektar	

STRATEGI PERANCANGAN

SP 4-3: MEMPERKUKUHKAN SISTEM CEKAP TENAGA

SENARIO SISTEM CEKAP TENAGA DI KUALA LUMPUR

Sistem cekap tenaga bertujuan untuk mengurangkan jumlah tenaga yang diperlu bagi menyediakan dan menyempurnakan sesebuah produk atau kerja dalam bentuk penghasilan mahupun perkhidmatan.

Amalan sistem cekap tenaga akan mengurangkan penggunaan bahan api fosil seperti petroleum, gas asli, dan arang batu, penghasilan gas rumah kaca (GHG) dan kebergantungan terhadap loji jana kuasa.


Amalan ini akan menjimatkan kos pengurusan operasi bagi sesebuah bangunan dan seterusnya membantu pengurusan pembangunan infrastruktur tenaga yang lebih mampan.

Aktiviti perbandaran yang pelbagai dan luas lantai bangunan yang tinggi terutamanya perdagangan dan kediaman meningkatkan permintaan tenaga. Justeru, strategi penjimatan tenaga perlu dirangka dengan lebih praktikal serta memfokus kepada aspek reka bentuk bangunan dan juga usaha memupuk kesedaran kendiri berkaitan penjimatan tenaga dalam amalan harian pengguna.

Amalan semasa bagi memupuk kesedaran berkaitan penjimatan tenaga adalah melalui penggunaan label tenaga pada peralatan elektrik seperti di Rajah 4.3.1. Label tenaga tersebut melambangkan kadar prestasi penggunaan tenaga sesuatu peralatan elektrik dan membantu pengguna membuat pilihan ketika membeli peralatan elektrik tersebut.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya yang meluaskan pemakaian teknologi tenaga boleh diperbaharui, dua (2) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 4-3 seperti di Rajah 4.3.2.

Rajah 4.3.1:
Label Tenaga Pada Peralatan Elektrik



Gambaran pelekat jumlah penggunaan tenaga terhadap sesuatu peralatan elektrik.

INFO RINGKAS

INDEKS TENAGA BANGUNAN (BEI) MALAYSIA



Purata Indeks Tenaga Bangunan *(BEI)*

220-250 kWj/m2/tahun



Nilai Indeks Tenaga Bangunan *(BEI)* Bangunan Cekap Tenaga

<135 kWj/m2/tahun

Sumber: *National Building Energy Intensity (BEI) Labelling For Government Buildings*

Rajah 4.3.2:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-3

SP 4-3 MEMPERKUKUHKAN SISTEM CEKAP TENAGA

CP 4-3.1 Perluasan Pelaksanaan Bangunan Cekap Tenaga

CP 4-3.2 Pengintegrasian Sistem Penyejukan Daerah Serta Koridor Laluan Utiliti Guna sama

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-3.1: PERLUASAN APLIKASI BANGUNAN CEKAP TENAGA

Penggunaan tenaga bangunan mempengaruhi dan menyumbang kepada tahap kecekapan tenaga sesebuah kawasan perbandaran. Tumpuan pelaksanaan perluasan bangunan cekap tenaga adalah kepada pembangunan sedia ada, pembangunan baharu serta pembangunan semula di Kuala Lumpur.

Indeks Tenaga Bangunan (BEI) adalah pengukur kepada kecekapan penggunaan tenaga tahunan bagi sesebuah bangunan yang dikira berasaskan kepada kilowatt jam (kWj) bagi setiap meter persegi keluasan lantai.


Ianya merupakan purata penggunaan tenaga bagi sebahagian besar bangunan pejabat dan perdagangan di Malaysia adalah dalam sekitar antara 220 sehingga 250 kWh/m^2/tahun. Berdasarkan *Malaysia Standard* (MS) 1525:2007, jumlah yang disarankan bagi bangunan cekap tenaga adalah di bawah 135 kWj/m^2/tahun.

Purata penggunaan tenaga bagi bangunan kediaman adalah antara 10 sehingga 25 kWj/m^2/tahun. Kadar penggunaan tersebut adalah rendah dan memenuhi kriteria ke arah sasaran bangunan cekap tenaga.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-3.1.

INFO RINGKAS

INDEKS TENAGA BANGUNAN (BEI) MALAYSIA



Petunjuk:
- Kawasan *'Envelop'* Bangunan Cekap Tenaga
- Purata penggunaan tenaga bagi bangunan di Malaysia

Sumber: *Malaysia Green Technology Corporation (MGTC)*



INISIATIF PELAKSANAAN 4-3.1A

MENGGALAKKAN BANGUNAN CEKAP TENAGA

Penambahbaikan dalam kecekapan tenaga umumnya dicapai dengan menggunakan teknologi dan proses pengeluaran yang lebih cekap atau kaedah yang biasa digunakan untuk mengurangkan kehilangan tenaga.

Sehubungan dengan itu, bangunan sedia ada dan baharu digalakkan untuk menerapkan sistem cekap tenaga dalam mempertingkatkan kecekapan pengurusan sumber di Kuala Lumpur.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan pemasangan peralatan cekap tenaga seperti lampu diod pemancar cahaya (LED) atau lampu pendarfluor;
2. Memastikan penyelenggaraan dan pengoperasian yang optimum serta sifar pembaziran bagi setiap penggunaan elemen tenaga, air dan penjanaan sisa;
3. Melaksanakan reka bentuk bangunan dan penggunaan bahan yang bersesuaian ke arah pengurangan penggunaan tenaga bagi sesebuah bangunan; dan
4. Memberi pengiktarafan kepada syarikat atau individu yang melaksanakan pelbagai usaha dan langkah dalam menyokong inisiatif pelaksanaan bangunan cekap tenaga seperti di Jadual 4.3.1.

Jadual 4.3.1:
Program Insentif dan Peraturan ke Arah Peningkatan Bilangan bagi Bangunan Cekap Tenaga Kuala Lumpur

Insentif
1. Penganugerahan dan penyenaraian hartanah yang mampan dan hijau di laman web DBKL
2. Pengiktirafan bangunan terpilih untuk aktiviti kerajaan
3. Pemudahcara bagi penarafan GBI

Sumber: *Malaysian Standard (MS)* 1575 : 2007

INISIATIF PELAKSANAAN 4-3.1B

MELAKSANAKAN *BEI LABELLING* UNTUK BANGUNAN KERAJAAN

Pelaksanaan *BEI Labelling* adalah difokuskan kepada bangunan awam atau kerajaan di Kuala Lumpur bagi menjadi contoh dan peneraju kepada penggunaan tenaga yang cekap. Seterusnya bangunan awam atau kerajaan akan menjadi pemangkin dan pemacu kepada pelaksanaan keseluruhan bangunan cekap tenaga di Kuala Lumpur.

Perintis pelaksanaan cadangan ini adalah keatas bangunan milik DBKL dan seterusnya diperluaskan kepada bangunan-bangunan awam seperti universiti, sekolah, balai polis, masjid, pejabat kerajaan dan lain-lain.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti bangunan milik DBKL dan bangunan kerajaan lain yang bersesuaian untuk mengadaptasikan sistem cekap tenaga;
2. Menyenaraikan keperluan dan ciri utama sistem cekap tenaga bagi pelaksanaan bangunan milik DBKL dan bangunan kerajaan lain yang bersesuaian; dan
3. Memastikan penggunaan tenaga adalah selaras dengan program penarafan seperti di Jadual 4.3.2.

Jadual 4.3.2:
Program Penarafan *BEI Labelling* untuk Bangunan Kerajaan atau Awam

BEI Labelling untuk Bangunan Kerajaan Atau Awam	
Penarafan	**Julat BEI kWj/m²/tahun**
5-Bintang	BEI ≤ 100
4-Bintang	100 < BEI ≤ 130
3-Bintang	130 < BEI ≤ 160
2-Bintang	160 < BEI ≤ 250
1-Bintang	> 250

Sumber: *Malaysian Standard (MS)* 1575 : 2007

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-3.2: PENGINTEGRASIAN SISTEM PENYEJUKAN DAERAH DAN KORIDOR LALUAN UTILITI GUNA SAMA

Sistem Penyejukan Daerah atau *District Cooling System*, (DCS) merupakan infrastruktur penting dalam melaksanakan sistem cekap tenaga bagi bangunan di Kuala Lumpur.

Sistem DCS akan menghasilkan aliran air sejuk dan seterusnya menyalurkannya dari sumber pusat kepada bangunan dalam sesebuah kawasan melalui sistem dan rangkaian paip. Sistem DCS bukanlah suatu teknologi yang baharu di Malaysia, namun bilangan penggunaannya masih belum meluas di Kuala Lumpur.

Sistem DCS yang efisien dan bersepadu ini mampu mengurangkan permintaan dan penggunaan tenaga dalam bangunan. Ia berpotensi dilaksanakan di kawasan pembangunan baharu dan pembangunan semula.


Penyediaan Koridor Utiliti Guna Sama (CUT) juga mampu menyumbang ke arah perluasan pemakaian teknologi tenaga boleh diperbaharui cekap tenaga selain daripada pelaksanaan Sistem DCS.

CUT merupakan fasiliti laluan kabel utiliti bagi memastikan pemasangan kabel dan paip utiliti dilaksanakan secara sistematik dan teratur tanpa menganggu keadaan sekeliling. Keperluan koridor CUT ini adalah untuk:

1. Memudahkan proses kerja pemasangan kabel perkhidmatan utiliti;
2. Mengurangkan pengorekan ketika proses pemasangan kabel perkhidmatan utiliti;
3. Mengurangkan gangguan perjalanan kenderaan ketika proses pemasangan dan penyelenggaraan koridor CUT; dan
4. Mengurangkan kerosakkan kemudahan infrastruktur dan utiliti seperti laluan pejalan kaki dan jalan.

Penyediaan koridor CUT boleh diperindahkan menjadi kawasan lapang dan kawasan hijau bagi membantu Kuala Lumpur mencapai sasaran 20 meter persegi tanah lapang per penduduk tersebut.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-3.2.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-3.2A

MENGGALAKKAN SISTEM PENYEJUKAN DAERAH (DCS) DILAKSANAKAN SECARA MELUAS

DCS mampu meningkatkan kecekapan tenaga secara efektif, mengurangkan kos pengoperasian sesebuah bangunan dan mengawal pelepasan karbon yang berlebihan.

Pelaksanaan DCS perlu digalakan secara meluas dan memastikan pelaksanaannya menjadi sebahagian syarat keperluan perancangan bagi sesebuah Skim Pembangunan Baharu dan Pembangunan Semula.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.3.3.

Jadual 4.3.3:
Kriteria Minimum Kebolehlaksanaan Sistem Penyejukan Daerah dalam Suatu Pembangunan

Kriteria	Perincian
Keluasan Kawasan	> 3 ekar
Nisbah Plot	> 1:4
Luas Lantai Kasar	> 50,000 mps

AMALAN TERBAIK

CONTOH SISTEM PENYEJUKAN DAN PEMANASAN DAERAH DI SHINJUKU, TOKYO



Pusat ini mempunyai kapasiti penyejukan 65,000RT dan menjadi salah satu sistem terbesar di dunia yang menampung lebih daripada 20 bangunan pencakar langit di kawasan Shinjuku. Sistem ini menggunakan gas asli dan teknologi terkini seperti penjanaan semula tenaga ke arah persekitaran bandar lestari menerusi pengurangan penggunaan tenaga.

Berdasarkan konsep kecekapan operasi terbaik, dua (2) DHC bersebelahan (Shinjuku shin-toshin dan Nishi-Shinjuku DHC) mula berkongsi operasi sejak 2013 melalui saluran paip bawah tanah yang baharu, yang menghasilkan pengurangan CO2 sebanyak 3000t setahun. Shinjuku DHC ini juga dapat membekal tenaga elektrik jika bekalan elektrik terputus serta membantu meningkatkan keupayaan rangkaian tenaga di kawasan Shinjuku.

Sumber: https://www.hitachiaircon.com/projects/large-scale-installations

INISIATIF PELAKSANAAN 4-3.2B

MENYEDIAKAN KORIDOR-UTILITI GUNA SAMA (CUT)

Koridor Utiliti Guna Sama (CUT) ini bertujuan untuk memastikan kerja pengorekan dapat dikurangkan atau tidak diperlukan pada masa hadapan.

Penyediaan rangkaian jalan baharu yang dibina hendaklah dilengkapi dengan rizab CUT mengikut hierarki rizab terutama di kawasan pembangunan baharu dan pembangunan semula dengan saiz pembangunan yang bersesuaian.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.3.4.

Jadual 4.3.4:
Keperluan Penyediaan Rizab Koridor Laluan Utiliti Mengikut Hieraki Jalan

Hierarki Rizab	Keperluan Lebar Rizab CUT
Lebih daripada 20 meter (>66 kaki)	Tiga (3) meter dan hendaklah disediakan di luar *Right Of Way* (R.O.W) di kiri dan kanan jalan (Dedicated)
Kurang daripada 20 meter (<66 kaki)	Tiga (3) meter dan hendaklah disediakan di dalam *Right Of Way* (R.O.W) di kiri dan kanan jalan (Bukan *Dedicated*)
Lorong belakang dan lorong tepi (rizab <6.1 meter atau 20 kaki)	Koridor utiliti boleh diletakkan di bawah permukaan berturap
Bagi jaringan utiliti yang merentasi jalan arteri, jalan pengumpul dan jalan tempatan perlu disediakan *Dedicated Utility Road Crossing* (DURC)	DURC perlu disediakan dengan kelebaran 3.5 meter: 1. Satu (1) DURC bagi setiap 500 meter bagi kawasan perumahan; dan 2. Satu (1) DURC bagi setiap 250 meter bagi kawasan industri dan perniagaan.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 4-4: MELAKSANAKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SECARA BERSEPADU DAN MAMPAN

SENARIO PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI KUALA LUMPUR

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Akta tersebut memperuntukkan kuasa kepada pihak Kerajaan Persekutuan mengambil alih urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam atau PSPPA (kini di bawah kawal selia SWCorp). SWCorp merupakan sebuah agensi penguatkuasaan dan kawal selia kerajaan yang berperanan mentadbir serta menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal, pembersihan awam serta perkara lain yang berkaitan dengannya.

Selaras dengan penguatkuasaan perundangan tersebut, pengasingan sisa pepejal di punca merupakan peraturan yang wajib dipatuhi oleh semua pemilik premis di Kuala Lumpur. Pengasingan sisa pepejal terbahagi kepada tiga (3) kategori, iaitu:

1. Sisa yang boleh dikitar semula;
2. Sisa organik yang sebahagian besar adalah sisa makanan; dan
3. Sisa lain yang tidak termasuk pada kategori kedua-dua di atas.

Model pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi Kuala Lumpur ditunjukkan pada Rajah 4.4.1.

Rajah 4.4.1:
Sasaran Kitar Semula dan Pengurusan Sisa Pepejal



INFO RINGKAS

8 JENIS SISA PEPEJAL MERANGKUMI:

- Sisa Pepejal Isi Rumah;
- Sisa Pepejal Import (plastik);
- Sisa Pepejal Komersial;
- Sisa Pepejal Keinstitusan;
- Sisa Pepejal Perindustrian;
- Sisa Pepejal Pembinaan;
- Sisa Pepejal Awam; dan
- Sisa Pepejal Lain yang ditetapkan pada masa hadapan.

Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

Pengurusan sisa pepejal yang sistematik akan mengembangkan ekonomi kitaran. Penerapan konsep ekonomi kitaran yang berubah daripada konsep ekonomi linear secara tidak langsung dilihat dapat membantu aktiviti kitar semula berkembang menjadi ekonomi yang mampan.

Konsep *linear economy* ialah pembelian, penggunaan dan pembuangan sesuatu bahan atau peralatan. Manakala, konsep *circular economy* pula merupakan konsep guna, pulang dan cipta semula di mana sisa pepejal akan dikitar semula. Ini secara langsung membantu sektor kitar semula berkembang menjadi ekonomi yang mampan dan seterusnya mewujudkan budaya ekonomi kitaran semula yang mampu memanfaatkan masyarakat dan alam sekitar.


Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sebagai Agensi Persekutuan telah mengambil kira elemen *circular economy* dalam penggubalan Dasar Kebersihan Negara bagi meningkatkan inisiatif untuk menjadikan sisa sebagai sumber pendapatan (*waste to money*).

Pelaksanaannya juga merupakan hala tuju utama ke arah mewujudkan Pengurusan Sisa Pepejal yang lebih efektif dan bersepadu bagi bandar raya Kuala Lumpur menjelang 2040. Sisa pepejal yang dihasilkan boleh menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja dan menambah nilai kepada aktiviti ekonomi warga Kuala Lumpur.

Sasaran kitar semula dan pengurusan sisa pepejal mampan 2040 adalah seperti di Rajah 4.4.2.


Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya yang melaksanakan pengurusan sisa pepejal secara bersepadu dan mampan, lima (5) cadangan pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 4-4 seperti di Rajah 4.4.3.

INFO RINGKAS



Sumber: Olahan dari PSKL2040

Rajah 4.4.2:
Sasaran Kitar Semula dan Pengurusan Sisa Pepejal Mampan Kuala Lumpur 2040



Sumber: Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

Rajah 4.4.3:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-4

SP 4-4 MELAKSANAKAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SECARA BERSEPADU DAN MAMPAN

CP 4-4.1	Peningkatan Pengurusan Sisa Pepejal Mampan
CP 4-4.2	Pemerkasaan Peranan Komuniti dan Pihak Berkepentingan dalam Amalan Kitar Semula
CP 4-4.3	Peningkatan Pengurusan Sisa Pepejal Pintar dan Berteknologi Tinggi
CP 4-4.4	Pengukuhan Pengurusan Sisa Organik dan Pembinaan
CP 4-4.5	Pengukuhan Pelupusan Sisa Pembinaan dan Perindustrian

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-4.1: PENINGKATAN FASILITI PENGURUSAN SISA PEPEJAL MAMPAN

Keupayaan, kecekapan dan ketersediaan fasiliti merupakan faktor penting ke arah pengurusan sisa pepejal mampan. Kemudahan sisa pepejal sedia ada bagi Kuala Lumpur adalah di Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar dan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin.

Sisa pepejal yang dikutip di premis dibawa ke Stesen Pemindahan di Taman Beringin terlebih dahulu sebelum dihantar ke Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar.

Walau bagaimanapun, stesen pemindahan sedia ada ini hanya memberi perkhidmatan asas iaitu proses mampatan dan peralihan ke lori pengangkutan yang lebih besar untuk perjalanan penghantaran ke Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar.

Justeru itu, kemudahan fasiliti pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan dan bersepadu adalah perlu bagi menampung jumlah pungutan sisa pepejal yang semakin meningkat di masa hadapan.

Pembangunan fasiliti baharu ini adalah bertepatan dan selari dengan polisi kerajaan untuk mengadaptasikan teknologi moden dan terkini di dalam pengurusan sisa pepejal mampan negara.

Pembangunan yang komprehensif ini juga akan menyokong Kuala Lumpur mengamalkan pengurusan sisa pepejal mampan menjelang 2040.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-4.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.1A

MEMPELBAGAIKAN FUNGSI STESEN PEMINDAHAN SEDIA ADA

Perancangan stesen pemindahan sedia ada perlu dipelbagaikan dan dinaik taraf dengan mengguna pakai teknologi terkini dalam pengurusan sisa pepejal. Pelaksanaannya akan memastikan fungsi stesen tersebut menjadi lebih tersusun dan efisien.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menaik taraf keupayaan stesen pemindahan daripada 1,700 tan sehari kepada 2,700 tan sehari di atas tapak baharu seluas 10 hektar (25 ekar); dan
2. Menyediakan *Material Recovery Facility* (MRF) yang merangkumi kemudahan seperti berikut;
   a. Pengasingan sisa pepejal kitar semula mengikut jenis dari sumber yang telah diasingkan;
   b. Pengasingan bahan kitar semula dan sisa organik dari sumber *mixed waste* atau *trash;*
   c. Pencernaan Anaerobik (*Anaerobic Digestion Plant*) untuk pelupusan sisa organik; dan
   d. Penyediaan kemudahan pelupusan sisa landskap yang berbentuk kompos dan *shredder.*

Draf PTKL2040 telah merancang pembangunan fasiliti bagi pengurusan sisa pepejal di Kuala Lumpur seperti di Jadual 4.4.1.




Lokasi: Pusat Bandar Raya, Kuala Lumpur

Sangkar kitar semula logam untuk pengumpulan sisa berasingan.

Jadual 4.4.1:
Perancangan Pembangunan Fasiliti Pengurusan Sisa Pepejal Kuala Lumpur

Lokasi	Status	Kapasiti
1. Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar, Hulu Selangor, Selangor (luar Kuala Lumpur).	Kekal	283 hektar (700 ekar)
2. Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin (Tapak sedia ada dijadikan lokasi MRF).	Naik taraf	10 hektar (25 ekar) Kapasiti Semasa: 1,700 tan sehari; dan Kapasiti Baharu: 2,700 tan sehari
3. Waste to *Energy Plant,* Rawang, Selangor (Luar Kuala Lumpur).	Komited	1,000 tan sehari
4. Cadangan *Material Recovery Fasility* (MRF)	Cadangan Baharu	Akan ditentukan

Rajah 4.4.4:
Pelan Menaik taraf dan Mempelbagaikan Fungsi Stesen Pemindahan Sedia Ada



CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-4.2: PEMERKASAAN PERANAN KOMUNITI DAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM AMALAN KITAR SEMULA

Kitar semula merupakan amalan yang boleh mengubah sisa menjadi sumber yang bernilai. Selain daripada itu, ia juga boleh mengurangkan penggunaan bahan semula jadi, menjana sumber kewangan dan memberi faedah sosial kepada masyarakat tempatan.

Kitar semula juga mampu menghalang pencemaran yang menyumbang kepada kesihatan awam. Ia juga merupakan penentu kepada masa depan lebih baik bagi mengelakkan pencemaran berterusan yang mampu menjejaskan kehidupan generasi akan datang.

Amalan ini juga mampu mengalakkan ekonomi kitaran dalam industri kitar semula amnya dan pengurusan sisa pepejal khasnya.


Amalan dan pola pertambahan sisa pepejal dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Oleh itu, kerjasama bersepadu dari semua pihak adalah penting bagi menjayakan program dan kempen kesedaran amalan kitar semula ini dalam kalangan masyarakat.

Semua pihak termasuk komuniti, agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak-pihak berkepentingan perlu bekerjasama bagi mempertingkatkan amalan ini.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP4-4.2.


INFO RINGKAS

KADAR KITAR SEMULA DI MALAYSIA



Sasaran kadar kitar semula negara sebanyak **40 peratus** pada tahun **2025**

Sumber: Olahan dari Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Awam (SWCorp)



INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.2A

MENGGALAKKAN PENYEDIAAN PUSAT KITAR SEMULA KOMUNITI

Pusat kitar semula komuniti memberi akses yang baik kepada orang awam untuk menghantar barangan kitar semula berhampiran dengan kawasan perumahan mereka. Secara tidak langsung ia juga meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan sisa pepejal mampan dan aktiviti kitar semula.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti kawasan yang berpotensi bagi penyediaan pusat kitar semula komuniti adalah seperti:

1. Kawasan Perumahan
   a. Perumahan Awam (PA); dan
   b. Projek Perumahan Rakyat (PPR).
2. Pusat Aktiviti Masyarakat
   a. Dewan Serba Guna; dan
   b. Pusat Komuniti.
3. Pusat Komersial atau Pusat Beli-Belah
   a. Pasar Raya; dan
   b. Pusat Beli-Belah.
4. Pusat Keagamaan

AMALAN TERBAIK

PENGURUSAN SISA DAN KITAR SEMULA, JERMAN



Lokasi: Jerman
Sumber: *https://earth.org/waste-management-germany/*

Terdapat enam (6) tong sampah berbeza digunakan untuk membezakan sisa dan sampah yang di sediakan di Jerman.

Jerman merupakan antara negara yang berjaya dalam pengurusan sisa dan kitar semula. Dengan pengenalan skim kitar semula, Jerman telah berjaya mengurangkan jumlah sisa sebanyak 1 juta tan setiap tahun. Jerman mengitar semula 70 peratus sisa yang dihasilkan dan ini adalah yang paling banyak di dunia.

Sumber: *https://earth.org/waste-management-germany/*

INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.2B

MENINGKATKAN PELAKSANAAN PROGRAM, KEMPEN DAN PROMOSI

Pelaksanaan program, kempen dan promosi adalah untuk menggalakkan penglibatan komuniti setempat serta memberi pendedahan berhubung amalan kitar semula. Pelaksanaan ini merupakan usaha untuk memberi kesedaran, pendedahan, pendidikan serta membudayakan amalan kitar semula.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan penyertaan pemegang taruh lain seperti badan bukan kerajaan, badan korporat dan pusat pengajian sebagai rakan strategik program;
2. Melaksanakan program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) dan komuniti sifar sisa di kawasan perumahan terutamanya kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR);
3. Membentuk pasukan alam sekitar DBKL bagi menyelaras aktiviti dan program bersama warga kota dan komuniti setempat;
4. Melaksanakan aktiviti kesedaran dan pendidikan kitar semula dalam kalangan komuniti setempat secara dalam talian atau bersemuka;
5. Mengoptimumkan penggunaan platform media sosial seperti laman web, Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain untuk mengambil bahagian bagi merancakkan program dan promosi berkaitan kitar semula di Kuala Lumpur;
6. Membentuk konsep paparan di *billboard* DBKL dan platform media sosial yang mampu menarik pelbagai kelompok masyarakat. Pengisian adalah berbentuk gambar atau video yang mengambil kira program amalan kitar semula yang dilaksanakan dalam kalangan komuniti setempat;
7. Menyediakan kandungan berbentuk informasi, aduan dan cadangan berkaitan dengan keperluan amalan kitar semula;
8. Meningkatkan capaian di media sosial dengan mewujudkan tanda pagar (*hashtag*). Tanda pagar mestilah menjurus kepada peranan dan sumbangan komuniti dalam usaha mempertingkatkan amalan kitar semula dan komuniti sifar sisa; dan
9. Memberi pengiktarafan kepada pemegang taruh, kumpulan komuniti, syarikat atau individu yang melaksanakan pelbagai usaha dan langkah dalam menyokong inisiatif amalan kitar semula.

INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.2C

MEWUJUDKAN KOLABORASI STRATEGIK DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan adalah usaha menerapkan amalan kitar semula dalam komuniti setempat dan membentuk masa depan yang bebas daripada sisa buangan.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan penyertaan pemegang taruh seperti badan bukan kerajaan, badan korporat dan pusat pengajian sebagai rakan strategik program;
2. Mewujudkan kerjasama dengan pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi memupuk kesedaran amalan kitar semula melalui aktiviti ko-kurikulum di peringkat pra-sekolah atau tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi;
3. Mempertingkatkan program sekolah angkat 5R bersama DBKL; dan
4. Mewujudkan kerjasama dengan komuniti setempat seperti Majlis Perwakilan Penduduk, persatuan penduduk dan Rukun Tetangga melalui program kitar semula dan 5R.



Lokasi: Perumahan Awam Sri Kota

Satu perjanjian persefahaman (MOU) oleh DBKL bersama pihak badan bukan kerajaan sebagai rakan strategik program kitar semula.



Lokasi: Lobi Menara Tabung Haji
Sumber: *https://www.tabunghaji.gov.my/ms/berita/tue-12042018-1200/program-kitar-semula-di-pejabat-th-dengan-kerjasama-dewan-bandaraya-kuala*

Program Kitar Semula melibatkan kerjasama Tabung Haji, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta DBKL yang bertemakan "Bersama kita menjaga kebersihan pejabat demi keselesaan menjalankan tugas seharian".



Lokasi: Perumahan Awam Sri Kota

Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula merupakan program jalinan Kerjasama antara DBKL bersama pihak Berjaya Enviroparks Sdn Bhd (BEP).

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-4.3: PENINGKATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL PINTAR DAN BERTEKNOLOGI TINGGI

Pengurusan sisa pepejal pintar ditakrifkan sebagai penggunaan teknologi digital dan *Internet of Things* (IoT). Penambahbaikan dan pemodenan infrastruktur dalam kutipan sisa pepejal adalah bertepatan dengan galakan penggunaan teknologi tersebut. Ia juga selaras dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar pintar.

Pelaksanaan pengurusan sisa pepejal pintar ini akan mengurus dan merekod secara berpusat kesemua data penting seperti jumlah aduan, maklumat kutipan serta pengangkutan, jumlah sisa pepejal yang dilupuskan dan sebagainya. Pengurusan sisa pepejal akan menjadi lebih sistematik dan membolehkan analisis serta kajian terperinci dibuat bagi menambah baik mutu perkhidmatan di masa akan datang.


Semua aset pengurusan sisa pepejal seperti tong sampah, lori pengangkut, stesen pemindahan, tapak pelupusan dan lain-lain dapat dihubungkan secara digital dan rangkaian maklumat bersepadu.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-4.3.



Lokasi: Kuala Lumpur

Aktiviti kutipan sisa pepejal di sekitar Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.3A


MELAKSANAKAN SISTEM PENGURUSAN SISA PEPEJAL PINTAR DAN BERTEKNOLOGI TINGGI

Sistem pengurusan sisa pepejal pintar dan berteknologi tinggi perlu dilaksanakan agar pengurusannya lebih sistematik dan berupaya mengurangkan kesan negatif kepada komuniti setempat dan juga alam sekitar. Sistem pengurusan ini perlu disokong dengan aplikasi *Internet of Thi*ngs (IoT).

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan aplikasi pintar dan sistem pengurusan sisa pepejal mampan seperti di Rajah 4.4.5;
2. Meluaskan pemakaian dan penggunaan tong sampah pintar yang dilengkapi dengan *ultrasonic sensor* yang mampu mengesan dan menghantar maklumat mengenai status kutipan, kuantiti sisa dan lokasi secara masa sebenar;
3. Melengkapkan lori kompaktor dengan sistem pemantauan *Auto Vehicle Locating System* (AVLS);
4. Mewujudkan *Centralised Command Centre* (CCC) sebagai pusat kawalan dan pemantauan secara masa sebenar operasi kutipan sisa pepejal serta pergerakan lori kompaktor;
5. Mengintegrasi antara lokasi tong sampah pintar dan perjalanan lori kompaktor melalui *Radio Frequency Identification Device* (RFiD);
6. Mengalakkan penggunaan kaedah pelupusan sisa di punca melalui teknologi *Automated Pneumatic Waste Collection Disposal System*, iaitu teknologi yang menguruskan sisa pepejal di punca melalui prasarana rangkaian paip bawah tanah; dan
7. Mengiktiraf pemegang taruh, kumpulan komuniti, syarikat atau individu yang melaksanakan pelbagai usaha dan langkah dalam menyokong inisiatif pelaksanaan sistem pengurusan sisa pepejal pintar dan berteknologi tinggi seperti di Jadual 4.4.2.

Rajah 4.4.5:
Cadangan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Pintar



Jadual 4.4.2:
Cadangan Insentif Penggalakan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Pintar dan Berteknologi Tinggi

Cadangan Insentif Penggalakan Aplikasi *Automatic Pneumatic Waste Collection System*
1. Penganugerahan dan penyenaraian hartanah yang mampan dan hijau di laman web DBKL;
2. Pengiktirafan *preferred site* untuk aktiviti kerajaan; dan
3. Sokongan penarafan GBI.

Sumber: *Malaysian Standard (MS)* 1575 : 2007

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-4.4: PENGUKUHAN PELUPUSAN SISA ORGANIK

Proses degradasi sisa organik makanan yang dilupuskan di tapak pelupusan merupakan punca utama penghasilan gas metana. Gas metana tersebut merupakan salah satu gas rumah kaca *(Greenhouse Gas-GHG)* yang boleh menyebabkan kerosakkan lapisan ozon dan menyumbang kepada pemanasan global.


Pencernaan anaerobik adalah satu proses degradasi bahan organik dalam ruang tertutup oleh mikroorganisma tanpa kehadiran oksigen. Hasil dari proses degradasi tersebut, tenaga tersimpan dalam bahan organik ditukar menjadi biogas yang mudah terbakar dan baja organik.

Pelupusan sisa organik yang mampan adalah selaras dengan Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang memberi penekanan terhadap pengurusan sisa pepejal yang komprehensif, kos efektif, lestari dan perlindungan kesihatan awam.


Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangan untuk pelaksanaan bagi CP 4-4.4.

INFO RINGKAS

HIERARKI AMALAN TERBAIK PENGURUSAN SISA ORGANIK



Sumber: Pelan Strategik Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) 2014 hingga 2020



INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.4A

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PELUPUSAN SISA ORGANIK DI PUNCA

Pelupusan sisa organik perlu diurus dengan baik melalui penyediaan kemudahan pelupusan di punca lokasi penjanaan sisa berkenaan. Draf PTKL2040 mengenal pasti kawasan atau punca yang menghasilkan sisa organik yang tinggi akibat daripada kegiatan individu atau kumpulan tertentu. Penyediaan kemudahan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan persekitaran yang bersih dan tidak menjejaskan alam sekitar serta kesihatan awam.

Kemudahan pelupusan sisa organik di punca berpotensi untuk dilaksanakan di pasar borong, pasar awam dan pusat penjaja.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti pasar borong, pasar awam dan pusat penjaja yang bersesuaian untuk pelaksanaan kemudahan pelupusan sisa organik secara berpusat;
2. Menyediakan kemudahan Pencernaan Anaerobik (A.D) atau mesin kompos mengikut skala yang bersesuaian; dan
3. Memastikan kemudahan yang disediakan mengikut piawaian Standard Indikator Bandar Pintar Malaysia (MS ISO 37122:2019).

INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.4B

MEMBANGUNKAN PANGKALAN DATA PENJANAAN SISA ORGANIK DI PUNCA

Pembentukan pangkalan data bersepadu merupakan kaedah bagi menyimpan dan mengurus data berkaitan dengan penjanaan sisa organik di punca. Pengkalan data ini bagi memudahkan perancangan dan pengurusan sisa organik lebih sistematik di masa hadapan.

Langkah yang perlu bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti komponen utama pangkalan data bersepadu bagi penjanaan sisa organik;
2. Membentuk pangkalan data bersepadu bagi pengurusan penjanaan sisa organik di punca;
3. Mengenal pasti dan merekodkan data jumlah serta jenis sisa organik yang dijana mengikut hari, bulan atau tahun, tempat simpanan sisa sedia ada, pengumpul sisa makanan sedia ada, lokasi penghantaran dan sebagainya; dan
4. Mengukuhkan dan mengemas kini data pengurusan sisa organik di punca lokasi penjanaan sisa berkenaan sebagai rujukan dan perancangan di masa hadapan.

INFO RINGKAS

PENGASINGAN SISA ORGANIK DI PUNCA

1 Pengasingan sisa pepejal yang dihasilkan di punca mengikut komposisi sisa seperti:



2 Tujuan untuk pengasingan sisa pepejal adalah:

- Mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula
- Mengurangkan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan
- Mengurangkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal

Pengasingan ini adalah berdasarkan peraturan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah bermula 1 Jun 2016.



Sumber: Alam Flora Sdn Bhd

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-4.5 PENGUKUHAN PELUPUSAN SISA PEMBINAAN

Sisa pembinaan ditakrifkan sebagai sisa yang dihasilkan daripada aktiviti seperti pembinaan, pengubahsuaian bangunan, perobohan, penggalian tanah, pembinaan bangunan, pembersihan tapak, pembinaan jalan raya dan pembaikan bangunan yang rosak.

Projek pembinaan lazimnya menghasilkan sisa fizikal seperti pecahan batu-bata, konkrit lebihan, besi potong, kayu-kayan, buangan bungkusan plastik, kertas bungkusan kotak, paip (PVC) dan lain-lain lagi. Ia dilupuskan secara pukal dan tempat pelupusannya mengunakan ruang dalam tapak pembinaan yang sekali gus menjadikan pengurusan pembinaan tidak efisien.


Pelupusan sisa bahan buangan ini tidak diberi penekanan untuk di kitar semula. Pusat kitar semula sedia ada lebih memfokus kepada pelupusan plastik, tin aluminium dan kertas (sisa harian atau domestik).

Sehubungan itu, pelan pengurusan sisa pepejal pembinaan dan kaedah pembinaan yang lestari perlu dikenal pasti ke arah pengurusan sisa pembinaan mampan.


Pendekatan terhadap pelaksanaan ini adalah melalui kawalan perancangan. Terdapat dua (2) inisiatif pelaksanaan dicadangan bagi Cadangan Pembangunan CP 4.4.5.

INFO RINGKAS

JENIS SISA PEPEJAL PEMBINAAN YANG BOLEH DIKITAR SEMULA



Sumber: Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)



INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.5A

MENGALAKKAN PELAKSANAAN SISTEM IBS

Sistem Binaan Bangunan Berindustri (IBS) merupakan teknik pembinaan pasang siap atau kaedah pembinaan bangunan bagi memastikan kelestarian sektor pembinaan. Sistem IBS ini menyediakan komponen pembinaan di kilang atau di tapak bina. Kemudian, komponen tersebut dibawa dan dipasang di tapak pembinaan bangunan dengan penggunaan tenaga buruh yang minimum dan sekali gus mengurangkan aktiviti pembinaan.

Penggunaan sistem IBS mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor pembinaan serta mengurangkan penjanaan sisa binaan di tapak. Sistem IBS juga mampu mempromosikan teknologi hijau dalam sektor pembinaan, mengurangkan pelepasan karbon, kos efektif dan mengurangkan pembaziran semasa pembinaan.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan Skor IBS iaitu satu kaedah pengiraan yang sistematik dan berstruktur bagi mengenal pasti tahap penggunaan komponen IBS dalam sesuatu projek bangunan;
2. Menetapkan tahap skor yang bersesuaian mengikut tahap pelaksanaan bagi memenuhi keperluan kriteria pengaplikasian IBS. Draf PTKL2040 mencadangkan skor melebihi 70 peratus sebagai tanda aras dalam usaha mempertingkatkan penggunaan IBS dalam sektor pembinaan; dan
3. Memastikan penggunaan IBS di kawal melalui mekanisma kawalan perancangan semasa permohonan Kebenaran Perancangan (KM) terutamanya pada pembangunan baharu.



Lokasi: SMK Tiara Permai, Kuala Lumpur

Pelaksanaan IBS di SMK Tiara Permai, Kuala Lumpur.

INISIATIF PELAKSANAAN 4-4.5B

MEMPERKUKUH PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN SISA BINAAN

Pelaksanaan garis panduan ini perlu diperkukuhkan agar pihak berkepentingan yang terlibat membantu melaksanakan sistem pengurusan sisa pepejal pembinaan yang baik dan efisien.

Pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan sisa pepejal pembinaan antaranya adalah pemaju, jurutera, perunding, arkitek, perancang bandar, kontraktor pembinaan dan perobohan, kontraktor perkhidmatan pemungutan dan agensi kerajaan.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengguna pakai Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal bagi pembangunan baharu dan juga sedia ada;
2. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal pembinaan di tapak bina;
3. Menyediakan dokumen Perancangan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan (PPSB); dan
4. Memastikan pelaksanaan garis panduan ini di kawal melalui mekanisma kawalan perancangan semasa permohonan Kebenaran Perancangan terutamanya pada pembangunan baharu.



Pelaksanaan garis panduan ini perlu diperkukuh untuk memastikan sistem pengurusan sisa pepejal pembinaan yang baik.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 4-5: MEMPERTINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN AIR DAN PEMBETUNGAN

SENARIO KECEKAPAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN AIR DAN PEMBENTUNGAN DI KUALA LUMPUR

Pengurusan perkhidmatan bekalan air dan pembetungan yang efisien dan mampan adalah penting bagi menghadapi permintaan air yang semakin meningkat, isu global yang melibatkan perubahan iklim, kepesatan perbandaran dan pembangunan ekonomi dari semasa ke semasa.

Pembangunan kawasan perbandaran baharu dan perkembangan aktiviti ekonomi telah meningkatkan permintaan air terawat dan keperluan sistem rawatan kumbahan yang lebih efektif. Kecekapan dan kebolehpercayaan sistem bekalan air bersih dan perawatan air sisa merupakan komponen utama dalam pengurusan sesebuah bandar raya.

Industri perkhidmatan air di kawasan perbandaran terus menghadapi isu berkaitan permintaan, pembaziran dan kadar tidak terhasil yang tinggi serta pencemaran sumber air mentah.

Keperluan kepada kaedah pelupusan air kumbahan atau sisa yang lebih mesra alam dan mampan juga menjadi lebih mencabar dengan perkembangan perbandaran yang semakin pesat.

Peningkatan aksesibiliti premis kepada Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) merupakan strategi utama ke arah sistem pembetungan yang efektif dan bersepadu bagi Kuala Lumpur.

Strategi perancangan ini termasuk menaik taraf RSTP sedia ada bagi memenuhi permintaan masa hadapan serta melebarkan jaringan paip pembetungan utama. Ia bertujuan untuk memperluaskan aksesibiliti sistem pembetungan berpusat atau bersambung dalam Kuala Lumpur. Perkhidmatan air dan pembetungan merupakan pelengkap kepada proses kitaran air dan ia saling berkait rapat antara satu sama lain.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang mampu menguruskan air yang efisien dan mampan, lima (5) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 4-5 seperti di Rajah 4.5.1.

INFO RINGKAS

SENARIO PENGGUNAAN AIR SEMASA DAN SASARAN MASA HADAPAN

Tahun 2020
219 liter/kapita/hari
Sumber: Kementerian Alam Sekitar dan Air

Sasaran Tahun 2025
180 liter/kapita/hari
Sumber: Sasaran Kementerian Alamr Sekitar dan Air

Sasaran Tahun 2040
165 liter/kapita/hari
Sumber: Sasaran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN)

Rajah 4.5.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-5

SP 4-5 MEMPERTINGKAT KECEKAPAN PENGURUSAN AIR DAN PEMBETUNGAN

- **CP 4-5.1** Pengukuhan Ketersediaan Sumber Bekalan Air Tidak Terawat
- **CP 4-5.2** Pengukuhan Elemen Penjimatan Air
- **CP 4-5.3** Pembinaan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS)
- **CP 4-5.4** Pengintegrasian Bekalan dari Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 dan Penaiktarafan LRA Sedia Ada
- **CP 4-5.5** Penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Serantau (RSTP)

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-5.1: PENGUKUHAN KETERSEDIAAN SUMBER BEKALAN AIR TIDAK TERAWAT

Ketersediaan dan penggunaan air kawasan perbandaran adalah dirujuk kepada dua (2) kategori, iaitu air terawat dan air tidak terawat.

Air terawat merujuk kepada air yang bersih dan selamat untuk diminum yang dibekalkan oleh loji rawatan bekalan air setelah melalui proses rawatan yang sistematik dan teratur.

Air tidak terawat pula adalah air yang tidak selamat diminum, bukan dari sumber bekalan domestik dan tidak melalui proses rawatan yang sempurna. Air tidak terawat boleh digunakan untuk tujuan pembersihan luaran, penyiraman, pengairan dan aktiviti lain yang tidak melibatkan pembersihan atau penggunaan untuk pemakanan.

Pengasingan dari aspek sumber, prasarana dan pengunaan kategori air tersebut merupakan asas kepada pengurusan air yang efisien dan mampan bagi Kuala Lumpur.


Strategi utama ke arah mempertingkatkan kecekapan pengurusan air yang efisien dan mampan adalah dengan memperkukuh ketersediaan sumber air tidak terawat serta penggunaannya diperluaskan untuk mengurangkan tekanan kepada permintaan air terawat.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-5.1.

INFO RINGKAS



CP 4 -5.1 | KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 4-5.1A

MEMPERKUKUHKAN KETERSEDIAAN SUMBER BEKALAN AIR TIDAK TERAWAT

Sumber bekalan air tidak terawat merangkumi air sisa kumbahan, air larian permukaan dan kemudahan penuaian air hujan atau kolam takungan.

Sumber air tidak terawat tersebut perlu diterokai ke arah mempertingkatkan ketersediaan air tidak terawat di Kuala Lumpur. Ia adalah satu langkah mengatasi risiko warga kota tidak mempunyai bekalan air walaupun ketika musim panas. Penerokaan sumber air tersebut akan menjadikan pengurusan air lebih efisien dan lestari.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.5.1.

Jadual 4.5.1:
Langkah Memperkukuh Ketersediaan Sumber Bekalan Air Tidak Terawat di Kuala Lumpur

Sumber Air Tidak Terawat	Langkah	Perincian
Air sisa kumbahan	Melaksanakan program kitar semula air sisa kumbahan	1. Penggunaan lapan (8) fasiliti Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) sebagai sumber air tidak terawat seperti berikut: a. RSTP Pantai; b. RSTP Kerayong; c. RSTP Bunus; d. RSTP Sri Hartamas; e. RSTP Sungai Besi; f. RSTP Bandar Tun Razak; g. RSTP TTDI; dan h. RSTP Batu.
Air larian permukaan	Mewujudkan fasiliti pengumpulan dan penyimpanan air larian permukaan	1. Pemasangan kemudahan penyimpanan bawah tanah untuk proses pengumpulan air larian permukaan sebagai sumber air tidak terawat terutamanya kepada lokasi berikut: a. Tempat terbuka; b. Kawasan awam; dan c. Kawasan tidak telap air seperti jalan, tempat letak kereta dan dataran konkrit. 2. Penentuan keperluan keluasan kolam takungan sama ada komuniti atau wilayah bagi sesebuah pembangunan.
Penuaian air hujan atau kolam takungan.	Membina dan menyelenggara Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) dan *On-Site Detention* (OSD)	1. Sistem Paip Berkembar (*Dual-plumbing system*) merupakan sistem paip dalaman bangunan yang mempunyai dua (2) sumber dan aliran iaitu air tidak terawat (SPAH dan OSD) dan air terawat; 2. Pengasingan sumber dan aliran ini mampu menjimatkan air terawat dalam aktiviti seharian pengguna; dan 3. Sumber air terawat hanya digunakan untuk tujuan mandian dan cucian badan, memasak, minum serta pembersihan dalaman.

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 4-5.2: PENGUKUHAN ELEMEN PENJIMATAN AIR

Air merupakan keperluan utama yang penting untuk kehidupan disamping menyokong pertumbuhan pembangunan. Pertambahan populasi manusia, peningkatan aktiviti perniagaan dan perkembangan sektor perindustrian menyumbang kepada kadar penggunaan air yang tinggi. Maka keperluan bagi penjimatan penggunaan air amat penting ke arah menjamin ketersediaan bekalan air yang mencukupi di Kuala Lumpur pada masa hadapan.

Kebanyakan air yang digunakan oleh rakyat Malaysia adalah untuk tujuan membersih, mandian, mencuci, memasak, minuman, membasuh, menyiram dan sebagainya. Sekiranya penggunaan air secara berlebihan ini dapat dikurangkan, ia dapat membantu menjimatkan:


1. Kos dan tenaga bagi proses rawatan air bersih;
2. Kos penyediaan kemudahan sokongan bekalan air seperti tangki air, pam penggalak dan jaringan paip bekalan; dan
3. Kos pemeliharaan alam sekitar seperti pemuliharaan kawasan tadahan serta meminimumkan keperluan pembinaan empangan.


Penjimatan air juga akan meningkatkan keselesaan hidup warga kota dan mengurangkan bebanan bayaran bil air pengguna.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi dan program. Terdapat dua (2) inisiatif pelaksanaan untuk Cadangan Pelaksanaan bagi CP 4-5.2.

INFO RINGKAS

LANGKAH PENJIMATAN AIR





INISIATIF PELAKSANAAN 4-5.2A

MENGALAKKAN PEMAKAIAN SISTEM DAN PERALATAN JIMAT AIR BAGI BANGUNAN

Pemakaian sistem dan peralatan jimat air bagi bangunan merupakan langkah fizikal bagi mengurangkan penggunaan air terutamanya sektor domestik.

Bangunan dalam Kuala Lumpur perlu dilengkapi dengan sistem dan peralatan berkenaan ke arah mencapai matlamat penjimatan air.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Melengkapkan bangunan dengan pemasangan Peranti Penjimatan Air (WSD); dan
2. Melaksanakan pemasangan paip berkembang *(Dual-Plumbing)* bagi bangunan baharu.

Perincian bagi langkah dan mekanisma pelaksanaan dalam cadangan mengalakkan pemakaian sistem dan peralatan jimat air bagi bangunan adalah seperti di Jadual 4.5.2.

INISIATIF PELAKSANAAN 4-5.2B

MEMPROMOSIKAN BUDAYA DAN AMALAN PENJIMATAN AIR

Kempen dan promosi bagi membentuk cara hidup serta budaya penjimatan air adalah usaha dan langkah proaktif ke arah membina masyarakat yang mempunyai kesedaran penjimatan air yang tinggi.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan penyertaan pemegang taruh lain seperti badan bukan kerajaan, badan korporat dan pusat pengajian sebagai rakan strategik program;
2. Menganjurkan program, majlis dan kempen penjimatan penggunaan air yang berterusan;
3. Memupuk kesedaran amalan penjimatan air melalui aktiviti kokurikulum di peringkat prasekolah atau tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi;
4. Menjadikan sambutan Hari Air Sedunia sebagai platform penganjuran aktiviti ke arah memupuk kesedaran penjimatan air dalam kalangan warga kota; dan
5. Mengoptimumkan penggunaan Platform Media Sosial seperti Laman Web, Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain dalam memaparkan pengisian berbentuk informasi berkaitan penjimatan air.

Jadual 4.5.2:
Cadangan Menggalakkan Pemakaian Sistem dan Peralatan Jimat Air Bagi Bangunan

Langkah	Mekanisma Pelaksanaan
1. Melengkapkan Bangunan dengan Pemasangan Peranti Penjimatan Air (WSD) Pengurangan dan pengawalan aliran air melalui pemasangan WSD adalah seperti mana berikut: a. Kelengkapan tandas dengan sistem "dwi siram" yang membolehkan "siraman separuh" (3 liter) dan "siraman penuh" (6 liter); b. Pemasangan *aerator* aliran rendah; c. Pacuran mandian aliran rendah; d. *Nozzle Shut Off* Automatik; e. Mesin basuh jimat air; dan f. Mesin membasuh pinggan jimat air.	1. Sokongan penarafan *Green Building Index* (GBI) bagi bangunan yang dilengkapi ciri pengurusan air yang cekap termasuk penuaian air hujan, kitar semula air dan kelengkapan yang menjimatkan air; 2. Pensijilan dan penyenaraian bangunan mampan dan hijau dalam laman sesawang Bangunan Mampan Dan Hijau DBKL; dan 3. Pengiktirafan dan penyenaraian sebagai bangunan terpilih bagi aktiviti seminar dan perhimpunan nasional dan antarabangsa.
2. Melaksanakan Pemasangan Paip Berkembar (*Dual-Plumbing*) bagi Bangunan Baharu Penggunaan paip berkembar *(dual-plumbing)* dengan pengasingan sumber, sistem paip dan penggunaan air tidak terawat serta air terawat mampu menggalakkan penjimatan penggunaan air di punca.	

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-5.3: PEMBINAAN PROJEK TAKUNGAN AIR PINGGIRAN SUNGAI (TAPS)

Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) adalah bertujuan untuk menstabilkan aliran sungai dan mempertingkatkan pengurusan sumber air mentah yang lebih efektif.

Konsep utama bagi cadangan projek TAPS ini adalah mengintegrasikan kolam takungan air dan rangkaian sungai sedia ada di Kuala Lumpur.

Pembinaan TAPS memberi alternatif kepada stesen pam air mentah untuk menghentikan abstraksi air dari sungai sekiranya berlaku pencemaran. Ini kerana sumber air mentah akan beralih kepada TAPS dan membolehkan loji rawatan air untuk terus beroperasi.

Langkah pencegahan pencemaran untuk mengelakkan kotoran, sampah, minyak, logam merbahaya dan lain-lain bagi memastikan sumber air ini harus mencapai piawaian tertentu untuk digunakan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-5.3.



Lokasi: Sungai Klang
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/ESB+Professional*

Sungai Klang dilihat berpotensi sebagai sumber air baharu di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-5.1A

MENGENAL PASTI LOKASI PEMBINAAN TAKUNGAN AIR PINGGIRAN SUNGAI (TAPS)


Perancangan terhadap pembinaan takungan air di pinggiran sungai merupakan antara usaha terbaik dalam mengatasi masalah bekalan air kepada warga kota sekiranya sumber air mentah dicemari.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kolam dan sungai yang mempunyai sambungan;
2. Memastikan pemilihan kolam adalah mempunyai keluasan melebihi 10 hektar (24 ekar);
3. Memastikan sungai utama yang mempunyai kawasan tadahan yang luas; dan
4. Mengintegrasi Rancangan Tebatan Banjir (RTB).

AMALAN TERBAIK

CONTOH TAKUNGAN SUNGAI DI GLEN CANYON, AMERIKA SYARIKAT



Lokasi: Lake Powell, Amerika Syarikat
Sumber: *https://www.usbr.gov/uc/rm/crsp/gc/*

Lake Powell merupakan sungai takungan yang menyimpan air untuk mempertingkatkan pengurusan sumber air mentah dengan lebih efektif.

Lake Powell menjadi takungan air kedua terbesar di Amerika Syarikat sepanjang 186 batu yang dibentuk oleh perairan Sungai Colorado yang terletak di belakang Empangan Glen Canyon.

Lake Powell menyediakan simpanan air jangka panjang yang membolehkan negeri yang terletak di bahagian *Upper Basin* Sungai Colorado seperti Wyoming, Colorado, New Mexico dan Utah untuk menggunakannya.

Jadual 4.5.3:
Cadangan Lokasi Pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS)

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Nama Projek: Projek TAPS Sungai Jinjang dan Sungai Batu. 2. Lokasi Terlibat: a. Kolam Nanyang, Sungai Jinjang; b. Kolam Wahyu, Sungai Jinjang; c. Kolam Kampung Delima, Sungai Jinjang; dan d. Kolam Batu, Sungai Batu. Keluasan: 112.55 Hektar (278 ekar)	
1. Nama Projek: Projek TAPS Sungai Kerayong 2. Lokasi Terlibat: Tasik Sri Permaisuri, Sungai Kerayong. Keluasan: 16.61 Hektar (41 ekar)	
1. Nama Projek: Projek TAPS Sungai Gombak 2. Lokasi Terlibat: Tasik Titiwangsa, Sungai. Gombak Keluasan: 15.31 Hektar (37 ekar)	
1. Nama Projek: Projek TAPS Sungai Kuyoh 2. Lokasi Terlibat: Kolam Kampung Bohol, Sungai Kuyoh Keluasan: 16.85 Hektar (41 ekar)	

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-5.4: PENGINTEGRASIAN BEKALAN DARI LOJI RAWATAN AIR (LRA) LANGAT 2 DAN PENAIKTARAFAN LRA SEDIA ADA

Kuala Lumpur mempunyai dua (2) Loji Rawatan Air (LRA) iaitu LRA Bukit Nanas dan LRA Wangsa Maju. Keperluan menaik taraf LRA tersebut perlu dilaksanakan akibat keperluan permintaan air domestik yang semakin meningkat.

Program naik taraf LRA tersebut adalah bersesuaian dan seiring dengan usaha penerokaan sumber air baharu iaitu Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) dan air bawah tanah.

Perancangan LRA Langat 2 yang berkapasiti 2,260 Juta Liter Sehari memberi manfaat dan potensi kepada Kuala Lumpur untuk menaik taraf LRA sedia ada. LRA Langat 2 dibangunkan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan siap sepenuhnya pada penghujung 2023 dan mampu membekalkan air bersih ke Selangor dan Kuala Lumpur.


Ketiga-tiga LRA ini akan menjadi fasiliti utama sistem bekalan air bersih Kuala Lumpur menjelang 2040.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-5.4.



Lokasi: Loji Rawatan Air Langat
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/ESB+Professional*

Loji Rawatan Air Langat 2 memberi manfaat dan potensi kepada Kuala Lumpur untuk menaik taraf loji rawatan air sedia ada.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-5.5A

MENAIK TARAF KAPASITI LOJI RAWATAN AIR (LRA) KUALA LUMPUR

Perancangan Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS), Pengintegrasian Bekalan LRA Langat 2 dan penaiktarafan loji rawatan air akan memperluas dan meningkatkan bekalan air di Kuala Lumpur. Keperluan untuk penaiktarafan kapasiti LRA sedia ada perlu menggunakan teknologi yang cekap bagi memastikan bekalan air yang mampan.


Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 4.5.4.



Lokasi: Loji Rawatan Air Bukit Nanas

Loji Rawatan Air Bukit Nanas yang perlu dinaik taraf bagi memastikan keperluan air dapat diagihkan kepada warga kota kelak.

Jadual 4.5.4: Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Air Bandar Raya Kuala Lumpur

Program Menaik Taraf LRA		
LRA	Loji Rawatan Air Bukit Nanas	Loji Rawatan Air Wangsa Maju
Pelan		
Kapasiti Semasa	145 JLD	45 JLD
Kapasiti 2040	250 JLD	100 JLD
Komponen Menaik taraf	1. Peralatan Mekanikal; 2. Keupayaan mengepam; 3. Paip air mentah baharu; dan 4. Peningkatan fasiliti rawatan.	

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-5.5: PENAIKTARAFAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU (RSTP)

Perkhidmatan pembetungan ialah sebuah proses untuk mengumpul, menghantar, merawat air sisa kumbahan serta menyelenggara sistem pembetungan dan tangki septik. Perkhidmatan tersebut terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu sistem pembetungan bersambung terus ke loji rawatan kumbahan awam (berpusat atau bersambung) dan tangki septik individu.

Sistem pembetungan berpusat atau juga dikenali sebagai sistem bersambung berfungsi untuk mengumpul dan merawat kumbahan daripada sisa yang terhasil daripada kolam tadahan tertentu. Ia merupakan satu sistem yang merangkumi rangkaian paip sisa kumbahan dari beberapa sumber di sesebuah kawasan dan seterusnya dirawat di sebuah loji rawatan kumbahan berpusat.

Sistem pembetungan berpusat atau bersambung merupakan infrastruktur yang penting bagi sesebuah kawasan bagi menjamin kesejahteraan penduduk, berdaya huni dan kelestarian alam sekitar.


Cadangan ini memberi tumpuan untuk mempertingkatkan aksesibiliti premis kepada sistem pembetungan berpusat dengan meluaskan kawasan tadahan berpusat dan naik taraf kapasiti loji rawatan kumbahan berpusat sedia ada untuk memenuhi permintaan masa hadapan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-5.5.



Lokasi: Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) Pantai, Kuala Lumpur

Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) Pantai merupakan RSTP yang paling besar di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-5.5A

MENAIK TARAF DAN RASIONALISASI LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU (RSTP)

Program menaik taraf dan rasionalsasi perkhidmatan Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) adalah bertujuan memastikan penyelenggaraan yang lebih ekonomik dan pengurusan perkhidmatan yang efisien.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Merancang penggunaan infrastruktur dan teknologi yang cekap dan mampan di setiap projek menaik taraf dan rasionalsasi perkhidmatan RSTP;
2. Meningkatkan produktiviti dan kecekapan aksesibiliti premis kepada sistem RSTP; dan
3. Memperkukuhkan rangka kerja kawalan dan pemantauan perkhidmatan RSTP.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lapan (8) RSTP sedia ada yang berpotensi untuk dinaik taraf seperti di Jadual 4.5.5.

AMALAN TERBAIK

PROGRAM RASIONALISASI RSTP LANGAT

Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP) Langat yang berjaya merasionalisasikan 164 loji kumbahan kecil dengan paip pembetungan sepanjang 105 kilometer dan P.E sebanyak 920,000.

RSTP Langat ini dibina di atas tanah berkeluasan 7.3 hektar dan menggunakan kepakaran Jepun *Deep Aeration Method* yang mampu mengurangkan kesan karbon semasa *Step-Feed Multi Stage De-Nitrification*.



Lokasi: Loji Pembetungan Serantau Langat
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/zmpixes*

Jadual 4.5.5:
Cadangan Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP)

Loji Rawatan Kumbahan Serantau (RSTP)	Tahun Pelaksanaan	Kawasan Tadahan	Kapasiti (P.E)	
			Semasa	Baharu
Pantai	2025 (Fasa 1) 2030 (Fasa 2)	1. Robson Height; 2. Taman Seputeh; 3. Taman Duta; 4. Kampong Bharu; 5. Pusat Bandar; dan 6. Taman Halimaton.	1,800,000	2,700,000
Bunus / Titiwangsa	2025	1. Ampang Hilir; 2. Kampung Datuk Keramat; 3. Taman U-Thant; 4. Kawasan Perumahan Jalan Air Bersih; dan 5. Seluruh Kawasan Tadahan Bunus.	1,120,000	1,500,000
TTDI / Damansara	2020	-	200,000	400,000

Jadual 4.5.5:
Cadangan Kawasan Yang Terlibat Dengan Program Menaik Taraf Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Serantau (RSTP) (sambungan)

Loji Kumbahan Berpusat Serantau (RSTP)	Tahun Pelaksanaan Menaik Taraf	Kawasan Tadahan	Kapasiti (P.E)	
			Semasa	Baharu
Bandar Tun Razak	2020	1. Taman Midah; dan 2. Taman Connaught;	100,000	200,000
Taman Desa/ Lower Kerayong	2020	1. Salak Selatan; 2. Bukit Petaling; 3. Kampung Kerayong; 4. Kampung Baru Salak Selatan; dan 5. Kuchai Enterpreneurs Park.	220,000	400,000
Sri Hartamas	2020	1. Kampung Segambut Dalam; 2. Kampung Palimbayan; dan 3. Mont Kiara.	153,000	250,000
Sungai Besi	2025 (Fasa 1)	1. Kem Tentera Sungai Besi; dan 2. Pekan Sungai Besi.	100,000	150,000
Batu	-	1. Kampung Batu Muda; 2. Selayang Baru; 3. Jinjang Utara; 4. Taman Seri Segambut; 5. Jinjang Selatan Tambahan; 6. Kem Batu Kentonmen; 7. Kampung Changkat; 8. Sentul; 9. Kepong; dan 10. Batu Caves.	-	1,000,000
Penawaran (Jumlah Kapasiti Baharu)				**6,600,00 P.E**
Permintaan (Unjuran 2040)		**Perdagangan:2,309,367 Kediaman: 2,524,000 Industri: 371,910**		**4,935,277 P.E**

STRATEGI PERANCANGAN

SP 4-6: MEMPERKASA SISTEM SALIRAN MAMPAN

SENARIO SISTEM SALIRAN DI KUALA LUMPUR

Sistem saliran di kawasan bandar telah berubah daripada kaedah tradisional yang hanya berfungsi untuk mengawal banjir kepada reka bentuk yang lebih bersepadu meliputi elemen pengawalan banjir, landskap, pengindahan bandar, rekreasi dan kemudahan awam.

Sistem saliran bandar mampan adalah satu konsep sistem saliran jangka panjang yang mengambil kira faktor alam semula jadi dan aktiviti manusia. Pendekatan yang digunakan ialah mengekalkan aliran semula jadi, penyusupan atau penembusan air ke dalam tanah, penyingkiran atau penapisan bahan buangan dan penyingkiran bahan pencemar oleh lapisan tumbuhan.

Kekerapan kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur disebabkan perubahan iklim global adalah merupakan isu utama sosial yang akan menjejaskan daya huni perbandaran Kuala Lumpur di masa hadapan.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang mengamalkan sistem saliran mampan, satu (1) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 4-6 seperti di Rajah 4.6.1.



Taman Tasik Permasuri merupakan contoh sistem saliran mampan di Kuala Lumpur.

INFO RINGKAS

KEBERHASILAN DAN PENCAPAIAN KONSEP SALIRAN BANDAR MAMPAN

Keberhasilan dan Pencapaian Konsep Saliran Bandar Mampan
Mengawal banjir dan pencemaran
Mempertingkat kepelbagaian biologi
Mengurangkan kepanasan bandar dan pelepasan karbon
Meningkatkan ketersediaan sumber air *Non-Potable*
Meluaskan kawasan awam, rekreasi dan hijau
Memperbaiki tahap daya huni perbandaran

Sumber: Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)

Rajah 4.6.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-6

SP 4-6	MEMPERKASA SISTEM SALIRAN MAMPAN
CP 4-6.1	Pelaksanaan Sistem Saliran Berteknologi dan Mampan

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-6 .1: PEMAKAIAN PENDEKATAN MESRA ALAM DALAM SISTEM SALIRAN

Kejadian banjir di Kuala Lumpur semakin membimbangkan dan ini memerlukan pendekatan sistem saliran yang lebih efektif dan berkesan. Banjir terjadi apabila hujan lebat meningkatkan air larian permukaan dan menyebabkan sistem perparitan atau lembangan sungai tidak berupaya menjadi kawasan tadahan air. Sistem saliran yang tidak diselenggara juga menjadi punca berlakunya banjir.

Sistem saliran mesra alam bertujuan untuk mengurangkan kejadian banjir berlaku serta membendung pencemaran air. Fokus utama sistem saliran ini adalah kepada pengurusan air larian demi kelestarian alam sekitar dan peningkatan kualiti hidup.


Pemakaian sistem saliran mesra alam diperlukan di kawasan padat pembangunan kerana air larian permukaan adalah tinggi dan kritikal. Sistem saliran ini termasuk juga pendekatan kawalan di punca.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-6.1.



Lokasi: Taman Rasah Utama , Seremban

Amalan terbaik sistem saliran mesra alam dengan pelaksanaan kolam takungan kering.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-6.1A

MENGADAPTASI SISTEM SALIRAN BERKONSEPKAN *SPONGE CITY*

Konsep *sponge city* merupakan pendekatan efektif bagi mewujudkan sistem saliran perbandaran yang mampan. *Sponge City* merupakan konsep penyimpanan dan penggunaan air hujan berskala besar yang menyokong ke arah pengurangan risiko banjir kilat dan peningkatan jumlah air yang boleh diguna pakai semula. Ia juga mampu mengurangkan risiko pencemaran air, masalah pulau haba dan meningkatkan ketersediaan kawasan rekreasi dan hijau serta termasuk kepelbagaiaan biologi.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memperkukuh Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) melalui piawaian khas parameter dan kriteria reka bentuk pembangunan di pusat bandar;
2. Menambah baik keupayaan simpanan saliran dan kolam tadahan seperti pembinaan kolam bawah tanah untuk pembangunan semula dan pembangunan baharu dan juga Rancangan Tebatan Banjir (RTB);
3. Menggunakan tanah bencah buatan dan kolam takungan semula jadi;
4. Merancang kesinambungan jaringan hijau dan biru dengan kelebaran dan anjakan yang bersesuaian melalui zon koridor tepian sungai, tasik dan kolam;
5. Mereka bentuk sistem saliran yang berliang iaitu kaedah penyusupan oleh tumbuh-tumbuhan bagi mengelakkan pencemaran air larian permukaan;
6. Mengalakkan pelaksanaan bumbung hijau di bangunan terutamanya di pusat bandar;
7. Mengamalkan penjimatan dan penggunaan semula air di bangunan seperti penyimpanan air hujan untuk kegunaan harian;
8. Mewujudkan mekanisma pemantauan dan penyelenggaraan semua fasiliti MSMA yang telah dibina dalam Kuala Lumpur agar lebih efektif dan sistematik; dan
9. Melaksanakan inisiatif khusus menaik taraf sistem saliran di Kuala Lumpur seperti di Jadual 4.6.1.


Lokasi: Kolam Kampung Bohol

Tasik Bohol salah satu kolam takungan atau badan air yang berpotensi sebagai zon tepian tasik.


Lokasi: Sungai Gombak

Zon Tepian Sungai di Sungai Gombak boleh dijadikan sebagai kesinambungan koridor hijau dan biru di Kuala Lumpur.



Lokasi: Taman Botani Perdana

Taman Tasik Perdana berpotensi sebagai kolam takungan banjir dengan kapasiti 22.64 meter padu bagi kawasan tadahan Sungai Bras-Bras.


Jadual 4.6.1:
Senarai Naik Taraf Sistem Saliran Kuala Lumpur

Kawasan	Pelan Sisip	Inisiatif Khusus
1. Sungai Belankong		1. Mendalamkan Sungai Belankong bagi menampung keupayaan air larian dan air hujan di masa akan datang; dan 2. Menaik taraf Sungai Belankong daripada longkang tanah kepada longkang Konkrit-U (*U-Drain*).
2. Sungai Kemunsing (hulu)		1. Mereka bentuk semula dan menaik taraf Sungai Kemunsing kepada sistem saliran konkrit (*upstream*); dan 2. Menaik taraf sebahagian Sungai Kemunsing kepada longkang konkrit (*L-Shape*) bermula dari Taman Koperasi Polis ke Sentul Pasar.
3. Sungai Kemunsing (hilir)		1. Mereka bentuk semula dan menaik taraf Sungai Kemunsing kepada sistem saliran konkrit (*downstream*)
4. Sungai Jinjang		1. Menaik taraf bahagian hilir Sungai Jinjang kepada longkang Konkrit-L (*L-Shape*); dan 2. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan.
5. Sungai Untut		1. Menaik taraf Sungai Untut bermula dari Batu Muda sehingga ke pertemuan dengan Sungai Gombak.
6. Sungai Toba		1. Menaik taraf sebahagian besar jajaran Sungai Toba melalui pelebaran longkang Konkrit-L (*L-Shape*); dan 2. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan.


Jadual 4.6.1:
Senarai Naik Taraf Sistem Saliran dan Perparitan Kuala Lumpur (sambungan)

Kawasan	Pelan Sisip	Inisiatif Khusus
7. Sungai Kayu Ara		1. Menaik taraf dengan kaedah *U-Drain* di Sungai Kayu Ara mulai lebuh raya SPRINT sepanjang Jalan Penchala Hilir; dan 2. Melaksanakan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan keperluan jarak minimum kelebaran 10 meter dari tebing sungai hingga ke lot pembangunan.
8. Longkang Monsun (Kementah)		1. Menaik taraf dan membesarkan longkang monsun dari Kampung Pandan ke Bandar Malaysia (TUDM Sungai Besi) sehingga pertemuan dengan Sungai Kerayong.
9. Longkang Monsun (Jalan Ampang)		1. Menaik taraf longkang monsun di Jalan Ampang.
10. Longkang Monsun (Jalan Tun Razak dan Jalan U-Thant)		1. Membesarkan longkang monsun di sepanjang Jalan Tun Razak dan U-Thant.
11. Longkang di lebuh raya		1. Menaik taraf longkang monsun di sepanjang lebuh raya berikut: a. Lebuhraya Tuanku Abdul Halim; dan b. Lebuhraya Sultan Iskandar sehingga Tasik Perdana
12. Kolam takungan banjir		1. Melaksanakan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan keperluan jarak minimum kelebaran 10 meter dari tebing sungai hingga ke lot pembangunan.

Jadual 4.6.1:
Senarai Naik Taraf Sistem Saliran dan Perparitan Kuala Lumpur (sambungan)

Kawasan	Pelan Sisip	Inisiatif Khusus
13. Longkang Monsun (Jalan Kampung Pandan dan Jalan Travis)		1. Menaik taraf longkang monsoon di Jalan Kampung Pandan dan Jalan Travis; dan 2. Membesarkan longkang monsun di sepanjang jalan berikut: a. Longkang utama Royal Selangor Club; dan b. Jalan 1/76, Desa Pandan.
14. Longkang Monsun (Taman Maluri)		1. Menaik taraf longkang monsun Taman Maluri.
15. Sungai Beberas		1. Menaik taraf Sungai Beberas (hilir).
16. Sungai Anak Air Batu		1. Menaik taraf Sungai Anak Air Batu bermula dari Kolam Takungan Universiti Malaya (UM) sehingga pintu masuk UM.
17. Sungai Batu		1. Melaksanakan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan keperluan jarak minimum kelebaran 10 meter dari tebing sungai hingga ke lot pembangunan.
18. Sungai Klang		1. Melaksanakan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan keperluan jarak minimum kelebaran 10 meter dari tebing sungai hingga ke lot pembangunan.

Jadual 4.6.1:
Senarai Naik Taraf Sistem Saliran dan Perparitan Kuala Lumpur (sambungan)

Kawasan	Pelan Sisip	Inisiatif Khusus
19. Sungai Penchala		1. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan.
20. Sungai Midah		1. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan. 2. Menambah baik keupayaan saliran bagi pelaksanaan Rancangan tebatan Banjir (RTB).
21. Sungai Keroh		1. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan.
22. Sungai Bohol		1. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan.
23. Sungai Kuyoh		1. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan. 2. Menambah baik keupayaan saliran bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB).
24. Sungai Bunus		1. Menetapkan kawasan penampan untuk koridor tepian sungai utama dengan jarak kelebaran minimum 10 meter dari tebing sungai hingga ke sempadan lot pembangunan.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 4-7: MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN RENDAH KARBON

SENARIO PEMBANGUNAN RENDAH KARBON DI KUALA LUMPUR

Perubahan iklim mendorong kepada terjadinya fenomena cuaca ekstrem seperti hujan lebat, ribut petir dan gelombang haba. Kekerapan dan intensiti kejadian cuaca ekstrem ini dijangka meningkat pada masa hadapan dan menjadi ancaman kepada pertumbuhan Kuala Lumpur.

Perubahan iklim di Kuala Lumpur perlu ditangani dari segi pengurangan pelepasan karbon bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, persekitaran hidup dan kesejahteraan sosial.

Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRKKL2030) menyasarkan pengurangan intensiti pelepasan karbon mengikut Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 70 peratus menjelang tahun 2030. Pelan tersebut juga mahu menjadikan Kuala Lumpur berstatus Bandar Raya Karbon Neutral menjelang tahun 2050 selaras dengan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 (PTIKL2050).

PSKL2040 mensasarkan pengurangan intensiti pelepasan karbon mengikut KDNK yang lebih tinggi iaitu sebanyak 85 peratus berbanding 70 peratus sasaran PIMRKKL2030. Kuala Lumpur perlu mengambil langkah proaktif dalam menangani pelepasan karbon daripada bangunan, pengangkutan, sisa, tadahan karbon dan komuniti yang menjadi penyumbang utama pelepasan karbon.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai tempat yang mempunyai pembangunan rendah karbon, lima (5) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 4-7 seperti di Rajah 4.7.1.

INFO RINGKAS

KOMITMEN NEGARA DALAM PENGURANGAN PELEPASAN KARBON 2030

-45%

COP21 • CMP11 PARIS 2015 UN CLIMATE CHANGE CONFERENCE

Malaysia mengumumkan komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon berdasarkan KDNK sehingga 45 peratus menjelang tahun 2030 di COP21, Paris (2015)

KOMITMEN KUALA LUMPUR 2030, 2040 DAN 2050

Sasaran pengurangan intensiti pelepasan karbon berdasarkan KDNK

-70% Tahun 2030	-85% Tahun 2040	-93% Tahun 2050
Rendah Karbon	**Ke Arah Karbon Neutral**	**Karbon Neutral**
Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030	Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040	Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050

Rajah 4.7.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 4-7

SP 4-7 MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN RENDAH KARBON

CP 4-7.1	Pembangunan Bangunan Hijau Rendah Karbon
CP 4-7.2	Pertambahan Kemudahan Penggunaan Kenderaan Elektrik dan Hibrid
CP 4-7.3	Pelaksanaan Zon Perintis Rendah Karbon
CP 4-7.4	Pembangunan Industri Rendah Karbon, Bersih dan Hijau
CP 4-7.5	Pemerkasaan Komuniti untuk Menggalakkan Amalan Rendah Karbon

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-7.1: PENGGALAKAN BANGUNAN HIJAU RENDAH KARBON

Bangunan hijau rendah karbon adalah 40 ke 50 peratus cekap tenaga lebih efisien berbanding dengan bangunan jenis konvensional. Ia memberi faedah kepada penjimatan bil utiliti, mengurangkan kos operasi bangunan dan memberi hasil keuntungan yang lebih tinggi. Contohnya kadar dan pertumbuhan sewaan bangunan hijau rendah karbon jenis pejabat adalah lebih tinggi berbanding dengan bangunan pejabat konvensional. Bangunan hijau rendah karbon mampu meningkatkan kesihatan dan keselesaan penghuni atau pengguna bangunan.

Bangunan hijau rendah karbon mempunyai permintaan pasaran dan nilai aset yang lebih tinggi. Selain daripada penggunaan tenaga yang efisien, ia memberikan implikasi yang rendah kepada alam sekitar dan mampu menonjolkan imej syarikat yang mesra alam dalam pasaran.

Pelaksanaan bangunan hijau rendah karbon ini mampu menarik minat pelabur dalam dan luar negara terutamanya syarikat multinasional. Cadangan menggalakkan pembangunan bangunan hijau rendah karbon adalah penting bagi Kuala Lumpur untuk mencapai hasrat Bandar Neutral Karbon pada tahun 2050.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-7.1.

INFO RINGKAS

FAEDAH EKONOMI BANGUNAN HIJAU RENDAH KARBON

Kadar Sewaan Bangunan Hijau (Pejabat)
(Perbandingan dengan bangunan konvensional)

Penambahan RM0.50 sehingga RM2.25
kaki persegi

Pertumbuhan Sewa Bangunan Hijau (Pejabat)

Penambahan RM0.50 sehingga RM1.00
kaki persegi

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, 2014



INISIATIF PELAKSANAAN 4-7.1A

MENINGKATKAN BILANGAN BANGUNAN HIJAU RENDAH KARBON

Bilangan bangunan hijau rendah karbon boleh ditingkatkan melalui penarafan bangunan hijau kepada bangunan sedia ada dan baharu.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mempelbagaikan kaedah pengiktirafan dan penarafan bangunan hijau selain daripada senarai Indeks Bangunan Hijau (GBI), MyCREST (CIDB-JKR), GreenRE (REHDA), Penilaian Bangunan Tenaga Lestari Rendah Karbon (SEDA) dan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (MGTC);
2. Mengenakan keperluan semua pembangunan baharu atau *reftrofit* yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau rendah karbon terutamanya bangunan institusi kerajaan dan bangunan perdagangan dengan jumlah keluasan ruang lantai kasar melebihi 1,000 meter persegi bagi mendapatkan penarafan bangunan hijau;
3. Mewujudkan zon perintis bangunan hijau rendah karbon di Pusat Bandar Raya dan pusat-pusat pertumbuhan yang berpotensi; dan
4. Menggalakkan pemilik atau penghuni bangunan hijau rendah karbon di Kuala Lumpur mendaftar dan mengemukakan data bangunan kepada sistem inventori termasuk pelaporan bangunan berpusat seperti *Building Energy Data Online Monitoring System* (BEDOS)* bagi tujuan pemantauan prestasi bangunan secara berterusan.

**Nota: Building Energy Data Online Monitoring System (BEDOS) merupakan sistem pangkalan data bangunan rasmi yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia bagi memudah pemilik/penghuni bangunan melapor data bangunan dan membantu kerajaan tempatan mengumpul dan memantau data bangunan di kawasan pentadbiran mereka.*

INFO RINGKAS

CONTOH PENARAFAN BANGUNAN HIJAU DI PASARAN SEMASA (TEMPATAN DAN ANTARABANGSA)

Green Building Index (GBI, Malaysia)

MyCREST (JKR-CIBD, Malaysia)

GreenRE (REHDA, Malaysia)

LEED (Amerika Syarikat)

CASBEE (Jepun)

Green Mark (Singapura)

Penilaian Bangunan Tenaga Lestari Rendah Karbon (SEDA, Malaysia)

CASBEE Iskandar (Malaysia)

Green Star (Australia)

BREEAM (United Kingdom)



Lokasi: Tun Razak Exchange Building
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/fahmiabubakar*

TRX adalah contoh bangunan yang mendapat pengiktirafan bangunan hijau rendah karbon

INISIATIF PELAKSANAAN 4-7.1B

MENERAPKAN CIRI BANGUNAN HIJAU RENDAH KARBON DI BANGUNAN SEDIA ADA DAN BAHARU

Ciri utama bangunan hijau rendah karbon melibatkan aspek cekap tenaga dan air, mobiliti hijau serta pengurusan sisa mampan. Penggunaan ciri-ciri utama ini boleh dilaksanakan dalam kedua-dua bangunan sedia ada dan baru.

Ciri utama dalam sesebuah bangunan digambarkan pada Jadual 4.7.1.

Jadual 4.7.1: Ciri Utama Bangunan Hijau Rendah Karbon

Aspek	Ciri Utama Bangunan Hijau Rendah Karbon	Contoh Penggunaan
Tenaga	Prestasi Sampul Bangunan (*Building Envelope*) yang cekap 1. Nilai Pemindahan Haba Keseluruhan (OTTV); 2. Nilai Pemindahan Haba Bumbung, (RTTV); dan 3. Transmisi Cahaya Boleh Dilihat, (VLT).	Penggunaan bahan binaan dengan transmisi termal rendah (*U-value*) dan nisbah tingkap kepada dinding yang bersesuaian serta peranti teduhan matahari bagi mengurangkan haba dari radiasi solar matahari.
	Sistem Penyaman Udara Cekap Tenaga	Pengubahan sistem pendingin hawa konvensional kepada sistem cekap tenaga seperti sistem penyejukan daerah.
	Reka Bentuk Pasif	Penyelarasan konfigurasi, susun atur dan orientasi bangunan mengambil kira keadaan iklim tempatan seperti matahari dan angin.
	Pencahayaan Cekap Tenaga	Penggunaan lampu yang cekap tenaga seperti lampu diod pemancar cahaya (*Light Energy Diode*, LED) dan lampu pendarflour kompak (*Compact Fluorescent Lamps*, CFL).
	Tenaga Boleh Diperbaharui	Pemasangan panel fotovoltan untuk menjana tenaga solar.
	Sistem Pengurusan Tenaga	Pemantauan penggunaan tenaga melalui audit tenaga bangunan untuk meningkatkan prestasi tenaga bangunan.
Air	Litupan Hijau	Penyediaan taman di atas bumbung dan hijau menegak pada bangunan.
	Kecekapan Air	Pemasangan sistem penuaian air hujan supaya air hujan dapat ditadah dan diguna semula dalam bangunan.
Mobiliti	Mobiliti Aktif	Penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang mesra dan berkesinambungan.
	Kemudahan Kenderaan Elektrik atau Hibrid	Penyediaan tempat letak kenderaan dan kemudahan pengecas kenderaan elektrik atau hibrid.
Sisa	Sistem Kitar Semula	Penyediaan tong buangan kitar semula bagi memudahkan pengasingan dan pengitaran semula sisa buangan.


CADANGAN PELAKSANAAN
CP 4-7.2: PERTAMBAHAN KEMUDAHAN PENGGUNAAN KENDERAAN ELEKTRIK DAN HIBRID

Kenderaan persendirian dan pengangkutan awam yang menggunakan tenaga elektrik sebagai bahan api alternatif adalah digalakkan bagi mengurangkan pelepasan karbon. Kemudahan sokongan seperti kemudahan pengecas kenderaan elektrik perlu disediakan bagi meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik.

Permintaan pengeluaran kereta tempatan dan antarabangsa telah berubah apabila terdapat galakan dalam penggunaan kenderaan elektrik dan hibrid dalam Dasar Automotif Negara 2020 dan *National Electric Mobility Blueprint*. Pelaksanaan dasar tersebut akan meningkat pengeluaran dan penggunaan kenderaan elektrik atau hibrid di Kuala Lumpur.


Kemudahan sokongan bagi kenderaan elektrik dan hibrid seperti peruntukan kemudahan pengecas kenderaan semasa masih rendah dan sebahagian besar adalah tertumpu kepada pusat membeli-belah utama sahaja. Pertambahan kemudahan pengecas kenderaan adalah penting bagi memudahkan dan menggalakkan penggunaan kenderaan hijau serta menyokong peningkatan penggunaan kenderaan hijau jenis elektrik atau hibrid pada tahun 2040.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-7.2.



Lokasi: TNB Bangsar, Kuala Lumpur

Kemudahan pengecas kenderaan elektrik di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-7.2A

MENGGALAKKAN KEMUDAHAN SOKONGAN KENDERAAN ELEKTRIK


Galakan penggunaan kenderaan elektrik memerlukan kemudahan sokongan seperti kemudahan pengecas kenderaan elektrik dan tempat letak kenderaan khusus.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan garis panduan tempat letak kenderaan jenis elektrik yang dilengkapi bersama kemudahan pengecas kenderaan elektrik untuk setiap pembangunan baharu terutamanya pembangunan jenis perdagangan dan kediaman bertingkat;
2. Menggalakkan penyediaan kemudahan pengecas bagi kenderaan elektrik seperti berikut:
   a. Bangunan perdagangan seperti pasar raya, pusat beli-belah dan penginapan pelancong;
   b. Kawasan TPZ untuk memudahkan penggunaan mod pengangkutan awam yang hijau dan rendah karbon seperti bas elektrik dan hibrid; dan
   c. Kawasan kemudahan masyarakat utama seperti taman awam, stadium, kompleks sukan, hentian rehat dan rawat (R&R) di sepanjang lebuh raya.
3. Memperkenalkan tempat letak kenderaan khas dengan insentif bayaran dan keutamaan petak berdekatan dengan pintu masuk bagi pemilik kenderaan elektrik dan hibrid; dan
4. Melaksanakan kempen kesedaran masyarakat seperti *Drive Electric Week* atau *Drive Electric Earth Day* untuk berkongsi maklumat serta faedah mengenai kenderaan elektrik.

INFO RINGKAS

KELEBIHAN KENDERAAN ELEKTRIK



AMALAN TERBAIK

PERANCANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN

Panduan perancangan penyediaan tempat letak kenderaan dengan kemudahan pengecas kenderaan elektrik di Bandar-bandar Utama Dunia.

Piawaiaan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (Kemudahan Pengecas Kenderaan Elektrik)	Nisbah
[1]*California, United States*	100 : 2
[2]*London, United Kingdom*	100 : 40
[3]*Vancouver Metropolitan, Canada*	100 : 20

Sumber: [1]*City of California,* [2]*Greater London Authority,* [3]*City of Vancouver*



Sumber: *https://www.shutterstock.com/image-photo/kuala-lumpur-malaysia-21-may-2018-1095978992*

Penggunaan kemudahan pengecas kenderaan elektrik di pusat beli-belah Kuala Lumpur.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-7.3: PELAKSANAAN ZON PERINTIS RENDAH KARBON

Pelaksanaan pembangunan Bandar Raya Rendah Karbon yang efektif perlu dimulakan di kawasan yang dikenal pasti berpotensi sebagai Zon Perintis Rendah Karbon serta dijadikan panduan pelaksanaan di Kuala Lumpur.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti empat (4) lokasi untuk dijadikan sebagai Zon Perintis Rendah Karbon. Kriteria penetapan pelaksanaan projek perintis akan mengambil kira aspek hierarki pusat pertumbuhan, kesesuaian lokasi, konsep pembangunan dan kebolehlaksanaan aktiviti rendah karbon.


Pelaksanaan Zon Perintis Rendah Karbon ini juga akan menggalakkan penglibatan komuniti dan masyarakat Kuala Lumpur ke arah pembudayaan gaya hidup rendah karbon seterusnya mencapai Bandar Neutral Karbon menjelang tahun 2050.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, program dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-7.3.



Lokasi: Wangsa Maju

Pusat Pertumbuhan Karbon Neutral Wangsa Maju merupakan inisiatif pelaksanaan Zon Perintis Rendah Karbon di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-7.3A

MELAKSANAKAN ZON PERINTIS RENDAH KARBON

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti empat (4) kawasan pilihan bagi program Zon Perintis Rendah Karbon iaitu kawasan Pusat Bandar Raya, Wangsa Maju, Kepong, dan Bukit Jalil.

Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepada fungsi lokasi sebagai Pusat Bandar Raya dan Pusat Pertumbuhan Daerah yang menyokong keperluan penduduk atau pengguna serta aktiviti sekitarnya di dalam Jadual 4.7.2.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

Jadual 4.7.2: Senarai Cadangan Zon Perintis Rendah Karbon bagi Bandar Raya Kuala Lumpur

Lokasi	Konsep Pembangunan	Inisiatif Umum
Pusat Bandar Raya	Bandar Pintar	1. Menggunapakai teknologi *Internet of Things* (IoT) dan *Artificial Intelligence* (AI) yang cekap dan bersepadu dalam perkhidmatan bandar seperti pencahayaan, pengurusan trafik, kebersihan persekitaran dan keselamatan yang bertaraf dunia; 2. Menggalakkan komuniti menggunapakai sistem tenaga bangunan pintar yang mampu memantau secara nyata dan mengawal penggunaan tenaga yang optimal berdasarkan corak pengoperasian setiap peralatan; dan 3. Menyediakan platform perkongsian data dan maklumat Kuala Lumpur bagi memudahkan komunikasi antara pemegang taruh, komuniti, agensi dan pelabur dengan DBKL.
Wangsa Maju	Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon	1. Menggalakkan pemakaian sistem tenaga mikrogrid yang dikuasakan oleh tenaga boleh diperbaharui; 2. Meningkatkan penyertaan masyarakat tempatan dalam aktiviti kebun komuniti dan pertanian bandar; 3. Menyediakan kemudahan pejalan kaki, kenderaan mikromobiliti dan bas pengantara cekap tenaga yang mencukupi, selesa dan bersambungan dengan stesen transit bagi membantu pergerakan dan perjalanan masyarakat tempatan; 4. Memperkasakan program dan aktiviti kitar semula di setiap pusat kejiranan; dan 5. Memperbanyakkan penanaman pokok sebagai teduhan dan kehijauan.
Kepong	Bandar Ekologi dan Biodiversiti	1. Mengekal dan meningkatkan hubungan antara kawasan lapang dan badan air utama di Kepong. Ia akan mewujudkan satu rangkaian taman wilayah yang luas dan bersambung untuk tujuan rekreasi, biodiversiti dan penyerapan karbon. (Kawasan yang dicadangkan adalah Taman Tasik Metropolitan Kepong, Kolam Intan Baiduri, Kolam Sri Utara, Kolam Nanyang, Kolam Taman Wahyu, Tasik Kampung Batu dan Taman Tasik Metropolitan Batu); dan 2. Menambah dan mempelbagaikan spesis pokok bagi meningkatkan litupan hijau. *Nota: Kawasan cadangan juga potensi bersambung dengan Taman Botani FRIM dan Hutan Simpan Lagong, Selangor*
Bukit Jalil	Hab Sukan Lestari	1. Memastikan pemakaian sistem cekap tenaga di kompleks dan kemudahan sukan seperti penggunaan lampu dan papan video LED; 2. Memperkenalkan insentif skim pemberian diskaun tiket kepada pelawat yang menggunakan pengangkutan awam ke Kompleks Sukan Bukit Jalil. 3. Menambah baik pengangkutan awam dan kemudahan pengguna kenderaan elektrik; dan 4. Menggalakkan pemasangan sistem penuaian air hujan untuk penyelenggaraan padang, landskap dan lain-lain kemudahan.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 4-7.4: PEMBANGUNAN INDUSTRI RENDAH KARBON, BERSIH DAN HIJAU

Penggunaan teknologi hijau serta bangunan industri yang berkonsepkan *'Green and Smart Building'* perlu digalakkan bagi mewujudkan industri yang rendah karbon dan hijau di Kuala Lumpur.

Penggunaan sumber dan tenaga melalui penerapan konsep *'Waste to Energy'* terutama bagi kluster industri pembuatan perlu dioptimumkan. Konsep ini adalah berpandukan kepada prinsip ekonomi kitaran yang menggalakkan penggunaan dan penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui. Pendekatan ini mampu menggalakkan penggunaan semula sisa industri bagi menjana sumber tenaga di samping menghasilkan tahap sisa buangan yang rendah.

Pembangunan industri rendah karbon, bersih dan hijau perlu dirancang secara menyeluruh bagi mencapai sasaran Kuala Lumpur ke arah Bandar Neutral Karbon menjelang 2050.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-7.4.


AMALAN TERBAIK

CONTOH INDUSTRI RENDAH KARBON DI CZECH REPUBLIC, EUROPE



Lokasi: Czech Republic, Europe
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/Kletr*

Pemandangan kawasan taman teknologi dan kilang industri yang menggunakan industri rendah karbon.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-7.4A

MENGGALAKKAN INDUSTRI SEDIA ADA DAN BAHARU RENDAH KARBON, BERSIH DAN HIJAU

Aktiviti industri sedia ada dan baharu perlu beralih ke arah rendah karbon, bersih dan hijau. Pengoperasiannya perlu memfokus kepada penggunaan teknologi hijau dan meningkatkan kecekapan tenaga bagi pengeluaran hasil yang lebih bersih.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti kawasan bagi pelaksanaan industri rendah karbon di kawasan Zon Guna Tanah Industri (IP), Zon Guna Tanah Pembangunan Industri Bercampur (MXI) dan Zon Guna Tanah Taman Teknologi (TP).

Aktiviti industri yang dibenarkan beroperasi di kawasan terpilih seperti di kawasan kampung perlu mengambil pendekatan yang sama.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini boleh dicapai dengan mengambil kira ciri utama bangunan hijau rendah karbon dan beberapa inisiatif khusus industri rendah karbon, bersih dan hijau yang telah dikenal pasti sebagai usaha meningkatkan kecekapan tenaga dan pengeluaran hasil yang lebih bersih seperti di Jadual 4.7.3.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

Jadual 4.7.3:
Inisiatif Khusus yang Mampu Meningkatkan Kecekapan Tenaga dan Pengeluaran yang Lebih Bersih bagi Industri Sedia Ada dan Baharu di Kuala Lumpur

Inisiatif Khusus Industri Rendah Karbon, Bersih dan Hijau
Produk Hijau
1. Mereka bentuk produk yang lebih mesra alam bagi mengurangkan pembungkusan produk yang tidak diperlukan;
2. Mengehadkan penggunaan bungkusan yang tidak boleh dikitar semula; dan
3. Memastikan produk menerima Pensijilan Produk Hijau seperti MyHijau yang dipekenalkan oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) Malaysia kepada pembuatan produk yang memenuhi piawaian alam sekitar dan ekologi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
Kelestarian Tenaga
1. Penggunaan sistem pencahayaan pintar seperti kawalan lampu automatik untuk memalapkan lampu apabila pencahayaan tidak diperlukan lagi;
2. Penggunaan peralatan pembuatan seperti motor elektrik, pam, *boiler* dan *furnace* yang jimat tenaga; dan
3. Pengunaan sistem fotovoltan dan termal suria bagi menjimatkan penggunaan tenaga.
Kecekapan Air
1. Penggunaan semula air hujan dan air buangan yang dirawat untuk kegunaan aktiviti industri, proses pembuatan, bengkel dan pembersihan jentera.
Mobiliti Hijau
1. Menggalakkan kaki tangan mengguna perkhidmatan pengangkutan awam (bas dan rel); dan
2. Peralihan kepada mod pengangkutan barang angkut jenis hibrid yang lebih hijau.
Pengurusan Sisa Mampan
1. Mengamalkan pengurangan dan pengitaran semula sisa buangan di punca secara berjadual dan berkala;
2. Pemakaian konsep ekonomi kitaran untuk mengalakkan kitaran semula sisa buangan terhadap rantaian bahan; dan
3. Mengalakkan pemulihan semula tenaga seperti elektrik, haba, biogas atau biodiesel daripada sisa buangan.

CADANGAN PELAKSANAAN
CP 4-7.5: PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI AMALAN RENDAH KARBON

Pemerkasaan komuniti terhadap amalan rendah karbon adalah penting untuk dipupuk dan digalakkan dengan penyediaan kemudahan infrastruktur yang menyokong program kesedaran dan meningkatkan perilaku rendah karbon dalam masyarakat.

Amalan rendah karbon merujuk kepada gaya hidup yang mampan bagi membolehkan pengurangan jejak karbon. Contoh amalan rendah karbon adalah melalui penjimatan tenaga, amalan kitar semula, beralih kepada gaya hidup minimalis dan memilih mod pengangkutan rendah karbon seperti pejalan kaki, berbasikal dan penggunaan pengangkutan awam.

Peningkatan kemudahan komuniti bagi menggalakkan penglibatan dan penyertaan orang awam dalam program rendah karbon serta kempen pendidikan rendah karbon adalah penting. Ia dapat mewujudkan masyarakat rendah karbon dan mencapai hasrat Bandar Neutral Karbon pada tahun 2050.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 4-7.5.


Lokasi: Taman Tasik Danau Kota

Program komuniti rendah karbon mampu memupuk amalan dan gaya hidup yang mampan.



INISIATIF PELAKSANAAN 4-7.5A

MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN KOMUNITI DAN KESEDARAN AMALAN RENDAH KARBON

Kemudahan dan kesedaran awam terhadap amalan rendah karbon perlu dipertingkatkan seperti program kompos dan kitar semula serta kempen pendidikan rendah karbon, kempen penggunaan sistem panel fotovoltan.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lokasi dan langkah dalam usaha mempergiatkan amalan rendah karbon. Pemilihan lokasi ini melihat kepada fungsi lokasi sebagai kawasan tumpuan penduduk atau pengguna. Lokasi yang telah dikenal pasti adalah di pusat komuniti, dewan awam, pasar awam dan pusat penjaja seperti di Jadual 4.7.4.

Langkah dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:



Pelaksanaan program komuniti rendah karbon di Kuala Lumpur.

Jadual 4.7.4:
Langkah-langkah yang Mampu Meningkatan Kemudahan untuk Menggalakkan Aktiviti dan Program Komuniti Rendah Karbon di Kuala Lumpur

Program Komuniti dan Dewan Awam	Pusat Komuniti	Dewan Awam	Pasar Awam	Pusat Penjaja
1. Melaksana dan memperkukuh program kesedaran amalan rendah karbon dalam masyarakat;	✓	✓	✓	✓
2. Menubuhkan persatuan kejiranan rendah karbon;	✓	✓		
3. Membangunkan projek iklim baharu untuk kanak-kanak dan remaja;	✓	✓		
4. Mewujudkan ruang fasiliti yang kondusif dan mencukupi;	✓	✓	✓	✓
5. Menubuhkan pusat kitar semula berasaskan komuniti setempat;	✓		✓	
6. Menyediakan kemudahan pengumpulan sisa organik atau makanan terpakai untuk memudahkan aktiviti pengkomposan untuk menghasilkan baja dan kitar semula minyak masak;			✓	✓
7. Menanam pokok teduhan sebagai usaha meningkatkan kehijauan setempat; dan	✓	✓	✓	✓
8. Melaksanakan semakan semula terhadap kadar sewaan fasiliti setelah program dilaksanakan.			✓	✓



RUMUSAN

MATLAMAT 4 : MEMPERKUKUHKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA PINTAR IKLIM DAN RENDAH KARBON

Pelbagai inisiatif dan pendekatan pelaksanaan telah dicadangkan agar Matlamat 4 dapat direalisasikan dalam konteks Draf PTKL2040. Perancangan dan pelaksanaanya adalah melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan.

Cadangan Pelaksanaan ini juga mengambil kira SDGs, PSKL2040 dan lain-lain dasar pembangunan negara dalam meneraju Kuala Lumpur ke arah Memperkukuh Pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Pintar Iklim dan Rendah Karbon.

Inisiatif dan pendekatan pelaksanaan ini memberi penekanan kepada perubahan iklim yang mempunyai implikasi fizikal, sosial dan ekonomi bagi mengwujudkan persekitaran yang mampan dan berdaya tahan terhadap kesan perubahan iklim dan risiko bencana.

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah pendekatan pelaksanaan bagi Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan untuk Matlamat 4.

Jadual 4.1:
Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 4

Strategi Perancangan	Cadangan Perancangan	Pendekatan Pelaksanaan				
		Projek	Polisi	Program	Kawalan Perancangan	Garis Panduan
SP 4-1	CP 4-1.1	1	-	1	-	-
	CP 4-1.2	1	-	1	-	-
	CP 4-1.3	1	-	1	1	-
	CP 4-1.4	1	-	1	-	1
	CP 4-1.5	1	-	1	-	-
	CP 4-1.6	1	-	1	-	-
SP 4-2	CP 4-2.1	1	-	-	-	-
SP 4-3	CP 4-3.1	-	1	-	-	-
	CP 4-3.2	-	1	-	1	1
SP 4-4	CP 4-4.1	1	-	-	-	-
	CP 4-4.2	1	-	-	-	1-
	CP 4-4.3	-	-	1	-	-
	CP 4-4.4	1	-	-	-	-
	CP 4-4.5	-	-	-	1	-
SP 4-5	CP 4-5.1	-	1	1	1	1
	CP 4-5.2	-	1	1	-	-
	CP 4-5.3	1	-	-	-	-
	CP 4-5.4	1	-	-	-	-
	CP 4-5.5	1	-	-	-	-
SP 4-6	CP 4-6.1	1	-	-	-	-
SP 4-7	CP 4-7.1	-	1	1	1	1
	CP 4-7.2	-	1	-	1	1
	CP 4-7.3	1	1	1	1	-
	CP 4-7.4	-	1	-	1	1
	CP 4-7.5	1	-	1	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		**16**	**8**	**12**	**8**	**76**

MENUMPUKAN PEMBANGUNAN
KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA
MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM

MATLAMAT 5





MATLAMAT 5

MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM

Sistem pengangkutan merupakan satu sektor yang penting untuk menjamin kemampanan dan menyokong pembangunan di Kuala Lumpur. Matlamat ini mengandungi perancangan sistem pengangkutan yang komprehensif, bersepadu dan berkesinambungan sebagai usaha dalam memastikan tahap mobiliti yang cekap dan mampan di Kuala Lumpur.


Mobiliti yang cekap dan mesra alam perlu merangkumi pelbagai mod pengangkutan seperti pengangkutan awam, kenderaan persendirian dan mobiliti aktif. Ketersediaan pelbagai mod pengangkutan akan meningkatkan tahap kemudahsampaian di Kuala Lumpur.

Kriteria bandar raya mobiliti cekap menekankan pembangunan sistem pengangkutan yang menyeluruh dan bersepadu, penggunaan pengangkutan awam yang memenuhi permintaan pengguna dan bersifat inklusif, pengukuhan rangkaian rel dan jalan raya, penambahbaikan tahap kemudahsampaian bagi stesen transit dan rangkaian jalan raya serta penggunaan teknologi bagi pemantauan trafik dalam bandar.

Kriteria bandar raya mobiliti mesra alam pula menekankan peningkatan penggunaan mobiliti aktif dan kenderaan mikromobiliti, pengurangan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, penyelarasan caj penggunaan pengangkutan awam melalui sistem bersepadu, peningkatan penggunaan kenderaan hijau dalam kawasan bandar dan prioriti penggunaan ruang jalan raya kepada pengguna jalan kaki dan basikal.


Rajah 5.1 menyenaraikan kriteria utama yang perlu dilaksanakan sebagai fokus untuk menumpukan Pembangunan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Mobiliti Cekap dan Mesra Alam.

Rajah 5.1:
Kriteria Bandar Raya Mobiliti Cekap dan Mesra Alam



PISAH RAGAM PENGANGKUTAN AWAM DAN KENDERAAN PERSENDIRIAN DI KUALA LUMPUR PADA TAHUN 2040

Rajah 5.2:
Senario Pisah Ragam Pengangkutan Kuala Lumpur Pada Tahun 2040



PETUNJUK:

400 meter Zon Perancangan Transit (TPZ)

600 meter Zon Pengaruh Transit (TIZ)

Penggunaan pengangkutan awam perlu dipertingkatkan sebagai usaha penting untuk mencapai sasaran pisah ragam penggunaan pengangkutan awam sebanyak 60 peratus pada tahun 2030 dan 70 peratus menjelang tahun 2040.


Pencapaian sasaran pisah ragam pengangkutan awam tersebut adalah bergantung kepada perluasan perancangan pengangkutan rel, perkhidmatan bas dan kesinambungan rangkaian *first and last mile*. Penyediaan kemudahan dan infrastruktur sokongan seperti pejalan kaki dan laluan kenderaan mikromobiliti selari dengan hala tuju bagi mewujudkan mod mobiliti aktif di Kuala Lumpur.

Draf PTKL2040 berhasrat untuk meminimumkan pergerakan kenderaan persendirian ke Kuala Lumpur menjelang tahun 2040. Rajah 5.2 menunjukkan cadangan senario pisah ragam pengangkutan masa hadapan di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040.

Penetapan pisah ragam 60:40 bagi tahun 2030 seperti ditetapkan oleh PSKL2040 akan menjadi asas perancangan Draf PTKL2040. Draf PTKL2040 mengambil kira cadangan dan tahap kebolehlaksanaan program yang ditetapkan dalam kajian PITKL. Pendekatan yang lebih inklusif bagi tujuan mencapai sasaran pisah ragam PSKL2040 pada 2030 perlu dilaksanakan dengan penekanan kepada usaha mempergiatkan penggunaan pengangkutan awam sebelum 2030.


INFO RINGKAS

SASARAN PISAH RAGAM PENGANGKUTAN AWAM DAN KENDERAAN PERSENDIRIAN



PSKL2040
3 HALA TUJU STRATEGIK
10 TINDAKAN

RAJAH 5.3
RINGKASAN STRATEGI PERANCANGAN DAN CADANGAN PELAKSANAAN
MATLAMAT 5:
MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM



Terdapat tiga (3) Strategi Perancangan (SP), 11 Cadangan Pelaksanaan (CP) dan 22 Inisiatif Pelaksanaan (IP) yang dirangka selaras dengan PSKL2040 seperti yang diringkaskan dalam Rajah 5.3.

DRAF PTKL2040
3 STRATEGI PERANCANGAN
11 CADANGAN PELAKSANAAN

STRATEGI PERANCANGAN

SP 5-1: MENYEDIAKAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM DENGAN PENYEDIAAN TRANSIT PELBAGAI PILIHAN

SENARIO PENGANGKUTAN AWAM DI KUALA LUMPUR

Sektor pengangkutan awam berperanan mewujudkan pembangunan yang mampan dan menggalakkan suasana perbandaran yang inklusif daripada aspek kemudahsampaian.

Peningkatan pemilikan kenderaan menyumbang kepada pertambahan kenderaan di atas jalan raya. Pisah ragam pengangkutan awam dengan pengangkutan persendirian ialah 20:80 sekitar tahun 2020 dan disasarkan meningkat menjelang tahun 2040 sebanyak 70:30. Penggunaan kenderaan persendirian menyumbang kepada masalah kesesakan dan pisah ragam yang tidak efisien.

Penyediaan rangkaian pengangkutan awam dengan pelbagai pilihan transit turut mendorong masyarakat mengubah corak perjalanan harian daripada penggunaan pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam.

Strategi ini memberi fokus untuk menggalakkan mobiliti cekap dan aktif, meningkatkan pisah ragam pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. DBKL bersama agensi yang bertanggungjawab perlu menggerakkan usaha dengan lebih efektif dan bersepadu untuk meningkatkan pisah ragam pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mampu menyediakan rangkaian pengangkutan awam dengan penyediaan transit pelbagai pilihan, lima (5) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 5-1 seperti di Rajah 5.1.1.

INFO RINGKAS

RANGKAIAN REL BANDAR SEDIA ADA DI KUALA LUMPUR

156 kilometer sehingga MRT 2

Panjang laluan rel dalam Kuala Lumpur

103 Stesen sehingga MRT 2

Bilangan stesen rel dalam Kuala Lumpur

266,436,703 penumpang


Jumlah penumpang yang direkodkan pada tahun 2019

Sumber: Olahan dari Prasarana, 2019

Rajah 5.1.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 5-1

SP 5-1 MENYEDIAKAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM DENGAN PENYEDIAAN TRANSIT PELBAGAI PILIHAN

- **CP 5-1.1** Pengukuhan Infrastruktur Pengangkutan dan Perluasan Rangkaian Rel Awam Bandar
- **CP 5-1.2** Pembangunan Sistem Komuter Bandar Dalam Pusat Bandar Raya
- **CP 5-1.3** Pengutamaan Kepada Pembangunan Perkhidmatan Bas Awam
- **CP 5-1.4** Penyediaan Titik *Pick Up* Perkhidmatan Teksi dan *e-hailing*
- **CP 5-1.5** Pembangunan Teknologi Dalam Sistem Pengangkutan Pintar



RAJAH 5.1.2 | Pelan Rangkaian Rel Sedia Ada dan Cadangan Masa Hadapan

Petunjuk :

Cadangan

- Koridor Laluan MRT 3 dan Stesen (Dalam Perancangan)
- Cadangan Koridor Laluan Keretapi Berkelajuan Tinggi *Tertakluk kepada Pindaan

Sedia Ada

- Laluan MRT dan Stesen
- Laluan Monorail dan Stesen
- Laluan KTM Komuter dan Stesen
- Laluan MRT 2 dan Stesen
- Laluan LRT dan Stesen
- Laluan ECRL dan Stesen
- Laluan ERL dan Stesen

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-1.1: PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN DAN PERLUASAN RANGKAIAN REL AWAM BANDAR

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti lima (5) sistem perkhidmatan rel bandar di Kuala Lumpur. Panjang keseluruhan laluan rel sedia ada di Kuala Lumpur adalah 156 kilometer yang melibatkan 103 buah stesen transit. Liputan stesen rel sedia ada yang merangkumi laluan KTM Komuter, LRT, Monorel, ERL dan MRT adalah 18 peratus daripada keluasan keseluruhan Kuala Lumpur.


Liputan rangkaian rel Kuala Lumpur pada masa hadapan akan bertambah dengan adanya cadangan baharu laluan rel MRT 3 dan HSR. Pengukuhan infrastruktur perlu dipertingkatkan bagi sistem transit agar lebih efisien dan bersepadu pada masa hadapan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-1.1.



Lokasi: Gerabak MRT 2
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/SyariffHidayatullah*

Warga kota menggunakan perkhidmatan MRT di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.1A

MELAKSANA SISTEM REL YANG KOMPREHENSIF DI KUALA LUMPUR

Sistem rangkaian rel yang berintegrasi dan cekap perlu dilaksanakan untuk memastikan perkhidmatan pengangkutan awam yang komprehensif di Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memastikkan perkhidmatan LRT, MRT 1, MRT 2, Monorail dan Komuter memberikan perkhidmatan yang selesa, berkualiti dan optimum;
2. Melaksanakan cadangan jajaran projek MRT Laluan Lingkaran (MRT3) sepanjang 42 kilometer untuk melengkapkan sistem pengangkutan rel di Kuala Lumpur yang dijangka melalui kawasan seperti Bukit Kiara, Mont Kiara, Titiwangsa, Setapak dan Salak Selatan;
2. Melaksanakan cadangan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur sehingga Johor Bahru (HSR) sepanjang 350 kilometer yang dianggarkan mengambil masa perjalanan selama 90 minit; dan
3. Meningkatkan aksesibiliti rangkaian rel yang tinggi ke Kuala Lumpur seperti East Coast Rail Link (ECRL) dan LRT Shah Alam (LRT3).

INFO RINGKAS

CADANGAN RANGKAIAN REL BAHARU DI KUALA LUMPUR

MRT Laluan Lingkaran (MRT3)
- 42 kilometer anggaran panjang laluan rel dalam Kuala Lumpur
- 28 bilangan stesen dalam Kuala Lumpur

Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur – Johor Bahru (HSR)
- 8 kilometer anggaran panjang laluan rel dalam Kuala Lumpur
- 1 bilangan stesen dalam Kuala Lumpur

Sumber: *MRT Corporation, 2022 dan MyHSR Corporation, 2022*



Laluan MRT Laluan Putrajaya
Sumber : *https://www.shutterstock.com/g/abdulrazaklatif*

Perkhidmatan MRT di Kuala Lumpur.

INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.1B

MEMPERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR SOKONGAN DI STESEN TRANSIT

Perkhidmatan rel bandar yang efisien perlu diperkukuhkan dengan penyediaan infrastruktur sokongan di stesen transit.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan laluan yang selesa, selamat dan berkesinambungan untuk pejalan kaki dalam lingkungan 400 meter dan kenderaan mikromobiliti dalam lingkungan 800 meter di setiap stesen transit;
2. Menyediakan kemudahan hentian dan jalan di stesen transit dengan mengintegrasikan sistem tiket bersepadu pengangkutan awam;
3. Menyediakan tempat letak kenderaan mikromobiliti terutamanya basikal di setiap stesen transit;
4. Menyediakan kemudahan asas seperti ruang salin pakaian, bilik mandi dan tempat penyimpanan barang bagi pengguna kenderaan mikromobiliti yang menggunakan perkhidmatan rel;
5. Mewujudkan laluan khas bagi penggunaan kenderaan mikromobiliti untuk masuk ke stesen; dan
6. Memastikan penyediaan kemudahan pengguna yang memenuhi kehendak golongan mesra usia dan upaya.

AMALAN TERBAIK

STESEN MRT WOODLANDS, SINGAPURA

Perancangan kemudahan di stesen transit menyumbang kepada kelancaran perjalanan pengguna terutamanya kenderaan mikromobiliti. Contoh fasiliti yang dirancang di stesen MRT di Singapura melibatkan antaranya:

1. Laluan pejalan kaki berbumbung;
2. Jejambat laluan pejalan kaki; dan
3. Tempat letak basikal.



Lokasi: MRT Woodlands, Singapura
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/slovegrove*

Penyediaan tempat letak basikal bertingkat disediakan di hampir setiap stesen MRT di Singapura untuk meningkatkan penggunaan kenderaan mikromobiliti dan pengangkutan awam.



Lokasi: Ang Mo Kio subway, Singapura
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/toapayohvets*

Penyediaan ruang letak basikal berhampiran kereta bawah tanah Ang Mo Kio. Para penumpang akan berbasikal dari rumah dan meletakkan basikal mereka di stesen kereta api bawah tanah untuk perjalanan ke destinasi seterusnya.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-1.2: PEMBANGUNAN SISTEM KOMUTER BANDAR DALAM PUSAT BANDAR RAYA

Komuter bandar adalah salah satu pengangkutan awam bagi jarak dekat yang memberi perkhidmatan pengangkutan dalam Pusat Bandar Raya. Ia juga merupakan alternatif yang menyokong penyediaan liputan transit yang lebih menyeluruh dan komprehensif. Komuter bandar juga mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak dan permintaan tempat letak kenderaan serta menyokong pertumbuhan aktiviti perniagaan, kewangan dan pelancongan bandar.

Komuter bandar merujuk kepada pengangkutan awam yang dikhaskan beroperasi dan berkongsi aliran jalan raya dalam Pusat Bandar Raya. Ia mempunyai laluan khusus secara berasingan dengan pengangkutan kenderaan persendirian, pejalan kaki, dan kenderaan mikromobiliti.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-1.2.

AMALAN TERBAIK

AUTOMATED RAPID TRANSIT, BELANDA



Lokasi: Amsterdam, Belanda

Penggunaan sistem *Automated Rapid Transit* (ART) sebagai pengangkutan awam di Belanda.

CP 5 - 1.2 | KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.2A

MEMBANGUNKAN PERKHIDMATAN SISTEM KOMUTER BANDAR DALAM PUSAT BANDAR RAYA

Mod pengangkutan awam masa hadapan perlu dipelbagai dan diperluaskan secara menyeluruh dan efisien. Ini seiring dengan pertambahan penduduk, peningkatan permintaan perjalanan dan perkembangan teknologi sistem pengangkutan awam. Ia memerlukan mod pengangkutan yang cekap, fleksibel, mudah akses dan mempunyai kawasan liputan yang tinggi dalam Pusat Bandar Raya.

Cadangan sistem perkhidmatan komuter bandar merupakan salah satu mekanisme yang berpotensi untuk diperkenalkan di Pusat Bandar Raya dalam pelaksanaan *smart people mover system* seperti trem dan bas. Cadangan ini dapat memudahkan akses dan meningkatkan tahap kemudahsampaian dalam Pusat Bandar Raya.

Draf PTKL2040 mencadangkan sistem trem kerana ia dapat mengoptimumkan penggunaan ruang dan menjadikan sistem pengangkutan lebih efisien. Pelaksanaan cadangan ini perlu dikaji secara terperinci dari aspek kesesuaian tapak serta kebolehlaksanaannya.

Cadangan laluan trem dianggarkan sejauh 29 kilometer dan ia terbahagi kepada empat (4) zon seperti di Rajah 5.1.3 adalah seperti berikut:

1. Zon 1 : KLCC dan kawasan Bukit Bintang;
2. Zon 2 : Dataran Merdeka, Jalan Petaling dan Taman Botani Perdana;
3. Zon 3 : Jalan Tuanku Abdul Rahman, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad dan Kampong Bharu; dan
4. Zon 4 : KLCC dan Bandar Malaysia.

INFO RINGKAS

Kriteria untuk pelaksanaan sistem perkhidmatan komuter bandar adalah seperti berikut:

Aspek	Butiran
Minimum Keluasan Jalan	1. Dua (2) arah laluan = 20 meter sehingga 25 meter, (minimum) 2. Satu (1) arah laluan = 10 meter sehingga 15 meter (minimum)
Jenis Trek Laluan	Penjajaran tengah (Dua Hala)
Jenis Lokasi Perhentian	Perhentian di platform sebelah kiri atau kanan trek
Jarak antara Dua Perhentian	200 meter sehingga 800 meter
Panjang Kenderaan	1. *Simple*: 8-18 meter 2. *Articulated*: 18-30 meter 3. *Multi-articulated*: 25-45 meter
Lebar Kenderaan	2.20 meter sehingga 2.65 meter (*normal track gauge*)
Tinggi Kenderaan	3.00 meter sehingga 4.00 meter
Lebar Trek Laluan	Minimum 1.00 meter sehingga 1.50 meter
Tahap Kelajuan Sistem Trem	1. Minimum = 12-15 kilometer per jam 2. Sederhana = 16-19 kilometer per jam 3. Maksimum = 20-30 kilometer per jam

Sumber: https://yarratrams.com.au/

AMALAN TERBAIK

PENGANGKUTAN TREM, MELBOURNE AUSTRALIA

Pada tahun 2017, Bandar Melbourne telah mempunyai rangkaian trem sepanjang 250 kilometer dengan landasan berkembar yang mempunyai sebanyak 24 laluan. Bandar Melbourne juga mempunyai sebanyak 1,763 hentian trem yang disokong dengan 493 unit trem.

Perincian Sistem Trem Melbourne


Agensi	: *Public Transport Victoria*
Rangkaian	: 24 laluan
Pemilik	: VicTrack (sejak 1999)
Depo	: 8 depo
Panjang Trek	: 250 kilometer
Lebar Trek	: Antara 4 kaki hingga 5 kaki

Sistem pengangkutan trem merupakan pengangkutan awam yang kedua tertinggi yang digunakan iaitu sebanyak 206 juta perjalanan pengguna direkodkan pada 2017.



Lokasi: Melbourne, Australia
Sumber: *https://www. en.wikipedia.org*

Perkhidmatan trem di luar negara seperti Melbourne, Australia.



RAJAH 5.1.3 | Pelan Cadangan Koridor Komuter Bandar di Pusat Bandar Raya

Petunjuk :

Cadangan
- Zon 1: KLCC dan Kawasan Bukit Bintang
- Zon 2: Dataran Merdeka,Jalan Petaling, dan Taman Botani Perdana;
- Zon 3: Jalan Tunku Abdul Rahman, Masjid Jamek, Jalan Sultan Abdul Samad dan Kampong Bharu; dan
- Zon 4: KLCC dan Bandar Malaysia

Sedia Ada
- Laluan MRT dan Stesen
- Laluan Monorail dan Stesen
- Laluan KTM Komuter dan Stesen
- Laluan MRT 2 dan Stesen
- Laluan LRT dan Stesen

Lain-lain
- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur
- Koridor Laluan MRT 3 dan Stesen (Dalam Perancangan)

INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.2B

MENYEDIAKAN KORIDOR PERKHIDMATAN TRANSIT ALIRAN BAS (BRT)

Transit Aliran Bas (BRT) merupakan koridor perkhidmatan bas yang menyediakan perkhidmatan berkapasiti tinggi di laluan strategik seperti Taman Melawati ke Pusat Bandar Raya. Pelaksanaan BRT dianggap sebagai perkhidmatan ekspres intra-bandar ini akan:

1. Menyokong beberapa koridor ke Pusat Bandar Raya dan *circular route* pengangkutan awam yang menghubungkan pusat daerah utama;
2. Menyokong rangkaian rel pada masa hadapan dan memberikan perkhidmatan tambahan di kawasan kemudahan rel; dan
3. Memberikan peluang kepada penumpang untuk membuat perjalanan di antara kawasan perumahan dan pekerjaan tanpa perlu melalui Pusat Bandar Raya.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan *Right of Way* (ROW) secara terperinci bagi pelaksanaan jajaran transit bas, hentian BRT serta reka bentuk stesen oleh agensi yang bertanggungjawab;
2. Menyediakan laluan khas di kawasan bersesuaian bagi memastikan kelancaran pergerakan bas dan menepati masa perjalanan yang dijadualkan;
3. Menyediakan sistem pengurusan lalu lintas di mana pergerakan bas diberi keutamaan di persimpangan lampu isyarat; dan
4. Memastikan penyediaan kemudahan yang memenuhi kehendak golongan mesra usia dan upaya.

Draf PTKL2040 mencadangkan enam (6) koridor perkhidmatan BRT yang berpotensi untuk dibangunkan seperti di Jadual 5.1.1.

Jadual 5.1.1: Koridor Perkhidmatan BRT Kuala Lumpur

Laluan BRT	
1	Ampang – Kepong;
2	Taman Melawati – Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur;
3	Ampang – Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur;
4	Puchong – Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur;
5	Kerinchi – Alam Damai Kuala Lumpur; dan
6	Klang – Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur.



Lokasi: Stesen Sunway

Penyediaan perkhidmatan BRT yang digunakan di laluan BRT di Stesen Sunway.

AMALAN TERBAIK


PERKHIDMATAN BRT, SINGAPURA

SBS Transit ialah pengendali bas dan rel terkemuka pengangkutan awam pelbagai mod. Ia juga, mengendalikan laluan bawah tanah sepanjang 42 kilometer dengan 34 stesen di Singapura.



Lokasi: Geylang, Singapura
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/teetoo*

Penyediaan perkhidmatan BRT yang digunakan di laluan BRT di Stesen Dakota, Singapura.



RAJAH 5.1.4 | Pelan Cadangan Laluan Perkhidmatan BRT

Petunjuk :

Cadangan Laluan BRT

- BRT 1 – Ampang - Kepong
- BRT 2 – Taman Melawati - Pusat Bandar Raya
- BRT 3 – Ampang - Pusat Bandar Raya
- BRT 4 – Punchong - Pusat Bandar Raya
- BRT 5 – Kerinchi - Alam Damai
- BRT 6 – Klang - Pusat Bandar Raya

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-1.3: PENGUTAMAAN PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN BAS AWAM

Perkhidmatan bas merupakan salah satu mod pengangkutan awam yang dijangka akan kekal sebagai pengangkutan awam utama khususnya di Kuala Lumpur dan kawasan kejiranan pada masa hadapan. Terdapat beberapa inisiatif untuk mempertingkatkan rangkaian pengangkutan awam di Kuala Lumpur seperti Bas Transit Ekspres (BET), bas perantara dan GoKL.

Perkhidmatan bas yang efisien dan komprehensif akan meningkatkan kemudahsampaian serta menarik minat pengguna menukar mod pengangkutan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam.


Perancangan dan pengurusan yang bersepadu perlu diintegrasikan antara pengendali pengangkutan bas awam dan perkhidmatan rel bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian di Kuala Lumpur.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-1.3.



Lokasi: MRT Feeder Bus Depot – Sungai Buloh
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/ESB+Professional*

Penyediaan bas perantara untuk kegunaan penumpang MRT.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.3A

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BAS TRANSIT EKSPRES (BET)

Perkhidmatan Bas Transit Ekspres (BET) merupakan perkhidmatan bas yang menggunakan laluan lebuh raya dan menghubungkan dari stesen bas ke stesen bas antara bandar. Ia juga dapat mengurangkan masa dan merancang perjalanan dengan lebih teratur.

Stesen Bas Pasar Seni menjadi hub utama dalam pelaksanaan perkhidmatan BET yang menghubungkan kepada mod pengangkutan awam yang lain seperti MRT, LRT, teksi dan bas.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti sembilan (9) koridor BET yang berpotensi untuk dilaksanakan di Kuala Lumpur seperti di Jadual 5.1.2.


Jadual 5.1.2: Cadangan Laluan BET


	Laluan BET
1	BET 1 – Laluan Kota Damansara – Pasar Seni (melalui Lebuh Raya Penchala Link);
2	BET 2 – Laluan Bandar Sungai Long – Pasar Seni (melalui Lebuh Raya Cheras ke Kajang);
3	BET 3 – Laluan Subang Mewah – Pasar Seni (melalui Lebuh Raya Persekutuan);
4	BET 4 – Laluan Taman Sri Muda – Pasar Seni (melalui Lebuh Raya Persekutuan);
5	BET 5 – Laluan Bandar Tasik Puteri – Medan Pasar (melalui Lebuh Raya Kuala Lumpur ke Kuala Selangor);
6	BET 6 – Laluan Bukit Beruntung – Pasar Seni (melalui Lebuh Raya Utara ke Selatan);
7	BET 7 – Laluan Sri Nilam – Munshi Abdullah (melalui Lebuh Raya Bertingkat Ampang ke Kuala Lumpur);
8	BET 8 – Laluan Semenyih Sentral – Pasar Seni (melalui Lebuh Raya Cheras ke Kajang); dan
9	BET 9 – Laluan Rawang – Pasar Seni (melalui Jalan Rawang ke Jalan Kuching)

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan kawasan hentian baharu yang bersesuaian di luar Pusat Bandar Raya bagi mengurangkan kemasukan bas ke pusat bandar dan menyumbang kepada pengurangan kadar kesesakan di waktu puncak;
2. Mengintegrasikan kemudahan sokongan seperti real time arrival di perhentian bas, mempunyai paparan maklumat yang interaktif untuk sebarang pengumuman seperti kelewatan bas atau pertukaran laluan;
3. Mengenal pasti tiga (3) stesen yang berpotensi menjadi hentian bas BET adalah seperti di Jadual 5.1.3:
   a. MengTerminal Bersepadu Selatan;
   b. Terminal Bersepadu Gombak; dan
   c. Hentian Duta.
4. Mengaplikasi teknologi terkini dalam pengoperasian bas BET seperti sistem pembelian tiket bersepadu, pembelian tiket dalam talian, *bus tracker*, penggunaan aplikasi telefon pintar dan sebagainya.

Jadual 5.1.3:
Cadangan Stesen Hentian Bas BET di Kuala Lumpur

Kawasan dan luas (hektar)	Pelan Sisip
1. Terminal Bersepadu Selatan 13.54 hektar	
2. Terminal Bersepadu Gombak 4.71 hektar	
3. Hentian Duta 1.34 hektar	



RAJAH 5.1.5 | Pelan Cadangan Laluan Perkhidmatan BET

Petunjuk :

Cadangan Laluan BET

- BET 1 – Laluan Kota Damansara – Pasar Seni (melalui Lebuhraya Penchala Link)
- BET 2 – Laluan Bandar Sungai Long – Pasar Seni (melalui Lebuhraya Cheras ke Kajang)
- BET 3 – Laluan Subang Mewah – Pasar Seni (melalui Lebuhraya Persekutuan)
- BET 4 – Laluan Taman Sri Muda – Pasar Seni (melalui Lebuhraya Persekutuan)
- BET 5 – Laluan Bandar Tasik Puteri – Medan Pasar (melalui Lebuhraya Kuala Lumpur ke Kuala Selangor)
- BET 6 – Laluan Bukit Beruntung – Pasar Seni (melalui Lebuhraya Utara ke Selatan)
- BET 7 – Laluan Sri Nilam – Munshi Abdullah (melalui Lebuh Raya Bertingkat Ampang ke Kuala Lumpur)
- BET 8 – Laluan Semenyih Sentral – Pasar Seni (melalui Lebuhraya Cheras ke Kajang)
- BET 9 – Laluan Rawang – Pasar Seni (melalui Jalan Rawang ke Jalan Kuching)

Sedia Ada

- Stesen Berpotensi Menjadi Hentian Bas BET

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.3B

MEMPERTINGKAT SISTEM PENGANGKUTAN BAS DI KAWASAN KEJIRANAN

Kuala Lumpur mempunyai beberapa pengusaha bas perantara yang memberi perkhidmatan ke kawasan perumahan, perindustrian dan pusat komersial seperti Rapid Bus, MRT, GoKL dan bas awam yang lain. Ia juga menyediakan perkhidmatan bas henti-henti serta bas perantara ke stesen LRT, Monorel, KTM Komuter dan MRT.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan pelan induk pengangkutan bas awam bersepadu dengan kerjasama agensi berkaitan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bas;
2. Memastikan kekerapan dan tempoh operasi perkhidmatan bas dilanjutkan bagi kawasan yang mempunyai permintaan tinggi seperti Wangsa Maju, Titiwangsa dan Datuk Keramat;
3. Menyelaraskan waktu pergerakan bas dan rel bagi memudahkan pengguna merancang perjalanan;
4. Memastikan keberkesanan perancangan *first and last mile* seperti laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti ke hentian bas di kawasan kejiranan;
5. Memastikan tiada pertindihan laluan bas di kawasan kejiranan agar dapat memberi perkhidmatan yang optimum;
6. Menggunakan aplikasi teknologi terkini seperti capaian internet (*Wi-Fi*) di perhentian bas, aplikasi telefon pintar, paparan *real time arrival* dan *bus tracker*;
7. Menyediakan infrastruktur yang lengkap bagi pengguna mobiliti aktif di setiap perhentian bas;
8. Mengadakan promosi bagi meningkatkan penggunaan bas perantara dan pengangkutan awam;
9. Menggunakan bas berteknologi tinggi seperti bas elektrik bagi mengurangkan pelepasan karbon; dan
10. Memastikan penyediaan kemudahan pengguna yang memenuhi kehendak golongan mesra usia dan upaya.



Lokasi : Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/ahmadyani70*

Penyediaan perkhidmatan bas perantara yang berkonsepkan *Electric Vehicle* untuk menyokong insiatif bandar hijau.



Lokasi: Stesen Bas Rapid KL
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/withgod*

Rapid KL adalah antara pengusaha bas yang menyediakan perkhidmatan bas perantara di Kuala Lumpur.

INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.3C

MEMPERKASA PERKHIDMATAN BAS GoKL

Perkhidmatan bas GoKL telah dilaksanakan di Kuala Lumpur sejak 2012 untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur. Perkhidmatan bas GoKL adalah mudah diakses, mempunyai kesalinghubungan yang baik, selamat, selesa dan disediakan secara percuma kepada pengguna.

Perkhidmatan bas GoKL mempunyai 14 laluan dan ia boleh diperluaskan ke kawasan yang berpotensi di Kuala Lumpur. Perkhidmatannya haruslah tidak bertindih dengan perkhidmatan pengangkutan awam yang lain seperti bas perantara dan sistem rel.

Kriteria perancangan yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menghubungkan kawasan perumahan dengan stesen transit;
2. Menggalakkan pertukaran mod pengangkutan (*modal shift*) untuk perjalanan pergi atau balik ke tempat kerja daripada mod pengangkutan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam;
3. Memfokus perkhidmatan kepada kawasan perumahan berkepadatan tinggi;
4. Memberi keutamaan untuk golongan B40; dan
5. Mengutamakan kawasan perumahan kos rendah perumahan awam dan perumahan mampu milik.



Lokasi: Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur

Penyediaan Perkhidmatan Bas GoKL sebagai bas perantara warga kota.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memperkenal penggunaan teknologi pintar dalam pelaksanaan perkhidmatan bas GoKL seperti *real time arrival* dan *bus tracking*;
2. Menggunakan bas berteknologi tinggi seperti bas elektrik bagi mengurangkan pelepasan karbon;
3. Menggalakkan pengguna membawa kenderaan mikromobiliti ke dalam bas;
4. Mengalakkan ruang bas khusus bagi keutamaan kepada kaum wanita;
5. Memastikan penyediaan kemudahan pengguna yang memenuhi kehendak golongan mesra usia dan mesra upaya.
6. Mengenakan caj tambang kepada bukan warganegara; dan
7. Memperluaskan jajaran laluan ke kawasan berpontensi untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam seperti:
    a. Kawasan Sungai Penchala;
    b. Kawasan Segambut;
    c. Kawasan Kepong; dan
    d. Kawasan Cheras.

INFO RINGKAS

Perkhidmatan Bas GoKL

Pada peringkat awal pelaksanaan perkhidmatan Bas GoKL, ia dikendalikan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (APAD), namun semenjak APAD dibubarkan, Bas GoKL kini dikendalikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.


Jam Operasi

1. Isnin sehingga Jumaat: 6.00am hingga 11.00pm
2. Sabtu, Ahad dan Cuti Umum: 7.00am hingga 11.00pm

Kekerapan Bas

1. Isnin sehingga Jumaat: Waktu Puncak (7.00am hingga 10.00am dan 4.00pm hingga 8.00pm) : Setiap 5 minit
2. Sabtu, Ahad dan Cuti Umum: Setiap 10minit

Sumber: Olahan dari https://www.myjadual.com/ms/bas-gokl-city-bus/



RAJAH 5.1.6 | Pelan Laluan Perkhidmatan GoKL

Petunjuk :

Rangkaian Rel

- Rangkaian Rel Sedia Ada
- Rangkaian Rel Masa Hadapan

Sedia Ada

- Laluan Suria KLCC – Bukit Bintang
- Laluan Hab Pasar Seni – Bukit Bintang
- Laluan Titiwangsa – KL Sentral
- Laluan Titiwangsa – Bukit Bintang
- Laluan Titiwangsa – MINDEF
- Laluan PPR Pantai Ria – LRT Universiti
- Laluan LRT Dato' Keramat – Taman Setiawangsa
- Laluan MRT/KTM Kampung Batu – Chow Kit
- Laluan LRT Sri Rampai – Seksyen 10 Wangsa Maju
- Laluan LRT/MRT Maluri – Bandar Sri Permaisuri
- Laluan LRT/MRT Maluri – Bandar Tun Razak
- Laluan MRT Jinjang – MATRADE
- Laluan Taman Fadason – MRT Sri Delima
- Laluan LRT Taman Muhibbah – PPR Penggiran Bukit Jalil/ Taman Overseas Union

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.3D

MELAKSANAKAN LORONG KHAS BAS DAN TEKSI DALAM KUALA LUMPUR

Lorong khas bas dan teksi digunakan pada laluan utama dengan laluan yang kerap setiap 10 minit pada waktu puncak atau kesesakan lalu lintas yang boleh menjejaskan masa perjalanan dan ketibaan bas.

Penyediaan lorong khas bas dan teksi menggunakan jalan sedia ada yang di ubah guna daripada lorong perkongsian kenderaan lain kepada lorong khas.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan garis panduan terperinci bagi laluan keutamaan bas dan teksi;
2. Menyediakan lorong khas bas dan teksi dengan mengambil kira keperluan kenderaan mikromobiliti dengan kelebaran minimum ialah 3.3 meter;
3. Memberikan keutamaan isyarat lalu lintas bagi lorong khas bas dan teksi untuk mengurangkan kelewatan perjalanan;
4. Menggunakan cat berwarna kelabu gelap bagi menunjukkan lorong khas bas dan teksi;
5. Melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan yang berterusan oleh pihak berwajib;
6. Menyediakan hentian bas dan teksi yang berteknologi tinggi, pintar dan rendah karbon; dan
7. Memastikan penyediaan laluan bas dan teksi yang berkesinambungan.


Draf PTKL2040 telah mengenal pasti enam (6) jalan yang berpotensi untuk pelaksanaan lorong khas bas dan teksi setelah mengambil kira faktor kesesuaian jalan sedia ada seperti di Jadual 5.1.4.

Jadual 5.1.4:
Cadangan Pelaksanaan Lorong Khas Bas dan Teksi

Lorong Khas Bas dan Teksi	
1.	Jalan Klang Lama;
2.	Jalan Ampang;
3.	Jalan Loke Yew;
4.	Jalan Kinabalu;
5.	Jalan Raja Laut; dan
6.	Jalan Ipoh.




Ilustrasi penyediaan lorong khas bas dan teksi yang di hiasi dengan landskap lembut di Kuala Lumpur.



Ilustrasi penyediaan lorong khas bas dan teksi dalam Kuala Lumpur.

Nota: Tertakluk kepada garis panduan atau keperluan agensi teknikal berkaitan.



RAJAH 5.1.7 | Pelan Cadangan Lorong Khas Bas dan Teksi dalam Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Jalan Klang Lama
- Jalan Ampang
- Jalan Loke Yew
- Jalan Kinabalu
- Jalan Raja Laut
- Jalan Ipoh

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-1.4: PENYEDIAAN TITIK *PICK-UP* PERKHIDMATAN TEKSI DAN *E-HAILING*

Perkhidmatan teksi dan *e-hailing* merupakan pengangkutan alternatif bagi perkhidmatan penumpang, penghantaran barangan atau makanan. Terdapat 46 pengendali *e-hailing* yang diluluskan beroperasi di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) di Malaysia seperti Grab, Mycar, EzCab dan lain-lain. Perkhidmatan ini dapat memudahkan penumpang di luar waktu puncak terutamanya di kawasan yang mempunyai akses perkhidmatan rel dan bas yang terhad atau di luar kawasan perkhidmatan. Ia juga melengkapkan kesinambungan *first and last mile* pengguna.


Titik *pick up* merupakan tempat mengambil dan menurunkan penumpang, serta menghantar barangan atau makanan bagi sesuatu kawasan. Penyediaannya adalah penting kerana dapat memudahkan penggunaan perkhidmatan teksi dan *e-hailing*.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-1.4.



Lokasi: Mid Valley, Kuala Lumpur
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/NAUFAL+ZAQUAN*

Penyediaan Titik *Pick Up* dan *Drop Off* bagi Perkhidmatan Teksi dan *e-hailing* di sebuah Pusat Beli-belah Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.4A

MENINGKATKAN PERKHIDMATAN TEKSI DAN *E-HAILING*

Perkhidmatan teksi dan *e-hailing* memberi pilihan mod pengangkutan awam di Kuala Lumpur di samping perkhidmatan rel dan bas kepada pengguna.

Kerjasama DBKL dan agensi berkaitan adalah penting untuk memastikan tahap dan liputan perkhidmatan teksi dan *e-hailing* adalah efisien, berkualiti dan selesa.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memastikan kenderaan dan kemudahan hentian teksi yang selamat, selesa serta mesra usia dan upaya;
2. Menyediakan ruang menunggu untuk kenderaan teksi dan *e-hailing* di kawasan tumpuan pelancongan, pusat beli-belah, hospital dan stesen transit;
3. Menstruktur semula lokasi dan ruang hentian teksi dalam Pusat Bandar Raya bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas semasa waktu puncak;
4. Memastikan setiap bangunan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pusat beli-belah dan bangunan awam menyediakan ruang titik *pick-up* penumpang;
5. Membenarkan hanya kenderaan *e-hailing* yang mempunyai pelekat pekhidmatan untuk mengambil dan menurunkan penumpang di perhentian teksi yang berada di lorong khas bas bagi menjamin kemudahsampaian yang tinggi kepada pengguna dan pemandu *e-hailing*;
6. Membenarkan kenderaan teksi dan *e-hailing* yang berusia kurang daripada sepuluh (10) tahun sahaja beroperasi; dan
7. Membenarkan teksi dan *e-hailing* beroperasi di lorong khas bas dan teksi dengan syarat terdapat penumpang dalam kenderaan dan mempunyai pelekat khas pekhidmatan tersebut.



Lokasi: KL Sentral
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/ESB+Professional*

Penyediaan ruang menunggu teksi di KL Sentral, Kuala Lumpur.

INFO RINGKAS

PERKHIDMATAN *E-HAILING* GRAB

Grab merupakan syarikat operasi *e-hailing* yang terbesar di Asia Tenggara. Pada masa kini, Grab mempunyai seramai 2.7 juta pemandu berdaftar di seluruh Asia Tenggara. Pada tahun 2020, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah membenarkan sebanyak 46 syarikat *e-hailing* beroperasi secara sah di Malaysia.

Syarat dan Peraturan Perkhidmatan *e-hailing*

Lesen dan Pendaftaran	1. Warganegara Malaysia; 2. Berumur tidak kurang daripada 21 tahun; 3. Tidak disenarai hitam oleh PDRM, JPJ dan APAD; 4. Memiliki Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam; 5. Mendaftar *Electronic Vehicle Permit* (EVP) daripada APAD; dan 6. Memiliki *Drivers Electronic Cards* daripada APAD.
Kenderaan	1. Penyediaan kapasiti tempat duduk kenderaan di antara empat (4) hingga 11; 2. Pemeriksaan kenderaan secara mandatori bagi kenderaan berusia tiga (3) tahun ke atas; dan 3. Penggunaan kenderaan berusia tidak melebihi sepuluh (10) tahun.

Sumber: https://www.grab.com/my/about/

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-1.5: PEMBANGUNAN TEKNOLOGI DALAM SISTEM PENGANGKUTAN PINTAR

Teknologi memainkan peranan penting dan perlu diaplikasikan kepada semua mod pengangkutan termasuk perkhidmatan pengangkutan awam bagi mengoptimumkan penggunaannya. Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) adalah aplikasi yang dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, pemantauan, pengurusan dan kecekapan sistem pengangkutan.

ITS sangat bergantung pada pengumpulan data dan penemuan analisis. Sistem yang dibina serta data yang dikumpul akan dianalisis untuk mengawal, mengurus dan merancang sistem pengangkutan bandar.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-1.5.



Aplikasi Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) adalah usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-1.5A

MEMBANGUNKAN SISTEM PENGANGKUTAN PINTAR (ITS)

Sistem Pengangkutan Pintar (ITS) ialah aplikasi termaju yang bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan inovatif berkaitan dengan mod pengangkutan dan pengurusan trafik yang berbeza.

ITS ini membolehkan pengguna mendapat maklumat yang lebih baik dan menggunakan rangkaian pengangkutan yang lebih selamat, lebih koordinasi dan lebih bijak.

Aplikasi ITS boleh digunakan dalam pengurusan dan penyelarasan sistem pengangkutan bandar seperti berikut:

1. Memperluaskan *real-time parking management*;
2. Memperluaskan sistem penguatkuasaan automatik (AES);
3. Memperluaskan pelaksanaan *Radio-Frequency Identification* (RFID);
4. Mengintegrasi ITS bersama aplikasi telefon pintar seperti *Moovit* dan *Pulse*; dan
5. Mengaplikasikan *Intelligent Dynamic Traffic Light Sequence*.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mewujudkan pusat pangkalan data bagi mengumpul data berkaitan infrastruktur sistem pengangkutan dan lalu intas Kuala Lumpur;
2. Mengintegrasikan sistem sedia ada seperti aplikasi GoKL dan *Smart Selangor* melalui sistem data kongsi bagi memudahkan pengguna merancang perjalanan; dan
3. Mempromosikan maklumat secara berkala berkaitan penggunaan aplikasi ITS bagi pengguna lebih mengetahui fungsinya.

AMALAN TERBAIK

PUSAT KAWALAN TRAFIK, SCOTLAND

Bandar Glasgow, Scotland telah melaksanakan sistem pengangkutan pintar untuk memberikan maklumat tetap kepada penumpang harian bas awam tentang masa, ketersediaan tempat duduk, lokasi semasa bas, masa yang diambil untuk sampai ke destinasi tertentu, lokasi bas seterusnya dan bilangan penumpang dalam bas.

Transport Scotland memainkan peranan yang penting dalam mencapai hasrat kerajaan Scotland untuk menjadi sebuah negara maju dalam sektor pengangkutan melalui pendekatan seperti berikut:

1. Penyediaan CCTV;
2. *Variable Massage Signs* (VMS); dan
3. Sistem Kawalan Trafik dan Maklumat.

Terdapat enam (6) strategi utama bagi pembangunan ITS di Scotland seperti berikut:

1. Perkhidmatan Penggurusan Aset dan Operasi;
2. Maklumat Kualiti Trafik dan Perjalanan;
3. Kemampanan dan Alam Sekitar;
4. Mobiliti Pintar;
5. Ekonomi, Perhubungan dan Logistik; dan
6. Data, Inovasi dan Koloberasi.


Sumber: *https://its-uk.org.uk/*

Situasi di pusat kawalan trafik Bandar Glasgow, Scotland.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 5-2: MENGGALAKKAN MOD MOBILITI AKTIF DENGAN PENINGKATAN KEMUDAHSAMPAIAN DAN KESELAMATAN

SENARIO MOD MOBILITI AKTIF DI KUALA LUMPUR

Perancangan pengangkutan perlu mengintegrasikan mobiliti aktif iaitu pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dengan perkhidmatan pengangkutan awam. Mobiliti aktif merupakan pilihan mod pergerakan dalam jarak yang berdekatan dan mampu mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan bermotor serta membantu ke arah kelestarian alam sekitar.

Hasil penemuan Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal Kuala Lumpur 2019 sehingga 2028, menunjukkan bahawa hanya 18 peratus penduduk di Kuala Lumpur memilih untuk berjalan kaki atau berbasikal dan 82 peratus penduduk memilih untuk tidak berjalan kaki atau berbasikal ke tempat kerja atau sekolah.

Kuala Lumpur perlu menggalakkan penggunaan mod mobiliti aktif kerana ia memberi pelbagai manfaat dari segi kesihatan fizikal dan mental serta mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG).

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mampu menggalakkan mod mobiliti aktif dengan peningkatan kemudahsampaian dan keselamatan, tiga (3) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 5-2 seperti di Rajah 5.2.1.

APA ITU MIKROMOBILITI?

Menurut Akta 333, takrifan kenderaan mikromobiliti membawa maksud kenderaan yang dipacu sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia serta mempunyai kelajuan maksimum 50 kilometer per jam.



Station-based bike share
(Termasuk *e-bikes*)



Dockless bike share
(Termasuk *e-bikes*)



Scooter share



Lokasi: Lebuh Pasar, Dataran Merdeka

Penaiktarafan dan penambahan ruang mod mikromobiliti aktif dijangka dapat membantu mengurangkan kebergantungan penggunaan kenderaan bermotor.

Rajah 5.2.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 5-2

SP 5-2 MENGGALAKKAN MOD MOBILITI AKTIF DENGAN PENINGKATAN KEMUDAHSAMPAIAN DAN KESELAMATAN

CP 5-2.1	Pembangunan Rangkaian Laluan Pejalan Kaki Dan Kenderaan Mikromobiliti Yang Selamat, Berterusan dan Mudah Sampai
CP 5-2.2	Pelaksanaan Kemudahan *Bike-Sharing System* (BSS)
CP 5-2.3	Promosi Pejalan Kaki dan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti

CADANGAN PELAKSANAAN


CP 5-2.1: PEMBANGUNAN RANGKAIAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN KENDERAAN MIKROMOBILITI YANG SELAMAT, BERTERUSAN DAN MUDAH SAMPAI

Integrasi sistem pengangkutan awam dengan laluan pejalan kaki, dan kenderaan mikromobiliti di stesen transit perlu di pertingkatkan dan dinaik taraf terutama di kawasan tumpuan seperti Cheras, Seputeh, Segambut, Titiwangsa dan Pantai Dalam.

Kemudahan rak basikal hanya disediakan sebanyak sepuluh (10) ruang di stesen Taman Melati laluan LRT Kelana Jaya dan enam (6) di stesen Sentul Timur laluan LRT Ampang. Penyediaan kemudahan tersebut diperkenalkan menerusi Program *Bike and Ride* oleh MyRapid dan dapat menarik minat pengguna untuk membawa basikal mereka bersama semasa menaiki keretapi.

Usaha yang lebih proaktif untuk memastikan semua stesen dilengkapi kemudahan rak basikal sebagai kemudahan kepada pejalan kaki dan pengguna kenderaan mikromobiliti adalah diperlukan. Penyediaan kemudahan tersebut adalah selaras dengan hasrat Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal Kuala Lumpur 2019 sehingga 2028 dan bagi mencapai pisah ragam 70 peratus pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, program dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-2.1.



Program Rapid KL *Bike and Ride* yang dilaksanakan oleh Rapid KL.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-2.1A

MENYEDIAKAN RANGKAIAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN KENDERAAN MIKROMOBILITI

Penyediaan rangkaian pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti memerlukan perancangan yang selamat, berterusan dan mudah sampai. Penyediaan rangkaian tersebut memerlukan kerjasama antara agensi dan pihak berkepentingan dengan memfokus kepada kawasan dimana kadar pengguna pejalan kaki serta kenderaan mikromobiliti adalah tinggi seperti sekolah, hospital, pusat beli-belah dan stesen transit.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti laluan pejalan kaki yang optimum dengan mengambil kira reka bentuk geometri jalan yang sesuai dan selesa untuk digunakan;
2. Menyediakan peta laluan pejalan kaki di Kuala Lumpur;
3. Menyediakan reka bentuk laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di kawasan tumpuan orang ramai dengan mengambil kira ciri-ciri keselamatan bgi kelancaran pengguna terjamin;
4. Menggalakkan pemaju mengintegrasikan pejalan kaki dengan pembangunan sedia ada atau pembangunan baharu;
5. Menyediakan pencahayaan yang mencukupi di semua laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
6. Menggunakan teknologi terkini dalam perancangan serta penyediaan rangkaian pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti; dan
7. Memastikan penyediaan kemudahan sokongan yang memenuhi kehendak mesra pengguna terutama kepada golongan mesra usia dan upaya.

INISIATIF PELAKSANAAN 5-2.1B

MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR BAGI PEJALAN KAKI DAN KENDERAAN MIKROMOBILITI

Penyediaan infrastruktur bagi pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti perlu diutamakan pada kawasan tumpuan pengguna seperti di stesen transit. Perancangan penyediaan infrastruktur ini bersesuaian dalam lingkungan 400 meter hingga 800 meter dari stesen transit.

Draf PTKL2040 telah mencadangkan keperluan penyediaan infrastruktur pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti seperti di Rajah 5.2.2.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:


1. Menyediakan laluan yang selesa, selamat dan berkesinambungan untuk laluan pejalan kaki dalam lingkungan 400 meter serta kenderaan mikromobiliti dalam lingkungan 800 meter di setiap stesen transit;
2. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berasingan dengan laluan kenderaan bermotor di atas rezab utiliti atau landskap seperti di Rajah 5.2.3 dan Jadual 5.2.1;
3. Mengambil kira kemudahan seperti petunjuk arah serta pemisah laluan kenderaan bermotor dengan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
4. Menguatkuasakan larangan motorsikal dalam laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti bagi mengelakkan risiko kemalangan; dan
5. Memperkenalkan akta atau peruntukan undang-undang berkaitan dalam memberi kebenaran terhadap penggunaan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dalam Kuala Lumpur.

Jadual 5.2.1: Keperluan Laluan Pejalan Kaki dan Kenderaan Mikromobiliti


Kawasan	Reka Bentuk Laluan (Penanda, Laluan Di Cat Warna Biru/Hijau)	Laluan Khusus *(Poles / Pemantul Jalan/ Rubber Hump)*	Lebar Laluan	Zon Penampan	Zon Berhenti Di Persimpangan
Pusat Perniagaan dan Industri (semua kategori jalan)	✓	✓ *(Poles / Rubber Hump)*	Min. 1.2 m Cadangan: 1.5 m	Min. 0.8 m	✓
Kawasan Kediaman (*Arterial Road*)	✓	✓ *(Poles / Pemantul Jalan/ Rubber Hump)*	Min. 1.2 m Cadangan: 1.5 m	Min. 0.8 m	✓
Kawasan Kediaman (*Collectors Road*)	✓	✓ *(Poles / Pemantul Jalan)*	Min. 1.2 m Cadangan: 1.5 m	-	-
Kawasan Kediaman (*Local Streets* - > 4 units per ekar)	✓	*(Pemantul Jalan)*	Min. 1.2 m Cadangan: 1.5 m	-	-

Sumber: Olahan dari Pelan Induk Pejalan Kaki dan Berbasikal 2019 sehingga 2028

Rajah 5.2.2: Keratan Rentas Bagi Laluan Pejalan Kaki dan Kenderaan Mikromobiliti



Rajah 5.2.3: Projek *Quick-Win* Penaiktarafan Fasiliti dan Infrastruktur Pejalan Kaki Kawasan Komuniti di Wangsa Maju



INISIATIF PELAKSANAAN 5-2.1C

MENYEDIAKAN ZON KEUTAMAAN RANGKAIAN PEJALAN KAKI DALAM PUSAT BANDAR RAYA

Rangkaian laluan pejalan kaki telah dilaksanakan di beberapa lokasi strategik di Pusat Bandar Raya namun begitu masih memerlukan penambahbaikan untuk menghubungkan pusat tumpuan dan menggalakkan penggunaan laluan pejalan kaki secara optimum di Pusat Bandar Raya.

Pembinaan Pintasan Saloma menghubungkan Kampong Bharu dan KLCC merupakan contoh terbaik penyediaan laluan pejalan kaki yang menghubungkan dua (2) pusat tumpuan. Laluan bertingkat Bukit Bintang ke KLCC juga merupakan satu (1) lagi contoh rangkaian kesalinghubungan yang baik dalam usaha menggalakkan penggunaan pejalan kaki di Pusat Bandar Raya.

Laluan pejalan kaki membantu mewujudkan suasana persekitaran yang *vibrant* dan menarik terutamanya di kawasan tumpuan orang ramai seperti zon perdagangan dan pusat pekerjaan. Terdapat pelbagai kaedah yang diterapkan di beberapa negara untuk mewujudkan zon keutamaan pejalan kaki sepenuhnya atau separa penuh. Penyediaan zon keutamaan pejalan kaki perlu mengambil kira aktiviti semasa dan ketersediaan fizikal laluan jalan raya.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menjadikan Jalan Tuanku Abdul Rahman zon keutamaan pejalan kaki yang berpotensi secara penutupan sepenuhnya daripada kenderaan;
2. Mengenal pasti zon keutamaan pejalan kaki yang berpotensi secara penutupan sementara daripada kenderaan seperti Jalan Bukit Bintang dan Jalan Masjid India;
3. Merancang laluan pejalan kaki yang berterusan selesa, bebas halangan dan mesra pengguna;
4. Menyediakan kelebaran laluan pejalan kaki yang berupaya menampung kapasiti pejalan kaki yang tinggi;
5. Memastikan rangkaian pejalan kaki terletak di sepanjang kawasan aktiviti utama dengan kemudahan infrastruktur sokongan seperti papan tanda petunjuk arah;
6. Menggalakkan lebih banyak aktiviti jualan jalanan terkawal berbentuk kiosk di kawasan pejalan kaki;
7. Menyediakan pencahayaan yang mencukupi bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pejalan kaki; dan
8. Memberi nafas baharu kawasan pejalan kaki melalui elemen reka bentuk yang menarik pada perabot jalan dan landskap bagi membolehkan pengguna menikmati taman poket, kawasan seni awam dan hiburan jalanan.



Lokasi: Pusat Beli-Belah Sunway Putra

Penyediaan lintasan pejalan kaki dan jejambat adalah antara usaha bagi menggalakkan pejalan kaki di Kuala Lumpur.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-2.2: PELAKSANAAN KEMUDAHAN *BIKE-SHARING SYSTEM* (BSS)

Bike-sharing system (BSS) merupakan model pengangkutan yang mengguna pakai aplikasi pintar dengan kadar bayaran tertentu bagi penggunaan basikal. Pelaksanaannya sesuai di pelbagai kawasan seperti Pusat Bandar Raya, pusat komersial, kawasan rekreasi dan kawasan tumpuan pelancongan.

Sistem ini diperkenalkan untuk meningkatkan fleksibiliti dalam sistem pengangkutan awam. Ia juga dijangka mampu memberikan persepsi positif dan kos efektif dalam meningkatkan aspek first and last mile antara mod pengangkutan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-2.2.

AMALAN TERBAIK


PENGGUNAAN *BIKE-SHARING SYSTEM*, BELANDA

Pada tahun 2018, statistik pemilikan basikal di Belanda adalah dianggarkan sebanyak 23 juta berbanding jumlah penduduk negara tersebut iaitu 17 juta. Jumlah pemilikan basikal tersebut menunjukkan penduduk Belanda telah menjadikan basikal sebagai mod pengangkutan utama harian di negara tersebut.



Lokasi: Antwerp, Belanda

CP 5 - 2.2 | KONTEKS PENYELARASAN DENGAN SDGs DAN PSKL2040



INISIATIF PELAKSANAAN 5-2.2A

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN *BIKE-SHARING SYSTEM* (BSS) DI KUALA LUMPUR

Kemudahan *Bike-Sharing System* (BSS) merupakan langkah untuk menggalakkan sistem transit pengangkutan mikro yang efisien dan fleksibel. Penyediaan perkhidmatan ini haruslah tertumpu kepada kawasan Pusat Bandar Raya dan diperluaskan ke seluruh Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan penyediaan kemudahan *Bike-Sharing System* (BSS) sebanyak sepuluh (10) sehingga 16 stesen bagi setiap kilometer persegi;
2. Menggalakkan penyediaan kemudahan *Bike-Sharing System* (BSS) berdasarkan nisbah sepuluh (10) hingga 30 basikal bagi setiap 1,000 penduduk;
3. Mengambil kira kualiti basikal dengan tahap ketahanan bersesuaian, selesa, menarik dan praktikal; dan
4. Membangunkan aplikasi mesra pengguna bagi tujuan penggunaan *Automated Locking System* (ALS) dan *Advanced Tracking System* (ATS) yang mampu meningkatkan ciri keselamatan basikal.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti sepuluh (10) lokasi berpotensi untuk pelaksanaan kemudahan BSS di Kuala Lumpur seperti di Rajah 5.2.4 adalah seperti berikut:

1. Bandar Wawasan;
2. TRX;
3. Menara Warisan 118;
4. Bandar Malaysia;
5. KLCC;
6. Masjid Jamek;
7. Bukit Bintang;
8. KL Sentral;
9. Pasar Seni; dan
10. Dataran Merdeka.

AMALAN TERBAIK

STOCKHOLM BANDAR RAYA BASIKAL, SWEDEN


Bandar	Stockholm
Negara	Sweden
Tahun Pelaksanaan	Jun 2007
Pihak Berkepentingan	*Clear Channel* Bandar Raya Stockholm
Matlamat	1. Meningkatkan status amalan berbasikal; dan 2. Mempromosikan penggunaan basikal bagi jarak perjalan yang dekat.
Perincian	1. Melaksanakan projek ini dijalankan secara usaha sama awam dan swasta; 2. Menggalakkan penggunaan basikal untuk tempoh maksimum tiga (3) jam yang bermula dari 6.00 pagi sehingga 10.00 malam; dan 3. Menyediakan sistem tiket seperti kad bermusim atau kad harian untuk tempoh tiga (3) hari.

Sumber: https://viewstockholm.com/rent-bike stockholm/



Lokasi: Stockholm, Sweden
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/EQRoy*

Penyediaan *Bike-sharing System* (BSS) yang praktikal dan selesa untuk penduduk di Bandar Stockholm.



Lokasi *Bike-Sharing*

1. Bandar Wawasan
2. TRX
3. Menara Warisan 118
4. Bandar Malaysia
5. KLCC
6. Masjid Jamek
7. Bukit Bintang
8. KL Sentral
9. Pasar Seni
10. Dataran Merdeka

RAJAH 5.2.4 | Pelan Cadangan Laluan dan Lokasi *Bike-Sharing System (BSS)* di Pusat Bandar Raya

Laluan *Bike-Sharing System (BSS)* di Pusat Bandar

1. **Laluan 1 [4.9 km]**
   Jalan Dato Onn - Jalan Sultan Salahuddin - Jalan Tun Ismail - Jalan Tunku - Jalan Tun Ismail -Jalan Putra - Jalan Raja Laut
2. **Laluan 2 [2.2 km]**
   Jalan Raja Laut - Jalan Sri Amar - Jalan Dewan Sultan Ismail Jalan Raja Abdullah - Jalan Raja Muda Musa Jalan Hassan Salleh - Saloma Bridge Jalan Saloma - Jalan Ampang
3. **Laluan 3 [4.4 km]**
   Jalan Ampang - Jalan 1/88B - Jalan Binjai - Persiaran KLCC - Jalan Stonor - Jalan Conlay - Jalan Kia Peng - Jalan Pinang - Jalan P. Ramlee - Jalan Perak
4. **Laluan 4 [2.4 km]**
   Jalan Sultan Ismail - Jalan Ampang - Jalan Gereja - Jalan Raja Chulan
5. **Laluan 5 [1.1 km]**
   Bukit Bintang St - Changkat Bukit Bintang - Jalan Ceylon - Persiaran Raja Chulan - Jalan Raja Chulan
6. **Laluan 6 [7.3 km]**
   Jalan Sultan Ismail - Jalan Raja Chulan - Bukit Bintang St - Jalan Gading - Jalan Utara - Jalan Barat - Jalan Harley - Jalan Kampung Pandan - Jalan Imbi - Jalan Khoo Teik Ee - Lorong Walter Granier - Jalan Walter Granier - Jalan Sultan Ismail - Jalan Bulan 1 - Jalan 1/77b - Jalan Changkat Thambi Dollah - Jalan Brunei - Jalan Pudu - Jalan Merlimau
7. **Laluan 7 [0.9 km]**
   Bukit Bintang St - Jalan Pudu - Jalan Tun Perak
8. **Laluan 8 [1.4 km]**
   Jalan Merlimau - Lorong Meranti - Jalan Hang Jebat - Jalan Sultan
9. **Laluan 9 [2.8 km]**
   Jalan Tun Perak - Jalan Pudu -Jalan Sultan - Lorong Petaling - Jalan Stadium - Jalan Sultan Mohamed - Lebuh Pasar Besar - Jalan Hang Kasturi - Jalan Tun Sambathan
10. **Laluan 10 [4.9 km]**
    Jalan Dato Onn - Jalan Sultan Salahuddin - Jalan Tun Ismail - Jalan Tunku - Jalan Tun Ismail -Jalan Putra - Jalan Raja Laut

[Jumlah Jarak : 34.5 km]

Petunjuk :

- Cadangan Lokasi Sistem *Bike-Sharing*
- Kawasan Pusat Bandar
- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur
- Perhentian Bas
- Laluan Berbasikal
- Laluan Berbasikal Utama
- Laluan Berbasikal Sedia Ada
- Laluan Berbasikal Sekunder

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-2.3: PROMOSI PEJALAN KAKI DAN PENGGUNAAN KENDERAAN MIKROMOBILITI

Promosi kesedaran awam adalah amat penting dalam memupuk ke arah pejalan kaki dan penggunaan kenderaan mikromobiliti di Kuala Lumpur.

Promosi ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai kaedah seperti media sosial, risalah, pameran digital dan kempen secara terbuka. Ia juga menyasarkan kepada setiap lapisan umur terutamanya golongan belia dan kanak-kanak.

Pelaksanaan ini boleh dicapai melalui kerjasama DBKL bersama agensi berkaitan seperti kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta penduduk.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-2.3.


AMALAN TERBAIK

PROGRAM KESEDARAN DAN KESELAMATAN



Lokasi: Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur

Program kempen keselamatan ke arah pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-2.3A

MELAKSANA PROMOSI KESEDARAN BAGI AKTIVITI BERJALAN KAKI DAN KENDERAAN MIKROMOBILITI

Masyarakat perlu memahami usaha dan inisiatif laluan pejalan kaki serta kenderaan mikromobiliti terutamanya berbasikal seperti yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menguatkuasakan peraturan sedia ada bagi melindungi hak serta keselamatan pejalan kaki dan pengguna kenderaan mikromobiliti terutamanya berbasikal secara berterusan;
2. Menyediakan insentif bagi pejalan kaki dan pengguna kenderaan mikromobiliti terutamanya pengguna basikal;
3. Mempromosikan Kuala Lumpur sebagai bandar primer pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti terutamanya basikal;
4. Mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya;
5. Menjalankan program kesedaran seperti program laluan selamat ke sekolah dan kawasan kejiranan bersama pihak institusi pendidikan;
6. Meningkatkan hebahan secara digital melalui media sosial dan paparan digital; dan
7. Melaksanakan audit reka bentuk ke atas pembinaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti terutamanya berbasikal.

INFO RINGKAS

Promosi yang berkala dan kerap perlu di laksanakan di pelbagai platform sama ada secara fizikal atau maya.

DBKL sentiasa giat mempromosikan kesedaran bagi menggalakkan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.



Sumber: https://klcarfreemorning.my/

DBKL juga giat mempromosikan gaya hidup sihat untuk warga kota melalui program KL *Car Free Morning*. Acara tersebut adalah salah satu inisiatif bandar hijau dengan menutup sebahagian jalan utama di Kuala Lumpur untuk semua lapisan masyarakat berbasikal, berjalan kaki, berlari dan lain-lain aktiviti sukan dan kesihatan.



Program pagi bebas kenderaan Kuala Lumpur yang giat dilaksanakan oleh DBKL.

Sumber: https://klcarfreemorning.my/

STRATEGI PERANCANGAN

SP 5-3: MENGURUS LALU LINTAS DENGAN EFEKTIF

SENARIO PENGURUSAN LALU LINTAS DI KUALA LUMPUR

Pada tahun 2020, pisah ragam kenderaan di Kuala Lumpur oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia menunjukkan hanya 20 peratus penggunaan pengangkutan awam dan 80 peratus masih menggunakan kenderaan persendirian.

Data ini menunjukkan tahap kebergantungan tinggi penduduk Kuala Lumpur terhadap penggunaan kenderaan persendirian. Ia juga memberi tekanan kepada kapasiti jalan raya sedia ada dan menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas, pencemaran udara dan bunyi serta peningkatan kos pembinaan dan pengurusan laluan jalan raya.

Draf PTKL2040 memastikan pengurusan trafik bandar dan pengurusan rangkaian jalan raya yang lebih efektif diberikan perhatian. Tumpuan adalah kepada cadangan melengkapkan sambungan jaringan jalan raya yang tidak terhubung di Kuala Lumpur.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mampu mengurus lalu lintas dengan efektif, tiga (3) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 5-3 seperti di Rajah 5.3.1.

Rajah 5.3.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 5-3

SP 5-3	MENGURUS LALU LINTAS DENGAN EFEKTIF
CP 5-3.1	Pengurusan Trafik Kuala Lumpur
CP 5-3.2	Perancangan dan Pengurusan Ruang Tempat Letak Kenderaan
CP 5-3.3	Penyediaan Laluan Penghubung bagi Melengkapkan Rangkaian Jalan Raya

INFO RINGKAS

PENJANAAN DAN TARIKAN PERJALANAN KENDERAAN KUALA LUMPUR

Waktu Puncak Pagi

195,874 PCU per Jam
Penjanaan

249,466 PCU per Jam
Tarikan

Waktu Puncak Petang

235,883 PCU per Jam
Penjanaan

186,129 PCU per Jam
Tarikan

Sumber: Olahan dari Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-3.1: PENGURUSAN TRAFIK KUALA LUMPUR

Kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur perlu diatasi melalui pengurusan trafik yang lebih menyeluruh, bersepadu dengan pembangunan pengangkutan awam yang mesra pengguna, efisien dan mudah akses. Kepelbagaian mod pengangkutan awam yang berintegrasi akan dapat mempengaruhi anjakan pergantungan pengangkutan persendirian kepada sasaran 70 peratus pengangkutan awam menjelang tahun 2040.


Penyelesaian kepada masalah tersebut tidak hanya tertumpu kepada pembangunan infrastruktur jalan raya sahaja. Pendekatan berinovatif melalui inisiatif pengurusan lalu lintas mengguna pakai teknologi terkini perlu dipertingkatkan bagi memantau pergerakan kenderaan dan lokasi sesak dengan lebih efisien.

Pelaksanaan *Road User Charging* (RUC), pengurusan trafik pada waktu puncak dan kenderaan berat adalah antara mekanisme pengurusan trafik di Kuala Lumpur, khususnya Pusat Bandar Raya.

Namun pelaksanaan mekanisme tersebut adalah berdasarkan kriteria tersebut:

1. Jalan masuk utama ke Pusat Bandar Raya;
2. Jalan yang mengalami kesesakan lalu lintas semasa waktu puncak seperti Persiaran KLCC, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan P.Ramlee;
3. Jalan yang lengkap dengan penyediaan rangkaian laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang menyeluruh; dan
4. Tahap kemudahsampaian pengangkutan awam yang tinggi.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi dan program. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-3.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-3.1A

MELAKSANAKAN SKIM *ROAD USER CHARGING* (RUC) DI LALUAN MASUK PUSAT BANDAR RAYA

Pelaksanaan mekanisme RUC adalah bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas yang tinggi dengan mengawal kemasukan kenderaan persendirian masuk ke Pusat Bandar Raya. la juga mampu meningkatkan kualiti alam sekitar melalui pengurangan pelepasan karbon di Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan tahap perkhidmatan, kawasan liputan dan kesinambungan laluan pengangkutan awam yang turut disokong dengan infrastruktur mobiliti aktif;
2. Menyediakan kemudahan hentian dan jalan di stesen transit yang berada di sempadan Kuala Lumpur yang bersesuaian;
3. Menyemak semula kadar pengiraan keperluan penyediaan tempat letak kenderaan bagi pembangunan dalam kawasan cadangan RUC; dan
4. Meningkatkan kesedaran awam terhadap faedah penggunaan pengangkutan awam melalui program pendidikan dan amalan terbaik.

Pelaksanaan RUC juga perlu mengambil kira kadar bayaran yang tertakluk kepada waktu perjalanan, jenis kenderaan, lokasi dan aspek lain yang bersesuaian. Pelaksanaan caj bayaran bagi penduduk yang tinggal dalam kawasan RUC perlu dipertimbangkan.

Perincian pelaksanaan mekanisma RUC adalah seperti berikut:

1. Menjalankan kajian terperinci pelaksanaan RUC melibatkan aspek kaedah, impak sosioekonomi, aspek perundangan dan pentadbiran.
2. Memastikan pelaksanaan RUC dibuat setelah mengambil kira keberkesanan sistem pengangkutan awam secara menyeluruh pada masa hadapan;
3. Menumpukan pelaksanaan secara berperingkat di Pusar Bandar Raya; dan
4. Menyelaras hasil kutipan skim RUC bagi tujuan menaik taraf sistem pengangkutan awam, tempat letak kereta, hentian dan jalan serta lain-lain tujuan pengurusan bandar.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 14 jalan yang berpotensi untuk pelaksanaan RUC seperti di Rajah 5.3.2 seperti berikut :

1. Persiaran KLCC;
2. Jalan Tuanku Abdul Rahman;
3. Jalan P.Ramlee;
4. Jalan Pinang;
5. Jalan Yap Kwan Seng;
6. Jalan Raja Chulan;
7. Jalan Sultan Ismail;
8. Jalan Ampang;
9. Jalan Kia Peng;
10. Jalan Bukit Bintang;
11. Jalan Nagasari;
12. Changkat Bukit Bintang;
13. Jalan Imbi; dan
14. Jalan Tun Sambanthan.


AMALAN TERBAIK

PELAKSANAAN RUC DI LUAR NEGARA

Pelaksanaan sistem ini telah dibuat di beberapa bandar besar yang terkenal dengan masalah kesesakan seperti London, Stockholm, dan Singapura;

1. London
   - Diperkenalkan pada tahun 2003 dan pengurangan sebanyak 25 peratus trafik;
2. Stockholm
   - Diperkenalkan pada tahun 2006 dan pengurangan sebanyak 20 peratus trafik; dan
3. Singapura
   - Diperkenalkan pada tahun 2009 dan pengurangan sebanyak 13 peratus trafik.

Sumber: https://www.theiet.org/media/1667/road-user.pdf



Jalan Utama Zon RUC

1. Persiaran KLCC
2. Jalan Tun Sambathan
3. Jalan Hang Tuah
4. Jalan Nagesari
5. Jalan Imbi
6. Jalan Sultan Ismail
7. Jalan Changkat
8. Jalan Raja Chulan
9. Jalan Pinang
10. Jalan Kia Peng
11. Jalan Binjai
12. Jalan Yan Kuan Seng
13. Jalan Ampang
14. Jalan Tuanku Abdul Rahman

RAJAH 5.3.2 | Pelan Cadangan RUC di Laluan Masuk ke Pusat Bandar Raya

Petunjuk :

Nisbah Plot Kediaman
- NP 1:2.5
- NP 1:3.5
- NP 1:4
- NP 1:5

Nisbah Plot Bukan Kediaman
- NP 1:2
- NP 1:3
- NP 1:4
- NP 1:5
- NP 1:6
- NP 1:7
- NP 1:8
- NP 1:10

Kawalan Ketinggian
- 4 Tingkat
- 7 Tingkat
- 10 Tingkat
- 14 Tingkat

Lain-lain
- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur
- Zon RUC

INISIATIF PELAKSANAAN 5-3.1B

MENGURUSKAN TRAFIK DI WAKTU PUNCAK

Pengurusan trafik di waktu puncak adalah penting dalam mengawal aliran lalu lintas di Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memperluaskan sistem *'Tidal-Flow'* di jalan sesak seperti Jalan Ampang dan Jalan Bangsar terutamanya di waktu puncak dari jam 6.30 pagi sehingga 9.30 pagi dan 4.30 petang sehingga 7.30 petang;
2. Melaksanakan waktu kerja yang anjal untuk memastikan pekerja dapat merancang perjalanan bagi mengelakkan kesesakan di jalan raya dan juga pengangkutan awam;
3. Menggalakkan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi mengurangkan perjalanan ke tempat kerja terutamanya di Pusat Bandar Raya; dan
4. Menggalakkan majikan memberikan insentif kepada pengguna pengangkutan awam.

INISIATIF PELAKSANAAN 5-3.1C

MENGAWAL MASA KEMASUKAN KENDERAAN BERAT DI PUSAT BANDAR RAYA

Pengawalan kemasukan kenderaan berat ke Pusat Bandar Raya adalah penting bagi mengekalkan imej yang eksklusif, bersih dan ceria.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Memperketatkan dan menguatkuasakan kawalan masa kemasukan kenderaan berat memasuki Kuala Lumpur dari jam 6.30 pagi sehingga 9.30 pagi dan 4.30 petang sehingga 7.30 malam (tidak termasuk pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum);
2. Memantau pengeluaran Permit Pergerakan Kenderaan Berat bagi kategori trak tunda (BDM>7500 kilogram), lori kontena dan kren bergerak serta lori pembancuh simen dalam kawasan Pusat Bandar Raya;
3. Memastikan peletakan "*No Entry Zone*" di waktu puncak terutamanya di laluan utama menuju ke Pusat Bandar Raya;
4. Membenarkan aktiviti pemunggahan barang di luar waktu puncak dari jam 10.00 pagi sehingga 4.00 petang dan 8.00 malam sehingga 6.00 pagi;
5. Memastikan penguatkuasaan secara berterusan; dan
6. Menggalakkan penggunaan teknologi untuk mengawal kemasukan kenderaan berat ke Pusat Bandar Raya.



Lokasi : One Fullerton, Singapura

Electric Road Pricing (ERP) adalah sistem pemotongan caj kesesakan jalan raya sebagai kaedah pengurusan trafik di waktu puncak di Singapura.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-3.2: PERANCANGAN DAN PENGURUSAN RUANG TEMPAT LETAK KENDERAAN

Kuala Lumpur dianggarkan mempunyai 88,500 petak bagi tempat letak kenderaan (TLK) di sepanjang bahu jalan (*on-street parking*) dan 304,064 bagi TLK di luar bahu jalan (*off-street parking*). Permintaan TLK ini akan terus meningkat sekiranya ia tidak dirancang dan diurus dengan teliti. Pengurusan penawaran dan pengagihan TLK perlu diselaraskan supaya penggunaan pengangkutan awam dapat dipertingkatkan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Pusat Bandar Raya dan kawasan pembaharuan bandar perlu memfokus terhadap perancangan dan pengurusan TLK dengan lebih teliti terutamanya di kawasan TPZ dan TIZ. Penyediaan TLK Berpusat perlu dirancang secara berintegrasi dengan kemudahan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang sempurna dan dihubungkan dengan stesen transit. Penyediaan ini akan menarik minat pengguna dan mengalakkan pengguna jalan raya berubah dari menaiki kederaan sendiri kepada pengangkutan awam.


Tumpuan pengurusan TLK bagi pembangunan pejabat dan perdagangan di kawasan Pusat Bandar Raya perlu dilaksanakan secara inovatif melalui perkongsian bersama pembangunan kediaman.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-3.2.



Lokasi: Kepong, Kuala Lumpur

Tempat letak kereta bertingkat dan bersepadu yang dibangunkan oleh DBKL untuk keselesaan warga kota ke Taman Tasik Metropolitan Kepong.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-3.2A

MENYELARAS SEMULA RUANG TEMPAT LETAK KENDERAAN (TLK)

Penyediaan ruang TLK di Kuala Lumpur perlu diselaraskan mengikut kesesuaian kegunaan ruang tersebut. Penyelarasan ruang TLK kepada kegunaan laluan mobiliti aktif atau kegunaan koridor pengangkutan awam Kuala Lumpur dapat mengoptimumkan kegunaan ruang tersebut.

TLK di atas jalan terutamanya di kawasan yang diliputi oleh sistem pengangkutan awam yang luas wajar dikurangkan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti dan merancang mekanisma baharu perkongsian tempat letak kereta bagi pembangunan perumahan dengan pembangunan perdagangan seperti pejabat;
2. Mengintegrasikan bayaran TLK dengan pengangkutan awam terutamanya di sekitar TPZ dan TIZ serta kawasan tumpuan;
3. Mengurangkan TLK di sepanjang bahu jalan (*on-street parking*) terutamanya di Pusat Bandar Raya, Pusat Perdagangan Primer dan kawasan tumpuan pekerjaan yang lain. Ruang tersebut haruslah digunakan untuk laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
4. Memastikan tanah kosong yang masih belum dibangunkan tidak dibenarkan beroperasi sebagai TLK terbuka;
5. Mengehadkan TLK kenderaan berat dalam Pusat Bandar Raya;
6. Mengenal pasti kawasan tumpuan pelancongan bagi penyediaan tempat letak bas pelancong;
7. Menyediakan TLK motor berkuasa tinggi di kawasan yang bersesuaian;
8. Meneliti semula caj bayaran TLK dan mencadangkan peningkatan caj TLK sebanyak sepuluh (10) peratus setiap tahun bagi mengawal kemasukan kenderaan di Pusat Bandar Raya selaras Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040;
9. Menyemak semula dasar TLK Kuala Lumpur secara berkala setiap lima (5) tahun sekali terutamanya caj dan kadar penyediaan TLK; dan
10. Memberi keutamaan penyediaan TLK Wanita, orang Kelainan Upaya (OKU) dan keluarga.


INISIATIF PELAKSANAAN 5-3.2B

MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN HENTIAN DAN JALAN

Kemudahan hentian dan jalan membolehkan pengguna jalan raya menggunakan kenderaan persendirian sebagai sebahagian daripada perjalanan mereka. Pengguna jalan raya boleh meletakkan kenderaan dan meneruskan perjalanan mereka menggunakan mod transit. Kemudahan ini memberikan sedikit fleksibiliti kepada pengguna dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian dalam Kuala Lumpur seperti di Rajah 5.3.3.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menaik taraf TLK terbuka kepada TLK bertingkat untuk memastikan peningkatan bilangan yang mampu menampung keperluan pengguna;
2. Menaik taraf kaedah penyediaan TLK yang lebih baik serta terkini seperti TLK mekanikal;
3. Menyediakan kemudahan hentian dan jalan baharu di stesen transit MRT2 dan MRT3 yang berpotensi terutamanya di luar Pusat Bandar Raya;
4. Mengintegrasikan maklumat kemudahan TLK dengan sistem paparan digital di pintu masuk dan jalan utama Kuala Lumpur bagi memudahkan pengguna mendapat lot petak dengan segera;
5. Membangunkan aplikasi pintar berkenaan tempahan TLK bagi memudahkan perancangan perjalanan ke Pusat Bandar Raya;
6. Menyediakan kemudahan sokongan yang lengkap kepada pengguna hentian dan jalan seperti ruang TLK wanita, ruang TLK Orang Kelainan Upaya (OKU), kemudahan stesen pengecasan kenderaan elektrik serta laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa ke stesen transit;
7. Mengintegrasikan sistem caj bayaran hentian dan jalan bersama penggunaan pengangkutan awam; dan
8. Menyediakan insentif atau tawaran yang boleh menarik minat penggunaan kemudahan hentian dan jalan serta pengangkutan awam seperti MY50 yang disediakan oleh Prasarana.



Stesen LRT/MRT

1. Stesen MRT Taman Sri Sinar
2. Stesen LRT Sentul
3. Stesen LRT Sentul Timur
4. Stesen MRT Kampung Puah
5. Stesen MRT Jalan Langkawi
6. Stesen LRT Melati
7. Stesen LRT Wangsamaju
8. Stesen MRT Rejang
9. Stesen LRT Setiawangsa
10. Stesen LRT Jelatek
11. Stesen MRT Phileo Damansara
12. Stesen MRT Pusat Damansara
13. Stesen LRT Pandan
14. Stesen LRT Maluri
15. Stesen LRT Miharja
16. Stesen LRT Cheras
17. Stesen LRT Salak Selatan
18. Stesen LRT Taman Midah
19. Stesen MRT Taman Cheras
20. Stesen MRT Salak Selatan
21. Stesen MRT Sri Permaisuri
22. Stesen MRT Pantai Permai
23. Stesen MRT Jalan Klang Lama
24. Stesen MRT Kuchai
25. Stesen LRT Muhibbah
26. Stesen LRT Awan Besar
27. Stesen LRT Sri Petaling
28. Stesen LRT Bandar Tasik Selatan
29. Stesen LRT Sungai Besi

RAJAH 5.3.3 | Pelan Cadangan Pengukuhan Hentian dan Jalan Kuala Lumpur

Petunjuk :

Cadangan

- Cadangan Hentian dan Jalan
- Koridor Laluan MRT 3 dan Stesen (Dalam Perancangan)
- Cadangan Koridor Laluan Keretapi Berkelajuan Tinggi *Tertakluk kepada Pindaan

Sedia Ada

- Laluan MRT dan Stesen
- Laluan Monorail dan Stesen
- Laluan KTM Komuter dan Stesen
- Laluan MRT 2 dan Stesen
- Laluan LRT dan Stesen
- Laluan ECRL dan Stesen
- Laluan ERL dan Stesen

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur


CADANGAN PELAKSANAAN

CP 5-3.3: PENYEDIAAN LALUAN PENGHUBUNG BAGI MELENGKAPKAN RANGKAIAN JALAN RAYA

Amalan pembinaan lebih banyak lebuh raya atau jalan raya di Kuala Lumpur akan menyumbang kepada peningkatan penggunaan kenderaan persendirian yang seterusnya menjadi faktor kepada peningkatan tahap kesesakan jalan raya dan kos penyelenggaraan pada masa akan datang. Amalan ini adalah penyelesaian jangka pendek yang mengakibatkan kemerosotan kualiti udara dan menjejaskan kesejahteraan hidup.

Perancangan masa hadapan Kuala Lumpur seharusnya ke arah melengkapkan kesinambungan rangkaian lebuh raya dan jaringan antara jalan raya utama. Fokus pengukuhan jalan sedia ada termasuk melengkapkan sambungan jaringan jalan raya yang tidak terhubung. Perancangan ini juga bertujuan bagi memastikan setiap lot dapat di hubungkan terutamanya di luar kawasan Pusat Bandar Raya dan menyuraikan lalu lintas dengan lebih berkesan di kawasan yang terlibat.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek dan polisi. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 5-3.3.



INISIATIF PELAKSANAAN 5-3.3A

MENGHUBUNG JARINGAN ANTARA LEBUH RAYA DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur mempunyai 17 rangkaian lebuh raya bagi menampung isi padu trafik semasa dan masa hadapan. Berdasarkan bilangan rangkaian lebuh raya ini, Kuala Lumpur tidak lagi memerlukan pembinaan lebuh raya baharu kecuali untuk menghubungkan lebuh raya yang tidak bersambungan bagi melancarkan pergerakan kenderaan terutamanya di Pusat Bandar Raya.

Pembangunan lebuh raya yang dicadangkan bagi melengkapkan penyambungan lebuh raya sedia ada adalah seperti di Jadual 5.3.1.



Lebuh raya sedia ada di Kuala Lumpur mampu menampung isi padu trafik semasa dan masa hadapan.

Jadual 5.3.1: Cadangan Penyambungan Lebuh Raya di Kuala Lumpur

Lebuh Raya	Perincian
1. Lebuhraya Penyuraian Utara Kuala Lumpur (KL-NODE)	Cadangan Lebuhraya Penyuraian Utara Kuala Lumpur (KL-NODE) membentuk bahagian utara dan melengkapkan Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR). Rangkaian jalan orbit untuk kawasan *Greater* KL telah lengkap apabila terdapatnya cadangan KL-NODE. Cadangan ini membolehkan lalu lintas tidak melalui Pusat Bandar Raya.
2. Lebuhraya Duta - Ulu Klang 2 (DUKE 2A)	Cadangan jajaran Lebuhraya Duta - Ulu Klang 2 (DUKE 2A) akan melengkapkan jalan lingkaran perantaraan yang merentasi di antara MRR1 dan MRR2. Lebuhraya DUKE 2A akan mempunyai dua (2) cabang jalan menuju ke selatan yang akan mengoptimumkan liputan lebuh raya tersebut. Cabang jalan luaran bermula dari Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan DUKE 1 merentasi koridor jalan khusus di atas Jalan Duta dan Jalan Istana sebelum bersambung ke Lebuhraya Setiawangsa Pantai (SPE) di tenggara dan cadangan Lebuhraya Baru Pantai Fasa 2 (NPE2) di barat daya. Cabang jalan dalaman bermula dari cadangan KL-NODE dan DUKE 1 di utara merentasi di atas Jalan Kuching dan terus ke selatan ke arah MRR1. Cabang jalan dalam ini juga terus ke arah timur sepanjang Jalan Tun Razak (MRR1) dan menyediakan sambungan lebuh raya ke cadangan pembangunan semula kawasan Kampong Bharu.
3. Lebuhraya Baru Pantai Fasa 2 (NPE2)	Fasa pertama Lebuhraya Baru Pantai bermula dari Subang Jaya di barat dan menyuraikan lalu lintasnya ke Jalan Bangsar di Utara. NPE2 yang dicadangkan akan bermula di Plaza Tol Pantai Dalam menerusi koridor jalan khusus di atas Jalan Syed Putra menghala ke Jalan Istana dan akhirnya bersambung ke DUKE 2A bersebelahannya.
4. Lebuhraya Duta - Ulu Klang 2 (DUKE 2) dan sambungan Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH Link)	Laluan lebuh raya ini bermula dari DUKE 2 menerusi koridor khusus di atas MRR1 ke arah AKLEH di timur.

Sumber: Olahan dari Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040

INISIATIF PELAKSANAAN 5-3.3B

MELENGKAPKAN JARINGAN JALAN UTAMA

Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL2040) mencadangkan 57 jalan utama merangkumi 47 cadangan bagi pembinaan jalan utama yang baharu termasuk jalan susur dan sepuluh (10) cadangan menaik taraf jalan utama sedia ada seperti di Jadual 5.3.2. Cadangan ini dijangka dapat mengukuhkan jaringan jalan raya dalam Kuala Lumpur dan menyurai kesesakan trafik daripada projek-projek pembangunan yang sedang dan akan di bina.



Lebuh raya atau jalan utama perlu dilengkapkan untuk penyuraian lalu lintas yang berkesan.


Jadual 5.3.2:
Cadangan Jalan Utama yang Baharu dan yang Perlu Dinaik Taraf

	Jalan Baharu	Jalan Susur Baharu	Jalan Dinaik Taraf
1.	Jalan menghubungkan Jalan Metro Perdana Barat ke Jalan Besar Kepong	Jalan susur dari MRR2 keluar ke Jalan 1/2B	Pelebaran Jalan Sentul Pasar
2.	Jalan menghubungkan Jalan Benteng Utara ke Jalan 15/34C	Jalan susur dari MRR2 masuk ke Jalan 1/2B	Pelebaran Jalan 5/51F
3.	Jalan menghubungkan Jalan Benteng Utara ke MRR2 (menghala ke Batu Caves)	Jalan susur dari Jalan 1/2B masuk ke MRR2 (menghala Bulatan Batu Caves)	Pelebaran Jalan Dutamas 2
4.	Jalan menghubungkan Jalan 6/3A ke Jalan 1/28 (bersebelahan Tasik Sri Murni)	Jalan susur dari Jalan Kampung Selayang Lama masuk ke MRR2	Pelebaran Jalan Segambut Dalam (dari persimpangan Jalan 6/38J) ke Jalan Kiara 4 (Mont Kiara International School)
5.	Jalan menghubungkan Jalan Sibu ke Jalan Kepong	Jalan susur dari MRR2 keluar ke Jalan Kampung Selayang Lama	Pelebaran Jalan Duta Kiara
6.	Jalan menghubungkan Jalan Sibu ke Jalan Kepong Lama	Jalan susur dari MRR2 keluar/masuk ke/dari Jalan Residen	Pelebaran Jalan Hj Hamzah
7.	Jalan menghubungkan Jalan 6/21C ke Jalan 1/18D	Jalan susur dari Jalan Seri Utara keluar ke MRR2 (ke arah Kepong)	Pelebaran Jalan Palimbayan
8.	Jalan menghubungkan Jalan Sentul Pasar ke Jalan 1/12D	Jalan susur dari jejambat Bulatan Batu Caves *(2nd tier)* ke Jalan Seri Utara	Pelebaran Jalan Sri Penchala
9.	Jalan menghubungkan Jalan Langkawi ke Jalan Gombak	Jalan susur dari Lebuhraya DUKE masuk dan keluar ke Jalan 26/26	
10.	Jalan menghubungkan Jalan 2/50C ke Jalan Semarak Api 3	Jalan susur dari Jalan Kuching Masuk ke Jalan Dutamas 2 (menghala Persiaran Dutamas)	
11.	Jalan menghubungkan Jalan Perusahaan Ringan ke Jalan 1/23C	Jalan susur dari Lebuhraya DUKE (utara) keluar ke Jalan Sultan Hj Ahmad Shah	
12.	Jalan menghubungkan Jalan 1/23C ke Jalan 5/51F	Jalan susur dari Jalan Sultan Hj Ahmad Shah masuk ke Lebuhraya DUKE (utara)	

Jadual 5.3.2:
Cadangan Jalan Utama yang Baharu dan yang Perlu Dinaik Taraf (Sambungan)

	Jalan Baharu	Jalan Susur Baharu	Jalan Dinaik Taraf
13.	Jalan menghubungkan Jalan Rejang ke Jalan 2/54B	Jalan susur dari Lebuhraya DUKE (selatan) keluar ke Jalan Sultan Hj Ahmad Shah	
14.	Jalan menghubungkan Jalan Ayer Madu ke Jalan Tiara Titiwangsa	Jalan susur dari Jalan Sultan Hj Ahmad Shah masuk ke Lebuhraya NKVE (arah barat)	
15.	Jalan menghubungkan Jalan Tiara Titiwangsa - DUKE (KIV)	Jalan susur dari Jalan Kiara 7 masuk ke Lebuhraya Penchala Link	
16.	Jalan menghubungkan Jalan Tiara Titiwangsa 3 ke Jalan Sambungan dari Jalan Tiara Titiwangsa ke Lebuhraya DUKE (No. 25)	Jalan susur dari Lebuhraya Penchala Link keluar ke Jalan Kiara 7	
17.	Jalan menghubungkan Persiaran Dutamas ke Jalan Sri Hartamas 1	Jalan susur dari Jalan Kerinchi Kiri masuk ke Lebuhraya SPE	
18.	Jalan menghubungkan Jalan Hj Hamzah ke Jalan Duta Kiara	Jalan susur dari Lebuhraya SPE keluar ke Jalan Kerinchi Kiri 2	
19.	Jalan menghubungkan Jalan Palimbayan ke Jalan Hj Hamzah	Jalan susur dari persimpangan Lebuhraya Salak/Jalan Cheras ke Jalan Cheras Hartamas	
20.	Jalan menghubungkan sambungan Jalan Hj Hamzah (No 35) ke Jalan Kiara 5		
21.	Jalan menghubungkan sambungan Jalan Hj Hamzah (No 35) ke Jalan Kiara 7		
22.	Jalan menghubungkan sambungan Jalan Hj Hamzah (No 35) ke Serene Mont Kiara		
23.	Jalan menghubungkan Jalan Penchala Indah ke Jalan Palimbayan		
24.	Jejambat di atas Damansara Link (SPRINT) dari Persimpangan Jalan Maarof ke Persimpangan Jalan Semantan (Berhadapan Menara Zurich)		
25.	Jalan menghubungkan Jalan Semantan ke Jalan Bukit Tunku		
26.	Jalan menghubungkan Jalan Pantai Dalam ke Jalan Pantai Sentral 3		
27.	Jalan menghubungkan Jalan 4/155 ke Jalan 13/155C		
28.	Jalan menghubungkan Lorong Jintan 2 ke Persiaran Desa Aman 2		
29.	Jalan pusingan U di MRR2 (Bulatan Batu Caves) dari Kepong ke Kepong		
30.	Jalan Pusingan U di MRR2 (Bulatan Batu Caves) dari Gombak ke Gombak		

Sumber: Olahan dari Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040



RAJAH 5.3.4 | Pelan Cadangan Jalan Penghubung Jaringan Lebuh Raya dan Jalan Utama di Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Lebuhraya Penyuraian Utara Kuala Lumpur (KL-NODE)
- Lebuhraya Duta - Ulu Klang 2A (DUKE 2A) (Kampong Bharu Link)
- Lebuhraya Duta - Ulu Klang 2A (DUKE 2A) (Jalan Istana Link)
- Lebuhraya Baru Pantai Fasa 2 (NPE2)
- Lebuhraya Duta - Ulu Klang 2 (DUKE 2) (AKLEH Link)
- Cadangan Jalan Utama
- Cadangan Menaik taraf Jalan Utama

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

RUMUSAN

MATLAMAT 5 : MENUMPUKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA MOBILITI CEKAP DAN MESRA ALAM

Pelbagai inisiatif dan pendekatan pelaksanaan telah dicadangkan supaya Matlamat 5 ke Arah menumpukan pembangunan Kuala Lumpur Sebagai Bandar Raya Mobiliti Cekap dan Mesra Alam dapat direalisasikan.

Perancangan dan pelaksanaan Matlamat 5 Draf PTKL2040 mengambil kira SDGs, PSKL2040 dan lain-lain dasar pembangunan negara yang diperincikan melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan.

Strategi, inisiatif dan pendekatan pelaksanaan ini memberi penekanan kepada penyediaan rangkaian pengangkutan awam dengan penyediaan transit pelbagai pilihan, menggalakkan mod mobiliti aktif dengan peningkatan kemudahsampaian dan keselamatan serta mengurus lalu lintas dengan efektif

Jadual 5.1 menunjukkan rumusan bagi strategi perancangan dan cadangan pelaksanaan untuk Matlamat 5.

Jadual 5.1:
Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 5

Strategi Perancangan	Cadangan Perancangan	Pendekatan Pelaksanaan				
		Projek	Polisi	Program	Kawalan Perancangan	Garis Panduan
SP 5-1	CP 5-1.1	1	1	1	-	-
	CP 5-1.2	1	1	1	-	-
	CP 5-1.3	1	1	1	-	-
	CP 5-1.4	1	1	1	-	-
	CP 5-1.5	1	1	1	-	-
SP 5-2	CP 5-2.1	1	1	1	-	1
	CP 5-2.2	1	1	1	-	-
	CP 5-2.3	-	-	1	-	-
SP 5-3	CP 5-3.1	1	1	1	-	-
	CP 5-3.2	1	1	-	1	1
	CP 5-3.3	1	1	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN		**10**	**10**	**9**	**1**	**2**

MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN
KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA
BERSEPADU DAN MAMPAN

MATLAMAT 6





MATLAMAT 6

MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN

PSKL2040 memberi tumpuan kepada pemerkasaan pengurusan tanah, pembangunan mampan dan perancangan pembangunan bersepadu. Ia selaras dengan keperluan dalam menangani tekanan pembangunan yang berterusan serta mengambil kira penawaran ketersediaan tanah yang terhad di Kuala Lumpur.

Kepentingan pembangunan bersepadu dan mampan adalah untuk mencapai kesejahteraan penduduk yang dijangka akan meningkat kepada 2.35 juta orang menjelang tahun 2040. Penetapan ini penting bagi memastikan prestasi ekonomi Kuala Lumpur terus kukuh dan berdaya saing di peringkat global.

Pemerkasaan pembangunan mampan juga adalah untuk meningkatkan kesiapsiagaan Kuala Lumpur terhadap perubahan iklim dan cuaca melampau yang mengakibatkan bencana alam.

Strategi pengurusan guna tanah dan spatial Kuala Lumpur menjelang tahun 2040 adalah melalui penyediaan rangka kerja yang jelas terhadap pembangunan guna tanah yang bersepadu dan mampan.

Kriteria bandar raya pembangunan bersepadu menekankan penumpuan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD), pengukuhan pusat pertumbuhan secara bersepadu, perkongsian ruang dengan pelbagai aktiviti, pemuliharaan bandar dan bangunan lama serta pengintegrasian pembangunan kampung dalam perancangan bandar.

Kriteria bandar raya yang mampan pula memberi penekanan kepada penggunaan tanah dan ruang yang optimum, pelaksanaan pembaharuan semula bandar, penjanaan kualiti persekitaran yang kondusif, pemuliharaan aset warisan dan pengurusan pembangunan kawasan khas.


Rajah 6.1 menyenaraikan kriteria utama yang perlu dilaksanakan sebagai fokus untuk memperkasakan pembangunan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bersepadu dan Mampan.

Rajah 6.1:
Kriteria Bandar Raya Bersepadu dan Mampan



PSKL2040
5 HALA TUJU STRATEGIK
15 TINDAKAN

RAJAH 6.2
RINGKASAN STRATEGI PERANCANGAN DAN CADANGAN PELAKSANAAN
MATLAMAT 6: MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN



Terdapat lapan (8) Strategi Perancangan (SP), 17 Cadangan Pelaksanaan (CP) dan 38 Inisiatif Pelaksanaan (IP) yang dirangka selaras dengan PSKL2040 seperti yang diringkaskan dalam Rajah 6.2.

DRAF PTKL2040
8 STRATEGI PERANCANGAN
17 CADANGAN PELAKSANAAN

STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-1: MERANCANG DAN MENYELARAS PEMBANGUNAN TANAH YANG EFEKTIF

SENARIO PEMBANGUNAN TANAH DI KUALA LUMPUR

Pembangunan tanah di Kuala Lumpur adalah sangat pesat dan dilaksanakan secara pembangunan *infill* atau pembangunan semula. Kawasan tumpuan pembangunan adalah di Pusat Bandar Raya dan pusat pertumbuhan seperti di Bandar Tasik Selatan, Sentul, Pavillion Bukit Jalil, Sri Hartamas dan Pusat Bandar Damansara.

Pada tahun 2021 peratusan kawasan tepu bina di Kuala Lumpur adalah 78.84 peratus dan 21.16 peratus pula merupakan kawasan bukan tepu bina.

Kawasan tepu bina ini dijangka akan terus meningkat berdasarkan trend pembangunan guna tanah komited tahun 2021 terutama kediaman yang merangkumi 61.01 peratus dan perdagangan 25.78 peratus. Kawasan perindustrian turut menerima kesan tekanan perubahan penggunaan tanah kepada perdagangan dan pembangunan bercampur seperti di Kawasan Perindustrian Chan Sow Lin.

Perancangan dan penyelarasan pembangunan tanah perlu dijalankan secara efektif untuk memastikan penggunan tanah yang optimum, menggalakkan perkongsian ruang dengan kepelbagaian aktiviti dan berupaya menjana kualiti persekitaran yang kondusif.

.

INFO RINGKAS

KATEGORI GUNA TANAH TAHUN 2021

1. Kediaman
2. Perdagangan
3. Industri
4. Pembangunan Bercampur
5. Kemudahan Masyarakat
6. Infrastruktur dan Utiliti
7. Pengangkutan

Tepu Bina (78.84%)

1. Hutan
2. Badan Air
3. Kawasan Lapang dan Rekreasi
4. Tanah Kosong

Bukan Tepu Bina (21.16%)


1. Tanah Belum Dibangunkan

Potensi Guna Tanah (8.73%)

Sumber : Olahan dari PSKL2040

INFO RINGKAS

GUNA TANAH SEMASA KUALA LUMPUR 2021



Jumlah Keseluruhan : **24,289.45 Hektar**

Sumber : Olahan dari PSKL2040

JUMLAH PEMBANGUNAN KOMITED KUALA LUMPUR TAHUN 2000 – 2021

Kategori Guna Tanah	Jumlah pembangunan komited sehingga 2021	Peratus (%)
1. Kediaman	2,217	61.01
2. Perdagangan	937	25.78
3. Industri	23	0.63
4. Pembangunan Bercampur	165	4.54
5. Institusi dan Kemudahan Masyarakat	98	2.70
6. Tanah Lapang dan Rekreasi	194	5.34
JUMLAH	**3,634**	**100.0**

Sumber : PSKL2040

Faktor utama yang menyumbang kepada kepesatan pembangunan dan perubahan corak guna tanah di Kuala Lumpur adalah seperti berikut:

1. Dasar perancangan yang menggalakkan pembangunan yang lebih menyeluruh melalui pembangunan secara *infill* atau pembangunan semula;
2. Fungsi Kuala Lumpur sebagai hub aktiviti ekonomi negara menarik pelaburan hartanah; dan
3. Perluasan jaringan dan perkhidmatan rel seperti MRT Laluan Kajang dan MRT Laluan Putrajaya yang mempengaruhi pembangunan guna tanah.

Pembangunan guna tanah yang pesat ini juga merupakan antara faktor penyumbang kepada kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Berdasarkan kepada Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur, dianggarkan 40 peratus daripada rangkaian jalan raya beroperasi hampir atau melebihi kapasiti jalan pada waktu puncak pagi dan petang pada tahun 2020. Trend pembangunan ini juga menyebabkan harga tanah di Kuala Lumpur terus meningkat.

Pada tahun 2021, tanah belum dibangunkan di Kuala Lumpur adalah seluas 2,121.14 hektar. Tanah ini adalah kawasan yang berpotensi untuk menampung permintaan pembangunan baharu dan memerlukan perancangan serta intensiti pembangunan yang bersesuaian.

Perancangan guna tanah ini memerlukan semakan semula supaya penggunaan tanah menjadi lebih ekonomik dan mempunyai nilai tambah dalam pasaran hartanah. Perancangan guna tanah yang komprehensif perlu mengambil kira keperluan warga kota dalam aspek penyediaan kediaman, kawasan lapang dan kemudahan masyarakat yang mencukupi.

Draf PTKL2040 akan memperkasakan potensi pertumbuhan Kuala Lumpur sepenuhnya dengan perancangan dan pembangunan tanah yang bersepadu dan mampan.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, tiga (3) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 6-1 seperti Rajah 6.1.2.

Rajah 6.1.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-1


SP 6-1 MERANCANG DAN MENYELARAS PEMBANGUNAN TANAH YANG EFEKTIF

- **CP 6-1.1** Pengukuhan Zon Guna Tanah dan Intensiti Pembangunan
- **CP 6-1.2** Pengurusan Tanah yang Belum Dibangunkan Secara Optimum dan Produktif
- **CP 6-1.3** Pengawalan Aktiviti Industri Di Luar Zon Guna Tanah Bersesuaian



Lokasi: Pusat Bandar Raya
Sumber : *https://www.shutterstock.com/firdaus*mahadi

Pembangunan tanah di Kuala Lumpur sangat dinamik dan memerlukan perancangan ruang yang lebih produktif serta efektif.



RAJAH 6.1.2 | Pelan Guna Tanah Semasa 2021


Petunjuk:

Kategori Guna Tanah Semasa

- Kediaman
- Perdagangan
- Industri
- Institusi
- Pembangunan Bercampur
- Kemudahan Masyarakat
- Perkuburan
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan
- Kawasan Lapang
- Tanah Kosong
- Hutan Simpan

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur
- Badan Air (BDA)
- Rizab Jalan



RAJAH 6.1.3 | Pelan Taburan Tepu Bina dan Bukan Tepu Bina 2021

Petunjuk :

- ○ Tepu Bina
- ● Bukan Tepu Bina

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN


CP 6-1.1: PENGUKUHAN ZON GUNA TANAH DAN INTENSITI PEMBANGUNAN

Draf PTKL2040 merupakan pelan perancangan guna tanah dan intensiti di Kuala Lumpur sehingga tahun 2040. Pelan ini menjadi panduan kepada aktiviti dan pertumbuhan ekonomi Kuala Lumpur dengan mengambil kira keupayaan persekitaran dan keperluan masyarakat seperti berikut:

1. Pengintegrasian guna tanah dan pengangkutan awam;
2. Pencapaian pertumbuhan ekonomi yang inovatif dan produktif;
3. Pembangunan bandar berdaya huni bertaraf dunia yang dilengkapi dengan persekitaran kediaman yang berkualiti tinggi;
4. Penyediaan kemudahan masyarakat secara komprehensif dalam persekitaran bandar yang berkualiti tinggi;
5. Penambahbaikan pengurusan lalu lintas yang mempengaruhi corak guna tanah dan permintaan perjalanan;
6. Perlindungan persekitaran semula jadi dan kawasan lapang; dan
7. Penjanaan semula kawasan usang.

Draf PTKL2040 menetapkan zon guna tanah dan intensiti pembangunan berdasarkan kepada kapasiti infrastruktur, lokasi dan pelaksanaannya tertakluk kepada permintaan pasaran serta kebolehlaksanaan projek pembangunan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-1.1.




Perbandingan zon guna tanah di antara PBRKL2020 dengan Draf PTKL2040 menunjukkan terdapat perubahan keluasan bagi klasifikasi guna tanah utama seperti kediaman, perdagangan, infrastruktur dan utiliti seperti di Jadual 6.1.1. Perubahan ini disebabkan oleh faktor seperti berikut:

1. Pematuhan kepada dasar baharu kerajaan dari semasa ke semasa;
2. Penggalakan pembangunan melalui inisiatif pembangunan semula, pembangunan perumahan mampu milik, cantuman lot dan pembangunan dalam zon perancangan transit (TPZ);
3. Perancangan semula lot yang berpotensi terutama yang terletak berhadapan jalan utama;
4. Perubahan permintaan pasaran hartanah daripada pelbagai golongan masyarakat seperti Golongan Pendapatan Berganda Tiada Anak atau *Double Income No Kids* (DINK), Profesional Muda di Bandar atau *Young Urban Professionals* (Yuppies) dan lain-lain;
5. Perubahan trend semasa dan tekanan pembangunan kawasan sekitar;
6. Peningkatan infrastruktur dan sistem pengangkutan awam yang lebih menyeluruh dan mampu menampung keperluan pembangunan akan datang; dan
7. Pengezonan semula guna tanah berdasarkan syarat nyata tanah, aktiviti semasa dan perubahan peta asas.

Jadual 6.1.1: Zon Guna Tanah Draf PTKL2040 (Hektar)

Bil.	Guna Tanah Utama	Zon Guna Tanah	Draf PTKL2040	
			Luas (Hektar)	Peratus (%)
1.	Perdagangan	Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)	447.33	1.84
		Perdagangan Utama (MC)	676.40	2.78
		Perdagangan (C)	1,046.83	4.31
		Perdagangan Tempatan (LC)	52.42	0.22
2.	Pembangunan Bercampur	Pembangunan Bercampur (MX)	1,850.47	7.62
3.	Industri	Perindustrian (IP)	118.11	0.49
		Industri Bercampur (MXI)	95.29	0.39
		Taman Teknologi (TP)	230.37	0.95
4.	Institusi	Institusi (INT)	2,284.67	9.41
5.	Kediaman	Kediaman 1 (R1)	1,349.74	5.56
		Kediaman 2 (R2)	707.11	2.91
		Kediaman 3 (R3)	1,904.73	7.84
		Kediaman 4 (R4)	364.70	1.50
		Kediaman Stabil (EH)	2,088.09	8.60
		Perkampungan Tradisi 1 (TV1)	41.23	0.17
		Perkampungan Tradisi 2 (TV2)	133.83	0.55
6.	Kawasan Lapang	Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)	1,411.83	5.81
		Kawasan Lapang Awam 2 (OS2)	392.41	1.62
		Kawasan Lapang Swasta (OS3)	585.86	2.41
		Hutan (FR)	84.62	0.35
7.	Kemudahan Masyarakat	Kemudahan Masyarakat Awam (PF1)	1,037.87	4.27
		Kemudahan Masyarakat Swasta (PF2)	51.33	0.21
8.	Perkuburan	Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE)	366.34	1.51
9.	Infrastruktur dan Utiliti	Infrastruktur dan Utiliti (IU)	1,430.50	5.89
10.	Pengangkutan	Pengangkutan (TR)	5,537.37	22.80
JUMLAH			**24,289.45**	**100.00**



RAJAH 6.1.4 | Pelan Cadangan Zon Guna Tanah Draf PTKL2040

Petunjuk :

Perdagangan
- Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)
- Perdagangan Utama (MC)
- Perdagangan (C)
- Perdagangan Tempatan (LC)

Industri
- Industri Bercampur (MXI)
- Industri (IP)
- Taman Teknologi (TP)

Pembangunan Bercampur
- Pembangunan Bercampur (MX)

Kediaman
- Kediaman 1 (R1)
- Kediaman 2 (R2)
- Kediaman 3 (R3)
- Kediaman 4 (R4)
- Kediaman Stabil (EH)
- PerkampunganTradisi 1 (TV1)
- PerkampunganTradisi 2 (TV2)

Institusi
- Institusi (INT)

Kemudahan Masyarakat
- Kemudahan Masyarakat Awam (PF1)
- Kemudahan Masyarakat Swasta (PF2)

Perkuburan
- Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE)

Infrastruktur dan Utiliti
- Infrastruktur dan Utiliti (IU)
- Badan Air (BDA)

Pengangkutan
- Pengangkutan (TR)

Kawasan Lapang
- Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)
- Kawasan Lapang Awam 2 (OS2)
- Kawasan Lapang Swasta (OS3)
- Hutan Simpan (FR)

Lain-lain
- Sempadan Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 6-1.1A

MENAMBAH BAIK KLASIFIKASI GUNA TANAH UTAMA

Prinsip asas zon guna tanah adalah lebih bersifat pelbagai guna supaya dapat mengurangkan pergerakan kenderaan, menggalakkan konsep bandar padat (*compact city*) dan TOD serta mengekalkan bangunan cekap tenaga dan rendah karbon.

Draf PTKL2040 telah menyelaras semula klasifikasi guna tanah utama PBRKL2020 kepada sepuluh (10) kategori guna tanah utama dan 25 zon guna tanah seperti di Jadual 6.1.2. Penyelarasan semula kategori guna tanah utama ini adalah untuk memperincikan klasifikasi zon guna tanah yang lebih jelas dengan mengambil kira keperluan trend pembangunan guna tanah semasa di Kuala Lumpur.

Perincian definisi bagi setiap klasifikasi kategori guna tanah utama terkandung dalam Jilid 1: Bahagian 1, Kawalan Pembangunan Draf PTKL2040.


Lokasi: Bangsar, Kuala Lumpur
Sumber : https://www.shutterstock.com/g/Jackson+Siow

Panorama pemandangan aktiviti pembangunan pelbagai guna di Kuala Lumpur.

Jadual 6.1.2: Perincian Klasifikasi Sepuluh (10) Guna Tanah Utama

KLASIFIKASI GUNA TANAH UTAMA
1. PERDAGANGAN
Kategori Guna Tanah Perdagangan (C) merujuk kepada ruang atau bangunan perdagangan yang berperanan sebagai pusat kewangan, perdagangan premier, perkhidmatan, pekerjaan utama dan pusat komersial utama. Draf PTKL2040 telah mengkategorikan kawasan perdagangan kepada empat (4) zon guna tanah: 1. Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC); 2. Perdagangan Utama (MC); 3. Perdagangan (C); dan 4. Perdagangan Tempatan (LC); Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Perdagangan (C) ditentukan berdasarkan hierarki pusat pertumbuhan, strategi perancangan semula sesebuah kawasan dan trend pembangunan semasa.
2. KEDIAMAN
Kategori Guna Tanah Kediaman (R) merujuk kepada rumah sesebuah, berkembar, teres, strata bertanah, strata bertingkat, rumah bandar, kediaman berbilang tingkat, perumahan mampu milik, perumahan awam serta kampung tradisi. Draf PTKL2040 telah mengkategorikan kawasan kediaman daripada enam (6) kepada tujuh (7) zon guna tanah berbanding PBRKL2020 seperti berikut: 1. Kediaman 1 (R1); 2. Kediaman 2 (R2); 3. Kediaman 3 (R3); 4. Kediaman 4 (R4); 5. Perkampungan Tradisi 1 (TV1); 6. Perkampungan Tradisi 2 (TV2); dan 7. Kediaman Stabil (EH). Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Kediaman (R) ditentukan berdasarkan luas tapak, tipologi, kesesuaian dengan kawasan sekitar, trend pembangunan dan keupayaan infrastruktur di kawasan tersebut.

Jadual 6.1.2: Perincian Klasifikasi Sepuluh (10) Guna Tanah Utama (sambungan)

KLASIFIKASI GUNA TANAH UTAMA
3. PEMBANGUNAN BERCAMPUR
Kategori Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX) merujuk kepada zon guna tanah bercampur yang membenarkan komponen perdagangan bagi menyokong kegunaan asas mendiami dalam sesuatu pembangunan. Komponen mendiami termasuk unit kediaman, kuarters dan pangsapuri perkhidmatan hendaklah tidak kurang 60 peratus daripada jumlah keluasan ruang lantai keseluruhan. PBRKL2020 telah menetapkan zon pembangunan bercampur terdiri daripada Pembangunan Bercampur (MX) dan Industri Bercampur (MXI). Namun, Draf PTKL2040 telah menyelaraskan semula zon guna tanah ini untuk aktiviti perdagangan dan kediaman sahaja. Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Pembangunan Bercampur (MX) ditentukan berdasarkan peningkatan nilai tambah pada sesuatu kawasan, galakan pembangunan yang fleksibel dan dinamik serta trend pembangunan semasa.
4. INDUSTRI
Kategori Guna Tanah Industri (IP) merujuk kepada zon guna tanah untuk aktiviti pembuatan, pengeluaran, perkhidmatan dan penyelidikan, perdagangan, industri berteknologi tinggi berasaskan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), aktiviti sokongan dan aktiviti-aktiviti berkaitan. Draf PTKL2040 telah mengkategorikan kawasan industri daripada dua (2) kepada tiga (3) zon guna tanah berbanding PBRKL2020 seperti berikut: 1. Industri (IP); 2. Industri Bercampur (MXI); dan 3. Taman Teknologi (TP). Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Industri (IP) berdasarkan kesesuaian lokasi, trend dan perubahan aktiviti perindustrian. Kawasan industri yang dikekal dan dinaik taraf adalah seperti kawasan industri Kepong, Segambut dan Bandar Tun Razak.
5. INSTITUSI
Kategori Guna Tanah Institusi (INT) merujuk kepada zon guna tanah yang ditetapkan untuk aktiviti kebudayaan dan sivik serta kemudahan kerajaan dan separa kerajaan seperti istana, muzium, galeri atau memorial, mahkamah, pusat kebudayaan, perpustakaan, universiti, kolej, maktab, pusat latihan, pusat penyelidikan, kem tentera, ibu pejabat agensi keselamatan, pusat jagaan dan pemulihan, pusat transit gelandangan dan lain-lain pejabat berkaitan kerajaan serta boleh membenarkan pembangunan berbentuk mendiami selaras dengan apa-apa keperluan oleh pihak kerajaan serta tertakluk kepada kesesuaian perancangan termasuk manfaat sosioekonomi. Aktiviti institusi ini lazimnya dimiliki atau diurus oleh kerajaan, badan berkanun atau badan bukan kerajaan. Draf PTKL2040 masih mengekalkan zon guna tanah institusi sebagaimana dalam PBRKL2020. Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Institusi (INT) ditentukan berdasarkan keperluan agensi serta memelihara kepentingan awam. Kawasan institusi yang dikekalkan adalah seperti Istana Negara, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan Universiti Malaya. Perubahan ini berlaku bagi memberikan nilai tambah kepada tapak pembangunan institusi dan perubahan dasar Kerajaan Persekutuan bagi mengoptimumkan penggunaan tanah milik atau rizab persekutuan.
6. KEMUDAHAN MASYARAKAT
Kategori Guna Tanah Kemudahan Masyarakat (PF) merujuk kepada zon guna tanah yang ditetapkan untuk kemudahan pendidikan, agama, kesihatan, keselamatan dan kecemasan, kesejahteraan untuk masyarakat awam atau komuniti tempatan serta aktiviti sokongan lain yang perlu bagi kemudahan tersebut. Kemudahan masyarakat ini boleh dimiliki dan dikendalikan oleh pihak kerajaan atau badan berkanun. Ia juga boleh dikendalikan oleh pihak swasta seperti penyediaan kemudahan masyarakat dalam pelan susun atur skim pembangunan berkenaan. Draf PTKL2040 pula telah mengkategorikan kemudahan masyarakat yang dimiliki, dikendali dan diurus oleh agensi awam atau swasta daripada satu (1) kepada dua (2) zon guna tanah berbanding PBRKL2020 seperti berikut: 1. Kemudahan Masyarakat Awam (PF1); dan 2. Kemudahan Masyarakat Swasta (PF2). Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Kemudahan Masyarakat (PF) ditentukan berdasarkan keperluan tadahan penduduk, keupayaan tampungan sesuatu kawasan dan penyelarasan status pemilikan tanah.

Jadual 6.1.2: Perincian Klasifikasi Sepuluh (10) Guna Tanah Utama (sambungan)

KLASIFIKASI GUNA TANAH UTAMA
7. PERKUBURAN DAN PENGURUSAN MAYAT
Kategori Guna Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE) merujuk kepada zon guna tanah yang ditetapkan untuk pengurusan pengebumian jenazah Islam dan Bukan Islam. Kawasan perkuburan ini termasuklah Tanah Perkuburan Islam, Cina, Hindu, Kristian dan lain-lain. Draf PTKL2040 mengklasifikasikan perkuburan sebagai satu kategori guna tanah utama berbanding dengan PBRKL2020 yang menetapkan perkuburan di bawah zon guna tanah lain-lain. Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Perkuburan dan Pengurusan Mayat (CE) adalah berdasarkan keperluan tadahan penduduk dan ketersediaan tanah.
8. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI
Kategori Guna Tanah Infrastruktur dan Utiliti (IU) merujuk kepada zon guna tanah dan bangunan yang ditetapkan bagi penyediaan infrastruktur dan utiliti, iaitu bekalan air, bekalan tenaga (elektrik, gas, sistem penyejukan dan lain-lain), pembetungan, telekomunikasi, saliran (perparitan, sungai, tasik dan kolam takungan atau tadahan), pelupusan sisa pepejal dan lain-lain infrastruktur dan utiliti berkaitan. Draf PTKL2040 mengklasifikasikan Infrastruktur dan Utiliti (IU) sebagai satu kategori guna tanah utama berbanding dengan PBRKL2020 yang menetapkan Infrastruktur dan Utiliti (IU) di bawah kategori guna tanah lain-lain. Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Infrastrukur dan Utiliti (IU) ditentukan berdasarkan keperluan dan keupayaan tampungan sesuatu kawasan, keperluan agensi dan menyokong zon guna tanah utama.
9. KAWASAN LAPANG
Kategori Guna Tanah Kawasan Lapang (OS) merujuk kawasan lapang untuk aktiviti rekreasi seperti riadah, permainan, sukan atau aktiviti kebudayaan untuk kegunaan awam (OS1), aktiviti rekreasi semula jadi, zon penampan, pulau atau bulatan lalu lintas *(roundabout or traffic island)* yang bersesuaian, kawasan hijau linear dan kawasan lebihan pembangunan yang dijadikan kawasan hijau yang di diurus dan diselenggarakan oleh DBKL atau pihak yang berkaitan serta aktiviti rekreasi seperti taman, taman pemainan, tapak rekreasi, gelanggang sukan, padang golf atau aktiviti kebudayaan milik persendirian atau diuruskan secara persendirian. Namun bagi Kawasan Lapang Swasta (OS3), pembangunan bagi tujuan manfaat sosioekonomi (perdagangan atau komponen mendiami) bagi sebahagian daripada tapak adalah tertakluk kepada kesesuaian melibatkan aspek saiz tapak, lokasi, persekitaran dan daya tampung sesuatu kawasan kecuali tapak-tapak yang wujud atas keperluan perancangan. PBRKL2020 telah mengklasifikasikan kawasan lapang sebagai kategori kawasan lapang dengan tiga (3) zon guna tanah. Draf PTKL2040 telah mengkategorikan kawasan lapang daripada tiga (3) kepada empat (4) zon guna tanah berbanding PBRKL2020 seperti berikut: 1. Kawasan Lapang Awam 1 (OS1); 2. Kawasan Lapang Awam 2 (OS2); 3. Kawasan Lapang Swasta (OS3); dan 4. Hutan Simpan (FR). Draf PTKL2040 juga mencadangkan kategori Kawasan Lapang Awam Berstrata (OS4), yang merupakan kawasan lapang awam pelbagai guna yang terletak di atas podium serta boleh diakses oleh orang awam dan tidak hanya khusus kepada komuniti setempat. Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4) tidak ditunjukkan sebagai paparan dalam pelan zon guna tanah dan tidak dikira dalam keluasan zon guna tanah kawasan lapang. Walau bagaimanapun, Kawasan Lapang Awam Berstrata (OS4) dipaparkan sebagai paparan lapisan kawalan sahaja dalam peta zon guna tanah. OS4 diserahkan kepada DBKL melalui petak strata atau petak aksesori atau dinyatakan melalui syarat nyata tanah dalam suratan hak milik tanah atau ditentukan melalui perjanjian aku janji. Keluasan OS4 tidak dikira dalam pengiraan keluasan zon guna tanah tetapi diambil kira dalam penyediaan keperluan keluasan tanah lapang.
10. PENGANGKUTAN
Kategori Guna Tanah Pengangkutan (TR) merujuk kepada zon guna tanah yang ditetapkan bagi penyediaan kemudahan pengangkutan termasuk terminal pengangkutan awam, stesen pengangkutan awam, kemudahan Hentian dan Jalan (*Park and Ride*), kemudahan tempat letak kenderaan, depoh pengangkutan, rizab jalan, laluan rel dan kemudahan berkaitan lain yang dibenarkan untuk menyokong infrastruktur dan perkhidmatan pengangkutan. Draf PTKL2040 mengklasifikasikan pengangkutan sebagai satu kategori guna tanah utama berbanding dengan PBRKL2020 yang menetapkan pengangkutan di bawah zon guna tanah lain-lain. Kriteria penetapan Zon Guna Tanah Pengangkutan (TR) ditentukan berdasarkan perubahan dasar kerajaan, keperluan pengguna dan menyokong guna tanah utama.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-1.1B

MENYELARAS SEMULA PENETAPAN INTENSITI PEMBANGUNAN

Kawalan intensiti pembangunan di Kuala Lumpur adalah penting untuk mencapai persekitaran yang bersepadu dan mampan. Intensiti pembangunan perlu dikawal bagi memastikan pembangunan yang dirancang mengikut kesesuaian tapak, kawasan persekitaran dan ketersediaan infrastruktur serta kemudahan sosial.

PBRKL2020 menetapkan intensiti pembangunan melalui dua (2) bentuk alat kawalan perancangan intensiti, iaitu kepadatan bagi guna tanah kediaman dan nisbah plot bagi pembangunan perdagangan, industri dan institusi. Intensiti yang dibenarkan adalah tertakluk kepada pematuhan garis panduan dan insentif perancangan yang ditetapkan oleh DBKL.

Draf PTKL2040 pula menyelaraskan semula intensiti dengan menetapkan dua (2) bentuk kawalan intensiti seperti berikut:

1. Nisbah plot bagi semua guna tanah utama kecuali kemudahan masyarakat, infrastruktur, pengangkutan, kawasan lapang dan perkuburan; dan
2. Kawalan ketinggian bagi bangunan teres perdagangan, Zon Guna Tanah Kediaman 1 (R1), Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 1 (TV1) dan Zon Guna Tanah Kediaman Stabil (EH).

Penyelarasan semula penetapan intensiti pembangunan dalam Draf PTKL2040 telah mengambil kira kriteria seperti berikut:

1. Perancangan pembangunan bandar padat akibat penawaran tanah yang terhad;
2. Penyesuaian dengan keadaan fizikal, lokasi dan luas tapak;
3. Peningkatan kapasiti dan penaiktarafan infrastruktur, utiliti dan jalan raya;
4. Peningkatan sistem pengangkutan awam;
5. Penetapan hierarki pusat pertumbuhan, strategi perancangan semula kawasan dan trend pembangunan semasa;
6. Pengekalan tipologi kediaman bertanah, kediaman stabil dan perdagangan teres;
7. Peningkatan imej dan nilai pada sesuatu kawasan;
8. Pendekatan pembangunan yang fleksibel dan dinamik; dan
9. Penyelarasan dengan pelaksanaan insentif perancangan.

Penetapan intensiti turut mengambil kira zon guna tanah utama bagi sesebuah plot tanah. Zon guna tanah akan diklasifikasikan mengikut kegunaan tanah utama yang bersesuaian bagi menunjukkan tipologi, intensiti dan hierarki pembangunan plot tanah.

Pelan Intensiti Pembangunan dalam bentuk kawalan nisbah plot dan ketinggian bangunan ditunjukkan seperti di Rajah 6.1.6. Nisbah Plot yang dicadangkan adalah nisbah plot asas sesebuah tapak.

Insentif tambahan nisbah plot diberikan ke atas tapak atau kawasan yang dikenal pasti seperti berikut:


1. Zon Perancangan Transit (TPZ);
2. Kawasan Cantuman Lot;
3. Kawasan Pembangunan Semula; dan
4. Pembangunan dengan Komponen Rumah Mampu Milik.

Prinsip pemberian insentif nisbah plot tambahan dipertimbangkan sekiranya pembangunan tersebut memberi nilai tambah, menyumbang ke arah peningkatan kualiti persekitaran alam bina dan kemampanan bandar.

Nisbah plot KLDCP2024 ialah nisbah plot asas, sementara nisbah plot maksimum adalah tertakluk kepada insentif yang terpakai. Insentif tambahan nisbah plot hendaklah bersesuaian dengan kadar peratusan nisbah plot asas yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan penetapan insentif adalah tertakluk kepada dasar dan garis panduan semasa.

Kawalan perancangan ini terpakai untuk cadangan pembangunan baharu serta tambahan dan perubahan pada pembangunan sedia ada. Sebarang pembangunan atau lot tanah sedia ada yang telah diluluskan melebihi nisbah plot asas yang dibenarkan adalah dikira sebagai nisbah plot maksimum yang ditetapkan bagi tanah tersebut dan perlu dikekalkan.

Walau bagaimanapun, nisbah plot yang diluluskan ini tidak boleh diambil kira sebagai nisbah plot asas bagi tujuan pemberian insentif Draf PTKL2040. Sekiranya nisbah plot asas bersama insentif melebihi nisbah plot yang diluluskan, plot tersebut layak dipertimbangkan dengan nisbah plot maksimum ditetapkan.



RAJAH 6.1.5 | Pelan Intensiti Draf PTKL2040

Petunjuk :

Nisbah Plot Kediaman
- NP 1:0.5
- NP 1:1.5
- NP 1:2
- NP 1:2.5
- NP 1:3
- NP 1:3.5
- NP 1:4
- NP 1:5
- NP 1:6

Nisbah Plot Bukan Kediaman
- NP 1:2
- NP 1:3
- NP 1:4
- NP 1:5
- NP 1:6
- NP 1:7
- NP 1:8
- NP 1:10

Kawalan Ketinggian Teres Perdagangan
- 2 Tingkat
- 3 Tingkat
- 4 Tingkat
- 5 Tingkat
- 6 Tingkat
- 7 Tingkat
- 10 Tingkat
- 14 Tingkat


Kawalan Ketinggian Kediaman
- 2 Tingkat
- 3 Tingkat

Lain-lain
- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 6-1.1C

MEMPERKUKUHKAN LAPISAN KAWALAN PERANCANGAN

Lapisan kawalan perancangan adalah keperluan tambahan kepada peta zon guna tanah dan intensiti pembangunan. Draf PTKL2040 telah mengenal pasti tujuh (7) lapisan kawalan perancangan dan perincian pemakaian serta panduan perancangan seperti di Jadual 6.1.3. Perincian keperluan pematuhan tersebut dan lokasi lapisan kawalan perancangan adalah seperti yang terkandung di Jilid 1: Bahagian 1, Kawalan Pembangunan Draf PTKL2040.



Pemandangan udara sekitar kawasan KL Sentral.

Jadual 6.1.3: Lapisan Kawalan Perancangan

Lapisan Kawalan Perancangan
1. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Nisbah Plot Pelan Susun Atur Lapisan ini merujuk kepada kawalan terhadap sesuatu kawasan yang telah diberikan kelulusan nisbah plot berasaskan skim pembangunan. Nisbah Plot Pelan Susun Atur ditunjukkan sebagai satu plot pembangunan yang ditandakan dengan satu nisbah plot sahaja. Nisbah plot mengikut plot pembangunan perlu merujuk pelan susun atur yang diluluskan. Penetapan lapisan ini adalah bertujuan untuk: a. Mengawal keluasan ruang lantai maksimum yang diluluskan dengan agihan plot-plot pembangunan adalah tertakluk kepada pelan susun atur yang diluluskan; dan b. Memudah cara pelaksanaan pembangunan untuk tempoh yang panjang disebabkan oleh perubahan tertentu berdasarkan keperluan pasaran, permintaan dan dasar-dasar kerajaan tanpa melibatkan perubahan kepada Draf PTKL2040.
2. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Koridor Tepian Sungai, Tasik dan Kolam Lapisan ini merujuk kepada kawalan perancangan pembangunan bagi semua pembangunan baharu dan pembangunan semula yang terletak bersempadan dengan sungai, tasik dan kolam. Lapisan kawalan ini dikategorikan kepada dua (2) komponen seperti berikut: i. Koridor Tepian Sungai; dan ii. Koridor Tepian Tasik dan Kolam. Penetapan lapisan ini adalah bertujuan untuk: a. Memelihara dan memulihara Koridor Tepian Sungai sebagai kawasan kawalan banjir serta koridor ekologi tasik bagi meningkatkan habitat semula jadi aset biodiversiti bandar; b. Menyumbang kepada penyediaan kawasan hijau bagi Kuala Lumpur; c. Membangunkan kawasan sungai sebagai pusat rekreasi awam dan nodus tarikan bagi menarik pelancong dan meningkatkan imej Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Hijau, Sihat dan *Vibrant*; d. Memastikan semua bentuk pembangunan baharu dan pembangunan semula yang akan dilaksanakan di sekitar kawasan tasik dan kolam adalah harmoni, menarik, selesa, selamat dan mesra alam; e. Menjadikan Koridor Tepian Tasik dan Kolam sebagai kawasan rekreasi yang boleh diakses oleh orang awam; dan f. Memelihara Koridor Tepian Tasik dan Kolam sebagai laluan masuk dan ruang untuk kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan tasik dan kolam.

Jadual 6.1.3: Lapisan Kawalan Perancangan (sambungan)

Lapisan Kawalan Perancangan
3. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan dan Bangunan Warisan Lapisan kawalan perancangan bagi Kawasan dan Bangunan Warisan adalah untuk memastikan bangunan di zon tersebut mematuhi keperluan dan garis panduan yang ditetapkan. Pematuhan kepada garis panduan pembangunan kawasan warisan adalah bagi memulihara dan mengekalkan karakter khas dalam Zon Warisan Kuala Lumpur. Lapisan kawalan perancangan Zon Warisan terbahagi kepada tiga (3) komponen seperti berikut: i. Zon Warisan merupakan kawasan warisan yang terdiri daripada bangunan lama dan mempunyai karakter seni bina istimewa untuk dipelihara. Zon warisan merujuk kepada kawasan khusus yang kebanyakannya tertumpu di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur; ii. Bangunan Warisan merujuk kepada bangunan yang mempunyai kepentingan nilai sejarah, seni bina, seni budaya atau estetika yang memerlukan pemuliharaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian bergantung kepada kepentingan kategori warisan berkenaan; dan iii. Tapak Warisan merujuk kepada tapak atau lokasi yang dikenal pasti mempunyai nilai sejarah yang penting kepada budaya masyarakat. Ia merujuk kepada mana-mana tapak yang kekal di lokasi tertentu dan tidak dapat dipindahkan ke lokasi lain seperti taman bersejarah, alam semula jadi dan kawasan perkuburan lama. Penetapan Lapisan Kawalan Perancangan Kawasan dan Bangunan Warisan adalah bertujuan untuk: a. Mengekal dan memelihara bangunan atau tapak yang mempunyai kepentingan sejarah bagi kawasan khusus; b. Menonjolkan keunikan Kuala Lumpur dengan cara memulihara dan menambah baik karakter, imej dan identiti warisan budaya bagi kawasan khusus; c. Memastikan pengubahan dan pembangunan baharu selaras dengan syarat ditetapkan berdasarkan mekanisma Kawalan Pembangunan Kawasan Warisan; dan d. Menyediakan perlindungan jangka panjang terhadap hartanah yang mempunyai kepentingan warisan bagi memastikan terdapatnya pemuliharaan melalui pengurusan sumber pada skala yang lebih besar.
4. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Zon Ketinggian Sekitar Istana Negara Lapisan kawalan perancangan bagi Zon Ketinggian Sekitar Istana Negara merujuk kepada mekanisma penambahan kepada garis panduan kawalan ketinggian atau intensiti bangunan. Sebarang bangunan yang terletak di sekitar Istana Negara dalam lingkungan 800 meter dan 1 kilometer dari bangunan Istana Negara termasuk dalam kawalan ketinggian ini. Kawalan ini bertujuan memelihara vista terbuka dari dan ke arah Istana Negara itu sendiri. Penetapan lapisan kawalan perancangan zon ini adalah bertujuan untuk: a. Mempertingkatkan keunggulan dan memartabatkan Istana Negara sebagai simbol pemerintahan negara; dan b. Memastikan ketenangan dan privasi Istana terkawal daripada pembangunan berintensiti tinggi di kawasan sekitarnya.
5. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Garisan Visual Ke Arah Mercu Tanda Lapisan Kawalan Perancangan bagi Garisan Visual ke Arah Mercu Tanda adalah merujuk kepada kawalan tambahan terhadap ketinggian, orientasi atau reka bentuk bangunan baharu yang terletak dalam garisan yang dikenal pasti ke arah mercu tanda di Kuala Lumpur. Penetapan lapisan kawalan perancangan zon ini adalah bertujuan untuk memastikan kepentingan bangunan mercu tanda sedia ada sebagai lambang ikonik Kuala Lumpur kekal terpelihara.

Jadual 6.1.3: Lapisan Kawalan Perancangan (sambungan)

Lapisan Kawalan Perancangan
6. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4) Lapisan Kawalan Perancangan bagi Kawasan Lapang Awam dalam Skim Persendirian (OS4) merujuk kepada Kawasan Lapang Awam pelbagai guna yang terletak di aras tanah atau podium yang boleh diakses oleh orang awam. Ia merupakan sebuah kawasan kegunaan awam dan tidak hanya khusus kepada komuniti setempat sahaja. Penetapan Lapisan Kawalan Perancangan OS4 adalah bertujuan untuk: a. Merupakan satu (1) insiatif baharu bagi menangani isu ketersediaan tanah yang terhad menerusi kaedah inovatif bagi memastikan penggunaan kawasan lapang yang pelbagai fungsi; b. Memastikan ketersediaan Kawasan Lapang Awam secara inovatif dalam skim pembangunan persendirian yang berskala besar; c. Mengoptimumkan penggunaan tanah dengan membenarkan aktiviti lain di ruang bawah kawasan lapang; d. Membolehkan kolaborasi dengan pemilik bangunan untuk mengurus dan menyelenggara kawasan lapang pada tahap berkualiti tinggi; e. Menangani isu ketersediaan tanah yang terhad bagi tujuan pembangunan di kawasan bandar selaras dengan keperluan mencapai sasaran keluasan tanah lapang bagi setiap penduduk pada kadar 20 meter persegi pada tahun 2040; dan f. Mempelbagaikan jenis kawasan lapang awam dan tidak hanya tertumpu di atas tanah sahaja.
7. Lapisan Kawalan Perancangan bagi Rumah Mampu Milik (RMM) Lapisan Kawalan Perancangan bagi Rumah Mampu Milik (RMM) merujuk kepada perumahan RMM sedia ada dan yang diluluskan. Ia merupakan rumah yang mampu dimiliki dan berdaya huni bagi memenuhi keperluan rakyat di bawah kumpulan berpendapatan B40 dan sebahagian M40. Penetapan lapisan kawalan Perancangan RMM adalah bertujuan untuk: a. Memastikan pengekalan RMM sedia ada selaras dengan keperluan penduduk masa hadapan; b. Menyelaras pelaksanaan pembangunan semula RMM sedia ada bagi memastikan tapak RMM yang dibangunkan semula mengekalkan bilangan unit RMM sedia ada dan menggalakkan penambahan unit RMM dalam skim pembangunan yang sama; dan c. Mengimbangi keperluan permintaan RMM bagi golongan B40 dan sebahagian M40 yang dijangka akan mengalami tekanan permintaan berbanding penawaran keseluruhan unit kediaman di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-1.2: PENGURUSAN TANAH YANG BELUM DIBANGUNKAN SECARA OPTIMUM DAN PRODUKTIF


Kuala Lumpur merupakan bandar raya yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat di Malaysia. PSKL2040 menjangkakan seluas 1,149.65 hektar tanah perumahan diperlukan untuk menampung penduduk seramai 2.35 juta orang berdasarkan kaedah pembangunan biasa. PSKL2040 juga telah mengenal pasti seluas 5,137.94 hektar tanah bukan tepu bina yang terdiri daripada hutan, badan air, tanah belum dibangunkan (tanah kosong) serta tanah lapang dan kemudahan rekreasi.


Draf PTKL2040 mencadangkan pengurusan tanah yang menumpukan kepada keperluan tanah dan pertambahan intensiti mengikut kesesuaian. Ia melibatkan tanah belum dibangunkan (tanah kosong) seluas 2,121.14 hektar.

Tanah kosong ini adalah merupakan tanah yang tersedia untuk pembangunan masa hadapan dimana hanya 554.50 hektar adalah tanah pembangunan tanpa halangan fizikal. Penawaran tanah yang terhad ini menjadi faktor utama dalam merancang pembangunan tanah di Kuala Lumpur dengan lebih holistik.

Kuala Lumpur juga mempunyai ruang yang berpotensi untuk perkongsian aktiviti dan penggunaan seperti ruang rizab sungai, jalan, laluan rentis, rel dan lain-lain ruang yang boleh dijadikan sebagai kawasan lapang, kebun komuniti, penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta lain-lain aktiviti yang bersesuaian. Penggalakkan perkongsian ruang di kawasan ini akan menyumbang kepada penggunaan tanah yang lebih optimum, menjimatkan dan produktif.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pembentukan polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-1.2.





RAJAH 6.1.6 | Pelan Taburan Tanah Yang Belum Dibangunkan (Tanah Kosong), 2021

Petunjuk :

- Tanah Kosong
- Kecerunan Kelas 1
- Kecerunan Kelas 2
- Kecerunan Kelas 3
- Kecerunan Kelas 4

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 6-1.2A

MENETAPKAN ZON GUNA TANAH DAN INTENSITI YANG BERSESUAIAN BAGI TANAH BELUM DIBANGUNKAN (TANAH KOSONG)

Cadangan penetapan zon guna tanah bagi tanah belum dibangunkan (tanah kosong) melibatkan pengekalan atau perubahan zon dan intensiti pembangunan. Zon guna tanah dan intensiti pembangunan bagi tanah kosong terlibat perlulah bersesuaian dengan konteks setempat dan selaras dengan perubahan trend pembangunan.

Seluas 1,149.65 hektar tanah kosong dizonkan sebagai kawasan kediaman dengan intensiti yang lebih tinggi seperti cadangan nisbah plot asas bagi kediaman harga bebas adalah sehingga 1:4 dan sehingga 1:6 bagi pembangunan perumahan mampu milik. Perancangan ini bersesuaian dengan keperluan kediaman untuk menampung peningkatan penduduk pada tahun 2040.

Zon guna tanah lain yang dicadangkan untuk tanah kosong adalah zon perdagangan seluas 214 hektar dan zon kawasan lapang seluas 255.27 hektar. Cadangan nisbah plot asas bagi zon guna tanah perdagangan adalah sehingga 1:10 mengikut kesesuaian lokasi dan saiz lot tanah yang terlibat. Cadangan zon guna tanah dan intensiti di tapak tanah kosong adalah seperti di Jadual 6.1.4.

Pembangunan tanah kosong yang berbukit dan bercerun pula perlu merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Pembangunan di kawasan Bukit dan Cerun, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2010. Garis panduan ini akan memandu pembangunan dengan penyelesaian kejuruteraan tertakluk kepada pematuhan syarat khas yang menitik beratkan faktor keselamatan.

Pembangunan di kawasan ini juga perlu mengambil kira risiko sensitif setempat, langkah mitigasi bersasar ke arah mengurangkan risiko semasa, mengelakkan risiko mendatang dan mengukuhkan daya tahan setempat. Tanah kosong yang mempunyai lot bersaiz kecil juga digalakkan untuk dibangun melalui kaedah cantuman lot bagi menghasilkan pembangunan yang lebih menyeluruh dan terancang.



Lokasi: Kawasan Bukit Segambut
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/Eddy+Rush*

Pemandangan dari Bukit Segambut yang menunjukkan kepesatan pembangunan di Kuala Lumpur.

INFO RINGKAS

TABURAN TANAH YANG BELUM DIBANGUNKAN

2,121.14Hektar
Tanah Belum Dibangunkan

1,981.02Hektar
Tanah Belum Dibangunkan tanpa pembangunan komited

554.50Hektar
Tanah kosong tanpa halangan fizikal

Sumber: Olahan dari PSKL2040

Jadual 6.1.4:
Cadangan Zon Guna Tanah dan Intensiti bagi Tanah Yang Belum Dibangunkan (Tanah Kosong)

Zon Guna Tanah	Luas (Hektar)	Nisbah Plot Asas
1. Kediaman	1,030.07	Sehingga 1:6
2. Perdagangan	214.00	Sehingga 1:10
3. Industri	104.85	Sehingga 1:4
4. Pembangunan Bercampur	198.45	Sehingga 1:6
5. Institusi	117.44	Sehingga 1:4
6. Kemudahan Masyarakat	106.55	-
7. Perkuburan dan pengurusan mayat	8.24	-
8. Infrastruktur dan Utiliti	65.49	-
9. Kawasan Lapang	255.27	-
10. Pengangkutan	19.78	-
Jumlah	**2,121.14**	

INISIATIF PELAKSANAAN 6-1.2B

MENGGALAKKAN PERKONGSIAN RUANG RIZAB SUNGAI, RIZAB JALAN DAN REL, LALUAN RENTIS, DAN LAIN-LAIN RUANG YANG BERPOTENSI UNTUK AKTIVITI BERSESUAIAN

Perkongsian penggunaan ruang yang berpotensi dengan pelbagai aktiviti sementara yang bersesuaian dapat mengoptimumkan penggunaan tanah. Penggunaan ruang dan aktiviti yang berada di luar kawalan pihak DBKL perlu melibatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan bagi tujuan pelaksanaan perkongsian.

Penggunaan ruang dan perkongsian aktiviti ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan syarat yang ditetapkan oleh agensi yang terlibat. Ia juga perlu diselenggara dengan baik dan berkesan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 6.1.5.

Jadual 6.1.5:
Cadangan Aktiviti yang Bersesuaian bagi Perkongsian Ruang

Aktiviti yang bersesuaian	Lokasi
1. Kebun Komuniti	a. Kawasan kediaman dan perdagangan; b. Kawasan kemudahan masyarakat; c. Laluan rentis; dan d. Rizab sungai.
2. Penjaja Beredar	a. Ruang awam bersesuaian; dan b. Ruang TLK pada masa tertentu.
3. Tempat Letak kenderaan	a. Di bawah laluan LRT dan lebuh raya bersesuaian.
4. Ruang Rekreasi dan Taman Awam	a. Rizab jalan; dan b. Laluan rentis.
5. Ruang Kitar Semula	a. Rizab utiliti.
6. Ruang Seni	a. Lorong tepi atau belakang bangunan.
7. Nurseri	a. Di bawah laluan rel yang sesuai; dan b. Di bawah talian rentis.
8. Plaza Awam	a. Rizab sungai.

Sumber : Olahan dari PSKL2040

Kriteria penggunaan dan perkongsian ruang yang sesuai adalah seperti berikut:

1. Kawasan rizab sungai yang bersesuaian serta berhampiran dengan kawasan kediaman dan perdagangan. Contohnya di kawasan Sungai Bunus;


Lokasi: Kebun Bandar, Sungai Bunus

2. Kawasan ruang bawah lebuh raya bertingkat dan laluan rel yang bersesuaian terletak berhampiran kawasan kediaman dan perdagangan. Kawasan tersebut hendaklah mempunyai akses yang baik melalui jalan tempatan dan tertakluk kepada kelulusan dan garis panduan agensi berkaitan. Contohnya di laluan rel Chow Kit, Kuala Lumpur; dan


Lokasi: Chow Kit, Kuala Lumpur

3. Kawasan laluan rentis termasuk izin lalu yang dibenarkan oleh pihak TNB dengan jarak 20 meter ke 30 meter di sepanjang jajaran agar tidak mengganggu laluan penghantaran dan menara talian. Contohnya, aktiviti kebun bandar yang dilaksanakan di PPR Intan Baiduri, Kuala Lumpur.


Lokasi: PPR Intan Baiduri

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-1.3: PENGAWALAN AKTIVITI INDUSTRI DI LUAR ZON GUNA TANAH BERSESUAIAN

Perancangan semula aktiviti industri yang beroperasi tanpa lesen dan terletak di luar zon industri seperti di zon guna tanah kediaman dan zon guna tanah perdagangan perlu diberikan penekanan. Aktiviti ini perlu dikawal menerusi program pemutihan bagi memastikan aktiviti industri yang dijalankan ini tidak terjejas dan menimbulkan isu kacau ganggu kepada kawasan persekitaran.

Aktiviti perindustrian yang dijalankan di zon kediaman kebiasaannya terdiri daripada industri kecil sederhana dan industri kecil kotej. Masih terdapat beberapa industri yang mencemarkan seperti industri logam dan besi yang dijalankan dalam zon kediaman yang perlu ditangani.

Manakala, aktiviti industri yang dijalankan dalam zon perdagangan pula adalah kebanyakannya merupakan aktiviti industri perkhidmatan seperti membaiki kenderaan. Industri perkhidmatan seperti ini perlu dikawal bentuk aktivitinya bagi mengelakkan isu kacau ganggu dan pencemaran kawasan persekitaran.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui polisi dan kawalan perancangan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-1.3.



Lokasi: Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur
Sumber: https://www.shutterstock.com/g/aslamas_ad

Industri Perkhidmatan seperti servis dan baiki kenderaan yang memerlukan kawalan bagi mengelakkan isu kacau ganggu kepada warga kota.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-1.3A

MEMBENARKAN AKTIVITI INDUSTRI TERPILIH DI ZON GUNA TANAH PERDAGANGAN

Program pemutihan di Zon Guna Tanah Perdagangan adalah bertujuan untuk mengawal aktiviti industri yang dibenarkan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, memastikan kemampanan bandar dan menjamin kualiti kehidupan di Kuala Lumpur.

Aktiviti industri yang dibenarkan untuk program pemutihan dalam Zon Guna Tanah Perdagangan terdiri daripada industri yang tidak mencemarkan seperti berikut:

1. Aktiviti Industri Ringan: penyimpanan, pembungkusan dan pengedaran serta penerbitan dan percetakan; dan
2. Aktiviti Industri Sederhana: Perkhidmatan baiki kenderaan, pembuatan dan pemprosesan, pusat pameran dan jualan kenderaan.

Inisiatif ini penting bagi memastikan aktiviti industri yang dijalankan di Zon Guna Tanah Perdagangan tidak menimbulkan isu kacau ganggu dan pencemaran kepada kawasan sekitar serta tidak menjejaskan tahap produktiviti aktiviti perdagangan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah melalui aktviti seperti di Jadual 6.1.6.

Jadual 6.1.6: Perincian Aktiviti Industri yang Dibenarkan di Zon Guna Tanah Perdagangan

PUSAT BANDAR RAYA (CCC)
Kelas Yang Dibenarkan
1. Teknologi, Penyelidikan Dan Pembangunan
Kelas Yang Dibenarkan Dengan Syarat
1. Makmal Perubatan Dan Kesihatan
PERDAGANGAN UTAMA (MC)
Kelas Yang Dibenarkan Dengan Syarat
1. Pembungkusan, Penyimpanan dan Pengedaran 2. Servis dan Baiki Kenderaan 3. Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan 4. Makmal Perubatan dan Kesihatan 5. Tempat Penyimpanan Bahan Binaan 6. Pusat Penyelenggaraan Barangan Isi Rumah
PERDAGANGAN (C)
Kelas Yang Dibenarkan Dengan Syarat
1. Pembungkusan, Penyimpanan dan Pengedaran 2. Stesen Minyak dan Penyelenggaraan Kenderaan 3. Servis dan Baiki Kenderaan 4. Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan 5. Makmal Perubatan dan Kesihatan 6. Tempat Penyimpanan Bahan Binaan 7. Pusat Penyelenggaraan Barangan Isi Rumah
PERDAGANGAN TEMPATAN (LC)
Kelas Yang Dibenarkan Dengan Syarat
1. Servis dan Baiki Kenderaan

INISIATIF PELAKSANAAN 6-1.3B

MEMBENARKAN AKTIVITI INDUSTRI TERPILIH DI ZON GUNA TANAH PERKAMPUNGAN TRADISI (TV) DAN KAWASAN CULB KHAS KAMPUNG

Aktiviti industri terpilih juga dibenarkan dengan kawalan di Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 1 (TV1), Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 2 (TV2) dan kawasan yang mengguna pakai CULB Khas Kampung.

Aktiviti industri terpilih yang dibenarkan dengan kawalan perlu dikawal selia secara berkala untuk mengelakkan kacau ganggu seperti bau busuk, bunyi bising dan lain-lain.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah melalui aktviti seperti di Jadual 6.1.7.

Jadual 6.1.7: Aktiviti Industri yang Dibenarkan di Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi dan CULB Khas Kampung

PERKAMPUNGAN TRADISI 1 (TV1)
Kelas Yang Dibenarkan Dengan Syarat
1. Servis Dan Baiki Kenderaan 2. Industri Kotej
PERKAMPUNGAN TRADISI 2 (TV2)
Kelas Yang Dibenarkan Dengan Syarat
1. Servis Dan Baiki Kenderaan 2. Industri Kotej
TERHAD BAGI KAMPUNG BERIKUT SAHAJA:
Kampung Rizab Melayu (KRM) 1. Kampung Segambut 2. Kampung Palimbayan 3. Kampung Bukit Lanjan 4. Kampung Selayang Lama 5. Kampung Sungai Penchala
Kampung Bukan Rizab Melayu (KBRM) 1. Kampung Pandan Melayu 2. Kampung Pasir Segambut 3. Kampung Malaysia Tambahan 4. Kampung Malaysia Raya 5. Kampong Bharu 6. Kampung Datuk Keramat
Kampung Baru 1. Kampung Baru Cheras Baru 2. Kampung Baru Salak Selatan 3. Kampung Baru Jinjang Selatan 4. Kampung Baru Jinjang Utara 5. Kampung Baru Ayer Panas

STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-2: MEMPERKUKUHKAN HIERARKI PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR

SENARIO PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR DI KUALA LUMPUR

Pusat pertumbuhan bandar merupakan kawasan tumpuan perdagangan yang menawarkan perkhidmatan dan kemudahan kepada penduduk sekitar. Kawasan tumpuan ini disokong oleh aktiviti seperti kediaman, taman rekreasi, perkhidmatan kerajaan dan awam khususnya yang berada dalam lingkungan TPZ dan TIZ.

Fungsi utama pusat pertumbuhan bandar adalah menggalakkan pembangunan seimbang dan kemudahsampaian kawasan dalam Kuala Lumpur. Pusat pertumbuhan perlu mengagihkan tekanan pembangunan di Pusat Bandar Raya kepada kawasan sekitarnya. Ia akan menjadi nodus yang menghubungkan rangkaian jalan, rel transit, jaringan hijau, kemudahan awam, laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.

Perancangan kawasan pusat pertumbuhan bandar memfokus kepada gabungan struktur bandar '*monocentric*' dan '*polycentric*' bagi memastikan pertumbuhan bandar yang seimbang dan kebolehsampaian kemudahan awam yang baik. Konsep ini membentuk satu (1) pusat pertumbuhan bandar utama yang disokong oleh beberapa pusat pertumbuhan dengan hierarki yang lebih rendah.

Kawasan pembangunan semula juga boleh menjadi sebahagian daripada pusat pertumbuhan bandar dengan mengambil kira fungsi, aktiviti, intensiti, ketersambungan, ketersediaan infrastruktur semasa dan akan datang serta mengambil kira hala tuju strategik dalam PSKL2040.

Pembangunan dalam kawasan pusat pertumbuhan adalah bagi memperkukuhkan fungsi setiap kawasan disamping mengalakkan penggunaan tanah yang efisien dan optimum. Pembangunan dalam kawasan pusat pertumbuhan bandar hendaklah juga mengambil kira aspek fizikal dan reka bentuk seperti identiti, imej dan kawalan pembangunan bagi menjaga latar langit dan visual bandar di kawasan berikut:

1. Kawasan TPZ/TIZ;
2. Kawasan Pembangunan Semula;
3. Zon Warisan; dan
4. Garisan Visual ke Arah Mercu Tanda.


Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 6-2 seperti Rajah 6.2.1.

Rajah 6.2.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-2

SP 6-2	MEMPERKUKUHKAN HIERARKI PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR
CP 6-2.1	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Bandar



Latar langit Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur pada waktu senja.



RAJAH 6.2.2 | Pelan Hierarki Pusat Pertumbuhan Bandar

Petunjuk :

- Pusat Pertumbuhan Utama
- Pusat Pertumbuhan Daerah
- Pusat Pertumbuhan Sokongan
- Pusat Pertumbuhan Tempatan

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur
- Sempadan Pusat Bandar

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-2.1: PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR

Kuala Lumpur merupakan fokus utama dalam perancangan pembangunan yang dapat memberi nilai tambah dan menyumbang kepada kemajuan kawasan di sekitarnya. Ia kekal berfungsi sebagai pusat bandar yang menempatkan ibu pejabat syarikat global, hotel bertaraf tinggi, pusat membeli belah utama, pusat rekreasi dan hiburan, perkhidmatan pakar profesional dan perubatan serta kemudahan latihan khusus.


Limpahan tekanan pembangunan dari pusat bandar telah membentuk pertumbuhan bandar baharu di sekeliling Kuala Lumpur. Pertumbuhan bandar juga dipengaruhi oleh dasar pembangunan, faktor fizikal, daya tampungan infrastruktur dan kemudahan masyarakat serta sosioekonomi bandar.

Pengukuhan pusat pertumbuhan bandar baharu memerlukan usaha menaiktaraf kemudahan, infrastruktur dan perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti kehidupan perbandaran seiring dengan perkembangan semasa.

Terdapat empat (4) hierarki pusat pertumbuhan bandar di Kuala Lumpur seperti berikut:

1. Pusat Pertumbuhan Utama;
2. Pusat Pertumbuhan Sokongan;
3. Pusat Pertumbuhan Daerah; dan
4. Pusat Pertumbuhan Tempatan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui kawalan perancangan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-2.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-2.1A

MENGUKUHKAN HIERARKI PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR

Senario pertumbuhan bandar baharu merupakan hasil tekanan pembangunan dari dalam pusat bandar. Pusat pertumbuhan baharu ini berkembang dan membentuk hierarki berdasarkan fungsi yang tersendiri.

Strategi pengukuhan hierarki pusat pertumbuhan bandar merupakan salah satu pendekatan dalam mengawal pembangunan kawasan bandar.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah melalui penetapan ciri utama setiap heirarki pusat pertumbuhan seperti di Jadual 6.2.1.

Jadual 6.2.1:
Hierarki dan Ciri Utama Pusat Pertumbuhan di Kuala Lumpur


Hierarki Pusat Pertumbuhan Bandar	Ciri Utama
PUSAT PERTUMBUHAN UTAMA Pusat Pertumbuhan Utama merupakan hierarki tertinggi pusat pertumbuhan dan terletak dalam sempadan Pusat Bandar Raya serta KL Sentral.	1. Menjadi pusat pertumbuhan ekonomi utama yang signifikan; 2. Mempunyai pembangunan berskala mega dengan potensi pelaburan dan peluang pekerjaan baharu; 3. Merupakan kawasan dengan populasi pekerjaan dan aktiviti perdagangan yang tinggi; 4. Merupakan kawasan pembangunan terancang dengan integrasi mod mobiliti aktif serta penekanan kepada kesinambungan laluan pejalan kaki yang baik, selesa dan selamat; 5. Memiliki kemudahan masyarakat yang mencukupi seperti kemudahan kesihatan dan keselamatan; 6. Memiliki kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti perkhidmatan bas serta jaringan dan stesen rel; 7. Mempunyai reka bentuk dan pembinaan bangunan hijau bertaraf antarabangsa; dan 8. Menggalakkan komuniti rendah karbon dengan pembangunan berkonsepkan rendah karbon selaras dengan hala tuju strategik PSKL2040.
PUSAT PERTUMBUHAN SOKONGAN Pusat Pertumbuhan Sokongan merupakan hierarki baharu yang diperkenalkan bagi mengurangkan tekanan pembangunan yang tinggi di Pusat Bandar Raya ke kawasan sekelilingnya. Pusat Pertumbuhan Sokongan terdiri daripada kawasan pusat daerah yang dinaiktaraf dan beberapa kawasan baharu yang berpotensi.	1. Mempunyai potensi sebagai kawasan pembangunan semula atau pembangunan komited; 2. Memiliki rangkaian hubungan yang baik dengan stesen transit; 3. Mempunyai keupayaan pelaksanaan untuk cantuman lot bagi tujuan pembangunan; 4. Menawarkan perkhidmatan dan peluang pekerjaan dalam menyokong pusat pertumbuhan utama; 5. Menyediakan perumahan bagi meningkatkan kadar huni dalam bandar; dan 6. Menggalakkan komuniti rendah karbon dengan pembangunan berkonsepkan rendah karbon selaras dengan hala tuju strategik PSKL2040.
PUSAT PERTUMBUHAN DAERAH Pusat Pertumbuhan Daerah merupakan kawasan yang merangkumi pusat perdagangan dan pekerjaan berskala sederhana terletak berdekatan dengan kawasan kediaman dan kejiranan. Ia berfungsi sebagai hab perkhidmatan, sosial, budaya dan rekreasi untuk masyarakat tempatan.	1. Menyokong keperluan pekerjaan dan perniagaan setempat di kawasan perdagangan; 2. Menarik pelaburan dengan aktiviti yang fleksibel pada skala sederhana; 3. Membenarkan aktiviti yang terdapat di Pusat Bandar Raya seperti hiburan dengan syarat dan skala yang bersesuaian; dan 4. Menggalakkan komuniti rendah karbon dengan pembangunan berkonsepkan rendah karbon selaras dengan hala tuju strategik PSKL2040.

Jadual 6.2.1:
Hierarki dan Ciri Utama Pusat Pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Hierarki Pusat Pertumbuhan Bandar	Ciri Utama
PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN Pusat Pertumbuhan Tempatan merupakan kawasan tumpuan masyarakat dan perdagangan yang terletak dalam kawasan kejiranan yang stabil dan berada berdekatan dengan pusat pertumbuhan yang lain. Ia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan aktiviti tempatan serta menyokong keperluan sosial kawasan kejiranan sekeliling.	1. Menyediakan kawasan rekreasi serta perniagaan sokongan berskala kecil bagi mengimbangi keperluan hidup dan mengurangkan keperluan bergerak jauh untuk mendapatkan perkhidmatan tertentu; 2. Menekankan konsep Bandar 15 minit melalui penggunaan mod mobiliti aktif dan memperkasa sistem *first and last mile*. Ia dapat mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan pengangkutan persendirian dan mengurangkan pelepasan karbon; dan 3. Menghubungkan kawasan kediaman ke kawasan perdagangan dan taman melalui kesinambungan dan penaiktarafan jalan dan pejalan kaki dengan landskap jalanan, kanopi hijau dan kemudahan sokongan yang universal, selamat dan mesra usia.

INFO RINGKAS

GAMBARAN KAWALAN PEMBANGUNAN DALAM KAWASAN LITUPAN HIERARKI PUSAT PERTUMBUHAN



Kawalan Pembangunan Pusat Bandar Raya

1. Kawasan Pusat Bandar Raya telah dibangunkan dengan pembangunan berintensiti tinggi dan bangunan mercu tanda yang menggambarkan identiti Kuala Lumpur; dan
2. Reka bentuk bandar di kawasan Pusat Bandar Raya adalah tertakluk dengan Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Kuala Lumpur.

Kawalan Pembangunan Pusat Pertumbuhan

1. Pusat pertumbuhan mempunyai beberapa ciri istimewa yang membenarkan kawasan ini mendapat pertambahan intensiti berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.

Kawalan Pembangunan Sekitar Pusat Bandar Raya

1. Kawasan sekitar Pusat Bandar Raya perlu dikawal daripada segi ketinggian dan intensiti bagi menjaga pandangan visual fizikal Pusat Bandar Raya;
2. Sempadan kawasan ini disempadani oleh cadangan jajaran rel MRT3;
3. Tekanan pembangunan yang berlaku di kawasan sekitar Pusat Bandar Raya menyebabkan adanya pemintaan intensiti yang tinggi di kawasan ini, namun penambahan intensiti di kawasan ini adalah lebih rendah berbanding dengan pusat pertumbuhan; dan
4. Pertambahan intensiti berdasarkan kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.

Kawalan Pembangunan Umum Kuala Lumpur

1. Kawalan ini terpakai di kawasan selain dari kawasan yang dinyatakan di atas; dan
2. Intensiti di kawasan ini tidak boleh melebihi intensiti bagi kawasan pusat pertumbuhan dan perlulah harmoni dengan pembangunan dan kawasan kejiranan sedia ada.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-2.1B

MERANCANG PEMBANGUNAN DALAM HIERARKI PUSAT PERTUMBUHAN BANDAR

Sebuah bandar merupakan pusat pertumbuhan ekonomi dan perkhidmatan penduduk sesebuah negara seperti Kuala Lumpur. Setiap bandar mempunyai karakter dan fungsi yang tersendiri dan perlu dirancang berdasarkan hierarki dengan ciri-ciri yang khusus bagi mengelakkan pertindihan fungsi dari aspek guna tanah, ekonomi, sosial, infrastruktur, kemudahan perbandaran dan sebagainya.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini dibahagikan kepada inisiatif umum dan khusus seperti di Jadual 6.2.2.





Lokasi: LaLaport Bukit Bintang
Sumber: https://www.shutterstock.com/g/gracethang2

Lalaport merupakan bekas tapak Penjara Pudu yang dibangunkan semula sebagai kawasan perdagangan baharu di Bukit Bintang yang menerapkan elemen landskap hijau dan reruang awam untuk warga kota.



Jadual 6.2.2:
Perancangan Pembangunan Dalam Hierarki Pusat Pertumbuhan di Kuala Lumpur

Inisiatif Umum
1. Memberi penekanan kepada guna tanah perdagangan dan pembangunan bercampur serta pengukuhan penyediaan kemudahan awam di lokasi yang mudah di akses orang awam;
2. Menggunakan konsep TOD yang bersepadu bagi menggalakkan pembangunan yang komprehensif;
3. Menyediakan kediaman yang berkualiti serta berdaya huni untuk pelbagai lapisan masyarakat;
4. Menyediakan kawasan lapang dan mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai reruang awam;
5. Memberi penekanan kepada pembangunan yang memberi keutamaan kepada pejalan kaki dan menggalakkan penggunaan kenderaan mikromobiliti;
6. Menambah baik lorong belakang kawasan serta meningkatkan akses ke stesen transit dan pengangkutan awam;
7. Mengukuhkan jalan utama sebagai *walkable street* dan *shared street* serta mengehadkan aliran trafik persendirian di pusat pertumbuhan utama;
8. Menambah baik sistem integrasi dan penyediaan pengangkutan awam yang efisien dalam menjadikan pengangkutan awam sebagai pilihan utama pengguna;
9. Memperkukuhkan imej, fungsi dan identiti setiap kawasan pusat pertumbuhan utama;
10. Mengambil kira reka bentuk bangunan bersebelahan dan persekitaran untuk mewujudkan keharmonian di antara bangunan;
11. Menekankan reka bentuk bandar yang menggalakkan *street activity* yang aktif;
12. Menekankan pembangunan dan penyediaan yang berasaskan reka bentuk sejagat serta sesuai bagi semua golongan mesra usia dan upaya;
13. Mematuhi piawaian bangunan hijau dan rendah karbon; dan
14. Mengenal pasti kaedah pengurusan tempat letak kenderaan yang berkesan dan sistematik.



Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
1. PUSAT PERTUMBUHAN UTAMA	
1. KLCC DAN BUKIT BINTANG 	1. Mengukuhkan dan menambah baik kawasan perdagangan utama dan pusat beli-belah; 2. Memastikan laluan mod mobiliti aktif ke kawasan tumpuan pelancongan utama seperti KLCC, Pavilion, Petaling Street, Kasturi walk dan *River of Life* (RoL) berkeadaan baik, selamat dan selesa; 3. Mengukuhkan Jalan Bukit Bintang sebagai *shopping street* dengan mengehadkan kelajuan trafik. Jalan ini berpotensi dinaiktaraf untuk laluan khusus pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti; 4. Mencadangkan penambahbaikan bagi lintasan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di persimpangan KLCC dan Public Bank dan seterusnya ke Pintasan Saloma; 5. Menambah baik masa melintas lintasan utama Bukit Bintang; 6. Mengukuhkan persekitaran Jalan Ampang sebagai *eco-district*; dan 7. Memanfaatkan tapak perkuburan Jalan Ampang sebagai kawasan hijau terbuka.
2. KL SENTRAL 	1. Mengukuhkan identiti kawasan melalui penambahbaikan reka bentuk bandar serta laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di sekitar TOD KL Sentral termasuk Brickfields dengan konsep *Street for People*; 2. Menggalakkan penyediaan pengangkutan perantara, menambah baik perhubungan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti terutamanya basikal di sepanjang Jalan Bangsar ke arah Taman Botani Perdana dan *River of Life* (RoL); 3. Mempertingkat ruang hijau dengan kaedah bersesuaian; dan 4. Menyediakan laluan pejalan kaki yang lancar bagi menghubungkan KL Sentral, Muzium Negara dan kawasan Bukit Persekutuan melalui pembangunan ruang bawah tanah.
3. KAMPONG BHARU 	1. Mengukuhkan identiti kawasan sebagai *enclave* identiti Melayu dalam Pusat Bandar Raya melalui reka bentuk bandar, kawalan pembangunan selaras dengan Garis Panduan Seni Bina Melayu Islam Kampong Bharu; 2. Mengekalkan masjid sebagai nodus utama pembangunan di Kampong Bharu; 3. Mengambil kira latar langit dan pemandangan Menara Berkembar KLCC dan Menara Kuala Lumpur dalam perancangan ketinggian orientasi atau reka bentuk pembangunan; 4. Mengintegrasi pembangunan Kampong Bharu dengan stesen LRT Kampong Bharu dan Dang Wangi, MRT Kampong Bharu serta Monorel Chow Kit; dan 5. Mengintegrasikan pembangunan dengan infrastruktur utama disekitar tapak seperti Duke 2A dan AKLEH.



Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
1. PUSAT PERTUMBUHAN UTAMA	
4. TRX DAN PUDU 	1. Mengguna pakai garis panduan reka bentuk khusus bagi pembangunan TRX, iaitu *Tun Razak Exchange Development Code - Plot Controls*; 2. Mengekalkan dan mengukuhkan identiti kawasan *enclave* Pasar Pudu sebagai *Market Area* melalui penambahbaikan reka bentuk bandar dan reruang awam; 3. Menggunakan konsep *Urban Block* di lot-lot kecil bagi tujuan pembangunan berskala besar di kawasan *infill*; 4. Menyediakan ruang-ruang awam terutamanya kawasan lapang dan di integrasikan dengan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti; 5. Menggalakkan penyediaan kemudahan awam dalam kawasan pembangunan yang boleh di akses orang ramai dari aras tanah; dan 6. Menambah baik jaringan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di sekitar Pasar Pudu ke Maluri melalui Jalan Cochrane.
5. KAWASAN WARISAN MERDEKA DAN PLAZA RAKYAT 	1. Mengekalkan dan mengukuhkan identiti kawasan seni bina warisan kemerdekaan melalui kawalan pembangunan dan reka bentuk bandar; 2. Menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang bersesuaian, selamat dan selesa untuk menghubungkan tiga (3) pengangkutan awam utama iaitu stesen MRT Merdeka, stesen LRT Hang Tuah dan Plaza Rakyat serta stesen Monorel Hang Tuah dan Maharajalela; 3. Menyediakan laluan pejalan kaki bagi pembangunan baharu yang saling berhubung seperti pembangunan Menara Merdeka 118 ke stesen MRT Merdeka dan stesen LRT Plaza Rakyat; dan 4. Mengukuhkan reka bentuk dan landskap teduhan pejalan kaki dari Jalan Hang Jebat ke Jalan Sultan sehingga ke *River of Life* (RoL).
2. PUSAT PERTUMBUHAN SOKONGAN	
1. BANDAR MALAYSIA 	1. Menghubungkan laluan hijau di antara Bandar Malaysia dengan pusat tumpuan di sekitarnya melalui penekanan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berintegrasi. Bandar Malaysia akan dihubungkan ke kawasan Razak City melalui penyediaan jejantas dan *River of Life* (RoL) melalui tanah perkuburan Kwong Tong; 2. Menjadikan Bandar Malaysia sebagai bandar mesra alam dengan mengaplikasi garis panduan pembangunan hijau dan rendah karbon; 3. Mengintegrasikan komponen pembangunan dengan stesen MRT dan cadangan stesen Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR); dan 4. Mengintegrasikan pembangunan dengan infrastruktur utama disekitar tapak seperti DUKE 2A (Istana Link) dan Setiawangsa Pantai Expressway (SPE).


Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
2. PUSAT PERTUMBUHAN SOKONGAN	
2. BANGSAR 	1. Menambah kanopi hijau dan menghubungkan laluan pejalan kaki untuk menambah baik kesalinghubungan serta mewujudkan laluan yang berterusan bagi menghubungkan KL Sentral, Setia Federal Hill, kawasan Jalan Abdullah, Bangsar 61 KL Eco City dan Mid Valley; 2. Membangunkan komponen mendiami pelbagai pilihan bagi menyokong kehidupan bandar yang berkualiti dan menggalakkan pertambahan penduduk dalam kawasan pusat pertumbuhan; 3. Memberi penekanan kepada sektor perkhidmatan yang mampu menawarkan peluang pekerjaan bernilai tinggi; dan 4. Menambah baik dan mengukuhkan reka bentuk bandar bagi Pusat Pertumbuhan Bangsar.
3. BANGSAR SOUTH 	1. Menghubungkan dua (2) mercu tanda utama Bangsar South iaitu Menara Telekom Malaysia dan bangunan Angkasapuri melalui koridor jaringan hijau untuk membentuk sebuah laluan yang nyaman dengan mengambil contoh projek '*Glasgow M8 Motorway Elevated Park Project*'; 2. Mengintegrasikan komponen pembangunan dengan stesen LRT Universiti dan Kerinchi; 3. Mewujudkan satu kawasan lapang utama yang menjadi nadi sosial kepada kawasan ini; dan 4. Melaksanakan pembangunan semula Flat Taman Sri Angkasa.
4. BATU KENTONMEN 	1. Membangunkan kawasan ini secara terancang dengan memberi tumpuan kepada penyediaan komponen kediaman, perdagangan, kemudahan masyarakat dan kawasan rekreasi; 2. Menyediakan perumahan mampu milik yang kondusif dan ruang perdagangan mampu milik; 3. Menggalakkan pembangunan bercampur dengan mengintegrasikan komponen pembangunan dengan stesen KTM Kampung Batu dan stesen MRT Batu Kentonmen; dan 4. Mewujudkan satu kawasan lapang utama yang menjadi nadi sosial kepada kawasan ini.



Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
2. PUSAT PERTUMBUHAN SOKONGAN	
5. JALAN AMPANG DAN DATUK KERAMAT 	1. Menghubungkan kawasan Kampung Datuk Keramat di sebelah utara dan kawasan Jalan Damai serta Jalan Aman di bahagian selatan melalui lintasan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat sebagai satu kawasan pusat pertumbuhan bagi meluaskan jaringan LRT Damai, LRT Dato Keramat dan LRT Jelatek; 2. Membangunkan kawasan kediaman dan pembangunan bercampur secara komprehensif melalui pendekatan insentif cantuman lot; 3. Menaik taraf jalan tempatan dalam menyokong intensiti pembangunan yang lebih tinggi di kawasan Datuk Keramat, Jalan Damai dan Jalan Aman bagi pembangunan masa hadapan; dan 4. Menggalakkan pembangunan mendiami berkualiti selaras dengan karakter Jalan Ampang.
6. KL METROPOLIS 	1. Mengukuhkan KL Metropolis yang merupakan pusat M.I.C.E dengan cadangan stesen transit MRT Laluan Lingkaran (MRT3) di kawasan tersebut; dan 2. Meningkatkan kesalinghubungan antara kawasan pembangunan KL Metropolis dan Kompleks Jalan Duta dengan kawasan pembangunan semula di bahagian utara yang terdiri daripada Tan Chong Motor, Goh Ban Huat dan *Federal Cable*, melalui jejantas pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang melintasi Sungai Keroh.
7. MALURI 	1. Memperkukuhkan kawasan lapang di stesen MRT Cochrane sebagai kawasan lapang utama untuk pusat pertumbuhan Maluri; 2. Mempertingkat ruang hijau dengan mengenal pasti kaedah bersesuaian seperti penggunaan ruang di bawah rentis dan rezab terowong SMART; 3. Mempertingkatkan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta *first and last mile* dari stesen MRT Cochrane dengan Sunway Velocity dan MyTown atau IKEA; dan 4. Menjadikan Jalan Shelley sebagai mesra pejalan kaki dengan saiz jalan yang bersesuaian untuk kegunaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta dibarisi pokok teduhan bagi menghubungkan Sunway Velocity dengan MyTown atau IKEA.



Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
2. PUSAT PERTUMBUHAN SOKONGAN	
8. PUSAT BANDAR DAMANSARA 	1. Menambah baik laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti ke stesen MRT Pusat Bandar Damansara dan stesen MRT Semantan; 2. Menetapkan sebahagian kawasan yang terletak dalam kawasan kawalan ketinggian Istana Negara hendaklah mematuhi ketetapan ketinggian yang ditetapkan; 3. Memperkukuhkan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti bagi *first and last mile* untuk menghubungkan kawasan kediaman di sekeliling Pusat Bandar Damansara ke stesen MRT Pusat Bandar Damansara; 4. Mencadangkan Jalan Damansara sebagai mesra pejalan kaki dengan saiz jalan yang bersesuaian untuk kegunaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dibarisi pokok teduhan; dan 5. Mencadangkan penambahbaikan, penyusunan semula dan reka bentuk bandar yang mengambil kira konsep *off-street cafe* atau *al fresco* di kawasan yang bersesuaian.
9. SENTUL 	1. Meningkatkan kadar daya huni kawasan untuk setiap lapisan masyarakat melalui penyediaan perumahan yang berkualiti; 2. Menggalakkan penggunaan kawasan lapang milik persendirian sebagai kawasan lapang awam bagi aktiviti sosial penduduk setempat dan kawasan sekitar; 3. Memperkukuhkan kawasan lapang di sekitar kawasan pusat pertumbuhan; 4. Mencadangkan penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang menghubungkan stesen MRT Sentul West, stesen MRT Sentul Timur dan stesen KTM Sentul dalam menjadikan kawasan ini mudah di akses oleh pengguna pejalan kaki; dan 5. Memberi tumpuan kepada aktiviti perniagaan yang menjana peluang pekerjaan yang bernilai tinggi.
10. SRI HARTAMAS 	1. Mencadangkan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dari stesen MRT Sri Hartamas ke Jalan Sri Hartamas 1 dan cadangan stesen MRT Mont Kiara ke Jalan Kiara 4; 2. Mencadangkan Jalan Sri Hartamas 1 dan Kiara 4 sebagai mesra pejalan kaki dengan saiz yang bersesuaian untuk kegunaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobilti serta dibarisi pokok teduhan bagi mewujudkan kesalinghubungan antara kawasan kediaman dan perdagangan; 3. Memperkukuhkan kawasan lapang di sekitar pusat pertumbuhan sokongan Sri Hartamas; dan 4. Mengenal pasti kaedah terbaik terhadap pengurusan tempat letak kenderaan di kawasan Sri Hartamas.




Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
3. PUSAT PERTUMBUHAN DAERAH	
1. BANDAR MENJALARA 	1. Meningkatkan kemudahsampaian melalui rangkaian penghubung taman yang menghubungkan Taman Tasik Menjalara dan Taman Utama Desa Park City dengan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang bersesuaian; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Bandar Menjalara ke stesen MRT Sri Damansara Sentral; 3. Memberi penekanan terhadap kawalan karakter teres perdagangan di kawasan Bandar Menjalara selaras dengan infrastruktur jalan raya dan tempat letak kereta yang terhad; dan 4. Memperkukuhkan infrastruktur jalan raya dan tempat letak kenderaan di kawasan perdagangan Bandar Menjalara.
2. BANDAR SRI PERMAISURI 	1. Menggalakkan pembangunan perdagangan dan rekreasi yang mengutamakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti ke perkhidmatan stesen transit; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Bandar Sri Permaisuri ke stesen KTM Salak Selatan; 3. Mencadangkan Kolam Tadahan Sri Johor sebagai kawasan rekreasi terbuka yang boleh digunakan oleh orang awam; 4. Meningkatkan kemudahsampaian melalui rangkaian penghubung taman yang menghubungkan Bandar Sri Permaisuri dengan Taman Tasik Permaisuri dan Kolam Takungan Banjir Sri Johor; dan 5. Memastikan pembangunan baharu turut menyediakan kawasan lapang terbuka yang boleh digunakan oleh orang awam.
3. BANDAR TASIK SELATAN 	1. Mengenal pasti aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan fungsi kawasan perdagangan Bandar Tasik Selatan sebagai pusat pertumbuhan daerah; 2. Memperkukuhkan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti bagi *first and last mile* yang menghubungkan kawasan perdagangan Bandar Tasik Selatan dan kediaman dengan Terminal Bersepadu Bandar Tasik Selatan (TBS); dan 3. Mencadangkan kolam tadahan di belakang Terminal Bersepadu Selatan (TBS) sebagai kawasan rekreasi terbuka yang boleh digunakan oleh orang awam.


Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
3. PUSAT PERTUMBUHAN DAERAH	
4. BUKIT INDAH (KLANG LAMA) 	1. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dari kawasan perdagangan Bukit Indah ke stesen KTM Petaling dan cadangan MRT3; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan perdagangan Bukit Indah ke stesen KTM Petaling; 3. Mencadangkan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dari kawasan perdagangan Bukit Indah ke Pantai Eco Park melintasi Sungai Klang; 4. Melaksanakan cadangan jajaran tambahan RoL 1 di sepanjang kawasan perdagangan Bukit Indah yang menghadap Sungai Klang; dan 5. Menaik taraf ruang landskap Jalan Klang Lama di kawasan pusat pertumbuhan Bukit Indah bagi mempertingkatkan imej dan identiti kawasan tersebut.
5. BUKIT JALIL DAN TAMAN SRI ENDAH 	1. Menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobilti ke stesen LRT Bukit Jalil dan stesen LRT Sri Petaling di pembangunan baharu; 2. Meningkatkan kesalinghubungan antara kawasan perdagangan Endah Parade, Bukit Komanwel, stesen LRT Sri Petaling dan stesen LRT Bukit Jalil; 3. Memastikan persekitaran tasik sedia ada dibangunkan sebagai kawasan rekreasi serta diintegrasikan dengan Sungai Midah dan Kompleks Sukan Bukit Jalil; 4. Memanfaatkan Sungai Kuyoh sebagai kawasan lapang dan menjadi salah satu elemen utama perancangan dan reka bentuk bandar kawasan; dan 5. Mengenal pasti aktiviti yang bersesuaian bagi menjana aktiviti perdagangan yang aktif.
6. PAVILION BUKIT JALIL 	1. Menghubungkan kawasan Pavilion Bukit Jalil dengan stesen LRT melalui perkhidmatan bas perantara dan penggunaan mod mobiliti aktif yang selesa; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Pavillion Bukit Jalil ke stesen LRT Muhibbah dan stesen LRT Awan Besar; dan 3. Menambah baik tempat letak kereta hentian dan jalan LRT Awan Besar dengan tempat letak kereta bertingkat bagi menggalakkan penggunaan LRT di kawasan ini.



Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
3. PUSAT PERTUMBUHAN DAERAH	
7. KEPONG 	1. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti ke stesen MRT Kepong Baru dan stesen MRT Metro Prima bagi pembangunan baharu; 2. Mengukuhkan laluan pejalan kaki sedia ada dengan tanaman teduhan yang meningkatkan keselesaan pejalan kaki di Jalan Kepong dan sekitarnya; 3. Mencadangkan penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang bersalinghubungan seperti yang telah dilakukan di Sentul East dalam menjadikan kawasan ini mudah di akses oleh pengguna pejalan kaki dengan litupan kanopi yang baik; dan 4. Mencadangkan pembangunan baharu berkonsepkan *Urban Block* pada tapak pembangunan semula dan pembangunan baharu bagi memastikan reka bentuk di kawasan pusat pertumbuhan Kepong lebih terancang.
8. PENCHALA 	1. Menggalakkan pembangunan perdagangan yang bersesuaian dengan aktiviti, karakter dan intensiti di Mutiara Damansara; 2. Mencadangkan kaedah cantuman lot dengan penekanan terhadap penyediaan infrastruktur dan kemudahan masyarakat bersesuaian dengan konsep pembangunan yang dicadangkan; 3. Memastikan aktiviti di pusat pertumbuhan Penchala menyokong intensiti sederhana dan tinggi bagi keseluruhan Rezab Melayu Penchala dan Rezab Melayu Segambut; 4. Memastikan pembangunan baharu mengambil kira keadaan topografi semasa dan persekitaran fizikal; 5. Menekankan kepentingan penjagaan latar langit Sungai Penchala dari aras lebuh raya yang perlu di kawal dari segi ketinggian; dan 6. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan pusat pertumbuhan ke stesen MRT Laluan Lingkaran (MRT3) dan stesen MRT Mutiara Damansara.
9. TAMAN MELATI DAN KL EAST 	1. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa bagi menghubungkan pembangunan utama seperti KL East, Platinum Hill dan pusat perdagangan sekitar Terminal Bersepadu Gombak dan stesen LRT Melati; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Taman Melati ke stesen LRT Taman Melati; 3. Menjadikan Jalan Melati 4 dan persekitaran sebagai mesra pejalan kaki dengan saiz yang bersesuaian untuk kegunaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta dibarisi pokok teduhan; dan 4. Menggalakkan aktiviti perkhidmatan dan kemudahan setempat.


Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
3. PUSAT PERTUMBUHAN DAERAH	
10. WANGSA MAJU 	1. Meningkatkan kadar daya huni kawasan untuk setiap lapisan masyarakat melalui penyediaan perumahan yang berkualiti terutamanya bagi kawasan yang terletak di sekitar 400 meter dari stesen LRT; 2. Menggalakkan pembangunan perdagangan bersesuaian dengan aktiviti karakter dan intensiti selaras dalam menyokong Wangsa Maju sebagai Pusat Pertumbuhan Daerah Karbon Neutral; 3. Mengenal pasti kaedah terbaik terhadap pengurusan tempat letak kenderaan di kawasan Wangsa Maju; 4. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa yang menghubungkan kawasan Wangsa Maju dengan stesen LRT Sri Rampai; dan 5. Memperkukuhkan fungsi kawasan lapang disekitar Wangsa Maju.
11. TAMAN SEGAR 	1. Menyelaraskan intensiti yang ditetapkan bagi Taman Segar dengan kemudahan infrastruktur seperti tempat letak kereta dan juga kemudahan mobiliti aktif ke stesen pengangkutan awam; 2. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selesa dan selamat di sekitar kawasan perdagangan Taman Segar ke stesen MRT Taman Mutiara; 3. Memberi penekanan terhadap kawalan karakter teres perdagangan di kawasan Taman Segar selaras dengan infrastruktur jalan raya dan tempat letak kereta yang terhad; 4. Mengenal pasti kaedah terbaik terhadap pengurusan tempat letak kenderaan di sekitar Taman Segar; 5. Memperkukuhkan fungsi kawasan lapang di sekitar Taman Segar; dan 6. Menambah baik aksesibiliti ke kemudahan masyarakat setempat.
4. PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN	
1. JINJANG SELATAN 	1. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa bagi menghubungkan kawasan Jinjang Selatan ke stesen MRT Jinjang dan stesen KTM Segambut dalam menjadikan kawasan ini mudah diakses oleh pengguna pejalan kaki dengan litupan kanopi yang baik; 2. Mengenal pasti aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan fungsi kawasan perdagangan Jinjang Selatan sebagai pusat pertumbuhan tempatan; 3. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Jinjang Selatan ke stesen MRT Jinjang dan stesen KTM Segambut; dan 4. Memastikan penyediaan kawasan lapang yang mencukupi selaras dengan keperluan perancangan.



Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
4. PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN	
2. KUCHAI LAMA 	1. Menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti daripada Kuchai Entrepreneurs Park ke stesen pengangkutan awam di pembangunan baharu dalam menjadikan kawasan ini mudah di akses oleh pengguna pejalan kaki dengan litupan kanopi yang baik; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Kuchai Lama ke cadangan stesen MRT Kuchai; 3. Mengenal pasti aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan fungsi kawasan Kuchai Lama sebagai pusat pertumbuhan tempatan; 4. Memberi penekanan terhadap kawalan karakter teres perdagangan di kawasan Kuchai Lama selaras dengan insfrastruktur jalan raya dan tempat letak kereta yang terhad; dan 5. Memastikan penyediaan kawasan lapang yang mencukupi selaras dengan keperluan perancangan.
3. TAMAN CONNAUGHT 	1. Menyediakan kemudahan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dengan litupan kanopi yang baik dari Taman Connaught ke Stesen MRT Taman Connaught; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Taman Connaught ke stesen MRT Taman Connaught; dan 3. Menjana semula kawasan perdagangan Taman Connaught dengan aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan fungsi kawasan Taman Connaught sebagai pusat pertumbuhan tempatan.
4. TAMAN TUN DR ISMAIL 	1. Mengukuhkan reka bentuk bandar yang melibatkan penambahbaikan landskap dan perabot jalan di kawasan perdagangan Taman Tun Dr. Ismail; 2. Mengekalkan dan mengukuhkan imej dan fungsi Pasar TTDI sebagai kawasan perdagangan melalui pengukuhan reka bentuk bandar kawasan sekitar; 3. Menambah baik pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dari Pusat Pertumbuhan Tempatan, kawasan kediaman sekitar dan Taman Rekreasi Rimba Kiara TTDI ke stesen MRT TTDI dalam menjadikan kawasan ini mudah di akses oleh pengguna pejalan kaki dengan litupan kanopi yang baik; 4. Memberi penekanan terhadap kawasan karakter teres perdagangan di kawasan Taman Tun Dr. Ismail selaras dengan infrastruktur jalan raya dan tempat letak kereta yang terhad; dan 5. Mengenal pasti aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan fungsi kawasan Taman Tun Dr. Ismail sebagai pusat pertumbuhan tempatan.

Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
4. PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN	
5. DANAU KOTA 	1. Menambah baik laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dari Pusat Pertumbuhan Danau Kota ke stesen LRT Wangsa Maju dan cadangan stesen MRT melalui Jalan Genting – Klang, Jalan Kilang dan Jalan 3/27a untuk menjadikan kawasan ini mudah di akses oleh pengguna pejalan kaki dengan litupan kanopi yang baik; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan Danau Kota ke cadangan stesen MRT dan LRT Wangsa Maju; 3. Memperkukuhkan aktiviti perdagangan disekitar pusat pertumbuhan tempatan Danau Kota dengan menggalakkan aktiviti perdagangan yang berorientasikan pemandangan tasik; dan 4. Menambah elemen landskap hijau di sepanjang jalan utama bagi meningkatkan imej dan identiti pusat pertumbuhan tempatan.
6. JINJANG 	1. Mengekalkan dan mengukuhkan imej dan fungsi Pasar Jinjang Utara dan Pasar Jinjang Selatan sebagai kawasan perdagangan melalui pengukuhan reka bentuk rumah kedai; 2. Menambah baik laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti dari pusat tempatan Jinjang ke stesen MRT Jinjang dan stesen MRT Sri Delima Wangsa Maju dan cadangan stesen MRT untuk menjadikan kawasan ini mudah di akses oleh pengguna pejalan kaki dengan litupan kanopi yang baik; 3. Menambah elemen landskap hijau di sepanjang jalan utama bagi meningkatkan imej dan identiti pusat pertumbuhan tempatan Jinjang; dan 4. Mengenal pasti kaedah terbaik terhadap pengurusan tempat letak kenderaan di Jinjang.
7. KLANG LAMA 	1. Menambah baik kesalinghubungan kawasan kejiranan sekitar dalam radius 400 meter sehingga 800 meter ke Pusat Pertumbuhan Tempatan Klang Lama; 2. Menambah baik laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selesa dengan kanopi tumbuhan hijau sekitar pusat tempatan, dan jaringan ke kawasan sekitar kejiranan dan kemudahan awam sekitar; 3. Memperindah Sungai Klang sebagai elemen dan kawasan lapang penting dalam perancangan dan reka bentuk kawasan terutamanya dari segi akses dan *river frontage*; dan 4. Menyusun atur semula dan merancang secara menyeluruh teres perdagangan dan perdagangan di sepanjang jalan (*on-street*) dengan kemudahan penyediaan tempat letak kereta.


Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
4. PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN	
8. PEKAN SUNGAI BESI 	1. Mengekalkan imej serta fungsi Pekan Sungai Besi sebagai kawasan perdagangan melalui pengukuhan reka bentuk bandar dan penekanan terhadap kawalan karakter teres perdagangan; 2. Menambah baik laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selesa dengan kanopi tumbuhan hijau sekitar pusat perdagangan ke stesen MRT Sungai Besi; 3. Mencadangkan penambahbaikan kesalinghubungan dari kawasan Pangsapuri Permai ke stesen MRT Sungai Besi dan seterusnya ke Pekan Sungai Besi; 4. Menaik taraf kawasan lapang sedia ada di pusat perdagangan Lakefields dengan elemen landskap hijau, perabot bandar dan pencahayaan bagi meningkatkan tahap penggunaannya; dan 5. Memperkukuhkan infrastruktur jalan raya dan menyusun atur semula secara menyeluruh peletakan TLK di sepanjang bahu jalan (*on-street parking*) di kawasan pusat pertumbuhan Pekan Sungai Besi.
9. SELAYANG 	1. Meningkatkan kesalinghubungan Pasar Borong Selayang dengan Pasar Selayang melalui penambahbaikan penyediaan bas perantara di sekitar kawasan pusat pertumbuhan tempatan; 2. Meningkatkan kualiti laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang menghubungkan kawasan Pasar Borong Selayang ke stesen bas Taman Sri Selayang khususnya dalam aspek keselamatan bagi menjadikan kawasan ini mudah diakses oleh pengguna pejalan kaki serta pengguna pengangkutan awam; 3. Menyusun atur semula secara menyeluruh peletakan *on-street parking* di kawasan Pasar Borong Selayang bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak; dan 4. Mengukuhkan imej dan fungsi kawasan Pasar Selayang sebagai kawasan perdagangan melalui penambahbaikan bangunan kedai serta penstrukturan semula lot-lot kedai mengikut sektor seperti perbankan, peruncitan, telekomunikasi dan lain-lain.
10. SETIAWANGSA 	1. Mengekalkan imej kanopi hijau sedia ada dan menambah elemen landskap hijau di sepanjang Jalan Taman Setiawangsa bagi meningkatkan imej dan identiti pusat pertumbuhan tempatan; 2. Menambah baik jaringan laluan pejalan kaki serta kenderaan mikromobiliti dengan litupan kanopi di sekitar pusat pertumbuhan Setiawangsa ke stesen LRT Setiawangsa; 3. Menaik taraf laluan pejalan kaki dari Apartment Mahsuri ke Jalan Setiawangsa 1 kepada laluan pejalan kaki berbumbung; 4. Mencadangkan tambahan jajaran laluan pejalan kaki berbumbung dari persimpangan Jalan Setiawangsa 13 dan Jalan Setiawangsa 1 sehingga ke Persimpangan Jalan Taman Setiawangsa; 5. Memperkukuhkan kawasan lapang di sekitar pusat pertumbuhan Setiawangsa; dan 6. Mengenal pasti kaedah terbaik terhadap pengurusan tempat letak kenderaan terutamanya di kawasan perdagangan Setiawangsa.

Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
4. PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN	
11. SRI PETALING 	1. Menggalakkan penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan sekitar perdagangan Sri Petaling dengan stesen LRT Sri Petaling dan stesen LRT Bukit Jalil; 2. Menyediakan satu kawasan lapang berpusat dalam kawasan perdagangan pusat pertumbuhan tempatan; 3. Mempertingkatkan ruang hijau melalui kaedah bersesuaian seperti menggalakkan tanaman hijau secara vertikal atau di atas bumbung bagi memenuhi keperluan kawasan lapang dalam kawasan perdagangan di pusat pertumbuhan Sri Petaling; 4. Menambah baik rangkaian laluan pejalan kaki serta kenderaan mikromobiliti yang menghubungkan kawasan perdagangan ke kawasan kemudahan awam dan kawasan kejiranan; dan 5. Mewujudkan tempat letak kenderaan secara bertingkat dengan kemudahan komuniti serta elemen landskap dan litupan kanopi di sekitar pusat tempat letak kenderaan tersebut.
12. TAMAN MASTIARA 	1. Memperkukuhkan aktiviti perdagangan disekitar Taman Mastiara melalui penggalakan aktiviti perdagangan yang bersesuaian bagi meningkatkan fungsi kawasan Taman Mastiara sebagai pusat pertumbuhan tempatan; 2. Meningkatkan kesalinghubungan khususnya bagi aktiviti kediaman dan kemudahan mendiami ke stesen KTM Taman Wahyu, stesen KTM Kampung Batu dan stesen MRT Kampung Batu melalui penambahbaikan laluan pejalan kaki berbumbung serta kenderaan mikromobiliti yang diintegrasikan dengan elemen landskap hijau; dan 3. Memberi penekanan terhadap penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan pusat pertumbuhan Taman Mastiara ke stesen KTM Taman Wahyu, stesen KTM Kampung Batu dan stesen MRT Kampung Batu.
13. TAMAN MIDAH 	1. Menambah baik kesalinghubungan kawasan kejiranan sekitar ke pusat pertumbuhan Taman Midah melalui penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa; 2. Merancang semula reka bentuk Jalan Midah Besar dan menjadikannya sebagai *boulevard* tempatan yang mesra pejalan kaki dengan saiz jalan bersesuaian untuk kegunaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti bagi menghubungkan kawasan perumahan dengan kawasan perdagangan Taman Midah; 3. Menambah elemen landskap hijau di sepanjang Jalan Midah Besar bagi meningkatkan imej dan identiti pusat pertumbuhan tempatan; 4. Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selesa serta dibarisi pokok teduhan dalam menghubungkan kawasan Taman Midah ke stesen MRT Taman Midah bagi menjadikan kawasan ini mudah diakses oleh pengguna pejalan kaki; dan 5. Menyusun atur semula dan merancang secara menyeluruh peletakan kenderaan di sepanjang jalan (*on-street*) dengan kemudahan penyediaan tempat letak kereta yang teratur.

Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
4. PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN	
14. TAMAN SRI SINAR 	1. Menghubungkan pusat pertumbuhan tempatan Taman Sri Sinar dengan pusat membeli belah United Point melalui penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa; 2. Meningkatkan kesalinghubungan pusat pertumbuhan tempatan Taman Sri Sinar ke stesen KTM Segambut melalui penyediaan pengangkutan perantara dan cadangan stesen MRT Taman Sri Sinar melalui penambahbaikan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti; dan 3. Menjadikan sepanjang Jalan 8/38d dan 9/38d sehingga ke Taman Sri Sinar sebagai laluan hijau serta mesra pejalan kaki dengan saiz yang bersesuaian untuk kegunaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti serta dibarisi pokok teduhan yang baik bagi mempertingkatkan imej dan identiti kawasan tersebut.
15. ALAM DAMAI 	1. Menambah baik kemudahsampaian pusat pertumbuhan tempatan Alam Damai ke Surau As-Sobirin, Masjid Al-Mukhlisin dan kawasan perumahan di sekitarnya melalui penyediaan laluan pejalan kaki serta kenderaan mikromobiliti dengan tanaman teduhan kanopi yang baik; 2. Meningkatkan kesalinghubungan dari kawasan perdagangan Alam Damai ke Taman Rekreasi Alam Damai melalui rangkaian penghubung taman; 3. Mempertingkatkan ruang hijau di dalam pusat pertumbuhan Alam Damai melalui kaedah bersesuaian seperti mengintegrasikan kawasan tempat letak kenderaan dengan elemen landskap hijau dan memastikan penyediaan kawasan lapang adalah mencukupi selaras keperluan perancangan; dan 4. Memastikan penyediaan tempat letak kenderaan yang mencukupi bagi menampung beban pembangunan akan datang dari dalam dan luar pusat pertumbuhan.
16. GOMBAK 	1. Meningkatkan kesalinghubungan dalam pusat pertumbuhan tempatan Gombak melalui penambahbaikan Jalan Gombak dengan menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung dan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa ke stesen transit bas; 2. Menekankan pembangunan perdagangan baharu dengan konsep reka bentuk yang menggalakkan aktiviti pada aras jalan (*active street frontage*); 3. Menjana semula kawasan perdagangan Gombak dengan aktiviti yang bersesuaian untuk meningkatkan fungsi kawasan Gombak sebagai pusat pertumbuhan tempatan; 4. Menambah tanaman kanopi hijau di sepanjang Jalan Gombak bagi meningkatkan imej dan identiti pusat pertumbuhan tempatan; dan 5. Mewujudkan kawasan lapang dan meningkatkan ruang hijau dalam pusat pertumbuhan melalui kaedah yang bersesuaian seperti mengintegrasikan kawasan tempat letak kenderaan dengan elemen landskap hijau.

Jadual 6.2.2:
Perancangan pembangunan dalam hierarki pusat pertumbuhan di Kuala Lumpur (sambungan)

Lokasi	Inisiatif Khusus
4. PUSAT PERTUMBUHAN TEMPATAN	
17. DESA PETALING 	1. Menambah baik kesalinghubungan kawasan kejiranan sekitar ke pusat pertumbuhan tempatan Desa Petaling terutamanya Jalan 2/125 melalui penyediaan laluan pejalan kaki bersama landskap teduhan dan laluan kenderaan mikromobiliti yang selamat dan selesa; 2. Memberi penekanan kepada penggunaan bas perantara yang menghubungkan kawasan perdagangan Desa Petaling dengan stesen MRT Taman Naga Emas dan Terminal Stesen Bersepadu Bandar Tasik Selatan; 3. Mewujudkan kawasan lapang berpusat dalam cadangan pembangunan baharu bagi meningkatkan imej pusat pertumbuhan Desa Petaling; dan 4. Mengenal pasti kaedah terbaik terhadap pengurusan tempat letak kenderaan di kawasan Desa Petaling.



Lokasi: Jalan Bukit Bintang
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/f11photo*

Bukit Bintang merupakan salah satu daripada pusat pertumbuhan utama di Kuala Lumpur.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-3: MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN SECARA *INFILL*

SENARIO PEMBANGUNAN *INFILL* DI KUALA LUMPUR

Pembangunan yang semakin rancak akan sering dikaitkan dengan ketersediaan tanah untuk menampung pembangunan di masa hadapan. Konsep pembangunan secara *infill* adalah alternatif terbaik dalam meningkatkan penggunaan tanah secara optimum dan efisien di Kuala Lumpur.

Ia dapat meminimumkan tekanan pembangunan kawasan baharu atau isu pengurangan kawasan lapang. Pembangunan infrastruktur seperti sistem transit dan jalan raya yang telah dinaiktaraf menjadikan sesebuah kawasan berpotensi untuk dibangunkan secara pembangunan *infill* selari dengan kepesatan pertumbuhan pembangunan Kuala Lumpur.

Pembangunan secara *infill* dapat mengaktifkan kawasan dan meningkatkan penggunaan ruang bandar yang lebih efektif. Ia memastikan sumber tanah yang cekap bagi pertumbuhan bandar yang pintar, menggalakkan interaksi sosial, meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran fizikal. Pembangunan secara *infill* juga dilihat dapat menyediakan kemudahan baharu mengikut keperluan masyarakat setempat.

PSKL2040 telah mengenal pasti terdapat dua (2) jenis pembangunan secara *infill* yang ketara bagi Kuala Lumpur seperti berikut:

1. *Infill* kawasan petak kediaman di kawasan kediaman stabil; dan
2. *Infill* di kawasan perdagangan atau industri.

Kriteria tapak bagi pembangunan secara *infill* adalah seperti berikut:

1. Merupakan lot tanah kosong atau lot tanah dengan kegunaan semasa yang kurang ekonomik;
2. Memastikan ia terletak dalam kawasan tepu bina sedia ada, kawasan pusat bandar, pusat pertumbuhan dan kawasan pembaharuan semula; dan
3. Mempunyai infrastruktur, utiliti dan kemudahan awam sedia ada yang baik.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, satu (1) Cadangan Pelaksanaan dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 6-3 seperti Rajah 6.3.1.

INFO RINGKAS

KEBAIKAN PEMBANGUNAN *INFILL*

1. Meningkatkan penggunaan tanah kawasan tepu bina yang lebih optimum dan efisien;
2. Mengurangkan tekanan pembangunan kawasan baharu dan isu pengurangan kawasan lapang;
3. Menjana aktiviti dan kegunaan yang mengaktifkan semula kawasan;
4. Menggunakan ruang bandar yang efektif, menggalakkan interaksi sosial dan menyediakan peluang kemudahan baharu mengikut keperluan masyarakat tempatan;
5. Menambah penduduk dan ketersediaan kediaman mampu milik dalam bandar; dan
6. Mempelbagaikan guna tanah dalam kawasan bandar.

Rajah 6.3.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-3

SP 6-3	MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN SECARA *INFILL*
CP 6-3.1	Pembangunan Secara *Infill* Mengikut Komponen Pembangunan

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-3.1: PENGAWALAN PEMBANGUNAN SECARA *INFILL*

Pembangunan *infill* merujuk kepada pembangunan tanah kosong atau tapak dengan kegunaan tanah yang kurang optimum dalam pelbagai skala pembangunan di kawasan tepu bina sedia ada. Ia bertujuan untuk meningkatkan imej dan nilai sesebuah tanah serta kawasan disekelilingnya.


Pelaksanaannya perlu mengambil kira beberapa prinsip kawalan pembangunan bagi memastikan keharmonian pembangunan baharu dengan imej, identiti, fungsi dan keadaan semasa kawasan sekitarnya. Pelaksanaan pembangunan secara *infill* juga perlu merujuk kepada Dasar Perbandaran Negara ke 2 (DPN2) dan PSKL2040.

Tujuan pengawalan pembangunan secara *infill* adalah untuk memastikan ia mengikut prinsip asas perancangan seperti berikut:

1. Menggalakkan pembangunan yang harmoni dengan skala dan fungsi pembangunan sekitar kawasan berpotensi;
2. Mempunyai kesinambungan yang baik dengan infrastruktur sedia ada seperti sistem pengangkutan, pejalan kaki dan kawasan lapang;
3. Menggalakkan pembangunan *Compact City*, *Smart Growth* dan Bangunan Hijau;
4. Memastikan reka bentuk bandar yang berkualiti; dan
5. Memastikan tapak insfrastruktur atau utiliti yang telah diberi milik bagi tujuan pembangunan masih mengekalkan fungsi semasa infrastruktur atau utiliti tersebut.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti tapak atau tanah tidak dibangunkan (tanah kosong) yang terletak dalam pusat bandar, zon perdagangan primer, kawasan pembaharuan semula dan sempadan pusat pertumbuhan bandar yang berpotensi dibangunkan secara pembangunan *infill* seperti dalam Rajah 6.3.1.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-3.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-3.1A

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN SECARA INFILL PUSAT BANDAR DAN PUSAT PERDAGANGAN

Pembangunan secara *infill* kawasan pusat bandar raya dan pusat perdagangan memfokus kepada kawasan, tapak atau tapak kosong yang terletak dalam Pusat Bandar, Zon Perdagangan Primer, kawasan penjanaan semula dan tapak dalam sempadan pusat pertumbuhan bandar.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini memerlukan pemilihan kawasan atau tapak berdasarkan kepada ciri-ciri berikut:

1. Kawasan tanah kosong;
2. Kawasan tapak di antara bangunan;
3. Kawasan tanah terbengkalai yang tersedia dengan pembangunan yang kurang ekonomik;
4. Kawasan tapak bangunan gudang lama di kawasan industri atau yang telah di zon sebagai perdagangan;
5. Kawasan tapak *hypermarket* berasingan;
6. Kawasan tempat letak kereta terbuka;
7. Kawasan tapak kedai kosong atau rumah kedai lama;
8. Kawasan tapak atau bangunan industri yang terbengkalai, tidak produktif dan tidak beroperasi;
9. Kawasan tapak pam minyak lama; dan
10. Kawasan tapak utiliti yang tidak lagi aktif digunakan.



Lokasi: ST Rosyam Mart Hypermarket

Bangunan ST Rosyam Mart sebagai tapak *hypermarket* berasingan yang berpotensi dijadikan tapak bagi pembangunan *infill*.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-3.1B

MENGAWAL PEMBANGUNAN SECARA *INFILL* DI KAWASAN TEPU BINA SEDIA ADA

Pembangunan secara *infill* dapat memberi penekanan kepada pembangunan perbandaran dalam kawasan bandar sedia ada khususnya dalam kawasan *Greater* Kuala Lumpur.

Kawalan pembangunan secara *infill* perlu dilaksanakan terutamanya bagi kawasan tepu bina, kawasan *brownfield* dan kawasan baharu *greenfield*.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif pembangunan secara *infill* di kawasan tepu bina adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kawasan utama pembangunan secara *infill*;
2. Mewujudkan satu (1) pelan induk perancangan pembangunan secara *infill*;
3. Menetapkan guna tanah pembangunan bercampur, ketinggian dan intensiti pembangunan secara *infill* yang mampan;
4. Mempelbagaikan aktiviti kelas kegunaan tanah dan memastikan ia tidak mendatangkan kacau ganggu seperti campuran aktiviti kediaman, perdagangan, budaya, rekreasi, institusi dan perindustrian moden;
5. Menyediakan garis panduan reka bentuk dan pembangunan secara *infill*;
6. Menggalakkan penyediaan reruang awam yang berkualiti dalam pusat bandar raya dan pusat perdagangan yang bersesuaian bagi pembangunan secara *infill* seperti penyediaan plaza, taman rekreasi dan ruang budaya;
7. Menaik taraf infrastruktur dan utiliti sedia ada bagi menyokong keperluan pembangunan *infill*;
8. Meningkatkan kemudahan pengangkutan termasuklah laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
9. Memastikan keharmonian skala bangunan dan fungsi kawasan sekitar dipelihara;
10. Mempromosi pembangunan secara *infill* melalui khidmat nasihat perancangan; dan
11. Melibatkan komuniti sedia ada dalam proses pembangunan *infill*.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-4: MENGUKUHKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA MELALUI KONSEP BANDAR MAMPAN

SENARIO PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur masih mempunyai kawasan lama, usang dan yang tidak sesuai di diami serta tidak lagi kondusif terutamanya kediaman kos rendah yang telah dibina seawal 1970an. Ini menyebabkan kemerosotan dari aspek karakter dan fabrik bandar serta memberi kesan kepada imej dan identiti Kuala Lumpur.

Kemerosatan yang dialami melibatkan kualiti bangunan dan persekitaran serta kapasiti infrastruktur dan kemudahan masyarakat yang tidak memenuhi keperluan penduduk semasa. Senario ini memberi gambaran terdapat kawasan di Kuala Lumpur terutamanya kawasan perumahan awam sedia ada berpotensi untuk dibangunkan semula. Pembangunan semula yang telah siap dibina dan sedang dalam pembinaan seperti Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), KL Sentral, Bangsar South, Mid Valley, Merdeka 118, Perumahan Awam Razak Mansion dan Kuarters Kerajaan di Jalan Cochrane. Trend pembangunan semula ini merupakan antara pendekatan terbaik dalam mengoptimumkan penggunaan tanah yang terhad di Kuala Lumpur.

Peluasan rangkaian rel juga turut mendorong pembangunan semula tapak kediaman, perdagangan dan industri berhampiran stesen transit yang turut disokong dengan penyediaan kemudahan dan keperluan penduduk yang lebih baik. Perkembangan ini akan menggalakkan pembangunan semula di sekitar stesen transit dan di kawasan luar Pusat Bandar selaras dengan pembinaan perkhidmatan MRT Laluan Putrajaya dan cadangan MRT Laluan Lingkaran (MRT *Circle Line*).

Pembangunan semula ini adalah untuk memastikan kesinambungan pembangunan dapat dilaksanakan walaupun dengan keluasan tanah yang terhad. Ia juga dapat menyokong aspirasi Kuala Lumpur ke arah pembangunan mampan dan bersepadu.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 6-4 seperti Rajah 6.4.1.

INFO RINGKAS

TAFSIRAN PEMBANGUNAN SEMULA

Pembangunan baharu di tapak atau kawasan sedia ada yang melibatkan perubahan keseluruhan atau sebahagian besar kawasan daripada susun atur, struktur, fungsi atau aktiviti bangunan atau kawasan.

2 Kategori :
1. Pembangunan Semula
2. Penjanaan Semula

FAEDAH PEMBANGUNAN SEMULA

1. Meningkatkan kualiti persekitaran yang memberi peluang pelaburan serta pengurusan tanah yang lebih bersepadu untuk masa hadapan;
2. Merancang pembangunan melalui penyediaan kemudahan masyarakat, ruang awam, kawasan lapang dan infrastruktur yang lebih efisien;
3. Meningkatkan nilai tanah melalui pembentukan kepelbagaian aktiviti yang lebih ekonomik;
4. Meningkatkan kualiti hidup dan ekonomi penduduk di Kuala Lumpur; dan
5. Menyediakan perumahan yang diperlukan dan menawar pelbagai aktiviti bercampur bagi menyokong keperluan penduduk di masa hadapan.

Sumber: Olahan dari Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar

Rajah 6.4.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-4

SP 6-4 MENGUKUHKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA MELALUI KONSEP BANDAR MAMPAN

CP 6-4.1 Pembangunan Semula Kawasan Atau Bangunan Yang Lama, Usang dan Terbiar

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-4.1: PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN ATAU BANGUNAN YANG LAMA, USANG DAN TERBIAR

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti sejumlah 139 tapak yang utama dan berpotensi untuk pembangunan semula. Insentif Pembangunan Semula juga layak dipertimbangkan sekiranya terdapat tapak lain yang memenuhi kriteria pembangunan semula.


Draf PTKL2040 turut mengenal pasti lapan (8) tapak insentif Pembangunan Semula Khusus yang telah dizonkan sebagai Zon Guna Tanah Kediaman 2 (R2) dan Zon Guna Tanah Kediaman 3 (R3) yang lazimnya berkeluasan kurang dari 10,000 kaki persegi. Tapak-tapak tersebut perlu mematuhi kriteria tertentu bagi melayakkan pemakaian zon guna tanah yang telah ditetapkan.

Prinsip pembangunan semula di Kuala Lumpur adalah seperti berikut :

1. Mengutamakan pembangunan semula tapak perumahan awam dan kawasan yang usang, lama atau terbiar dalam TPZ dan TIZ;
2. Memperolehi insentif perancangan dalam bentuk tambahan intensiti ke atas nisbah plot asas dalam Draf PTKL2040 bagi menggalakkan inisiatif pembangunan semula dari pihak swasta; dan
3. Memastikan pembangunan semula mematuhi kriteria yang mampu meningkatkan kualiti persekitaran, kualiti hidup penduduk, bandar rendah karbon dan bandar pintar.

Pembangunan semula akan dapat menampung keperluan tanah yang terhad di Kuala Lumpur selaras dengan pertambahan penduduk menjelang tahun 2040. Pelaksanaan pembangunan semula yang meliputi kawasan atau bangunan yang lama, usang dan terbiar juga dapat dilihat mampu meningkatkan kualiti serta imej Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon, Berdaya Tahan dan Inklusif.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui projek, polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-4.1.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-4.1A

MENAMBAH BAIK KRITERIA PEMILIHAN TAPAK-TAPAK PEMBANGUNAN SEMULA

Kriteria pemilihan tapak pembangunan adalah selaras dengan Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP). Dalam konteks pelaksanaan Draf PTKL2040, kriteria pemilihan tapak pembangunan semula telah dikemas kini dan di tambah baik bagi menampung keperluan tanah yang terhad di Kuala Lumpur menjelang tahun 2040.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini perlu mengambil kira aspek utama seperti berikut:

1. Mengenal pasti kawasan atau bangunan kediaman, perdagangan dan industri yang lama melebihi 30 tahun tidak termasuk Zon Guna Tanah Kediaman 1 (R1), Kediaman Stabil (EH) dan Perkampungan Tradisi 1 (TV1);
2. Mengenal pasti bangunan kediaman, perdagangan dan industri yang telah ditinggalkan melebihi sepuluh (10) tahun;
3. Mengenal pasti projek pembangunan terbengkalai yang telah disahkan oleh agensi atau jawatankuasa yang bertanggungjawab;
4. Mengenal pasti bangunan yang disahkan tidak selamat untuk diduduki oleh agensi yang bertanggungjawab;
5. Mengenal pasti kediaman yang tidak sesuai didiami dari segi fizikal dan sosial;
6. Mengenal pasti bangunan kompleks atau pusat perniagaan yang tidak berdaya maju;
7. Mengenal pasti kawasan bekas tapak pelupusan sisa pepejal dan kawasan bekas tapak loji rawatan kumbahan yang tidak lagi digunakan serta telah memenuhi tempoh masa pemulihan tapak;
8. Mengenal pasti bangunan dan tapak menara telekomunikasi yang tidak digunakan lagi;
9. Mengenal pasti kawasan institusi usang atau yang telah ditinggalkan;
10. Mengenal pasti kawasan bekas depoh atau stesen pengangkutan awam; dan
11. Mengenal pasti kawasan setinggan.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-4.1B

MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN SEMULA KE ATAS TAPAK-TAPAK YANG TELAH DIKENAL PASTI

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti 139 tapak di Kuala Lumpur untuk diberikan keutamaan sebagai kawasan pembangunan semula seperti Rajah 6.4.2. Majoriti tapak yang dikenal pasti ini melibatkan kawasan guna tanah kediaman, perdagangan, institusi, infrastruktur dan utiliti serta guna tanah yang lain. Terdapat 60 tapak pembangunan semula dalam Zon Guna Tanah Kediaman (R) dan 60 tapak pembangunan semula dalam kawasan TPZ dan TIZ.

Pembangunan semula kawasan kediaman umumnya memfokus kepada kawasan kediaman awam dan kediaman berbilang tingkat yang telah usang. Tapak insfrastruktur atau utiliti yang telah diberi milik bagi tujuan pembangunan semula perlu memastikan Pembangunan yang dilaksanakan masih mengekalkan fungsi semasa infrastruktur atau utiliti tersebut tertakluk kepada keperluan.

Kebanyakan tapak pembangunan semula kawasan kediaman awam dicadangkan klasifikasi guna tanah utama Pembangunan Bercampur (MX) yang dibangunkan keseluruhannya sebagai Pembangunan Bercampur (MX) bagi tujuan perdagangan atau Pembangunan Bercampur (MX) bagi tujuan perdagangan bersama dengan pembangunan rumah mampu milik.

Jadual 6.4.1: Klasifikasi Guna Tanah Utama bagi Tapak Pembangunan Semula Draf PTKL2040

Klasifikasi Guna Tanah Utama	Nisbah Plot Asas
Kediaman	Sehingga 1:5
Perdagangan	Sehingga 1:10
Pembangunan Bercampur	Sehingga 1:7
Institusi	Sehingga 1:2
Kemudahan Masyarakat	-
Infrastruktur dan Utiliti	-
Industri	-

INISIATIF PELAKSANAAN 6-4.1C

MELAKSANAKAN PEMBERIAN INSENTIF PERANCANGAN

Draf PTKL2040 telah mempertimbangkan bagi memberi insentif perancangan melalui pemberian nisbah plot tambahan kepada nisbah plot asas. Pemberian insentif ini adalah untuk menggalakkan pihak swasta mengambil inisiatif bagi melaksanakan pembangunan semula.

Draf PTKL2040 mencadangkan pemberian insentif diperincikan terutamanya pembangunan semula bagi pembangunan bercampur seperti berikut:

1. Pembangunan keseluruhan kawasan dengan struktur binaan kekal dan pemilikan berstrata;
2. Pembangunan semula kawasan dan bangunan seperti fasiliti lama, usang atau terbengkalai; dan
3. Perancangan penjanaan semula sesebuah kawasan atau bangunan.

Pemberian insentif ini adalah berdasarkan kepada komitmen pembangunan dan kewangan yang melibatkan perkara seperti berikut:

1. Menyediakan rumah transit atau peruntukkan kewangan bagi penempatan sementara dalam tempoh pembinaan pembangunan;
2. Merobohkan struktur bangunan asal secara keseluruhannya;
3. Memastikan pembinaan bangunan dan utiliti baharu selaras dengan keperluan perancangan bagi pembangunan infrastruktur baharu;
4. Merancang semula serta menaik taraf infrastruktur dan utiliti bagi kawasan tapak yang terlibat;
5. Memberi ruang kepada perancangan semula sesuatu kawasan apabila nilai tanah telah melebihi nilai struktur kekal diatasnya;
6. Merancang semula kawasan usang atau tidak berdaya maju selaras dengan keperluan semasa; dan
7. Memastikan struktur fizikal bangunan sentiasa dinaiktaraf dan dikemaskini.

Dasar pemberian insentif ini juga boleh berubah mengikut perubahan dasar JWP. Perincian kepada kategori pembangunan semula serta kriterianya diperjelaskan dalam Jilid 1: Bahagian 1, Kawalan Pembangunan, Draf PTKL2040.


INISIATIF PELAKSANAAN 6-4.1D

MENERAPKAN KRITERIA BANDAR MAMPAN DALAM PERANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA

Pelaksanaan pembangunan semula kawasan perlulah mematuhi kriteria yang telah ditetapkan agar dapat menyuntik sinergi baharu melalui penyelarasan semula kawasan pembangunan sedia ada dan akan datang.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini perlu mengambil kira aspek utama seperti berikut:

1. Pembangunan bercampur yang saling melengkapi seperti kediaman, perniagaan runcit, dan pejabat;
2. Pembangunan yang memberi penekanan pada kepentingan awam bagi tapak pemilikan kerajaan dan agensinya;
3. Prinsip pembangunan yang inklusif, saksama dan mengadakan perbincangan dengan pemegang taruh berkaitan;
4. Penyediaan perumahan berbentuk *mixed income* iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keseluruhan pembangunan dengan memberi keutamaan kepada penduduk semasa tapak;
5. Penyediaan ruang niaga dan pejabat yang mampu biaya bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan;
6. Penetapan dan penyediaan tempat letak kereta yang lebih fleksibel bagi pembangunan semula di kawasan TPZ;
7. Penyediaan ruang hijau, kawasan lapang dan kemudahan masyarakat yang bersepadu, berkualiti dan bersifat inklusif;
8. Penyediaan reka bentuk bangunan dan penggunaan teknologi yang mengurangkan impak terhadap aspek sosial, alam sekitar dan pengurusan bandar;
9. Penilaian aspek fizikal dan sosial bagi mengambil kira keperluan tapak pembangunan semula seperti Kajian Impak Sosial, Kajian Impak Alam Sekitar dan Kajian Impak Trafik; dan
10. Pembangunan yang selaras dengan elemen atau prinsip Bandar Rendah Karbon, Bandar Selamat, Bandar Pintar dan Bandar Berdaya Tahan.



RAJAH 6.4.2 | Pelan Taburan Tapak Pembangunan Semula Draf PTKL2040

Petunjuk :

- Tapak Pembangunan Semula

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-5: MENGGALAKKAN SEMULA FUNGSI BANDAR MELALUI PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN LAMA

SENARIO PENGGALAKKAN SEMULA FUNGSI BANDAR DI KUALA LUMPUR

Penggalakkan semula fungsi bandar di Kuala Lumpur memfokus kepada bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah dan nilai seni bina di Zon Warisan Primer, Zon Warisan Sekunder dan Zon Karakter Khas.

Galakan untuk mengaktifkan semula bangunan lama tidak hanya melibatkan kerja pemuliharaan, pengubahsuaian dan pembaikan ke atas bangunan warisan semata-mata. Penambahbaikan bangunan, persekitaran dan aktiviti baharu perlu dalam usaha meningkatkan imej dan kualiti bandar yang dapat menarik pengunjung ke kawasan tersebut. Draf PTKL2040 memfokus kepada pemuliharaan bandar dan bangunan lama yang melibatkan empat (4) kriteria seperti berikut:

1. Kawasan yang mempunyai kepentingan warisan dan nilai budaya;
2. Bangunan kerajaan yang penting dan bernilai;
3. Rumah kedai lama bersejarah; dan
4. Tapak awam yang bersejarah.

INFO RINGKAS

BILANGAN BANGUNAN WARISAN, KUALA LUMPUR

Bangunan Warisan yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005

Warisan Kebangsaan: 32

Warisan: 43

Bangunan warisan dalam Proses Pewartaan oleh JWN

10

Bangunan warisan dalam Perancangan Pewartaan JWN (Inventori)

46

Bangunan Warisan yang Kosong dan terbiar

Warisan Kebangsaan: 5

Warisan: 3

Inventori: 3

Sumber : Olahan dari Jabatan Warisan Negara, 2022

Pelbagai bangunan lama mengikut era dan gaya senibina yang berbeza telah membentuk imej kepada kawasan perniagaan awal di Kuala Lumpur. Deretan rumah kedai lama dengan gaya senibina *neo classical, renaissance, art deco*, kolonial dan eklektik moden masih lagi kekal dalam Zon Warisan Kuala Lumpur hingga kini.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti sebanyak 840 unit rumah kedai lama dalam Zon Warisan Kuala Lumpur yang mempunyai kepentingan seni bina untuk dipelihara dan dipulihara. Manakala sebahagiannya telah diberi nafas baharu dengan kerja pengindahan fakad dan warna bangunan.

Terdapat juga bangunan lama telah diubahsuai tanpa mengikut garis panduan berkenaan pemuliharaan bangunan warisan yang telah dikuat kuasakan. Perkembangan bandar yang pesat telah menimbulkan konflik dengan dasar dan polisi perancangan sedia ada dalam pemuliharaan bangunan warisan. Selain itu, kos dan proses pemuliharaan juga menjadi cabaran kepada Kuala Lumpur untuk melaksanakan kerja pemuliharaan.

Aspek perundangan turut memberi kekangan kepada DBKL dan agensi kerajaan terutamanya bagi maksud pengurusan, kewangan dan penyelenggaraan bangunan warisan milik kerajaan atau milik persendirian yang kosong dan tidak digunakan.

Keberadaan bangunan dan rumah kedai lama dalam zon warisan mampu menyumbang kepada sosioekonomi setempat. Bangunan dan rumah kedai lama yang kosong dan terbiar berpotensi untuk disuai guna bagi menggalakkan semula fungsi bandar.

Prinsip pemuliharaan perlu dititikberatkan ketika kerja pengubahsuaian dilakukan bagi mengekalkan keaslian reka bentuk dan bahan yang digunakan.

Galakan mengaktifkan semula bandar dan bangunan lama bersejarah melalui prinsip pemuliharaan mempunyai kepentingan seperti berikut:

1. Menjaga bangunan warisan dan bangunan lama dari kerosakan dan keadaan terbiar;
2. Memperbaiki, menyesuaikan dan menggunakan semula bangunan bersejarah untuk tujuan pelancongan warisan;
3. Menyimpan memori sosial melalui penerapan nilai setempat (*genius loci*) dengan mengekalkan bangunan lama;
4. Menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke kawasan warisan di Kuala Lumpur;
5. Menggalakkan persekitaran lestari serta penggunaan laluan pejalan kaki bagi mengurangkan pelepasan karbon melalui pengurusan lalu lintas yang baik; dan
6. Menambah pendapatan kepada kerajaan dan agensi berkaitan serta penduduk tempatan melalui penglibatan dalam industri pelancongan warisan.

Pemerkasaan aset warisan sedia ada akan memberi manfaat kepada Kuala Lumpur melalui penekanan kepada aspek kualiti dan penaiktarafan kawasan bangunan lama yang terbiar. Pemerkasaan tersebut memfokus kepada kawasan tumpuan orang ramai yang mempunyai kepentingan warisan bandar serta dapat memberi manfaat kepada semua.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, empat (4) cadangan pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah strategi perancangan 6-5 seperti Rajah 6.5.1.


Rajah 6-5.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-5

SP 6-5 MENGGALAKKAN SEMULA FUNGSI BANDAR MELALUI PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN LAMA

- **CP 6-5.1** Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan Lama Bernilai Warisan
- **CP 6-5.2** Penyediaan Pelan Tindakan Pemuliharaan Kawasan Warisan
- **CP 6-5.3** Penyertaan dan Penglibatan Bersama Komuniti Melalui Sistem Aplikasi Terbuka
- **CP 6-5.4** Pelaksanaan Insentif Pemeliharaan Bangunan Warisan


Lokasi: Carcosa Seri Negara, Kuala Lumpur

Bangunan Carcosa Seri Negara berusia lebih 100 tahun merupakan salah satu antara bangunan warisan yang perlu dipulihara.



RAJAH 6.5.2 | Pelan Kategori Bangunan Warisan di Kawasan Pusat Bandar Raya

Petunjuk :

Zon
- Zon Warisan Primer
- Zon Warisan Sekunder
- Zon Karakter Khas

Sedia Ada
- Bangunan Kategori 1
- Bangunan Kategori 2
- Bangunan Lama Berkepentingan Warisan
- Bangunan Kategori 1 dan 2 yang Kosong dan Terbiar

Lain-lain
- Jalan Raya
- Sempadan Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-5.1: PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN LAMA BERNILAI WARISAN

Bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dengan persekitaran dan gaya seni bina yang unik merupakan tarikan utama pelancong. Pendekatan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan lama merupakan langkah terbaik bagi memastikan bangunan warisan dapat disuai guna, diaktifkan dan diberikan nafas baharu.

Pendekatan ini mewujudkan persekitaran yang lebih berdaya saing dan mampan. Ia akan membentuk imej dan kualiti perbandaran yang lebih baik setanding dengan kawasan pembangunan baharu.


Kerja pemeliharaan dan pemuliharaan perlu mengambil kira faktor semasa, keadaan bangunan, fungsi dan aktiviti yang akan diwujudkan. Selain itu, kerja menaik taraf kemudahan sokongan seperti perabot jalan, pengindahan lorong dan penyusunan semula aktiviti formal dan informal perlu diambil kira bagi meningkatkan kualiti persekitaran bangunan lama.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan projek, polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-5.1.



Lokasi: Bekas rumah Loke Chow Kit, Jalan Tangsi

Bekas rumah Loke Chow Kit yang dikenali sebagai Loke Hall telah dibina pada tahun 1907 telah melalui proses pemuliharaan dan diwartakan pada tahun 2012.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.1A

MENGEMBALIKAN SEMULA RUPA ASAL BANGUNAN LAMA BERNILAI WARISAN SEDIA ADA (RESTORASI)

Restorasi ke atas bangunan lama bernilai warisan merujuk kepada kaedah pemuliharaan. Kaedah ini melibatkan kerja membina semula, mengembalikan rupa dan kemasan asal bangunan lama melalui penggunaan bahan binaan dan teknik rawatan yang bersesuaian. Ia boleh dilaksanakan ke atas bangunan rumah kedai lama dan bangunan sesebuah yang memerlukan kerja baik pulih yang minimum.

Objektif utama restorasi ini adalah untuk mengelakkan kerosakan pada keseluruhan bangunan lama yang mempunyai kepentingan sejarah dan nilai warisan. Ia dapat menggalakkan penggunaan semula bangunan lama bagi aktiviti sosioekonomi setempat dan mengoptimumkan penggunaan ruang sesebuah bangunan.

Kaedah restorasi bangunan lama boleh dipromosi dan dijadikan sumber yang sangat bernilai bagi menarik kedatangan pelancong ke Kuala Lumpur.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti bangunan lama yang berpotensi untuk pelaksanaan kaedah restorasi seperti berikut:

1. Bangunan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad;
2. Bangunan Pasar Seni;
3. Bangunan Stadium Negara;
4. Bangunan Carcosa Seri Negara; dan
5. Bangunan kedai lama.

Langkah yang perlu bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengembalikan semula fungsi penting bangunan lama seperti pusat aktiviti keagamaan, kebudayaan dan keseniaan serta lain-lain aktiviti yang bersesuaian;
2. Membaik pulih fakad bangunan, seni bina dan struktur bangunan serta ruang dalaman di kawasan perniagaan lama;
3. Mengekalkan corak dan gaya seni bina asal seperti *Neo Gothic, Tudor Revival, Eklektik-Mughal* dan *Minaret* agar tidak mengubah kepentingannya sebagai bangunan warisan;
4. Meningkatkan kualiti pencahayaan bagi menonjolkan keindahan seni bina, menghidupkan aktiviti waktu malam dan meningkatkan elemen keselamatan;
5. Memelihara dan memulihara bangunan lama yang mempunyai nilai warisan agar selari dengan prinsip pemuliharaan iaitu memanjangkan jangka hayat bangunan lama; dan
6. Menggalakkan aktiviti sosioekonomi dengan mengaktifkan kawasan menghadap sungai seperti hotel butik, kafe dan *Al-Fresco*, jualan cenderamata dan kraftangan, galeri seni dan persembahan.



Lokasi: Pasar Seni, Kuala Lumpur

Bangunan ini dibina pada tahun 1888 sebagai pasar basah semasa zaman dagangan timah. Pada tahun 1986, selepas operasi pasar basah dan dinamakan sebagai Pasar Seni.


Lokasi: Masjid Jamek Sultan Abdul Samad

Masjid ini dibina pada tahun 1909 dan merupakan antara masjid tertua di Kuala Lumpur yang berfungsi sebagai pusat bagi aktiviti keagamaan umat Islam.

INFO RINGKAS

TATACARA PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN

Jabatan Warisan Negara telah mengeluarkan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2016 yang memperincikan tatacara pemuliharaan bangunan warisan seperti berikut:

PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN
Tatacara Kerja

01 Rawatan Tiang Batu-Bata
02 Rawatan Dinding Kapur
03 Rawatan Lantai Batu
04 Rawatan Kerosakan Bumbung
05 Rawatan Tiang dan Rasuk Kayu
06 Rawatan Gelegar dan Lantai Kayu
07 Rawatan Siling dan Gelegar Kayu
08 Rawatan Kerosakan Elemen Kayu Akibat Serangan Rayap
09 Rawatan Pintu dan Tingkap
10 Rawatan Tangga Kayu

Sumber: Olahan dari Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2016.

AMALAN TERBAIK

PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DI SINGAPORE, LITHUANIA DAN HOLLAND



Lokasi: Clarke Quay, Singapore
Sumber: Pinterest.com

Clarke Quay Singapore telah mengembalikan fungsi penting bangunan lama sebagai pusat tumpuan utama orang ramai dengan tarikan aktiviti baharu seperti *Al-Fresco* yang menghadap sungai.


Lokasi: Vilnius, Lithuania

Vilnius, Lithuania, terkenal dengan seni bina kurun 17 dan 18. Kawasan ini telah mengalami baikpulih fakad dengan mengekalkan reka bentuk dan material asal.



Lokasi: Amsterdam, Holland

Pengindahan fakad bangunan pada bangunan terkenal di Amsterdam, Holland yang menggunakan material moden tetapi masih mengekalkan karakter fakad bangunaan asal.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.1B

MENYESUAI SEMULA KEGUNAAN BANGUNAN LAMA BERNILAI WARISAN (*ADAPTIVE REUSE*)

Kaedah penyesuaigunaan semula bangunan lama bernilai warisan kepada kegunaan baharu yang bersesuaian dan sepadan merupakan pendekatan terbaik bagi memastikan bangunan lama digunakan secara aktif dan dihargai oleh masyarakat.

Ia juga dapat melindungi dan memberi manfaat yang besar dalam menghidupkan semula fungsi bangunan lama.

Langkah yang perlu bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Membaik pulih dan menyelenggara bangunan lama melibatkan fakad, seni bina dan struktur bangunan serta ruang dalaman melalui kaedah dan teknik yang bersesuaian;
2. Mengembalikan fungsi penting bangunan lama ini sebagai pusat tumpuan utama orang ramai dengan aktiviti perniagaan seperti kafe *Al-Fresco*, hotel butik, jualan cenderamata dan kraftangan, galeri seni dan persembahan;
3. Mempraktikkan konsep kemudahan berkongsi (*communal living*) bagi penjimatan ruang serta menggalakkan interaksi sosial terutamanya untuk golongan B40, bujang dan baharu bekerja;
4. Menggalakkan penglibatan pelbagai pihak meliputi sektor awam, swasta dan badan bukan kerajaan bagi mempelbagaikan aktiviti dan fungsi baharu bangunan lama; dan
5. Mengalakkan elemen pencahayaan bagi menyerlahkan reka bentuk fakad bangunan serta sebagai elemen keselamatan.


AMALAN TERBAIK

PENYESUAIGUNAAN SEMULA BANGUNAN ST. ANN'S WAREHOUSE BROOKLYN, NEW YORK




Lokasi: Brooklyn, New York
Sumber:
https://images.adsttc.com/media/images/5d4b/3a74/284d/d1ba/fc00/0209/slideshow/4.jpg?1565211240

Sebelum: Bangunan St. Ann's Warehouse yang ditinggalkan kosong dan tidak digunakan.



Lokasi: Brooklyn, New York
Sumber: https://www.brooklynbridgepark.org/places-to-see/st-anns-warehouse/

Bangunan St. Ann's Warehouse setelah melalui proses pembaikpulihan dan penyesuaigunaan semula pada tahun 2015.



Lokasi: Brooklyn, New York
Sumber: *https://marveldesigns.com/work/st-ann-s-warehouse/110*

St. Ann's Warehouse dibina pada tahun 1850 yang asalnya sebuah gudang tembakau di Brooklyn Bridge telah mengalami perubahan yang melibatkan kerja pembaikpulihan dan penyesuaigunaan semula menjadi sebuah studio teater.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.1C

MENAMBAH BAIK PERSEKITARAN BANGUNAN LAMA BERNILAI WARISAN

Pendekatan bagi inisiatif pelaksanaan ini adalah untuk menambah baik persekitaran bangunan lama yang mempunyai kepentingan warisan. Kawasan yang mempunyai bangunan lama ini merupakan kawasan tumpuan utama dan nodus penting kepada penduduk Kuala Lumpur pada masa dahulu.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti dan mencadangkan beberapa tindakan dalam penambahbaikan persekitaran bangunan lama seperti berikut:

1. Meningkatkan dan menyelenggara kemudahan sokongan, pengindah landskap, penambahbaikan *Street Scape* dan kebersihan kawasan terutama di kawasan menghadap sungai;
2. Mengalakkan elemen pencahayaan bagi menyerlahkan reka bentuk fakad bangunan serta sebagai elemen keselamatan;
3. Menambah baik kemudahsampaian menerusi laluan pejalan kaki dan kemudahan mikromobiliti, perkhidmatan pengangkutan awam yang menepati piawaian mesra upaya dan usia, efisien dan selamat;
4. Memastikan penyelenggaraan persekitaran yang berterusan dan penyediaan landskap yang menarik;
5. Meningkatkan dan memperkasakan kualiti persekitaran serta penyelenggaraan kawasan perniagaan agar lebih tersusun, terancang dan lebih kondusif;
6. Menyediakan ruang khusus untuk mengalakkan aktiviti *place making* serta program berkaitan warisan seperti aktiviti kebudayaan, kesenian dan kemahiran tempatan terutamanya di ruang awam dan terbuka seperti di Kawasan Pasar Seni dan Lebuh Pasar;
7. Menerapkan konsep dan elemen bandar selamat seperti menyediakan CCTV, pondok keselamatan dan elemen pencahayaan;
8. Mewujudkan *pause area* yang menyediakan kemudahan asas seperti perabot jalan, teduhan dan aktiviti bersesuaian di kawasan strategik bagi menggalakkan orang awam menggunakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
9. Mengenal pasti kaedah terbaik dalam pengurusan letak kereta yang lebih terancang;
10. Melaksanakan Program Penambahbaikan Kawasan (PPK) di kawasan yang kurang berdaya maju; dan
11. Memastikan lorong atau laluan awam bebas halangan seperti struktur binaan yang tidak formal.

CONTOH CADANGAN

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PERSEKITARAN BANGUNAN LAMA



Lokasi: Jalan Melayu, Kuala Lumpur

Gambaran persekitaran Jalan Melayu di mana gerbang masuk dan aktiviti perniagaan yang menonjolkan identiti serta kebudayaan sesuatu kaum.

AMALAN TERBAIK

CAMDEN LONDON



Lokasi: Camden, London
Sumber: https://www.shutterstock.com/g/pedrorufo

Kawasan bazar terbuka yang tersusun dan bersih seperti di Camden, London yang menjadi tumpuan pelancong.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-5.2: PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN PEMULIHARAAN KAWASAN WARISAN

Pelan Tindakan Pemuliharaan disediakan sebagai panduan yang melibatkan penyediaan rangka kerja atau struktur bagi pelaksanaan projek pembangunan di kawasan warisan yang bersesuaian. Pelan tindakan ini akan memperincikan mekanisma pelaksanaan, kaedah pemantauan serta tempoh masa pelaksanaan.


Pelaksanaan Pelan Tindakan Pemuliharaan bagi pemuliharaan kawasan warisan adalah sebahagian daripada kawasan perdagangan strategik yang telah dikenal pasti dalam PSKL2040. Terdapat enam (6) Penambahbaikan Kawasan Komersial (PKK) yang telah dikenal pasti terlibat dalam Zon Warisan dan laluan Jejak Warisan Kuala Lumpur dalam Pelan Tindakan Pemuliharaan.

Pemilihan kawasan tersebut melihat kepada fungsi sesebuah kawasan lama seperti kawasan perniagaan lama dan ketersediaan bangunan warisan untuk dipulihara dan dipelihara. Ia akan meningkatkan kualiti persekitaran dan mengaktifkan semula fungsi kawasan dengan aktiviti baharu dan lebih berdaya saing.

Pelaksanaan Program Penambahbaikan Kawasan (PPK) perlu didorong oleh penglibatan pihak swasta dan pemilik premis dengan mengambil tanggungjawab secara kolektif bagi memastikan kawasan tersebut terus berdaya maju. Tempoh pelaksanaan pelan ini adalah bergantung kepada skala dan kompleksiti tindakan yang akan dijalankan.

Draf PTKL2040 telah memperincikan cadangan pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan warisan serta langkah-langkah khusus yang perlu disediakan dalam Pelan Tindakan Pemuliharaan Kawasan Warisan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan program dan kawalan perancangan. Terdapat empat (4) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-5.2.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.2A

MERANGKA PANDUAN PELAKSANAAN PPK WARISAN

Panduan Pelaksanaan PPK Warisan perlu diperincikan agar perancangan dan pembangunan bagi bangunan dan kawasan terlibat dapat dipulihara dan dipelihara. Pelaksanaan PPK boleh dilakukan sepenuhnya oleh pemaju swasta, pemilik tanah (individu) atau syarikat yang berminat untuk melaksanakannya. Mekanisma pelaksanaan kawasan PPK juga boleh dilaksanakan secara kerjasama Kerajaan-Swasta di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

JWP dan DBKL merupakan agensi utama dalam menyelaras panduan pelaksanaan projek pembaharuan semula. DBKL akan bertindak sebagai penyelaras dan memproses permohonan pelaksanaan PPK oleh pemaju, pemilik atau syarikat agar ia menepati keperluan yang telah ditetapkan.


Langkah yang perlu bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menubuhkan Satu unit khusus di bawah jabatan dalaman DBKL bagi menyelaras pelaksanaan PPK melalui jawatankuasa pembuat keputusan di peringkat DBKL;
2. Melaksanakan kajian dan penyediaan pelan induk terperinci atau tindakan kawasan yang terlibat;
3. Membentuk Garis Panduan PPK Warisan bagi mengawal pembangunan di kawasan terlibat; dan
4. Menyelaraskan Proses Kelulusan Permohonan Kebenaran Perancangan bagi Kawasan PPK Warisan seperti di Rajah 6.5.3 yang melibatkan empat (4) peringkat seperti berikut:
    a. Peringkat Mobilisasi (Penyediaan Cadangan);
    b. Peringkat Kelulusan Dasar;
    c. Peringkat Kelulusan Pelan Pembangunan; dan
    d. Peringkat Pelaksanaan dan Pembinaan.

Pihak pemaju swasta, pemilik tanah (individu) atau mana-mana syarikat perlu melalui beberapa peringkat kelulusan pembangunan dari jabatan atau agensi teknikal DBKL terhadap cadangan kawasan PPK.

Panduan Proses Pelaksanaan PPK Warisan boleh dirujuk pada Rajah 6.5.3.

Rajah 6.5.3:
Panduan Proses Pelaksanaan PPK Kawasan Warisan



Sumber: Olahan dari Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.2B

MENGENAL PASTI KAWASAN TINDAKAN PPK WARISAN

Pengenalpastian kawasan dan persempadanan PPK Warisan adalah berdasarkan keadaan semasa, aktiviti sedia ada dan kepentingannya kepada warisan Kuala Lumpur. Ia meliputi kawasan stabil dan kawasan lama untuk kembali berdaya saing.

Kriteria pemilihan kawasan tindakan PPK Warisan adalah seperti berikut:

1. Mempunyai fungsi utama asal kawasan warisan dan keperluannya untuk dipelihara dan dipulihara;
2. Memiliki fakad bangunan yang bernilai warisan di deretan kedai lama yang berpotensi untuk dikekalkan;
3. Merupakan kawasan warisan usang yang berupaya menjadi lebih berdaya saing dan berdaya huni;
4. Mempunyai reka bentuk dan susun atur bandar lama dan menarik seperti keadaan jalan yang sempit, laluan atau lorong antara bangunan yang terputus serta terhalang untuk dikekalkan dan dinaik taraf;
5. Merupakan kawasan lama yang menjadi nodus penting kepada orang awam dan tumpuan pelancong;
6. Merupakan bangunan warisan penting yang kekal dimiliki rakyat tempatan;
7. Mempunyai kepentingan kepada warisan senibina dan identiti kebangsaan;
8. Memperkuat rasa bangga kepada negara, perpaduan dan meningkatkan modal insan dalam kalangan rakyat Malaysia; dan
9. Meningkatkan ruang awam yang inklusif dan diakses untuk dihargai serta dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti kawasan PPK Warisan dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 6.5.1.

Jadual 6.5.1:
Cadangan Kawasan Tindakan PPK Warisan

Lokasi	Pelan Sisip
1. **Medan Tuanku Abdul Rahman** (Sebahagian Jejak Kedai Tradisional)	
2. **Pasar Pudu dan Jalan Landak** (Sebahagian Jejak Warisan Pekan Lama Pudu)	
3. **Pasar Raja Bot** a. Jalan Raja Bot; dan b. Jalan Hj Hussein. (Sebahagian dari Jejak Kampung Warisan)	
4. **China Town** a. Jalan Petaling; dan b. Jalan Panggung. • Sebahagian Zon Warisan Jalan Petaling-Bukit Nanas; • Sebahagian Jejak Pekan Dagangan Timah; dan • Sebahagian Program Penambahbaikan Madras Area (*Madras Area Improvement Programme*) oleh DBKL dan agensi.	

Jadual 6.5.1: Cadangan Kawasan Tindakan PPK Warisan (sambungan)

Lokasi	Pelan Sisip
5. Medan Pasar a. Jalan Medan Pasar; dan b. Lorong Medan Pasar • Sebahagian Zon Warisan Jalan Petaling-Bukit Nanas; • Sebahagian Jejak Pekan Dagangan Timah; dan • Sebahagian cadangan Program Rejuvenasi Blok Kedai Hang Lekiu (*Hang Lekiu Block Rejuvenation Programme*) oleh DBKL dan agensi.	
6. Masjid India a. Jalan Tuanku Abdul Rahman; b. Jalan Masjid India; dan c. Jalan Melayu • Sebahagian Zon Karakter Khas Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Doraisamy; • Sebahagian Jejak Kedai Tradisional; dan • Sebahagian Cadangan Pelan Tindakan Enklaf Masjid Jamek oleh DBKL dan agensi.	

Lokasi	Pelan Sisip
7. Dataran Merdeka a. Jalan Raja; b. Jalan Leboh Pasar Besar; c. Jalan Mahkamah Tinggi; d. Jalan Mahkamah Persekutuan; e. Jalan Tun Perak; f. Sebahagian Jejak Daerah Sivik; g. Sebahagian Zon Warisan Primer: Dataran Merdeka, Stesen Keretapi Kuala Lumpur, Masjid Negara dan Stadium Merdeka; dan h. Merupakan Cadangan *Dataran Merdeka Heritage Area Redevelopment* oleh DBKL dan agensi.	
8. Carcosa Seri Negara a. Persiaran Tuanku Ja'afar; b. Sebahagian Zon Warisan Primer: Parlimen, Carcosa Seri Negara dan Taman Botani Perdana; c. Sebahagian Jejak Lake Gardens; dan d. Merupakan Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Carcosa Seri Negara oleh DBKL dan agensi.	
9. Masjid Jamek a. Jalan Tun Perak; b. Jalan Melaka; c. Jalan Melayu; dan d. Jalan Benteng; • Merupakan kawasan Pelan Tindakan Enklaf Masjid Jamek oleh DBKL dan agensi; • Sebahagian Zon Warisan Sekunder: Jalan Petaling-Bukit Nanas; dan • Sebahagian Jejak Pekan Dagangan Timah.	

PROGRAM BUSINESS IMPROVEMENT DISTRICT (BID) DI HATTON GARDEN, UNITED KINGDOM



Lokasi: Hatton Garden, United Kingdom
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/europe*



Lokasi: Hatton Garden, United Kingdom
Sumber: *https://www.nytimes.com/2018/03/28/world/europe/uk-hatton-garden-heist.html*



Lokasi: Hatton Garden, United Kingdom
Sumber: *https://www.hatton-garden.london/about*

Persekitaran perniagaan menjadi lebih *vibrant* dan pengurusan pemasaran di urus dengan cekap.

Pelaksanaan BID di Hatton Garden, UK pada tahun 2016 telah didorong oleh perkongsian pelabur dari sektor swasta dengan matlamat untuk melihat kawasan Hatton Garden merealisasikan potensinya dan berkembang sebagai destinasi perniagaan dan pelancongan terkenal dunia. BID telah membantu meningkatkan status ikoniknya sebagai kawasan perhiasan terkenal di London.

Sumber: https://www.hatton-garden.london/about

PROGRAM BUSINESS IMPROVEMENT DISTRICT (BID) DI HAMPSTEAD VILLAGE, UNITED KINGDOM



Lokasi: Hampstead Village, UK
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/robertewen*

Karakter kawasan warisan diterjemahkan melalui penggunaan reka bentuk perabot jalan dan warna asal bangunan serta mengekalkan fakad asal bangunan lama.



Lokasi: Hampstead Village, UK
Sumber: *https://www.essentialliving.co.uk/blog/living-in-hampstead-an-idyllic-north-london-village/*

Pelaksanaan program BID di Hampstead Village, UK ditubuhkan pada tahun 2016 untuk tempoh lima (5) tahun bagi memberi manfaat kepada perniagaan dan meningkatkan persekitaran perdagangan di kawasan tersebut.

Objektifnya adalah untuk melestarikan dan mengembangkan daya tarikan Hampstead Village kepada pengunjung, mendorong kemajuan perniagaan dan mengekalkan suasana unik kawasan tersebut.

Program BID di Hampstead Village, UK ini telah memulihara dan memelihara bangunan dengan mengekalkan material serta warna asal bangunan lama. Kawasan tersebut turut membuat penambahbaikan dengan menggunakan perabot jalan dan kemudahan CCTV bagi memantau keselamatan pengunjung.

Sumber: https://hampsteadvillagelondon.com/

INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.2C

MELAKSANAKAN LANGKAH-LANGKAH PENAMBAHBAIKAN KAWASAN

Penambahbaikan kawasan yang melibatkan penaiktarafan persekitaran adalah penting agar ia lebih kondusif dan mampu memelihara bangunan warisan di kawasan PPK. Penglibatan pihak swasta dan pemilik premis penting agar fungsi kawasan PPK dapat memberi manfaat kepada semua pihak di kawasan tersebut.

Langkah yang perlu bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengaktifkan semula fungsi asal atau fungsi baharu yang lebih ekonomik tanpa mengubah dan menjejaskan kepentingan warisan dengan strategi pemasaran yang lebih baik;
2. Memelihara dan memulihara bangunan warisan kawasan PPK;
3. Menyelenggara bangunan dan persekitaran kawasan PPK;
4. Memperkasakan elemen reka bentuk bandar dan mengindahkan persekitaran kawasan yang kurang berdaya maju;
5. Meningkatkan keselesaan, keselamatan dan kemudahsampaian di kawasan PPK;
6. Meningkatkan promosi dan pengurusan kawasan PPK untuk faedah bersama serta tarikan kepada pelancong; dan
7. Menggalakkan aktiviti sokongan yang meningkatkan fungsi kawasan PPK.

Aktiviti yang digalakkan di kawasan PPK mestilah dapat menyumbang dan meningkatkan daya saing ekonomi dan persekitaran kawasan warisan. Selain aktiviti sedia ada, aktiviti baharu perlu mematuhi Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024) yang ditetapkan.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti langkah penambahbaikan kawasan PPK dan aktiviti yang digalakkan dalam kawasan warisan seperti di Jadual 6.5.2.

CONTOH AMALAN TERBAIK

PROGRAM BID NORTHBANK, LONDON, UNITED KINGDOM

Program BID di Northbank, London, UK merangkumi Trafalgar Square, Strand dan Aldwych yang merupakan tumpuan utama pelancong di kota London. Ia merupakan program transformasi untuk menjadikan Northbank destinasi perniagaan dan pelancongan bertaraf dunia dari gabungan pelbagai rakan perniagaan dan pihak berkepentingan. Pelaksanaan BID ini adalah sangat berjaya dan memberi faedah yang besar kepada kawasan ini.





Sumber: *https://www.thenorthbank.london/northbank-bid*

Program BID di Northbank berjaya menerapkan pendekatan holistik dengan mewujudkan ruang awam dan aktiviti '*placemaking*' yang membentuk gerbang masuk ke West End. Program ini telah mewujudkan Daerah Kreatif dan Budaya disokong oleh beberapa pihak berkepentingan. Pelaksanaanya telah berjaya mengatasi beberapa masalah utama melalui:

1. Meningkatkan kualiti udara;
2. Menyelesaikan kesesakan lalulintas;
3. Menyediakan lebih banyak kawasan lapang;
4. Mesra pejalan kaki dan penunggang basikal; dan
5. Meluaskan hubungan dengan kawasan sekitar.

Jadual 6.5.2:
Cadangan Langkah Penambahbaikan kawasan PPK Warisan

	Langkah Penambahbaikan	Lokasi					
		Medan Tuanku Abdul Rahman	Pasar Pudu dan Jalan Landak	Pasar Raja Bot	China Town	Medan Pasar	Masjid India
Memelihara dan Memulihara bangunan							
1	Memulihara fakad bangunan, warna asal dan kawalan papan iklan pada bangunan warisan; dan	✓			✓	✓	✓
2	Menggalakkan pemuliharaan bangunan dan rumah kedai lama yang mempunyai nilai warisan.	✓			✓	✓	✓
Menyelenggara Kawasan PPK							
3	Meningkatkan aspek kebersihan kawasan warisan; dan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4	Menyelenggara jalan, longkang dan lorong antara bangunan.	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Memperkasakan Elemen Reka Bentuk Bandar dan Mengindahkan Persekitaran							
5	Menggalakkan aktiviti *place making* dan *street art*;	✓			✓	✓	✓
6	Meningkatkan elemen pencahayaan pada fakad bangunan warisan;				✓	✓	✓
7	Meningkatkan imej dan karakter kawasan melalui reka bentuk perabot jalan, warna, laluan dan elemen landskap; dan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
8	Menerapkan elemen *way finding* dalam kawasan warisan.	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Meningkatkan Keselesaan dan Keselamatan							
9	Menyediakan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti bagi akses ke stesen pengangkutan awam;	✓	✓	✓	✓	✓	✓
10	Menaiktaraf kemudahan asas pelancongan dan perabot jalan;	✓	✓	✓	✓	✓	✓
11	Meningkatkan elemen keselamatan melalui pemasangan CCTV dan adaptasi CPTED; dan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
12	Meningkatkan penyediaan kemudahan bagi golongan mesra upaya dan mesra usia.	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Meningkatkan Promosi dan Pengurusan							
13	Meningkatkan aspek promosi dan pemasaran kawasan PPK; dan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
14	Meningkatkan pengurusan dan pentadbiran yang cekap bagi meningkatkan daya saing kawasan PPK.	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Menggalakkan dan Mempelbagaikan Aktiviti Kawasan warisan							
15	Meningkatkan penggunaan ruang dan penyediaan kemudahan bagi aktiviti seni dan kebudayaan;	✓		✓		✓	✓
16	Menyusun semula aktiviti gerai dan bazar terbuka;		✓		✓		✓
17	Memperkasa aktiviti yang menyokong kawasan warisan dan aktiviti sedia ada yang menjadi tarikan pengunjung:				✓	✓	✓
	a. Kedai pakaian tradisi kaum, kedai kain dan aksesori;				✓	✓	✓
	b. Produk tradisional, kraftangan dan cenderamata;				✓	✓	✓
	c. Makanan tempatan, makanan tradisi dan *street café*;	✓					
	d. Hotel butik dan rumah penginapan berkonsep '*bed and breakfast*;	✓	✓				
	e. Aktiviti pasar, pasar malam, pasar terbuka dan penjaja terancang;	✓	✓	✓		✓	✓
	f. Aktiviti bazar terbuka dan bazar perayaan (bermusim);			✓		✓	✓
	g. Barangan perayaan dan keagamaan pelbagai kaum;	✓	✓	✓		✓	✓
	h. *Street café, street food*, buah-buahan dan bunga segar;	✓		✓	✓	✓	✓
	i. Aktiviti seni, *street art* dan seniman jalanan;			✓		✓	✓
	j. Persembahan kebudayaan, teater dan hiburan rakyat; dan			✓		✓	✓
	k. Muzium kesenian dan sejarah.						

INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.2D

MELAKSANAKAN PROGRAM KERJASAMA DENGAN JABATAN WARISAN NEGARA

Program kerjasama adalah bertujuan untuk menggalakkan penjanaan semula dan kerja menaik taraf kawasan atau bangunan lama yang usang, tidak dihuni dan terbiar. Inisiatif ini juga akan menghidupkan semula fungsi bangunan lama tanpa mengubah keseluruhan nilai reka bentuk bangunan, fungsi bandar, kualiti fabrik bandar dan karakter Zon Warisan.

Draf PTKL2040 mencadangkan lima (5) tindakan program kerjasama bersama dengan Jabatan Warisan Negara (JWN) dan agensi kerajaan berkaitan seperti berikut:



Lokasi: Victoria Institution, Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur
Sumber: Jabatan Warisan Negara

JWN telah membaik pulih bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria pada tahun 2009 dan menjadi tempat diadakan Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan.

Jadual 6.5.3:
Cadangan Tindakan Program Kerjasama Bersama JWN dan Agensi Kerajaan Berkaitan

Tindakan	Perincian
1. Penyediaan insentif Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kawasan atau Bangunan Warisan	a. Pemberian Insentif Pembiayaan Kerja Pemuliharaan dan Pemeliharaan Kawasan atau Bangunan Warisan berdasarkan Akta 645; dan b. Pemberian insentif pembangunan berdasarkan kesesuaian dan kepentingannya kepada pemeliharaan warisan serta pematuhan garis panduan perancangan yang ditetapkan oleh agensi berkaitan.
2. Penyelarasan Aktiviti di Kawasan atau Bangunan Warisan	Penyelarasan aktiviti berkaitan warisan berbentuk kebudayaan dan kesenian.
3. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kawasan atau Bangunan Warisan	JWN dengan kerjasama DBKL menjalankan penyelidikan terhadap kawasan atau bangunan warisan khusus ke atas bangunan kedai lama yang mempunyai kepentingan warisan.
4. Penyelenggaraan Bangunan Awam Berstatus Warisan	a. Penyelenggaraan bangunan awam berstatus warisan dilaksanakan oleh pihak JWN dan agensi kerajaan berkaitan. Seksyen 38, Akta Warisan Kebangsaan, 2005 membenarkan pihak kerajaan menjalankan kerjasama dengan mana-mana pihak dalam usaha untuk memulihara dan memelihara tapak warisan. JWN sebagai pihak berkuasa warisan boleh memudahcara penyelenggaraan bangunan melalui kerjasama bersama agensi kerajaan yang berkenaan; dan b. Pembentukan Panduan Penyelenggaraan Bangunan Berstatus Warisan oleh JWN melibatkan aspek pemeriksaan, penyelenggaraan, pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan mengikut kriteria yang ditetapkan boleh dilaksanakan oleh agensi kerajaan berkaitan.
5. Pelaksanaan Usaha Sama Pihak Kerajaan dan Swasta	a. Pelaksanaan program penambahbaikan oleh pihak swasta boleh dilaksanakan ke atas tanah milik individu dan syarikat. Kaedah pelaksanaan ini sangat digalakkan dalam penjanaan semula kawasan lama yang kurang berdaya saing melibatkan tapak warisan dalam Pusat Bandar Raya; dan b. Pembaharuan semula kawasan atau bangunan warisan boleh dilaksanakan secara usaha sama pihak kerajaan dan sektor swasta yang melibatkan beberapa pendekatan yang dilaksanakan oleh UKAS, JWP, MOTAC, JWN dan DBKL bagi tujuan tersebut.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-5.3: PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN BERSAMA KOMUNITI

Program pemuliharaan kawasan warisan boleh dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkepentingan dan sokongan komuniti. Kerjasama semua pihak adalah kaedah terbaik dalam membina hubungan berterusan yang memberi manfaat kepada komuniti.

Komuniti adalah merujuk kepada penduduk atau masyarakat di sesebuah kawasan yang berperanan penting dalam menghidupkan fungsi sesebuah kawasan atau bandar. Oleh itu, kerjasama antara komuniti dengan agensi kerajaan yang berkaitan adalah penting bagi mencapai tujuan ke arah kualiti persekitaran yang lebih baik.

Penglibatan komuniti dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan akan membantu mengurangkan konflik antara mencapai kualiti hidup yang lebih baik dengan aspek pembangunan ekonomi dan kepentingan memelihara serta memulihara aset warisan untuk generasi akan datang.


Penglibatan komuniti akan mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah peningkatan kualiti hidup masyarakat, rasa kepunyaan dan hubungan sosial yang menghargai nilai setempat.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan program sahaja. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-5.3.



Lokasi: Dataran Merdeka
Sumber: *https://www.shutterstock.com/Lens Hitam*

Program Iftar Ramadan yang dilaksanakan dengan kerjasama dan penglibatan komuniti dapat menghidupkan amalan serta budaya yang memberi nilai tambah kepada pelancongan warisan di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.3A

MEMBANGUNKAN APLIKASI TERBUKA WARISAN KUALA LUMPUR

Pembentukkan aplikasi terbuka berhubung pembangunan dan perkembangan warisan di Kuala Lumpur merupakan kaedah dalam melibatkan orang awam atau komuniti setempat. Aplikasi ini boleh diakses secara terbuka yang membenarkan orang awam untuk mendapat maklumat dan melaporkan sebarang isu yang berkaitan dengan warisan di Kuala Lumpur.

Kandungan aplikasi mestilah menjurus kepada usaha untuk mengaktifkan semula kawasan warisan dan bangunan lama di Kuala Lumpur. Aplikasi ini berupaya meningkatkan peranan komuniti dalam menyumbang kepada pemerkasaan serta rasa kepunyaan terhadap kawasan dan bangunan warisan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan aplikasi terbuka (*open web*) khusus yang boleh diintegrasikan dengan perisian seperti *Geographical Information System* (GIS) dan *Google Maps* bagi memudahkan penyertaan dan penglibatan interaktif bersama komuniti;
2. Menyenaraikan dan mengemaskini butiran yang perlu ada dalam aplikasi tersebut adalah seperti berikut:
    a. Butiran kawasan dan bangunan warisan dalam pusat bandar;
    b. Butiran bangunan lama dan bangunan kosong yang mempunyai kepentingan warisan;
    c. Aduan kerosakan atau isu semasa; dan
    d. Cadangan penambahbaikan dan aktiviti yang bersesuaian.
3. Menggalakkan komuniti untuk mengambil bahagian secara aktif dalam usaha memelihara dan memuliharaan bangunan dan tapak warisan.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.3B

MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN PLATFORM MEDIA SOSIAL

Trend semasa menunjukkan keperluan untuk mempromosikan kawasan warisan dan bangunan lama dengan kaedah yang berbeza. Penggunaan platform media sosial secara optimum adalah antara langkah terbaik serta terkini dalam mengaktifkan semula kawasan warisan dan bangunan lama di Kuala Lumpur bersama komuniti.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Mengoptimumkan penggunaan platform media sosial seperti laman web, Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain untuk mengambil bahagian bagi merancakkan promosi pelancongan warisan di Kuala Lumpur;
2. Menyediakan kandungan berbentuk informasi, aduan dan cadangan yang selaras dengan matlamat mengaktifkan semula kawasan warisan dan bangunan lama di Kuala Lumpur;
3. Membentuk konsep paparan di media sosial yang mampu menarik pelbagai kelompok masyarakat. Pengisian adalah berbentuk gambar atau video yang mengambil kira keunikan dan nilai estetika bangunan dan tapak warisan;
4. Mempromosi aktiviti bersama pemain industri utama dan pihak berkepentingan melalui jadual aktiviti dan program berbentuk komuniti; dan
5. Meningkatkan capaian di media sosial dengan mewujudkan tanda pagar (*hashtag*) khusus. Tanda pagar mestilah menjurus kepada peranan dan sumbangan komuniti dalam usaha menghidupkan fungsi bandar melalui pemuliharaan bandar dan bangunan lama.

Pelaksanaan ini akan menggalakkan komuniti dan orang awam untuk mengambil bahagian secara aktif berdasarkan trend semasa dan menyokong usaha yang dilakukan oleh agensi kerajaan yang berkaitan.

AMALAN TERBAIK

APLIKASI CITIZEN'S EYE

Aplikasi *Citizen's Eye* dibangunkan melalui *River of Life Public Outreach Programme* (RoLPOP) untuk membolehkan komuniti atau orang awam melaporkan sebarang maklumat berhubung dengan aktiviti berkaitan pengurusan sungai atau masalah seperti pencemaran yang berlaku.

Program *Outreach* Awam (POP) bermula pada tahun 2012 adalah untuk memupuk kerjasama dan meningkatkan kesedaran kumpulan sasaran bagi mengurangkan pencemaran sungai. Program ini mempromosikan rasa kepunyaan (*sense of belongings*) terhadap sungai dan membentuk perubahan tingkah laku jangka panjang yang berkekalan dalam melindungi sungai. Kumpulan sasaran RoLPOP adalah terdiri dari orang awam dan pihak berkepentingan seperti institusi pendidikan, komuniti setempat, peniaga dan pihak swasta.

Pendekatan sama boleh diterapkan di zon warisan Kuala Lumpur yang mempunyai banyak bangunan bersejarah di mana sebahagiannya telah tidak aktif. Penglibatan komuniti menerusi aplikasi terbuka adalah penting bagi membuat pemantauan dan perancangan lebih berkesan pada masa hadapan terutamanya di kawasan yang menjadi tumpuan pelancong.

Penglibatan agensi utama seperti DBKL, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Jabatan Warisan Negara diperlukan untuk memotivasi komuniti setempat dan pihak berkepentingan secara langsung dalam usaha mengaktifkan semula bangunan bersejarah di zon warisan Kuala Lumpur.



Konsep aplikasi terbuka *Citizen's Eyes* oleh RoLPOP5 membolehkan orang awam menyampaikan pandangan terhadap masalah yang timbul di kawasan mereka.


AMALAN TERBAIK

APLIKASI TERBUKA UNESCO - WORLD HERITAGE JOURNEYS EUROPE DAN UNESCO #SHAREOURHERITAGE

Fungsi aplikasi terbuka yang dilaksanakan UNESCO kepada lokasi tapak-tapak warisan di seluruh dunia telah memberi pendedahan yang meluas dan berfungsi sebagai medan magnet yang berupaya menarik pelancong dan memberi impak positif kepada sosioekonomi komuniti di kawasan terlibat.

World Heritage Journeys Europe


UNESCO menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi seperti National Geographic dengan sokongan kewangan dari Kesatuan Eropah (EU) bagi membangunkan UNESCO World Heritage Journeys Europe. Laman web interaktif ini membolehkan pelayar dari seluruh dunia meneroka tapak Warisan Dunia di Eropah dengan konteks dan perspektif baharu.



World Heritage Journeys Europe menyediakan butiran tentang budaya dan sejarah Eropah sebagai inspirasi kepada pelawat di seluruh dunia sebelum lawatan sebenar ke tapak warisan.

UNESCO #ShareOurHeritage

UNESCO mempromosikan akses kepada budaya merangkumi tapak-tapak warisan dunia dengan amalan warisan hidup dalam tempoh pandemik COVID-19 yang melanda dunia sebagai sebahagian daripada kempen UNESCO #ShareOurHeritage. UNESCO melancarkan pameran dalam talian secara interaktif yang menampilkan tapak-tapak warisan dari seluruh dunia melalui kerjasama dengan agensi lain seperti Google Arts & Culture dan promosi melalui platform media sosial seperti Facebook, Linkedin, Instagram dan lain-lain.



Promosi tapak warisan dan budaya masyarakat di seluruh dunia oleh UNESCO melalui beberapa platform media sosial.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.3C

MELAKSANAKAN PEMBIAYAAN DAN KEWANGAN PPK WARISAN DALAM KALANGAN KOMUNITI

Pelaksanaan program PPK Warisan akan tertumpu di kawasan bangunan dan kedai lama yang mempunyai kepentingan warisan dan memerlukan penambahbaikan dari segi perkhidmatan serta kualiti persekitaran. Sumber dan pembiayaan kewangan PPK adalah bagi menampung perbelanjaan kerja mengindahkan kawasan, meningkatkan perkhidmatan dan menaik taraf kemudahan serta penyelenggaraan yang diuruskan oleh sebuah badan pengurusan yang dilantik.

Draf PTKL2040 mengenal pasti sumber-sumber pembiayaan yang boleh ditawarkan dalam kawasan PPK seperti berikut:

1. Pembiayaan daripada pemilik premis dan penyewa;
2. Pembiayaan daripada sumber awam dan swasta;
3. Pembiayaan secara usaha sama; dan
4. Pembiayaan secara sukarela dari pihak berkepentingan.

Langkah-langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Kutipan cukai tambahan ke atas aktiviti dan premis perniagaan yang terlibat.

Sumbangan adalah secara kolektif daripada pemilik premis atau penyewa yang ditetapkan oleh badan pengurusan PPK yang dilantik. Kadar cukai tambahan akan mengambil kira faktor lokasi, keluasan premis dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan serta dipersetujui oleh oleh semua.

2. Pembiayaan awam atau swasta mengikut kepentingan projek yang hendak dilaksanakan.

Projek yang mempunyai impak tinggi kepada pemeliharaan warisan dan manfaat sosioekonomi akan diberi keutamaan dari sumber pembiayaan ini. Sumber pembiayaan boleh diperolehi dalam bentuk dana atau insentif pembangunan. Pemberian insentif oleh pihak kerajaan mesti memenuhi syarat dan kriteria khusus seperti berikut:

a. Memenuhi kriteria tapak penjanaan semula;
b. Melibatkan kerja pengindahan, penambahbaikan dan pemulihan kawasan dan bangunan warisan;
c. Menambah baik kawasan perniagaan lama yang mempunyai kepentingan warisan; dan
d. Melaksanakan program PPK warisan.

3. Pembiayaan secara usaha sama antara pihak kerajaan dan swasta.

Pembiayaan secara usaha sama ini melibatkan proses dan pendekatan di bawah UKAS. UKAS berperanan sebagai agensi pusat dalam membentuk jalinan kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta yang memberi impak kepada sosioekonomi.

Sumber pembiayaan boleh diperolehi dalam bentuk dana atau insentif pembangunan mengikut prosidur dan kriteria yang telah ditetapkan.

4. Pembiayaan tambahan daripada pemilik premis dan sumbangan sukarela.

Badan pengurusan PPK juga boleh mendapatkan pembiayaan tambahan daripada pemilik hartanah dan premis serta sumbangan sukarela daripada organisasi luar kawasan PPK yang berkepentingan.

Jenis pembiayaan kawasan PPK akan melibatkan empat (4) aktiviti utama seperti berikut:

1. Meningkatkan tanggungjawab sosial korporat (CSR);

   Meningkatkan kualiti persekitaran kawasan warisan dan perniagaan lama bagi memenuhi tanggungjawab sosial melalui projek pengindahan dan penyelenggaraan yang memberi impak positif kepada pemilik, pengunjung dan komuniti PPK.

2. Memperkasa keselamatan kawasan PPK;

   Meningkatkan ciri-ciri keselamatan dengan penyediaan sistem keselamatan yang lengkap bagi mewujudkan kawasan perniagaan selamat yang sifar jenayah dan masalah tingkah laku sosial.

3. Meningkatkan kualiti ruang awam (*public realm*); dan

   Meningkatkan persekitaran ruang awam dan penyediaan perabot jalan seperti laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti, taman awam, papan tanda dan aktiviti *place making*.

4. Mempromosikan kawasan PPK.

   Memasarkan dan mempromosikan kawasan PPK melalui media sosial, program berkala dan aktiviti berbentuk budaya dan kesenian bagi mewujudkan identiti kawasan PPK kepada pelancong dan orang awam.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-5.4: PELAKSANAAN INSENTIF PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN

Pemuliharaan bangunan warisan memerlukan dorongan dan motivasi untuk dilaksanakan. Pemberian insentif adalah antara bentuk dorongan yang boleh diberikan kepada pemilik atau pemaju bangunan warisan untuk memulihara dan menyelenggara bangunan warisan. Insentif yang ditawarkan adalah bergantung kepada agensi kerajaan yang berkaitan atau pihak lain sama ada ia akan diberikan dalam bentuk dana atau perkhidmatan lain yang bersesuaian.

Pemberian insentif perlu memberi keutamaan kepada bangunan warisan yang telah diwartakan di bawah Akta 645, Akta 267 dan mematuhi keperluan perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak DBKL.


Insentif ini dicadangkan bagi menyokong kerja pemulihan, penambahbaikan dan penyelenggaraan bangunan lama yang mempunyai nilai warisan. Ia penting bagi memastikan pengekalan jangka masa panjang sumber warisan bersejarah di Kuala Lumpur. Ia juga akan menggalakkan penglibatan pihak swasta atau pemilik bangunan dalam memelihara dan memulihara bangunan warisan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui program sahaja. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-5.4.



Lokasi: Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur

Bangunan Sultan Abdul Samad yang berstatus Warisan Kebangsaan dan mempunyai nilai warisan yang perlu dipelihara.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-5.4A

MENGENAL PASTI INSENTIF PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN KAWASAN WARISAN DAN BANGUNAN

Pembangunan semula, pembaikpulihan dan penyesuaigunaan semula merupakan pendekatan membantu memperkasakan pemuliharaan aset atau bangunan warisan. Pemerkasaan ini memerlukan kerjasama semua pihak berkaitan dengan pelaksanaan insentif yang bersesuaian.

Pemberian insentif penjanaan semula boleh diberi bagi kerja menaik taraf tapak, kawasan dan bangunan lama yang usang dan kurang berdaya maju. DBKL akan bertindak sebagai penyelaras dan membuat penilaian kepada projek yang dicadangkan bagi mendapatkan pertimbangan insentif pembangunan tersebut.

Draf PTKL2040 mengenal pasti kriteria tapak dan bangunan warisan yang layak dipertimbangkan bagi menerima insentif perancangan dan pembangunan seperti berikut:

1. Tapak dan bangunan warisan yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645);
2. Tapak pembangunan yang terletak dalam jarak 200 meter dari tapak warisan dan bangunan; dan
3. Kriteria khusus yang ditentukan oleh pihak DBKL berdasarkan kepentingan tapak.


Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Membenarkan Pemindahan Hak Pembangunan (*Transfer of Development Right*); dan

Pemindahan hak pembangunan adalah bertujuan untuk membolehkan sumber kewangan dapat dijana bagi tujuan pemuliharaan bangunan warisan dan mengekalkan bentuk pembangunan mengikut ketetapan DBKL. Pemindahan hak ini adalah melalui nisbah plot yang tidak digunakan dari tapak atau bangunan warisan ke tapak atau bangunan di luar tapak warisan. Ia adalah tertakluk kepada syarat, garis panduan yang ditetapkan oleh DBKL dan pematuhan ulasan teknikal agensi berkaitan serta tidak menjejaskan tapak atau bangunan warisan berkaitan.

Pelaksanaan pemindahan hak pembangunan ini perlu diperincikan dengan kajian dan pelan tindakan yang khusus mengikut perundangan dan garis panduan yang ditetapkan sebelum ia dilaksanakan seperti di Rajah 6.5.4.

Rajah 6.5.4:
Program Pemindahan Hak Pembangunan



Zon Penghantaran

1. Zon penghantaran adalah bangunan warisan yang berada di **zon pemeliharaan warisan**; dan
2. Zon pemeliharaan warisan di mana hak pembangunan "**dipindah**" daripadanya ke kawasan lain.

Zon Penerimaan

1. Zon penerima terletak di **luar kawasan pemeliharaan atau zon warisan**;
2. Zon ini **"menerima hak pembangunan"** di mana pemaju yang sama menambah intensiti melebihi yang dibenarkan dari **Zon Penghantar**;
3. Proses ini dikawal pada peringkat kelulusan Perintah Pembangunan (DO); dan
4. Perlu mengambil kira tahap keupayaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan masyarakat.

2. Melaksanakan Geran Sepadan Kawasan Warisan.

Geran Sepadan ialah dana yang disediakan untuk diberi mengikut perkadaran (*proportion*) daripada sumber lain. Pemberian geran sepadan lazimnya diwujudkan bagi tujuan kepentingan awam atau faedah kepada komuniti dengan mewujudkan dana amanah khusus bagi penjanaan semula kawasan yang mempunyai kepentingan warisan.


Sumber dana boleh diperolehi melalui badan berkanun, badan korporat, syarikat swasta dan orang awam. Situasi menang-menang ini boleh diperolehi dalam bentuk perkongsian kos melalui sumbangan dan perkadaran dari sumber dana yang berbeza.

Sumber ini membolehkan pemilik tapak, kawasan atau bangunan lama melalui Program Penambahbaikan Kawasan (PPK) meningkatkan persekitaran premis mereka. Agensi atau pihak berkaitan pula memberi keutamaan kepada penambahbaikan dan penaiktarafan infrastruktur, melakukan promosi, menjalankan aktiviti serta program yang memberi nilai tambah kepada bangunan dan kawasan warisan yang telah dijana semula.

Situasi ini akan memberi faedah kepada pemilik bangunan lama, DBKL dan juga orang awam.

Pemberian insentif adalah tertakluk kepada kesesuaian serta kepentingan tapak warisan dan pematuhan kepada proses pelaksanaan geran sepadan seperti di Rajah 6.5.5. Ia juga perlu mematuhi garis panduan perancangan yang ditetapkan.

Rajah 6.5.5:
Proses Pelaksanaan Geran Sepadan



STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-6: MENGINTEGRASIKAN PENGANGKUTAN REL DAN PEMBANGUNAN SPATIAL

SENARIO PENGANGKUTAN REL DAN PEMBANGUNAN SPATIAL DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur merupakan bandar raya yang dilengkapi dengan sistem pengangkutan rel yang telah sedia ada, dalam pembinaan dan pada peringkat perancangan. Sistem ini menyokong pertumbuhan Kuala Lumpur yang semakin rancak serta meningkatkan tahap capaian pengguna kepada kemudahan dan perkhidmatan pengangkutan rel di Kuala Lumpur.

Integrasi pembangunan guna tanah dengan stesen transit rel merupakan cabaran utama dalam perancangan spatial di Kuala Lumpur kerana hampir keseluruhan stesen transit ini terletak dalam kawasan tepu bina sedia ada. Penawaran tanah kosong terutamanya di kawasan stesen transit rel adalah sangat terhad untuk pembangunan secara *infill*. Pengintegrasian stesen transit rel dan pembangunan guna tanah boleh dilaksanakan sekiranya terdapat kawasan untuk pembangunan semula seperti KLCC dan KL Sentral.

Kawasan stesen transit rel telah menjadi tumpuan pembangunan bercampur sebagai pusat pekerjaan, perdagangan dan tempat kediaman. Kawasan ini perlu mempunyai tahap kesalinghubungan yang tinggi ke stesen transit rel dengan penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti di aras jalan, laluan bawah tanah dan kemudahan jejantas pejalan kaki kepada pengguna.

Pembangunan bersepadu pengangkutan rel dan guna tanah juga boleh dilaksanakan melalui konsep pembangunan secara bawah tanah dan ruang udara selain pembangunan di aras tanah.

Konsep pembangunan bawah tanah dan ruang udara merupakan antara kaedah bagi memenuhi keperluan permintaan tanah yang semakin tinggi dengan kesediaan tanah yang terhad di Kuala Lumpur.

Konsep pembangunan bawah tanah pada masa ini hanya terhad kepada penyediaan laluan pejalan kaki dan tempat letak kereta. Konsep ini berpotensi untuk diperluaskan namun perlu dikawal selia melalui mekanisma perancangan dan mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada.

Konsep penggunaan ruang udara pula adalah bagi mewujudkan pembangunan bertindih di atas pembangunan sedia ada dan pewujudan pemilikan berlapis dengan lot di bawah dan di atas permukaan tanah. Konsep ini dilihat berpotensi untuk dilaksana bagi mengoptimumkan penggunaan ruang udara dengan pelbagai kegunaan aktiviti.

Draf PTKL2040 mencadangkan pengintegrasian pengangkutan dengan pembangunan guna tanah secara komprehensif dan berkesan melalui pelaksanaan konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) dan pembangunan spatial bawah tanah dan ruang udara supaya pembangunan yang bersepadu dan mampan di masa hadapan dapat dicapai.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, dua (2) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 6-6 seperti Rajah 6.6.1.

Rajah 6.6.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-6

SP 6-6	MENGINTEGRASIKAN PENGANGKUTAN REL DAN PEMBANGUNAN SPATIAL
CP 6-6.1	Perancangan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)
CP 6-6.2	Perancangan Pembangunan Ruang Bawah Tanah dan Ruang Udara Di Kawasan Transit dan Infrastruktur Utama

CADANGAN PELAKSANAAN

CP6-6.1: PERANCANGAN PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN TRANSIT (TOD)

Kawasan stesen transit menjadi pemangkin kepada pembangunan aktiviti guna tanah melalui pembangunan padat, kegunaan tanah bercampur dan pembangunan berorientasikan pejalan kaki. Pembangunan di sekitar stesen ini akan diterjemahkan ke dalam konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD). Ini secara tidak langsung akan mempengaruhi karakter kawasan sekitar, corak penggunaan transit, zon guna tanah dan intensiti pembangunan yang dirancang pada setiap stesen transit.


PSKL2040 telah menyenaraikan 27 stesen yang berpotensi untuk pembangunan TOD termasuk dua (2) stesen yang terletak di luar sempadan Kuala Lumpur, iaitu stesen Bandar Utama dan Stesen Gombak. Manakala Draf PTKL2040 pula mencadangkan tambahan 20 stesen transit daripada 103 stesen transit sebagai pembangunan TOD. Cadangan 20 stesen tambahan yang berpotensi adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:

1. Mempunyai kedapatan tanah yang belum dibangunkan;
2. Mempunyai kawasan atau tapak berpotensi untuk pembangunan semula; dan
3. Memfokus kepada jenis pembangunan bercampur dan berfungsi sebagai titik asal dan tujuan.

Terdapat 58 stesen transit yang tidak disenaraikan sebagai pembangunan TOD adalah kerana stesen tersebut tidak menepati ketetapan kriteria. Walau bagaimanapun, bagi stesen yang tidak disenaraikan sebagai pembangunan TOD juga layak menerima insentif perancangan bagi menggalakkan pembangunan berintensiti tinggi di sekitar stesen transit tertakluk kepada kesesuaian kawasan.

Draf PTKL2040 juga menggalakkan konsep pembangunan TOD dalam perancangan guna tanah bagi kawasan tadahan dalam radius 400 meter dari stesen transit yang terletak di luar sempadan Kuala Lumpur.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat dua (2) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-6.1.




INISIATIF PELAKSANAAN 6-6.1A

MENERAPKAN PRINSIP PERANCANGAN DI STESEN TRANSIT

Perancangan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) menerapkan prinsip reka bentuk bandar yang dianggap penting bagi perancangan pembangunan yang holistik dan berdaya huni. Prinsip pembangunan TOD ini adalah berdasarkan garis panduan perancangan pembangunan berorientasikan transit (TOD) serta adaptasi daripada contoh amalan terbaik pembangunan TOD daripada negara luar.

Langkah yang diperlukan bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti di Jadual 6.6.1.

Rajah 6.6.2: Konsep Pembangunan TOD




Jadual 6.6.1: Cadangan Prinsip TOD

Prinsip TOD	Keterangan
1. Pembangunan kegunaan bercampur dan pelbagai	a. Percampuran aktiviti dalam sesebuah bangunan atau antara aktiviti guna tanah bagi menggalakkan penggunaan transit; b. Kepelbagaian aktiviti di sekitar stesen dan kawasan berhampiran; dan c. Penyediaan kediaman dan ruang niaga mampu milik di kawasan TOD.
2. Pembangunan padat dan berintensiti tinggi	a. Intensiti pembangunan yang lebih tinggi terutamanya dalam lingkungan 400 meter dan 600 meter dari stesen
3. Berdaya huni	a. Penyediaan kawasan lapang, institusi, sivik dan kebajikan serta kemudahan keselamatan; b. Penyediaan kemudahan yang berkualiti, mudah akses dan mencukupi; c. Reka bentuk pembangunan yang berasaskan *active ground floor retail*; d. Reka bentuk pembangunan yang bersifat *human scale*; dan e. Menerapkan ciri-ciri prinsip CPTED dan reka bentuk sejagat.
4. Ketersambungan	a. Penyediaan pilihan mod pengangkutan yang efektif untuk bergerak dalam dan sekitar kawasan TOD (bas pengantara, pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti); dan b. Pembangunan bandar secara padat dengan rangkaian pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang menyeluruh.
5. Persekitaran yang mesra usia dan upaya (pejalan kaki, dan kenderaan mikromobiliti)	a. Penyediaan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang berterusan dan berkesinambungan (*seamless*) dengan kemudahan lintasan serta bebas halangan; b. Penyediaan lintasan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti yang mesra usia dan upaya serta diintegrasi dengan elemen pintar untuk tujuan keselamatan; c. Penyediaan kemudahan sokongan dan reka bentuk laluan yang dapat menyokong pergerakan semua golongan terutama orang kurang upaya termasuk penyediaan papan tanda bagi kurang upaya pendengaran dan masalah pembelajaran serta tempat letak basikal; d. Keutamaan kepada laluan pejalan berbumbung atau landskap teduhan bagi menggalakkan aktiviti pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti; dan e. Pencahayaan yang baik dan selamat bagi mengatasi kejadian jenayah terutamanya pada waktu malam.
6. Penerapan konsep perancangan mampan	a. Penerapan elemen bandar selamat, CPTED, reka bentuk sejagat, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon termasuklah penggunaan *smart pole, smart pedestrian technology*, CCTV dan *panic button*; dan b. Persekitaran yang bebas halangan dan akses kepada semua.

AMALAN TERBAIK

GAMBARAN CADANGAN KONSEP REKA BENTUK DAN KONSEP PEMBANGUNAN DI KAWASAN TOD





Gambaran cadangan penyediaan laluan pejalan kaki berbumbung bagi menggalakkan aktiviti pejalan kaki dalam kalangan warga kota.



Gambaran cadangan penyediaan lintasan pejalan kaki mesra pengguna yang berterusan dan selamat digunakan.



Gambaran cadangan penyediaan pilihan mod pengangkutan yang efektif untuk bergerak dalam dan sekitar kawasan TOD.



Gambaran penggunaan elemen pintar yang boleh dilaksanakan di Kuala Lumpur seperti pemasangan CCTV dan *bollard*.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-6.1B

MENETAPKAN BENTUK PEMBANGUNAN MENGIKUT KATEGORI TOD

PSKL2040 telah mengenal pasti lima (5) kategori pembangunan TOD mengikut aktiviti dan karakter sesuatu stesen transit. Ia secara tidak langsung akan menentukan zon guna tanah dan intensiti pembangunan mengikut stesen transit.

Penetapan kategori TOD seperti mana PSKL2040 adalah seperti berikut :

TOD 1: Pusat Bandar (CBD);
TOD 2: Pusat Pertumbuhan Utama
TOD 3: Kawasan Kejiranan;
TOD 4: Kawasan Institusi dan Kemudahan Awam; dan
TOD 5: Kawasan Pinggir Bandar.

Guna tanah dan intensiti pembangunan di kawasan TOD perlu dioptimumkan agar kepentingan dari aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial dapat diperolehi daripada pembangunan ini.

Langkah bagi menyokong inisiatif ini adalah melalui penetapan cadangan stesen berdasarkan kerangka garis panduan TOD seperti dijadual 6.6.2.

INFO RINGKAS

KERANGKA GARIS PANDUAN TOD

Jenis TOD/ Kategori	TOD 1 Pusat Bandar (CBD)	TOD 2 Pusat Pertumbuhan Utama	TOD 3 Kawasan Kejiranan	TOD 4 Kawasan Institusi dan Kemudahan Awam	TOD 5 Kawasan Pinggir Bandar
CORAK AKTIVITI PERBANDARAN	1. Pusat tumpuan perniagaan utama; 2. Pembangunan bercampur intensiti tinggi; 3. Kediaman berintensiti tinggi; dan 4. Kawasan pejabat utama.	1. Pusat tumpuan perniagaan; 2. Pembangunan bercampur sederhana tinggi; 3. Kediaman berintensiti tinggi sehingga sederhana tinggi; dan 4. Kawasan pejabat.	1. Kawasan kediaman; dan 2. Kawasan perniagaan kejiranan.	1. Pusat pengajian tinggi; 2. Pusat sukan, pusat kebudayaan sivik utama; dan 3. Kawasan pejabat pentadbiran.	1. Kawasan Kediaman ; 2. Industri; 3. Institusi; dan 4. Aktiviti pekerjaan khusus.
JENIS STESEN	Hab Pengangkutan	Stesen Pertukaran Bersepadu dan Rel	Stesen Rel		
PERKHIDMATAN TRANSIT	> 2 jenis perkhidmatan transit dalam Zon Teras TOD (KTM, MRT, LRT, monorel, BRT, tram, rel kelajuan tinggi).	> 2 jenis perkhidmatan transit dalam Zon Sekunder TOD (KTM, MRT, LRT, monorel, BRT, tram, rel kelajuan tinggi).	1 jenis perkhidmatan Transit dalam Zon Sekunder		1 jenis perkhidmatan Transit dalam lingkungan Zon Sokongan
INTENSITI PEMBANGUNAN	Intensiti Tinggi	Intensiti Sederhana Tinggi	Intensiti Sederhana		
KEMUDAHAN DISEDIAKAN	1. Bas Pengantara Rangkaian hubungan; 2. Jalan kaki sehingga zon sekunder; 3. Rangkaian hubungan kenderaan mikromobiliti sehingga zon sokongan; dan 4. Perkhidmatan Teksi, *e-hailing* dan lain-lain perkhidmatan pengangkutan awam.				1. Sama seperti penyediaan kemudahan di TOD 1 sehingga TOD 4; dan 2. Kemudahan Hentian dan Jalan


Sumber : Olahan dari PSKL2040

Jadual 6.6.2: Cadangan Stesen Berdasarkan Kerangka Garis Panduan TOD

Bilangan	Senarai Stesen TOD (PSKL2040)	Bilangan	Senarai Stesen TOD (Draf PTKL2040)
1.	KL Sentral	28.	Sri Rampai
2.	Hang Tuah	29.	Kampung Baru
3.	Masjid Jamek	30.	Dato' Keramat
4.	Sungai Besi	31.	Damai
5.	Sentul Timur	32.	Maharajalela
6.	Sentul Barat	33.	Kuchai
7.	Sentul	34.	Cochrane
8.	Ampang Park	35.	Kentonmen
9.	Mid Valley	36.	Hospital Kuala Lumpur
10.	Titiwangsa	37.	KLCC
11.	Chan Sow Lin	38.	Taman Connaught
12.	Salak Selatan	39.	Sri Delima
13.	Taman Midah	40.	Putra
14.	TRX	41.	Kepong Baru
15.	Kerinchi	42.	Pudu
16.	Bukit Bintang	43.	Bandar Malaysia North
17.	Pasar Seni	44.	Persiaran KLCC
18.	Maluri	45.	Conlay
19.	Bukit Jalil	46.	Bandaraya/Bank Negara
20.	Bandar Malaysia South	47.	Taman Tun Dr. Ismail
21.	Sentul Bandar Baru		
22.	Kepong Sentral		
23.	Kampung Batu		
24.	Setiawangsa		
25.	Pandan Jaya		
26.	Bandar Utama (Luar Sempadan Kuala Lumpur		
27.	Gombak (Luar Sempadan Kuala Lumpur		

Nota: Jumlah keseluruhan adalah 47 stesen TOD dalam Kuala Lumpur, iaitu stesen TOD 1 sehingga 27 adalah stesen TOD yang telah disenaraikan oleh PSKL2040 manakala stesen TOD 28 sehingga 47 adalah cadangan stesen transit tambahan Draf PTKL2040.

Sumber : Olahan dari PSKL2040



RAJAH 6.6.3 | Pelan Cadangan Stesen Transit yang Berpotensi untuk Pembangunan Berorientasi Transit (TOD)

Petunjuk :

Sedia ada

- Stesen Transit untuk Konsep TOD 1
- Stesen Transit untuk Konsep TOD 2
- Stesen Transit untuk Konsep TOD 3
- Stesen Transit untuk Konsep TOD 4
- Stesen Transit untuk Konsep TOD 5
- * Stesen di luar sempadan Kuala Lumpur

Laluan Pengangkutan Awam

- Laluan MRT dan Stesen
- Laluan LRT dan Stesen
- Laluan Monorail dan Stesen
- Laluan KTM dan Stesen
- Laluan ERL dan Stesen

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur
- Koridor Laluan MRT 3 dan Stesen (Dalam Perancangan)

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-6.2: PERANCANGAN PEMBANGUNAN RUANG BAWAH TANAH DAN RUANG UDARA DI KAWASAN TRANSIT DAN INFRASTRUKTUR UTAMA


Kepesatan pembangunan, kepadatan penduduk dan kekangan tanah yang terhad di Kuala Lumpur memerlukan pendekatan perancangan yang melibatkan pembangunan ruang bawah tanah dan penggunaan ruang udara. Pendekatan perancangan ini juga membolehkan sumber tanah dan reruang yang ada digunakan secara optimum dan lebih berkesan. Penggunaan ruang udara dan pembangunan bawah tanah dan penggunaan ruang udara kini menjadi trend kepada pembangunan bandar moden seiring dengan perkembangan teknologi dan pembangunan pesat bandar raya di dunia.

Kawasan yang menjadi keutamaan bagi pelaksanaan perancangan ruang bawah tanah dan ruang udara adalah di kawasan Zon Guna Tanah Perdagangan dan Pembangunan Bercampur yang berintensiti tinggi termasuk kawasan Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD).

Komponen utama pembangunan di bawah tanah yang dicadangkan adalah aktiviti perdagangan, rekreasi, industri kreatif dan pusat aktiviti sosial. Pelaksanaannya perlu memastikan kualiti persekitaran dan ruang yang disediakan dibawah tanah adalah berkualiti tinggi, selamat dan selesa untuk pengguna.

Pindaan kepada Kanun Tanah Negara (KTN) pada tahun 1990 dan 2016 telah membolehkan tanah di bawah tanah diguna dan dibangunkan untuk aktiviti yang dibenarkan. Manakala, komponen utama ruang udara perlu diteliti berdasarkan kepada aktiviti yang dibenarkan mengikut peruntukkan undang-undang dan garis panduan semasa.

Pendekatan terhadap pelaksanaan cadangan ini adalah melalui polisi, kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-6.2.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-6.2A

MENCADANGKAN PEMBANGUNAN RUANG BAWAH TANAH

Pembangunan ruang bawah tanah perlu digalakkan terutamanya di kawasan TOD untuk memastikan penggunaan ruang dan tanah yang optimum. Pelaksanaan Inisiatif ini juga mampu menjadi alternatif baharu bagi mengatasi isu kekurangan tanah untuk pembangunan di Kuala Lumpur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan pembangunan aktiviti berasaskan Zon Guna Tanah Perdagangan, Kemudahan Masyarakat dan aktiviti lain yang mampu menyokong pelaksanaan konsep bandar bawah tanah yang *vibrant* dan dinamik;
2. Memastikan kemudahsampaian yang baik bagi perkhidmatan pengangkutan awam dan kesalinghubungan bagi mod mobiliti aktif merangkumi laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
3. Memastikan penyediaan infrastruktur dan kemudahan sokongan yang lengkap; dan
4. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti Elemen Reka Bentuk Bandar Selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-6.2B

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN RUANG UDARA

Pembangunan ruang udara bagi tanah yang belum dibangunkan adalah digalakkan terutama di kawasan pembangunan TOD dan zon pembangunan bercampur.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan pembangunan ruang udara sebagai kawasan rekreasi atau ruang hijau bagi menyokong pelaksanaan bandar yang rendah karbon dan pengurangan *urban heat island*;
2. Membangunkan ruang udara sebagai kemudahan yang menyokong kesalinghubungan bandar yang baik dan berkonsepkan pedestrian-oriented seperti pembangunan *skyways* atau *elevated linkages* antara bangunan;
3. Memastikan ketersediaan serta penyelenggaraan bagi kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan lain yang lengkap dan mampu menampung keperluan pengguna dan pengunjung; dan
4. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti Elemen Reka Bentuk Bandar Selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.


INFO RINGKAS

KONSEP PEMBANGUNAN BAWAH TANAH


Kegunaan ruang bawah tanah adalah berorientasikan pejalan kaki dan aktiviti yang boleh dicadangkan adalah perdagangan dan rekreasi seperti pejabat, pusat membeli belah, restoran, pusat sukan, hotel, dewan konvensyen, pusat pendidikan dan klinik kesihatan.

Selain itu, pembangunan bawah tanah ini juga berfungsi menghubungkan dua (2) bangunan atau lebih bagi mewujudkan ekosistem bandar yang mempunyai kemudahsampaian pejalan kaki yang baik.

Konsep ini mengamalkan *inverted dome pattern* berbanding *Gaussian distribution*, yang menjadikan kawasan pembangunan bawah tanah lebih terhubung dengan kemudahsampaian yang baik dan kegunaan ruang yang lebih vibrant dan dinamik. Ia dapat menarik jumlah pejalan kaki yang tinggi dan memacu pembangunan ekonomi dengan pesat serta mengurangkan isu kesesakan di jalan raya.



Sumber: *Underground Infrastructures; Planning, Design, and Construction*



Sumber: *Urban Subterranean Space: A link between a ground level public space and underground infrastructure*

AMALAN TERBAIK

PEMBANGUNAN RUANG BAWAH TANAH DAN UDARA DI JEPUN




Lokasi: Kyoto Station
Sumber: *https://media.timeout.com/images/102540127/image.jpg*

Terrace rooftop garden di Kyoto Station menjadi tempat tumpuan pelancong kerana berfungsi sebagai *observatory deck* untuk menikmati pandangan Bandar Kyoto.



Lokasi: Tenjin Chikagai Underground Street, Jepun
Sumber: *https://www.researchgate.net/publication/325444556/*

Pembangunan kompleks bawah tanah di Tenjin Chikagai Underground Street yang menghubungkan sistem pengangkutan rel.



Lokasi: High Line Park, Manhattan
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/Pitk18*

Pemandangan bandar yang indah dari High Line Park di Manhattan adalah sebuah taman linear popular yang dibina di atas landasan kereta api bertingkat di atas Tenth Avenue di New York City.

INISIATIF PELAKSANAAN 6-6.2C

MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN MELALUI KONSEP SPATIUM

Pembangunan melalui konsep spatium memfokus kepada pembangunan bertindih di atas pembangunan sedia ada dengan pemilikan berlapis. Konsep ini bertujuan untuk menangani ketersediaan tanah yang terhad dan keperluan permintaan tanah yang semakin tinggi di Kuala Lumpur untuk pembangunan masa hadapan. Konsep ini akan mengambil kira pelbagai aspek merangkumi perundangan, impak fizikal dan sosial, ekonomi dan keupayaan infrastruktur serta keselamatan.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediakan garis panduan khusus berkaitan yang merangkumi lokasi, keluasan, struktur sokongan dan keperluan akses;
2. Menyelaraskan peruntukan undang-undang berkaitan melalui pemberimilikan dan pajakan;
3. Memastikan keupayaan dan ketersediaan infrastruktur bangunan dan persekitaran;
4. Memastikan tahap keselamatan pembangunan dan kesiapsiagaan terhadap risiko bencana; dan
5. Menerapkan konsep perancangan mampan seperti Elemen Reka Bentuk Bandar Selamat (CPTED), reka bentuk sejagat, bangunan hijau, teknologi pintar dan konsep Bandar Rendah Karbon.

AMALAN TERBAIK

PEMBANGUNAN MELALUI KONSEP SPATIUM DI JEPUN



Lokasi: Osaka, Jepun
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/AsiaTravel*

Pemandangan bandar terkenal Osaka dengan lebuh raya bertingkat yang melalui bangunan pejabat di pusat perniagaan Jepun, iaitu bandar ketiga terbesar di wilayah Kansai.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-7: MENGAWAL SELIA PEMBANGUNAN DI ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)

SENARIO PEMBANGUNAN DI ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK) KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur mempunyai kepelbagaian flora dan fauna sebagai aset warisan semula jadi yang menyokong ke arah pembangunan mampan. Akibat kepesatan pembangunannya, kes bencana alam sekitar dan bencana terus meningkat.

Trend insiden banjir kilat di Kuala Lumpur telah meningkat dalam tempoh sepuluh (10) tahun. Sebanyak tujuh (7) kes direkodkan pada tahun 2011 dan meningkat menjadi 13 kes pada 2020. Terdapat juga kes kejadian tanah runtuh di kawasan bercerun curam yang menjejaskan kualiti kehidupan warga bandar.

Pengekalan kawasan berhutan sebagai elemen Pengurusan Kawasan Khas (PKK) adalah berpotensi untuk menghasilkan impak positif pada persekitaran seperti mengurangkan kesan pulau haba bandar, merendahkan suhu tempatan dan menjadi habitat untuk pelbagai flora dan fauna.

PSKL2040 telah memberi penekanan khusus terhadap perancangan dan pembangunan kawasan yang penting. Ia meliputi perlindungan alam semula jadi, kepelbagaian biodiversiti dan pemeliharaan ekosistem daripada tekanan pembangunan yang semakin rancak.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, terdapat satu (1) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 6-7 seperti Rajah 6.7.1.

INFO RINGKAS

KEPENTINGAN HUTAN SEBAGAI PKK

1.	Membekalkan oksigen
2.	Menjadi habitat untuk flora dan fauna
3.	Merendahkan suhu tempatan
4.	Mengurangkan kesan pulau haba bandar



Lokasi: Taman Rimba Bukit Nanas
Sumber: https://www.shutterstock.com/g/gwoeii

Taman Rimba Bukit Nanas yang dikelilingi dengan pembangunan pesat di Pusat Bandar Raya perlu dilindungi bagi membantu pengurangan kesan pulau haba di Kuala Lumpur.

Rajah 6.7.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-7

SP 6-7	MENGAWAL SELIA PEMBANGUNAN DI ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)
CP 6-7.1	Pengkelasan Jenis dan Tahap Zon Pengurusan Kawasan Khas (PKK)


CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-7.1: PENGKELASAN JENIS DAN TAHAP ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)


Zon Pengurusan Kawasan Khas (PKK) yang menerima impak pembangunan akan mengubah kestabilan ekosistem dan boleh mempengaruhi kualiti persekitaran alam sekitar. Perancangan guna tanah keseluruhan perlu disepadukan dengan ketersediaan Zon PKK yang meliputi kawasan berhutan, badan air serta kawasan berbukit dan bercerun. Kawasan ini menerima tekanan pembangunan daripada kawasan sekitar yang pesat dengan aktiviti fizikal, ekonomi dan sosial. Senario ini memerlukan tindakan pengezonan dan pengurusan yang efisien ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) disamping untuk menyeimbangkan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di Kuala Lumpur.

Ketersediaan Zon PKK menjelang tahun 2040 adalah seluas 1,272.76 hektar (5.23 peratus) dari luas Kuala Lumpur yang perlu diintegrasikan dengan Peta Zon Guna Tanah dan Intensiti KLCDP2022.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui kawalan perancangan dan garis panduan. Terdapat tiga (3) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-7.1.



Hutan Simpan Kekal Bukit Nanas merupakan Zon Pengurusan Kawasan Khas (PKK) yang signifikan di Kuala Lumpur.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-7.1A

MENGKLASIFIKASIKAN ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)

Tahap Zon PKK adalah berbeza mengikut sifat sumber jaya dan kepekaannya untuk menerima kesan daripada pembangunan dimana sebarang bentuk pembangunan perlu mengambil kira kualiti persekitaran di kawasan tersebut.

Draf PTKL2040 mencadangkan klasifikasi khas bagi tahap PKK di Kuala Lumpur seperti berikut:

Jadual 6.7.1:
Cadangan Klasifikasi PKK di Kuala Lumpur


Klasifikasi PKK	Perincian
Zon PKK Tahap 1: Kawasan Perlindungan Biodiversiti Semula Jadi (kawalan tinggi)	Zon PKK Tahap 1 merupakan Hutan Simpan Kekal (HSK) semula jadi yang telah diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Kawasan ini merupakan sumber jaya semula jadi yang menampung kepelbagaian biologikal bernilai tinggi serta amat sensitif kepada impak pembangunan di sekitarnya. Aktiviti dijalankan perlu memberi penekanan terhadap aspek pemeliharaan dan pengekalan persekitaran yang tidak menjejaskan sifat ekosistem sumber jaya. Zon PKK Tahap 1 ini merupakan Zon Guna Tanah Hutan Simpan (FR).
Zon PKK Tahap 2: Kawasan Pemuliharaan Biodiversiti (kawalan sederhana)	Zon PKK Tahap 2 adalah kawasan sumber jaya berhutan yang menyokong kepada kerja pemuliharaan. Ia juga sensitif pada impak pembangunan di sekitarnya pada tahap sederhana. Aktiviti dijalankan memberi impak yang sederhana sahaja dibenarkan tanpa menjejaskan sifat ekosistem sumber jaya tersebut. Zon PKK Tahap 2 ini merupakan Zon Guna Tanah Kawasan Lapang Awam 1 (OS1).
Zon PKK Tahap 3: Kawasan Pembangunan Terkawal (kawalan rendah)	Zon PKK Tahap 3 mempunyai sumber jaya semula jadi yang mampu dibangunkan dengan pembangunan terpilih dan terkawal sahaja. PKK Tahap 3 ini adalah tertakluk kepada pematuhan Peta Zon Guna Tanah dan Intensiti KLDCP2024, Draf PTKL2040 serta keperluan perancangan yang terkandung dalam garis panduan yang berkaitan.




Pemeliharaan HSK Bukit Nanas sebagai Zon PKK tahap 1 yang kini dikelilingi tepu bina akan menyeimbangkan kualiti persekitarannya.



Taman Persekutuan Bukit Kiara merupakan Zon PKK hutan taman rimba yang perlu dipelihara dan dipulihara.



Taman Tasik Ampang Hilir merupakan badan air yang memberi keseimbangan alam dengan pembangunan di Kuala Lumpur.



RAJAH 6.7.2 | Pelan Tahap Pengurusan Kawasan Khas (PKK)

Petunjuk :

- Zon PKK Tahap 1
- Zon PKK Tahap 2
- Zon PKK Tahap 3

Lain-lain

- Sempadan Kuala Lumpur

INISIATIF PELAKSANAAN 6-7.1B

MENGENAL PASTI ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)

Perkembangan terkini perubahan iklim dunia turut mengancam ketersediaan sumber jaya di Kuala Lumpur jika ia tidak diurus dengan baik.

Draf PTKL2040 telah mengenal pasti jenis dan tahap PKK di Kuala Lumpur agar dapat mengawal sumber jaya yang telah dikenal pasti, dipantau dan diurus dengan baik. Ia juga akan menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang mampan dan berdaya tahan sehingga tahun 2040.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah melalui pengkelasan PKK mengikut tahap kawalan yang berbeza bergantung kepada ekosistem sumber jaya tersebut seperti di Jadual 6.7.2.


Lokasi: Taman Bukit Mas

Bukit Tabor merupakan kawasaan bukit dan bercerun yang perlu dipelihara dan dipulihara bagi menjaga ekosistem sumber jaya alam semula jadi.

Jadual 6.7.2:
Pengkelasan Jenis dan Tahap PKK di Kuala Lumpur

Tahap PKK	PKK	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Tahap 1	Hutan Simpan Kekal (HSK) yang dikenal pasti adalah: 1. HSK Bukit Lagong (Tambahan); 2. HSK Bukit Nanas; 3. HSK Bukit Sungai Puteh; 4. HSK Sungai Besi; dan 5. HSK Sungai Besi Tambahan	84.62	6.65
Tahap 2	Taman Hutan Bandar yang dikenal pasti adalah: 1. Taman Persekutuan Bukit Kiara; dan 2. Hutan Rimba Bukit Kerinchi.	223.21	17.54
Tahap 3	Sungai, kolam dan kawasan takungan banjir yang dikenal pasti adalah: 43 kolam dan kawasan takungan banjir 3 sungai utama, 9 sungai besar dan 4 sungai kecil	 381.44 429.69	 29.97 33.76
Tahap 3	Kawasan bukit yang dikenal pasti adalah: 1. Hutan Simpan Kekal Bukit Nanas (95 meter); 2. Sebahagian Bukit Sg. Besi (295 meter); 3. Sebahagian Bukit Arang (Universiti Malaya) (140 meter); 4. Sebahagian Bukit Gasing (Pantai Dalam) (155 meter); 5. Sebahagian Bukit Dinding, Wangsa Maju (295 meter); 6. Sebahagian Bukit Batu Tabor dan Bukit Mas (300 meter); 7. Sebahagian Bukit Pudu (165 meter); dan 8. Sebahagian Taman Persekutuan Bukit Kiara (260 meter). Kawasan cerun Kelas IV (Melebihi 35°) yang dikenal pasti adalah: 1. Bukit Lanjan; 2. Bukit Kiara; 3. Bukit Gasing; 4. Bukit Dinding; 5. Bukit Batu Tabor; dan 6. Bukit Sungai Besi.	153.80	12.08
	Jumlah	**1,272.76**	**100.00**

INISIATIF PELAKSANAAN 6-7.1C

MENGURUS ZON PENGURUSAN KAWASAN KHAS (PKK)

Pembangunan di PKK perlu diurus dengan mengambil kira aspek tahap, lokasi dan aktiviti yang dibenarkan bagi memelihara dan memulihara sumber jaya PKK. Keperluan pengurusan dan pematuhan kawalan pembangunan adalah usaha untuk mencapai pembangunan mampan di Kuala Lumpur selaras dengan hasrat SDGs.

Langkah yang perlu dalam menyokong inisiatif ini adalah melalui kawalan pembangunan seperti di Jadual 6.7.3. Kawalan pembangunan perlu bagi mengelakkan kesan yang ketara pada PKK yang telah dikenal pasti.

Pematuhan terhadap Peta Zon Guna Tanah dan Intensiti KLDCP2024 serta keperluan perancangan yang terkandung dalam garis panduan yang berkaitan perlu dirujuk.


Lokasi: Sungai Kuyoh

Sungai Kuyoh merupakan badan air yang perlu dikawal dan dijaga agar tidak menggangu kestabilan ekosistem semula jadi.

Jadual 6.7.3:
Kawalan Pembangunan di Kawasan Pengurusan Kawasan Khas Mengikut Tahap

PKK	Aktiviti atau Kerja yang Dibenarkan	Bentuk Kawalan
Tahap 1 - HSK: 1. HSK Bukit Lagong (Tambahan); 2. HSK Bukit Nanas; 3. HSK Bukit Sg Puteh; 4. HSK Sungai Besi; dan 5. HSK Sungai Besi Tambahan Zon Guna Tanah ialah Hutan Simpan (FR)	a. Kerja pemeliharaan, pemuliharaan dan penyelenggaraan; b. Penyelidikan dan pembangunan (R&D); c. Ekopelancongan; d. Rekreasi atau riadah; e. Pejabat (Kelas Kegunaan A3); dan f. Kemudahan melibatkan makanan dan minuman (Kelas Kegunaan A5).	a. Mengamalkan kaedah mesra alam yang tidak menjejaskan kestabilan ekosistem dan berimpak rendah; dan b. Mematuhi garis panduan dan syarat khas teknikal yang sesuai.
Tahap 2 - Taman hutan bandar: 1. Taman Persekutuan Bukit Kiara; dan 2. Hutan Rimba Bukit Kerinchi. Zon Guna Tanah ialah Kawasan Lapang Awam 1 (OS1)	a. Kerja pemeliharaan, pemuliharaan dan penyelenggaraan; b. Penyelidikan dan pembangunan (R&D); c. Rekreasi atau riadah; d. Pejabat (Kelas Kegunaan A3); e. Kemudahan melibatkan makanan dan minuman (Kelas Kegunaan A5); dan f. Hiburan (Kelas Kegunaan A6).	a. Mengamalkan kaedah mesra alam yang tidak mengganggu kestabilan ekosistem dan berimpak sederhana; dan b. Mematuhi garis panduan dan syarat khas teknikal yang sesuai.
Tahap 3 - Badan air: Sungai dan kolam atau kawasan takungan banjir Zon Guna Tanah ialah Infrastruktur dan Utiliti (IU), iaitu Saliran (Kelas Kegunaan H3)	a. Kerja pemeliharaan, pemuliharaan dan penyelenggaraan; b. Penyelidikan dan pembangunan (R&D); c. Rekreasi atau riadah; dan d. Pembangunan perdagangan atau kediaman tertakluk kepada kesesuaian perancangan.	a. Mengamalkan kaedah mesra alam yang tidak mengganggu kestabilan ekosistem dan berimpak sederhana; b. Laporan Saliran dan Pengairan mengikut Manual Saliran Mesra Alam 2 (MSMA2); dan c. Mematuhi garis panduan dan syarat khas teknikal yang sesuai.

Jadual 6.7.3:
Kawalan Pembangunan di Kawasan Pengurusan Kawasan Khas Mengikut Tahap (sambungan)

PKK	Aktiviti atau Kerja yang Dibenarkan	Bentuk Kawalan
Tahap 3 - Kawasan berbukit (150-300 meter): 1. Hutan Simpanan Kekal Bukit Nanas; 2. Sebahagian Bukit Sungai Besi; 3. Sebahagian Bukit Arang (dalam kawasan Kampus Universiti Malaya); 4. Sebahagian Bukit Gasing (pinggiran di kawasan Pantai Dalam); 5. Sebahagian Bukit Dinding di Wangsa Maju; 6. Sebahagian Bukit Batu Tabor dan Bukit Mas; 7. Sebahagian Bukit Pudu; dan 8. Sebahagian Taman Awam Berskala Besar, Bukit Kiara. (Tahap 3 - Kawasan bercerun Kelas IV (Melebihi 35^0): 1. Bukit Lanjan; 2. Bukit Kiara; 3. Bukit Gasing; 4. Bukit Dinding; 5. Bukit Batu Tabor; dan 6. Bukit Sungai Besi. Rujuk Peta Zon Guna Tanah dan Intensiti KLCDP2024 untuk Zon Guna Tanah	a. Kerja pemeliharaan, pemuliharaan dan penyelenggaraan; b. Penyelidikan dan pembangunan (R&D); c. Rekreasi atau riadah; d. Kediaman (tanah pemilikan sendiri); e. Pejabat (Kelas Kegunaan A3); f. Kemudahan melibatkan makanan dan minuman (Kelas Kegunaan A5); dan g. Hiburan (Kelas Kegunaan A6).	a. Menyediakan kajian kejuruteraan dan pelan kerja tanah; b. Mengamalkan pendekatan kejuruteraan penstabilan cerun (*engineering solutions*); c. Mematuhi keperluan kajian geoteknikal cerun; d. Menyediakan kerja pemetaan geologi dan geomorfologi; e. Menyediakan Kajian Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) terperinci termasuk Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP); f. Menyediakan Laporan Saliran dan Pengairan mengikut Manual Saliran Mesra Alam 2 (MSMA2); dan g. Mematuhi garis panduan dan syarat khas teknikal yang sesuai.



Lokasi: Bukit Gasing, Kuala Lumpur
Sumber: *https://www.shutterstock.com/g/Peter+Simetzberger*

Bukit Gasing merupakan kawasaan berbukit pada tahap 3 yang perlu di pelihara dan dipulihara.

STRATEGI PERANCANGAN

SP 6-8: MERANCANG PEMBANGUNAN YANG BERKUALITI DI KAMPUNG TRADISI DAN KAMPUNG BIASA

SENARIO PEMBANGUNAN KAMPUNG TRADISI DAN KAMPUNG BIASA DI KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur masih mempunyai kawasan perkampungan lama yang terletak di luar Pusat Bandar Raya. PSKL2040 telah mengenal pasti enam (6) kampung tradisi yang terdiri daripada Kampung Tradisi dan Separa Tradisi.

Perkampungan ini tidak menunjukkan profil tradisi yang jelas seperti komponen budaya, seni bina, aktiviti ekonomi dan sebagainya. Isu ini didorong oleh peletakan kampung tersebut dalam kawasan perbandaran di mana sejarah kewujudannya adalah berasaskan kepada peranan Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi.

Identiti tradisi perkampungan di Kuala Lumpur yang masih kekal dapat dilihat secara jelas melalui karakter dan seni bina bangunan serta suasana kampung. Karakter kampung juga boleh dilihat melalui perancangan jalan yang kecil, susunan kediaman yang rapat, lot-lot kediaman yang tidak memiliki akses serta penyediaan kemudahan masyarakat kampung pada tahap yang sederhana dan berpusat.

Draf PTKL2040 mencadangkan agar kampung-kampung yang masih memiliki nilai tradisi dikekalkan dan dipelihara melalui program penambahbaikan infrastruktur, pemerkasaan kemudahan masyarakat, kawasan lapang, pembangunan pelancongan dan pemeliharaan Zon Tradisi Khas.

Demi merealisasikan Kuala Lumpur ke arah penggunaan ruang yang lebih produktif dan efektif, empat (4) Cadangan Pelaksanaan telah dikenal pasti di bawah Strategi Perancangan 6-8 seperti Rajah 6.8.1.

INFO RINGKAS

JENIS KAMPUNG DI KUALA LUMPUR

- **6** Kampung Tradisi
- **7** Kampung Potensi Pembangunan
- **24** Kampung Biasa

Rajah 6.8.1:
Cadangan Pelaksanaan bagi Strategi Perancangan 6-8

SP 6-8 MERANCANG PEMBANGUNAN YANG BERKUALITI DI KAMPUNG TRADISI DAN KAMPUNG BIASA

- **CP 6-8.1** Pemerkasaan Identiti Zon Perkampungan Tradisi 1 (TV1)
- **CP 6-8.2** Pengawalan Perancangan Perkampungan Tradisi 2 (TV2)
- **CP 6-8.3** Pemerkasaan Kampung Potensi Pembangunan
- **CP 6-8.4** Perancangan Pembangunan Kampung Biasa


Kriteria dalam mengklasifikasikan kawasan perkampungan di Kuala Lumpur adalah berbeza mengikut keadaan semasa, keupayaan infrastruktur dan masyarakat setempat.

Draf PTKL2040 telah mencadangkan klasifikasi khas bagi kampung di Kuala Lumpur untuk tujuan pemeliharaan, pemuliharaan dan penyediaan pembangunan yang sewajarnya seperti berikut:

Jadual 6.8.1: Senarai Kampung Tradisi, Kampung Potensi Pembangunan dan Kampung Biasa di Kuala Lumpur

Jenis Kampung	Senarai Kampung	Perincian
Kampung Tradisi	**1. Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 1 (TV1)** a. Sebahagian Kampung Padang Balang. **2. Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 2 (TV2)** a. Sebahagian Kampung Padang Balang (selain daripada yang dizonkan kampung tradisi); b. Sebahagian Kampung Sungai Mulia; c. Sebahagian Kampung Sungai Merali; d. Kampung Banda Dalam; e. Sebahagian Kampung Chubadak Hulu; dan f. Sebahagian Kampung Puah Asal.	**Kampung Tradisi** dibahagikan kepada dua (2) zon, iaitu Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 1 (TV1) merupakan kawasan yang dikawal pembangunannya dan Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 2 (TV2), iaitu kawasan yang dibenarkan pembangunan dengan syarat tertentu serta berperanan sebagai penampan kepada zon guna tanah TV1 dan kawasan pembangunan lain;
Kampung Potensi Pembangunan	1. Kampung Sungai Penchala; 2. Kampung Bukit Lanjan; 3. Kampung Palimbayan; 4. Kampung Segambut; 5. Kampung Selayang Lama; 6. Kampung Datuk Keramat; dan 7. Kampong Bharu.	**Kampung Potensi Pembangunan** adalah kampung yang telah dikenal pasti berpotensi dibangunkan tertakluk kepada intensiti yang ditetapkan seiring dengan kawasan persekitarannya. Kampung ini diberi nafas baharu melalui cadangan penambahbaikan seperti pembangunan jaringan jalan, infrastruktur, utiliti dan kemudahan masyarakat yang bersesuaian; dan
Kampung Biasa	1. Kampung Semarak; 2. Kampung Pandan Melayu; 3. Kampung Pandan India; 4. Kampung Pasir Baru; 5. Kampung Pantai Dalam; 6. Kampung Muhibbah; 7. Kampung Petaling Bahagia; 8. Kampung Batu Muda; 9. Kampung Seri Batu; 10. Kampung Melayu Segambut; 11. Kampung Pasir Segambut; 12. Kampung Segambut Tengah; 13. Kampung Segambut Bahagia; 14. Kampung Delima; 15. Kampung Batu Muda Tambahan; 16. Kampung Desa Bakti; 17. Kampung Malaysia Tambahan; 18. Kampung Malaysia Raya; 19. Kampung Melayu FRIM; 20. *Kampung Baru Salak Selatan; 21. *Kampung Baru Cheras Baru; 22. *Kampung Baru Jinjang Selatan; 23. *Kampung Baru Jinjang Utara; dan 24. *Kampung Baru Kolam Air Panas.	**Kampung Biasa** adalah kampung yang telah membangun seiring dengan tekanan pembangunan semasa pada skala sederhana dan terdapat juga yang telah membangun menjadi perumahan terancang. Walau bagaimanapun, masih terdapat kampung yang mengamalkan budaya dan gaya hidup masyarakat kampung dengan menjalankan aktiviti sara diri.

*Nota: *Kampung Baru*



RAJAH 6.8.2 | Pelan Taburan Kawasan Kampung Tradisi, Kampung Biasa dan Kampung Potensi Pembangunan di Kuala Lumpur

Petunjuk :

- Kawasan Tradisi
- Kampung Potensi Pembangunan
- Kampung Biasa

Lain-lain

- Jalan Raya
- Sempadan Kuala Lumpur

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-8.1: PEMERKASAAN IDENTITI ZON PERKAMPUNGAN TRADISI 1 (TV1)

Perkampungan tradisi merupakan kawasan yang telah diwarisi beberapa generasi dengan ciri identiti budaya orang Melayu. Perkampungan ini wujud secara tidak dirancang serta organik dengan corak penempatan berjajar dan berkelompok.

Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi (TV1) melibatkan sebahagian daripada Kampung Padang Balang dengan keluasan 41.23 hektar. Zon ini berpotensi dipelihara berdasarkan kepada status Tanah Rizab Melayu. Kedapatan nilai sejarah yang masih kukuh, terdapat suasana perkampungan Melayu serta memiliki aset semula jadi seperti Sungai Gombak menjadikan ia sesuai untuk dikekalkan.

Zon guna tanah bagi kawasan ini adalah Zon Perkampungan Tradisi 1 (TV1) di mana ciri-ciri dan persekitaran kampung akan dipelihara dan dipertahankan seperti jenis rumah sesebuah atau berkembar yang mempunyai reka bentuk bercirikan tradisi rumah Melayu dengan ketinggian tidak melebihi tiga (3) tingkat.

Kawalan pembangunan di Zon Tradisi ini boleh dilaksanakan melalui kelas kegunaan tanah dan bangunan bagi zon guna tanah TV1.


Kawasan ini juga akan memberi penekanan dan galakan terhadap pembangunan pelancongan warisan berkonsepkan '*living museum*' melalui penyediaan kemudahan sokongan seperti landskap kampung, jalan masuk, pintu gerbang dan perancangan aktiviti pelancongan.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan program dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-8.1.



Lokasi: Kampung Padang Balang

Rumah Melayu Tradisional di Kampung Padang Balang.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-8.1A

MENGAWAL PERANCANGAN PEMBANGUNAN ZON PERKAMPUNGAN TRADISI 1 (TV1)

Pengawalan perancangan pembangunan di kawasan perkampungan tradisi di jalankan bertujuan untuk memastikan kawasan kampung tradisi dapat berkembang secara terkawal. Kawalan perancangan pembangunan di kawasan ini adalah untuk mengekalkan nilai tradisional asli kampung.


Langkah dalam usaha untuk menyokong inisiatif ini adalah melalui kawalan pembangunan seperti berikut:

1. Menyediakan dan melaksanakan Pelan Induk dan Pelan Reka Bentuk Bandar terperinci bagi kawasan Kampung Tradisi;
2. Menggalakkan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan ke arah elemen tradisi seperti kraf tangan dan produk makanan;
3. Menggalakkan aktiviti industri kotej ke arah tradisi seperti seni ukiran, pembuatan alat muzik tradisional dan senjata tradisional serta lain-lain;
4. Menggalakkan aktiviti *homestay* dalam kalangan penduduk dan berdaftar dengan pihak berwajib untuk menyokong aktiviti pelancongan tradisi;
5. Membenarkan jenis kediaman sesebuah dan berkembar dengan kawalan ketinggian yang tidak melebihi tiga (3) tingkat;
6. Mengawal reka bentuk bangunan bercirikan tradisi Melayu;
7. Memperkukuhkan perancangan infrastrukur jalan dan utiliti seperti menaiktaraf Jalan Padang Balang dan Jalan Bandar Dalam sebagai jalan utama;
8. Mengenal pasti kaedah mengekalkan karakter dan intensiti pembangunan melalui pendekatan inovatif seperti *Transfer of Development Right* (TDR);
9. Membangunkan komponen rekreasi di sepanjang dan merentasi Sungai Gombak merangkumi kawasan rehat dan rekreasi, laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti;
10. Menyediakan inskripsi sejarah yang menerangkan kewujudan kampung di Kuala Lumpur;
11. Menyediakan empat (4) pintu masuk formal ke Zon Guna Tanah TV1 dengan elemen papan tanda dan landskap seperti di Rajah 6.8.3 dan Jadual 6.8.2;
12. Menggalakkan penduduk kampung menyediakan komponen sokongan pelancongan seperti *homestay*, kemudahan basikal dan sebagainya; dan
13. Mewujudkan acara khusus lawatan ke Zon Tradisi dengan usaha sama antara agensi pelancongan dan DBKL sebagai mempromosikan perkampungan TV1.



Rumah Melayu Tradisional Tiga (3) Tingkat di Kampung Padang Balang.

Rajah 6.8.3:
Pelan Cadangan Pintu Masuk Formal Zon Tradisi



PETUNJUK:

- Perkampungan Tradisi 1 (TV1)
- Cadangan Pintu Masuk
- Cadangan Mini Galeri
- Rumah Tradisional Melayu
- Inskripsi Sejarah
- Jalan Raya
- Jaringan Jalan Utama
- Rangkaian Siar Kaki dan Basikal
- Kawasan Riadah dan Rekreasi



Gambaran penyediaan pintu gerbang dan papan tanda khas bagi menunjukkan *sense of welcoming* ke kawasan kampung tradisi.



Gambaran penyediaan pintu gerbang sebagai tanda masuk ke kawasan kampung tradisi.



Gambaran penyediaan Mini Galeri untuk menerangkan kewujudan kampung di Kuala Lumpur.

Jadual 6.8.2 : Cadangan Pintu Masuk Formal

Pintu Masuk	Inisiatif Umum	Inisiatif Khusus
P1	1. Penyediaan gerbang sebagai tanda masuk ke kawasan kampung tradisi; dan 2. Penyediaan element landskap yang bercirikan kampung serta mesra laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.	1. Penyediaan gerbang atau papan tanda khas bagi menunjukkan *sense of welcoming* ke kawasan kampung; 2. Pemerkasaan kawasan tumpuan aktiviti perniagaan di P1 sebagai daya tarikan utama; 3. Menjadikan Masjid sebagai fokus aktiviti untuk pelancongan sejarah bercirikan islam dan budaya; dan 4. Merupakan laluan masuk dari Jalan Kampung Padang Balang.
P2		Merupakan laluan masuk dari Jalan Changkat.
P3		Merupakan laluan masuk dari Lorong Sungai Mulia.
P4		Merupakan laluan masuk dari Jalan Marmar.

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-8.2: PENGAWALAN PERANCANGAN ZON PERKAMPUNGAN TRADISI 2 (TV2)

Kawalan perancangan bentuk pembangunan hanya melibatkan Kawasan Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 2 (TV2) sahaja. Zon TV 2 ini mempunyai karakter perumahan tradisi rumah melayu yang berperanan menyokong identiti Perkampungan Tradisi 1 (TV1). Ciri-ciri kediaman yang lebih moden seperti rumah teres atau rumah berbilang tingkat dengan reka bentuk bercirikan Tradisi Rumah Melayu boleh dibenarkan.

Draf PTKL2040 mengenal pasti enam (6) kampung dalam Zon Perkampungan Tradisi 2 (TV2) adalah seperti berikut:

1. Sebahagian Kampung Padang Balang;
2. Sebahagian Kampung Sungai Mulia;
3. Sebahagian Kampung Sungai Merali;
4. Kampung Banda Dalam;
5. Sebahagian Kampung Puah Asal; dan
6. Sebahagian Kampung Chubadak Hulu.

Kawasan Rizab Melayu (KRM) di sebahagian TV2 merupakan kawasan yang telah diwujudkan di bawah Enakmen Rizab Melayu 1913 dan Enakmen Tanah 1987. Penggubalan undang-undang ini bertujuan untuk memastikan orang Melayu berupaya memiliki tanah terutamanya di kawasan bandar. Kawasan KRM ini juga tidak boleh sama ada melalui penjualan atau pajakan, dipindah milik kepada orang bukan Melayu.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan program dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-8.2.


Lokasi: Kampung Banda Dalam

Rumah Melayu tradisional di Kampung Banda Dalam.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-8.2A

MENAMBAH BAIK PERANCANGAN ZON PERKAMPUNGAN TRADISI 2 (TV2)


Zon Guna Tanah Perkampungan Tradisi 2 (TV2) berpotensi untuk ditambah baik melalui perancangan kelas kegunaan tanah, aktiviti guna tanah serta kawalan pembangunan. Antara kawalan pembangunan yang boleh diterapkan adalah berkaitan dengan nisbah plot asas pembangunan dan ketinggian bangunan.

Ia juga perlu disokong dengan penyediaan kemudahan sokongan dan Kemudahan Infrastuktur di sebahagian kawasan TV2 yang terlibat.

Langkah dalam usaha untuk menyokong inisiatif ini adalah melalui kawalan pembangunan seperti berikut :

1. Mengawal zon guna tanah dan intensiti pembangunan kediaman sama atau yang bersesuaian dengan tipologi sekitar dengan nisbah plot asas 1:2.0;
2. Memberi insentif pembangunan yang berintensiti tinggi bagi TV2 yang bersesuaian seperti Sebahagian KRM Gombak. Pemberian insentif tersebut berdasarkan kepada Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024) serta Garis Panduan Perancangan KRM Gombak. Ia juga tertakluk kepada keupayaan kemudahan dan infrastruktur kawasan yang terlibat;
3. Menyediaan Kelas Kegunaan Tanah bagi TV2 yang sesuai seiring dengan tekanan pembangunan dan sektor fizikal utama, iaitu perdagangan, perindustrian dan perumahan berdasarkan kepada Garis Panduan Perancangan KRM Gombak;
4. Memperkukuhkan perancangan infrastrukur jalan dan utiliti seperti penyediaan rizab jalan yang sesuai seperti di Rajah 6.8.4;
5. Mengoptimakan ruang kosong dan juga rizab jalan untuk pengindahan lanskap dan kemudahan sokongan pengunjung dan pelancong seperti tempat letak bas dan van pelawat;
6. Membangunkan komponen rekreasi di sepanjang dan merentasi Sungai Gombak merangkumi kawasan rehat dan rekreasi, laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti; dan
7. Mengambil kira aspek teduhan seperti penyediaan laluan berbumbung, landskap lembut dan kejur serta dilengkapi dengan kemudahan sokongan.

Rajah 6.8.4:
Pelan Cadangan Zon Tradisi dan Separa Zon Tradisi KRM Gombak



PETUNJUK:

- Perkampungan Tradisi 1 (TV1)
- Perkampungan Tradisi 2 (TV2)
- Cadangan Jalan 30 Kaki
- Cadangan Jalan 50 Kaki
- Jalan Raya
- Jaringan Jalan Utama



Gambaran Cadangan Penyediaan Rizab Jalan Padang Hulu (30').



Gambaran Cadangan Penyediaan Rizab Jalan di Lorong Balai Raya (50').

CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-8.3: PEMERKASAAN KAMPUNG POTENSI PEMBANGUNAN

Pemerkasaan identiti kawasan Zon Tradisi melibatkan kawasan perkampungan persekitarannya yang turut menghadapi tekanan pembangunan. Kawasan ini diklasifikasikan sebagai Kampung Potensi Pembangunan.


Kampung potensi pembangunan ini merupakan kampung yang telah dan dirancang untuk pembangunan masa hadapan berdasarkan trend dan tekanan pembangunan semasa yang berlaku.

Kampung yang telah dikenal pasti disarankan dibuka untuk pembangunan tertakluk kepada kawalan perancangan agar hak milik tanah, pemilikan aset dan komunitinya terpelihara. Pembangunan baharu digalakkan nilai kemelayuan dan juga nilai-nilai tidak ketara (*intangible*) agar terbentuk kesinambungan reka bentuk pembangunan dengan Zon Guna Tanah TV1 dan TV2.

Draf PTKL2040 mengenal pasti tujuh (7) kampung yang mempunyai potensi pembangunan adalah seperti berikut:

1. Kampung Sungai Penchala;
2. Kampung Bukit Lanjan;
3. Kampung Palimbayan;
4. Kampung Segambut;
5. Kampung Selayang Lama;
6. Kampung Datuk Keramat; dan
7. Kampong Bharu.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan program dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP 6-8.3.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-8.3A

MEMBANGUN DAN MENAIK TARAF KAMPUNG YANG TERPILIH

Membangunkan kampung Potensi Pembangunan melibatkan cadangan menaik taraf kemudahan dan infrastruktur di kawasan kampung di Kuala Lumpur. Langkah yang perlu bagi menyokong inisiatif ini adalah seperti berikut:

1. Menyediaan Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024) yang sesuai seiring dengan tekanan pembangunan dan kajian sektor fizikal utama, iaitu perniagaan, perindustrian dan perumahan;
2. Memperkukuhkan perancangan infrastrukur jalan dan utiliti seperti di Jadual 6.8.3;
3. Menyediakan kawasan lapang, kemudahan masyarakat dan mengoptimakan ruang kosong untuk aktiviti riadah dan rekreasi;
4. Menggalakkan pembangunan yang mengintegrasikan laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti ke kawasan lapang dan stesen transit;
5. Mengambil kira aspek teduhan seperti penyediaan bumbung, landskap lembut dan kejur serta dilengkapi dengan kemudahan sokongan; dan
6. Memperkukuhkan imej dan karakter Kampung Tradisi melalui elemen reka bentuk bandar seni bina, papan tanda dan pintu gerbang pembangunan bercirikan tradisi Melayu.

Pelan cadangan kampung potensi pembangunan adalah seperti di Jadual 6.8.3.

AMALAN TERBAIK

PENYEDIAAN KAWASAN REKREASI DI SEPANJANG SUNGAI NORTH SASKATCHEWAN SEHINGGA EDMONTON PARK, CANADA



Penyediaan komponen rekreasi seperti landskap kejur dan lembut di sekitar kawasan sungai.



Penyediaan komponen landskap kejur dan lembut serta lain-lain kemudahan sokongan di sekitar Kawasan sungai.


Jadual 6.8.3 :
Cadangan Naik Taraf Jalan Sungai Penchala dan Jalan Segambut

Kawasan	Inisiatif Khusus
Jalan Sungai Penchala dan Palimbayan	1. Laluan masuk dan keluar utama ke kampung menghala ke Country Heights; 2. Melebarkan jalan dari 12 meter (40') kepada 30 meter (100'); 3. Penyediaan lampu jalan, papan tanda, elemen landskap dan sebagainya; dan 4. Cadangan untuk jalan ini lebih mesra laluan pejalan kaki dan kenderaan mikromobiliti.
Jalan Sri Penchala	1. Melebarkan jalan dari 10 meter (30') kepada 20 meter (66'); 2. Penyediaan lampu jalan, papan tanda, element landskap dan sebagainya; dan 3. Cadangan untuk jalan ini lebih mesra pejalan kaki dan basikal.
Cadangan jalan baharu	1. Cadangan jalan selebar 20 meter (66'); dan 2. Jalan pintas yang menghubungkan Kampung Bukit Lanjan, Palimbayan dan Segambut Dalam.

Jadual 6.8.4:
Pelan Cadangan Kampung Potensi Pembangunan

Pelan Sisip


1. Kampong Bharu




3. Kampung Datuk Keramat



2. Kampung Selayang Lama (KRM)



4. Kampung Sungai Penchala (KRM), Kampung Bukit Lanjan, Kampung Palimbayan dan Kampung Segambut



CADANGAN PELAKSANAAN

CP 6-8.4: PERANCANGAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BIASA


Perancangan pembangunan kampung biasa khususnya peningkatan infrastruktur melibatkan dua (2) kawasan, iaitu kampung biasa dan Kampung Baru Cina. Kampung Baru Cina merupakan kawasan penempatan semula penduduk di kawasan luar bandar yang diwujudkan oleh kerajaan Kolonial British pada tahun 1950-an. Kesan daripada tindakan tersebut, telah menyebabkan penyediaan kemudahan masyarakat dan infrastruktur di kawasan ini tidak lengkap.

Draf PTKL2040 mengenal pasti 24 buah kampung biasa, iaitu 19 kampung biasa dan lima (5) kampung baru yang telah pun dibangunkan dan tidak mempunyai karakter kampung seperti berikut:

1. Kampung Semarak;
2. Kampung Pandan Melayu;
3. Kampung Pandan India;
4. Kampung Pasir Baru;
5. Kampung Pantai Dalam;
6. Kampung Muhibbah;
7. Kampung Petaling Bahagia;
8. Kampung Batu Muda;
9. Kampung Seri Batu;
10. Kampung Melayu Segambut;
11. Kampung Pasir Segambut;
12. Kampung Segambut Tengah;
13. Kampung Segambut Bahagia;
14. Kampung Delima;
15. Kampung Batu Muda Tambahan;
16. Kampung Desa Bakti;
17. Kampung Malaysia Tambahan;
18. Kampung Malaysia Raya;
19. Kampung Melayu FRIM;
20. *Kampung Baru Salak Selatan;
21. *Kampung Baru Cheras Baru;
22. *Kampung Baru Jinjang Selatan;
23. *Kampung Baru Jinjang Utara; dan
24. *Kampung Baru Kolam Air Panas.

Oleh itu, kampung ini akan dibenarkan untuk pembangunan tertakluk kepada pematuhan Zon Guna Tanah dan Kelas Kegunaan Tanah Dan Bangunan 2024 (CULB2024) yang telah ditetapkan oleh DBKL.

Pendekatan terhadap cadangan ini adalah melalui pelaksanaan program dan kawalan perancangan. Terdapat satu (1) inisiatif dicadangkan untuk pelaksanaan bagi CP6-8.4.



INISIATIF PELAKSANAAN 6-8.4A

MENAMBAH BAIK PERANCANGAN KAMPUNG BIASA

Pembangunan di kampung biasa akan dibangunkan mengikut Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024) yang ditetapkan. Langkah dalam usaha untuk menyokong inisiatif ini adalah melalui seperti berikut:

1. Mencadangkan Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan 2024 (CULB2024) yang sesuai seiring dengan tekanan pembangunan. Kajian sektor fizikal utama adalah perniagaan, perindustrian dan perumahan;
2. Membenarkan pembangunan kedai atau industri kotej di kawasan yang menerima tekanan pembangunan secara terkawal yang berada di jalan utama;
3. Menggalakkan pembangunan secara cantuman lot bagi tapak yang bersesuaian bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan tidak memberi kesan kawasan persekitaran;
4. Menyediakan kemudahan masyarakat sokongan yang sesuai dengan keperluan dan kepadatan penduduk;
5. Meningkatkan perkhidmatan infrastruktur dan utiliti seiring dengan tekanan pembangunan;
6. Mengambil kira aspek teduhan seperti penyediaan laluan berbumbung, landskap lembut dan kejur serta dilengkapi dengan kemudahan seperti perabot jalan, kemudahan istirahat, tong sampah, lampu dan lain-lain kemudahan sokongan; dan
7. Mengawal dan memperkukuhkan imej dan karaktor kampung melalui elemen reka bentuk bandar, landskap atau perabot jalan seperti papan tanda.



Kemudahan dewan komuniti Kampung Batu Muda.



Medan Selera di Sri Pantai Kampung Pantai Dalam.

AMALAN TERBAIK

ELEMEN REKREASI DI KAWASAN BANDAR CHEONGGYECHEON STREAM, KOREA





Penyediaan kemudahan rekreasi, landskap kejur dan lembut di sepanjang kawasan yang mempunyai elemen air.

RUMUSAN

MATLAMAT 6 : MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERSEPADU DAN MAMPAN

Pelbagai inisiatif dan pendekatan pelaksanaan telah dicadangkan supaya Matlamat 6 ke Arah memperkasakan pembangunan Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bersepadu dan Mampan dapat direalisasikan.

Perancangan dan pelaksanaan Matlamat 6 Draf PTKL2040 mengambil kira SDGs, PSKL2040 dan lain-lain dasar pembangunan negara yang diperincikan melalui projek, polisi, program, kawalan perancangan dan garis panduan.

Strategi, inisiatif dan pendekatan pelaksanaan ini memberi penekanan kepada merancang dan menyelaras pembangunan tanah yang efektif, memperkukuhkan hierarki pusat pertumbuhan bandar, menggalakkan pembangunan secara *infill*, mengukuhkan perancangan pembangunan semula melalui konsep bandar mampan, menggalakkan semula fungsi bandar melalui pemuliharaan bangunan lama, mengintegrasikan pengangkutan rel dan pembangunan spatial, mengawal selia pembangunan di Zon Pengurusan Kawasan Khas (PKK) serta merancang pembangunan yang berkualiti di kampung tradisi dan kampung biasa.

Jadual 6.1 menunjukkan rumusan bagi strategi perancangan dan cadangan pelaksanaan untuk Matlamat 6.

Jadual 6.1:
Rumusan Strategi Perancangan dan Cadangan Pelaksanaan Matlamat 6

Strategi Perancangan	Cadangan Pelaksanaan	Pendekatan Pelaksanaan				
		Projek	Polisi	Program	Kawalan Perancangan	Garis Panduan
SP 6-1	CP 6-1.1	-	1	-	1	1
	CP 6-1.2	-	1	-	1	1
	CP 6-1.3	-	1	-	1	-
SP 6-2	CP 6-2.1	-	-	-	1	-
SP 6-3	CP 6-3.1	-	-	-	1	1
SP 6-4	CP 6-4.1	1	1	-	1	1
SP 6-5	CP 6-5.1	1	1	-	1	1
	CP 6-5.2	-	-	1	1	-
	CP 6-5.3	-	-	1	-	-
	CP 6-5.4	-	-	1	-	-
SP 6-6	CP 6-6.1	-	-	-	1	1
	CP 6-6.2	-	1	-	1	1
SP 6-7	CP 6-7.1	-	-	-	1	1
SP 6-8	CP 6-8.1	-	-	1	1	-
	CP 6-8.2	-	-	1	1	-
	CP 6-8.3	-	-	1	1	-
	CP 6-8.4	-	-	1	1	-
JUMLAH KESELURUHAN		**2**	**6**	**7**	**15**	**8**

GLOSARI DAN RINGKASAN KATA



GLOSARI



ISTILAH	TAFSIRAN
Adaptasi	Adaptasi merangkumi tindakan yang membantu komuniti dan ekosistem untuk menghadapi perubahan iklim yang nyata dan dijangka berlaku. Contohnya seperti perubahan cuaca, kenaikan paras laut dan bencana alam seperti kemarau dan banjir.
***Artificial Intelligence* (Ai)**	Merupakan kecerdasan dimiliki dan ditunjukkan suatu sistem pengaturcaraan atau mesin jentera yang mampu melakukan tugas dan fungsi sama yang dijana oleh pemikiran manusia.
Al-fresco	*Al-fresco dining* atau *dining al-fresco* adalah istilah umum yang merujuk kepada makan bersama di luar ruangan, terutama di udara terbuka.
Bandar berkarbon	Bandar yang mengamalkan prinsip-prinsip pembangunan mampan dan memastikan keperluan pembangunan untuk semua golongan masyarakat dipenuhi. Bandar ini turut memberikan sumbangan dan menunjukkan kesungguhan di peringkat global di dalam menstabilkan pengeluaran CO2 dan lain-lain gas rumah hijau yang mengakibatkan perubahan iklim, melalui tindakan mengurangkan pencemaran global. Bandar ini juga berupaya membuktikan keupayaan yang tinggi dalam penggunaan tenaga yang efisien dan sumber tenaga yang rendah serta dalam penghasilan teknologi.
Bandar Global	Bandar raya yang ditentukan melalui titik pertemuan penting dalam sistem ekonomi global dan menempatkan pelbagai aktiviti yang bertaraf dunia (antarabangsa).
Bandar Pintar	Bandar yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kemajuan teknologi untuk menangani isu-isu perbandaran dan meningkatkan tahap kehidupan, pertumbuhan ekonomi, kemampanan alam sekitar dan pengurusan bandar yang lebih efisien dan selamat.
Bahan Bakar Biojisim	Biojisim ialah tenaga yang boleh diperbaharui kerana kita boleh tanam banyak pokok dan tanaman, dan bahan buangan akan sentiasa dihasilkan. Beberapa contoh bahan bakar biojisim ialah kayu, tanaman, baja dan bahan buangan pepejal sampah. Apabila dibakar, tenaga kimia dalam biojisim dibebaskan sebagai haba.
Berdaya Huni	Bandar berdaya huni bagi Malaysia bermaksud kawasan terbina yang boleh memberikan pekerjaan, rumah kediaman, kemudahan, ketersampaian kepada pelbagai prasarana, kemudahan fizikal dan sosial, selamat, lincah, mengujakan (*exciting*), dan sihat dengan keheningan, ketenangan dan kehijauan alam sekitarnya. Setiap warga dan keluarganya boleh mendapatkan keselesaan dan ketenangan hidup bercorak bandar.
Big Data	*Big Data* merujuk kepada kumpulan data yang besar dan kompleks yang sering digunakan untuk proses analisis.
Biodiversiti	Konvensyen Kepelbagaian Biologi mentakrifkan biodiversiti sebagai kepelbagaian organisma hidup daripada pelbagai sumber yang meliputi antaranya ekosistem darat, laut dan akuatik serta kompleks ekologi yang menjadi sebahagian daripadanya termasuk kepelbagaian spesies, antara spesies dan ekosistem.
Biologikal	Biologi ialah kajian saintifik mengenai hidupan. Biologi mengkaji struktur, fungsi, pertumbuhan, asal, evolusi dan taburan benda hidup. Bidang ini mengelaskan dan menerangkan organisma, fungsi mereka, cara dan sebab spesies wujud, serta interaksi sesama mereka dan alam sekeliling.
Biogas	Biogas gas yg dihasilkan melalui tindakan bakteria ke atas bahan buangan organik, dan digunakan sebagai bahan api.
***Bolt* batu**	*Bolt* adalah pengikat yang terdiri daripada rod dengan kepala. Kepala mempunyai permukaan licin dan benang jenis skru digunakan pada bahagian luar *bolt*. Selalunya, kepala *bolt* mempunyai beberapa tepi, dan permukaan ratanya tidak termasuk penggunaan pemutar skru.

ISTILAH	TAFSIRAN
COVID-19/Corona Virus	Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti *severe acute respiratory syndrome coronavirus* (SARS) dan *Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus* (MER-CoV).
e-Dagang	Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi pemasaran, pembekalan atau penghantaran barangan atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dialankan di luar talian.
e-hailing	*E-hailing* adalah proses pesanan kereta, teksi, limosin, atau mana-mana bentuk pengangkutan yang lain melalui peranti maya, komputer atau selular mudah alih.
Ekologi	Hubungan antara organisma hidup dengan alam sekitarnya.
Endemik	Endemik merujuk kepada penyakit atau wabak yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan atau daerah tertentu.
Fotovoltan	Fotovoltan atau fotovoltaik adalah bidang teknologi dan penyelidikan berkaitan penukaran tenaga daripada cahaya matahari kepada tenaga elektrik.
First Mile - Last Mile	*First and last-mile* menggambarkan permulaan atau hujung perjalanan individu yang dibuat terutamanya oleh pengangkutan awam. Perjalanan tersebut adalah mudah diakses dengan berjalan kaki, dan basikal daripada transit awam.
Garis sesar	Garis sesar merupakan rekahan atau zon rekahan pada bantuan atau permukaan bumi yang telah mengalami pergeseran akibat daripada pergerakan di antara dua blok yang mempunyai arah pergerakan yang berlainan.
Gas Rumah Hijau	Gas atmosfera yang menyerap dan memancarkan radiasi dalam lingkungan haba inframerah.
Gelandangan	Orang yang tidak mempunyai tempat tinggalnya atau tempat tinggalnya yang tidak tetap.
Golongan Papa	Seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.
Iklim Pintar	Konsep yang berkaitan dengan perubahan iklim atau pengelolaan lingkungan yang cerdas menggunakan teknologi atau kecerdasan buatan.
Industri kreatif	Industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek.
Industry4WRD	Dasar Industri4WRD merupakan dasar nasional yang dirangka untuk menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan Malaysia dengan menggunakan keupayaan pembuatan inovatif berdasarkan teknologi.
Internet of Things (IoT)	Merupakan rangkaian alatan, kenderaan, perkakasan rumah dan barang fizikal lain yang diterapkan dengan komponen elektronik, perisian, sensor, penggerak dan ketersambungan yang membenarkan alatan sedemikian untuk berhubung, mengumpul serta bertukar data.
Inklusif	Inklusif bermaksud meliputi kesemua golongan dan lapisan masyarakat di kalangan warga negara, sama ada dari segi jantina, etnik, status sosioekonomi,umur, pendidikan, agama, dan ruang.

ISTILAH	TAFSIRAN
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu selepas ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Nilai ini merupakan nilai sebelum ditolak nilai peruntukan bagi modal tetap; iaitu jumlah nilai ditambah pada harga pengeluar bagi pengeluar residen ditambah dengan duti import. KDNK ini juga bersamaan dengan perbelanjaan ke atas KDNK (pada harga pembeli) iaitu jumlah bagi semua komponen perbelanjaan akhir ke atas barangan dan perkhidmatan tolak dengan import barangan dan perkhidmatan.
Kepadatan	Merujuk kepada intensiti penggunaan tanah yang dihitung atau dikira mengikut bilangan orang, unit kediaman atau bilik yang boleh dihuni atau apa-apa gabungan daripada faktor-faktor itu bagi satu unit kawasan tanah.
Kondusif	Sesuai dan dapat membantu mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu yang baik.
Konsep *Sponge City*	Konsep ini merupakan satu strategi pengurusan air inovatif yang bersepadu dalam usaha menangani impak perubahan iklim, mitigasi bencana banjir dan penakungan air.
Konurbasi	Kawasan pertumbuhan perbandaran ekonomik yang merangkumi bandar raya bandar-bandar utama dan juga kawasan perbandaran yang bercantum secara fizikal, mempunyai hubungan ekonomi dan mengalami pertumbuhan penduduk bagi membentuk satu kawasan tepu bina yang membangun secara berterusan.
Koridor Biru	Kawasan di luar rizab sungai yang berada dalam lingkungan jarak yang telah dikenal pasti koridor tasik dan kolam serta perparitan.
Koridor Hijau	Merujuk kepada koridor rizab infrastruktur yang merangkumi lebuh raya, jalan raya, laluan rel, rizab laluan utiliti, kawasan hijau linear dan kawasan bercerun.
Koridor Linear	Kawasan/zon hijau/ekologi yang menghubungkan satu kawasan ke satu kawasan secara berjajar.
Koridor Tepian Sungai	Merujuk kepada kawasan di mana keperluan untuk koridor tepian sungai akan dikenakan cadangan pembangunan.
Kuasa Hidro	Tenaga kuasa hidro merupakan tenaga yang boleh diperbaharui yang boleh menjana elektrik. Dalam membincangkan tentang kuasa hidro, ia sebenarnya termasuk kuasa hidroelektrik, kuasa air pasang surut, kuasa ombak, dan tenaga haba laut.
Kumpulan B40	Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah daripada taburan pendapatan keseluruhan. Isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM4,850 sebulan.
Kumpulan T20	Kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus atas daripada taburan pendapatan keseluruhan yang mempunyai pendapatan tertinggi iaitu melebihi RM10,971 sebulan .
Magnitud	*Magnitud* ialah skala logaritma kecerahan objek yang digunakan dalam astronomi, diukur pada panjang gelombang atau jalur laluan tertentu, biasanya dalam panjang gelombang optik atau inframerah dekat.
Mendap	Turun ke bawah dan bertimbun di dasar. Mendapan segala benda seperti lumpur, pasir dan lain- lain yang mendap.
Mitigasi	Tindakan yang dilakukan bagi mengatasi/mengurangkan implikasi terhadap sesuatu bencana alam dan perubahan iklim.
Mikromobiliti	Merujuk kepada penyelesaian pengangkutan untuk perjalanan jarak dekat biasanya dalam jarak terawal atau terakhir perjalanan.

ISTILAH	TAFSIRAN
Mobiliti aktif	Laluan penjalan kaki, laluan basikal dan kenderaan mikromobiliti.
Monosentric	Bandar yang mempunyai satu pusat perniagaan (*Central Business District*) dengan aktiviti ekonomi, budaya serta pentadbiran yang tertumpu di kawasan tengah dan berkembang keluar dari satu pusat.
Multi Nasional	Sebuah syarikat yang mempunyai aset dan kemudahan di satu atau lebih negara, selain negara asal, dan mempunyai pejabat berpusat di mana pengurusan global diselaraskan.
MySmart Wilayah	Merupakan satu Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan yang disediakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama PLANMalaysia (Jabatan Perancang Bandar dan Desa) , Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menyokong Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan 2021- 2025.
Nisbah Plot	Nisbah Plot bermaksud nisbah antara keluasan ruang lantai bangunan berbanding dengan keluasan plot bangunan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta 267 (Bahagian 1, Seksyen 2).
Kenderaan Mikromobiliti	Kenderaan Mikromobiliti adalah satu jenis mod pengangkutan kenderaan ringan seperti skuter elektrik dan basikal seperti basikal berkongsi, *Electric Pedal-Assisted Bike* dan seumpamanya.
Orang kurang upaya	Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.
Pandemik	Pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata.
Parklet	Ruang tempat duduk kecil atau ruang hijau yang dicipta sebagai kemudahan awam di atas atau di samping turapan terutamanya di bekas tempat letak kereta di tepi jalan.
Pelepasan gas	Gas rumah hijau menyerap dan memancarkan radiasi infra merah dalam lingkungan panjang gelombang yang dipancarkan oleh bumi.
Pembangunan TOD	Suatu pembangunan yang mengandungi pelbagai jenis pembangunan seperti kediaman, perniagaan dan perindustrian.
Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)	Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) adalah merupakan kawasan kediaman dan komersil bercampur direka untuk memaksimumkan akses kepada pengangkutan awam dan sering menggabungkan ciri-ciri untuk menggalakkan penumpang-penumpang transit.
Pembangunan *infill*	Pembangunan atau pembangunan semula yang dijalankan ke atas tanah kosong atau tapak yang telah dibangunkan yang terletak dalam kawasan tepu bina dan kawasan yang sedang dibangunkan.
Perubahan iklim	Perubahan ketara iklim yang terlihat dalam iklim sesuatu daerah di antara dua jangka waktu rujukan.
Perumahan Mampu milik	Perumahan mampu milk meliputi perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana dengan harga jualan di antara RM42,000 sehingga RM150,000 setiap unit untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan isi rumah di antara RM1,500-RM4000 setiap bulan.
Polycentric	Bandar yang membangun/ berkembang dengan mempunyai lebih dari satu pusat perniagaan di mana setiap satunya mempunyai fungsi ekonomi, budaya serta pentadbiran masing-masing.
Pusat observatori	Satu pusat data, rujukan, pemantauan dan pelaporan nasional yang memantau tahap kesejahteraan dan kemampanan bandar mampan melalui aspek sosial, perbandaran, ekonomi dan alam sekitar.
Pulau Haba Bandar	Pulau haba bandar atau pulau bahang bandar (urban heat island, disingkatkan kepada UHI) ialah kawasan bandar atau kawasan metropolitan yang ketara lebih panas daripada kawasan luar bandar sekitarnya disebabkan oleh aktiviti manusia.

ISTILAH	TAFSIRAN
Proaktif	Berkenaan sikap positif (individu, institusi, dan lain-lain) merangka atau melakukan sesuatu tindakan (setelah difikir masak-masak) jauh lebih awal daripada berlakunya sesuatu perkara yang sememangnya memerlukan tindakan yang berkenaan (tindakan tidak dilakukan hanya setelah sesuatu hal itu berlaku).
Reka Bentuk Sejagat	Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) didefinisikan sebagai reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas.
RMM	Rumah Mampu Milik ialah rumah yang mampu dimiliki, berdaya huni dan selamat diduduki bagi memenuhi keperluan rakyat di bawah kumpulan yang berpendapatan B40 dan M40 dengan harga maksimum adalah RM300,000.
Root Barrier	Penghalang akar ialah dinding bawah tanah yang diletakkan untuk menyekat akar tumbuhan. Ini selalunya bertujuan untuk melindungi struktur atau tumbuhan lain, tetapi halangan akar juga digunakan untuk mengekalkan kelembapan tanah.
Ruang Awam	Ruang awam adalah ruang sosial yang pada umumnya dibuka dan boleh digunakan oleh orang ramai.
Ruang Bawah Tanah	Ruang bawah tanah yang telah dikenal pasti bagi tujuan pelupusan atau penggunaan yang bebas dan tidak berhubungan.
Ruang Udara	Konsep bagi mewujudkan pembangunan bertindih di atas pembangunan sedia ada dan pewujudan pemilikan berlapis dengan lot isi padu di bawah dan di atas permukaan tanah, bertujuan memenuhi keperluan permintaan tanah yang semakin tinggi.
Spatial	Spatial ialah berkaitan dengan ruang.
Silo	Tani lubang, parit atau silinder tinggi (daripada kayu atau konkrit) tempat membuat (menyimpan) makanan ternakan.
Solar	Tenaga suria atau tenaga *solar* adalah teknologi untuk mendapatkan tenaga berguna daripada cahaya matahari.
Stratum	Stratum ialah tanah bawah tanah yang telah dikenal pasti bagi tujuan pelupusan atau penggunaan yang bebas dan tak berhubungan.
Pembangunan Mampan	Merupakan agenda untuk menghasilkan pelan tindakan yang merealisasikan hak asasi manusia, kesaksamaan jantina serta memperkasakan wanita dan kanak-kanak. Matlamat adalah bersepadu dan mengimbangi tiga dimensi pembangunan mampan termasuklah ekonomi, sosial dan alam sekitar.
Feed-In Tariff	Satu mekanisme yang membenarkan tenaga elektrik yang dijana daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) oleh pemaju bebas dan individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik (TNB) pada kadar tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
Taman Poket	Merupakan taman kecil yang dapat diakses oleh orang awam.
Tenaga Air	Tenaga Air adalah energi yang diperoleh dari air yang mengalir. Pada dasarnya, air di seluruh permukaan bumi ini bergerak (mengalir) membentuk siklus. Yaitu air menguap, kemudian terkondensasi menjadi awan. Air akan jatuh menjadi hujan setelah memiliki massa yang cukup. Air yang jatuh di dataran tinggi akan terakumulasi menjadi aliran sungai dan menuju ke laut.
Tenaga Angin	Tenaga angin merupakan tenaga yang boleh diperbaharui dan ia tidak menyebabkan pencemaran, oleh itu ia merupakan tenaga alternatif kepada bahan bakar fosil.

ISTILAH	TAFSIRAN
Tenaga Buruh	Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15 hingga 64 tahun) sama ada bekerja atau menganggur.
Tenaga Ombak	Peranti kuasa ombak mengeluarkan tenaga secara langsung dari ombak permukaan atau dari turun naik tekanan di bawah permukaan. Tenaga ombak dapat diubah menjadi elektrik melalui penukaran pergerakan permukaan air atau perubahan tekanan air ketika ombak menyebar.
Tepu Bina	Kawasan di mana guna tanah utamanya adalah guna tanah perbandaran yang terdiri daripada perumahan, perdagangan, industri, institusi dan kemudahan infrastruktur yang lain.
Transit	Tempat singgah atau persinggahan.
Vertikal	Tegak lurus dari atas ke bawah atau sebaliknya.
Warisan Ketara	Sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih.
Warisan Tidak Ketara	Warisan tidak nyata adalah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan.
Warga Belia	Individu yang berumur di antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun.
Warga Emas	Individu yang berumur 60 tahun dan ke atas.
Wilayah	Wilayah bermaksud sesuatu kawasan yang menjangkau dua (2) atau lebih kawasan pentadbiran. Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa, Akta 172, wilayah terdiri dari dua (2) negeri atau lebih.
Zon penampan	Zon penampan lazimnya dalam bentuk kawasan hijau, yang memisahkan dua (2) aktiviti guna tanah yang tidak melengkapi contohnya kawasan perumahan dan perindustrian.

SINGKATAN KATA



	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
4IR	Revolusi Perindustrian Keempat	Fourth Industrial Revolution
AKLEH	Lebuhraya Bertingkat Ampang – Kuala Lumpur	Ampang – Kuala Lumpur Elevated Highway
AKTA 172	Akta Perancangan Bandar Dan Desa , 1976	Town And Country Planning Act, 1976
AKTA 267	Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan , 1982	Federal Territories (Planning) Act, 1982
AKTA 685	Akta Orang Kurang Upaya 2008	Persons With Disabilities Act 2008
APAD	Agensi Pengangkutan Awam Darat	Land Public Transport Agency
APS	Isyarat Pejalan Kaki Boleh Dicapai	Accessible Pedestrian Signals
ART	Transit Aliran Rel Autonomi	Autonomous Rail Rapid Transit
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara	Association of Southeast Asian Nations
AVLS	Sistem Pengesan Kenderaan Auto	Auto Vehicle Locating System
B40	Kumpulan berpendapatan 40% terendah	The Lowest 40% Opinion Group
BaU	Urusan seperti Biasa	Business As Usual
BET	Transit Lebuhraya Bas	Bus Expressway Transit
BEI	Indeks Tenaga Bangunan	Building Energy Index
BIDS	Daerah Peningkatan Perniagaan	Business Improvement District
BIOECODS	Sistem Saliran Bio-Ekologi	Bio - Ecological Drainage System
BOGs	Bil Jaminan	Bill of Guarantees
BRT	Transit Aliran Bas	Bus Rapid Transit
BSS	Sistem Perkongsian Basikal	Bike Sharing System
BM	Bersepadu dan Mampan	Integrated and Sustainable
CAI	Penambahbaikan Kawasan Komersial	Commercial Area Improvement
CCA	Penyesuaian Perubahan Iklim	Climate Change Adaption
CCC	Perdagangan Pusat Bandar Raya	City Center Commerce
C	Perdagangan	Trade
CP	Cadangan Pelaksanaan	Implementation Recommendations
CBD	Daerah Pusat Perniagaan	Central Business District
CDRI	Indeks Ketahanan Bencana Iklim	Climate Disaster Risk Index
CCTV	Kamera Litar Tertutup	Close-circuit television
Cent-GPS	Pusat Tadbir Urus Dan Kajian Politik	The Centre for Governance and Political Studies
CENDANA	Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya	Cultural Economic Development Agency
CLQ	Kuarters Buruh Berpusat	Centralised Labor Quarters

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
CM	Langkah Balas	Countermeasures
CO2	Karbon Dioksida	Carbon Dioxide
CPTED	Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran	Crime Prevention Through Environment Design
DINK	Pendapatan Berganda Tiada Anak	Dual Income No Kids
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Kuala Lumpur City Hall
DCS	Sistem Penyejukan Daerah	District Cooling System
DRR	Pengurangan Risiko Bencana	Disaster Risk Reduction
DNH	Jabatan Warisan Negara	Department of National Heritage
DPN	Dasar Perbandaran Negara	National Municipal Policy
DPN2	Dasar Perbandaran Negara Kedua	Second National Municipal Policy
DUKE	Lebuhraya Duta-Ulu Kelang	Duta-Ulu Kelang Expressway
ECRL	Laluan Kereta Api Pantai Timur	East Coast Railway Line
EIA	Penilaian Impak Alam Sekitar	Environment Impact Asessment
ERL	Pautan Rel Ekspres	Express Rail Link
ESCP	Pelan Kawalan Hakisan dan Sedimen	Erosion and Sediment Control Plan
ETS	Perkhidmatan kereta api eletrik	Electric Train Service
FiT	Tarif Galakan	Feed-In Tariff
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia	Malaysian Forestry Research Institute
GBI	Indeks Bangunan Hijau	Green Building Index
Greentech Malaysia	Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia	Centre for Green Technology and Climate Change Malaysia
4G/5G	Penjanaan Teknologi Rangkaian Selular Jalur Lebar	Generation Of Broadband Cellular Network Technology
Gbps	Gigabit Sesaat	Gigabits Per Second
GHG	Pelepasan Gas Rumah Hijau	Greenhouse Gas Emissions
GIS	Sistem Maklumat Geografi	Geographic Information System
GUO	Balai Cerap Bandar Global	Global Urban Observatory
HORAS	Sistem Pembesaran Luar Sungai Hibrid	Hybrid Off River Augmentation System
HSK	Hutan Simpan Kekal	Permanent Forest Reserve
HSR	Keretapi Berkelajuan Tinggi	High Speed Rail
HTMP	Pelan Induk Jejak Warisan	Heritage Trail Master Plan
IBS	Sistem Bangunan Berindustri	Industrialised Building System
ICT	Teknologi Komunikasi dan Maklumat	Communication and Information Technology

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
INSKEN	Institut Keusahawanan Negara	National Institute of Entrepreneurship
IKM	Institut Koperasi Malaysia	Malaysian Cooperative Institute
IKS	Industri Kecik Sederhana	Medium Small Industry
ITIS	Sistem Pengurusan Pengangkutan Pintar	Intelligent Transportation Management System
IoT	Internet Pelbagai Benda	Internet of Things
IPU	Indeks Pencemaran Udara	Air pollution index
Industri 4WRD	Dasar Industri 4.0 Kebangsaan	National Industry 4.0 Policy
IMUO	Balai Cerap Bandar Iskandar Malaysia	Iskandar Malaysia Urban Observatory
IP	Inovatif dan Produktif	Innovative and Productive
IP	Inisiatif Pelaksanaan	Implementation Initiative
IS	Inklusif dan Saksama	Inclusive and Fair
IUCN	Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar	International Union for Conservation of Nature
JBP	Jabatan Pengangkutan Bandar	Department of Urban Transport
JKTSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	Department of Manpower Peninsular Malaysia
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains	Department of Minerals and Geosciences
JAS	Jabatan Alam Sekitar	Environmental Department
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	Federal Territories Department of Islamic Religion
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara	National Department of Culture and Arts
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat	social welfare Department
JMM	Jabatan Meteorologi Malaysia	Department of Meteorology Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan	Department of Road Transport
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran	Department of Irrigation and Drainage
JPWKL	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Education Department of the Federal Territory of Kuala Lumpur
JWN	Jabatan Warisan Negara	National Heritage Department
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	valuation and Property Services Department
Ketsa	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	Ministry of Energy and Natural Resources
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar	gross domestic product
KL	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
KLCC	Pusat Bandaraya Kuala Lumpur	Kuala Lumpur City Centre
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	Kuala Lumpur International Airport
KLIA 2	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2	Kuala Lumpur International Airport 2

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
KLUO	Balai Cerap Bandar Kuala Lumpur	Kuala Lumpur Urban Observatory
KPSBM	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	Ministry Of Tourism, Arts And Culture Malaysia
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	Ministry Of Rural Development
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Ministry Of Housing And Local Governance
KRM	Kawasan Rizab Melayu	Malay Reserve Area
KLCAP	Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur	Kuala Lumpur Climate Action Plan
KWP	Kementerian Wilayah Persekutuan	Ministry Of Federal Territories
ktCO2eq	Kilo Tan Karbon Dioksida Setara	Kilo Tons Of Carbon Dioxide Equivalent
KTM	Keretapi Tanah Melayu	Malayan Railway
KTN	Kanun Tanah Negara	National Land Code
Ktoe	Kilo Ton setara minyak	Kilotonne Of Oil Equivalent
kWh	Kilowatt-jam	Kilowatt-hour
LRA	Loji Rawatan Air	Water Treatment Plant
LC	Perdagangan Tempatan	Local Trade
LA21	Agenda Tempatan 21	Local Agenda 21
LCCF	Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon	Low Carbon City Framework
LED	Diod pemancar cahaya	Light Emitting Diode
LEO	Pejabat Tenaga Rendah	Low Energy Office
LEZ	Zon Pelepasan Rendah Karbon	Low Emission Zone (Zon Pelepasan Rendah Karbon)
LRT	Transit Aliran Ringan	Light Rail Transit
LPPPIR	Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah	Household Income And Expenditure Survey Report
LUAS	Lembaga Urus Air Selangor	Selangor Water Management Board
MX	Pembangunan bercampur	Mix Development
M2	Meter Persegi	Square Meters
MARA	Majlis Amanah Rakyat	People's Trust Council
M40	Kumpulan pendapatan pertengahan 40%	Middle 40% income group
MAA	Persatuan Automotif Malaysia	Malaysian Automotive Association
MAS	Penempatan Pertanian Melayu	Malay Agricultural Settlement
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	Malaysia External Trade Development Corporation

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
Mbps	Megabit Sesaat	Megabits Per Second
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Petaling Jaya City Council
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam	Shah Alam City Council
MC	Mobiliti Cekap	Efficient Mobility
MEDEC	Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia	Malaysian Entrepreneur Development Center
MPFN	Majlis Perancangan Fizikal Negara	National Physical Planning Council
MPS	Majlis Perbandaran Selayang	Selayang City Council
MPAJ	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Ampang Jaya Municipal Council
MPKJ	Majlis Perbandaran Kajang	Kajang Municipal Council
MPK	Majlis Perbandaran Klang	Klang Municipal Council
MPKL	Majlis Perbandaran Kuala Langat	Kuala Langat Municipal Council
MPSepang	Majlis Perbandaran Sepang	Sepang Municipal Council
MESTECC	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	Ministry of Energy, Science, Technology. Environment and Climate Change
MICE	Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran	Meeting, Incentives, Conferences and Exhibitions
MIDA	Lembaga Penggalak Industri Malaysia	Malaysian Industry Promotion Board
MIGHT	Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia	Malaysian Industry - Government Group for high Technology
MNC	Syarikat Multinasional	Multinational Corporation
MOT	Kementerian Pengangkutan	Ministry of Transportation
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	Ministry of Science, Technology and Innovation
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	Ministry of Tourism, Arts and Culture
MRT	Transit Aliran Massa	Mass Rapid Transit)
MSC	Koridor Raya Multimedia	Multimedia Super Coridor
MSMA	Manual Saliran Mesra Alam	Environmentally Friendly Drainage Manual
MATIC	Pusat Pelancongan Malaysia	Malaysian Tourism Center
MTDC	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia	Malaysian Technology Development Corporation
MUO	Balai Cerap Bandar Malaysia	Malaysia Urban Observatory
MVEC	Pusat Pameran Mid Valley	Mid Valley Exhibition Centre
MW	Megawatt	Megawatt
MWh	Megawatt-jam	MegaWatt-hour
MWp	MegaWatt-peak	MegaWatt-peak
NAPIC	Pusat Maklumat Harta Tanah Negara	National property information centre

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
NEM	Pemeteran Tenaga Bersih	Pemeteran Tenaga Bersih
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan	Non-Governmental Organizations
NFCP	Gentian Kebangsaan Pelan Kesalinghubungan	National Fibersation on Connectivity Plan
NBS	Penyelesaian Berasaskan Alam Semula Jadi	Nature- Based Solution
NPE	Lebuhraya Pantai Baru	New Pantai Expressway
NPCC	Dasar Perubahan Iklim Negara	National Climate Change Policy
NZEB	Bangunan Tenaga Sifar Bersih	Net Zero Energy Building
nZEB	Bangunan Hampir Sifar Tenaga	Nearly Zero Energy Building
NRW	Kehilangan air tidak berhasil	Non-revenue Water
NUA	Agenda Perbandaran Baharu	New Urban Agenda
OKU	Orang Kelainan Upaya	Persons with disabilities
OSD	Penahanan Di Tapak	On-Site Detention
OUG	Taman Overseas Union	Overseas Union Garden
PA	Perumahan awam	Public housing
PASS	Perumahan Awam Sewa Bersubsidi	Subsidized Rental Public Housing
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu	United Nations
PBN	Pihak Berkuasa Negeri	State Authorities
PBRKL 2020	Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020	Kuala Lumpur City Plan 2020
PEERS	Rakan Kongsi Melibatkan dan Memperkasakan Orang yang Tidur Kasar	Partners Engaging and Empowering Rough Sleepers
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan	Poverty Line Income
PIMRK KL 2030	Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030	Kuala Lumpur Low Carbon Society Master Plan 2030
PKI	Penambahbaikan Kawasan Industri	Industrial Area Improvement
PKJ	Penambahbaikan Kawasan Kejiranan	Neighbourhood Improvement
PKK	Penambahbaikan Kawasan Komersil	Commercial Area Improvement
PKK	Pengurusan Kawasan Khas	Special Area Management
PKNS	Perbadanan kemajuan Negeri Selangor	Selangor State Development Corporation
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan	Movement Control Order
PMB	Prasarana Malaysia Berhad	Infrastructure Malaysia Berhad
PMD	Alat Mobiliti Peribadi	Personal Mobility Devices
PNSB	Permodalan Negeri Selangor Berhad	Selangor State Capital Berhad

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
PPAM	Perumahan Penjawat Awam Malaysia	Malaysian Civil Servant Housing
PPB	Pelan Pengurusan Bandar	City Management Plan
PPJ	Perbadanan Putrajaya	Putrajaya Corporation
PPK	Program Penambahbaikan Kawasan	Area Improvement Program
PKK	Pengurusan Kawasan Khas	Special Area Management
PPN	Pelan Pemulihan Negara	National Recovery Plan
PPS	Pelan Pengurusan Spatial	Spatial Management Plan
PPR	Program Perumahan Rakyat	People's Housing Program
PR	Pintar Iklim dan Rendah Karbon	Climate Smart and Low Carbon
PRIMA	Perumahan Rakyat 1Malaysia	1Malaysia People's Housing
PSKL2020	Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020	Kuala Lumpur Structure Plan 2020
PSKL2040	Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040	Kuala Lumpur Structure Plan 2040
PSKL2050	Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050	Kuala Lumpur Climate Action Plan 2050
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
PV	FotoVolta	PhotoVolta
PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra	Putra World Trade Centre
P2P	Rakan kepada Rakan Sebaya	Peer to Peer
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan	Local authority
PPN	Pelan Pemulihan Negara	National Recovery Plan
PIJWKL	Pelan Induk Jejak Warisan Kuala Lumpur	Kuala Lumpur Heritage Trail Master Plan
PKPR	Pejabat Kecil Pejabat Rumah	Small Office Home Office
PTKL2040	Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040	Kuala Lumpur Local Plan 2040
PSG	Pusat Sementara Gelandangan	Homeless Temporary Center
R&D	Penyelidikan dan pembangunan	Research and Development
REHDA	Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan	Real Estate and Housing Developer's Association
Residensi Wilayah	Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan	Federal Territories Affordable Homes
RFID	Peranti Pengenalan Frekuensi Radio	Radio Frequency Identification Device
RFN	Rancangan Fizikal Negara	National Physical Plan
RFN4	Rancangan Fizikal Negara Keempat	Fourth National Physical Plan
RMK12	Rancangan Malaysia ke-12	12th Malaysia Plan
RoL	Sungai Nadi Kehidupan	River of Life
RSTP	Loji Rawatan Kumbahan Serantau	Regional Sewage Treatment Plant

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
RTB	Rancangan Tebatan Banjir	Flood Mitigation Plan
RTM	Radio dan Televisyen Malaysia	Radio and Television Malaysia
RUC	Mengecas Pengguna Jalan Raya	Road User Charging
RUMAWIP	Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan	Federal Territories Affordable Homes
SIA	Penilaian Impak Sosial	Social Impact Asessment
ST	Suruhanjaya Tenaga	Energy Commission
SAIDI	Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem	System Average Interruption Duration Index
SAM	Kawasan Pengurusan Khas	Special Area Management
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan	Sustainable Development Goals
SEDA	Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari	Sustainable Energy Development Authority
SESB	*Sabah Electricity Sdn. Bhd*	Sabah Electricity Sdn. Bhd
SIRIM	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia	Malaysian Institute of Standards and Industrial Research
SKM	Suruhanjaya Koperasi	Cooperative Commission
SMART	Pengurusan Air Ribut dan Terowong Jalan	Stormwater Management and Road Tunnel
SOHO	Pejabat Kecil Rumah Pejabat	Small Office Home Office
SOV	Penggunaan Kenderaan Persendirian	Use of Private Vehicles
SP	Strategi Perancangan	Planning Strategy
SPAH	Sistem Penuaian Air Hujan	Rainwater Harvesting System
SUDS	Sistem Saliran Bandar Mampan	Sustainable Drainage Systems
SV	Sihat dan Vibran	Healthy and Vibrant
Jalan TAR	Jalan Tuanku Abdul Rahman	Tuanku Abdul Rahman Street
tc02EQ tan	Karbon Dioksida setara	Carbon Dioxide equivalent
TIA	Penilaian Impak Lalulintas	Traffic Impact Asessment
TM	Telekom Malaysia	Telekom Malaysia
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga	Business Group Economic Fund
TDR	Pemindahan Hak Pembangunan	Transfer of Development Rights
TLK	Tempat Letak Kereta	Parking lot
TLM	Tempat Letak Motosikal	Motorcycle Parking
TAZ	Zon Aktiviti Lalu Lintas	Traffic Activity Zone
T20	Kumpulan berpendapatan Atas 20%	Top 20% income group
TPZ	Zon Perancangan Transit	Transit Planning Zone

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS
Residensi Wilayah	Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan	Federal Territories Affordable Homes
TAPS	Takungan Air Pinggiran Sungai	Riverside Water Reservoir
TNB	Tenaga Nasional Berhad	Tenaga Nasional Berhad
TOD	Pembangunan Berorientasikan Transit	Transit- oriented development
TPO	Perintah Pemeliharaan Pokok	Tree Preservation Order
TRX	*Tun Razak Exchange*	Tun Razak Exchange
TTDI	Taman Tun Dr. Ismail	Taman Tun Dr. Ismail
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia	Royal Malaysian Airforce
UAV	Dron	Unmaned Aerial Vehicle
UDA	Perbadanan Pembangunan Bandar	Urban Development Corporation
UDGKL	Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Pusat Bandaraya Kuala Lumpur	Urban Design Guidelines Kuala Lumpur City Centre
UFC	Hutan Komuniti Bandar	Urban Community Forest
UHI	Pulau Haba Bandar	Urban Heat Island
UKAS	Unit Kerjasama Awam Swasta	Public Private Cooperation Unit
UNCRPD	Agenda Konvensyen Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya	Agenda United Convention on the Right of Person with Disabilities
UNFCCC	Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu	United Nations Framework Convention on Climate Change
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu	The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
USM	Universiti Sains Malaysia	University of Science Malaysia
UTC	Pusat Transformasi Bandar	Urban Transformation Centre
VOC	Sebatian Organik Meruap	Volatile Organic Compound
VMS	Sistem Informasi Perjalanan	Travel Information System
VMT	Batu Kenderaan Dilalui	Vehicle Miles Travelled
WKN	Wilayah Konurbasi Nasional	National Concubine Region
WKB2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030	Shared Prosperity Vision 2030
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Kuala Lumpur City Centre
WSUD	Reka Bentuk Bandar Sensitif Air	Water Sensitive Urban Design
WSD	Peranti Penjimatan Air	Water Saving Device
WHO	Pertubuhan Kesihatan Dunia	World Health Organization
YUPPIES	Profesional Muda Bandar	Young Urban Professionals
ZEB	Bangunan Sifar Tenaga	Zero Energy Building



DRAF PTKL2040